
PAGAR
—BUKAN—
PENJARA

Kumpulan Cerpen 1947-1968

HAMZAH HUSSIN

PAGAR —BUKAN— PENJARA

Kumpulan Cerpen 1947-1968

HAMZAH HUSSIN

Penyelenggara

OTHMAN PUTEH

Dewan Bahasa dan Pustaka

Kuala Lumpur

1996

Cetakan Pertama 1996

© Karya Hamzah Hussein; Penyelenggara Othman Puteh 1996

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-
Penerbitan

Hamzah Hussein

Pagar bukan penjara : (kumpulan cerpen 1947-1968)

Hamzah Hussein / penyelenggara Othman Puteh.

ISBN 983-62-5333-5

1. Hamzah Hussein-Authorship. 2. Short stories, Malay.

3. Malay fictions. I. Othman Puteh, 1944

II. Judul.

899.2333

M

899-2333

HAM

Dicetak oleh

Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka

Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS

Ampang/Hulu Kelang

Selangor Darul Ehsan

M

1165237

118 JAN 2005

Perpustakaan Negara
Malaysia

Kandungan

Prakata

xv

Seulas Pinang

xvii

Pengantar

xix

Pengkhianat Bangsa

1

Semangat Puteri Islam

4

Di Antara Dua Agama

6

Surat dari dan kepada Kekasih

10

Sipah

14

Pena Merdeka

20

Pengakuan di Hari Raya
26

Benteng Melaka
33

Korban
43

Kisah Tiga Orang Gadis
49

Pembela Bangsa
55

Tun Perak Pahlawan Melaka
61

Kanan dan Kiri
64

Maznah
69

Asriah, Bintang Filem
78

Ina
83

Nasib Seorang Seniwati
86

Dua Janda
94

Tiang Salib di Dada
98

Sapu Tangan
107

Roboh Rebah Berhala-berhala
112

Mee Lia
117

Mutiara Hidup
123

Guru Agama Muda
128

Untuk Masyarakat
135

Pembunuhan di Malam Hari Raya
139

Imamku
145

Korbanku di Hari Raya Haji
153

Korban Mengatasi Korban
157

Angin Buta
162

Hamba Seni
171

Harapan
177

Kekuasaan dan Kekuatan

183

Gelombang Fikiran

190

Sebuah Kampung

196

Ayat

203

Anak Baru Lahir

207

Buku

212

Pertemuan Pertama

219

Vandalist

224

Sepatah Perkataan yang Berpengaruh

230

Orang Tua dan Mimpi

235

Hari Raya

243

Pertemuan di Jalan Raya

247

Suami

253

Keluarga Cik Man	259
Gelang Kaki	265
Masuk Peraduan Bersyarah	269
Sharifah	275
Pagar Bukan Penjara	281
Jiwa Seorang Pengarang	285
Kalau Kau Kebulur	289
Laga Ayam	293
Jepun	298
Orang Gila	308
Berkenal dengan Kemiskinan	312
Menyatakan Erti Korban	315
Enjut-enjut Semut, Siapa Sakit Naik Atas	317

Berhari Raya dengan Motokar Tuan
321

Pengantin Budak
325

Menanti Ketukan Pintu
330

Perempuan Gusti
334

Fatimah Kahwin
339

Hendak ke Mana Fatimah
345

Di Kaki Tangga Keramat
349

Tuk Mat Menjadi Demang
356

Fatimah Sebagai Isteri
364

Bermain Api
368

Surat 1953
373

Falsafah Ayam
380

Bayangan dalam Gelap
388

KANDUNGAN

Ribut
398

Lamaran Pertama
406

Zakat
409

Dara Janda
414

Surat Yengki
418

Surat
421

Rambut Panjang
427

Sesudah Sembilan Tahun
430

Majid Kahwin
435

Sampan Hanyut ke Batu Karang
438

Dia dan Alnon
443

Cerita-cerita di Belakang Pelamin
449

Coretan dari Tanah Mati
454

KANDUNGAN

Azan
458

Inilah Semalam
493

Hujan
496

Surat ke Kampung
502

Bukan Mainan
507

Harapan Baru
515

Kisah di Tepi Mata
519

Cinta di Sebuah Kampung
526

Rantai Bahagia
530

Miskin
533

Culik
538

Cita-cita
544

Anak Darurat
552

Lorong Saya
560

Obor Cita-cita Terus Menyala
575

Sebuah Rumah di Pinggir Laut
581

Dua Budak Lima Mayat
588

Kedai Kopi Pak Man
594

Mr. White Penuh dengan Senyum
599

Biar Langit Runtuh
607

Koktel Parti
614

Rumah Batu Hati Batu
621

Aku Tidak Peduli
627

Dua Wanita
635

Jambatan Patah
640

Pak Pak Lang
647

Tasik Dayang Bunting
655

Dia Ingin Beranak
668

Hidup Lebih Buruk
678

Anak-anak Sedang Bermain
685

Seorang Sundal di Saigon
692

Syarifah Zainab
699

Meriam
706

Prakata

HAMZAH merupakan cerpenis dan novelis yang penting dalam era pasca Perang Dunia Kedua, khususnya pada zaman kegemilangan Angkatan Sasterawan 50 yang beroperasi di Singapura. Beliau juga terkenal sebagai wartawan dan tokoh fileman Melayu, dan pada tahun 1950-an dahulu pernah mencetuskan pemikiran yang penuh kontroversi berhubung dengan konsep 'Seni untuk Seni' yang kemudiannya menjadi polemik yang agak panjang di kalangan anggota ASAS 50 sendiri.

Polemik 'Seni untuk Seni' dan 'Seni untuk Masyarakat' yang hangat itu menghidupkan suasana dunia kesusasteraan Melayu, sesungguhnya merupakan suatu hikmah; malah sebagai aset yang bernilai dalam khazanah kesusasteraan itu sendiri. Ia harus dilihat dan ditelusuri secara positif dan penuh dengan keterbukaan sikap bagaimana pejuang-pejuang bahasa dan kesusasteraan pada era tersebut memperjuangkan keyakinan diri dan tenaga fikir mereka dalam usaha dan upaya mengangkat martabat dan marwah kesusasteraan Melayu.

Hamzah sendiri dengan keyakinan pegangan konsep 'Seni untuk Seni' yang diperjuangkan itu memperlihatkan wujudnya pemikiran yang tidak sehala, malah rencam pelbagai bagi memberikan

corak warna kelainan dalam perkembangan sastera Melayu.

Sesungguhnya peranan dan sumbangan Hamzah tidak sedikit dan cukup bermakna dalam dunia kesusasteraan bangsa kita. Menyedari akan keistimewaan inilah maka Dewan Bahasa dan Pustaka berasa amat wajar menerbitkan kumpulan cerpen beliau yang berjudul *Pagar Bukan Penjara*.

Mudah-mudahan kumpulan cerpen Hamzah yang diusahakan penyelenggaraannya oleh Prof. Madya Dr. Othman Puteh ini akan menjadi satu aset himpunan dokumentasi yang bermanfaat, terutama kepada mereka yang terlibat secara langsung dalam dunia kesusasteraan Melayu, di samping menjadi tatapan penghayatan khalayak pembaca seluruhnya untuk menyaksikan jalur dan wacana pemikiran sastera bangsa Melayu.

Haji A. Aziz Deraman
Ketua Pengarah
Dewan Bahasa dan Pustaka
10 April 1996

Seulas Pinang

TERBITNYA kumpulan cerpen *Pagar Bukan Penjara ini*, sebenarnya melibatkan banyak personaliti yang memiliki kepekaan dan keprihatinan terhadap bidang kesusasteraan Melayu, khususnya dalam genre cereka cerpen. Saya menyedari sungguh betapa kerja-kerja menyempurnakan penyelenggaraan buku seperti ini memang banyak kesukaran dan hambatannya, mengambil waktu yang tidak sedikit; di samping menuntut ketekunan yang berterusan seperti yang dimiliki pada peribadi peneliti Prof. Madya Dr. Othman Puteh.

Kepada institusi bahasa dan sastera Dewan Bahasa dan Pustaka yang merestui penerbitan kembali sebahagian daripada cerpen saya dari tahun 1947-1968; saya rakamkan ucapan terima kasih. Ucapan terima kasih juga saya sampaikan kepada editor buku ini, Sdr. Mohamad Yussop Ishak yang banyak memberikan kerjasama; pereka bentuk yang kreatif, Sdr. Mazlan Nor, dan jurufoto, Sdr. Adnan Abd. Jamil.

Kumpulan cerpen ini diharapkan dapat dimanfaatkan sebagai bahan kajian dan dokumentasi sastera bangsa kita, terutamanya untuk melihat satu daripada aspek perjuangan golongan wartawan-sasterawan dalam dekad atau era tertentu. Perjuangan

itu bukan sahaja memperlihatkan keyakinan diri dan pandangan seseorang dalam aliran yang diperjuangkan tetapi juga berusaha menampilkan pelbagai ragam kehidupan sezaman dengan sikap keterbukaannya pula. Semoga ia memberikan manfaat kepada semua khalayak, pengarang, dan pengkaji kesusasteraan Melayu.

Hamzah Abdul Majid bin Hussin

Ampang

26 Mac 1996

Pengantar

I

HASRAT untuk menghayati dengan wajar, meneliti dan menilai dengan saksama mungkin terhadap karya-karya cereka Hamzah; seorang daripada pengasas organisasi kesusasteraan Angkatan Sasterawan 50 (ASAS 50), khususnya genre cerpen; bercambah agak subur dan menunjang kukuh semenjak saya memulakan penyelidikan dan kajian terhadap cerpen-cerpen Melayu selepas Perang Dunia Kedua. Kajian yang mengambil skop batasan zaman antara 1945-1969 itu bermula pada tahun 1978. Justeru penelitian yang dilaksanakan pada peringkat sarjana itu didasarkan pada cerpen-cerpen yang dihimpun dalam bentuk buku – kumpulan dan antologi – dan bukannya daripada sumber utama media cetak suratkhbar dan majalah (Othman Puteh, 1983, 1994); maka saya hanya berkesempatan meneliti sebelas buah karya cerpen Hamzah. Sembilan daripadanya terkumpul dalam *Sengketa* (1965), dan dua buah cerpen lagi termuat dalam antologi *Pertentangan* (Omar Mohd. Hashim (peny.) 1968; 185-195).

Sesungguhnya, cerpen-cerpen Hamzah itu pernah dibaca dalam majalah *Mutiara* dan *Hiburan*,

pada dekad 1950-an dan awal dekad 1960-an, di samping yang tersiar dalam akhbar *Utusan Zaman* dan *Berita Minggu*, pada tahun-tahun 1960-an. Banyak juga artikel dan atau esei yang membicarakan tentang Hamzah, terutama polemiknya dengan Asraf yang berhubungan dengan konsep "Seni untuk Masyarakat" dan "Seni untuk Seni".

Daripada hakikat sejarah perkembangan cerpen, khususnya selepas Perang Pasifik; Hamzah merupakan seorang daripada persona dalam jagat kesusasteraan Melayu yang tidak kurang pentingnya dalam genre penulisan cerpen, apatah lagi jika dibandingkan dengan penglibatan pengarang sezaman dengannya seperti Keris Mas, A. Samad Ismail, Awam il-Sarkam, Mas, Masuri S.N., dan Jymy Asmara.

Peri pentingnya Hamzah sebagai cerpenis zamannya dapat ditelusuri daripada beberapa aspek yang saling berkaitan dan memiliki relevansinya yang tersendiri. Antaranya yang wajar diberikan perhatian ialah, pertama; Hamzah merupakan pengarang cerpen selepas Perang Pasifik yang produktif menulis dalam tiga dekad secara konsisten dan berkesinambungan, iaitu berawal mula dari tahun 1947 hingga ke tahun 1968, walaupun karya-karya Hamzah pernah untuk beberapa waktu tidak muncul dalam akhbar dan majalah yang dipengaruhi oleh tokoh-tokoh ASAS 50 (Adi Mas; 'Prakata' *Sengketa*, 1965: viii).

Kedua, dalam dekad 1950-an sahaja, Hamzah menghasilkan sebanyak 200 buah cerpen (Pauzi Mohammed, 1991: iii) dan menurut pengakuan Hamzah sendiri (wawancara dengan beliau sebagai Karawan Tamu ATMA, UKM, pada September 1994), sejak dahulu beliau telah menulis tidak kurang daripada 300 buah cerpen yang tersiar dalam pelbagai media cetak, dan antara yang wajar disenaraikan ialah *Mutiara*, *Hiburan*, *Mastika*, *Cerita*, *Belia*, *Utusan*

Zaman, Fashion, Kisah, Nirmala, Ibu Melayu, Puteri Melayu, Berita Minggu, dan Mingguan Malaysia.

Ketiga, Hamzah merupakan pengasas Angkatan Sasterawan 50 (ASAS 50) dan menjadi Setiausaha yang pertama sewaktu penubuhannya pada 6 Ogos 1950, di Singapura, dan dialah yang memperjuangkan konsep "Seni untuk Seni".

Hakikat ini pula - keproduktifan, kuantiti cerpen yang relatif besar dan ketenarannya dalam polemik dengan Asraf - ternyata semacam tidak merupakan aset ampuh untuk merangsang para pengkaji dan para sarjana untuk meneliti sumbangan Hamzah dalam jagat kesusasteraan. Yang ketara, amat kurang sekali kajian dan penyelidikan yang terinci dan wajar dilaksanakan, terhadap Hamzah, terutama dalam genre cerpen; apatah lagi sesudah berlangsungnya polemik kesusasteraan tentang konsep "Seni untuk Masyarakat" dan "Seni untuk Seni" dalam tahun-tahun 1951-1953. Kehadiran dan sumbangan Hamzah bagaikan terpinggir dan dilupakan, malah, justeru wujudnya semacam kecenderungan ke arah peminggiran akibat polemik itu.

Sewaktu dalam proses menyelenggarakan cerpen-cerpen Sasterawan Negara A. Samad Said, *Hati Muda Bulan Muda* (1993, 1994), saya mula memikirkan kerasionalan, kewajaran dan kebijaksanaan untuk menyelenggarakan cerpen-cerpen Hamzah. Justeru, faktor-faktor di ataslah yang merupakan premis awal dan ia bagaikan suatu motivasi, lantas bermula dari bulan September 1993; dimulakan kerja mengumpul data dan atau maklumat tentang cerpen-cerpen Hamzah yang bertebaran mengisi ruang akhbar dan majalah tempatan.

Penyelenggaraan kumpulan cerpen Hamzah dalam *Pagar Bukan Penjara* ini diharapkan menjadi bahan dokumentasi yang berharga dan penting; di

samping memungkinkan khalayak pembaca dan para pengkaji ikut meneliti, menghayati dan memberi penilaian atau kesan tanggapan peribadi sendiri terhadap sumbangan Hamzah dalam jagat kesusasteraan. Hamzah, sebagai pengarang ASAS 50 ingin membuat/membawa perubahan dalam berkarya. Beliau mahukan kebebasan dalam mencipta dan pernah menyatakan betapa "... orang yang mengatakan bahawa aliran kesusasteraan mengikut lunas yang suatu sahaja maka anggaplah orang itu sebagai insan yang tidak percaya adanya perubahan yang dibawa zaman...." dan tentang pendirian kesusasteraannya. Hamzah menegaskan "... di dalam hal fahaman saya 'Seni untuk Seni' saya menjawab dengan ringkas: 'Seni untuk Masyarakat' kedua-duanya sastera, kedua-duanya mungkin berjasa." (*Hiburan*, 30 Disember 1950:22).

II

Pada era awal penulisan, Hamzah merupakan seorang muda yang aktif, produktif dan prolifik serta dapat disainggandingkan dengan cerpenis Keris Mas yang menulis hampir sezaman, iaitu selepas tamatnya Perang Pasifik. Jika Keris Mas berupaya menghasilkan 43 buah cerpen sejak tahun 1946-1949. Hamzah pula diyakini menghasilkan jumlah cerpen yang agak banyak juga dan setakat yang ditemukan kini, dari Januari 1947-Disember 1949, Hamzah menghasilkan 30 buah cerpen dan ini bererti beliau menghasilkan satu cerpen bagi setiap bulan selama tiga tahun. Dan keproduktifannya ternyata amat menyerlah dalam dekad 1950-an sebab dalam tempoh tujuh tahun beliau menghasilkan 68 buah cerpen.

Pengarang yang amat produktif ini sebenarnya adalah seorang pengasas ASAS 50 yang menjawat

jawatan Setiausaha yang pertama. Nama Hamzah melejit, terutamanya dalam tahun-tahun awal 1950-an apabila teretusnya polemik antara beliau dengan sekumpulan anggota ASAS 50 yang berkaitan dengan konsep kesusasteraan. Dalam keyakinan Hamzah terhadap konsep "Seni untuk Seni", dia berjuang habis-habisan menentang konsep "Seni untuk Masyarakat" yang propaganda sifatnya, yang mengekang kebebasan pengucapan pengarang yang punya tendensi yang menyebabkan, kemudiannya Hamzah mengundurkan diri dari ASAS 50 lalu menubuhkan Persatuan Angkatan Persuratan Melayu Baru (PAPBM) pada 17 April 1954.

Pengarang Hamzah @ Hamzah Abdul Majid bin Hussin lahir di Kandahar Street, Singapura pada 27 Julai 1927; berpendidikan Melayu, Inggeris, dan agama Islam. Dalam jagat kepengarangannya, Hamzah terkenal dalam genre prosa iaitu cerpen dan novel. Pembacaannya luas, tidak sahaja terhadap karya-karya pengarang tempatan seperti karya-karya A. Rahim Kajai, Shamsuddin Salleh, dan Abdullah Sidek, tetapi menjangkau daerah Nusantara dengan menghayati karya Hamka dan melewati dunia Melayu untuk memasuki kawasan Barat-Eropah yang memungkinkan beliau berkesempatan menghayati karya-karya John Steinback, Anton P. Chekov, Maxim Gorky, Pearl S. Buck, dan Enerst Hemingway.

Sesungguhnya kegiatan awal Hamzah dalam jagat kesusasteraan ialah genre cerpen yang dijadikan bahan perbincangan ini. Cerpen Hamzah yang pertama ialah "Pengkhianat Bangsa" (*Hiburan*, 1 Januari 1947), dan bukannya cerpen "Bilik Nombor 14" (24 Oktober 1948). A. Samad Said menyatakan inilah cerpen awal Hamzah (1989:83) seperti yang didakwa oleh Wan Shamsuddin M. Yusof (*Sejarah*

Sastera Melayu Moden Sesudah 1800, 1984) dan bukan juga cerpen detektif yang bertajuk "Pembunuhan dalam Studio" (*Filem Melayu*, 1948) seperti dakwaan Pauzi Mohammed (1991:32).

Keproduktifan Hamzah menulis cerpen dalam kadar jumlah yang agak besar dan dalam tahun-tahun 1951-1953 tercetusnya polemik "Seni untuk Seni" dan "Seni untuk Masyarakat" antaranya dengan Asraf, di samping terpilih dua tahun berturut-turut sebagai 'Pengarang Pujaan' majalah *Mutiara* menyebabkan nama Hamzah melejit memperoleh publisiti. Pemilihannya sehingga memperoleh gelar 'Pengarang Pujaan' itu, menurut pengakuan Hamzah sendiri ada kaitannya dengan kecenderungan beliau memaparkan persoalan hidup wanita yang merupakan golongan pembaca terbesar ketika itu (Pauzi Mohammed, 1991:340).

Berdasarkan cerpen-cerpen Hamzah yang sempat diteliti, terbukti pengarang yang berkeyakinan dengan konsep "Seni untuk Seni" ini banyak menampilkan jalur pemikirannya dan memberi tanggapan tafsiran terhadap realiti objektif zamannya, terutama hal-hal yang berkaitan dengan semangat perjuangan kebangsaan atau nasionalisme, pengaruh pemodenan Barat dalam hubungannya dengan gejala sosial masyarakat Melayu, jagat sosial di kalangan anak muda, unsur-unsur keislaman, gejala kemiskinan dan pelbagai ragi kehidupan harian yang ditemukan.

Penting ditegaskan betapa pada Hamzah sendiri, konsep "Seni untuk Seni" itu merujuk kepada keindahan/estetika karya sastera yang berupaya memberikan kepuasan kepada pengarang dan khalayak pembaca justeru seni itu lahir dari dalam jiwa pengarang kreatif itu sendiri dan ini menyerlah dan wajar ditelusuri dari aspek jalan cerita, perwatakan, dan gaya bahasa. Bagi Hamzah, konsep itu dicetus-

kan sebagai suatu helah atau strategi sebab ketika itu terlihat kecenderungan segolongan pengarang yang berusaha mengheret kesusasteraan Melayu ke arah suatu ideologi atau fahaman politik, menjurus ke suatu matlamat yang berteraskan konsep "Seni untuk Masyarakat" yang punya motif untuk menyedarkan masyarakat kelas bawahan terutamanya. Justeru itu, untuk terus dengan perjuangan *freedom of expression* sebagai dasar hakiki penubuhan ASAS 50, Hamzah mencetuskan satu pemikiran yang lebih bebas daripada sebarang belengguan ideologi dan atau fahaman politik. Pengarang harus punya kebebasan dalam mencipta karyanya, bebas mengeluarkan pendapat dan pandangannya melalui karya dan ini bakal menentukan penghasilan karya yang bermutu, apatah lagi seandainya dorongan penciptaan itu tersalur wajar dari dalam diri dan bukan merupakan paksaan dan atau ragi kerangka yang ditentukan.

III

Dalam tempoh waktu selama 22 tahun, iaitu dari tahun 1947-1968, Hamzah menyatakan beliau telah menghasilkan tidak kurang 300 buah cerpen. Bagaimanapun, dalam usaha dan upaya menyelenggara kumpulan cerpen *Pagar Bukan Penjara* ini, saya baru menemukan sejumlah 116 buah cerpen Hamzah. Walaupun jumlah ini tidak mencecah separuh daripada jumlah keseluruhan yang didakwa itu, namun ia diyakini amat berupaya memberikan dan menyerlahkan malah; jalur pemikiran, tanggapan, dan tafsiran Hamzah terhadap realiti objektif dan pelbagai kerencaman fenomena sosial menerusi cerpen-cerpennya. Berikut ini diperturunkan jumlah

116 buah cerpen berdasarkan pecahan agihan dekadnya:

- 30 buah cerpen dalam dekad 1940-an, selama 3 tahun tahun 1947-1949.
- 68 buah cerpen dalam dekad 1950-an, selama 7 tahun tahun 1950-1956; dan
- 18 buah cerpen dalam dekad 1960-an, selama 5 tahun tahun 1964-1968.

Buat sementara ini, dapat disaksikan wujudnya keterputusan mata rantai waktu penulisan selama 7 tahun iaitu dari 1956-1964 - Hamzah tidak mencipta sebarang karya kreatif genre cerpen. Namun, yang menarik ditelusuri pada tahap awal penglibatan Hamzah dalam dunia pencerpenan ialah tentang keprihatinan dan kepekaan pengarang dengan pergolakan semasa di tanah air selepas Jepun tewas dalam Perang Pasifik. Beriringan dengan gelombang yang wujud dalam realiti masyarakat, Hamzah menampilkan sesuatu yang amat signifikan kepada masyarakatnya dalam usaha dan upaya untuk memahami kehidupan dan insan yang direlasikan dengan suatu latar politik, khususnya dalam gelombang kebangkitan nasionalisme Melayu di Malaya.

Dalam hal ini, 12 daripada 30 buah cerpennya yang terhasil dalam dekad terakhir 1940-an itu membicarakan tentang sisi sosiologi yang berkaitan langsung dengan nasionalisme Melayu. Diakui, memang; betapa walaupun Hamzah belum menyerlahkan perbincangan dan tafsiran yang berat dan atau serius terhadap pergolakan politik tanah air seperti yang ditemukan pada cerpen Keris Mas umpamanya; namun terbersit bibit-bibit yang menarik dan wujudnya keprihatinan yang positif ke arah pembicaraan yang jelas dan berani menyatakan sikap sebagai

suatu cara gaya mengungkapkan pemikiran. Menerusi cerpennya yang terawal. "Pengkhiran Bangsa" (*Hiburan*, 1 Januari 1947), pengarang majalah mencatatkan kata-kata iringan yang demikian:

Cerita rekaan pendek ini akan memuassakan hati jiwa raga pemuda-pemudi yang sedang berjuang kerana menegakkan kemuliaan bangsa dan negara.

Cerpen "Pengkhiran Bangsa" mengemukakan sikap pengorbanan dan tekad perjuangan muda-mudi sezaman, yang diwakili Hasnah dan Kamaruddin, yang sedar akan tanggungjawab terhadap perjuangan kemerdekaan dan meletakkan persoalan kepentingan diri dan emosi (cinta) pada tahap yang lebih bawah berbanding persoalan bangsa dan negara.

Perjuangan yang meluapkan semangat nasionalisme itu diteruskan dengan berani dan yakin diri sehingga Kamaruddin sebagai Yang Dipertua Persatuan Pemuda Pembela ditahan oleh pemerintah/penjajah kerana pidatonya yang bersemangat. Begitupun, kegagalan Mac Michael dengan gagasan Malayan Unionnya memungkinkan Kamaruddin dibebaskan, dan dia kembali ke pangkuan isterinya, Hasnah; ke pangkuan masyarakat dan persatuannya untuk terus berjuang. Hal ini dipaparkan dalam tiga pucuk surat menerusi cerpen Hamzah yang berjudul "Pembela Bangsa" (*Hiburan*, 15 Januari 1948).

Semangat perjuangan yang bernafaskan nasionalisme ditampilkan dalam kebanyakan cerpen Hamzah dalam dekad ini baik sebagai teras cerita mahupun melalui penyisipan dalam melewati rutin kehidupan harian watak-watak seperti penulis/wartawan, pejuang peringkat tempatan, suami dan individu-individu yang menyedari amat betapa kehidupan

yang lebih bermakna harus diisi dengan perjuangan yang bermanfaat dan perjuangan melawan kekejaman serta kezaliman penjajah fasis Jepun. Di antara cerpen-cerpen yang mengangkat penyaluran persoalan itu ialah "Pena Merdeka" (*Hiburan*, 15 Ogos 1947), "Pengakuan di Hari Raya" (*Hiburan*, 1 September 1947), "Korban" (*Hiburan*, 1 November 1947), "Kanan dan Kiri" (*Hiburan*, 15 Jun 1948), dan "Ina" (*Hiburan*, 28 Ogos 1948).

Berkait rapat dengan gagasan perjuangan mempertahankan hak dan marwah serta semangat nasionalisme itu, ada pula kecenderungan Hamzah kembali ke zaman bahari dengan memanfaatkan bahan-bahan dari sejarah Islam dan historiografi Melayu seperti yang terungkap dalam *magnum opus Sejarah Melayu* untuk dijadikan bahan cerpen-cerpennya. Umpamanya, kegigihan Siti Safiah, pada zaman Nabi berjuang menentang musuh kafir Yahudi di medan tempur sesudah Hamzah tewas, dan ini dapat ditelusuri menerusi cerpennya "Semangat Puteri Islam" (*Ibu Melayu*, Januari 1947). Sementara tentang semangat perjuangan pembesar-pembesar negeri dan rakyat Melaka melawan penjajah Portugis dan Siam digambarkan melalui cerpen "Benteng Melaka" (*Hiburan*, 15 Oktober 1947), dan cerpen "Tun Perak Pahlawan Melaka" (*Hiburan*, 1 Mac 1948).

Dalam dekad ini juga ditemukan dua hal yang agak menarik pada cerpen-cerpen Hamzah. Pertama, wujudnya kecenderungan membicarakan hal-hal kehidupan insan yang berkaitan dengan agama Islam dan cabaran pengaruh persekitaran serta Barat (= Kristian) di kalangan anggota masyarakat yang baru terlepas daripada kancas perang. Cerpen "Roboh Rebah Berhala-berhala" (*Hiburan*, 12 Februari 1949) umpamanya, memaparkan kehidupan zaman gelap, zaman jahiliah menjelang munculnya zaman

Islam. Sementara akibat pergaulan bebas yang membelakangi norma hidup, agama Islam dan tohmahan dipaparkan melalui cerpen-cerpen "Di Antara Dua Agama" (*Hiburan*, 15 Mac 1947) dan "Maznah" (*Hiburan* 31 Julai 1947). Sedangkan pemaparan ajaran Islam yang murni, yang menjurus ke jalan lurus dinukilkan dalam cerpen "Tiang Salib di Dada" (*Mutiara*, 1 Februari 1949). "Mee Lia" (*Mutiara*, 1 April 1949) dan "Guru Agama Muda" (*Mutiara*, 1 Jun 1949). Banyak sekali cabaran yang dihadapi oleh protagonis dalam cerpen-cerpen yang bernafaskan Islam itu, seperti banyaknya persoalan sosial yang ditemukan pada cerpen-cerpen Hamzah; terutamanya yang melibatkan persona dalam dunia hiburan, *celebrity* seperti "Asriah, Bintang Filem" (*Hiburan*, 7 Ogos 1948), "Nasib Seorang Seniwati" (*Mutiara*, November 1948).

Dalam dekad 1950-an, dan sesudah terbentuknya pertubuhan Angkatan Sasterawan 50, sesungguhnya merupakan suatu era yang cukup signifikan dalam menyerlahkan satu jalur perkembangan sastera yang komited, yang lantang nada protes sosialnya, terutama wujudnya semacam ideologi yang menjadi pegangan keyakinan pada banyak pemimpin, dan atau anggota ASAS 50 dengan konsep "Seni untuk Masyarakat"nya. Dan, apakalā teretusnya pertelingkahan pendapat antara golongan penganut konsep "Seni untuk Masyarakat" yang diketuai Asraf dengan golongan penganut "Seni untuk Seni" yang dipelopori Hamzah, maka terserlah pula dua jalur yang saling bertentangan yang sebenarnya saling mengisi untuk menyempurnakan lagi warna-warna dalam khazanah kesusasteraan Melayu. Bagaimanapun, dari satu hakikat sejarah, karya-karya Hamzah hanyalah kononnya beraliran "Seni untuk Seni" dan tidak dikategorikan sebagai karya dalam kategori

"Seni untuk Masyarakat" seperti pada karya anggota ASAS 50 yang lain. Dari satu sisi pernyataan ini amat 'bias', sempit dan tidak wajar berterusan apatah lagi untuk melihat dan atau menilai dengan mata dacing yang lebih adil, wajar dan saksama. Justeru itu wujud semacam klise dan atau stereotaip dalam jagat perkembangan sastera Melayu - betapa pengarang Hamzah cuma pengkarya beraliran "Seni untuk Seni" seperti dakwaan Hamzah sendiri, dan sama sekali tidak membiaskan yang lain daripada itu. Kejulungan tanggapan ini sewajarnya mendapat perhatian untuk diluruskan sejarah tafsirannya.

Sesungguhnya, melalui cerpen-cerpen Hamzah, amat dominan sekali sosiologi perkotaannya dengan pelbagai kehidupan masyarakatnya. Umpamanya, persoalan tentang sumber wujudnya pelacuran sebagai penyakit sosial yang mewabak di kalangan masyarakat kota, cuba disiasat oleh wartawan Salleh dalam cerpen "Kisah Tiga Orang Gadis" (*Hiburan*, 15 Disember 1947). Gejala sosial yang negatif itu berpunca daripada akibat kahwin paksa dan pergaulan bebas, dipaparkan dengan lebih berani, pada era ASAS 50 melalui cerpen-cerpen "Vandalist" (*Mutiara*, 2 Jun 1950), "Sepatah Perkataan yang Berpengaruh" (*Mastika*, Julai 1950), "Suami" (*Mastika*, September 1950), "Pertemuan di Jalan Raya" (*Mutiara*, 2 Ogos 1950), "Kalau Kau Kebulur" (*Hiburan*, 27 Januari, 1951), dan "Menanti Ketukan Pintu" (*Mutiara*, 3 September 1951).

Sosiologi perkotaan dengan insan pinggirannya yang sering ditemukan pada kebanyakan watak dalam cerpen ASAS 50, yang berhadapan dengan kemelut kehidupan keluarga, antaranya seperti kemiskinan, kesenjangan, kecurangan, prasangka, penipuan, dan perjudian, banyak sekali dikemukakan Hamzah. Di antara cerpen-cerpen yang mem-

bawa persoalan itu ialah "Laga Ayam" (*Mutiara*, 3 Januari 1951), "Bermain Api" (*Hiburan*, 13 Disember 1952), "Bayangan dalam Gelap" (*Mutiara*, 5 Mac 1953), "Ribut" (*Mutiara*, 5 April 1953), "Surat" (*Hiburan*, 22 Ogos 1953), "Surat ke Kampung" (*Hiburan*, 29 Januari 1955), dan "Culik" (*Hiburan*, 18 Ogos 1956).

Nafas kritikan sosial yang mengetengahkan perbezaan kelas hidup, tidak sekefu, kasta, dan kecemburuan sosial yang dahulunya pernah dilontarkan Keris Mas menerusi "Wasiat Orang Bangsawan" (*Suluh Malaya*, Jun 1946) dengan menggambarkan golongan bangsawan yang egois dan kurang sekali nilai kemanusiaannya sehingga menggagalkan hubungan kasih cinta Anuar dengan anak gadisnya, Kemalawati (Othman Puteh dan Rahman Shaari (peny.), *Begini Rupanya*, (1993: 6); ikut menjadi sasaran kritikan Hamzah.

Dalam cerpennya "Syarifah" (*Mastika*, November 1950), Hamzah mengkritik golongan keturunan Syed yang tidak memberikan ruang dan kesempatan walaupun pada anak belas tahun (Kadir dan Syarifah) untuk bermain dan berkenalan, walaupun mereka tinggal berjiran. Sikap ketertutupan golongan yang angkuh dengan berketurunan, tebal kecemburuannya itu, bertindak lalu membina pagar zink sekitar kawasan rumah, memasang bidai di rumah, dan tirai dalam motokar bagi melindungi anak isteri terdedah daripada anasir luar seperti yang dipaparkan dalam cerpen "Pagar Bukan penjara". Ia jelas memperlihatkan kesnobisan insan *ber-tittle* tetapi kolot tidak menentu yang kemudiannya mendapat malu sebab anak gadisnya Rahmah dibuntingi Ahmad, drebarnya sendiri. Jelas, orang miskin tanpa kedudukan dalam masyarakat sering dihina walaupun tenaganya diperlukan, tetapi jarak jurang kasta tetap memisahkan seperti dalam cerpen "Ber-

kenal dengan Kemiskinan" (*Mutiara*, 3 Jun 1951).

Yang menarik dan agak istimewa pada pengarang Hamzah ialah wujudnya keupayaan menghasilkan cerpen-cerpen humor yang dibarengi dengan kritikan sosial yang tidak kurang tajamnya. Cerpenya yang berjudul "Kekuasaan dan Kekuatan" (*Mutiara*, 2 Februari 1950) memaparkan perjuangan Munah untuk memperolehi hak wanita. Dia bukan sahaja sebagai pejuang emansipasi, tetapi bertindak nekad dan berani menampar wartawan kolot, menjadi propagandis Jepun, dan pada zaman British memerintah Tanah Melayu dia menceburi bidang sukan angkat berat dan berkahwin dengan Arie. Ternyata Munah adalah feminis yang ingin menakluki lelaki walaupun dia masih *emotional* seperti kelaziman pada kebanyakan wanita.

Jika Munah bertubuh sasa-tegap mengangkat berat, Fatimah dalam cerpen-cerpen "Perempuan Gusti" (*Mutiara*, 13 November 1951); "Fatimah Kahwin" (*Mutiara*, 3 Disember 1951); "Hendak ke Mana Fatimah" (*Mutiara*, 4 Januari 1952) dan "Fatimah Sebagai Isteri" (*Mutiara*, 4 Julai 1952) bukan sahaja bertubuh tegap-sasa-sintal tetapi juga merupakan gadis moden, ahli gusti yang membuat gempar - mencampakkan kadi ke lantai pada hari pernikahannya. Lebih daripada itu, dia memiliki visi yang cukup berbeza untuk menghadapi dan melaksanakan "queen control" dengan memaksa suaminya Ahmad, juga ahli gusti, memasak dan membasuh.

Hamzah juga cenderung menghasilkan cerpen panjang bersiri seperti yang pernah dilaksanakan oleh pengarang-pengarang sebelum Perang Dunia Kedua. Satu daripada cerpen panjangnya ialah "Azan" yang disiarkan dalam sebelas siri/keluaran majalah *Mutiara* dari Ogos 1954-Jun 1955. Bagaimanapun, dalam kumpulan ini ditemukan enam siri

awalnya sahaja yang mendedahkan kegoncangan iman bilal muda apabila berhadapan dengan perempuan seperti Rokiah dan Asnati.

Dalam penulisannya Hamzah agak ketara memanfaatkan bahan-bahan dan atau idea-idea yang pernah digunakannya dalam cerpen yang terdahulu. Bahan atau idea-idea tersebut diangkat kembali sebagai bahan cerpen semasa. Dengan wacana lain, Hamzah memberi nafas baru, tafsiran yang sesuai dengan konteks zamannya terhadap sesuatu isu yang diangkat kembali sebagai muatan dalam karya cerpennya. Di antara cerpen-cerpen itu, termasuklah yang mengemukakan fenomena perang dengan kejayaan pemerintahan Jepun di Tanah Melayu seperti dalam cerpen "Korban Mengatasi Korban" (*Hiburan*, 7 Oktober 1949); "Jepun" (*Mutiara*, 3 April, 1951); dan "Dua Budak Lima Mayat" (*Utusan Zaman*, 16 Ogos 1964), di samping persoalan *birth control* dalam cerpen "Anak Baru Lahir" (*Utusan Zaman*, 9 April 1950) dan persoalan perancangan keluarga secara tradisional dan moden seperti dalam cerpen "Dia Ingin Beranak" (*Berita Minggu*, 14 Mac 1955). Sementara dalam cerpen "Syarifah Zainab" (*Utusan Zaman*, 16 Januari 1966) yang menyerlahkan sikap kental keturunan bangsawan/Syed yang mengekang anak gadisnya, Syarifah Zainab, walaupun telah lanjut usia - 40 tahun - tetapi masih belum bertemu jodoh untuk bersuami. Gadis yang sudah berkahwin pula seperti Syarifah Khatijah dan Syarifah Syamsiah digambarkan sering buat krenah dan mempunyai skandal.

Cerpen Hamzah yang berjudul "Cinta di Sebuah Kampung" (*Hiburan*, 4 Februari 1956) dan "Anak Darurat" (*Kisah*, 4 November 1956) merupakan dua buah karya yang menarik dan istimewa dari aspek muatan cerita dan gaya bahasa yang baik. Cerpen

pertama menampilkan betapa undang-undang darurat boleh mengekang kebebasan bergerak dan membawa malapetaka sebab pegawai polis dan mudamudi mati ditembak. Sementara cerpen kedua, merupakan sindiran tajam terhadap pemerintah kolonial yang langsung tidak menghargai pengorbanan mata-mata (Polis Khas = *Special Constable*) yang terbunuh sewaktu menjaga aset dan kepentingan Inggeris akan tetapi tiada sesiapa yang mahu menjaga anak isterinya setelah dia ditembak mati oleh pengganas.

Pada dekad 1960-an dapat dikatakan sebagai era penghujung Hamzah menulis cerpen, kecuali wujud takdir sejarah baru sekiranya Hamzah ingin merubah jalurnya. Pada era ini Hamzah semakin kritis dalam melontarkan kritikan sosialnya terutamanya dalam isu mengeksploitasikan hak-hak dan atau milik kepunyaan individu tertentu tanpa mengira ras dan agama. Cerpennya, "Mr. White Penuh dengan Senyum" digambarkan kelicikan Mr. White mengambil kesempatan dalam situasi cemas justeru rusuhan kaum untuk kepentingan nafsu serakahnya. Dia menangguk di air keruh dan menahan jerat di pergingingan serta cuba melaksanakan hal yang tidak sopan dan biadab terhadap gadis yang sepatutnya diberikan simpati dan pertolongan. Maria, anak angkat asal keturunan Cina dalam keluarga Melayu itu terjepit dalam rusuhan kaum Cina-Melayu dan Mr. White cuba memanfaatkan situasi itu untuk kepentingan diri. Suatu eksploitasi yang biadab.

Kemiskinan hidup dan bencana alam dalam kehidupan keluarga nelayan Markon juga dieksploitasikan oleh bangsanya sendiri. Ali Broker menawarkan tiga ribu ringgit kepada Markon agar pindah, dan Pak Ngah pula semacam menyokong saranan itu walaupun memberikan alasan lain, alasan ribut yang

akan memusnahkan rumah. Jadi, Markon berhadapan dengan dua ancaman musuh - manusia dan bencana alam - untuk kelangsungannya hidup sebab tanah kediamannya di tepi pantai, amat sesuai untuk dibangunkan pusat peranginan dan ini dilukiskan melalui cerpen "Sebuah Rumah di Pinggir Laut" (*Utusan Zaman*, 8 April 1964).

Perang lazimnya bukan sahaja membawa bencana pada fizikal dan mental tetapi juga menimbulkan banyak gejala sosial yang negatif. Antara yang sering terjadi untuk survival, terutama di kalangan warga perempuan ialah persundalan. Dalam cerpennya "Seorang Sundal di Saigon" (*Utusan Zaman*, 12 September 1965) Hamzah memaparkan hal ini melalui pengalaman wartawan Osman yang berkunjung ke Vietnam yang baru tamat perang dan membuat liputan untuk akhbar dan bosnya juga.

Hal lain yang wajar disebutkan di sini ialah tentang Hamzah memanfaatkan isu-isu situasi semasa yang berhubung dengan hari perayaan dijadikan bahan cerpen bagi menggambarkan pelbagai perilaku insan. Justeru itu, peristiwa yang sedih muram, tragedi, jenayah dan bahagia ceria ikut mengisi beberapa buah cerpennya tentang Hari Raya Puasa dan Hari Raya Haji. Di antara cerpen-cerpen itu ialah "Pengakuan di Hari Raya" (*Hiburan*, 1 September 1947), "Pembunuhan di Malam Raya" (*Hiburan*, 1 Ogos 1949); "Korbanku di Hari Raya Haji" (*Mutiara*, 1 Oktober 1949), "Hari Raya" (*Hiburan*, 15 Julai 1950), "Menyatakan Erti Korban" (*Hiburan*, 1951), "Berhari Raya dengan Motokar Tuan" (*Hiburan*, 7 Julai 1951, dan "Mariam" (*Utusan Zaman*, 22 Mei 1968). Di samping itu Hamzah juga membicarakan tentang kehidupan dan pengalaman dalam dunia pengarang dengan sindiran-sindirannya terhadap pengamal konsep seni bertendens, pengarang yang

merosakkan masyarakatnya dengan karya lucu, kesukaran untuk muncul sebagai pengarang yang diiktiraf seperti dalam cerpen-cerpen "Harapan" (*Utusan Zaman*, 2 Januari 1959), "Vandalist" (*Mutiara*, 2 Jun 1950), dan "Jiwa Seorang Pengarang" (*Mutiara*, 3 Januari 1951).

IV

Sesudah meneliti cerpen-cerpen dalam kumpulan *Pagar Bukan Penjara* ini, akan kita dapati betapa Hamzah begitu gigih, yakin dan memperlihatkan kesungguhannya memperjuangkan konsep "Seni untuk Seni". Hamzah, sesungguhnya tidak mempunyai pengikut dalam aliran penulisannya namun dia berjuang sendirian, menulis cerpen, novel dan esei kesusasteraan tentang aliran dan atau konsep yang diyakininya terutama berhadapan dengan Asraf dan tokoh-tokoh lain dalam aliran "Seni untuk Masyarakat". Ada pembaruan-pembaruan yang cuba dihantar Hamzah melalui cerpen-cerpennya dan ini dapat ditelusuri dari aspek penampilan watak, pemilihan bahan cerita yang agak abstrak dan hadirnya ilmu bantu psikologi Sigmund Freud, seperti yang terungkap dalam cerpen "Filsafat Ayam", "Perempuan Gusti", "Bayangan dalam Gelap", "Orang Tua dan Mimpi", "Kisah di Tepi Mata", dan "Cinta di Sebuah Kampung".

Dalam kajiannya terhadap cerpen-cerpen Hamzah yang tersiar dalam majalah *Mutiara* 1948-1963, Pauzi Mohammed menegaskan bahawa boleh dilihat betapa "... dari sudut psikoanalisis Freud dengan menonjolkan watak libido gadis yang berumur. Bahasa dan stail ... mempunyai ciri-ciri kreatif dan imaginatif ... teknik penulisan yang begini kemudiannya diikuti oleh Shahnnon Ahmad (*Terdedah*), dan

Arena Wati (*Lingkaran*) (1991:128). Unsur kebaruan Hamzah itu ternyata semacam terlepas daripada jaringan segelintir anggota ASAS 50, lalu memberikan tanggapan sasteraisme yang tidak terbuka. Bagaimanapun satu hal yang cukup dominan ialah betapa dengan kebanyakan cerpen Hamzah itu mele-takkannya pada tahap terkehadapan dan atau mendahului zamannya. Dalam hal ini Bachtiar Djamily dalam tulisannya "Pernyataan Seni Untuk Masyarakat" (*Utusan Zaman*, 23 Disember 1951) menyatakan bahawa:

"Seni untuk Masyarakat" adalah faham yang patut dipunyai untuk masa sekarang. Dengan demikian nyatalah heindaknya bahawa saya juga menyetujui faham "Seni untuk Seni" tapi bukan sekarang masanya bung....

dan ini membuktikan betapa Hamzah mempunyai visi dan ikut memberikan sumbangan yang tidak kurang pentingnya dalam jagat kesusasteraan Melayu walaupun idea dan fahamannya tidak sejajar dengan kebanyakan anggota masyarakat pengarang pada zaman itu.

Begitupun, dari suatu hakikat dan sisi yang lain pula memang Hamzah tidak dapat seratus peratus atau secara penuh mempertahankan konsep anutannya sebab banyak juga cerpennya yang membawa tema sosial yang hampir pula dengan perjuangan penganut aliran yang dipertahankan Asraf. Justeru itu, Hamzah dengan cerpen-cerpennya seperti yang terdapat dalam *Pagar Bukan Penjara*, membuktikan dia mempunyai tempatnya yang tersendiri dalam dunia pencerpenan Melayu, cerpenis yang yakin diri meneroka dan menemukan aliran yang berbeza dengan pengarang-pengarang yang sezaman dengannya.

V

Pada kesempatan ini ingin saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada individu tertentu kerana penglibatan mereka sehingga terlaksananya projek penyelenggaraan dan penerbitan kumpulan cerpen *Pagar Bukan Penjara* ini. Pertamatamanya, ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pengarang Hamzah yang juga terkenal sebagai tokoh perfileman Melayu, yang mengizinkan saya menghimpun cerpen beliau; di samping banyak memberikan maklumat dalam usaha dan upaya saya memperoleh cerpen-cerpennya yang mawadahi pelbagai media cetak.

Kepada editor kumpulan cerpen ini, Sdr. Mohamad Yussop Ishak yang sabar, tenang dan tepu pengertian dengan kerenah saya, diucapkan terima kasih setinggi-tingginya atas segala kerjasama yang dihulurkan. Saya juga wajar merakamkan terima kasih kepada pereka bentuk, Sdr. Mazlan Nor; dan jurufoto, Sdr. Adnan Abd. Jamil. Kepada Sdr. Idrus Samsuddin di Pusat Dokumentasi Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur; dan institusi Arkib Negara serta Koleksi Harun Aminurrashid di Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia, kerana menghulurkan kemudahan dalam usaha memperoleh bahan-bahan cerpen, saya ucapkan terima kasih.

Othman Puteh
Jabatan Persuratan Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi
Selangor
14 Mac 1996

Pengkhianat Bangsa

“**K**AU pengkhianat! Pengkhianat bangsa! Sekiranya dahulu Nah tahu semangat kecil abang sudah tentu tasik hati Nah tak dapat abang timba air cintanya, tahulah saya kenapa kau hidup. Hidup kau sama dengan pemuda yang selalu menjadikan kedai kopi pejabatnya, simpang jalan tempat pertemuannya, panggung wayang medan peperangannya. Biarlah saya berterus terang, hidup kau kerana makan, bukannya makan kaujadikan makanya satu daripada syarat hidup.” Demikianlah ucapan yang dihamburkan Hasnah kepada Kamaruddin, pemuda yang dapat meletakkan lipatan cintanya ke dalam peti sukma gadis yang meradang tadi.

“Apa buktinya Nah mengatakan saya berkhianat kepada bangsa?”

“Abang masih mahu menyembunyikan kuku, abang kata perasaan jauh dari sisi abang, cuba berikan bukti?”

“Nah tentu tahu saya menceburkan diri saya ke dalam persatuan Pemuda Pembela dan saya memegang jawatan penyimpan amanah. Ini membuktikan cinta saya terhadap nusa dan bangsa.”

“Jawatan abang itu saya muliakan, tetapi caranya abang menjalankan jawatan itulah khasnya, yang tidak saya setujui, amnya seluruh umat Melayu

yang sedang berjuang dalam segala lapangan merebut kembali pesaka orang tuanya. Abang jangan bermegah sementara abang menjadi penyimpan amanah yang terkemuka, bukannya nama kesatuan yang mesti dihiaskan, sebaliknya jasa kesatuan itulah yang patut disanjung tinggi dan jasanya sentiasa tertulis dalam lipatan sejarah dengan tinta keringat atau darah. Begitu juga jika seorang menjadi ahli kesatuan, tidak ia sudah khidmat, tetapi khidmatnya yang tak lapuk dek hujan, tak kering dek panas, ialah buktinya!"

"Apakah jalannya Nah mengatakan saya pengkhianat?" tanya lagi pemuda itu.

"Ke manakah wang yang diamanahkan kepada abang. Di saku siapakah dia bersembunyi, di tanah mana dia tertanam, di laut mana dia terpendam. Saya tahu di mana terselitnya wang itu, tidak lain di lembah, di hutan, dan di laut nafsu hancur leburnya wang suci itu, perkara itu janganlah abang sembunyikan!"

"Bagaimana Nah tahu saya melenyapkan wang kesatuan saya?"

"Abang mesti ingat mulut orang tak boleh ditutup, walau apa jalan sekalipun abang cari kerana menutup kesalahan abang. Tetap suatu masa rahsia tersembunyi ini diketahui ramai."

"Menganggap saya pengkhianat bangsa," kata Kamaruddin sambil menggelengkan kepalanya.

"Bukan saja abang pemecah amanah, tetapi Nah masih ingat peristiwa dahulu."

"Peristiwa apakah Nah?"

"Abang masih bersembunyi di balik telunjuk, abang merungut, menceritakan "Kesatuan Kebajikan Islam" kerana abang tidak dipilih menjadi yang dipertuannya. Perbuatan itu bukanlah perbuatan sateria. Kalau sesungguhnya abang mahu berbakti

kepada bangsa, agama dan ibu pertiwi, bukanlah nama mesti direbut, manusia dapat mencurahkan tenaganya, si kaya mendermakan sebahagian daripada hartanya, si miskin mengeluarkan peluh, wartawan dengan penanya, perajurit dengan senjatanya, pak tani dengan cangkulnya."

Kedua-duanya berdiam diri. Kamaruddin termenung, air mata keinsafan mengalir di pipinya.

Hasnah memecahkan kesunyian dengan bertanya, "Ke manakah wang itu abang belanjakan?"

"Wang itu saya belanjakan untuk Nah."

"Sekarang mengertilah saya, barang perhiasan abang hadiahkan kepada saya rupanya dibeli dengan wang haram. Kalaulah dahulu saya tahu sudah hadiah ini tidak akan saya terima, sebaliknya akan saya lontarkan ke muka abang!"

"Nah, jangan keluarkan bahasa yang sebegitu kesat. Abangmu minta maaf. Semangat keinsafan menyelubungi abang, dan abang berjanji dari saat ini abang berpaling tadah. Dosa akan abang tebus dengan tulang urat dan darah jika terpaksa. Wang yang terpakai mesti abang ganti selekasnya."

"Abang, Nah sedia maafkan. Jualkanlah barang-barang ini sebagai ganti wang yang hilang itu, sudah tentu mendatangkan seribu satu macam faedah kepada bangsa kita yang kekurangan wang untuk menegakkan kota merdeka. Pergilah abang jualkan barang ini dengan segera!"

"Baiklah Nah, masih ingatkah perjanjian kita selain dari mendirikan kota kemerdekaan?"

Dua pasang mata bertemu, senyum berbalas. Sedikit masa lagi mereka akan memasuki pintu gerbang perkahwinan.

Hiburan, 1 Januari 1947

Semangat Puteri Islam

SEMANGAT Siti Sufiah, emak saudara Rasulullah bernyala-nyala, kemarahannya berapirapi kerana anak saudaranya tewas di dalam medan peperangan.

Bukanlah ketewasan Hamzah menyebabkan menyala api kemarahannya, tetapi perbuatan musuh terhadap batang tubuh Hamzah yang tidak bernyawa, badan pahlawan itu dipotong-potongnya – Hindun perempuan musuh menggigit hempedu dan menghirup darah anak saudaranya.

Barisan perjuangan yang dipimpin oleh Rasulullah sendiri sedang berjalan dengan gagahnya – Sufiah dan anaknya Zubir bin Awam turut di dalam pasukan yang sedang menuju ke kubu musuh.

Apabila Nabi memerhatikan, bahawa emak saudaranya ada bersama-sama di dalam pasukan itu – Nabi menyuruh Zubir melarang ibunya turut pergi ke medan perang – pergilah Zubir kepada ibunya dan disampaikan suruhan Nabi – Sufiah enggan. Dia tidak mahu surut walau setapak pun ke belakang. Dia menjawab, "Buat apa saya kembali pulang, ayah saudaramu mati di medan perang. Oh! Zubir, jangan menyuruh ibumu pulang, pemergian ibu ialah kerana membalas dendam, ibu reda menempuh maut mencapai kebenaran Tuhan."

Pada masa yang lain sedang askar-askar Islam berjuang mati-matian dengan kaum Yahudi, Sufiah, dan Hassan penyair Islam yang termasyhur ditempatkan untuk menjaga suatu benteng yang terletak di atas gunung – tiba-tiba serikandi Sufiah ternampak akan seorang mata-mata musuh tengah mengintip kubu mereka.

“Lihat di sana seorang Yahudi sedang memerhatikan kita,” katanya kepada Hassan. “Sudah tentu musuh hendak mengetahui adakah banyak askar kita yang berkawal di sini, pergilah Hassan engkau bunuh mata-mata musuh itu supaya jangan dapat dia menyampaikan kepada kaumnya, bahawa askar-askar kita sedang bertempur!”

Hassan menjawab, “Engkau sajalah pergi membunuhnya, aku bukannya seorang pahlawan perang, aku hanya pujangga yang menghidupkan semangat kepahlawanan dengan syair-syairku!”

Dengan darah mendidih dan semangat api bernyala-nyala pergilah dia menemui dan berjuang dengan Yahudi itu – keputusannya – kemenangan berada di pihaknya, musuh menempuh pintu maut.

Sesampainya ke tempat Hassan kembali dia berkata, “Kini pergilah engkau ambil apa-apa yang tertinggal pada Yahudi itu – aku seorang perempuan dan sifat keperempuananku tidak mengizinkan aku memeriksa tubuh seorang lelaki!”

Demikianlah semangat dan keberanian kaum puteri pada zaman kebesaran Islam.

Ibu Melayu, Bil. 4, Januari 1947

Di Antara Dua Agama

RAKYAT gempar kerana Zainaldin baru pulang dari Eropah setelah belajar empat tahun di sana dengan dapat memegang gelaran Doktor Zainaldin.

Di pelabuhan penuh sesak dengan manusia menunggu kapal yang membawa pemuda yang diharapkan menjadi pemimpin bangsa. Ibu bapanya, kaum keluarganya, dan orang ramai dari segala lapisan menunggu Zainaldin yang beruntung dengan muka yang berseri-seri kerana mereka berasa beruntung mendapat bangsanya yang akan mencurahkan pengajarannya kepada ramai.

Semakin lama kapal yang membawa pemuda terpelajar itu, semakin merapatkan diri ke pelabuhan. Riu-rendah panggilan orang di atas kapal, sapu tangan melambai-lambai, berduyun turun penumpang dari kapal tersebut disambut oleh kaum keluarga masing-masing.

Tercengang orang-orang yang menantikan Zainaldin kerana dia turun dari kapal bukan mengepit barang-barangnya malahan mengepit seorang gadis kulit putih.

Ibu bapanya menerkam ke tempat anaknya untuk melepaskan rindu dendam yang sudah lama terpendam di dalam hatinya, maklumlah empat

tahun tidak bertemu muka. Zainaldin menolak kedua-dua orang tuanya sehingga jatuh ke tanah.

"Zainaldin! Tidakkah kau kenal atau sengajakah kau buat tidak kenal kepada kedua orang tuamu?" berkata ayahnya dengan suara yang mengandung kesedihan.

"Anakku! Ini ibumu!" seru pula ibunya dengan tangisan tersedu-sedu.

"Berani kau berdua mengatakan aku, Doktor Zainaldin, anakmu. Masakan orang yang seperti kamu berdua ini menjadi orang tuaku?" herdik Zainaldin memandang tepat kepada kedua-dua ibu bapa yang tidak diakuinya. "Ayuh pergi dari sini lekas kalau tidak aku akan menyuruh mata-mata menangkap kau kedua." Dengan tidak memperdulikan pandangan orang ramai dia terus berangkat. Kedua-dua orang tuanya memandang anaknya dengan hati yang mengandung sumpahan.

"Oh, anakku! Aku menyesal sampai hati kau meninggalkan aku, aku menyesal tidak memberi pelajaran agama untuk menguatkan imanmu sebelum kau kuhantar ke tanah Eropah. Apa nak dibuatkan, nasi telah menjadi bubur!" merayu ibu yang telah putus harapan.

Berbimbing tangan dengan gadis kulit putih dia masuk ke Empire Hotel. Kepada tuan hotel disuruhkan siap bilik untuk dua orang.

Gadis kulit putih ini bernama Sally. Hatinya terikat oleh kecantikan Zainaldin kerana kulitnya yang kuning langsung, dan dua tahun mereka telah mengikat tali percintaan. Setamat pemuda ini daripada pelajarannya dengan mendapat hasil yang memuaskan bercita-citalah dia kembali ke tanah airnya dengan segera.

Sally kerana terlampu cintanya kepada pemuda

ini mengikut kekasihnya dengan luar keizinan kedua-dua ayah bondanya.

Pada suatu hari pemuda dan pemudi itu sedang duduk di dalam hotelnya, tiba-tiba Sally mengeluarkan percakapan.

"Kakanda, kita duduk dan hidup sebagai suami isteri di luar perkahwinan telah lama masanya, sekarang marilah saja kita kahwin!"

"Kahwin? Di mana? Di rumah pak imamkah? Kalau begitu akan adinda masukkah agama kanda?" tanya Zainaldin.

"Bukan di rumah tuk imam, di gereja. Marilah kanda jadi orang Kristian!"

"Apa? Kahwin di geraja? Aku tidak suka!" Pertengkaran terjadi masing-masing mempertahankan kebenarannya.

"Sudah, begini saja!" kata doktor muda memutuskan pertengkaran ini, "Lebih baik kita hidup sebagai suami isteri dengan tidak memasuki pintu perkahwinan."

Hiduplah mereka dengan tidak ada nikah perkahwinan yang sah mengikut apa agama sekalipun.

Setahun telah berlalu, beraneka perubahan datang dan pergi, Sally melahirkan seorang anak lelaki. Pertengkaran yang telah padam beryalannya semula. Apakah nama anak mereka dan nama agama siapakah yang diberi anaknya?

Gadis itu sebolehnya berkehendakan anaknya dijadikan orang Kristian, sebaliknya pemuda ini berkehendakan anaknya memakai nama Islam.

Akhirnya mereka memutuskan biarlah anak mereka hidup dengan tidak mempunyai agama. Nanti anak itu besar kelak bolehlah dia memilih mana satu agama yang disukainya.

Anak itu diberi nama, William Zain.

Kesedihan menimpa kedua-dua sejoli ini, kerana

anak mereka William Zain kembali ke alam baqa. Adakah ini kejadian-kejadian terbitnya daripada sum-pahan ibu bapa masing-masing? Tuhan lebih menge-tahui. Wallahuaklam.

Di mana harus anak itu dikuburkan? Inilah soal yang rumit tidak boleh tidak mesti mereka menjelas-kan. Selepas lama bertikam lidah soal tidak menjadi soal lagi.

Pertamanya, anak itu dibawa ke gereja untuk dibacakan doa secara agama Sally. Kedua, anak itu dibawa ke rumah semula untuk dimandikan secara agama Islam.

Mayat anak itu tidak ditanam di mana-mana per-kuburan pun. Anak itu dikuburkan di sebuah padang, memakai nisan Islam di kepalanya, dan palang salib di kakinya.

Orang ramai hairan melihatkan perbuatan mere-ka. Mereka selalu menyoal apakah agama Sally, Dok-tor Zainaldin dan anaknya William Zain. Sekali lagi apakah agama mereka?

Hiburan, 15 Mac 1947

Surat dari dan kepada Kekasih

SAUDARA yang dikasihi.

Kakanda Abdul Hamid,

Adinda telah selamat sampai ke Melaka kerana menghadiri kongres di bawah anjuran Parti Kebangsaan Melayu Malaya di sana. Semangat adinda yang telah memang sedia berapi-api itu semakin bernyala-nyala. Pemuda dan pemudi kita sedang mengatur barisan untuk mempertahankan tanah air kita daripada pancaroba-pancaroba bangsa asing.

Pemuda-pemuda yang dulu adinda dan kakanda kenal sebagai sampah masyarakat kini turut sama merayakan dan membantu kejayaan rapat itu. Begitu juga kaum wanita kita tidak ketinggalan menceburkan diri mereka memasuki dunia pergerakan. Pemudi yang dahulunya takut melihat muka lelaki sekarang tidak mahu dibelakangkan dan mengambil bahagian menjadi pertwi tanah air.

Adinda telah membaca di dalam Utusan Melayu, kakanda telah dilantik menjadi Naib Dipertua Barisan Pemuda kampung kita. Adinda berharap sangat bekerjalah kakanda dengan giatnya supaya bahtera pergerakan kita yang sedang

mengharungi lautan perjuangan akan dan mesti sampai ke pantai merdeka. Di dalam pelayaran kita itu sudah tentu kakanda menghadapi taufan dan badai. Batu dan karang, ia itulah cerca, pengkhianat-pengkhianat. Kaum kolot yang anti-pergerakan, kaum modal dan ... halangan dan rintangan itu janganlah hendaknya melemahkan kemahuan kakanda untuk berjuang, bahkan hendaknya dijadikan sebagai baja semangat.

Sebelum adinda tutup pembicaraan adinda, adinda berharap janganlah kakanda menaruh perasaan cemburu terhadap adinda kerana maklumlah kita kaum ibu pergerakan selalu dan mesti bekerjasama dengan kaum bapa. Buat adinda tidak ada sedikit pun perasaan untuk mengkhianati kakanda yang disayangi.

Iniilah sahaja isi surat adinda. Sambutlah salam perjuangan kita. Merdeka tetap merdeka!

Yang berkongres,

Halimah.

Sehabis Abdul Hamid membaca surat itu, dengan segera dia merapatkan dirinya ke meja tulis untuk membalas surat kekasihnya yang datang dari negeri Hang Tuah.

Adinda yang dicintai,

Surat adinda yang kakanda terima adalah kakanda sifatkan sebagai api yang mem bakar semangat kakanda. Kakanda tidak memasuki pergerakan politik atau buruh, tetapi kakanda memasuki pergerakan agama sebagaimana adinda

baca baru-baru ini di dalam Utusan Melayu, bahawa kakanda diberi tempat Naib Dipertua "bapa" Barisan Pemuda Islam.

Janganlah adinda menyangka bahawa kakanda yang bergerak kerana keselamatan tidak mencampur urusan politik itu, tidak sekali-kali, kerana agama kita juga mempunyai politik, agama kita menyuruh membela tanah air, buktinya kasihkan watan setengah daripada iman, bertambah lagi agama Islamlah yang mulanya menganjurkan demokrasi tulen yang kita sedang perjuangkan. Percayalah! Kakanda sedia untuk berjuang kerana nusa, bangsa, dan agama, dan siap sedia menyerahkan jiwa jika keadaan memaksa.

Kakanda tahu di dalam pelayaran kakanda tentu akan bertemu dengan beraneka percubaan dan sekatan. Ya! Kakanda menyifatkan segala rintangan ini sebagai baja, adinda umpamakan pokok sahaja, pokok menjadi subur, besar, dan berbuah dengan sebab banyak bajanya - dan baja itu kebanyakannya daripada kotoran-kotoran. Begitu juga kita bekerja banyak berjumpa kata nista, jangan hiraukan semua itu, kerja dan kerja terus. Sudah pasti kita dapat menghambat, pantai merdeka.

Ya! Kakanda lupa pesanan dinda supaya dinda jangan kakanda cemburukan. Yakinlah adinda, di hati kakanda tidak sedikit pun terselit perasaan cemburu, bukankah gambar adinda bersama-sama pemuda API tertera di muka hadapan Utusan Melayu. Adakah gambar itu membawa kakanda kepada perasaan cemburu? Tidak, sebaliknya kakanda berasa beruntung melihat adinda bersama-sama harapan bangsa kita. Kepada adinda diingatkan pimpinlah harapan kita itu

melalui jalan raya pergerakan yang penuh ranjau dan duri. Ingatkan kepada mereka apabila bekerja, bergerak, dan maju, janganlah mengambil tindakan sendiri tetapi hendaklah patuh kepada ketua dengan perasaan sihat, tenang dan sabar!

Penutup warkah ini, kakanda percaya tentu di dalam kongres adinda kemukakan bahan-bahan untuk mengetuk pintu merdeka.

Merdeka!!!

Yang sedang berjuang,

Abdul Hamid.

Hiburan, 15 April 1947

Sipah

PEPERANGAN dunia dan peperangan di Malaya telah tamat. Perkara-perkara yang berlaku di dalamnya mengerikan, menyedihkan, menghairankan dan mentertawakan. Segala perkara yang berlaku saya kumpulkan menjadi riwayat untuk bacaan ramal.

Pada kali ini saya menghidangkan suatu cerita yang terjadi di Tanah Melayu sewaktu Jepun menyerang dan kemudian memerintah. Tataplah riwayat ini yang saya beri nama "Sipah". Cerita ini dikisahkan kepada saya oleh seorang askar Melayu kemudian menjadi kepala dari Pasukan Hutan Melayu.

Dari kiri kanan tentera Jepun menyerang dengan hebatnya, pihak Sekutu berdaya dengan sebolehnya mempertahankan kubu masing-masing, tetapi serangan yang didatangkan terutamanya dari udara menyebabkan askar-askar ini undur.

Saya dan lima belas orang askar Melayu telah diperintahkan oleh ketua saya supaya berpindah. Dua jam kereta yang membawa kami berlari seperti ribut kerana mahu menyampaikan ke perhentian kereta api. Pada masa peperangan ini satu kereta api sahaja dibenarkan berjalan untuk menyelamatkan nyawa orang-orang awam. Kami dihukum mengawal keselamatan mereka.

Alangkah terperanjatnya kami, sewaktu kami tiba di sana, pemandangan ngeri berada di hadapan mata, kereta api yang membawa orang awam itu telah terbalik, mayat-mayat manusia daripada orang tua, kaum ibu dan kanak-kanak bersepah di sana sini.

Tiba-tiba kami terpandang akan seorang perempuan di dalam keadaan lemah, cuba bangun tetapi jatuh semula. Saya pun menghampirinya untuk memberi pertolongan, tiba-tiba Sharif salah satu daripada askar yang di bawah jagaan saya merebahkan dirinya dan memeluk perempuan itu. Air mata meleleh dari pipinya. Rupa-rupanya perempuan itu tidak lain daripada isteri Sharif, dan di sisi perempuan itu ada seorang anak perempuan, ialah anak dari Sharif.

Belum pun sempat dia merawat luka peluru di dada perempuan itu, sekonyong-konyong sepasukan kecil askar Jepun maju ke tempat mereka. Sharif dengan tidak diperintah lagi berteriak, "Hai bangsa yang ganas, kejam, rapat kamu di sini, peluru aku akan menuntut nyawa isteriku, kau pembunuh!" Selepas itu dilepaskan dari senapang jenteranya peluru-peluru mengenai pasukan Jepun itu. Banyak musuh yang tewas dan rebah ke bumi, Sharif pun turut rebah ke bumi kerana satu daripada peluru musuh mengenai dadanya. Dia mengikut jejak isterinya. Baki askar-askar musuh ini disapu bersih oleh pasukan saya.

Kedua-dua mayat telah sempurna ditanamkan, anak perempuan Sharif tidak mengeluarkan air mata seolah-olah anak gadis ini mengerti apa yang dikatakan peperangan.

Saya tanya gadis itu apa namanya, tetapi dia berdiam diri dan tidak mahu menyebut sepeatah perkataan pun.

Setelah bermesyuarat dengan pendek, saya dan orang-orang saya bersetuju lari ke hutan, bukan menyembunyikan diri, sebaliknya menjadi askar-askar hutan.

Diringkaskan cerita, lima bulan kami berpejabat dan berumah di hutan, banyak Jepun yang telah menjadi korban pasukan saya. Saya berasa suka atas kemenangan saya, satu sahaja yang mendukung saya, anak perempuan Sharif yang saya beri nama Sipah masih belum mahu menerangkan namanya. Jika dia berkata-kata hanya, "Mahu, tak mahu, dan mana emak?"

Seringkali di dalam tidurnya dia mengigau dan meracau memanggil ibunya.

Pada suatu hari kami semua di dalam keadaan ribut. Ke sana ke mari saya mencari Sipah lenyap entah ke mana perginya. Telah lama dicari bayang pun tidak kelihatan, saya memutuskan barangkali dia menjadi mangsa binatang-binatang di hutan. Setiap malam saya berdoa kepada Tuhan supaya menjauhkan Sipah daripada segala mala petaka.

Yusof dari pasukan saya telah saya perintah pergi ke bandar kerana membeli makanan dan menghantar *report* gerakan pasukan saya kepada seorang mata-mata rahsia pihak Sekutu.

Selain Yusof kembali membawa makanan – khabar luar biasa yang dibawanya menggirangkan dan menyedihkan. Girang sebab Sipah yang kami sangka mati, kiranya di dalam peliharaan Jepun di sebuah markas Jepun berhampiran dengan tempat persembunyian saya. Sedih kerana Sipah dipaksa Jepun bekerja keras, mencuci pinggan mangkuk, najis, pakaian askar-askar Jepun, makanan yang diberi hanyalah sisa mereka. Kami memutuskan akan menyerang tempat Jepun itu.

Dua hari kemudian segala rancangan telah di-

atur. Dalam pasukan saya ada seorang askar yang termuda sekali, dia melarang kami menyerang tempat musuh itu. Katanya merbahaya, boleh jadi nyawa anak perempuan itu terancam sebab jika musuh kalah tentu sekali Sipah akan dibunuhnya. Kita semua bukan tidak tahu kekejaman Jepun. Anak-anak kecil pun dibunuhnya, dibuat sebagai barang permainan.

Rancangan itu kami bubar, fikiran baru dikemukakan.

Sebentar-sebentar kami menanti matahari tenggelam, rasa kami perjalanan masa terlalu lambat.

Kesukaan yang tidak terkira menimpa kami semua, dari jauh kelihatan Sipah didukung oleh Osman, askar muda yang membantah rancangan kami. Jelas kelihatan anak gadis itu kekurangan makanan sebaliknya terlalu banyak bekerja. Sipah kami rawati dengan baik, atas keselamatan Sipah saya mengadakan sambutan bersuka ria.

Satu daripada rancangan majlis kami ialah mendengar kisah bagaimana Osman menyelamatkan Sipah.

Sebagai seorang pensyarah yang bijak, orang muda itu bangun menghuraikan kisah perjalanannya.

Osman bercerita.

"Saya mencari akal bagaimana dapat saya masuk ke tempat Jepun itu. Pada fikiran saya biarlah saya menjadi kuli, tetapi menjadi kuli tidak mendatangkan laba, sudah barang tentu tak dapat membawa Sipah keluar.

"Sedang saya duduk di sebuah kedai kopi kampung, datang seorang *heiho* dari bangsa kita juga. Dia datang kepada saya meminta tolong kepada saya supaya menghantarkan surat kepada ibunya yang tidak tahu di mana dia berada kerana dia dipaksa

masuk *heiho*. Dia ditangkap selepas daripada menonton wayang, di sini letaknya suatu peluang. Kepada *heiho* itu saya tanya segala perkara yang mengenai Sipah dan kem ini, serta orang dan keadaan.

"Jawapan yang diberinya sungguh memuaskan hati. Jumlah *heiho* di tempat itu terlampau banyak, menjadikan susah Jepun yang di situ – yang bilangannya sedikit – dapat mengenal antara satu sama lain. Saya membuat tawaran kepada pemuda itu supaya saya menggantikan tempatnya. Mulanya tawaran saya ditolak mentah-mentah. Barangkali anggapan saya satu daripada kakitangan kempetai Jepun, tetapi selepas memberi keterangan dengan sejelas-jelasnya barulah timbul kepercayaan, lantas tawaran saya diterima dengan tidak bertawar lagi.

"Dengan memakai pakaian *heiho* saya masuk ke tempat musuh, tiap-tiap Jepun yang saya jumpai saya tabik, nyatalah tidak curiga mereka kepada saya sedikit pun.

Dua hari berlepas.

"Kebetulan pada hari itu saya diperintah oleh Opiar Jepun mengambil makanan di luar kampung untuk mereka, saya disuruh membawa Sipah untuk mengangkat barang-barang makanan.

"Keringkasannya, saya lenyap, Sipah lenyap. Makanan lenyap dan sebuah lori ghaib di hadapan mata Jepun yang saya jual kepada seorang saudagar Cina dengan harga pasar gelap."

Tepuk dan ketawa mengiringi cerita Osman.

"Sabar saudara, pembicaraan saya belum selesai, ada lagi suatu rancangan yang akan saya kemukakan!"

Hairan kami semua memerhatikan keadaan Osman. Selepas lama kira-kira sepuluh minit dia meneruskan pidatonya. Rancangannya tidak lain

daripada menyerang tempat Jepun itu, kerana di sana, terletak bahan ubat-ubatan dan alat senjatanya.

Saya pula membuat bantahan dengan alasan jika kita menyerang tempat itu terpaksa juga kita bertelagah dengan *heiho*, bangsa kita sendiri.

"Perkara itu?" kata Osman memotong percakapan saya, "Jangan kita semua takutkan. Kita tidak akan bertelagah dengan askar bangsa kita, sebaliknya *heiho*, itu akan menghentam Jepun apabila menerima alamat menyerang dari saya. Dalam masa saya dua hari di sana, saya dapat menanam perasaan melawan Jepun, belum ditanam semangat ini telah sedia tumbuh di dalam hati askar itu."

Sudah ditimbang dengan seadil-adilnya, hari untuk menyerang telah ditetapkan. Esok kita akan menyerang, dan besok hari yang beribwayat, hari kematian kedua-dua orang tua Sipah dan hari hancur leburnya musuh ganas itu. Ya. Besok anak-anak syurga itu akan menemui nerakanya. Apalagi Sipah sendiri akan berada bersama-sama mengambil bahagian!

Hiburan, 1 Jun 1947

Pena Merdeka

TIDAK hairan kita kalau majalah *Perjuangan* laris lakunya dan panas isinya.

Perjuangan ialah majalah bulanan yang diterbitkan oleh badan penerangan "Barisan Perjuangan". Mulanya penerbitan majalah itu tidak mendapat sambutan sebegitu ramai, sesampainya penerbitan ketiga terpaksa majalah itu diterbitkan untuk sementara, atas sesuatu sebab menghalang perjalanannya melalui jalan raya kemajuan.

Sungguhpun *Perjuangan* lenyap di sisi rakyat tetapi semangat pengurusnya membawa kepada pengarang-pengarangnya hidup, hidup semakin bernyala-nyala untuk mengzahirkan *Perjuangan* supaya lebih-lebih perjuangannya menjadi lidah perjuangan rakyat jelata. Kepercayaan mereka kali ini, mereka akan meneruskan langkah ke akhir umur, kesalahan-kesalahan dahulu dijadikan pengajaran.

Cogan perjuangan diubah mehjadi cogan rakyat murba, majalah ini diserahkan ke tangan rakyat. Ya, kerana dasarnya yang baru, "Dari Rakyat Untuk Rakyat!"

Perjuangan lahir ke alam, langkahnya dipertegapkan, tidak ada rintangan bagi sesiapa pun menyekat pelariannya. Maju ke hadapan, tengah perjuangan, "Maju tak mahu surut".

Orang ramai menyambut *Perjuangan* sebagai perisai yang akan membangkitkan semangat perjuangan mereka. Dari segala ceruk rantau Indonesia-Malaya, beratus-ratus ribu karangan dikirim untuk dimuatkan di dalam *Perjuangan*, terpaksa gubahan-gubahan itu dimuatkan mengikut giliran.

Tidak suatu karangan pun yang ditolak oleh *Perjuangan*. Caranya tiap-tiap karangan mendapat tempat di dalam *Perjuangan*. Karangan salah dibetulkan, yang meleret panjang dipendekkan, dan pelbagai cara lagi, sebabnya *Perjuangan* berbuat begini ialah untuk memberangsangkan pengarang-pengarang muda sehingga tercapainya gelaran wartawan.

Antara pengarang-pengarang muda yang selalu karangannya atau cerita pendeknya mendapat sambutan luar biasa tidak lain daripada pengarang yang memakai nama Pena Merdeka. Isi-isi ciptaannya bersemangat, bernas, dan berterus terang, karangan menentang penjajahan, dan kaum modal.

Perjuangan lebih laku dan lebih digemari ramai apabila karangan Pena Merdeka disiarkan di dalamnya. Antara rencana-rencananya yang berapi yang bertajuk "Perjuangan Kemerdekaan" di dalam karangan ini, dia membayangkan perjuangan kemerdekaan yang dilakukan dan dianjurkan oleh umat Asia seperti Filipina, India, Indo-Cina, Burma, dan Indonesia, lebih jauh dia menerangkan maka dalam suatu masa akan dan mesti bergabung dengan bangsa-bangsa Asia melancarkan perjuangan merebut kemerdekaan.

Karangan Pena Merdeka selalu disokong oleh rencana dan ulasan daripada seorang pengarang yang memakai nama samaran Pena Wanita.

Siapa Pena Wanita? Gelap bagi Pena Merdeka, dan sebaliknya. Di dalam hati kedua-dua pengarang ini ingin mengetahui siapakah nama mereka yang

sebenar-benarnya dan bagaimana rupa seseorang, pernah kedua-duanya meminta bantuan pengarang *Perjuangan* menerangkan siapakah yang berlindung di sebalik nama samaran itu. Tetapi tuan pengarang enggan menerangkan kerana ini adalah amanah pengarang.

Di mana ada perjumpaan mahupun perjumpaan pergerakan, majlis agama, di sana turut Pena Merdeka, hadir bersamanya seorang gadis jelita - Zainab - tidak lain daripada adik kandungnya sendiri. Sering kali apabila majlis dibukakan kepada ramai untuk memberi penerangan dan sumbangan tak ketinggalan Pena Merdeka bangun mengemukakan fikiran bernas bersemangat menjelaskan gerak langkah yang patut diambil untuk melalui jalan raya pergerakan. Syarahan-syarahannya mendapat sambutan luar biasa sebab dia terkenal sebagai seorang ahli pidato yang memakai namanya sendiri, Shamsuddin.

Orang ramai gempar terutamanya ahli-ahli pergerakan kebangsaan kerana Pena Merdeka tertangkap atas kesalahan membuat rencananya, konon menyentuh undang-undang kerajaan - dia akan dihadapkan ke mahkamah tinggi guna menjatuh hukum.

Besok telah tiba, semalam telah tertinggal jauh ke belakang. Penuh sesak dalam mahkamah rakyat yang ingin mengetahui hukuman apakah yang akan dijatuhkan ke atas Pena Merdeka. Ada pula yang datang cuma mahu menyaksikan rupa lagak Pena Merdeka, ada juga mahu mengenali siapakah yang sebenar-benarnya berlindung di sebalik nama samaran itu. Ya, di sana tidak ketinggalan Pena Wanita.

Masa pembicaraan telah dimulakan, selepas lama bersoal jawab tuan hakim mengemukakan soal kepada Shamsuddin, "Salah atau tidak?"

Dengan terang ia menjawab, "Tidak salah." Dia

meneruskan percakapan, "Tuan hakim, dapatkah saya kebenaran untuk berkata-kata?" Permintaan itu diluluskan.

"Mengikuti fikiran saya, saya ditangkap dengan tidak bersalah, sungguhpun tuduhan yang dijatuhkan di atas saya ialah melanggar undang-undang kerajaan tetapi perbuatan saya tidak sekali-kali melanggarnya bahkan mengikuti garisan undang-undang," kata pengarang yang tertuduh itu. Penyaksi yang sebegitu ramai menganggukkan kepala seolah-olah membenarkan huralannya.

"Bagaimana kau katakan kau mengikuti undang-undang?"

"Tuan hakim dan tuan-tuan yang terhormat, tuan-tuan tentu tahu bahawa kerajaan telah mengisytiharkan dan telah menetapkan tiap-tiap seorang warga negara berhak berbicara dengan merdeka, tulisan saya menyeru bangsa saya merebut merdeka, terbitnya dari fikiran saya yang merdeka, yang dimuatkan dalam *Perjuangan*, yang berjuang untuk merdeka."

Sunyi senyap sebentar, tuan hakim tunduk berfikir soal apakah patut dimajukan lagi. Telah lama, tidak ada suatu fikiran yang masuk ke otaknya. Dia berujar pula kepada Pena Merdeka.

"Di sini bukan mahkamah politik."

"Bawa saja saya ke tempat pembicaraan politik!" Dari penonton terdengar ketawa. Terpaksa tuan hakim memukulkan pemukulnya ke meja untuk memberhentikan keributan itu. Hakim meninggalkan kerusi lantas masuk ke bilik lain menanti timbangan juri-jurinya yang sedang bersidang. Sepuluh minit berlalu, keadaan telah seperti biasa, keputusan mukamad telah diperolehnya, "Tidak salah."

Di halaman rumah bicara itu satu demi satu datang teman seperjuangannya, turut sama bergem-

bira atas kemenangan wartawan muda Shamsuddin, seorang gadis merapatkan dirinya kepada pemuda itu, dipegang tangan pengarang itu. "Abang rupanya yang memakai nama Pena Merdeka!" kata gadis itu, bukan lain daripada adiknya, Zainab.

"Kenapa Nab?"

"Tahukah abang siapa saya?"

"Ya! Aku tahu, kau adik kandungku yang kuka-sihi!"

"Selain dari itu?"

"Selain dari apa?"

"Kiranya abang belum tahu, sayalah penulis yang berlindung di balik nama Pena Wanita."

"Kau Pena Wanita? Jadi aku cinta kepada adikku sendiri?"

"Saya pun begitu juga bang, mari saja kita kembali bang!"

Di kamar, Shamsuddin sibuk mengemaskan pakaiannya, dimasukkan ke dalam beg. Ke mana gerangan dia akan berangkat. Memerhatikan keadaan ini menghairankan Zainab. Dia bertanya, "Abang hendak ke mana?"

"Tanah Seberang, ke Indonesia," jawab abangnya.

"Kenapa ke sana? Buat apa?" jawapan abangnya belum memuaskan hatinya.

"Berjuang."

"Oh! Kalau begitu abang akan menceburkan diri abang menjadi perajurit, abang tukar mata pena dengan mata pedang?"

"Bukan begitu, saya akan berjuang di medan kertas bersenjatakan mata pena. Jika perajurit kita berkewajipan menentang musuh dengan pedang dan senapang saya juga berkewajipan bertelagah di gelanggang persuratan."

Dilihatnya Zainab, dari dua biji matanya yang

comel itu air mata kesedihan meleleh membasahi pipinya.

"Nab jangan menangis, abang pergi ke Tanah Seberang kerana menunaikan kewajipan. Abang ke sana untuk menyaksikan dengan mata abang sendiri bagaimana teraturnya pergerakan-pergerakan di sana untuk menjadi kaji perbandingan pergerakan-pergerakan bangsa kita, lebih-lebih lagi di sana pena abang dapat melalui persuratan dengan merdeka."

Reda sedikit tangisan Zainab, dia dapat menghalangkan semangat kecilnya yang terbit dari hati yang halus, pengarang muda itu meneruskan katanya.

"Sebelum abang meninggalkan kau Nab pesanan abang bekerjalah memimpin kaum sejenis Nab memasuki segara yang penuh duri dan onak menuju ke kota merdeka. Jangan Nab fikir penganjur atau perajurit bekerja memikul senjata saja. Bahkan tiap-tiap insan yang mengerjakan kewajibannya dengan jujur kerana agama, bangsa, dan nusa itulah sebenar-benarnya penganjur atau pemimpin. Pak tani bersenjatakan cangkul, askar bersenjatakan peluru dan meriam, guru bersenjatakan pelajarannya, dan wartawan bersenjatakan pena. Ada kalanya lebih tajam daripada pedang. Selamat tinggal Nab. Abang berangkat sekarang juga!"

Hiburan, 15 Ogos 1947

Pengakuan di Hari Raya

BESOK sekalian umat Islam akan menyambut hari yang besar ertinya. Saya arahkan pandangan saya ke seluruh rumah dan gedung yang dihuni oleh orang-orang Islam. Di sana sini tergantung tanglung terlambai-lambai ditiup angin, mercun berdentam dentum, anak-anak berbaju baru, kedai serba aneka penuh dengan pembelinya lelaki dan perempuan, membeli apa-apa sahaja yang masih kurang untuk keperluan hari raya besar esok.

Kenapa pula saya iri hati atas kesukaan orang-orang itu. Bagaimana tidak akan saya beriri hati? Apa ada pada saya, tidak lain daripada sehelai sepinggang ini pun sudah ditebali debu dan kotoran jalan raya. Anggota saya berselaput daki.

Semenjak siang tadi tak putus datang hamba Allah ke tempat duduk saya. Masing-masing mengeluarkan wang dari sakunya, ada pula memberi secupak beras. Pemberian ini saya junjung tinggi dan mudah-mudahan kemurahan mereka akan mendapat pembalasan kemakmuran Tuhan. Setitik demi setitik air mata saya menitik ke bumi.

Barangkali sebab tak tahan menanggung sedih sebegitu rupa, saya cuba mengembalikan ingatan saya ke peristiwa lain. Saya berjaya. Berjaya, satu demi satu ingatan yang telah ditinggalkan masa kem-

bali terbayang di hadapan saya, merupakan gambar dipancar ke layar putih.

Saya ingin sekali jika tuan dapat menyaksikan gambar hidup ini kiranya pada hari datang ada gunanya. Gambar ini saya namakan, "Gara-gara Anti Kesatuan."

Ini di hadapan saya, gambar saya sendiri sedang melakonkan cerita penghidupan saya. Tataplah! Awaslah! Renunglah! Saya sedang berperang hebat dengan suami saya, sepatut kata suami saya, jawapan saya meleret ke sana ke sini.

"Ke mana abang pergi hingga malam baru pulang?" tanya saya dengan rupa yang sikap.

"Jangan ribut Jah, ini malam hari raya, nanti kedengaran jiran kita!" sahut suami saya seolah-olah merayu menyuruh saya berhenti.

Melihat keadaan suami saya keberanian saya menjadi-jadi, "Peduli apa Jah, biar sekampung tahu, abang yang bersalah tentulah abang takut ditahu orang. Ke mana abang pergi jauh malah baru pulang?"

"Berapa kali telah saya katakan, saya lambat pulang bukan bertandang ke taman penghiburan, bukannya minum di kedai arak, tidak, kerja ini, belum pernah saya kerjakan!"

"Habis ke mana abang. Ke rumah perempuan barangkali?"

"Ini jauh sekali."

Saya diam dia pun turut diam. Suami saya memecahkan kesunyian dengan katanya, "Khadijah, berapa kali engkau membuat bising di tengah malam, kau curiga kerana aku kembali tengah malam. Sangkaan dan tuduhan yang buruk kau lemparkan ke atasku. Sebaliknya aku sabar kerana aku yakin aku di pihak yang benar."

"Kalau begitu anggapan abang saya yang salah?"

lancar saya memutuskan pembicaraan suara saya.

"Aku tidak mengatakan engkau salah, biarlah aku memberi penerangan dulu kemudian baru engkau bangkang jika ada kesalahan, sebab pun aku mengatakan aku di pihak benar kerana tiap-tiap malam aku berada di rumah kesatuanku di sana bersama-sama dengan rakan seperjuanganku. Aku bermesyuarat untuk keagungan bangsa, agama dan tanah air. Dan kadang-kadang pula terpaksa aku menghadiri rapat parti atau gabungan lain sebagai meraikan atau memberi perangsang pembangunan semangat. Inilah membawa aku pulang suntuk malam."

Selesai sahaja suami saya memberi keterangan, saya membuat bantahan, "Kenapa mesti abang pergi ke sana ke mari sebaliknya rumah tangga abang biarkan? Apa ada gunanya berjuang untuk bangsa? Nah, sekarang dapatkah rakan seperjuangan abang membetulkan kedudukan kita?"

"Rumah tangga tetap aku hormati, apa ertinya kalau aku hanya beroleh dengan rumah tangga tetapi nasib bangsaku terlantar, nusaku menjerit memanggil rakyatnya. Bukankah engkau telah aku suruh memasuki badan pergerakan yang dianjurkan oleh kaum sejenis kau. Tetapi cadangan aku kau tolak mentah-mentah. Di dalam pertelingkahan rumah tangga aku tidak akan memanggil saudara seperjuanganku, kerana perkara ini kita berdua boleh mendamaikan. Ya! kalau perkara besar jangan dipanggil saudara-saudaraku itu siap sedia menjadi pahlawan pembela di segenap medan."

"Saya tidak akan memasuki sebarang kesatuan pun, saya cuma menuntut permintaan yang telah saya kemukakan dulu!"

"Masih kau berpegang teguh dengan permintaan dahulu?"

"Sekali diminta tetap diminta, sebagaimana abang berpegang teguh dengan salam perjuangan abang, selagi merdeka tetap merdeka."

"Redakan kemarahan kau, fikirilah dahulu baru membuat keputusanmu."

"Telah saya fikir beberapa hari yang lewat, kini saya menetapkan kemahuan saya."

Agaknya bergoncang tiang aras kerana kata dua saya kepada suami saya, tidak lain daripada cerai, mulanya enggan dia menerima kata dua saya dengan memajukan rancangan baru kepada saya. Tetapi saya tidak berbalik daripada apa yang telah disiarkan diwan hati saya. Kali ini gelinang atau diplomasi suami tidak berjaya. Dia terpaksa mengaku kalah. Sesudah mengepit kopornya, kepada saya dia minta maaf kesalahannya, terus dia meninggalkan rumah entah ke mana. Barangkali ke rumah kesatuannya.

Gambar hidup talpan saya berhenti sebentar kerana tangan yang menjalankan jentera gambar ini terpaksa mengangkat tangan mengesat air mata. Babak pertama telah tuan tengok, saksikanlah babak yang kedua, jika tidak tuan akan menyesal seumur hidup.

Saya sedang duduk menjahit di ruang rumah saya, dari luar kedengaran bunyi salam. Saya berlari ke luar menyambut kedatangan tetamu. Tetamu telah duduk, minuman dihidangkan, salah satu daripada tetamu ini mengeluarkan kata, "Cik Khadijah, saya datang ini mempunyai tujuan!"

"Cakaplah, takkan pula saya marah, jangan segan-segan jemputlah cik...!"

"Namanya Cik Salihah. Sebenarnya saya ini diutus oleh kesatuan saya untuk memungut derma."

"Derma untuk apa?" tanya saya.

"Untuk mendirikan rumah miskin dan rumah

pelajaran untuk kaum sejenis kita yang melarat kehidupannya dan menyelamatkan gadis-gadis atau wanita kita dari tercebur ke lembah kehinaan. Bantuan Cik Khadijah walau kecil sekalipun akan diterima sebagai gunung yang tinggi."

"Maaf Cik Yah, saya maklumlah pada masa ini di dalam kesempitan. Lagipun saya sekarang ni bujang," alasan saya, padahal suami saya selalu mengirim belanja yang besar jumlahnya.

"Tak apalah," sampuk gadis Maimunah pula.

"Dapatkah kiranya Cik Khadijah mendermakan tenaga iaitu memungut kepada kenalan-kenalan Cik Khadijah?"

"Maaf sajalah Cik Nah. Betul, saya masa ini banyak benar kerja! Hati saya mula mencari jalan untuk melekaskan berangkat tetamu saya. Tidak berapa lama tetamu saya berangkat. Saya mengutuk dan menyeranah. Saya bercerai kerana kesatuan, ini pula mengajak saya masuk kesatuan.

Kini marilah tuan, saya bawa perhatian ke babak ketiga daripada gambar hidup saya, peluang semacam ini jarang berjumpa.

Ini saya sedang berjalan dengan seorang pemuda yang ranggi pakaiannya. Pemuda ini juga orang yang anti kepada parti. Saya berkenal kepadanya sewaktu diadakan temasya ronggeng sebulan sudah. Saya bertemasya ke sana ke mari dengan dia. Pintu dosa berkali-kali telah saya masuki. Saya dibuang sebagaimana kumbang membuang bunga yang telah usai madunya. Tetapi pemuda itu bukanlah kumbang yang seekor sahaja di dalam dunia. Di samping sana banyak berterbangan kumbang, kerja saya tidak lain daripada mengejar kumbang. Aneh! Bunga mengejar kumbang!

Beberapa malam dan siang berlalu, saya diserang penyakit yang menular. Badan saya kurus

kering. Akan saya masuk ke rumah sakit tiada belanja. Penyakit makin bertambah, jalan penghidupan saya menyimpang ke lorong kepapaan, saya tidur di kaki lima, rumah saya telah dijual, pemberian orang, itulah rezeki saya.

Pernah juga saya dijemput oleh Cik Maimunah, Rogayah, Asmah, supaya menginap di rumah pertolongan yang baru didirikan atas derma kaum wanita, tetapi saya tidak terima. Barangkali kerana malu atau sombong.

Selesailah sudah tayangan kenangan saya, saya memerhatikan jalan raya telah sunyi sepi, tanglung yang di luar rumah telah dibawa masuk ke dalam, rupa-rupanya hari akan subuh. Sayup-sayup kedengaran bunyi tabuh di masjid menetapkan besok hari raya. Pintu-pintu rumah dibuka semula terang-benderang, bersahut-sahutan bunyi Allahu Akbar.... Walillah hil ham.

Seorang manusia berdiri di hadapan saya. Membawa sebuah tas. Barangkali hendak diberi apa-apa kepada saya, syukurlah.

"Khadijah," kata orang itu. "Saya suamimu dahulu, saya baru sampai di Singapura selepas puas menjelajah ke seluruh Malaya memerhatikan pergerakan bangsa. Saya tidak sangka engkau akan menjadi begini. Mari saja kembali ke rumah saya."

Saya memeluk lutut, saya tolak permintaannya. Kali ini dia menang, saya terpaksa mengikut katanya.

Alangkah terperanjat saya kiranya saya kembali ke rumah saya yang lama. Selepas mandi-manda badan saya segar semula, penyakit tumbuhan dahulu telah hilang kerana sewaktu saya menjadi peminta, teman seperjuangan saya memberi ubat-ubat daun kayu.

Pagi hari raya orang meminta maaf, saya juga turut meminta maaf kepada suami saya. Dia mence-

ritakan kepada saya dia telah berjaya membuka sebuah gedung syarikat yang dimodalinya sendiri. Kemajuan yang diperolehinya terlalu pantas hingga dia dapat meluaskan cabang-cabangnya ke serata Tanah Melayu dan Indonesia.

"Kanda, izinkan saya memberi selamat tinggal. Sebentar lagi saya berangkat," kata saya menjadikan suami saya terperanjat, dan kata saya lagi, "Bukan ke mana kanda melainkan menghadiri rapat menyambut hari raya dan dua tahun genap Indonesia merdeka!"

"Syukurlah. Aku fikir dinda hendak meninggalkan kanda selama-lamanya."

"Tidak, dari kini dinda dan kanda akan sehidup semati berjuang untuk kemerdekaan negara dan agama. Selamat hari raya dan merdeka!"

Hiburan, 1 September 1947

Benteng Melaka

BENTENG Melaka.

Pelabuhan Melaka pada zaman kebesaran kerajaan penuh dengan kapal kepunyaan saudagar India dan Cina, terutamanya kepunyaan kerajaan Melayu Melaka. Kapal-kapal ini membawa hasil-hasil tanah Melaka untuk ditukar dengan barang yang kekurangan atau tidak ada di Melaka.

Antara kapal-kapal yang banyak nun jauh berlabuh ialah sebuah kapal yang memakai nama "Benteng Melaka." Kelasi-kelasinya hingga laksamananya terdiri daripada bangsa Melayu. Kerjanya Benteng Melaka ialah mengawal laut Melaka daripada lanun dan musuh yang hendak menyerang tanah air mereka. Beberapa kali kapal ini terpaksa menjadi benteng menahan serangan lanun yang bermaharajalela di laut Melaka, kemenangan sentiasa berada pada "Benteng Melaka."

Kembali kita ke pelabuhan yang penuh sesak dengan manusia, di sebuah kedai minuman, Laksamana Osman sedang bertanya kepada orang ramal siapa-siapa yang mahu menjadi kelasinya. Banyak permintaan diterima cuma satu permintaan ditolak mentah-mentah, iaitu permintaan daripada seorang yang muda umurnya.

"Tun Ahmad," seru Laksamana Osman, "Umur

kau baru setahun jagung, darah kau baru setampuk pinang, tentu sekali aku tidak mengizinkan engkau mengikut aku menunaikan kerja-kerja merbahaya."

"Tuan," jawab Tun Ahmad. "Sungguhpun saya muda tetapi semangat muda yang panas memaksa saya menentang merbahaya. Tolonglah beri saya sebarang jawatan di dalam Benteng Melaka, saya berjanji menunaikan segala perintah dengan patuh!"

"Memang benar kata orang tua-tua, orang muda berdarah panas, sebelumnya kau aku ambil menjadi kelasiku, jawablah pertanyaan aku."

"Saya bersedia tuan, hamburkanlah pertanyaan-pertanyaan ini."

"Apakah sebabnya engkau ingin menjadi pelaut?"

"Pertama, darah saya pelaut. Kedua, menjaga tanah air dari musuh. Ketiga kerana ingin merantau. Keempat, kerana ...," terputus suara Tun Ahmad kesedihan terbayang di mukanya.

"Teruskan saja Tun Ahmad," desak Laksamana.

"Tidak tuan. Perasaan tidak membenarkan saya mengeluarkan rahsia diri saya di hadapan ramai."

"Sudah, tidak mengapa. Ah, aku lupa menanya siapa orang tuamu?"

"Saya akan dari Orang Kaya Datuk Mahmud."

"Jadi kau anak dari Datuk Mahmud. Aku memang kenal baik kepadanya. Rupa-rupanya darah datukmu Laksamana Iskandar yang terkenal mengalir di dalam tubuhmu. Adakah orang tua kau mengizinkan belayar di laut?"

"Saya belum bertanya mereka. Pada pandangan saya mereka tidak bersetuju dengan kemahuan saya."

"Sudahlah Tun Ahmad, mari saja kita pergi berjumpa kepada orang tuamu. Aku akan menjadi wakil engkau meminta kebenaran mereka supaya engkau

menjadi anak kapal Benteng Melaka."
 "Terima kasih tuan laksamana!" seru pemuda ini dengan girang.

Selepas laksamana memerintahkan kepada serangnya membawa kelasi-kelasi baru ini ke Benteng Melaka, perjalanan diteruskan ke rumah Orang Kaya Datuk Mahmud. Dua pertanyaan masih kusut bagi Tun Ahmad, akan diizinkan orang tuanya atau tidak. Sepanjang pengetahuannya mereka mahu menjadikan dia seorang menteri. Sekiranya dia tidak dibenarkan, cita-cita patah di pertengahan jalan, cita-citanya akan menjadi angan-angan di dalam impian sahaja, bagaimana jika dia meneruskan cita-citanya dengan tidak ketahuan orang tuanya.

"Tuan," katanya. "Saya percaya tentu sekali orang tua saya tidak mahu memenuhi permintaan saya. Ada lebih baik saya pergi dengan diam-diam saja!"

"Jangan, tidakkah kau ketahui adat Melayu kita yang dipusakai dari dahulu. Pantang Melayu menderhaka. Lebih baik kita huraiakan perkara ini dengan lurus!"

Sunyi sejenak. Tiba-tiba Laksamana Osman memecahkan kesunyian dengan pertanyaannya.

"Apakah perkara keempat yang mendesak kau menjadi pelaut?"

"Tuanlah pertama manusia yang mengetahui rahsia hati saya. Kerana cinta terhadap adik angkat saya Tuan Zainah, kakanda saya Tun Ali turut cinta kepadanya. Saya beralah, biarlah abang saya bersemenang dengan Tuan Zainah."

"Sesungguhnya cinta kau suci, kau selesaikan perkara ini sebagai seorang pahlawan. Sebaliknya janganlah berputus asa, jodoh di tangan Tuhan!"

Lama mereka berjalan akhirnya sampai ke tempat yang dituju. Sesudah bercakap ke hulu ke hilir

barulah maksud yang sebenarnya diterangkan. Orang kaya itu tidak mengizinkan anaknya menjadi pelaut dengan alasan masih muda.

Tun Ahmad meminta sekeras-kerasnya. Apalagi ibunya membantu permintaan supaya Tun Ahmad dibenarkan belayar. Dia berasa beruntung, bahagia, sebaliknya berduka meninggalkan Tuan Zainah. Dia membawa keputusan yang muktamad, kewajiban lebih daripada segala-galanya.

Besok Benteng Melaka akan mengharungi lautan yang besar penuh dengan pelbagai bahaya dan rintangan. Esok sejarah penghidupan pemuda itu akan memasuki alam baru. Alam yang belum dikenal, baik buruknya. Sekali lagi besok sewaktu matahari terbit kepala pemandangannya akan melenyapkan tanah Melaka bersama meninggalkan seisi rumahnya. Dia dilepaskan oleh kedua-dua orang yang dikasihinya dengan air mata. Dia menetapkan akan kembali membawa senjata berlumuran darah siapa sahaja yang menceroboh Melaka.

Malam telah berlalu, kemerah-merahan bermain di muka langit. Perlahan demi perlahan fajar kembali kepada awannya, sang matahari mulai jauh di tengah laut. Sibuk-sibuk anak-anak Benteng Melaka menunaikan kewajibannya, dua anak kelasi memanjat kapal itu yang tinggi, menurunkan tali-temalnya, layar dikibarkan, sauh diangkat, tiupan angin melarikan kapal itu di atas jalan raya yang bergelombang.

Tun Ahmad melihat segala-galanya dengan tercengang, baru pertama kali dia meletakkan kakinya di atas kapal, tiap-tiap perbuatan kelasi-kelasi itu dipandangnya dengan teliti kerana itu semua akan menjadi pelajaran yang akan dikerjakan.

Dua hari Benteng Melaka belayar di lautan yang berombak. Pada hari pertama anak kapal berasa bimbang kerana pukulan ombak yang besar, dengan

pertolongan Tuhan keadaan laut menjadi tenang semula.

Hari yang kedua pula sebuah kapal lanun menyerang mereka. Dengan keberanian mereka, serangan-serangan itu dapat diundur. Banyak juga anak kapal yang luka tetapi tidak berapa parah.

Ke mana tujuan Benteng Melaka menjadi teka-teki kepada anak buahnya. Oleh sebab didorong keinginan mahu mengetahui, Tun Ahmad memajukan soalan kepada Laksamana Osman.

"Tun Ahmad, kapal kita menuju kepada sebuah pulau yang jauh, iaitu Pulau Ceylon. Perintah Sultan, saya disuruh bawa balik orang Melayu yang tertawan di Ceylon."

"Kenapa orang kita tertawan di sana dan siapa yang menawannya?"

"Ceritanya begini, kembali kita sepuluh tahun dahulu, kapal Keris Melaka sewaktu kembali dari Sumatera membawa utusan, di tengah laut diserang oleh angkatan Portugis. Orang-orang kita cuba menahan serangan-serangan itu, oleh sebab senjata mereka lebih bagus daripada senjata kita – keris dan tombak – terpaksa kalah menimpa di atas orang-orang kita. Orang kita yang tertawan ini dibawa ke Portugal. Pada sepuluh hari yang lewat tuanku menerima surat dari bangsa Portugis menerusi seorang serang Cina. Surat ini mengatakan jika raja ingin akan rakyatnya kembali mestilah menukar dengan rempah, tiap seorang berharga seguni rempah. Saya inilah sebagai duta yang diperintah menyelenggara kewajipan itu."

"Kenapa pula Portugis mahu menukar dengan rempah, tidak emas?"

"Sebab di negeri mereka kekurangan, harganya terlalu tinggi, cuma orang bangsawan dan hartawan mampu membelinya."

"Mengertilah saya. Sedih. Saya merasa sedih. Bangsa kita dibuat seperti barang jualan boleh ditukar. Kiranya negeri kita dijajah nasib apakah yang akan menimpa bangsa kita, buat saya lebih baik mati dari dijajah dibuat seperti hamba!"

"Ya, kita mesti mengawal negeri kita supaya jangan dijajah bangsa-bangsa kulit putih, alangkah bersemangatnya Melaka mempunyai pemuda-pemuda yang berjiwa seperti kau, sudah tentu Melaka tak mungkin dijajahnya sebelum darah pemuda-pemuda itu menyerahkan bumi Melaka."

"Tuan Laksamana. Kenapakah kita mesti ke negeri Ceylon tidak ke negeri kulit putih itu?"

"Kerana kapal yang membawa bangsa kita berlabuh di sana. Sudah, jangan banyak cakap, segera tunaikan kewajipan kau!" herdik Laksamana Osman. Dia tersenyum kembali kerana marahnya ialah marah yang terpaksa dibuat supaya jangan Tun Ahmad terlalu manja kepadanya. Di dalam hati dia berbisik 'Sungguh pemuda ini mempunyai darah perjuangan.'

Kini matahari semakin menghilangkan dirinya. Gelap timbul dari jauh semakin dekat, akhirnya, malah menyelubungi lautan. Tun Ahmad sedang memikir kata-kata ayahnya, "Orang tua saya, datuk kau, meninggal berkubur di laut. Sebab yang membawanya ke pintu gerbang maut tak diterangkan oleh ayah dengan alasan cukup umur mengetahuinya." Inilah satu pertanyaan yang sulit rumit.

Hari telah jauh malam, anak kapal Benteng Melaka sedang tidur dengan nyenyaknya. Cuma beberapa orang sahaja berjaga di atas, termasuk Tun Ahmad. Dia menghampiri jurumudi dan terkanya. "Berapa hari lagi kita akan sampai ke Ceylon?"

"Barangkali dalam tiga atau empat hari, Ahmad."

Pemuda itu mengalihkan pandangan ke laut, tiba-tiba dari jauh kelihatan cahaya lampu dari sebuah kapal. "Di sana ada sebuah kapal menuju kita, kapal berniakakah atau lanunkah?"

"Barangkali kapal saudagar," tegas jurumudi.

"Kita mesti bersiap sedia, siapa tahu kapal itu kepunyaan lanun." Dengan segera dia memberitahu kepada laksamana. Bunyi tembakan meriam, orang-orang yang tidur terbangun. "Lekas bersiap sedia dengan senjata!" perintah laksamana.

"Kau, di sana berhentikan kapal kau, kau bunyikan genderang, lekas, ayuh!"

Keadaan kapal menjadi kelam kabut. Kapal yang aneh merapatkan dirinya ke badan Benteng Melaka.

Apabila badan kapal mengenai Benteng Melaka, laksamana berseru, "Kapal siapakah itu?"

Dari kapal yang ditanya hanya kedengaran ketawa yang kuat dan perintah berbunyi. "Ini kapal Portugis yang membawa orang-orang tawanan Melaka."

"Ini Benteng Melaka, sudahkan disiapkan orang-orang kamu, kami telah menyiapkan barang-barang untuk ditukar."

"Tukar? Ha! Ha! Ha! Lebih baik kamu semua menyerahkan Benteng Melaka dengan segala muatannya."

Tun Ahmad selagi tadi memerhatikan keadaan dengan berdiam diri sahaja kini mencampuri tangan.

"Buat menyerah kepada penipu semua tidak sekali-kali, lebih baik mati daripada menyerah diri."

"Suruh diam di sana. Jangan membesarkan diri, lekas beri keputusan, menyerah atau tidak?"

"Tidak!" Dengan serentak dijawab kelasi Benteng Melaka disambung pula dengan perkataan Tun Ahmad. "Ayuh! anak Benteng Melaka mari naik ke kapal Benggali Putih itu!"

Seruan itu disahut segera oleh teman seperjuangannya. Pertempuran hebat berlaku. Belum sempat tukang meriam Portugis menembak meriam-meriam, keris Tun Ahmad melayang ke dadanya. Dia berlari pergi ke tempat meriam itu dan berteriak, "Berhentikan pergaduhan, jikalau tidak kapal ini akan ditembusi dengan peluru meriam!"

Kerana ketakutan anak-anak kapal Portugis membuang senjata dan menyerah diri.

"Siapa ketua kapal ini?" tanya Laksamana Osman.

"Saya!" sahut seorang yang berbadan besar berkulit putih.

"Mana orang-orang tawanan kau?"

"Di bawah."

Orang-orang tawanan di bawa ke atas. Keadaan mereka menunjukkan badan yang kurus kering, di belakang badan mereka bergaris-garis tanda pulukan daripada bangsa Portugis. Kesemua mereka dibawa ke Benteng Melaka untuk dirawat. Meriam dan senjata Portugis dibuang ke dasar laut, kapal Portugis disuruh meneruskan pelayaran.

Kegirangan Tun Ahmad melambung tinggi bukan sahaja kerana kemenangan, lebih-lebih lagi dia dapat bertemu dengan datuknya Laksamana Iskandar yang dianggapnya mati, soal dahulu yang sulit berubah terang.

Pertemuan di rumah Tun Ahmad mengandungi suka yang tidak terperi, pertemuan anak dengan bapa, cucu dengan bapa, pemuda dengan pemudi.

Perbahasan Tun Ahmad dengan Tun Ali berlaku sempurna. Tun Ali tidak mahu berkahwin dengan Tuan Zainah sebab dia tahu bahawa Tuan Zainah cinta kepada Tun Ahmad. Sebaliknya Tun Ahmad tidak suka dengan tawaran abangnya. Dia lebih suka Tun Ali berkahwin dengan Tuan Zainah dengan alas-

an abangnya telah ditunangkan oleh orang tuanya. Menolak permintaan kedua-dua orang tuanya bererti melanggar kata ayahnya.

Putus perbincangan, suara utusan membawa khabar, "Melaka diserang Portugis! Melaka diserang Portugis!"

Askar Melaka bersiap, rakyatnya turut membantu. Tun Ahmad dan Tun Ali serta pengikutnya berlari ke pantai menghadap musuh. Mereka tidak gentar serangan musuh, cuma satu mereka takut, jangan Melaka dijajah."

Sampainya di pantai, dilihatnya orang-orang Melaka mengundurkan diri. Dengan suara yang nyaring kedua-dua saudara ini berteriak. "Pantang anak lelaki undur setapak pun. Bukannya pahlawan membelakangkan musuh. Ayuh anak Melaka mahukah kamu hidup dijajah? Mahukah kamu hidup menjadi hamba? Siapa yang tidak ingin dijajah ikutlah saya!"

Dengan tidak menunggu apa-apa lagi serangan dilancarkan dengan hebatnya, satu demi satu badan rebah ke bumi. Di sana badan bercerai dengan leher, darah mengalir ke bumi merah. Merah, merah kerana menahan putih suci.

Musuh terpukau dengan hebatnya, perjuangan dari darat membawa perjuangan ke laut, musuh tewas, berbaris Portugis dibawa menghadap sultan. Portugis tewas selepas banyak pahlawan Melaka rebah ke bumi sebagai bunga syahid. Tun Ahmad luka di bahunya.

Sesudah musuh dipenjarakan, kerja menanam mayat diselenggarakan. Ibu menangis atas kehilangan anak, isteri bersedih berpisah dengan suami dan....

Selagi tadi Tun Ahmad mencari abangnya, ditanya ke sana ke sini jawapan kosong sahaja. Dicari

antara mayat tidak juga berjumpa.

Ke manakah abangnya? Jika mati di mana mayatnya?

Dia terlupa cuma satu tempat belum dicari iaitu di dalam kapal. Dengan segera dia pergi ke sana. Belum pun sempat dia melangkah kakinya, dari laut dilihatnya abangnya datang mengendong satu tubuh manusia.

"Abang, siapakah yang abang gendong itu. Kenapa abang menangis?"

"Ini tidak lain dari adik kita Tuan Zainah."

"Tuan Zainah? Parah benarkah dia?"

"Tidak berapa, mari lekas bawa pulang supaya boleh dirawat."

Tuan Zainah diletakkan oleh Tun Ali di atas tempat tidurnya, dia tidak sempat mengundurkan diri. Dia rebah di situ juga. Kepalanya di atas bahu gadis itu. Tun Ali meninggal dunia di atas bahu tunangannya. Tikaman musuh menembusi belakangnya.

Sebulan berlalu.

Gadis ini sembuh daripada sakitnya. Perkahwinan antara Tun Ahmad - Tuan Zainah dilangsungkan.

Sedang mereka duduk bergurau senda, pemuda ini memajukan pertanyaan, "Bagaimana adinda berada di dalam kapal itu?"

Dengan tersenyum gadis itu menjawab, "Kerana cinta kepada tanah air, adinda berjuang sama menyamakan diri sebagai seorang lelaki. Nyawa adinda hampir hilang jika tidak kerana Tun Ali. Musuh yang ingin membunuh adinda dapat dibunuhnya. Dia pun turut memasuki pintu kematian."

Hiburan, 15 Oktober 1947

Korban

KEWAJIPAN membawa pengorbanan. Korban mengatasi segala-galanya.

Pidato

"Kenapa Nabi Ibrahim a.s. sedia mengorbankan anaknya Nabi Ismail a.s. dengan sukarelanya, padahal Nabi Ismail a.s. adalah anak lelaki yang dicinta segenap sukmanya.

"Tidak lain korban yang dilakukan bapa itu bukan untuk kesenangan dirinya atau takut menanggung beban anaknya, tidak, melainkan menurut kemahuan Tuhan, berkorban atas nama agama."

"Korban bukan suatu perkara yang mudah, memang mudah disebut mulut tetapi berat pada perbuatan untuk mempersembahkan sesuatu pengorbanan. Hati mesti dibulati dengan kukuh semangat tak dapat diruntuhkan, dengan teguh iman tak dapat dilunakkan, tahan diuji. Korban Nabi bertukar, nyata sekali perintah berkorban dari Tuhan itu hanya untuk cubaan imannya. Tak payah saya jelaskan, tuan sebagai Muslim, dan ibu sebagai Muslimat tentu tahu riwayat korban yang bersemangat itu."

Tepuk ramai membimbing ucapan Rahmat di dalam rapat menyambut Hari Raya Korban penuh sesak dengan manusia. Majlis yang gembira itu, ibu

dan bapa turut mengikut alunan kata-kata itu menikam tepat ke jantung hati.

"Dari mana datangnya korban? Korban berasal dari kewajipan, kewajipan membawa pengorbanan. Korban mengatasi segala-galanya."

Tepuk lagi dari rapat raya itu, kembali senyap. Hadiri yang terkemuka.

Di udara sedang kita berhari raya korban di sini dengan serba kemewahan, tuan di seberang sana saudara kita berhari raya korban dengan mengorbankan segala-galanya untuk menegakkan Indonesia Raya, dengan memakan korban sateria dan pertiwi yang tidak sedikit. Belanda ingin mengorbankan kekayaan Indonesia, tetapi Belanda menjadi korban di dalam menjalankan cita-cita busuk itu.

Di dalam menjalankan korban, pemuda meninggalkan si 'ruang mata' anak berpelukan dengan ibu, semua itu tertinggal belaka, kerana telah dijelaskan korban melebihi cinta, tetapi pula si yang tertinggal itu tidak hanya memerhati dengan hitam mata anaknya atau beraninya berkorban. Sebaliknya mereka juga turut berkorban di medan balakang dan hadapan, menyahut panggilan ibu persada untuk menghidangkan bakti pengorbanan.

Telah jauh saya bawa tuan di dalam perjalanan pidato saya. Kita akan sampai ke akhirnya, sebelum itu sebagai rayuan penutup, marilah pada Hari Raya Korban ini kita bertekadkan akan berkorban untuk berkorban bakti menahan kemerdekaan, diperkotak-katikkan orang, supaya tercipta kemerdekaan agama, bangsa dan nusa. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Merdeka!"

"Tetap!" sambut para hadirin.

Bangun pula Tuan Abdullah sebagai pengerusi majlis mengulas lebih jauh kedudukan pidato Rahmat. Majlis sumbangan dibuka, beberapa ahli pidato

maju ke muka tegak berdiri di atas podium menghamburkan kata-kata yang berjiwa menuju arah pembangunan, ucapan mendapat minat besar semua, khususnya ucapan daripada Puteri Rapeah.

"Pengorbanan bukan saja dapat diberi oleh kaum bapa, korban pula bukan saja haknya lelaki, malahan wanita yang ingin kemajuan pesat berwajib memberi pengorbanan. Kehidupan manusia tua muda, kecil besar dilingkungi korban, untuk bersewang - korban perlu, kehidupan manusia tua muda, kecil besar dilingkungi korban, baru kebahagiaan dan kemerdekaan menjelang. Ingatlah kata saudara Rahmat tadi di dalam syarahannya, 'Kewajipan membawa pengorbanan, korban mengatasi segala-galanya'." Ringkas sahaja sari pidato Rapeah, bekas yang diberinya lebih besar daripada ucapan yang bermuka-muka dan berjam-jam. Barangkali sebab ucapan itu dihamburkan dari mulut seorang gadis juita seperti Rapeah, atau tepat jitu syarahannya tidak berbunga-bunga. Entahlah.

Rapat dibubarkan, hadirin bersurai membawa kembali semangat, harus besok akan mereka memulakan memberi pengorbanan. Sungguh pidato satu alat penanam jiwa semangat.

Di dalam perjalanan kembali ke penginapan, Rapeah membuka suara, "Kanda, besok kita berangkat!"

"Ke mana dinda?" ujar Rahmat.

"Ke medan korban."

Tak ada jawapan, terus Rapeah berkata, "Masa dinda telah sampai, dinda diutus ke sini sebagai anggota penyebar badan derma kemalangan Indonesia untuk memberi saranan (dakyah) kepada saudara-saudara kita di sini, kini kewajipan dinda telah selesai."

"Dinda kenapa tak dapat berkekal di sini?"

"Tak mungkin."

"Bererti kanda dinda tinggalkan?"

"Lupakah kanda pidato kanda sendiri, korban mengatasi segala-galanya?"

"Tetapi pidato ini bukan tertuju untuk kau, hanya untuk pendengar-pendengar saja."

"Kenapa kanda berpidato?"

"Sebagai ahli pidato dan kewajipan kanda sebagai badan pendakwah GAPI, Gabungan Pemuda Insaf."

"Tak lebih dari ini?"

"Tidak."

"Oh, fahamlah dinda, kanda hanya pandai menyusun kata, tak bijak menyusun kerja, kanda lari dari berkorban dan kewajipan."

"Bukti?"

"Dinda tahu kanda dipanggil oleh pusat pemimpin GAPI kembali segera kerana menyelenggarakan kongres yang bakal diadakan."

"Tapi kanda bukan orang Indonesia."

"Ya, benar kanda pemuda di sini. Beberapa bulan kebelakangan datang ke Indonesia, pergerakan di sana kanda mengaku Melayu dengan Indonesia satu. Kewajipan pemuda Indonesia sama juga kewajipan kanda. Ini pula kanda berpaling tadah, barangkali hawa kemewahan dan kesenangan membelenggu semangat kanda. Sayang, orang yang pandai mengeluarkan rangkaian kata bersemangat tidak bersemangat. Orang yang menyeru berkorban lari dari berkorban, pidato kanda tak lebih tak kurang dari kata-kata burung kakak tua."

"Sudah dinda," merayu Rahmat.

"Tahukah kanda kesan apa yang dibawa pada pidato kanda, beberapa wanita berteriak dengan pidato kanda akan bersama dinda ke sana memberi pengorbanan, tidak ada lebih takut dari lari berkor-

ban, selamat tinggal kanda!" kata akhir Rapeah sambil membelok ke jalan lain.

Semalaman Rahmat diharu fikiran, kata-kata gadis itu masih terdengung-dengung di telinganya. "Penakut lari dari kewajipan, pidato kau hanya sebagai kata-kata kakak tua." Dia lari daripada kewajipan, tak mungkin, dia memejamkan matanya, suara berte-riak. "Penakut! Penakut! Penakut!" Pukul lima setengah pagi, kapal Rapeah yang akan berangkat ke medan pengorbanan bertolak pukul enam pagi, setengah jam lagi, dicari keputusan. Akan turut atau tidak. Baik dan buruk bertelagah. "Pergi, pergi, jangan, jangan!"

Dua puluh minit lagi.

Suara takbir menderu datang dari rumah Islam sekeliling, "Tuhan yang Maha Besar" seni kedengaran orang membaca Qur'an berlagu lemah longlai, tertuju kepadanya isi bacaan ayat-ayat suci itu.

"Aku pasti berkorban," dikenakan pakaian dengan kilat, kopor dikepitnya lantas turun ke tanah, kepada sahabatnya dipinjamnya atau auto itu - di pelabuhan- di tempat simpanan kereta di situ.

"Kencang lari, 20, 40 ...," sampai ke kemuncaknya, terlalu mengalahi pelarian kilat tak disedarnya kereta berpaling jalan melanggar sebuah tiang lampu, dia tak sedarkan diri.

Rahmat sedar daripada pengsansannya. Mukanya berbalut kain putih. Dia tercedera. Teman perjuangan mengelilingi dia. Suatu surat kawat menanti dia, "Sedih kanda ditimpa malang, tak dapat berjumpa dinda bertekad, korban mengatasi segala-galanya."

Dia tersenyum, bersemangat sungguh bakal isterinya, barangkali ini balasan orang yang lari daripada korban. Dibalasnya surat kawat itu, "Berkorbanlah dinda dahulu, kanda akan menyusul. Sembuh sahaja kerosakan."

"Jangan berhenti di situ!" ujar teman sambung lagi, "Akan menyusul bersama Angkatan Pemuda Radikal Gelanggang Jihad mencurahkan pengorbanan." Semua tersenyum.

Merdeka!

Hiburan, 1 November 1947

Kisah Tiga Orang Gadis

DUNIA penuh dengan manusia ajaib-ajaib sama ada bentuknya atau perangai lakunya. Antara manusia ajaib terkandung tiga orang gadis, semuanya rupawan, cantik jelita. Sesiapa yang ingin berjumpa atau lemah daripada berjumpa pusinglah kota Singapura masuk lorong kanan dan kiri, dia akan berjumpa bukan seorang atau tiga gadis sahaja bahkan puluhan akan masuk ratusan. Nampaknya pelacuran, dan tak dikatakan pelacuran.

Seorang wartawan yang terkemuka telah melawati lorong yang dianggap "sampah" masyarakat. Lawatan tidak berbau jahat hanya dia suka mengambil fikiran-fikiran gadis-gadis pelacuran di situ untuk dimuatkan di dalam buku bakal diterbitkannya, 'Serba-serbi pelacuran', berpuluh gadis yang telah disoal semuanya memberi jawapan tak ada mata pencarian lain menyebabkan mereka memasuki dunia persundalan.

"Apa tak adakah lain pekerjaan yang cik jalankan untuk mencari makan?" tanya wartawan itu kepada seorang wanita yang masih muda.

"Tak ada," jawab wanita itu dengan muka gembira kerana inilah baru pertama kali dia dipanggil dengan bahasa cik.

"Umpamanya cik boleh menjadi buruh."

"Tak larat bagi saya lagi pula pendapatannya terlalu kecil."

"Mana cik pilih, kecil berpahala, besar berdosa?"

"Saya tahu dosa dan pahala, mengikut falsafah saya, saya berdosa dan berpahala."

"Keterangan."

"Saya tahu saya dikutuk masyarakat, ahli rumah tangga menghina saya, ibu-ibu menyeranah saya, anggapan mereka saya mencuri suami mereka. Saya tidak curi suami mereka sebab kebanyakan mereka tak tahu aturan menarik semangat suami, si suami untuk menyenangkan diri menghampiri ke tempat kami, biar bagaimana saya dicap sampah dan berdosa saya tak ambil pusing."

"Ya! Cik telah menerangkan dari segi dosa, cuba terangkan dari segi pahala."

"Ringkasnya, mengikut faham saya, mana yang akan dipilih seorang suami untuk melepaskan nafsu mengacau keamanan isteri, tenaga, atau orang lain pada dia terus ke tempat kami. Dengan begini keamanan yang bakal rosak atau terancam terselamat, kami semua selamatkan. Apa kata tuan, tuan jangan lupa pula, ada pula ahli rumah tangga lahirnya cantik tetapi melakukan kerja seperti kami dengan gelap."

"Tak dapat saya jelaskan, cuma timbangan pembaca karangan saya."

"Apa semua pelacuran berasal dari kepicikan hidup?" balas lagi pemuda itu.

"Tak semua, ada kerana lain sebab. Kiranya Rohana ada dapat dia terangkan kepada tuan kenapa dia suka kepada pelacuran padahal dia seorang berada."

"Ke mana Rohana?"

"Kembali ke alam arwah dari disebabkan sakit sifilis."

"Cik saja ceritakan kepada saya barangkali ada guna untuk bahan buku saya."

"Nafsunya terlalu...."

"Yang lain-lain, apa membawanya menjadi pelacur? Selain nafsu, tak ada mata penghidupan lain."

"Korban, kahwin paksa."

"Terangkan kepada saya, ada gunanya, apalagi zaman ini angkatan muda, kita mahu membasmi kahwin yang diktator. Jika cik tak dapat menerangkan apa kata kalau cik ajak saya berjumpa dengan tiga gadis yang kata cik...."

"Dengan segala senang hati," jawab perempuan itu sambil keluar dari bilik mencari tiga korban daripada kahwin paksa.

Beberapa minit berlalu.

"Ini Aina, Mariah, dan Harisah."

Terpegun sebentar Salleh kerana ketiga-tiga gadis itu dikenalnya. Ketiga-tiganya pada suatu masa bersekolah Inggeris bersama-samanya.

"Tuan telah kenal lebih dahulu?" kata perempuan itu.

"Bukan berkenal malah teman sekolah dan seorang lagi bekas pujaan saya."

"Yang mana?"

"Mariah."

"Yah," ujar Salleh, "Kenapa kau jadi begini?"

"Cerita panjang lebar."

"Baik."

"Masihkah Leh ingat sewaktu Leh mengirim surat cinta kepada saya melamar supaya menjadi isteri Leh? Saya masih ingat bagaimana saya menolak lamaran ini dengan seribu satu macam penghinaan. Kerana maklum orang tua saya hartawan. Saya dipinang seorang pemuda, sebelum berkahwin saya

dibiarkan berjalan dengan dia sesuka hati, saya sesat jalan terus masuk ke pintu zina. Saya melahirkan seorang anak di luar sah nikah kahwin. Perkara ini cuba saya tutup, tak mungkin, hingga sampai ke pengetahuan kedua-dua orang tua saya, saya diusir, memendekkan cerita, saya menumpang kepada seorang perempuan serupa nasib saya. Di situ anak haram saya lahir, barangkali anak itu tak mahu diterima dunia, dia lari dari dunia buat selama-lamanya. Saya cari pemuda ini kiranya nanti saya, rupanya dia telah pula mengepit gadis lain. Inilah saja perjalanan hidup saya sampai rebah ke lembah pelacuran musuh ketat masyarakat."

Ditulis terus oleh Salleh tak berhenti ... hingga ke hujungnya.

Harisah bercerita, "Saudara Salleh tentu tahu bagaimana kehidupan saya selepas bersekolah, beralasan mencari kesenangan, di dalam alunan terlanggar kepada seorang pemuda akhirnya tersangkut berkait hati. Dia melamar kepada orang tua saya, orang tua saya tak menerima kerana saya telah lebih dahulu dipinang sepupu saya yang tidak mengenal rumah tangga. Saya dikahwinnya dengan paksa. Dua bulan lepas sentiasa penuh dengan udara persengketaan. Tak lama kemudian saya mendengar khabar dia ditangkap, dipenjarakan dua bulan atas tuduhan memakai wang kongsinya, saya ditinggalkan melarat. Kedua-dua orang tua saya menjadi papa kerana membela suami saya. Ibu saya meninggal, tak lama kemudian ayah saya jadi gila. Dia dibawa ke rumah sakit gila meninggalkan saya sebatang kara, saya terjun mengikut Mariah."

Aina meriwayatkan pula, pena wartawan belayar maju.

"Saya jadi korban kahwin paksa lantaran saya mahu dikahwinkan dengan seorang tua. Saya ikut

seorang pemuda yang saya jumpa di dalam pelarian saya, saya terjumpa keburukan sebagaimana nasib Mariah."

"Siapa pemuda yang membuat Mariah dan Hari-sah?" tanya Salleh.

"Ahmad," jawab kedua-duanya dengan serentak.

"Di mana Ahmad sekarang?"

"Mati, sebab terkena penyakit yang berjangkit atau penyakit bunga raya," tegas wanita yang mengenalkan tiga gadis.

"Pembalasan yang setimpal dengan perbuatannya."

"Kau, Harisah mana pemuda yang mencintaimu, siapa namanya?"

"Tauhid, kini dia berada di Mesir meneruskan pelajaran. Pernah dia mengirim surat kepada saya menjelaskan pemergian ke sana kerana mencabut panah asmara. Lebih jauh tulisnya jika saya susah beritahu kepadanya, tetapi saya malu memberitahu."

"Tauhid ini adik saya," ujar Salleh. Semua terpe-ranjat.

Selepas mengadakan rundingan, majlis ajaib ber-sural.

Di muka hadapan akhbar seluruh Tanah Melayu berita berikut terpampang,

Langkah Membasmi Pelacuran.

Pada majlis perkahwinan yang dihadiri oleh ratusan orang pergerakan lelaki perempuan, perkah-winan saudara Salleh Ketua Satu, "Pergerakan Penyelamat Pelacuran" dan seorang wartawan yang tak asing bagi kita terutama dengan bukunya yang baru terbit, *Serba-Serbi Pelacuran*. Persandingan dengan Mariah penulis dua "PPP" dan Encik Tauhid yang baru kembali dari Mesir kini menjadi Ketua Satu, "Parti Politik Agama" dengan penulis dua

"PPP" Cik Harisah telah dilangsungkan dengan selamatnya.

Majlis bertambah meriah apabila di situ juga ditubuhkan gabungan wanita memakai nama "Gabungan Wanita" setelah dipilih Dipertuanya iaitu Cik Aina. Tuan Dipertua telah menegaskan dasar "GW": (1) menolong perempuan melepaskan diri daripada jatuh ke lembah pelacuran, (2) memberi pelajaran agama dengan pimpinan guru agama yang terkenal, (3) mencampuri politik merdeka, (4) membasmi buta dan rabun pergaulan suami isteri, (5) menentang kahwin paksa.

Pemberita kita telah dapat menemui saudara Tauhid yang menerangkan riwayat hidup mereka akan dimuatkan ke dalam *Hiburan* untuk bandingan ramai. Selamat Pengantin Baru dan selamat hingga sampai ke alam cita-cita.

Merdeka!

Hiburan, 15 Disember 1947

Pembela Bangsa

1947 lenyap dari masa, kesan tahun ini patut diingati, kejadian luar biasa di dalam abad itu dicatat oleh ahli sejarah. Kamaruddin sifatnya sebagai seorang pergerakan mencatat tiap-tiap digerakkan di dalam hidup berenang di lembah tahun 1947.

1948 timbul berupa serba baru, yang lama akan tertinggal berubah baru, tak semua pula yang lama tetap tinggal lama kerana semangat kekolotan tak mungkin dikikis oleh zaman baru.

Bagi Kamaruddin tahun baru yang akan tiba dia sudah bertekad akan mengubah tiap-tiap lama yang buruk kepada baru yang bagus.

Masih dia teringat lagi setahun ke belakang, tahun 1947. Bagaimana dia dikritik oleh isterinya Hasnah, dia dicap oleh adindanya, "Pengkhianat bangsa", terdengung di telinganya kata hamburan Hasnah berdesing, "Pengkhianat Bangsa! Pengkhianat Bangsa!"

"Hidup kerana makan, bukan makan kaujadikan syarat hidup." Dia bertegang urat menolak tuduhan itu, mahu menyembunyikan kukunya, kukunya terlalu panjang tak dapat dilindungi, akhirnya rahsianya terbuka. Dia telah memakai wang kesatuan, wang itu wang kesatuan, wang ini dibelikan perhiasan Hasnah. Hasnah dengan sukarela mengembalikan

perhiasan, disuruh jual supaya dapat menggantikan wang "haram" itu. Dari awal tahun baru 1947, Kamaruddin telah bersumpah, telah bertaubat, telah berpaling tadah daripada segala kelakuannya, sama ada tentang memakai wang kesatuan, berebut pangkat di dalam kesatuan dan sebagainya.

Semua ini direnungnya, bukan di rumahnya, bukan di pejabat kesatuannya, bukan pula di sisi gadis yang dicintainya. Segenap sukmanya. Ini berlaku di dalam sebuah bilik tertutup daripada pandangan matahari, tertutup daripada mata manusia, hanya beberapa manusia yang bergaul, yang bergaul di dalam penjara itu.

Kenapa Kamaruddin dipenjarakan?

Entah?

31 Disember 1947.

Besok tahun baru. Kamaruddin akan melangkah kakinya ke alam baru. Alam yang penuh sinaran matahari. Enam bulan dia ditutup di dalam kurungan. Enam bulan tak diperhatinya rupa bentuk sang suria, enam bulan dia diceraikan oleh pemerintah dari sisi isterinya. Enam bulan pula dia tidak menghadiri perjumpaan-perjumpaan anjuran kesatuannya. Enam bulan pula dia lupa erti pergaulan di luar penjara. Pintu kebebasan Kamaruddin ditutup penjajah, ditabir dengan undang-undang kesatuan, dengan undang-undang kemerdekaan suara.

Pukul enam petang, enam jam lagi tahun baru menjelang. Selepas mandi-manda di dalam bilik mandi dia kembali ke penjaranya. Pengawal penjara menghulurkan tiga pucuk surat kepadanya. Belum pun melihat alamat daripada siapa surat itu, dia telah maklum terlebih dahulu, suatu surat pasti daripada Hasnah, satu lagi daripada kesatuannya, dan yang akhir daripada Zakaria, teman seperjuangannya yang menggantikan kedudukannya sebagai yang

dipertua kesatuannya. Sementara dia di dalam penjara ketiga bahagian tempat itu surat-surat itu sering kali mengirim warta berita di luar penjara.

Surat Hasnah.

Kanda Kamaruddin,

Telah lebih kurang dua ratus dua puluh sembilan hari kita berpisah, berpisah bukan dengan kema-huan kanda dan dinda, dipisahkan politik pecah belah penjajah. Sewaktu dinda menulis surat ini, dinda teringat kelak dinda terhadap kanda seta-hun lampau, kanda dikritik, dinda merebut pangkat, pengkhianat bangsa, dan....

Kini pergerakan kanda mengajar dinda bahawa kanda sebagai seorang pemuda yang ber-hak dipanggil "Pembela bangsa". Perjuangan kanda sejak menjadi ahli kesatuan sampai mengangkat kerusi presiden, dinda perhatikan tingkatan yang kanda panjat bukanlah dengan memakai anak tangga berebut-rebut, tetapi dengan jasa, jasa sekali lagi. Pengajaran yang kanda, dinda dan tiap-tiap ahli pergerakan akan dapat ialah, di dalam memperjuangkan nasib bangsa, pangkat tinggal belakang, bakti mesti disembahkan, apabila telah berjasa, pena akan melukiskan dengan tinta emas, pangkat dengan sendiri akan menyusul.

Pembela Bangsa!

Sejak "pembela" jauh dari dinda, pada masa itu sebuah angkatan untuk wanita ditubuhkan, dinda diundang dengan surat di dalamnya menga-takan kedatangan dinda sangat diperlukan. Tenaga dinda di dalam memajukan angkatan sangat penting.

Apa yang dinda mesti buat?

Terpaksa dinda pergi dan dinda dipilih men-

jadi setiausaha angkatan, dinda ditetapi. Dinda tak dapat menolak permintaan seseorang bererti memecahkan harapan, apalagi permintaan itu bukan datangnya daripada seseorang atau daripada serombongan manusia, tetapi datangnya dari ibu, ibu kanda dan ibu dinda, bonda rakyat murba ibu pertiwi. Sungguhpun pada masa itu dinda memegang jawatan di dalam berbagai-bagai gabungan, kesatuan, parti, dan...

Besok tahun baru, dinda berharap kanda akan kembali ke rumah dan kita akan mengunjungi rapat kesatuan kanda.

Patut juga dinda sebutkan dinda, telah mula memasuki dunia persuratan. Karangan dinda akan dimuatkan di dalam "Hiburan" keluaran Januari esok. Tunggu esok sahaja untuk kanda mengkritik hebat salah janggal bahasa gabungan dinda.

Selamat tinggal kanda, esok pintu penjara terbuka seluas-luasnya. Akan melangkah keluar "Pembela Bangsa". Tahun hadapan ... entahlah, masa akan memutuskan. Merdeka!

Surat daripada kesatuan.

Tuan Kamaruddin,

Sebagai menyambut tahun baru dan genap dua tahun terdirinya kesatuan kita, suatu perjumpaan raya akan diadakan di rumah kesatuan. Antara perkara yang akan diputuskan di dalam majlis itu ialah memilih ketua satu dan menambah jawatankuasa.

Kedatangan tuan sangat-sangat diharapkan untuk kejayaan kesatuan kita. Terlebih dahulu dianjurkan beribu terima kasih.

Merdeka!

*Muhammad bin Ali,
Setiausaha.*

Surat daripada Zakaria.

*Saudara seperjuangan,
Merdeka!*

Besok saudara akan merdeka.

*Merdeka untuk bergerak lebih hebat, lebih
kencang meriah dan....*

*Penangkapan saudara timbul semula, masih
panas dari mulut ke mulut, dari muka kertas ke
kertas. Daripada rakyat jelata yang berfaham
seperti kita penangkapan atas diri saudara diang-
gap "kejam" berbau facism, undemocratic. Sete-
rusnya kata mereka kesalahan saudara tak ada
apa hanya "pidato" saudara yang dianggap "ke-
ras" boleh menggemparkan ketenteraman. Tang-
kapan saudara sudah memecahkan keamanan,
siapa salah? Bukan saudara, penangkap saudara-
lah!*

*Selepas sahaja saudara ditangkap kesatuan
saudara diakui sah, hairan! Alasan saudara
ditangkap selain daripada pidato ialah mengepa-
lakan sebuah kesatuan yang tidak sah pada mata
pemerintah, kesatuan yang dianggapnya haram
dan dicapnya merah, sesudah itu pengikut-
pengikut kesatuan kita berjuang sehebat-hebatnya
dengan pemerintah Singapura, Malayan Union
dikeluarkannya, saudara. Malayan Union ghaib
ditelan Mac (Michael) Federation berjalan dimun-
tahkan penjajah. Sampai ke London pusat penja-
jah.*

*Keputusan penjajah tewas, rakyat menang.
Setelah itulah kebebasan saudara dituntut dan*

besok saudara akan bebas dari penjara besi penjajah.

Sampai besok kita bertemu.

1948, menanti saudara. Merdeka!

Zakaria.

Ketiga-tiga surat itu ditaruh ke dalam saku baju, dia merenung sebentar. *Dung! Dung! Dung!* Pukul dua belas. Tahun 1948 menjelang. Pintu penjara dibuka, pengawal mengatakan dia telah bebas.

Beberapa tempat setelah jarum jam berkisar.

Di luar mesti Hasnah dan Zakaria sedang menunggu dengan sebuah kereta. Kamaruddin dibebaskan, rakyat jelata tak mahu menunggu besok-besok. "Ini jam, ini sesaat, Kamaruddin didesak dilepaskan." Cogan kata serupa ini ditampal di sekeliling dinding. Diarak ke sana sini menentang pemerintah. Rakyat bertindak, seorang penyarah menegaskan, pemerintah menangkap tidak menunggu masa, rakyat meminta Kamaruddin dibebaskan tidak menunggu masa.

Buah perjuangan rakyat manis.

Ketiga-tiga serangkai itu hilang ditelan malam, timbul di tengah kancah pergerakan.

Apa nasib pula menunggu mereka. 1949 akan datang.

Tunggulah!

Merdeka!

Hiburan, 15 Januari 1948

Tun Perak Pahlawan Melaka

BERDUYUN-DUYUN penduduk Kelang datang menghadap Raja Melaka, Sultan Muzaffar Syah. Mereka tidak bersetuju dengan penghulunya kerana kezalimannya.

Maka titah baginda, "Siapakah yang engkau ingin untuk menggantikan penghulu itu?" Satu daripada mereka itu menjawab, "Ampun tuanku, dengan persetujuan ramai kami semua cadangkan anakanda tuanku Tun Perak menggantikan yang telah dipecat." Sahut baginda, "Jika kamu semua sudah bersetuju aku luluskan permintaan kamu, kerana rakyat itu raja dan raja itu rakyat."

Selepas daripada itu berangkat Tun Perak dengan isterinya ke Kelang. Dia dikasihi rakyat kerana pemerintahannya adil dan berdasarkan sama rata sama rasa.

Api peperangan menyala-nyala di Melaka. Tentera Siam melanggar negara itu oleh sebab Melaka tidak mahu tunduk di bawah kuasa Siam, pertempuran hebat menjadi-jadi, darah membasahi bumi dan memerahkan sungai dan kuala.

Disebabkan kekurangan askar maka sultan pun menghantar utusan ke Kelang meminta bantuan Tun Perak dan pengikutnya. Seruan itu segera disahut oleh penduduk Kelang, dengan segera

mereka datang menghadap Baginda Muzaffar Syah.

"Ayuhai rakyatku yang dikasihi, Melaka meminta bantuan anak-anak bangsanya adakah kamu semua persetujuan?" seru baginda.

Dengan serentak mereka menjawab. "Benar tubuh patik semua menjadi tanah, tetapi tanah itu ialah tanah suci."

Baginda berasa hairan bukan lelaki Kelang sahaja yang datang bahkan juga kaum ibunya turut bersama-sama, maka bertanyalah baginda kenapa perempuan-perempuan ini dibawa bersama-sama.

"Ampun tuanku, kami berjuang bukanlah kerana tanah air saja tetapi juga kerana kehormatan bangsa dan ahli-ahli kami, kaum ibu kami tidak mengizinkan mereka ditinggalkan. Mereka lebih ingin mati syahid sebagai srikandi!" demikianlah sembah Tun Perak.

Dengan bersenjatakan lembing dan keris, dengan semangat berkobar-kobar tak mahu dijajah, musuh ditentang dengan beraninya, bertubi-tubi mereka melancarkan serangan terhadap pihak musuh sehingga memakan korban yang tidak terhingga banyaknya, akhirnya musuh undur lintang-pukang, kemenangan berada di pihak Melaka.

Sebagai mengenangkan jasa-jasanya Tun Perak, dia dianugerahkan pangkat menjadi perdana menteri.

Sekali lagi Siam melanggar Melaka, kali ini mereka menyerang dari laut dengan perahu-perahunya. Oleh sebab Melaka kekurangan perahu untuk membalas serangan Siam, mereka pun berikhtiar mencari jalan menangkis serangan musuh.

Dengan fikiran Tun Perak disuruhnya orang membakar pokok-pokok bakau apabila malam hari, manakala orang-orang Siam melihat api-api itu terlalu banyaknya difikirnya perahu-perahu Melaka, maka larilah musuh kembali semula ke Siam.

Dengan sebab pandai siasat Tun Perak, terselamatlah Melaka daripada serangan Siam dan daripada terjajah.

Hiburan, 1 Februari 1948

Kanan dan Kiri

KHALID telah lama merapatkan tali percintaan dengan Zahrah, telah terbayang juga dan telah meriak pula berita-berita mengatakan Khalid – Zahrah akan mengikat tali perkahwinan. Jika Zahrah berkahwin dengan Khalid, tingkatan-tingkatan atas akan gempar sebab Zahrah seorang wanita yang berdarah Tengku, sebaliknya Khalid hanya daripada golongan rakyat murba. Berpuluh kali Zahrah telah didesak oleh kaum keluarganya supaya membatalkan perkahwinannya dengan alasan tak sepadan dan tak sekedudukan.

Walau bagaimana didesak, wanita itu tidak mahu berganjak daripada keputusannya, dia menyintai Khalid sepenuh sukmanya. Khalid telah berbudi kepadanya, budi yang besar ertinya. Masih dia teringat lagi sewaktu baru askar penjajahan mendarat di Tanah Melayu, bagaimana dia akan dirogol oleh seorang askar yang sedang mabuk tak sedarkan diri, hampir dia menyerah diri, tenaga untuk melawan kosong. Mujur juga seorang pemuda menolongnya dengan meninju askar itu sehingga askar itu rebah ke tanah.

Dia dapat juga membalas budi Khalid dengan membayar denda kepada kerajaan sebab Khalid dituduh memukul seorang tentera. Jika ditimbang

budi pemuda itu belum begitu bererti dengan budi pemuda di mana kesuciannya tergantung.

Perkenalan mereka semakin menjadi, akhirnya berputik perasaan sukma suci murni.

Kini berita yang lebih dipercayai menjelaskan Khalid - Zahrah tak mungkin bersatu jika pemuda ini sekalipun dapat berumah tangga, percayalah! Rumah tangga mereka pasti tak mengenal damai, perselisihan mesti berlaku.

Daripada ramalan cerita yang menerbitkan berita ini bukan kerana kedudukan keturunan atau kemuliaan yang menjadi pokok pertikaian tetapi fahaman masing-masing. Fahaman dalam politik, fahaman kanan dan kiri, Khalid berfahaman kanan, dia menjadi setiausaha pertubuhan yang berkembar dengan Pekembar, Zahrah pula menjadi jawatan-kuasa, AWAS, Angkatan Wanita Sedar.

Mulanya mereka bergaul seperti biasa seolah-olah suatu pun tidak berlaku, pernah kedua-duanya menghadiri suatu rapat dan kedua-duanya sering kali bersalah faham sehingga menimbulkan perbincangan hangat, sesudah keluar dari rapat beriring mereka keluar berjalan bertemasya.

Entah apa sebabnya, barisan kanan berkecil hati dengan barisan kiri, daripada kecil menjadi besar hingga mogok, boikot, memulau, hartal berlaku, masyarakat mula kucar-kacir terbawa-bawa, kematian suatu puak tidak dilawati, perkahwinan, keramaian dan seterusnya. Inilah punca berita mengatakan perkahwinan Khalid - Zahrah dimansuhkan.

Jika diperhatikan gelagat Khalid - Zahrah benar juga khabar ini, Khalid jarang berdua-duaan sukmanya, dan sebaliknya perkara yang tidak dingini berjalan beberapa minggu.

Sepucuk surat menanti Zahrah di markasnya,

surat dibuka lantas dibaca.

Adinda Zahrah,

Sayang sekali pergaulan kita tak seperti pada masa lampau, siapa yang mesti kita salahkan? Kitakah? Dindakah? Parti kitakah? Atau anggota kita?

Berkali-kali kanda cuba menghancurkan soal sulit rumit ini, pelbagai jawapan timbul, pernah juga kanda salahkan dinda sebab turut bersama-sama mereka, di sini dinda, bersedia seorang manusia mencintai dinda dengan penuh hatinya.

Dinda,

Dinda memasuki AWAS kerana membela hak kaum wanita. Tak percayakah dinda selagi kanda hidup di maya selagi itu kanda menjadi pembela dinda. Alangkah bagusny kalau dinda memasuki gabungan kanda. Kita sentiasa dapat bersama-sama sefaham di dalam pergerakan, apalagi kalau berumah tangga.

Penutup surat ini kanda serahkanlah kepada dinda untuk memikirkannya semasak-masaknya cadangan dan kemahuan kanda, harap dinda sudi membalas surat kanda yang tidak sepertinya ini.

Kandamu,

Khalid

Tak menunggu masa surat itu dibalas.

Kanda Khalid,

Surat kanda telah diterima dan jelas kemahuan kanda. Tetapi sayang sekali kemahuan kita jauh berbeza, dinda ingin kanda cinta kepada dinda dengan sebenarnya, bukan dengan penuh semangat, takut nanti semangat itu tertumpah kepada

dinda hilanglah semangat untuk membenarkan dinda membela kaum jenis dinda. Kanda dapat membela dinda, dinda percaya tapi dapatkah kanda membela saudari dinda, dapatkah kanda menentukan nasib kaum wanita?

Kanda berharap dinda bergerak sama dengan kanda sekata sefaham. Maaf sahaja permintaan itu dinda tolak mentah-mentah. Dalam pergerakan masing-masing mempunyai fahaman-fahaman yang tersendiri.

Cinta kanda kepada AWAS mengatasi cinta dinda kepada kanda, dari itu dinda tak dapat mengikis faham yang telah dinda anut, yang sehati dengan jiwa dinda, itulah satu-satunya yang dinda kasih.

Biarlah kanda kata dinda bersalah!

Mengikut fikiran dinda kanda, dinda dan pengikut-pengikut kita yang salah, kurang seperti di dalam soal pergerakan dan pergaulan. Salahnya kita kerana mementingkan perkara-perkara yang lain sehingga tertinggal mendidik anggota kita dalam hal disiplin atau tata tertib dan ... kesalahan ini dapat dibetulkan, terpulanglah kepada kita mencari jalan membetulkan kedudukan masyarakat kita yang telah kucar-kacir dipukul dua roda fahaman.

Jika kekasaran bersarang di dalam surat dinda jangan marah kanda ya!

Merdeka!

*Dindamu,
Zahrah.*

Khalid membalas.

Dinda.

Terima kasih setinggi-tingginya atas keterangan

dinda, kanda lihat anjuran kita mengadakan sebuah rapat di situ akan kita beri penerangan selengkapnya kepada anggota kita semua.

Persetujuan dinda inilah yang dinanti, kanda sedang mengatur persediaan.

Hidup Melayu!

Khalid.

Rapat berjaya, selang beberapa hari keadaan kampung tenang, sungguhpun masing-masing berlainan fahaman. Ada masanya mereka sama sefahaman seperti mendirikan sekolah dan masjid, memungut derma palang merah, membantu fakir miskin, malahan mereka bersatu padu memeriahkan hari perkahwinan Khalid - Zahrah - Merdeka!

Hiburan, 15 Jun 1948

Maznah

BUKAN sahaja segambar di atas persada malahan segambar di dalam jiwa.

Singapura 3.3.47.

Saudara,

Memburu kerja bukannya senang saudara. Dua bulan saya meninggalkan kampung malahan berkejar ke kota besar Singapura, untuk mencari kerja, sampai kini kerja belum juga menjumpai saya. Ratusan kilang saya geledah, puluhan pejabat saya tempuh ... saya keluar tidak kerja bersama-sama saya.

Baru sebentar tadi saya membaca di dalam ruangan adaptasi, sebuah convent mencari seorang tukang kebun.

Sebentar lagi saya akan melamar kerja kebun itu dan surat untuk saudara akan saya masukkan ke peti merah.

Doakanlah mudah-mudahan saya mendapat kerja. Merdeka!

Mubarak.

Singapura, 7.3.47.

Saudara,

Belum pun saudara menjawab surat saya, surat saya sekali lagi menjumpai saudara.

Kerja kebun yang saya sebutkan telah saya perolehi. Kalau dipandang memang gajinya terlalu kecil, kalau saya menolak pula 49 999 kaum buruh yang menganggur akan merebutnya. Tahu-kan saudara di Singapura kini zaman terbeban dengan 50 000 pengangguran, saya satu daripadanya.

Kerana saya mesti memperelokkan kebun convent, terpaksa saya tinggal di sana, di dalam sebuah rumah kecil yang disediakan khas untuk saya.

Kalau saudara belum mengenal itu convent, izinkan saya menuang seringkas-ringkasnya.

Convent bersifat sebuah tempat yang dikhas-kan untuk pemeliharaan anak yatim. Orang yang tidak berumah tangga dan gadis yang menyekali hidup atas beberapa sebab. Pengajaran pertama diajar dalam convent ialah agama Kristian.

Anak-anak perempuan dan gadis-gadis yang tinggal di situ seramai 120 orang, termasuk gadis-gadis Melayu, tetapi jumlahnya boleh dihitung jari. Entah kenapa dan bagaimana gadis-gadis Melayu ini berada di dalam convent menjadi teka-teki bagi saya, tetapi nyata saudara, ini suatu bukti menunjukkan kepada kita kemiskinan bangsa kita, hingga gadis-gadis kita melarat ter-paksa dipelihara oleh bangsa asing, dikawal oleh agama lain.

Demikian sahaja surat saya kali ini. Lain kali saya teruskan.

Merdeka!

Mubarak.

Singapura, 13.4.47.

Saudara,

Semalam saya menerima surat kiriman saudara yang mengatakan ibu saya meninggal dunia. Saya hairan saudara kenapa saya tidak mengeluarkan air mata. Barangkali kerana kehidupan saya selalu menemui kematian sehingga kematian bagi saya tidak bererti lagi. Sebulan dahulu ayah saya mati, berikutan dua minggu Zaidah, kecintaan saya hilang ghaib ditelan maut. Ini pula ibu saya, bila gerangan saya mati?

Saudara hairan menanya saya bekerja di convent.

Kenapa hairan saudara? Saya sebagai seorang yang kuat memegang agama tidak berhak untuk mencari rezeki hidup. Kehidupan halal saudara janganlah dipilih tempat. Saudara jangan berasa bimbang. Saya bekerja di tempat pembangunan agama Kristian, tidak mesti hati saya turut terpaut kepada kepercayaan agama itu. Iman teguh, badai memukul lemah sahaja, saudara jangan bersusah. Kewajipan agama saya teruskan, sembahyang saya majukan.

Ganjil!

Luar biasa saudara!

Sedang saya sembahyang asar kira-kira jam lima, selepas bekerja, loceng gereja turut berbunyi. Halus nyaman, kiranya lemah keimanan, dengungan pertama akan menarik kita ke tempatnya.

Saudara, saya pinta seboleh-bolehnya saudara aturlah semolek-moleknya perkuburan ketiga orang yang saya kasih yang telah berper-

gian lebih dahulu. Kuburan Zaidah saudara taburkan bunga melati, dan ibu, bunga melur. Dan ayah saya buatlah suka saudara. Bersama-sama surat ini saya sertakan wang penutup belanja.

Merdeka!

Mubarak.

Singapura, 27.3.47.

Saudara yang diingati,

Lain kali kirimkan saya gambar saudara dan isteri. Mendengar berita saudara baru kahwin saya mengalirkan air mata. Saudara beruntung Aini tak dapat keluar dari paku asmara saudara.

Tak dapat saya menulis lebih jauh saudara kerana suatu perasaan baru mempengaruhi diri saya.

Merdeka!

Mubarak.

Singapura, 30.3.47.

Saudara yang dikasihi,

Maaf saudara surat ini tidak bersetem. Maklum di kedai saya biasa membelinya kehabisan. Jangan marah saudara membayar dua kali harganya.

Sebagaimana saya terangkan setiap saya sembahyang asar, loceng gereja turut berbunyi. Pada masa inilah berduyun-duyun anak-anak convent berjalan berbaris memasuki gereja kecil di kawasan ini.

Saudara, nyanyian mereka memuji Jesus berlari ke telinga saya. Untuk menutup telinga daripada nyanyian itu doa yang saya baca saya kuatkan. Dengan begini tenang kembali perasaan

saya yang mulanya mendesak mengikut irama nyanyian itu.

Pada suatu hari kedengaran nyanyian semakin kuat, doa saya, saya kuatkan lagi hingga selesai.

"Amin," sahut suatu suara halus. Tersentak saya. Ah! Perasaan dan angan-angan. Mengenang bidadari baiduri, atau syaitan membuat honar di kala beribadat.

"Rabbana atina fit dunia hasanah!"

Saya berhenti sebentar mengambil nafas.

"Wa fil akhirati hasanah," suara halus menyambung.

Saya terperanjat, saya menoleh ke tempat suara lunak ini.

Senyum manis ketawa menjemput saya.

Saya membalas senyum, khayal....

Saya teruskan pembacaan saya, "Wal hamdu-lillahi rabbil alamin."

"Amin." Ada lagi suara menyela dewasa itu.

Terpaksa saya berhenti di sini kerana pena saya kehabisan dakwat. Petang saya akan melawat rumah seorang kawan saya. Nanti akan saya penuhi pena saya dengan dakwat.

Merdeka!

Mubarak.

Singapura, 1.4.47.

Sahabatku yang diingati,

Belum juga saya menerima surat saudara. Barangkali saudara marah surat saya dahulu yang tidak memakai setem.

Menyambung kejadian kelmarin.

Saya pandang dia, dia renung saya. Menggele-

tar seluruh tubuh saya.

Dia dan saya terdiam.

Saya tak dapat berkata seolah-olah bisu. Saya beranikan juga.

"Kenapa tak ke sana?" tanya saya menunjuk kepada gereja.

"Ke gereja?"

"Ya."

"Saya belum pernah ke sana."

"Saudara kan orang sini?"

"Benar, tapi kepercayaan saya bukanlah kepercayaan sini."

"Kepercayaan saudara yang asal?"

"Percaya kepada Islam."

"Habis kenapa saudara berada di sini?"

"Pintu bantuan untuk masyarakat tertutup buat saya."

Diceritakan kepada saya kesemuanya. Ayahnya seorang berketurunan raja. Oleh sebab ayahnya lebih mementingkan dan membela rakyat jelata, ayahnya terfitnah oleh kaum atasan. Kerana fitnah kehidupan ayahnya semakin lama semakin sempit dan membawa ayahnya ditimpa malang, dipukul fitnah, dilanggar duka nestapa.

Ibunya lebih dahulu mencari jejak syurga sebelum ayahnya. Maznah nama gadis itu, bekerja seboleh-bolehnya untuk membongkar rahsia ayahnya terfitnah, dia pula menerima fitnah. Dia dikatakan pelacuran bertopeng, ini juga datang daripada golongan atasan. Dia dihalau dan bagaimana rumahnya dilelong tidak berhubung pangkal.

Dia lari ke Singapura. Dia pernah berniat untuk menjadi pelacur, dengan pertolongan baik seorang perempuan Inggeris dia dibawa ke mari. Berkali-kali sudah dicarinya suatu gabungan yang

sebenarnya berjuang untuk menentukan nasib masyarakat.

Lama nian kami berbega ke sana sini meninjau masyarakat, memerhati gelagat manusia.

Dari sini di dalam saya timbul suatu perasaan menyeram sukma. Sebab itulah surat saya tanggal 27.3.47 kurang isinya.

Saudara jangan lupa gambar saudara dan Aini untuk saya. Salam Maznah dan saya kepada Aini.

Merdeka!

Mubarak.

Singapura, 17.4.47.

Surat saudara berisi gambar saudara Aini telah saya terima. Gambar ini saya letakkan di meja saya. Di sampingnya terletak gambar Maznah.

Saya ingin kalau saya dan Maznah dapat segambar sebagai saudara dan Aini. Bukan segambar di atas persada malahan segambar di dalam jiwa.

Mulai kini saudara, asmara berulang ke sukma dia dan saya.

Cintanya kepada saya, saya kepadanya, bukanlah suatu rahsia lagi. Kami bercita-cita akan memasuki pintu perkahwinan melalui agama Islam. Masanya telah kami tetapkan sebulan lagi.

Doakanlah mudah-mudahan saya berjaya. Gambar Maznah saya kirim satu untuk saudara. Maznah memberitahu dia ingin berkenalan dengan saudara, terutamanya dengan Aini. Suruhlah Aini berutus surat dengannya.

Merdeka!

Mubarak.

Singapura, 30.4.47.

Maznah berterima kasih kepada Aini atas buku agama kirimannya bernama Agama dan Masyarakat.

Hari ini hari penghabisan saya berkawan sama dengan Maznah. Ketua-ketua convent di situ tidak suka saya bergaul sebegitu rapat dengan Maznah, lantaran ini saya dibuang kerja.

Terputus perhubungan saya dengan Maznah.

Saya keluar, keluar pada kala subuh. Melambai dari tingkap kepada Maznah, saya teruskan perjalanan mengikut haluan kaki.

Merdeka!

Mubarak.

Johor Bahru, 23.5.47.

Saudara,

Saya sekarang berada di dalam sebuah tempat bekerja di Johor. Berhubunglah surat-surat dengan saya di alamat di atas.

Merdeka!

Mubarak.

Singapura, 27.5.47.

Tertutup riwayat Maznah. Saya sedang berada di tempat kerja di Johor, satu surat kawat memanggil. Saya ke Singapura, tidak menunggu masa saya berangkat ke sana.

Saya sampai di convent, saya menjumpai penguasa yang melepaskan saya kerja. Dia memimpin saya ke sebuah bilik.

Saya lihat tubuh manusia yang kurus kering, bernafas turun naik, saya tak kenal di dalam perubahan muka yang sebegitu cengkung. "Maznah," kata pengenalan penguasa itu.

"Maznah," teriak saya lantas saya ke sana.

"Kanda."

Lama saya memujuk merayu Maznah, saya keluar berjumpa penguasa dan saya mengeluarkan runtunan hati irama sukma.

"Tuan, sebagai seorang yang bekerja untuk kepentingan manusia, mana tuan pilih, mati atau hidup? Tuan akan menyangka hidup untuk Maznah tidak ada lagi. Tuan jangan berputus asa. Ikh-tiar masih ada, saya berjanji dan berkeyakinan Maznah dapat saya segarkan dengan pertolongan Tuhan. Saya minta biar saya bawa dia dari sini!"

Mulanya dia membantah dari segi alasan agama, seterusnya. Akhirnya saya menang. Maznah saya bawa ke rumah seorang dukun. Sini sahaja-lah saya berhenti.

Merdeka!

Mubarak.

Singapura, 3.7.47.

Maznah segar sakitnya. Sudah sembuh. Tanya saya sakit apa? Sakit....

Bersama surat ini saya kembalikan surat jem-putan perkahwinan saya dengan Maznah.

Merdeka!

Mubarak,

Singapura.

Hiburan, 31 Julai 1948

Asriah, Bintang Filem

SAYA tahu!

Menyebut nama Asriah cukup menarik hati. Siapa yang tidak kenal Asriah? Asriah, bintang filem. Mutiara taman penglipur lara. Pada tiap-tiap bibir nama Asriah menjadi perhiasan.

Kenalkah tuan kepada Asriah sebagai perkenalkan saya?

Tahukan encik pada Asriah sebagaimana tahunya saya akan dia? Saya tahu dia semasak-masaknya.

Tahukah para pembaca kehidupan Asriah sebelum melakon dan sesudah berlakon?

Saya kenal, buruk bagus, baik jahat, kasar halus Asriah.

Asriah ialah saudara tua saya.

Menceritakan kejadian-kejadian ini terpaksa saya terbang ke zaman silam.

Saya dan Asriah bersekolah pada zaman percampuran antara pemuda pemudi tidak tersekat. Asriah pada masa itu lima belas tahun, kami berdua terdiri daripada famili yang sederhana, tetapi Asriah mempunyai suatu perangai membesarkan diri, jarang mahu mengatakan keadaan kesusahan menimpa dirinya.

Di sekolah kami pula turut menuntut seorang

pemuda, berkelakuan lemah lembut berhadapan dengan jenis itu dan berkasar kalau kemarahan ada pada dirinya. Pemuda ini mengikut pengakuannya lebih rendah daripada sederhana hidupnya.

Barangkali Hamdan yang mendahului cinta kepada Asriah ataupun Asriah mendahulukan tidaklah saya tahu. Melainkan saya ketahui apabila mereka telah cinta-mencintai antara satu sama lain.

Pada suatu masa yang lain sedang saya bersama Asriah duduk di muka rumah, Hamdan tiba menjumpai Asriah mengajak bertemasya. Ajakan Hamdan ditolak Asriah dengan muka yang menghina-hinakan. Pernah pula Hamdan melukiskan kata hatinya kepada Asriah dengan berterus terang tetapi Asriah cuma berdiam diri. Perbuatan serupa ini berkali-kali terjadi menyakiti hati pemuda itu.

Kenapa Asriah berkelakuan begini, gelap bagi saya?

Asriah oleh sebab kemahuannya sendiri telah meninggalkan bangku sekolah beberapa minggu kemudian. Hamdan pula menarik diri dari sekolah kerana bantuan wang untuk meneruskan pelajarannya tidak ada.

Dengan bantuan sebuah badan membantu penuntut Melayu Semenanjung dapat Hamdan meneruskan penuntutannya ke luar negeri.

Asriah kakak saya jatuh cinta sekali lagi, kali ini dengan seorang pemuda hartawan. Entahkan apa, percintaan berumur singkat.

Saya beberapa kali menasihati Asriah supaya berpegang dan berkeyakinan pada yang satu, saya menerima bungkangan.

Sekali lagi Asriah diserang cinta. Sekali ini dengan seorang pemuda yang gagah. Begitu juga belum dalam panah asmara menerusuk Asriah, Asriah lebih dahulu mencabutnya keluar, tinggal

Asriah tidak bercinta.

Ini suatu teka-teki bagi saya.

Kalau Asriah menolak cinta Hamdan, lantaran Hamdan miskin, kenapa pula ditolaknyanya cinta pemuda hartawan dan pemuda gagah itu?

Memang kesukaan Asriah menonton filem. Boleh dikatakan dia bukan menonton ceritanya, dia menonton pelakornya. Asriah nanti memuji kecantikan pelakon-pelakon perempuan dan dia bercita-cita pula pada suatu masa dapat menjadi bintang filem.

Kota Singapura ditawan oleh suatu berita, sebuah syarikat filem mencari pelakon. Pemuda pemudi yang berpelajaran. Penerbangan berita ini menyinggahi telinga Asriah. Asriah menyiasat lebih jauh supaya jangan dia dipermainkan angin bohong. Sesudah sah berita, baru dia ke sana. Di sana dia disambut, ditanya disoal.

Saya baru maklum Asriah menjadi seorang pelakon apabila saya memerhati pelekat-pelekat yang bertampal di sekeliling kota di mana gambar Asriah tersenyum simpul. Saya memandang kepada pemandangan huruf besar yang bertulis dengan Asriah di dalam cerita "Lagu Berirama".

Nama Asriah kian lama kian membumbung meningkat kemasyhuran. Asriah pada masa ini sibuk menamatkan lakonannya yang ketiga belas, "Penjenayah Bangsa".

Sesudah "Penjenayah Bangsa" ditayangkan sebagai ogokkan seluruh dunia, Asriah menerima perhatian daripada ahli-ahli kritik. Ahli-ahli kritik ini menjerit meminta supaya Asriah diberi lakonan bersifat dramatik. Asriah sebagai ibu di dalam "Penjenayah Bangsa", cukup membuktikan dia dapat melakonkan bahagian yang susah.

Surat kritikan ini menerima sambutan daripada syarikat filem ini yang sedang berusaha mencari

suatu cerita drama berpadanan dengan kebolehan Asriah, beratus-ratus buku dimajukan kepada syarikat ini. Bagaimana datangnya buku-buku ini begitulah keluarnya. Sedang syarikat mahu meletakkan sahaja Asriah di dalam sebarang bahagian. Pada kala ini juga suatu cerita oleh pengarang muda, Munawar, cuba menjual ceritanya kepada syarikat itu. Syarikat Munawar bertajuk "Patah Tumbuh di Hari Raya", menerima sambutan besar syarikat itu.

Dengan menggunakan tenaga kilat, "Patah Tumbuh di Hari Raya" siap sedia, hari pembukaan besar akan ditunjukkan pada malam hari raya. Selain daripada pertunjukan filem yang dinanti-nanti ini, Asriah sendiri akan memberi ucapan di atas panggung, lebih lagi pula pengarang cerita ini juga akan sama memberi ucapan.

"Patah Tumbuh di Hari Raya", malam pembukaan.

Pukul 8.30 malam.

Suara muzik, bernyanyi.

Sunyi sebentar.

Suara pembicara terdengar, "Syarikat akhbar-akhbar dengan penuh kegirangan menghadihkan kepada Asriah sebuah piala emas kerana lakonannya di dalam cerita Patah Tumbuh di Hari Raya."

Tepuk tangan bergemuruh.

Sunyi semula.

Suara pembicara, "Kesatuan pengarang cerita dengan sukacita menghadihkan kepada Tuan Munawar sebuah piala emas kerana telah menciptakan cerita dramatika yang terbagus pada tahun ini."

Tepuk tangan gemuruh.

Semua mata menuju Munawar.

Mata Asriah juga ke sana.

Munawar dan Asriah.

Dari kedua-dua mata bulat mereka terkeluar suara.

"Hamdan."

"Asriah."

Kedua-duanya membatalkan penontonan malam itu, sebab kedua-duanya akan menghidupkan rasa cinta yang telah patah supaya hidup bukan hidup seminggu, sebulan, setahun, patah kembali, tidak, tetapi hidup berdua untuk selama-lamanya.

"Patah Tumbuh di Hari Raya", akan patah pulakah rasa cinta mereka, biar sejarah menjadi hakim, kita menjadi penonton.

Hiburan, 7 Ogos 1948

Ina

16 Ogos 1948.

DARIPADA suara radio, demikianlah nama-nama perajurit putera dan puteri kita yang telah gugur sebagai melati pusaka bangsa dalam menegakkan Republik Indonesia.

Antara nama-nama bunga bangsa yang gugur tetap harum selama-lamanya, termasuk Ina, wanita dari Tanah Melayu.

17 Ogos 1948.

Hari masih pagi, baru sebentar saya mengerjakan subuh dan membaca beberapa amalan saya yang berupa doa.

Pukul lapan pagi nanti, saya akan bersama-sama warga republik dan orang-orang yang bersimpati dengan kami, akan mengadakan rapat sambutan genap tiga tahun "Merdeka" diisytiharkan seluruh Indonesia Raya.

Untuk menanti masa, saya membawa berfikir, menggambarkan kejadian semalam.

Memutar roda peringatan.

Satu demi satu kembali kisah yang ditinggalkan tarikh, riwayat yang tak mungkin saya pudarkan selama-lamanya.

Pada masa pemerintahan Jepun, saya bertemu Ina pada malam kesepian di panggung Marai Gikiju

kini bernama Garrick Theatre. Ina turut mengambil bahagian mempersembahkan kesenian tarian selayang. Saya juga memberi sumbangan dengan menghidangkan tarian menimang keris. Selepas persembahan kami berdua, kami bertukaran senyum, bertukar kata, akhirnya kami bermesyuarat akan mempersatukan diri hingga merupakan dua serangkai. Kami berdua selalu sahaja dipinta untuk mempersembahkan kesenian berupa ragam.

Dari kami yang menerbitkan persatuan kesenian, yang hanya mula bertujuan menghidangkan kesenian-kesenian Timur dengan memakai nama "Dua Serangkai", kian lama kian berubah timbul rasa seni dari sukma kami berdua. Kami terjumlah dalam korban tusukan panah lepasan busaran asmara.

Saya telah mengikat janji dengan Ina akan berkahwin dalam masa tiga tahun lagi. Kiranya masa bahagia yang kami nanti-nantikan itu tidak akan tiba. Pada hari penyerahan Jepun, lebih tepat pada hari kemerdekaan Indonesia diisytiharkan melalui seluruh buana oleh Bung Karno dan Bung Hatta, Ina meninggalkan saya. Dia meninggalkan saya tanpa mengeluarkan sepatah kata, tidak pula berhadapan muka, cuma surat diserahkan oleh ibu Ina ke tangan saya.

Surat yang lebih besar harganya daripada barang-barang yang berharga yang diletakkan di dalam sekolah perpustakaan.

Surat Ina.

Kanda,

Masih terngiang di telinga dinda, suara dari peti radio, suara daripada bapa perjuangan kita. Suara sebagai kekuatan atom menghancurkan perasaan takut dan ragu di dalam jiwa rakyat

Indonesia, yang masih bergoyang untuk "Merdeka".

Suara kedua pimpinan besar kita menerusi tetuang udara menusuk jauh ke dalam jiwa dinda.

Masihkah kanda ingat uraian kata kanda.

"Dalam usaha mencapai kemerdekaan, gerakan mesti dilancarkan dari segala jurusan - politik, ekonomi, masyarakat, dan kesenian. Tanggungan tiap-tiap warga negara mencurahkan bakti di dalam segala lapangan, dengan kumpulan jasa bakti ini menjadi benih menumbuhkan pusaka mengharumi udara negara".

Dinda ingin menjadi pusaka menerbitkan aroma mengharumi udara yang penuh dengan bau kesempitan dan penekanan batin, dinda ingin mencurahkan bakti.

Hiburan, 28 Ogos 1948

Nasib Seorang Seniwati

SAYA, Julia berdiri di atas sebuah tebing tinggi. Saya memandang ke bawah - laut bergelora, ombak melambung memukul pantai - memang dunia penuh kemarahan, ombak yang tidak bernyawa marah, apalagi kita manusia.

Kematian sahaja yang boleh menutup pintu kemarahan, ketenangan, kebahagiaan, dan penderitaan. Saya berniat mencari maut, hidup saya tidak berharga lagi. Saya tahu lelaki yang gila akan membeli saya mahal, tetapi diberi saya modal saya sudah tidak berharga. Saya telah mencemarkan nama seniwati, kerana saya seorang yang membawa setitik nila kecemaran dan rosak nama seniman seniwati seumumnya.

Saya memandang jauh ke tengah laut. Mata saya tertarik oleh ikan yang meloncat-loncat bersuka ria agaknya. Ya, apa yang hendak disusahkan. Segara luas nan terbentang, saya berasa ikan ini berlakon di atas pentas segara, tiap-tiap pelakon tidak mengenal kesenangan dan kesusahan, kesusahan dan kesenangan baginya hanya bersifat suatu lakonan. Kembali semula kisah lama.

Begitulah keadaan saya semasa saya pertama kali menaiki pentas sandiwara parti saya. Lakonan yang saya pegang meminta saya mengeluarkan air

mata – bahagian seorang kekasih kematian tunangnya. Rul, tunangan saya dipegang oleh saudara Abdul Rahman.

Saya menunjukkan suatu lakonan yang berkesan, saya mengeluarkan air mata, penonton yang memerhatikan saya ikut sama mengeluarkan air mata, berkesan sungguh lakonan saya.

Manusia jangan tertipu.

Memang kalau kita menceritakan kesedihan kepada mereka, mereka akan turut berasa susah, ini tidak dikehendaki, pada masa kesusahan penghiburan perlu untuk dijadikan kain pengesat air mata. Kalau kesedihan dibalas kesedihan, lebih baik mati, kematian tidak mengenal air mata.

Betulkah saya menangis di atas pentas kerana jiwa saya pada masa berlakon itu penuh kesedihan? Tidak! Tidak! Tidak! Pada masa itulah saya berasa sayalah manusia yang sebahagia-bahagiannya.

Tuhan mencipta dunia untuk saya semasa saya bercinta dengan seorang pemuda yang menjadi tuan punya sebuah pasukan sandiwara, dia meminta supaya saya bermain di dalamnya, bersama-sama mengelilingi seluruh kepulauan Melayu.

Tentu sekali saya tidak menolak permintaannya. Saya bodoh kalau saya sengaja merobohkan dua istana kebahagiaan yang telah saya simpan bertahun-tahun. Pertama, mempunyai seorang kekasih yang bersumpah dengan saya, dia seorang seniman, saya seorang seniwati, bak sepasang pengantin di atas pelamin. Kedua, saya dapat meneruskan cita-cita saya, cita-cita wati nanti akan sampai ke tangan saya.

Berbulan-bulan saya bersama-sama pasukan sandiwaranya menjajah ke seluruh Malaya. Nama saya kian lama kian melambung tinggi, masyhurnya

nama saya membawa masyhurnya nama pasukan saya.

Pasukan sandiwara saya telah dijemput untuk mempertunjukkan suatu cerita luar biasa di hadapan orang-orang yang terpelajar, anggota daripada suatu badan penuntut seluruh Malaya.

Cerita telah ditamatkan, suatu cerita berat bagi penonton biasa memahaminya sebab cerita itu menggunakan bahan-bahan kejadian manusia. Jadi tiap-tiap pelakon mesti memerlukan lakonan gaya gerak-geri lebih daripada percakapan.

Entah kenapa dia tidak mahu memilih saya memegang bahagian yang terbesar. Dipanggilnya beberapa seniwati yang terkenal di seluruh Malaya, dicuba kebolehan masing-masing untuk memegang bahagian besar ini. Saya tidak dipilih atau dipelawannya langsung. Setiap hari seniwati mempelajari dan mencuba bahagian yang besar-besar, saya hanya menjadi penonton.

Jauh di dalam sukma saya membisik, saya boleh memegang bahagian ini lebih bagus daripada seniwati ini semua. Apakah daya dia yang berkuasa.

Akhirnya bahagian ini diserahkan kepada seorang seniwati bernama Musalmah, saya tahu Musalmah tidak mungkin melakonkan bahagian besar, dia masih mentah dalam dunia lakonan, betul dia seorang pelakon - sebaliknya lakonan-lakonan yang selalu dipegangnya kecil-kecil sahaja, lakonan yang tidak berdasar atau hanya gaya-geri lakonannya seperti menjadi orang datang, meramaikan sesuatu majlis, memenuhkan sesuatu kedai minuman, dan seterusnya.

Saya tidak sedikit pun menaruh perasaan dengki terhadap Musalmah, saya tidak tamak atau ingin merebut bahagian ini, cuma saya sayang cerita yang penting rosak oleh sebab pelakonnnya tidak mem-

bawa lakonan, menimbang pula siapa yang akan menjadi penontonnya menambahkan ketakutan saya, kalau rosak cerita ini oleh kerana pelakon, percayalah, dia sebagai pengarah cerita ini pasti diserang, dibom, dan dibanjiri dengan kritik dan kupasan yang hebat.

Namanya sebagai seorang seniman, sebagai seorang pengarah yang ulung akan jatuh, sejatuh-jatuhnya.

Saya cinta kepadanya sepenuh sukma, cinta tidak mengizinkan orang yang dicintai ditimpa kerosakan, sekalipun kerosakan kecil. Saya tidak mahu dan suka melihat dia ditimpa sebarang kesusahan.

Pada malam ini saya telah berjumpa dengan dia dan saya menanya tentang permainan yang akan dihidangkan di hadapan kaum yang terpelajar. Dia menegaskan, dia yakin Musalmah boleh memegang bahagian ini.

Saya tanya kepadanya kenapa saya tidak dipilih sebagai calon untuk bahagian ini.

Dia diam.

Saya cungkil sedalam-dalam sukmanya, air mata rahsia meleleh.

Untuk kemasyhuran nama, Musalmah tahan menukar kehormatannya dengan bahagian ini, dia pula untuk memuaskan hawa nafsu telah melanggar batasan kemanusiaan, menodakan nama baik seniman dan seniwati.

Saya marah, yang berakar daripada cemburu, cemburu terhadap Musalmah yang telah merampas kekasih saya, sakit hati saya kerana dia memandangi gadis lain lebih baik daripada saya.

Saya mesti membalas kedua-duanya.

Saya memajukan tawaran yang serupa, seperti yang dimajukan oleh Musalmah. "Sudah tetap dia menerima tawaran saya, besoknya dengan sendiri

Musalmah telah meninggalkan sandiwara kami." Saya tak dapat meneka tipu daya serupa manakah yang telah dijalankan olehnya ke atas Musalmah.

Sekarang saya telah memegang bahagian yang dahulunya dipegang oleh Musalmah. Dalam masa saya berlatih selalu juga wakil-wakil daripada akhbar dan majalah datang menyaksikannya. Kritik yang disuarakan melalui ruangan akhbar semua sekali memuji-muji saya, saya berpadanan dengan bahagian yang saya pegang. Sayang, mereka tidak tahu untuk membeli bahagian ini saya membayarnya dengan harga yang tinggi, lebih tinggi daripada emas intan.

Dendam saya kepada Musalmah telah berbalas. Dendam terhadap dia semakin hari semakin menyala, membakar jantung hati saya.

Pada pembukaan pertunjukan, penonton membanjiri tempat pementasan lebih daripada yang disangkakan. Dia berasa bangga, bersuka ria, dia percaya namanya akan disanjung tinggi sebagai seorang pengarah oleh penonton yang terdiri daripada golongan mahasiswa. Apa yang diterimanya sesudah pertunjukan berlainan daripada yang disangkakannya. Dia dikritik habis-habisan, tidak patut memegang nama pengarah, belajar dahulu di sekolah pengarah, masih belum mengenal bahan-bahan untuk menjadi seorang pengarah, pengarah kelas tiga ... dan seterusnya.

Kerana saya dia menerima pandangan serendah ini.

Perbuatan sukma saya yang mengandungi racun pembalasan.

Pada hari pembukaan besar sandiwara ini, saya sengaja menunjukkan suatu lakonan yang berlebihan. Dari balik tirai beberapa kali dia bersuara, memainkan tangannya, menyuruh saya membetul-

kan lakonan, semakin disuruhnya semakin saya tambah kesalahan saya.

Adakalanya timbul kasihan memerhatikan dia di balik tirai sebagai orang yang setengah gila, mukanya pucat ditoreh tidak berdarah, mengalir peluh dari dahinya, badannya basah oleh keringat, darah gemuruh memukul dirinya, dia tidak tahu apa hendak dilakukan. Dia berjalan mundur-mandir, memanggil saya, menunjukkan cara-cara lakonan yang dikehendaki - kesalahan saya melampau-lampau, saya berlakon luar daripada garisan yang telah ditetapkan di dalam cerita. Dia tidak tahan lagi, lantas dia duduk menghempaskan dirinya di atas lantai, memukul-mukul kepala dengan tangannya.

Selesai sahaja permainan, saya terus meminta berhenti daripada pasukan sandiwara.

Di dalam perjalanan saya mencari sebuah bilik tumpangan, barulah datang penyesalan - bukan kerana membalas dendam - penyesalan kerana melanggar undang-undang seni seorang seniman atau seniwati, sekalipun dia bermusuhan dengan seseorang tetapi dia tidak boleh sama sekali memusuhi kemahuan seni. Kerana membenarkan nafsu pembalasan mempengaruhi segenap jiwa saya, saya memusuhi kemahuan seni di dalam bahagian yang telah saya rosakkan. Seni, meminta sesuatu lakonan yang betul-betul dapat dibanggakan dan memberi kesan. Kerana memusuhi si dia, saya sengaja menunjukkan lakonan yang berlawanan dengan kemahuan seni.

Kerana kekurangan mata benda untuk hidup, saya bermain bersama pasukan sandiwara dan bangsawan yang lain.

Lepas suatu sandiwara ke suatu sandiwara hanyut, ditiup ribut takdir dilambungkan angin nasib.

Harga diri di sisi seni semakin rendah. Bahagian yang saya pegang kian lama kian kecil, akhirnya saya hanya menjadi seorang penyanyi sahaja.

Saya lari daripada sandiwara dan pentas, saya menaikkan pentas ronggeng, itu pun tidak sesuai dengan kemahuan saya, saya lari mencari gerbang ke taman seni, seni juga pandai menuntut hutang, pintu kesenian tertutup buat saya selama-lamanya.

Saya memasuki pintu, di luar pintunya dicap masyarakat! Taman memuas nafsu. Lebih tepat saya memasuki taman pelacuran. Baru sehari saya bermain di dalam taman ini, saya keluar.

Hati kecil saya mengatakan seorang seniman atau seniwati walau sekalipun dia telah jatuh ke darjah rendah, kalau rasa cinta kepada seni masih bermain di dalam sanubarinya dia tidak akan mengotor-kan dan membawa najis ke atas seni.

Sekiranya saya terus-menerus menjadi gadis pelacuran nanti semua seniwati akan dituduh semuanya seperti saya.

Ke mana akan saya pergi?

Saya fikir masak-masak.

Cuma satu jalan masih terbuka untuk menebus dosa saya, melalui jalan maut. Pada malam hari saya keluar dari taman pelacuran, saya berjalan dibawa paksaan kaki, baru saya sedar saya berada di atas tebing tinggi, laut menanti untuk menelan saya.

Saya mencari maut.

"Terjun, terjun, terjun!" udara sekeliling berte-riak.

"Mari, mari, mari!" ombak menjemput saya.

"Maut, maut, maut!" kaki saya menolak.

Saya memandang ke kanan, saya mahu mengeta-hui adakah hamba Allah yang memerhatikan per-buatan saya. Di tebing sebelah kanan saya memer-hati seorang pemuda sedang mahu terjun ke dalam

air. Belum sempat saya memerhatikan mukanya sejelas-jelasnya, dia telah terjun ke dalam air.

Tidak menunggu masa saya pun terjun, bukan untuk membunuh diri, sebaliknya untuk menyelamatkan dia. Saya telah memutuskan sebelum saya mati lebih bagus saya selamatkan jiwa daripada menempuh kematian - biarlah satu janganlah dua-rakyat Malaya perlu hidup.

"Saudara!" teriak saya. Dia sedang mengikut pembawaan air, tenggelam timbul mendengar panggilan saya, dia berenang ke tempat saya, saya juga berenang ke tempatnya. Kami berjumpa.

"Kau Julia?" teriak pemuda itu.

"Kau?" balas saya. Dia pemuda pengarah yang menjual seni dengan nafsu.

Kami berpelukan.

Saya jatuh cinta kepadanya semula.

Dia sama juga.

Dibawanya saya berenang ke tepi, ke pantai bahagia.

Diceritakannya kepada saya penderitaannya selepas namanya sebagai seorang pengarah jatuh, dia menutup riwayat dengan katanya, "Seni suci, tidak ada apa pun yang mengotorinya. Kita manusia yang menggunakan seni, kalau seni ditimpa najis, bukanlah seni bersalah, tetapi kita seniman seniwati. Dinda, marilah kita berpimpin tangan menaiki tangga menuju taman kesenian semula."

Hiduplah seniman seniwati kita. Hidup saya dan dia.

Mutiara, November 1948

Dua Janda

KEJADIAN yang menimpa Mustafa dan Tik samalah seperti percintaan bersifat tragedi, sama ada pemuda yang mati dahulu atau pemudinya, atau melepas cinta.

Tidak, Mustafa tidak mati dan Tik masih hidup.

Dua nyawa yang hidup itu seolah-olah mati, bercerai. Berputus tali cinta, entah bila dapat disambung semula, putus diragut oleh undang-undang adat kahwin paksa.

Tik, gadis jelita ini telah dikahwinkan - dengan menggunakan kuasa paksaan - kepada seorang pemuda yang tidak dicintainya. Mujur semangat pemuda sebatu di dalam dada Mustafa tidak menderita sebagaimana semangat asmaranya. Semangat pemuda membawa dirinya memasuki gerakan-gerakan berfahaman kebangsaan yang tidak mencampuri anasir dari luar. Kerana kedudukan yang tinggi di dalam gabungannya dia terpaksa merantau ke seluruh negeri, memberi pandangan sihat kepada rakyat jelata supaya rakyat jangan dirasuk oleh fahaman bergula di luar beracun di dalam.

Dalam perjuangan perantauan ini, Mustafa cuba melupakan sama sekali ingatan kepada Tik. Semakin dikecilkan ingatannya semakin besar datangnya.

Beberapa kali diterima surat daripada Tik.

Pengakuan daripada gadis ini sendiri masih mencintainya. Surat serupa ini dibalas Mustafa, "Saudari telah menjadi isteri orang, saudari sebagai seorang isteri berkewajipan membela suami dan rumah tangga. Lupakan saya, saya hanya murba melarat!" Simpul kata ini disifatkan oleh Tik sebagai suatu penghinaan kerana dia telah mengahwini seorang pemuda hartawan. Mustafa belum mengetahui dia dikahwin paksa. Dia dituduh mengkhianati janji.

Dengan tibanya zaman darurat, Mustafa terpaksa kembali ke Singapura. Di Singapura dia meneruskan perjuangannya, dia tidak gentar ditangkap, dia tidak akan ditangkap kerana perjuangannya berdasar kebangsaan semata-mata.

Di dalam perjuangan sosial Mustafa turut menyumbangkan tenaga. Memberi bantuan kepada masyarakat di mana perlu.

Dengan usahanya sendiri Mustafa telah dapat membela seorang janda muda daripada tergelincir ke lembah sesat, seorang janda yang cantik molek korban daripada kahwin paksa.

Kerana janda ini tidak mempunyai rumah tangga, terpaksa Mustafa menumpangkan di rumahnya sendiri. Didikan pelajaran pelbagai rupa dicurahkan kepada Rosmah, berbulan-bulan membawa Rosmah mengenal pengetahuan-pengetahuan yang gelap baginya dahulu, baja semangat yang menumbuh menyeret Rosmah menyubur diri di dalam lapangan pergerakan masyarakat. Mustafa dan Rosmah merupakan dua pahlawan tanah air.

Bukan kegemparan kerana suatu huru-hara, gempar kerana suatu berita, bukan berita Mustafa ditangkap di bawah kuasa darurat, gempar kerana berita rasmi yang telah tersiar, berita Mustafa akan berkahwin dengan Rosmah, seorang janda. Pihak saudara-mara Mustafa yang menerima goyangan

berita gempar ini bertubi-tubi telah disorongkan kepadanya wanita, gadis, perempuan indah rupawan, semuanya masih anak dara, pilih sahaja yang mana satu berkenan.

Dia tetap dengan takdirnya, 'Kahwin melalui cinta membawa bahagia.'

Biar macam mana kritik yang diterima Mustafa semuanya tidak dihiraukan. Dia telah bertekad dan tekad itu mesti ditunaikan, dibuktikan.

Suatu hari sedang dia melalui sebuah jalan raya berhampiran dengan pasar, dia telah bersua dengan Tik.

Kembali semula rasa cinta.

Kejadian dahulu terbayang.

Pada masa mereka mabuk asmara. Masing-masing menanya khabar, berlainan sekali air muka Tik. Dia marah kerana suratnya tidak dijawab, marah mendengar berita Mustafa akan berkahwin seorang janda.

"Lama saudari tidak mengunjungi ibu saya, apa telah lupa?" tanya Mustafa.

Tik menjawab, "Saya akan ke sana apabila saya menjadi anak dara semula."

Mustafa tunduk ke bumi, tepat sindiran Tik. Kembali menjadi anak dara? Sindiran yang bererti, dia belum melupakan cintanya. Pemuda ini tidak dapat membuka mulutnya, hatinya membuka rayuan. 'Aku tetap mencintai kau, Tik.'

Masing-masing berpecah jalan.

Hari perkahwinan Mustafa hampir tiba. Dia baru menerima surat daripada Tik. Surat yang menerangkan bahawa dia sekarang telah menjadi seorang janda. Minta Mustafa mengambilnya dijadikan seorang isteri, kerana pemuda ini dia mencari perselisihan menceraikan suaminya. Kalau menolak dia memilih membunuh diri.

Dia tetap mencintai Tik. Cintanya kepada Tik bukanlah cinta kepada mustika atau nafsu, dia cinta kepada orangnya, cinta kebahagiaan yang dirasainya dapat didakap bersama Tik, kata Mustafa sendiri.

"Saya juga cinta kepada Rosmah. Kalau saya berkahwin kepada Tik, hati Rosmah saya patahkan. Bukan Rosmah telah mengatakan dia memilih kematian kalau saya berkahwin dengan gadis lain. Kalau saya kahwin dengan Rosmah, Rosmah juga cinta saya sama seperti mencintai Tik, Tik akan membunuh diri. Kalau saya tidak berkahwin kedua-duanya saya berdosa mengharapkan hati mereka. Lebih lagi saya akan binasa, boleh mati kerana dibunuh dua percintaan.

Untuk berkahwin dua sama sekali, kalau kedua-duanya suka bersedu, katakan kedua-duanya suka, dapatkan saya menyempurnakan tanggungan besar berat orang yang mempunyai dua isteri, soal keadilan dan soal perbelanjaan. Saya sendiri tahu saya tak mungkin menunaikan kewajipan beristeri dua.

Dua janda muda dicintainya.

Akhirnya saya mengambil keputusan berkahwin dengan kedua-dua janda itu, biarlah dia mati melarat sebab mengikutkan rasa hati dan menyelamatkan dua orang janda yang telah berazam hendak menjadi isterinya.

Hiburan, 6 November 1948

Tiang Salib di Dada

SETIAP kali dia memasuki wayang gambar pasti dia mengepit seorang gadis juita, gadis Nasrani. Entah berapa banyak wanita Nasrani yang dikenalnya kerana kepitannya bertukar-tukar orang apabila dia menonton wayang.

Dia seorang pelawa dan pelesir. Hari minggu kepadanya lebih daripada hari-hari raya. Pada hari itu, pagi lagi dia telah bangun, rambutnya disikat licin kilat, pakaiannya model bintang filem. Lama sungguh dia berdiri di hadapan cerminnya, barulah dia mengeluarkan dari sebuah laci seutas rantai emas, dimasukkan ke lehernya melekat ke dada, emas bersinar ditimpa mega suria pagi, potongan loket merupakan tiang salib. Sekali lagi dia menatap bayangnya di cermin, gadis mana yang tak akan retak perasaan memerhati pemuda secantik penghias itu. Dia melangkah menuruni tangga rumahnya, dia terus berjalan, jalan memasuki ke sebuah gereja.

Inilah kerjanya setiap minggu.

Menyahut dengungan loceng.

Berduyun-duyun manusia yang keluar dari rumah Jesus berpakaian serba warna pancar warni, dia nanti keluar mengepit wanita Kristian.

Kalau dipandang sepintas lalu perawakannya menentukan dia seorang Nasrani. Ditinjau setepat-

tepatnya dia mempunyai potongan Melayu lebih banyak.

Mengikuti khabar ramai, terutamanya dari mulut teman-teman saya, dia bukan seorang Nasrani, dia seorang pemuda Melayu, seorang pemuda Melayu bernama Mohd. Yusof, dan dia telah menukar namanya kepada Joseph lantaran telah menganut agama Kristian.

Tiap-tiap sesuatu mempunyai sebab, tentu sekali "Joseph" membuang "Yusof" ada sebabnya. Sebab-sebab inilah yang perlu saya cari. Sebelum saya mengetahui kenapa, mengapa, dan bagaimana dia melontar Islam, perasaan kecewa bergelora di hati saya belum mungkin diredakan. Pada lain masa sedang saya berbaris atur menuju ke tempat menjual tiket, belakang saya dicuit orang. Saya menoleh ke belakang, rupa-rupanya Joseph. Dengan berbahasa Inggeris dia meminta saya membelikan satu tiket, dengan bahasa Melayu saya balas, boleh. Mendengar jawapan saya dalam bahasa Melayu, Joseph mengubahkan air mukanya, marah.

Di dalam panggung saya duduk tepat di sisinya, mulanya saya berkata-kata dengan dia dalam bahasa Melayu. Perkataan saya dibalasnya dingin, tak mengapa saya akan mengikut kemahuannya, saya berbahasa Inggeris, barulah dia melayan sepenuh-penuhnya perbualan saya, bunga perkenalan menjadi kuntum persahabatan.

Pada lain masa dia telah mengajak saya berte-masya. Ajakannya saya terima dengan segala sukacita. Bersama-sama kami turut beberapa pemuda Nasrani dan juita-juitanya. Dihitung rata jumlah gadis lebih daripada kami pemuda semua.

Saya menjadi seorang pemerhati.

Saya perhatikan pergaulan remaja-remaja itu

semua, girang gembira suka ria senang wenang, bebas lepas.

Saya tidak sedar kiranya Yusof juga turut memegang bahagian seorang pemerhati.

Saya tidak tahu semua, melainkan dia duduknya lain. Dia membuka semula kisah perayaan tempoh hari, katanya, "Pada masa ini saya telah memerhati saudara, bukan saya seorang saja malahan teman-teman lain juga meninjau saudara seolah-olah saudara suatu benda ganjil."

"Saudara, saudari ini menanya kenapa kelakuan saudara masih tersekat terikat dan saudara sengaja menjauhkan diri dari pergaulan bergurauan kami? Saya tak dapat memberi jawapan atas soalan mereka sebab saya sendiri belum mungkin menganggap kenapa saudara berlaku sedemikian."

"Entah saudara Yusof," balas saya. "Jiwa saya jiwa pemalu!"

Berterus terang saya tanya Yusof apa yang membawa dia menukar agamanya dan namanya. Senang hati saya Yusof tidak sedikit pun berasa keberatan menceritakannya, Yusof meriwayatkan dirinya.

"Pada masa dahulu saudara sebelum saya memakai salib di dada, saya menjunjung al-Qur'an nul Majid, saya cinta Islam. Kewajipan agama saya selenggarakan secukupnya, kalau saya boleh dipanggil lebai muda patut menerima panggilan itu. Saya berpegang teguh dengan perintah menjauhkan berbuat dosa dan melanggar suruhan Allah.

Saya juga seorang pengarang muda. Kebiasaan pengarang membaca buku, kawan-kawan saya memanggil saya ulat buku sebab pembacaan saya terlalu banyak, saya baca ini buku sahaja yang jatuh ke tangan saya terutamanya buku-buku Inggeris.

Apabila saya membaca buku-buku yang di dalamnya mengandungi segala rupa ilmu, suatu

perasaan memukul jiwa saya, perasaan yang menyebabkan bahasa agama Kristian lebih berjasa daripada agama Islam, beberapa bukti cukup untuk menguatkan perasaan saya.

Pada masa itu saya telah tercebur ke telaga cinta, sukma saya dapat dirampas oleh seorang gadis Melayu pelajar agama bernama Jasmaniah. Jasmaniah sebagai seorang puteri Islam tetap memegang kemuliaan, ketinggian, kejujuran dan seribu satu macam lagi Islam, jiwa saya yang telah mula diborong tamadun Kristian menentang fahaman-fahaman ini.

Lama kami bercinta tiba-tiba saya menerima surat daripada Jasmaniah meminta saya meragut tali persambutan asmara kami. Ah! Saudara hati mana yang tidak akan luluh apabila peristiwa hati pecah berpuluh, diharapkan pagar, pagar membawa roboh.

Surat-surat Jasmaniah masih saya ingat lagi.

Kanda Joseph (dia tak mungkin menyebut nama Yusof lagi)

Telah dinda fikirkan semasak-masaknya, dinda menerima ilham ada cinta mengatasi cinta kanda dan dinda, jiwa dinda yang penuh mencintai kanda kini telah diruntun oleh cinta baru. Cinta dinda berbahagi, lebih dari setengah tertumpah kepada suasana cinta baru, yang baki untuk kanda, kalau kanda mahu menerimanya.

Saya berfikir kalau begini sifat seorang pemuda Islam senang memungkiri janji, Islam tidak dapat menentukan kekuatan roh.

Seminggu sesudah surat pertama, satu warkah lagi daripada Jasmaniah."

Kakanda,

Jangan kanda menyalah sangka menuduh cinta baru dinda bersifat seorang lelaki dan bukan pula seorang perempuan. Cinta dinda sebut ini ialah terhadap agama.

Dinda dengan sukacita memaklumkan di dalam peperiksaan merebut diploma sebagai seorang mubaligh agama, dinda telah berjaya, sempat merebut satu-satunya ijazah mubaligh kepada para penonton yang mempunyai fikiran yang luar biasa.

Kerana diploma ini dinda telah diseru oleh ibu kewajipan, iaitu agama kita supaya memajukan dan meluaskan siaran agama. Panggilan agama dinda sahut dengan dada terbuka.

Kewajipan yang ditanggungkan oleh agama atas dinda ialah memasuki hutan, menyinggahi pulau menyampaikan siaran agama kepada yang belum sampai.

Harus pemergian dinda memakan masa berminggu, berbulan, atau setahun dua, untuk sementara terpaksa kita berpisah, perpisahan yang manis, perpisahan suruhan kewajipan. Dalam masa dinda berkeliling, kanda yang keseorangan, dinda memberi dua cadangan untuk memenuhi masa kanda. Cadangan pertama dengan bergurau, carilah gadis lain. Cadangan ini terbit dari jiwa suci, pelajarilah lebih jauh soal agama kita dan cubalah rebut diploma mubaligh.

Selamat tinggal kanda.

Jasmaniah.

Yusof berhenti bercerita.

Disambung semula.

"Saya marah atas nasihat Jasmaniah menyuruh

saya merebut diploma mubaligh. Dia seorang perempuan yang hanya memegang sijil pondok mahu mengajar saya yang berkelulusan tinggi dan memegang ijazah-ijazah London.

Untuk pembalasan sakit hati saya, saya memakai cadangan pertama Jasmaniah, mencari gadis lain. Dalam pemburuan saya, saya bertemu Eliza, seorang gadis Nasrani. Kita bercinta. Alih-alih mengajak saya memeluk agama Kristian, katanya senang nanti pada masa kita akan berkahwin."

Dia diam beberapa lama.

Saya pula berbicara.

"Saudara Yusof." Saya sengaja menyebut nama Yusof bukan Joseph. "Maafkan kelancaran lidah saya menyebut nama saudara, Yusof, saudara tentu tahu seseorang yang mencintai agamanya akan mencintai apa juga yang berhubung dengan agamanya. Begitu juga dengan nama Yusof."

Yusof dan Jasmaniah, memang suatu persatuan nama yang elok. Penaka cincin dan delima.

Mendengar saya menyatukan bekas namanya, dan bekas nama kekasihnya air mukanya membuka suatu rahsia, rahsia yang Yusof tetap masih mengasihinya Jasmaniah.

"Saudara Yusof, adakah saudara menukar bulan bintang dengan tiang salib lantaran ini?"

Pertama, marah terhadap seorang gadis bertukar kasih, bercerai sayang.

Kedua, kerana tidak mempunyai janji seorang puteri Islam?" Yusof tidak mahu menjawab.

"Kalau saudara menggantung salib di dada disebabkan berputus cinta. Salib di dada saudara berupa suatu senjata membalas dendam, dendam terhadap Jasmaniah.

Saudara lebih kecut dari pengecut. Kalau seorang pengecut takut membalas dendamnya

berdepan-depan, dia akan sembunyi di balik tangan yang melempar batu. Saudara berlainan sekali, saudara memukul lain kerana yang lain, yang berjanji ialah Jasmaniah bukannya Islam. Nah saudara memukul Islam!"

"Penerangan bererti menyuruh saya berpaling tadah, memalingkan muka semula ke pintu Islam?"

"Tidak saudara Yusof, tidak, bukan paksa, tidak ada paksaan dalam agama."

"Saudara mempropagandakan Islam kepada saya?"

"Bukan propaganda yang kuat menarik jiwa seseorang ke agama lain, sebaliknya keteguhan iman, iman saudara nipis, ditipiskan lagi dek kemarahan, disokong dengan propaganda Kristian yang saudara baca dari buku-buku mereka. Iman saudara putus sama sekali, senang saudara mengikut telunjuk juita Nasrani, Eliza. Sekiranya iman saudara kuat, ini semuanya saudara pandang sebagai suatu janaan jenaka hidup."

Dia diam.

"Masihkah saudara mencintai Jasmaniah?"

Bisu.

"Saya pernah bergaul dan berbicara dengan Jasmaniah, bukan saja cantik jasmaniah malahan cantik rohaninya."

"Saudara pernah menjumpai dan bergaul dengan dia?" tiba-tiba dia bertanya.

"Ini, jangan saudara cuba menyembunyikan, saudara tetap mencintai dia."

Barulah dia mengangguk.

"Jasmaniah, nama ini takkan saya lupakan." Wujud saya Jasmaniah di satu hari telah menyinggahi ke sebuah pulau. Di pulau itu kesemua sekali penduduknya, tidak beragama langsung. Datangnya Jasmaniah ke sana bertujuan mengembangkan

agama Islam. Dengan saya dahulu dia membuat perhubungan kebenaran kerana saya menjadi ketua pulau itu.

Malam pertama sewaktu dia menerangkan tujuan dan kepentingannya beragama, dia telah berbicara dalam soal agama bak pelarian air menurun lurah. Kerana kebenaran yang terkandung di dalam penerangannya, saya pun mempelajari ilmu agama Islam. Bukan sahaja Jasmaniah menyuruh saya membaca buku Islam malahan didesaknya mempelajari agama-agama lain, alasannya untuk keadilan orang yang menganut suatu agama bukan kerana kebenaran dan iman palsu semata-mata. Bandingkanlah antara agama ini, tinggalkan untuk iman Muslimin, iman saya memilih Islam.

Usaha Jasmaniah di pulau saya, berbuah dengan masuknya orang-orang pulau ini kesemuanya sekali di bawah lindungan dan naungan kalimat Allah dan Muhammad Rasulullah (s.a.w.).

Hari jauh malam, saya pun meninggalkan Yusof ... di sebuah rumah.

Hari diselimuti malam.

Seorang pemuda memakai salib di dadanya sedang membaca Injil, masuk ke dalam pekarangan rumah dan seorang wanita bertudung lingkup, dia sampai di muka pintu, diketuknya beberapa kali.

Pintu terbuka.

Astaghfirullah hal azzim, mengucap perempuan itu, kerana terperanjat.

"Oh! Jesus, tuhanku yang baik!" lelaki itu turut mengucap.

"Yusof!"

"Jasmaniah!"

"Saudara Yusof maaf saja kalau kesampaian saya ke mari tidak diingini saudara, sebenarnya tujuan saya ke mari kerana panggilan suatu surat memaksa

saya ke mari kerana ada manusia yang ingin menganut Islam. Sekiranya kepercayaan saudara tidak bersampailan dengan keterangan saya, nah, ini suratnya!"

"Saya percaya saudara, tetapi ini surat bukanlah saya mengirimnya."

"Kalau demikian tentu ada suatu kesalahan di mana-mana. Izinkan saya berangkat dan sekali lagi saya mengatur sebanyak maaf."

"Tak mungkin saudara berlama lagi?"

"Ada apa?"

"Bukankah agama Islam menjelaskan tidak patut memutuskan harapan seseorang, saya akan memenuhi isi surat ini, saya akan kembali ke Islam."

Saya perhatikan kedua-duanya, Yusof dan Jasmah di balik sebuah pohon besar. Kedengaran telinga saya suara kanda dan dinda, Yusof membaca al-Qur'an dengan suara merdunya.

Saya lantas keluar dari persembunyian menuju ke jalan raya dunia ditelan kegelapan buana.

Dari Islam kembali ke Islam.

Mutiara, 1 Februari 1949

Sapu Tangan

JANGGUT dan misainya tebal, rambutnya panjang menutupi tengkuk. Entah berapa lama dia tidak masuk ke kedai gunting. Dia duduk di muka rumahnya merenung ke alam kosong.

"Tutup radio ini. Berhentikan nyanyian itu. Aku tidak mahu mendengar. Aku tidak mahu mendengar, aku tidak mahu mendengar, tolong, tolong, tolong, tutup radio itu!" Dia menjerit meminta kepada jirannya supaya memberhentikan radio itu. Tetapi suaranya hilang ditelan suara nyanyian daripada radio itu....

"Sapu tangan yang harum baunya, menarik hatiku."

Lemah lembut berombak suara penyanyi. Dia berasa kasar sekasarnya, ingatan kembali ke peristiwa silam.

Dia duduk di sebelah seorang wanita di dalam suatu rapat menubuhkan badan masyarakat. Dia asyik mencatat apa yang dibicarakan oleh tukang pidato, dia memang suka mencatat, mencatat sesuatu sifat semula jadi bagi orang yang berjiwa serupa dia. Dia seorang pengarang.

Dia terbau harum. Dia meneka bunga tanjung, melati, ros, mawar, melur, teratai, jasmin. Waktu petang di Paris, syurga ketujuh, keindahannya....

Alangkah bagusnya kalau tiap semuanya di dunia seharum itu, kata jiwa seninya. Hidungnya ditarik bau aroma yang seharum itu. Matanya sama mengikut bau itu, berhenti beberapa minit matanya merenung seorang wanita yang duduk di sebelahnya. Gadis itu mengipas mukanya dengan sehelai sapu tangan lantaran panas, harum daripada sapu tangan.

Barangkali gadis itu lebih harum kalau dapat dirasa pipi yang nipis itu.

Dia mengeluh ...!

Tersipu gadis itu terus menyimpan semula sapu tangannya. Dia mahu menanya haruman apa yang dipakai, tetapi keadaan majlis memaksa, majlis meminta kesunyian untuk kepentingan pembicaraan.

Mengaum semula suara radio.

"Basah air mataku kerana datangnya tangisku."

Pada masa itu dia menangis, dikeluarkan sapu tangan dari sakunya.

Dari radio:

"Sapu tangan yang dahulu kuterima dari kekasihku."

Sapu tangan yang digenggam pemberian dari si dia. Gadis yang duduk di sebelahnya di dalam rapat masa lampau.

Suara memenuhi udara.

"Pada masa dahulu berdua bertemu."

Suatu malam terang purnama, dia ke sana. Dia ini daripada sifatnya seorang pengarang dia mempunyai jiwa seni, jiwa seni menjadi kebiasaannya yang suka kepada kecantikan. Dia duduk di atas cahaya pantai, kertas dan kalam di tangannya. Dia menulis, disusuli cahaya purnama wati. Dia melukiskan - ber-

main bergemerlapan bak intan, berlian, mutiara, zamrud, nilam, batu karang menahan kemarahan pukulan ombak. Dia mencatat penuh rasa kehalusan asmara memerhati Adam Hawa, bercengkerama melagukan batin sukma berdua-duaan memenuhi segenap jalan tepi pantai.

Dia juga yang tidak berteman. Di sebalik sebuah pohon besar dia mendengar orang membaca karangan sajak.

*Ah bulan
aku tidak mencerca atau mengata
tetapi dari mulut pemuda
kudengar rindu
ah, perawan cantikmu mengalahkan bulan.*

Dia menyahut sajak itu.

*Ah purnama
kau indah mengatasi juita
semuanya cantik di dalam dunia
tapi kecantikanmu itu semua
hanya lukisan nafsu manusia.*

Dia bangun menuju ke tempat datang suara. Dari pohon besar pula suatu lembaga keluar berjalan.

Dia berjalan. Wanita yang di balikan itu pun berjalan mencari suara sajak.

Kedua-duanya bertemu.

Dua jiwa menjadi satu.

Dia bertemu dengan wanita yang mempunyai sapu tangan harum di dalam rapat.

Bergelombang nyanyian dari radio.

"Sapu tangan yang indah rupanya yang telah disetujui."

"Meskipun bagaimana terjadi sehidup semati."

Selangan lama melepaskan kata hati, berjanji

menjadi teman pada kala susah dan senang, sehidup semati, sekubur, kedua-duanya berpisah. Wanita itu menghadaiahkan sapu tangan yang menarik mata dan hidungnya sebagai cenderamata.

"Sapu tangan di waktu sekarang jadi hiburanku."

Setiap kali dia mendengar nyanyian sapu tangan, setiap dia memandangi sapu tangan, sebarang gadis, timbul kembali ingatan penuh kemanisan, dia dan wanita sapu tangan, bertemasya mengelilingi jalan raya dunia, menghirup madu asmara.

"Kerana kekasihku sekarang meninggalkan diriku dia pergi."

Dia tahu ke mana wanita sapu tangan itu, pergi berjuang entah ke mana, kerana nusa, bangsa dan agama.

Suara radio mengulang semula lagu sapu tangan.

Kenapa saya mesti menangis. Saya juga turut berjuang. Kekasih saya meninggalkan saya kerana perjuangan.

'Saya berjuang dengan sukma dan pena,' bisik hatinya. Dia senyum sambil mengesat air matanya dengan sapu tangan itu.

Dia tersenyum mencium sapu tangan itu.

Pada kala itu suara penyanyi melagukan, "Sapu tangan di waktu sekarang menjadi hiburanku."

Betul sapu tangan menimbulkan rasa penghiburan di dalam hatinya setiap kali kekasihnya meninggalkan dia, hatinya penuh dengan kedukaan sehingga dia memandangi dunia khayal kalbu semata, kecantikan, kenangan, keindahan semuanya palsu.

Sapu tangan.

Memberi hiburan.

Dia memerhati ke segenap liku sapu tangan itu.

Di hujung sebelah kanan tertulis jahitan, "Hiburan perlu di dalam perjuangan, terima sapu tangan hiburan daripada...."

Hatinya terhibur, rambut, misai dan janggut ter-cukur.

Lantaran sapu tangan.

Hiburan, 5 Februari 1949

Roboh Rebah Berhala-berhala

A*pabila datang yang hak, maka tersingkir*

yang batil.

Firman Allah Ta'ala

TIDAK salah kata pujangga.

"Di bawah kegelapan bermaharajalela kezaliman."

Berhampiran Kota Makkah.

Suatu suara jeritan, jeritan daripada seorang perempuan memecahkan kesunyian malam. Jeritan halus seni, jeritan penuh berirama ketakutan, pekikan bersulam meminta kasihan dan belasan.

"Kanda, apakah dosa anak kanda dan anak saya, Kalsom, membuat kanda mahu menanamnya hidup-hidup?"

"Perempuan tutup mulutmu, mestikah aku mengajar kau, perempuan ini tidak berhak di atas sesuatu pun. Aku boleh menanam kau juga hidup-hidup-sekiranya aku mahu!" balas lelaki yang bernama Muzaffar.

"Kanda, saya tahu kami kaum perempuan tidak berhak langsung. Salahkah kiranya menanya kenapa

anak perempuan kita itu mahu ditanam hidup-hidup?"

"Kalau perempuan itu tetap perempuan, aku menyesal tidak mahu menanamnya hidup-hidup sewaktu Si Kalsom dilahirkan. Lantaran rayuan kau juga nyawa itu kuselamatkan. Nah! Sekarang dia dah besar, berusia seorang gadis, dia membawa fitnah-fitnah. Dia berhubung kasih dengan seorang hamba Allah, tahulah aku kenapa dia menolak sekerasnya kemahuanku di atas hak keperempuanannya."

"Tidak ayah," jawab Kalsom yang sedang berasa menanggung kesakitan ditimpa dihimpit tanah, cuma kepala mengatasi tanah. "Saya tidak berpaut dengan hamba yang bernama Abdullah, saya mempelajari dari hukum agama. Abdul turut menuntut sama jadi memaksa saya sering kali berhubung rapat dengannya."

"Agama? Apa ertinya agama?" tanya ayah itu.

"Keselamatan ayah, mengesakan Tuhan."

"Tuhan? Apa tidakkah kamu berasa cukup dengan tuhan-tuhan kita yang berpuluh-puluh, malahan ratusan jumlahnya untuk disembah dan meminta pertolongan?"

"Bukan, ayah. Itu bukannya Tuhan saya. Tuhan ayah dan tuhannya segala manusia itu semua hanya berhala-berhala. Patung tidak bernyawa, tidak akan menguntungkan malah merugikan."

"Apa kau gila?"

"Ayah, sebelum saya mati dibunuh oleh ayah sendiri, saya berani menegaskan apa yang disebut oleh ayah tadi dan kebanyakan orang Makkah kita, pernyembahan mereka bersifat tak lebih tak kurang batu dan papan.

Ayah beri saya satu berhala. Saya akan memecahkan berhala itu, ke atas saya tidak akan terjadi sesuatu apa pun. Saya kenal cuma satu Tuhan saja,

Tuhan Yang Maha Esa. Saya menanti-nanti, menanti, menanti kedatangan seorang hamba Allah yang akan membimbing umat kita ke jalan raya keselamatan dan kebahagiaan.”

“Kau Kalsom, kau terjumlah salah seorang yang mempercayai kedatangan Ahmad atau Muhammad?”

“Benar ayah – Abdul juga mempercayai bakal Nabi itu Muhammad, kerana itu saya merapati Abdul, kami orang-orang yang mempercayai kelahiran utusan Tuhan itu mempersatukan diri kami semua.”

Muzaffar menjadi radang mendengar telahan anak perempuannya. Sedang dia mahu membelasah kepala anaknya dengan penggali, terdengar satu panggilan.

Panggilan yang kian lama kian mendekat.

“Kalsom, Kalsom!”

Kegirangan bermain di muka Kalsom dan si ibu yang bernama Halimah itu. Dia kenal suara itu. Suara Abdul. Panggilan yang mengandung harapan.

“Inikah dia Si Abdul? Biarkan dia ke mari, penggali ini akan menyambut kedatangannya!”

“Ibu Halimah! Ibu Halimah! Ibu Halimah!” semakin mengaum suara itu berdekat-dekat orangnya.

“Ibu, percayakah ibu atas kepercayaan saya tadi?” tanya Kalsom.

Jamilah menjawab, “Bukan lagi percaya, malahan ibu salah seorang yang beriman dengan kepercayaan itu. Ibu beriman dengan rahsia untuk keselamatan anakku.”

“Kau Halimah!” teriak Muzaffar, kepanasannya melambung tinggi.

Diangkatnya penggali itu mahu dihayun menyinggah kepala isterinya. Sebaliknya Abdul sampai ke tempat itu. Dia sempat menangkap tangan Muzaffar, dirampasnya penggali, dilontarkan jauh-

jauh hilang ditelan gelap.

"Kalsom dan ibu Jamilah, saya telah dimerdekakan oleh tuan saya atau guru kita, bersedialah menyambut dunia baru, masanya lekas lambat tak dapat ditentukan. Sewaktu saya mahu ke mari, saya telah mendengar dari orang ramai yang bergoyang kerana kau seorang perempuan akan ditanam hidup-hidup. Pada kala saya berlari ke mari, saya perhati rumahnya Siti Aminah bercahaya dan benda-benda ajaib yang membaikkan harapan, saya beritahu kepada guru kita, guru kita menerangkan itulah tanda kelahiran utusan yang kita tunggu-tunggu."

Muzaffar yang mendengar ucapan ini melarikan diri sambil berteriak, "Aku akan membunuhnya. Aku ke rumah Siti Aminah!"

Abdul mahu memburu dan menahan Muzaffar.

"Biarkan Abdul!" tegas Halimah.

"Tuhan akan melindungi isi rumah itu."

Abdul segera menggali semua tanah yang menimpa Kalsom. Kalsom selamat dikeluarkan daripada timbusan bumi. Suatu bunyi gemuruh kedengaran.

"Bunyi apa sekuat ini Abdul?"

"Mari kita ke sana," desak Kalsom!

Ketiga-tiga melangkah ke sana.

Sampai di sana.

Bunyi gemuruh ini tidak lain bunyinya roboh dan diamnya berhala-berhala timpa-menimpa.

Mereka pergi ke rumah Siti Aminah. Ibu junjungan kita Muhammad (s.a.w.). Junjungan kita selamat dilahirkan.

Ketiga-tiga insan itu pergi pula ke tempat berhala-berhala yang roboh rebah semuanya, mata mereka ditarik suatu pemandangan. Pemandangan yang ngeri dan ajaib. Muzaffar berlumuran darah di timpa berhala.

Sewaktu dia berlari ke rumah Siti Aminah didapati Allah anamnya, roboh rebahnya berhala telah menyimpannya, robohnya dan diamnya berhala menandakan kelahiran Nabi besar, Muhammad (s.a.w.), tertegaknya agama baru, agama kemenangan dan kebahagiaan dunia dan akhirat.

“Apabila datang yang hak maka tersingkirilah yang batil.”

Suatu kejadian duduknya dilahirkan Nabi Muhammad Rasulullah (s.a.w.).

Hiburan, 12 Februari 1949

Mee Lia

W

AKTU makan tengah hari.

Para pekerja pejabat berduyun-duyun keluar membelakangkan kewajipan kerana menunaikan kewajipan perut. Kedai minuman dan makanan-makanan besar dan kecil dipenuhi oleh pekerja.

Selepas memberi kepuasan perut saya pun bersiar-siar di pantai memerhati kapal-kapal berlabuh di tengah segara. Di sebatang pokok yang rendah, di bawahnya berkumpul manusia mengelilingi kerana dirasuk perasaan ingin mengetahui. Saya telah mencelah antara manusia seramai itu.

Seorang juita Cina muda cantik sedang memberi pidato. Di hadapannya terbentang sehelai kain putih melukiskan perkataan berkenaan Kristian yang ditulis dalam pelbagai bahasa. Di atas sebidang kertas besar, di atasnya tersusun buku-buku dan brosur-brosur besar dan kecil dalam beberapa bahasa.

Saya meninjau buku-buku itu, terutamanya yang menarik hati saya, buku-buku yang dicap huruf Rumi dan jawi dalam bahasa kita. Beberapa tajuk buku itu yang menarik hati ialah *Kesedaran*, *Utusan Tuhan*, *Di Masa yang Sedikit*, *Zaman Gemilang*, dan *Cahaya Memberi Kegelapan*.

Pemandangan saya membawa saya ke muka tukang pidato yang manis, dia tengah berbicara

dalam bahasa Inggeris, menegaskan bahawa Jesus itu anak Tuhan.

Tamat sahaja pidato itu, buku-buku yang di atas kertas dibahagikan kepada orang ramai secara percuma, jiwa manusia memang suka barang percuma, tidak hairan saya memerhati beberapa pemuda Melayu yang meminta buku-buku Melayu itu. Ada dua sebab yang membawa mereka meminta, pertama, lantaran percuma. Kedua, ditarik teknik cantik yang menghias kulit-kulit buku tersebut.

Alangkah gembiranya sekiranya pemeluk agama saya melakukan perkara yang seperti ini.

Sesudah saya meminta dua tiga buah buku, saya lantas berangkat.

Pukul enam petang saya tiba di rumah saya. Siap mandi-manda, berpakaian rumah, saya duduk di beranda. Adik perempuan saya datang kepada saya menghulurkan kepada saya beberapa buah buku. Saya ambil buku itu lalu membelek-beleknya. Semuanya sama sahaja dengan buku-buku yang saya terima daripada perempuan Cina siang tadi.

Adik saya menerangkan bahawa seorang gadis Cina telah sampai ke mari pada pukul empat petang tadi. Dia telah memberi pandangan agama Kristian dan mengajak adik saya masuk ke agama itu. Buku-buku ini dihadiahkan untuk dibaca dalam tempoh tiga minggu ini. Pada akhir bulan dia akan datang mengambil keputusan.

Saya jelaskan kepada adik saya, bacalah kitab-kitab ini kalau rasanya ada agama lain yang melebihi daripada Islam yang adik anuti pada masa ini, terpujanglah kepada adik sendiri, ke jalan mana yang adik suka tempuhi.

Adik saya tersenyum, jawapannya, "Islam itu tinggi, tidak ada sesuatu agama pun yang mengatasinya. Cuma kita umatnya lantaran mata kita ditutup

oleh penipuan dan kedosaan tidak nampak kemuncak kemuliaan, ada dia tempat kemenangan, kebahagiaan, kemajuan untuk dua dunia, berdiri dengan megahnya."

Pada akhir bulan – hari minggu – pada masa saya berada di rumah dan sedang membelek kitab-kitab yang saya terima dahulu, di muka tangga kedengaran orang memberi selamat pagi. Saya hairan dan bangun ke luar menjemput siapa gerangan tuan punya suara halus merdu itu.

Seorang gadis Cina yang pernah saya jumpa memberi ucapan, dia sedang berdiri di kaki tangga, saya menjemputnya naik. Dengan muka suka yang manis dan senyum terus dia naik dan mendudukkan dirinya di atas sebuah kerusi.

Pembicaraan dimulakan.

Dia menanya ke mana adik saya. Adik saya menziarahi orang sakit, jawab saya.

"Menziarahi orang sakit suatu amalan yang berkemanusiaan. Dia akan menjadi seorang penganut agama Kristian yang baik hati," katanya.

"Dia seorang umat Islam yang kukuh keimanannya," balas saya.

Berubah air muka gadis Cina itu.

"Dia juga berpesan sekiranya saudari datang dia mengucapkan terima kasih atas pemberian buku-buku dan risalah-risalah yang dihadaiahkan kepadanya tempoh hari. Untuk memeluk agama lain dari dia tidak mungkin sebab dia telah mempunyai agama yang tersendiri."

"Bererti dia tidak ingin mengubah dari Islam?" tanya gadis Cina itu.

"Nona dari kecilkah memeluk agama sekarang?"

"Baru setahun."

"Sebelum ini nona beragama apa?"

"Kung Fu."

"Kenapa yang menyebabkan nona menukarkan agama?"

"Letaknya begini ... saya seorang ahli yang menggunakan pengajaran-pengajaran Confucius. Ahli falsafah tua ini mengajar pada pengikutnya, supaya berlaku baik setiap masa. Dalam persekolahan sebuah *convent* tempat saya belajar pelbagai ilmu, pada suatu masa dalam ilmu tawarikh, diajarkan kepada saya riwayat hidup Jesus dan pengajaran-pengajarannya.

Kupasan yang diberi oleh guru saya seorang *nun* atau rahib perempuan cukup memuaskan hati dan menarik perasaan cenderung kepada agama anak Tuhan itu.

"Pada masa kelapangan, saya telah mempelajari lebih jauh pengajaran-pengajaran dan seruan-seruan Jesus. Saya dapati semuanya mengatasi kebaikan ajaran Confucius, sebab ini saya berpaling ke salib."

"Saya harap nona jangan marah sekiranya saya menerangkan kenapa dan apa yang menarik hati nona?"

"Tidak, saya lebih suka mendengarnya."

"Mengikut tinjauan saya nona sebelum masuk belajar di sebuah *convent* belum tahu dasar apa yang dipegang oleh *convent* itu, tidak lain dari dasar mendakychkan agamanya. Di sana nona diajar dengan dakyah halus atau kupasan sebagaimana keterangan nona. Kerana halusnya jarum propaganda itu nona tidak sedar jarum itu berlari ke segenap tulang jasmani rohani nona, membawa nona menukar agama.

Nah, nona sudah mengerti kebagusannya Kristian, nona belum tahu bagaimana pula pengajaran yang disiarkan oleh seorang Nabi iaitu Muhammad (s.a.w.). Saya sedia memberi buku tarikh Nabi besar

itu, di sini nanti nona dapat menentukan ada agama yang lebih bagus yang nona belum tahu."

"Tetapi tuan, agama saya tidak membenarkan saya membaca kitab Muhammad (s.a.w.)."

"Kami penganut Islam tidak mencerca agama nona cuma kami tidak mengaku bahawa agama nona dibawa oleh anak Tuhan. Sebaliknya kami tetap menganggap Jesus yang kami panggil Isa (a.s.) sebagai seorang pesuruh Tuhan yang mempunyai kelebihan, nona harus ingat kami dilarang mencerca Isa (a.s.). Malahan kami dipaksa oleh Islam memujinya. Kami umat Islam mengaku al-Qur'an itu bukan saja kitab yang mengandungi falsafah, dan penganut untuk ketenteraman dunia, malahan kami disuruh mempercayai kitab Zabur, Taurat, dan Injil atau *Bible*."

Perbualan kami sampai di akhirnya, dia menanya nama saya dan saya menanya namanya dan....

Akhirnya Mee Lia meminta diri, sebelum dia pergi saya serahkan beberapa kitab Islam, dia menolak pemberian saya dengan alasan takut membantah kemahuan ketuanya.

Di dalam akhbar Inggeris saya terbaca suatu berita yang mencatat pada hari minggu beberapa gadis Cina, Nasrani, dan India akan mengambil sumpah menjadi *nun*. Perayaan sumpah akan diadakan pada pukul empat petang ini di sebuah gereja. Saya bercadang menjumpai Mee Lia untuk kali penghabisan. Saya rindu kepada muka comel Mee Lia, senyuman bergula madu, kulit putih kapas, udara di sekelilingnya penuh dengan aroma wangi.

Dengan tepat saya tegaskan saya telah jatuh cinta, Mee Lia telah menawan setampuk sukma saya.

Saya tahu sekiranya Mee Lia menjadi seorang *nun*, dunia perkahwinan tertutup baginya.

Sedih! Mee Lia yang dijadikan Tuhan seorang

bidadari perhiasan dunia, ditutup dari pintu dunia.

Sesudah zuhur saya berbaring untuk membasmi perasaan risau, dan wajah Mee Lia bermain di hadapan saya. Sedang saya menuruni tangga – berlari tergesa-gesa seorang manusia menaiki tangga rumah saya.

Pelarian ini menuju saya, saya membuka kedua-dua tangan dengan lebar, dia menerkam di antara dua tangan ... kepalanya direbahkan ke dada saya.

Saya rasa sejuk nyaman dada saya. Basah dek basahan si air mata.

Mee Lia menangis rawan.

Dia menceritakan kepada saya kenapa dia ke mari padahal petang ini dia mesti dan akan memasuki pintu menjadi seorang *nun*.

Pertama, dia mengaku cahaya sinar Islam malah menemui imannya. Kedua, dia mengaku menjadi mangsa asmara.

Dia cuba menghapuskan cintanya terhadap saya, dia berjaya sedikit sahaja. Dia cuba menghapuskan ingatan kepada Islam, tetapi tidak terdaya lalu asmara menawannya sekali lagi. Selepas dua agama, Mee Lia memasuki Islam.

Mutiara, 1 April 1949

Mutiara Hidup

LIMA tahun aku telah merantau melalui jalan hidup yang maha luas ini. Semua pengalaman telah kukecap, bahagia pada masa aku mempunyai seorang kekasih yang berjuang sama menghadapi serangan hidup, derita kala dia meninggalkan aku lantaran dia tidak berkuasa lagi maju menghadapi perjuangan.

Orang selalu bertanya kepadaku apa yang membawa aku memisahkan kampung halaman, kebun desa, sawah tempat padi tumbuh dengan megahnya, udara desa yang enak secocok, sungai tempat ikan berenang bersuka ria, membelakangkan keindahan ini semua menjadi sifat orang perantau.

Jawabku tetap tidak berganjak.

"Memburu mutiara hidup," balasku.

Aku sendiri pernah mendengar daripada manusia yang luas pengalamannya, dalam pengetahuannya, saujana pemandangannya. Seseorang manusia belum mempunyai mutiara hidup sebelum menangkap mawar bahagia dunia.

Aku tidak tahu apa yang dikatakannya mutiara hidup. Adakah mutiara yang tidur di dasarnya lautan boleh jadi juga, lantaran kekayaan yang akan dibawa apabila dijual mutiara laut ini. Kufikir lama lagi aku dapati sangkaanku salah. Pernah insan

ditimpa nasib kekayaan, hidupnya tidak ubah penaka lautan atasnya tenang, di dalamnya bermain buai derita. Sungguh zahir mereka ditimbuni emas dan intan sebaliknya sukma mereka kosong meminta mutiara hidup, mutiara pimpinan kebahagiaan.

Setengah-setengah daripada pemuda teman seperjuangan saya menyifatkan mutiara hidup sebagai gadis idaman. Kalau saya berjaya dalam asmara bermakna sayalah mempunyai mutiara hidup. Itu pun bukan juga, saya telah memerhatikan dua tiga teman saya menang dalam peraduan memamah asmara. Tetapi hanya kemenangan untuk sementara, mutiara tergelincir dari sukmanya selepas hidup bersama-sama untuk beberapa lama.

Kembali ke ingatan saya pada masa saya sedang menempuh sebuah desa. Seorang bermegah dia telah memiliki mutiara hidup. Saya tanya kepada si ibu, "Apakah mutiara hidup ibu?"

"Anakku," ujarnya, "Perhatikan di tengah huma yang luas, di sana tiga bujang sedang membajak. Menukar padi dengan keringat, tiga bujang muda itu hasil perkahwinan inilah dia yang kupanggil mutiara hidupku. Pada masa ibu ditelan umur, anak ibu inilah yang akan menyenangkan hati ibu bak mutiara karang membawa bahagia kepada si penyelam."

Aku termakan pengakuan si ibu ini, pengakuan yang menentukan bahawa keturunan yang akan menyambung hidup kita dikatakan mutiara hidup.

Barangkali kebenaran juga falsafah temanku, gadis idaman itu mutiara hidup, kurenung lebih jauh semakin nyata kebenarannya yang jelas itu, keturunan yang disangka daripada gadis idaman, bermakna aku mempunyai dua mutiara hidup. Satu berjaya merebut kecintaanku, kedua menyediakan keturunan yang akan membantuku pada masa tuaku.

Roda masa berputar terus, jarum jam telah

mengalir dari satu angka ke satu angka selama 17 520 kali, dua tahun hampir berlalu. Saya bertekad akan berkahwin dengan gadis yang saya cintai, menutup perantauan saya mencari mutiara hidup. Di perjalanan kembali ke kampung. Saya menyangkai rumah ibu yang bermegah dengan bujangnya. Sunyi tenang kawasan sekeliling huma kotor bolor tidak menerima pemeliharaan, rumput danalang memanjang hampir menutup pemandangan. Saya ketuk beberapa kali pintu pondok ini, tiada jawapan. Lama saya termenung di muka pintu, sampai ke telinga saya suara batuk, saya ketuk, ketuk lagi, sunyi sepi, saya nekad masuk ke dalam. Klan kuat bunyi batuk, saya ikut suara itu.

Saya berada di dalam sebuah bilik. Di atas sebuah tempat tidur yang hitam dibawa kekotoran terbaring seorang perempuan tua yang terkena penyakit batuk.

"Ibu kenapa bu?"

Dia mendiamkan diri.

"Di mana anak ibu?"

Dengan senyum dia menjawab, "Mereka mengembara meninggalkan ibu."

"Untuk apa ibu? Apa yang menjadi pengembaraan mereka?"

"Mencari mutiara hidup."

"Ibu dibiarkan saja?"

"Ya anakku, kini anakku barulah ibu tahu, mereka bukanlah mutiara hidup, mutiara hidup berada di mana-mana saja. Saya tahu anakku apa yang dikatakan mutiara hidup."

"Apa ibu, apa dia?" saya mendesak hilang kesabaran saya.

"Tidak lain dari...." Sampai di sini sahaja nyawanya mengizinkan dia berbicara, dari Tuhan datang-

nya dia maka kepada Tuhan dia kembali. Dunia terus berputar.

Puas saya merata di hujung tengah Nusantara kita.

Jelak saya merenangi sungai dan paya.

Penat letih lesu saya mendaki menuruni gunung dan lurah. Mutiara hidup belum juga bersua.

Saya kembali ke rumah orang tua saya.

Pada suatu hari sedang saya duduk di muka rumah merenung ke alam kosong ayah saya merapati saya.

"Puaskah kau merantau mengembara mengukur jalan raya memburu mutiara hidup?"

"Puas ayah."

"Apa hasilnya?"

"Kosong semata-mata ayah."

"Ayah tahu di mana mutiara hidup."

"Sayalah yang ayah sifatkan mutiara hidup itu."

"Tidak."

"Habis apa yang digelar mutiara hidup?"

"Sukma hati kita."

Saya tercengang.

"Kau belum mengenal zaman. Ayah lebih lama dari kau. Ayah tahu sejak dari permulaan zaman manusia mencari di mana mutiara hidup atau kebahagiaan. Ada yang merantau tidak kembali lagi. Ada di kemuncak tidak turun lagi, ada yang di tengah negara tidak ke dalam bila pun. Kita tidak perlu pergi sejauh itu. Mutiara hidup berada di tubuh kita, di jasmani kita, di ruang hati kita. Mutiara hidup tidak lain dari sukma kita. Sedikit saja orang tahu mencapai sesuatu kebahagiaan, tetapkanlah hati dahulu sehingga tabah dan kuat. Tidak hairan anakku kau ke sana ke mari mencari mutiara, kau kembali bertangan kosong, kau tidak sedar mutiara ini telah ada cuma terpulang kepada diri kau sendiri

menghiaskan jasmani dan rohanimu." Kini baru tenang jiwaku. Aku sedar di mana ada mutiara hidup.

"Penaka Mutiara," ayahku menyambung lagi. Tidak akan didapati sebelum kita menyelam menghadapi bahaya di dalam air. Begitu jua mutiara kita belum mungkin menentukan kebahagiaan sebelum kita menyelam negara pengalaman, menghadapi bahaya percubaan, kita naik ke atas bahagia mutiara bersama kita.

Mutiara, 1 Mei 1949

Guru Agama Muda

ADINDA Ani.

Beberapa hari lagi, seminggu selewat-lewatnya, kakanda akan bertolak dari kota Singapura kembali ke kampung semula, kembali ke sawah yang lama menanti aku dan berhadapan muka dengan kau adinda.

Setahun telah berlalu adinda, setahun aku berpisah dari bumiku yang berbuahkan emas, kerbau bajakku, tetapi perpisahan dengan kau Aini penaka pokok sukma dicabut akar-akarnya. Bukankah kerana kau juga hampir kumundurkan niatku untuk merantau ke Singapura?

Kau juga adinda, yang mendesak, mendesak dengan pujaan semangatmu, "Pergilah kakanda, agama menanti kakanda!"

Kerana agamalah makanya aku terus berlari dari rumahku, aku ke Singapura akan memegang jawatan sebagai seorang guru agama di sebuah sekolah rakyat.

Setahun aku mengajar, setahun aku menahan kemahuan hidup, cuba kau baca semula Aini surat-suratku, tak putus-putusnya aku kirim kepada kau, menulis penanggungan-penanggungan menjadi seorang ustaz. Sukmaku membisikkan ke kupingku andainya setahun lagi aku ber-

diam di sini pasti riwayat hidupku akan menggubah kisah baru di atas persada maya pada ini.

Tidak Ainiku, aku tidak akan bertahan. Jangan Aini. Janganlah menyuruh aku bersabar lagi! Kata-kata menerima kepatuhan jiwaku, kunantikan adinda memanggil aku pulang, bukan menasihati bersabar lantaran agama.

Aku berharap adinda kedatanganku nanti janganlah kau sifatkan kembalianku penaka seorang sateria lari dari padang pertempuran, tetapi sifatkanlah kembalianku bak musafir dide-sak berpatah jalan dipaksa taufan hidup.

Aku masih ingat lagi si pengirim surat ini, rumahku tidak berapa jauh dari rumahnya, di desaku Jaafar terkenal sebagai ahli tani yang tunduk kepada agama, malahan terlalu tunduk, seolah-olah hidup dihidupkan agama.

Entah dari mana agaknya datang kitab-kitab agama memenuhi pondok kecilnya, kitab-kitab yang menutup segala hukum, fikah, tauhid, tarikat, puasa, zakat, masyarakat, tarikh, siasah dan ... kerana aku tunangannya, aku diizinkan oleh orang tuaku melawati rumahnya dan berhubung rapat dengan dia. Daripada perhubunganku, aku mempelajari jiwanya. Memang pada tempat jika aku menentukan kesimpulan bahawa cinta agamanya mengatasi cintanya balik.

"Kenapa kakanda?" tanyaku setelah sekian lama kakanda memburu di medan perjuangan, nah kini medan menanti kakanda, berjuang kakanda selagi rasa perjuangan masih bergelora dalam semangat kakanda.

"Cintaku juga turut berjuang, aku mengaku kalah serangan asmara."

Aku maklum rayuannya bukanlah buai-buai, hanya gara-gara cinta, gambaran membayangkan kesucian asmaranya kepadaku, tidak berlebih dan tidak berkurang-kurang lantas aku menjawab, "Maju kakanda, pemergian kakanda akan mendalami rasa cintaku ke atas kakanda, siapa yang tidak akan terpikat hatinya memerhati kekasihnya menjadi sateria agama, pergilah kakanda, agama menanti kakanda!"

Dia telah berpergian dari sisiku, hilang dari mataku, jauh dari jasmaniku, tetapi tuan ... jiwa aku merasa dia kini menghampiri rohaniku, dia bersemaian di lubuk kalbuku.

Beberapa suratnya yang terdahulu.

Adinda Aini,

Sebelum aku menyandang jawatan sebagai seorang mualim atau ustaz. Aku diajak oleh seorang pimpinan yang terkenal melawati sekolah-sekolah agama yang bertaburan di Singapura.

Daripada lawatanku, barulah mengerti aku bahawa di Singapura berdiam beratus ribu umat Islam seolah-olah menyifatkan Islam sebagai suatu faham politik yang membahayakan. Ah! Aini, andainya kau berada di sini kau akan menyesali nasib Islam. Orang yang mengaku beragama Islam seratus peratus jumlah mereka dikira susah, sebaliknya yang sungguh-sungguh memperjuangkan Islam daripada seratus hanya terdapat satu. Umpama mereka menganut faham politik demokrasi. Sebaliknya mereka tidak menjalankan kemahuan demokrasi.

Singapura tidak kekurangan sekolah agama, Singapura hanya kekurangan penuntutnya. Sesia

saya katakan sesiapa yang cuba mendirikan sekolah agama dengan membelanjakan wang ratusan jumlahnya. Apa yang harus diselenggarakan ialah mencinta suatu pagar, sebuah kubu, sehelai tirai kukuh menahan murid-murid yang sedang belajar melarikan diri dari madrasah agama, lari bukan kerana suka berlari, lari kerana dikejar pacu cemati, desakan hidup. Selain daripada ini saranan panas, cara baru wajib dianjurkan oleh badan-badan agama akan menarik anak-anak kita Islam membanjiri di muka pintu sekolah agama.

Adinda Aini,

Surat yang akan datang nanti kukisahkan suatu contoh pelarian dari sekolah agama.

Adinda Aini.

Sebagaimana janjiku, kali ini kutunaikan janji untuk meriwayatkan pelarian dari sekolah, pelarian yang berlaku pada sepanjang zaman selagi belum terbentuk suatu kanun menahan pelarian.

Seorang pemuda sedang asyik menghirup madu agama tak puas-puas, berenang di segara alam tak jemu-jemu. Dia berniat andai kata selesai sahaja dihirupnya madu-madu direnangnya segara itu, ia bercita-cita akan menyabung nasib di negara luar mencari sarang madu yang masih hidup, segara alam yang lebih luas mendesak diselam. Baru sahaja dia di pertengahan, cita-citanya ribut. Krisis mula memukul, dicarinya penyokong kiri dan kanan, penyokong hanya menyokong dengan perkataan "sabar", padahal krisis meminta sokongan lebih daripada bersabar. Apakah daya dicarinya perlindungan, perlindungan

an menghanyutkan diri, diminta perlindungan, perlindungan menutupkan payungnya, ditangisi merayu ke atas pengasihanan, pengasihanan mencurahkan kata-kata, dan nista sahaja.

Perahu mana yang tidak akan hanyut dipukul gelombang derita, kalau pendayung membawa diri? Akhirnya dia tenggelam, tenggelam bersama cintanya.

Aini, dua minggu aku bertekun mendidik beberapa penuntut kecil yang kuharap pada suatu masa akan memegang nama para pemimpin agama. Agama kita memang kekurangan pemimpin yang tulen, berlebihan pemimpin ngobrol, penganjur "bersabar."

Aini,

Apa benarkah guru agama telah ditentukan sering menghadap kepapaan, tidak seperti guru lain, sungguh sedih nasib guru agama. Sedih yang hanya ditewasi dengan air mata. Dan air mata pula harganya si air mata juga, air mata tidak akan berubah menjadi emas.

Adinda Aini,

Penerimaan guru-guru agama lebih rendah daripada penerimaan seseorang buruh. Patutkah si para pengawal agama membiarkan agama hidup di atas akhirat semata-mata. Berdiri di atas kerahmatan semata-mata.

Pengakuan serupa ini pernah kudengarkan dari mulut seorang guru agama. Kami maklum tidak mungkin hidup dengan makan pasir! Aku pula Aini tidak bisa dengan mengikat batu diperutku selama-lamanya.

Aini,

Pada suratku yang lampau telah kucatatkan, "Pelarian murid dari istana agama", kini terbukti adinda bukan sahaja murid-murid yang membuat

pelarian itu, bukan Ni, malahan guru-guru juga turut membuka langkah membuat pelarian, lari mencari lapangan hidup yang lebih sempurna. Antara beberapa guru yang terpaksa lari ada yang telah bekerja di gedung-gedung dan...."

"Adinda ...,"

Dalam minggu ini kakanda terpaksa membuat keputusan, sama ada menambahkan batuan ikatan perutku atau mengikut jejak teman-temanku yang telah membuat pelarian lebih dahulu.

Kalau dibiarkan sedemikian juga nasib penuntut-penuntut dan guru-guru agama, percayalah adinda pada satu masa agama pasti bersifat suatu jenaka, suatu tiupan udara sepintas lalu.

Cuba Ni renungkan, murid tempahan hadapan akan menggantikan kita kaum guru pada zaman akan datang, lebih dahulu ditembusi gempakan hidup, yang tinggal hanya kami guru agama. Kami pula sering memainkan badan keperluan. Kami terpaksa berpindah ke lapangan yang lebih selamat. Dengan begini kian mengurang bilangan kami.

Apabila lenyap guru agama, maka lenyaplah pengajaran agama, pada kala tenggelamnya pengajaran agama, maka berbanyaklah jumlah insan yang tidak mengenal agama. Daripada tidak mengenal usulnya tidak cinta, tidak mencintai ke tidak ambil pusing, daripada tidak ambil tahu membawa membenci, daripada mencemuhkan membawa ke tidak beragama, maka kembalilah manusia ke zaman jahiliah, zaman kezaliman, kekejaman, kebuasan, kebinatangan, kesyaitanan, menari di tengah terang tarian dosa.

Siapakah yang harus disalahkan? Kaum serupa saya? Tidak mungkin! Kami sedia menghu-

lurkan bantuan, sebaliknya kami kurang menerima bantuan. Apa hasilnya kalau keluar lebih banyak daripada menerima. Fikirlah Ni, kerana ini terpaksa aku mencari keputusan.

Keputusannya itulah yang mula tadi.

Aku juga turut bersedih memikir merenung nasib guru-guru agama dan penuntut-penuntutnya. Aku cuma berkuasa mendermakan si air mata, aku teringat pula perkataan kekasihku, "Air mata harganya si air mata juga."

Kembalilah kakanda agar jangan penderitaan memusingkan kaki adinda ke jurang dosa. Kalau kakanda dapat bertahan cubalah. Aku tidak tahu apa kesimpulan yang harus kuberikan, dengan jawapan apa dapat kupecahkan masalah sulit rumit dari abad ke abad.

Mutiara, 1 Jun 1949

Untuk Masyarakat

SOAL ini telah dihadapkan kepadaku oleh beberapa temanku. Mahupun berhadapan atau melalui suratnya.

Aku telah bertindak akan menjawab teman-temanku itu melalu cerita pendek, bukan sahaja soal kawan-kawanku yang terjawab malahan soalan yang akan dimajukan nanti sudah boleh terjawab.

Soal itu ialah menanyaku kenapa aku menceraikan isteriku. Ada yang terus menentang aku memakai alasan-alasan kemasyarakatan.

Walau apa juga yang datang, apa yang terkandung di dalam cerita pendek inilah terkandungnya jawapanku. Mari saudara saudari, mari saudara bawa bersurut ke zaman silam!

Kerana cinta-mencintai maka aku telah berkahwin dengan Khadijah, bahagia menerusi kaca mata cinta.

Khadijah memang terkenal di kalangan masyarakat kerana sifatnya sebagai seorang yang sentiasa berada di tengah masyarakat.

Aku sebagai seorang suami sungguhpun berhak di atas gerak-geri isteriku Khadijah, tetapi aku mahu menerima hak itu, malahan Khadijah kuberi kebebasan sebagaimana diterimanya pada zaman gadisnya.

Sering apabila aku membaca akhbar, aku akan

menjumpai gambar Khadijah diterakan di dalam sebuah majlis meraikan itu dan ini. Berkali-kali pula muka Khadijah dijadikan hiasan kulit majalah. Hati suami manakah yang tidak akan girang memerhati isterinya yang dicintai dijunjung tinggi oleh ramai.

Pada suatu masa sedang aku kembali dari menonton kuperhatikan isteriku di dalam kereta dengan seorang besar kota ini. Cemburu mula mengganggu di kalbuku. Aku lawan dengan alasan untuk menerima sanjungan daripada masyarakat lebih dahulu perlu berapat ramah-tamah dengan masyarakat. Terbanglah kupu cemburu dari sukma.

Mula aku berasa sempit hati terhadap Khadijah apabila kuperhatikan gambarnya di dalam akhbar kita, isteriku sedang menghadiri jamuan kebangsaan. Jelas dan terang gambar Khadijah sedang menuang wiski ke dalam gelas. Di muka lain kujumpainya sedang berlaga gelas dengan seorang besar kita sambil mengucapkan selamat hari jadi.

Seorang suami yang menjauhkan diri dari minuman keras tentu akan timbul kemarahannya apabila didapatinya isterinya berjinak dengan benda yang dibencinya sangat.

Peristiwa kedua ini jua kumaafkan tetapi untuk memaafkan peristiwa ketiga bukan aku orangnya.

Demikian kejadian ketiga.

Beberapa kali telah kuperhatikan isteriku berdamping dengan orang besar yang bermotokar itu. Aku tetap menyangkai pergaulan mereka hanya terbatas di dalam erti kata masyarakat, tidak lebih dan tidak kurang.

Kerana keperluan perekonomian, aku telah dikirim keluar negeri. Seharusnya kewajipanku akan memakan masa dua minggu banyaknya kerana kegiatan aku bekerja. Sempat kerja itu kuselenggara-

kan dalam masa sepekan. Aku terus berangkat ke tanah airku semula.

Malam hari aku tiba di muka pintu rumahku, mulanya aku berniat meneriak nama isteriku. Tetapi suara orang berkata menahan mulutku. Kupasang telingaku, berenang di dalam kupingku kata yang menawan sukma, cinta dan hidup semati. Aku maklum kiranya ada orang sedang melakonkan drama cinta di dalam.

Berlalu dari muka pintu itu kurapati sebuah tingkap, dari luar tingkap matakmu mencari ke dalam.

Ah, ini pendengaranku!

Isteriku sedang beraya memegang bahagian *heroin* dan orang besar dahulu itu sedang memainkan bahagian *hero*.

Pada kala mereka melakonkan *scene* berdakap aku serbu ke dalam seperti seorang penjahat yang sering merosakkan kehidupan pemuda pemudi.

Terkejut kedua-duanya. Tidak berkata apa orang besar ini mencari pintu keluar dan hilang ditelan malam gelita.

Tinggal aku dan Khadijah sahaja. Mukanya membayangkan putus asa!

"Sungguh elok!" kataku, "Suatu bahagian lakon untuk masyarakat."

"Diam!" jawabannya.

"Khadijah," sambungku lagi "Adakah berpeluk gurau satu daripada kewajipan masyarakat yang perlu diselenggarakan?"

Bisu balasnya.

Betulkah Khadijah pandangan minuman berempat suatu minuman yang perlu di dalam jamuan-jamuan yang dianjurkan oleh masyarakat, masyarakat akan menolak orang itu daripada lingkungannya sekiranya minuman itu ditolak.

Baru dia menjawab kononnya untuk merapati

dengan masyarakat kita wajib patuh dengan undang-undang yang diatur oleh masyarakat.

"Bukan undang-undang yang diatur oleh Tuhan!" kataku.

"Bukan," jawabannya.

"Untuk kebaikan dirinya, untuk puas nafsunya maka masyarakat telah menciptakan beberapa kanun yang terang menyalahi agama. Mereka telah mengadakan beberapa undang-undang yang menentang undang-undang alam.

"Orang yang seperti kau Khadijah selalu memandang masyarakat itu terletak pada pakaian yang cantik.

"Kau tahu siapa masyarakat?"

"Diri kita sendiri. Aku masyarakat, apabila rosak moral kita maka rosaklah seluruh masyarakat. Apa yang wajib kita berikan untuk masyarakat. Bukan pipi ... tetapi jasa, jasa itu hanya terbit daripada kesucian bukan daripada dosa."

Isteriku bangun meminta aku menceraikan dia. Akhirnya terus terang dia mengaku menjadi perempuan simpanan orang besar itu.

Inilah sebab Khadijah kulepaskan terbang dari sangkar madu rumah tanggaku.

Mutiara, 1 Julai 1949

Pembunuhan di Malam Hari Raya

PETANG hari raya, saya menutup pejabat saya setengah hari, saya bercadang pergi membeli-belah di Daud Bazar, pakalan melaram pada hari raya.

Pukul satu tepat saya tiba di sana, cuma dua penjaga yang berada di dalam kedai ini, yang lain tidak berpuasa telah menyelinap ke pintu belakang kedai kopi. Lelaki itu sedang mengesat almari, yang perempuannya mengatur benda di dalam *case* kaca.

Saya maju ke tempat penjual perempuan itu bukan untuk romantik tetapi untuk mencari tali leher.

"Tali leher encik?" tanya si buluh perindu itu.

"Nanti biar pilih yang berkenan di hati," balas saya. Sukma saya membisik, kaulah yang matakau berkenan sangat adikku.

Saya asyik memerhati tali leher yang berwarna-warni ini, tiba-tiba belakang saya dicuit orang. Saya lantas berpaling memerhati siapa agaknya.

"Tuan Daud," kata saya. Orang yang mencuit saya ialah Daud, tuan punya Daud Bazar.

"Apa khabar?"

"Inspektor Abdul Manaf, tuan orang yang saya ter cari-cari!"

"Saya dicari, kenapa?"

"Kalau dapat tuan inspektor meluangkan masa sedikit masuklah ke pejabat saya kerana ada perkara penting yang mesti saya huraikan."

Tidak berkata-kata lagi saya dan dia masuk ke pejabatnya.

"Perkara apakah yang akan tuan huraikan?" saya memulakan bicara.

"Tepatnya perkara ini bukan mengenai kecurian barang atau pembunuhan, harus perkara ini pada masa datang merupakan suatu pembunuhan."

"Saya belum faham maksud tuan."

"Begini! Amin sifatnya sebagai penguasa atau manager kedai saya, memandangkan kerjanya terlalu sibuk telah meminta kepada saya agar memberrinya seorang pembantu. Saya luluskan permintaannya, sudah beberapa hari saya menimbang dan meninjau dengan teliti antara pekerja-pekerja saya yang berhak menerima jawatan pembantu pengurus itu, saya dapati dua calon yang sama-sama cekap, Kassim dan Awang. Saya tidak tahu kepada siapa harus saya hadiahkan kedudukan tinggi itu, kalau saya beri kepada salah seorang, percayalah suatu pembunuhan akan berlaku."

"Bagaimana?" tanya saya keanehan.

"Tuan telah memerhati perempuan yang mengatur tali leher tadi, namanya Hawa. Kassim dan Awang mencintai Hawa, sebaliknya Hawa tidak mencintai kedua-duanya atau salah satunya. Berkali telah diadukan oleh Hawa bagaimana kedua-dua pemuda itu melamarnya untuk dijadikan isteri, Hawa tidak tahu lamaran siapakah yang patut diterimanya, lantas Hawa membuat putusan siapa saja yang memegang jawatan pembantu pengurus, lamaran si dia diterima.

"Katakan jawatan tinggi itu saya beri kepada Awang, bererti Hawa akan menjadi isteri Awang.

Belum sempat Awang berkahwin dia akan mati dibunuh oleh Kassim, begitu juga sebaliknya. Kedua-duanya telah bersumpah atas nama asmara dan menukar-nukar amaran membunuh siapa saja yang bersatu dengan Hawa."

"Ertinya Tuan Daud menyuruh saya menyelesaikan perkara ini?"

"Benar! Dengan menasihati kedua-duanya agar menerima takdir dengan sabar."

"Tuan harus ingat saya seorang mata-mata gelap bukan pemberi nasihat."

"Andainya pada masa lalu kerja tuan cuma menangkap pembunuh kali ini tuan mungkin dapat menghindarkan seorang insan daripada bahaya maut dan seorang lagi daripada menerima gelaran pembunuh."

Saya berfikir sebentar. "Saya menerima suruhan tuan. Sudahkah tuan membuat pilihan pembantu pengurus?"

"Pilihan itu saya serahkan kepada Amin, dia yang berhajat seorang pembantu, sebagusnya dia sendiri memilih."

Pada kala itu juga pintu pejabat diketuk.

"Siapa?" tanya Daud.

"Amin," suara jawapan.

"Masuk!" perintah Daud.

Amin masuk ke dalam dan berdiri di hadapan majikannya.

"Tuan, saya telah menyempurnakan pilihan saya, pilihan saya jatuh kepada Kassim lantaran memandangkan kebolehan Kassim melebihi Awang," kata Amin.

Saya tinggalkan kedua-duanya.

Pukul enam petang hari raya.

Saya terus ke rumah tumpangan Awang. Sampai sahaja di sana saya perhati Awang sedang bergila

minum minuman keras, keadaannya mabuk, dia dilayani oleh Amin.

Amin menceritakan kepada saya apabila diumumkan pilihannya, pergaduhan sengit berlaku antara Kassim dan Awang. Pergaduhan ini dapat dipisahkannya dan dia terus membawa Awang ke mari. Saya pinta kepada Amin supaya jangan memberi Awang keluar dari bilik ini. Besok pagi selepas sembahyang Hari Raya Aidilfitri saya akan ke mari menyelesaikan perbalahan ini dengan Kassim secara bermaaf-maafan pada hari raya.

Amin sanggup sebab Amin juga menumpang sama sebilik dengan Awang.

Saya keluar. Saya bercadang pergi ke rumah Kassim untuk mencarinya, di tengah jalan saya bersua Hawa. Hawa menegur saya. Hawa sifatnya jelita moden mempelawa saya menonton filem pada malam hari ini bersama-samanya, ada perkara penting yang akan dimasukkan ke kuping saya.

Di dalam wayang Hawa menceritakan beberapa perkara penting. Hawa telah memutuskan akan bersuamikan Awang. Alasannya Kassim telah beruntung memenuhi kerusi yang bergaji besar, sepatutnya Awang memperolehi laba mengahwini dirinya. Hawa meminta seboleh-bolehnya kepada saya supaya mengisytiharkan keputusan ini kepada Kassim dengan menggunakan diplomasi, supaya jangan bangkit perasaan marah.

Selesai sahaja pertunjukan saya pergi ke kamar Kassim, pintunya tertutup, saya ketuk dan ketuk, tak ada jawapan. Saya pun menolak daun pintu, tersebar, gelap, saya petik lampu, terang kembali, saya terperhati Awang jatuh menimpa kerusi tak sedarkan diri. Tangannya memegang selaras pistol. Saya berlari ke tempat tidur Kassim, darah memerahkan

bantal kepala Kassim, dia ditembak menembusi benaknya.

Awang membalas dendam!

Saya telefon polis, sebentar kemudian, Inspektor Misir bersama-sama orangnya membuat pemeriksaan.

"Sayang betul," ujar Misir, "Pembunuhan ini tidak sulit, di situ kita ada orang yang terbunuh dan di sini terlantar pembunuhnya, perkara buka dan tutup, rugi dan saya tidak dapat menyiasat sesuatu yang pelik."

"Perkara ini lebih sulit, tuan sangka yang terbaring Awang bukan pembunuhnya."

"Bukan? Bukti! Bukti! Lekas buktinya Abdul Manaf?"

"Tidak kautahu Misir orang mabuk tak mungkin menembak lurus, Kassim ditembak tepat di tempat yang membahayakan sekali. Menunjukkan ketepatan si pembunuh, memerhati pula tempat jatuh Awang terlalu jauh dari katil itu, dia jatuh terlanggar kerusi, dia terus terbaring. Ini cukup membuktikan Awang tidak membunuh."

"Habis siapa pembunuhnya? Kau barangkali?"

"Dalam kocek saya," mukanya marah lantaran berjaya mendahuluinya menangkap pembunuh Kassim.

"Bagaimana kau tahu Awang mabuk?" Misir menekan saya.

"Tidakkah kau mempunyai hidung?"

"Betul, sejak tadi aku terbau-bau arak, aku sangka kau minum."

Terpaksa memberi pandangan lebih jauh.

1. Amin juga pernah melamar Hawa, Hawa menolak, mengetahui bahawa dia barua perempuan.
2. Dia yang mengapi-apikan Awang mengajar

Kassim, padahal Awang dahulu bersifat seorang yang lembik.

3. Dia sendiri meminta pembantu, saya dapati kerjanya meminta separuh tenaganya sahaja.

4. Dia sengaja memabukkan Awang, dan diberinya Awang pistol dan menyuruh Awang membunuh Kassim. Dia mengikut sama ke rumah Kassim. Malangnya Awang terlanggar kerusi membawa jatuh tertidur. Amin memerhati peluang, diambilnya pistol, dirapatinya Kassim yang sedang tidur dan dilepaskan peluru tepat menembusi benaknya. Pistol itu diletakkan di tangan Awang yang terlantar lalu ia keluar.

Hiburan, 30 Julai 1949

Imamku

SAYA sendiri tidak tahu bagaimana saya mendapati diri saya tinggal bersama Imam Dahlan. Apa yang saya tahu dia bukan ayah saya yang sebenarnya, dia ayah angkat saya, saya tidak mungkin melupakan budinya kerana pemeliharaan dan kesayangannya yang ditumpahkan ke atas saya.

Imam Dahlan bukan sahaja imam sebuah surau sederhana di kampung saya malahan dia menjadi imam saya dan pengikut jumlah besar manusia yang mengenal imam itu.

Kerana luas fikirannya, bebas pengalamannya, jauh pemandangannya, tepat fikirannya berisi nasihat-nasihat, mutiara geliga katanya dan mencengkam perasaan kefalsafahannya, maka dia menjadi bandingan dan ikutan entah berapa banyak kenalan.

Suatu hari saya tanya kepadanya kenapa maka dia memelihara saya padahal banyak kanak-kanak yang lebih buruk nasib derita yang menimpa mereka yang patut lebih dahulu dicurahkan pemeliharaan.

Untuk beberapa saat mulutnya terkunci dan merenung tepat muka saya. Tidak berkisar renungannya itu.

"Saad, jangan Saad, jangan meninggalkan aku. Peninggalan kau akan memadam cahaya hidupku.

Jangan Saad jangan, apa saja yang kau ingin, katakan, hajat kau akan kusampaikan belum pun habis perkataan kau. Tetapi suatu Saad, satu hajatku, hajat yang lebih besar dari keinginan orang yang bercinta, janganlah Saad mengembara ke rimba dunia membiarkan aku ditiup dilambung ribut kenangan." Demikianlah jawapan Imam Dahlan yang menghairankan sukma saya, lain yang ditanya lain pula jawabannya.

"Tidak ayah, Ad tidak akan meninggalkan ayah biar apa yang terjadi," balas saya.

"Saad, banyak perkara dalam dunia kita ini yang memisahkan seorang dengan seseorang, aku juga pernah dipisahkan ..., " terhenti cakapannya, air matanya mula gugur.

"Dipisahkan oleh apa ayah?" desak saya.

Dia mengesat air matanya. Dia bangun akan berkisar dari sisi saya. Saya biarkan sahaja baru beberapa langkah. "Ayah! Saya tahu apa yang memisahkan ayah dengan siapa, cinta saya ayah," dia terkejut mendengar seruan itu, terus dipusingkan badannya menghadap saya.

"Bagaimana kau tahu Saad, adakah siapa yang menceritakan kepada kau?"

"Tidak, tidak ada sesiapa yang menghuraikan kisah ayah kepada saya."

"Tahukah siapa yang memisahkan aku?"

"Tahu ayah."

"Siapa?" tanyanya sebagai perintah.

Saya jawab, "Agama! Lantaran ayah kuat mencintai agama, mengatasi amal salih, agama memisahkan ayah dari sisi dunia."

"Jangan marah Saad, andainya aku berterus mengatakan jumlahkah kau antara insan yang mempunyai fikiran belakang, menurut agama sering menarik manusia dari merebut kemajuan dunia.

Sepintas lalu pemandangan akan menentukan dunia tinggal dunia, agama tinggal agama.

"Kau selam ke akar umbinya kerana mencapai suatu kesimpulan yang membuktikan agama itu dunia. Dunia itu agama. Agama tidak menyekat kemajuan. Malahan agama mendorong kita mengejar kemajuan. Dunia maju dengan cita-citanya yang membawa keruntuhan dan kebinasaan, kau akan mendapati kita kian menghampiri kepada agama, mengharap perlindungan dari agama.

"Manusia serupa kau selalu salah menempa. Disangkanya apabila dia telah memeluk agama maka sewajarnya agama membalasnya dengan mencurahkan perlindungan dan keselamatan. Agama bukanlah suatu penyembahan, agama merupakan suatu fahaman, fahaman yang membawa kita merapati Tuhan, apabila kita mencintai Tuhan, pasti Tuhan mencintai kita, mahukah Tuhan menimpakan kerosakan kepada kita yang dikasihi dan dunia kita?

"Kita kuat menganut agama, berikat lebih kuat dunia kita, kita anggap sebagai keselamatan, kita akan memelihara dunia bukan menceburkan ke dalam kancah peperangan. Tidak hairan kita kalau peperangan besar dimulakan oleh orang-orang yang bukan Islam dan tidak beragama. Dengan ini kukatakan Saad mengagamakan dunia dan mendirikan agama nikmat yang akan dirasa oleh rohani dan jasmani, lahir dan batin, lebih manis dari gula-gula, bukan agama yang memisahkan aku."

"Habis, apa ayah?"

"Lebih baik rahsia ini selama-lamanya sebagai rahsia, bukan nama saja rahsia tetapi telah diketahui oleh puluhan orang."

"Kenapa ayah? Adakah sesuatu yang mengenai saya membawa ayah menyembunyikan rahsia itu?"

"Kaulah rahsia itu, bocoran rahsia itu akan memisahkan kita."

"Ah, ayah masih ragukan saya. Saya telah akui tidak ada sesiapa pun yang mungkin menceraikan kita!"

"Jika kau mendesak juga membongkar rahsia ini lebih dahulu kau harus mengaturkan suatu perjanjian."

"Perjanjian serupa mana ayah?"

"Bahawa kau tidak akan berkecil hati dan tidak akan berpisah dari sisiku selama-lamanya."

"Saya berjanji ayah."

"Jangan, jangan membuat keputusan kilat, janji memintalah dari keputusan."

Lantas imamku menceritakan kisahnya.

"Pada masa mudaku aku sejahil-jahil manusia. Aku berdiri di muka pintu Islam sebaliknya belum sekali kumasuk di istana agama, seindah itu. Setiap hari manusia akan menjumpaiku di meja belakang kedai minum, di balik tirai rumah pelacuran, di bawah bumbung pondok judi.

"Di dalam gilaku dengan beberapa perempuan lacur, aku bersua dengan seorang perempuan muda rupawan. Mulanya aku berdiri di dalam lorong najis itu, memerhati dia berdiri seorang diri menanti pelanggan agaknya. Belum sempat kurapati dia untuk kujadikan teman nafsuku, kuperhatikan seorang lelaki yang tidak dikenali lebih dahulu telah membimbing jelita itu ke dalam sebuah rumah.

"Aku tidak berputus asa kerana aku faham perjuangan semacam ini meminta cogan 'siapa cepat dia dapat.' Aku menanti di luar, duduk di sebuah bangku. Tak lama kemudian pemuda yang masuk tadi keluar, mukanya membayangkan rasa kepuasan. Jauh saja pemuda itu berlalu, aku terus ke dalam. Kuperhatikan si jelita sedang duduk menitiskan air

mata. Terpandang aku berada di muka pintu, dia tersipu-sipu mengesat air matanya."

"Hajat apa tuan ke mari?" dia menanya.

"Aku terkejut beberapa ketika, bukankah wanita serupa ini tidak perlu menanya perlu apa lelaki pada kala lelaki telah berada di dalam biliknya. Mulutku terkunci barang sejenak. Dia memandang tepat ke mukaku, aku merenung tepat mukanya dan ... dan kekuatan matakku mengalahkan matanya, dia terpaksa tunduk memandang ke bumi. Setitik demi setitik air matanya gugur."

"Tidak tuan, tidak, ti ... dak," suaranya terputus-putus dikuatkan belati kesedihan. "Saya bukan perempuan pelacur."

Saya merenung mukanya seolah-olah tidak percaya. Saya zahirkan pada air muka saya bahawa saya telah memerhatikan seorang pemuda masuk ke mari bersama dia dan keluar seorang diri, mujur juga bayangan muka saya dapat difahaminya.

"Saya akui saya sebentar tadi melakukan dosa, suatu dosa yang besar, dosa yang mesti saya pikul pembalasannya di belakang hari. Tapi salahkah tuan, saya tidak berjaya menolak dosa itu, saya belum mempunyai kekuatan malaikat. Saya tidak mungkin menahan nafsu saya. Pemuda yang baru berangkat dari sini bukan pemuda sembarangan, dia pemuda terpelajar. Kami lebih lama bercinta, lamaran pemuda itu ditolak oleh orang tua kami sebaliknya mungkinkah mereka menahan pukulan ombak nafsu. Kini baru saya faham, cinta bukanlah sekali-kali aliran asmara semata-mata malah di dalam cinta turun berendam nafsu. Tiap-tiap orang yang bercinta menganut nafsu, biar siapa sekalipun yang bercinta ombak nafsu kian menghanyutkan saya, dan ke tempat sulit ini mengurniakan paksaan dan perkoasaan nafsu. Jangan tuan, jangan mengukur sesuatu

dengan sekali pemandangan, tetapi ukurlah sekali lagi dari segi rohani dan jasmani!"

"Saad, sebelum kuhabiskan kisahku, berjanjilah sekali lagi bahawa walau apa pun yang berlaku kau wajib pada sepanjang zaman berdiri di sampingku!"

Barangkali kerana terlalu ingin mendengar kesudahan ceritanya, atau pengakuan yang terbit dari dalam hatinya saya mengangguk.

"Aku lantas berkenalan, aku akui terpicat olehnya, aku belum tahu sama ada dia juga berasa serupa perasaanku, berkali-kali aku menjumpai dan pernah kuiringkan ke rumah. Dalam perbualanku dengan dia aku beruntung menerima beberapa bahan hidup yang berguna, dia menukar pemandanganku atas ertinya hidup pada masa lampau. Aku menyangka hidup bertujuan kesenangan dan kebahagiaan kini, baru aku sedar hidup tidak bertujuan, tidak bertujuan kepada manusia yang tidak mengenal agama. Siapa yang mengenal dan mengamalkan agama faham semasaknya ke mana harus ditunjukkan hidup. Aku mula mempelajari falsafah hidup, menyelam hukum-hukum agama.

"Beberapa bulan berlalu. Aku memberanikan diri menerangkan kepadanya bahawa aku mencintainya sebagai sateria mencintai watannya. Dia menolak sama sekali pengakuanku. Ditutup rapat pintu hatinya. Sekalipun aku ingin tetapi segenap ruangan sukmanya telah diduduki oleh pemuda itu.

"Sejak itu hatiku patah, aku tidak melawat ke sana selama beberapa bulan. Aku mengasingkan diri dari masyarakat ramai, dari pergaulan bebas, aku menyembunyikan diri, mempelajari dan mencungkil rahsia agama kita. Kutetapkan sepanjang hidupku akan kubela nasib gadis serupa dia. Untuk menduga kekuatanku, mana yang lebih kuat pengetahuan atau kesukaan, keimanan atau kemahuan, aku sengaja

melawati kubu pelacuran itu. Aku berjaya, sungguh-pun beberapa kali gadis yang dahulunya pernah menjadi gula-gulaku menjemputku ke dalam taman yang indah beracun, semua itu dapat kutolak. Aku tiba di tempat yang berperistiwa itu, aku menoleh kanan dan kiri, aku memandang ke pondok itu, pondok membayangkan gambaran lama, gambar yang memainkan kejadian zaman yang telah kecewa.

"Aku berniat akan berjalan terus, kakiku tertahan, memasang telinga kucari tangisan dia, bercampur tangisan seorang anak kecil. Suatu kekuatan terselindung menolak di belakangku. Aku rapati, aku berada di dalam bilik dahulu, kamar pertama kali kukenal dia. Kali ini dia menjemput aku duduk di sisi pembaringannya. Kurenung nafasnya, ah, hampir melayang nyawanya. Kurapati dia, mulutnya berkumat-kamit, bergerak ke atas ke bawah - ingin menzhahirkan sesuatu kata, hanya orang yang hampir menghadap maut juga tahu bagaimana seksanya untuk meninggalkan kata peninggalan.

"Dicuba dan dicuba, suatu apa tidak kedengaran, melainkan tangisan dan jeritan si anak. Sunyi sebentar sebab hari malam. Diangkat anak itu, dicium berkali-kali, air matanya berlaga dengan air mata anaknya. Anak kecil itu maklum yang si ibu sekelip mata lagi akan hilang dari dunia ciptaan-Nya. Anak itu memeluk sekuat hati ibunya, dipegang erat, bak merayu meminta biarlah bersama-sama ke sana juga, pembalasan menyuruh, neraka atau syurga. Mulutnya tertutup buka. Dikumpulkan kekuatannya barulah terbit perkataan dari antara dua bibir itu, "Peliharalah," anak itu dihulurkan ke tanganku.

"Tiba-tiba hujan lebat menerjuni dari langit ke bumi, kilat sabung-menyabung, guruh berlaga suara seorang manusia, kuperhatikan sebetulnya, aku takut jangan bayangan pemuda, ialah pemuda yang

dahulu menemani perempuan yang baru meninggal sesaat tadi. Pemuda ini dengan pisau di tangannya menerkam ke dalam dengan menghela seorang juita muda. Pemuda ini memandang kepada mayat perempuan yang mati, bekas kekasihnya yang dijadikan perkakas yang memuaskan nafsu. Dia melepaskan perempuan itu terus meratapi mayat itu.

"Guruh menembak. Suatu letupan berbalas. Pemuda itu rebah ke bumi.

"Pemuda lain memegang satu pistol di tangannya berada di muka pintu, dia berkata kepada saya."

"Dia cuba mempermainkan adik perempuan saya ini, telah banyak gadis menjadi mangsanya, saya terpaksa membunuh dia, bandingkanlah apa ertinya suatu nyawa kotor dari kesucian gadis yang berbelas-belas. Terpulang kepada tuan memberitahu kepada polis kejadian ini atau tidak."

"Menghela adik perempuannya semula dia keluar, sampai di muka pintu guruh melawan tembakan tadi, dia disambar kilat lalu rebah ke bumi. Aku bawa perempuan itu, dan anak kecil itu jauh daripada tiga mayat yang terlantar itu. Gadis itu tidak lain daripada isteriku sekarang, Mak-Munah kau, dan kau anak kecil itu."

Saya tidak dapat berkata-kata selepas mendengar kisah bahawa saya seorang anak zina, takut bergaul di tengah dunia, jangan-jangan saya dihina, saya bersumpah hidup mati bersama-sama imam saya.

Mutiara, 1 Ogos 1949

Korbanku di Hari Raya Haji

SEHARI dua lagi akan menjelang Hari Raya Aidiladha atau Hari Raya Korban. Hatiku tidak sebegitu ria seperti perasaan teman-temanku yang lain menanti dengan penuh harapan hari yang berbahagia itu. Teman-temanku kesemuanya telah menyiapkan pakaian nan cantik molek, sepatu yang berkilat ditempa mega *smash*. Ada yang baru dibeli setengah-setengahnya bekas kecermatan menyimpan salinan Hari Raya Puasa. Pada Hari Raya Puasa aku hanya bersembahyang di masjid memakai pelekat buruk pemberian hartawan dermawan yang berzakat. Sekembalinya daripada berjemaah aku bertapa di rumah. Pintu rumahku tertutup daripada segala rupa hiburan, tidak seorang pun temanku sudi mengunjungi rumahku, maktumlah aku orang miskin. Aku merenung menatap lukisan kuih-muih beraneka ragam mengalir-alirkan madu dan manisan mengusik-usik seleraku. Aku hanya menjilat tanganku membuang kempunan konon.

Hari raya ini tak ada makhluk yang sudi berzakat seperti pada hari raya fitrah, jadi aku tidak berpeluang masuk-masuk antara orang ramai merebut sehelai kain atau wang seringggit dua. Semalam-malaman fikiranku terharu, pakaian apakah nanti akan kugunakan untuk sembahyang raya. Aku tidak

mempunyai pakaian yang banyak, hanya dua salinan, itu pun telah usang bertampal berlubang-lubang kecil.

Aku teringat medal emasku, hadiah yang kuterima di sekolah kerana ketangkasanku di dalam dunia sukan. Emas ini akan kujadikan modal berhari raya, membeli sehelai kain murah dan sehelai kemeja. Yang lebih, itu pun kalau ada; akan kubelikan secupak dua beras untuk menganyam ketupat.

Dengan langkah menyanyi hiba aku terus maju ke kedai pajak. Aku perhatikan berduyun-duyun di sana tua dan muda berebut-rebut menghulurkan barang-barang mereka ke tangan tauke pajak. Sebentar-bentar wang kertas dikeluarkan oleh Cina pajak itu. Di hujung sana apek yang berkaca mata sedang menimbang emas, perak, dan suasana di dalam timbang nan comel mongil, berdetak detik bunyi catur dikira mereka, riuh-rendah memekik telinga degil bertawar.

Malu aku masuk ke kedai itu jangan-jangan ada sesiapa yang mengenal diriku, aku berdiri di kaki lima terus ke dalam kedai, menuju tempat manusia yang ramai tadi. Sebanyak yang keluar merangkum senyum sebanyak itu pula mengeluh nasib dibuat dek niat hati tidak kesampaian.

Dari jauh kulihat lenggang seorang perempuan menuju ke tempatku. Pakaian yang melekat di tubuhnya membayangkan kemiskinan, wajahnya ditampal debu bekas berburuh di dapur, tangan kanannya mengendong anak yang masih kecil sembari tangan yang di sebelah lagi menjinjing bakul buluh nan kecil. Tidak kusengaja matakku menatap wajahnya. Molek juga orangnya, sayang mukanya yang menawan ini dilekat abu dan matanya yang sayu itu menduga matakku, tersentak aku. Sukmaku membawa perasaan yang ganjil menggamit-gamit di hatiku.

Kemudian dia menyelinap ke dalam pajak. Dari dalam bakulnya dikeluarkan sebuah bungkusan comel dihulurkan ke tangan tauke. Sejenak kemudian Cina itu mengembalikan semula bungkusan itu ke tangan si jelita. Sedih menyedih wajahnya membayang-bayang, suara kesat bak kerongkong disekat paluan derita, "Tolonglah tauke, beberapa suka saja bayarlah, aku tidak berduit membeli sayur di pasar," tetapi tidak menjawab.

Hiba hatiku memerhati dia menangis sunyi, air matanya mengalir setitik demi setitik ... anak yang dikendong melaung, meraung berseni keluar suk-maku menahan duka nestapa yang terjalin di hadap-anku.

Aku mengumpulkan tenaga baru, kurapati perempuan yang menderita itu. "Maafkan aku saudari," kataku. "Tunggulah mudah-mudahan aku dapat membantu!" Barangkali menatap kemahuanku yang betul-betul bersimpati dek penderitaannya dia pun berkata sambil memujuk anaknya yang masih menan-gis.

"Nanti aku gadaikan medal emasku." Tuahku baik, Cina itu membayar harga yang kupinta. Wang itu semuanya kuserahkan ke tangannya dengan ujar-ku, "Terimalah wahai saudari, korbanku di hari raya korban, saudara lebih berhak, menerima harta dunia ini."

"Kalaulah tiap-tiap manusia berperasaan seperti saudara, masyarakat tidak akan mengenal duka dan papa. Dengan apakah saudara akan kubalas pengor-bananmu? Kalau tidak kerana wang derma saudara tidaklah aku mengecap makanan sehari ini, anakku yang seorang lagi di rumah sedang menangis kelapar-an."

"Sudahlah saudari jangan dikenang-kenang pem-berianku, sifatkan hadiahku wahai saudari sebagai

pemberian angin lalu, tidak akan menyekat lagi mengharap terima kasih!"

Mulanya dikembalikan ke tanganku sebahagian daripada wang pemberianku dengan alasan wang yang di tangannya cukup untuk membeli makanan hari ini dan esok. Aku memaksa supaya membelikan pakaian hari raya untuk anaknya di rumah. Diceritakannya penderitaannya, suaminya bekerja buruh. Dalam satu kemalangan suaminya meninggal dunia....

"Hampir saudara akan menjumpai diriku bermain di lembah pelacuran. Mujur imanku masih kuat menahan buai penderitaan yang memukulku siang dan malam. Aku mengambil upah bekerja bermacam-macam dengan menerima upah tidak sepadan dengan tenagaku."

Aku pun menceritakan kisah hidupku, dan azamku menggadai medal cenderamataku.

Pagi-pagi lagi pada Hari Raya Korban aku pergi ke rumahnya, meminjam sehelai kain yang agak lusuh pusaka suaminya untuk pakaian sembahyang hari raya. Sekembaliku daripada beribadah aku dihidangkan makanan ala kadarnya. Timbul niatku dia akan kubela sepanjang hayatku. Kutawarkan diriku menjadi teman hidupnya. Geli hatiku dengan jawapannya menerima permintaanku.

Kalau orang lain berhari raya dengan ini rupa kesenangan-kesenangan – aku bersuka ria dapat mencurahkan korban pada hari raya pengorbanan ini. Aku berjanji akan memimpinnya melalui rawa rantau yang berduri, hingga tercipta istana bahagia untuk dia, anakku, dan aku.

Mutiara, 1 Oktober 1949

Korban Mengatasi Korban

CERITA pengorbanan itu masih lagi dikisahkan oleh orang-orang kampungku. Aku sendiri tak mungkin melupakan kisah pengorbanan orang-orang kampungku yang kukenal baik.

Mulanya jalinan kisah berlaku pada malam Hari Raya Korban tahun 2603 (1943), dewasa pemerintahan Dai Nippon mengabutkan udara tanah air kita dengan kemelut kekejaman dan kezaliman.

Suatu malam nan gelap pekat pawana kampungku diselubungi nyanyian takbir merdu mengembu menguatkan kesunyian malam ... 'Allahu Akhbar ... walillah Ilhamd....

Sedang aku dihanyutkan oleh alunan senandung takbir nan menyenangkan hati, tiba-tiba terbuktilah bunyi tembakan peluru memecahkan hening malam, kian kuat didengungkan lagu puja Tuhan, kemudian meneriak pula panggilan azan melambung-lambung ke tengah angkasa. Fahamlah aku bahawa seruan azan ini membawa alamat kampungku sedang dipukul badai malapetaka.

Sejenak kemudian ... sunyi sepi bak jiwa tiada bermaya. Sebentar lagi pula berkecamuklah pukulan tabuh surau kampungku menyeru anak buah sekalian hadir bersidang di halaman surau nan sempit.

Sewaktu aku tiba di sana kuperhatikan lelaki,

wanita, tua, muda telah berkumpul dihadapi oleh beberapa orang pembesar Jepun, kiranya angkatan Jepun itu akan melambakkan dakyah meminta kerjasama orang-orang kampung.

Dugaanku salah selepas kudengar pidato daripada seorang yang berpedang panjang melalui jurubahasa.

Kira-kira pukul tujuh malam tadi seorang *Officer* Kempitai didapati mayatnya tergelempai di dalam sebuah parit kampung kita, di belakang *officer* itu tersembul beberapa liang luka. Pihak Pemerintah Jepun meminta agar si pembunuhnya menyerahkan diri, kalau tidak enam orang daripada penduduk kampung ini sama ada lelaki mahupun perempuan akan diseret ke Pejabat Polis Tentera.

Lama nian kami berpandangan, tidak ada seorang hamba Allah pun mengaku membunuh Jepun, dengan marah dipilihnya enam orang antara kami. Wahai enam nyawa akan dikorbankan untuk membalas dendam nyawa seorang.

Mula sekali tanganku diragut, disingkirkan daripada orang seramai itu. Kemudian saudara Ahmad bekas tentera Melayu, berikut saudara Juriah, guru sekolah kampungku, Mak Munah, ibu tua yang baik hati pula dicolek, Pak Othman, lebai surauku yang tidak tahu sesuatu apa pun turut tercekuk, akhirnya Si Abdul, pencuri dan perosak masyarakat kampungku.

Di Pejabat Kempitai kami berenam disumbatkan ke dalam sebuah kamar yang terlalu kecil – di situ lah kami merengkok berhimpitan.

Di Pejabat Kempitai masing-masing mula pucat lesi, cuma Abdul sahaja merangkum senyum, barangkali melingkungi tembok penjara adalah perkara biasa buat Abdul.

Tiba-tiba Juriah melansing, "Perhatilah Abdul,

perhatikan berani perbuatan kau membunuh Jepun itu lima insan yang tidak bersalah diseret ke dalam penjara, akan menghadap nasib sedih perit.”

“Sudah, diamlah Yah!” menyela Mak Munah bes-tari menepuk-nepuk manja belakang jelita, “Jangan Yah menuduh sebelum mempunyai bukti.”

“Bagaimana Yah tidak akan menyangka Si Abdul membunuh Jepun terkutuk. Bukankah Si Abdul juga terlalu lancang dengan pisaunya, bukankah pernah Mak Munah, pisau Si Abdul itu menelah darah. Selama Si Abdul bertapa di kampung selama itu setiap malam ada-ada saja kecurian. Tentulah Mak Munah, Si Abdul mencabut nyawa Jepun itu, mungkin jadi-jadi pada kala Si Abdul sedang melakukan kecurian *Officer Company* yang meronda malam ter-nampak perbuatan Si Abdul,” tegas Juriah bersungguh-sungguh.

Pak Lebai sejak tadi berdiam diri turut memberi timbangannya, “Kita tidak boleh menyangka sedemikian terhadap Si Abdul. Kendati dia pernah membunuh, kita tidak patut menuduhnya meragut nyawa Jepun kafir.”

“Mengapa tidak?” bentak saudara Ahmad. “Sekali jahat mesti jahat selama-lamanya!”

“Tidak,” aku memotong pula. “Andai kata sekali manusia pernah melakukan kejahatan tidak mesti dia akan jahat rendah terus-menerus, kalau demikian sifatnya manusia, Tuhan tidak akan mencipta pintu taubat.”

Sedang kami diketengahkan ke segara lupa, diha-nyutkan riak berdebatan, melengking dari luar pen-jara suara *officer* Jepun memberi amaran.

“Di dalam sepuluh minit kamu semua tidak menerangkan siapa pembunuhnya *Officer* Okenawa, dari celah-celah lubang ini akan disumbat gas racun. Sebelum aku membengkokkan batang leher pembu-

nuhnya selagi itu penduduk kampung kamu akan kupaksa melahap gas racun lepas enam, dan enam!"

Menangis terisak Mak Munah dan Juriah.

Kami lelaki berpandang-pandangan penuh hiba menanti salah seorang mengaku menghindarkan bala maut bakal menimpa kampung kami dan kedua-dua kaum halus yang sedang meratapi nasib kematian.

"Aku pembunuh Okenawa, dengan pisau aku menetak perutnya hingga terburai, di belakangnya kuradak terlubang-lubang sepuas nafasku!" Terkejut kami semua dibuat suara Abdul menjerit bak orang gila layaknya.

Jepun itu membuka pintu, menyeret Abdul sembari ditendang diterajangnya.

Malam itu juga kami dibebaskan.

Cerita itu tidak tamat dengan terpenggalnya leher Abdul dik Kempitai.

Setahun kemudian pada malam Hari Raya Haji, ramailah orang kampungku menziarahi gubuk buruk Pak Othman nan sedang sakit tenat.

Kami bersila di atas tikar mendengar kata-kata peninggalan orang tua yang beribadat, pengakuan yang menyatakan tabir melindungi rahsia yang berlaku setahun ke belakang. Dengan suara lembut lunak menambah pengakuan dari puri hatinya.

"Akulah wahai saudara kalian membunuh Jepun jahanam. Berdosalah aku, Abdul mengorbankan dirinya untuk keselamatan kita semua. Ah! Siapa dapat menduga di dalam sukma bergelimpang dosa tersisip rasa pengorbanan nan luhur, sengaja kupediahkan Si Abdul tercebur ke lembah maut, biarlah aku mengorbankan diriku menanggung dosa dik perbuatanku, nyawa makhluk lain terkorban, fikirlah wahai saudara-saudara Si Abdul yang bermandi dosa. Aku memang mengharap biarlah Abdul mengaku salah

bukan ciptaannya. Dengan begini tertebus akan dosa yang pernah dilakukan sepanjang hayatnya, akan suci jasmani rohani nan bertompok dihinggapi dosa.”

Sampai di sini sahaja Pak Othman kembali ke Alam Baqa. Lihat senyum yang merangkumi di bibirnya agak puas dia menatap pembalasan Tuhan nan adil di atas pengorbanannya. Pertama dikorbankan nyawa seorang Jepun yang ingin melakukan zina di dalam suraunya. Kedua, dikorbankan dirinya biar ditimpa balasan api neraka agar Si Abdul mengecap madu syurga. Amboi, siapakah menyangka Si Abdul mungkin mengorbankan dirinya untuk aku, dia, dan kita?

Pengorbanan mengatasi pengorbanan.

Hiburan, 7 Oktober 1949

Angin Buta

LELAKI itu berusia lebih kurang 38 tahun, sembari, isterinya yang sedang bertimpuh di hadapan sedang meningkat usia 28 tahun. Telah 12 tahun kedua-duanya mengecap madu rumah tangga nan berbahagia.

Ribut perselisihan mula menimpa. Robohlah tuan, roboh rebah rumah tangga nan bahagia, rumah tangga nan kukuh menahan serangan daripada penghidupan selama 12 tahun.

Dua belas tahun.

Amboi, lama nian masa nan singkat itu!

Dua belas tahun!

Entah berapa badai besar, beberapa kali pula pawana taufan cuba meruntuhkan perdirian istana suami isteri.

Angin bersifat "angin buta", demikian putus fikiran lelaki itu. Kendati telah suku jam mereka duduk berhadapan, sepatah kata haram terbetik. Zahrah sesekali mencuri menatap wajah suaminya, begitu juga Ramadhan. Pernah mata mereka bersabung ... kemudian kedua-duanya tunduk merenung bumi.

Berkali-kali mulut Ramadhan terbuka. Kata yang bergelora ingin bebas dari rongga yang menahan belum juga berjaya dilambakkan.

"Angin bersifat buta," Ramadhan mengulang fi-

kiran. Kendati kita bertapa di bawah istana batu nan menegak jaya, kiranya badai buta menumpang lalu istana menggunung megah pasti roboh menjamah bumi.

Kasihlah!

Terkelempai mencium tanah, pokok-pokok yang tidak berdosa disambar angin. Angin bersifat buta, buta tidak kelihatan pokok, pohon besar nan mengampang.

Akan sedemikian dengan kau. Kau berdiri megah di jalan raya. Bayu segar bugar memukul sejuk dadamu. Kau melebarkan mulut menyedut pawana sihat. Alangkah bodoh tololnya kau bayu nan jinak lunak tadi berubah liar, badai, kencang, ribut. Kau disambar dibawa terbang hanyut ke mana-mana. Atau diguling ke jalan raya, mungkin akan dihempasnya kau ke dalam longkang di sisi kau.

Ah, kejam sungguh sifat angin. Kau mengutuk!

Tidak kawan! Tidak!

Pawana tidak kejam hanya bersifat buta, tidak dilihat benda yang di hadapannya. Angin buta telah berusaha merobohkan istana kebahagiaanmu. Aduhai, 12 tahun!

Rasanya penaka 12 saat.

Datang....

Dan pergi.

Seribu kejadian menayangkan cerita.

Dia mengenang hidup lajang pada zaman jejak dahulu.

Dia sedang menonton wayang. Matanya melirik memandang seorang gadis tetapi perawan ini tidak sedar dia sedang merupakan tatapan dua mata nan hitam dek pemandangannya ditarik tayangan layar putih.

Dia kenal siapa gadis itu, familinya, rumahnya, kelemahan si famili dan ... semua itu dikumpulkan

daripada risikan-risikan yang didengarnya.

Sebulan kemudian dia mendesak ibunya meminta tangan gadis itu.

Pinangan.

Amaran belanja.

Perkahwinan.

Ramadhan dan Zahrah dua suami isteri.

Ringkas ... sekali, bisik hatinya. "Mulanya Si Zahrah sial yang di depanku menarik minatku. Aku meminang, belanja kukirim, perkahwinan dibuktikan dengan persandingan. Akhir pasti penceraian. Sama ada kau maut atau kau melemparkan hukuman cerai."

Fikirannya melambung ke atas menembus keme-lut menebar kisah semalam.

Bulan pertama penghidupan mereka sebagai suami isteri berbahagia. Dunia kepunyaan mereka. Mereka bergurau dengan rayuan menggelikan, cubit-mencubit.

Dia sedang mengejar isteri mengelilingi sebuah meja, nafas Zahrah tercungap berlari, lidahnya dikeluarkan mengejek suaminya yang belum berjaya menangkapnya. Ramadhan bukan tidak dapat menangkap isterinya sengaja diberinya peluang isterinya menjalankan permainannya itu, lanjut apalah ertinya pergurauan sedikit sahaja.

Dia menangkap isterinya, isterinya menjerit, meronta.

Pipi montok Zahrah disedut.

Sunyi nan sepi, kedua-duanya menyelinap ke dalam kamar.

'Ah, kalaulah dapat kubelai masa nan silam itu!'

Fikir jiwa nan rawan, 'Dengan apa yang tidak akan kubelai, hartaku, rumahku, segala-galanya ... segalanya untuk mengecap kebahagiaan zaman mudaku.'

Dia terkenang bagaimana hatinya berdebar-debar, jiwanya meminta perlindungan Tuhan, mulanya perlahan tidak kedengaran menyebut nama Allah agar menyelamatkan isterinya.

Zahrah sedang terbaring dikawani dengan beberapa perempuan lagi. Ibunya dan adiknya, kakaknya bersama-sama seorang dukun.

"Aku berasa beruntung, sejenak lagi akan lahir lah anakku.... Anakku yang pertama, yang lain akan menyusul mengikut aliran masa."

Sebenarnya dia sedang dibadai ketakutan, peluh memandikan jasmaninya, mulutnya memuja llahi.

"Wahai apakah bakal menimpa diriku, pastilah kerosakan, aku akan gila! Andai kata Zahrahku mati melahirkan anak, apakah ertinya anak itu kepadaku lagi, kendati aku mencintai anak itu, cintaku terhadap ibunya mengatasi dan wahai anak."

Masa akan terjadi, isteriku tidak mati.

Dia tersenyum pula.

Zahrah kini telah tua mengikut pemandangannya, belum dapat juga dia mengeluarkan perkataan untuk menceraikan isterinya. Isterinya telah hidup di sampingnya selama 12 tahun.

Oh Tuhan, dua belas tahun.

Zahrah menatap suaminya, sukmanya menyeronah. "Dua belas tahun aku berbahagia di sisinya, kemudian aku diceraikan. Dua belas tahun aku berhamba, apa katanya kulayankan, kemahuaannya belum pernah kusanggah, aku mencintainya lebih daripada lelaki lain, lebih daripada ibu bapa, tetapi sesudah 12 tahun aku tidak bererti lagi di sisinya. Kenapa belum dilemparkan kata penceraian, barangkali hatinya tak mungkin menyakiti sukma? Oh, mungkin aku masih dikasihinya lagi. Tidak, tidak mungkin jadi, hari bahagia kita telah terbang melayang disambar pawana buta!"

Zahrah mengenang selepas anaknya pertama lahir disuruhnya dukun menjemput suaminya, agar anak kecil itu diazankan.

Muka Ramadhan berseri sewaktu dukun menjemput dia mengazankan anaknya.

Ramadhan menyoal dengan air mata yang hiba.

Dukun mengerti perasaan Ramadhan. "Syukur isteri tuan selamat."

"Aku betul, isteriku tidak mungkin meninggalkan aku."

Mukanya berseri sewaktu kakinya dilangkah ke dalam, perempuan-perempuan yang lain tersenyum memandangnya.

'Aku masih ingat seri bahagia mukanya,' fikir Zahrah.

Malam itu mereka berdua mencadangkan nama yang akan diberikan kepada anak perempuan mereka itu.

"Namakan Zahrah saja!" minta Ramadhan.

"Itukan nama kita," balas Zahrah.

"Kita beruntung kalau hidup mempunyai dua Zahrah, satu ibunya," sahut Ramadhan senyum merangkum.

Kedua-duanya tertawa meriah.

Ramadhan mempunyai teman rapat, Yunus. Teman ini bukanlah lagi merupakan teman malah merupakan saudara. Pernah sewaktu urusan Ramadhan yang membawanya tidak kembali dua tiga hari, Yunus akan mengawal rumah tangga Ramadhan.

Yunus tidak mempunyai perasaan untuk mengkhianati kawannya. Sembari Zahrah tidak mengandung akan merebut Yunus. Keburukan tidak terjadi.

Setahun yang lewat Zahrah mengajak sepupunya Rahimah lantaran rumahnya luas menyimpan beberapa kamar kosong, sebuah kamar telah diberikan kepada Yunus.

Zahrah berniat suci, alangkah baiknya andai kata Yunus nan bujang bertambah asmaranya terhadap Rahimah, mengapakah Yunus sedemikian lama belum beristeri.

Biarpun Rahimah molek, seorang janda, berhar-ta, Yunus memandangnya tidak lebih tidak kurang penaka seorang saudara sedarah.

'Semuanya kesalahanku,' mengaku Zahrah dalam puri hatinya. 'Kiranya tidak kujemput Rahi-mah ke mari semuanya itu tidak akan terjadi. Apalah terjadi telah terjadi, Yunus memang tolol. Tidak, Yunus tidak tolol. Apa yang dapat kulakukan kalau dia tidak dapat mencintai Rahimah.'

Tidak, aku tidak bersalah!

Kesalahan semua itu dicipta lelaki sial, lelaki yang belum berani mengemukakan niat nan terpen-dam di barinya, semua lelaki pengecut, hanya tahu mencintai perempuan.

Siapa yang mungkin menduga jantan tua bangka mungkin mempunyai perasaan cinta, bukan, tetapi cinta nafsu.

Zahrah tidak mungkin melupakan suatu keja-dian.

Malam dia menghadiri pesta perkahwinan. Dipe-lawanya Rahimah. Rahimah menolak. Zahrah ber-pergian seorang sahaja. Suaminya berjanji akan menjemputnya pulang.

Bukankah Ramadhan yang menemani Zahrah pulang ke rumah, tetapi Yunus disuruh Ramadhan menemani isterinya.

Zahrah tidak menyangka majlis raya itu akan ditinggalkan, sedemikian lekas entah mengapa sewaktu Yunus tiba diajaknya berangkat.

Zahrah mengharap sekembali di rumah akan berjenaka dengan suaminya.

Lantaran itu sewaktu tiba di muka pintu rumah-

nya dipinta Yunus jangan berbunyi sedikit suara pun. "Saya ingin mempermainkan abang."

Kaki berjengket.

Langkah perlahan.

Tiba di muka pintu kamarnya.

Zahrah tergamam sejenak.

Dia menolak kenyataan.

Semua kedengaran dari kamarnya.

Tidak beramaran ditolak daun pintu.

Amboi ... malu....

Zahrah lari meninggalkan Ramadhan dan Rahimah yang sedang.... Dia lari mendapatkan Yunus. Tangisannya memecah kesunyian malam.

"Itulah permulaan perasaan benciku mula lahir. Kebencian itu kian bertambah dalam. Sejak itu Yunuslah menjadi tempat menumpahkan penderitaanku."

Setiap Zahrah mengeluh sebanyak itu Yunus memujuk akan Zahrah kembali mencintai suaminya.

"Aku mahu saja kembali kepadanya selepas Rahimah kuhantar ke rumah salah seorang saudaraku. Jantan sial. Rahimah dijadikan maduku."

'Perempuan,' fikir Ramadhan sambil memasang *cigarette*, "Disangkanya aku takut, akan kutunjukkan bahawa aku Ramadhan tetapi mengapa? Mengapa? Tewas perempuan dengan kebahagiaan melayang. Entah ke mana aku tidak dapat menentukan. Aku yang telah berusia mungkin mempunyai perasaan cinta, mungkin jadi nafsu nan melayangkan kasihku terhadap Rahimah."

Benarkah aku bahagia bersama Rahimah?

Tidak.

Sewaktu Rahimah melahirkan anakku aku tidak berasa keberuntungan seperti menerima anak perempuan jahanam di depanku ini! Aku meminta biarlah Rahimah mampus melahirkan anak.

Mengapa? Mengapa?

Aku masih mencinta Zahrah? Aku tidak mencintai Rahimah.

Sebaliknya hatiku kian sakit, kini Zahrah mencintai Yunus. Yunus sial, binatang, perosak rumah tangga orang.

Mata Zahrah seorang bertembung menentang mata Ramadhan. Zahrah tunduk menatap lantai.

Kata Zahrah seorang diri, "Aku tahu apa akan dikatakan. Dia akan menuduh percintaanku dengan Yunus. Aku dengan Yunus akan diseranahnya. Aku tidak bersalah mencintai Yunus. Bukankah memang menenangkan jiwaku sewaktu taufan derita memukul sehebat-hebatnya. Aku tidak menyangka cintaku akan diterima Yunus."

Benarkah kerana aku dia bujang sekian lama.

Tidak, tidak percaya, kendati semalam malam Yunus mengaku sedemikian itulah yang akan dikatakan lelaki, tetapi untuk memikat perawan!

Tetapi Ramadhan mengajar aku bercinta, dia yang membawa contoh dengan gara-garanya bersama-sama Rahimah, madu sial itu.

Bagaimana aku akan ketahui demikian akan terjadi akhirnya.

Mulanya aku membuat cinta ke atas Yunus semata-mata untuk membakar perasaan si sial di depanku itu. Aku berpendapat dia akan kembali kepada aku, sebaliknya aku dimusuhinya dan dimarahi, kemudian memaksa Yunus, kini aku mencintainya.

Dirinya siapa?

Kalau dia mungkin bercinta dengan perempuan lain aku biasa berkasihan dengan jantan lain.

"Zahrah!" barulah Ramadhan mengeluarkan kata selepas berhadapan, pandang-memandang menenggang kisah silam.

"Aku tidak sangka kau sebegitu curang."
Marah Zahrah menentang. "Apa tidak curang gelagat abang dengan Rahimah?"

"Aku pun tidak menduga Yunus mahu...."

"Yunus tidak bersalah. Nama Yunus jangan diganggu!"

"Perceraian ini kerana Yunus."

"Tidak tetapi dari Rahimah."

"Diam! Jangan menyebut nama Rahimah."

"Keluar ...!"

"Nah surat cerai kau sial, pergi, pergilah melayani Yunus!"

Hiburan Cerita, Bil. 1, Disember 1949

Hamba Seni

SURAT ini dikirim oleh Arlina, baru kute-rima sesaat tadi. Surat nan memotong sukma-ku berkeping-keping, warkah nan menyayat nubariku. Sebanyak dakwat nan digunakan Arlina menulis suratnya lebih membanjir air mataku menulis kisah penderitaanku menyalinkan roman penanggunganku ... duhai!

Aku teringat pesanan almarhum ayahku, "Lelaki tidak akan menderita kalau perempuan tidak tercipta."

Datanglah semula gambaran-gambaran lama berkumandang di pelupuk mataku sungguh memeningkan kepalaku.

Cinta kita bermula pada zaman anak-anak lagi. Arlina tinggal di sebelah rumahku, setiap petang aku ke rumah Arlina mengajaknya bermain beramal-ramai, setiap kali ajakanku ditolaknyanya.

Anak-anak perempuan yang lain bermain-main masak-masak, sembari kami yang lelaki berkejar-kejaran. Jauh di bawah rimbunan pohon-pohon kenanga Arlina bermain seorang diri.

Aku ingin mengetahui permainan apakah nan menarik minat Arlina hingga tahan berpisah daripada kami semua. Aku melangkah menapak sunyi dari belakangnya. Kedatanganku tidak disedarinya.

Aku memang mencenung perbuatannya.

Jari-jemarinya nan halus bergerak-gerak lincah mengepal-ngepal tanah liat yang basah melekit. Cepat tangannya memotong tanah, disusunnya dengan cepat penaka lipas berlari di atas jubin nan licin satin merupakan sebuah anak patung.

Aku tertawa.

Tersipu-sipu Arlina menoleh ke belakang.

"Apa yang awak lakukan Arlina?" tanyaku bersahaja.

"Aku membentuk patung dari tanah liat," balasnya dengan megah.

Diteruskan kerjanya mencipta kepala anak-anak tanah liat.

"Siapa?" aku bertanya selesai sahaja patung itu tercipta.

"Kau," balasnya tersenyum semula.

"Masakan aku sebodoh itu," sahutku panas.

"Demikian aku memandang kau," jawabnya tetap, "Mengikot bisikan hatiku."

Aku merampas patungnya. Patung itu kulontarkan ke batu tak tentu rupa.

"Kau terlalu kejam.... Kau telah membunuh ciptaanku!" katanya menangis terus lari meninggalkanku.

Untuk menambat sukma Arlina aku mengumpul patung Arlina yang kulontarkan tadi. Aku duduk cuba membetulkan patung itu. Lama nian aku berusaha belum juga berhasil membentuk serupa yang dicipta oleh Arlina.

Patung yang kubuat kubawa bersamaku ke rumah Arlina.

Telingaku terdengar suara kecil nan merdu sedang menyanyi girang. Tak pelik lagi Arlinaku sedang bermain di tanah sebelah.

Sekali lagi kulihat tangannya bergumal tanah liat

berwarna kuning-kemuning sedang menghiaskan sebuah patung.

"Arlina!" ujarku sembari tanganku menghulurkan patung yang telah kubetulan. "Terimalah patung kau!"

Tanganku ditepisnya dengan perasaan nan marah, rebah ke tanah patung di tanganku.

"Tidak! Itu bukan ciptaanku. Ciptaanku telah kaubunuh dengan kejam. Semangatku tidak luntur. Aku terus mencipta, lihat patung yang baru kubikin. Kunamakan dia dewaku." Patung berupa seorang muda nan megah didakapnya dengan penuh kasih mesra. "Aku akan letakkan dewaku di tepi dapur agar menjadi keras. Dia akan kupelihara penaka kumemelihara diriku."

"Ini hanya tanah lumpur Arlina," kataku.

Matanya bersinar seminar marah suaranya melengking.

"Itu ialah ciptaanku. Sebahagian dari diriku sendiri!"

Sejak hari itu aku telah tidak mengganggunya lagi.

Kendati Arlina telah usia empat belas tahun sembari aku sedang meningkat usia muda. Arlina tak putus-putus mencipta patung daripada tanah liat.

Diajaknya aku ke rumahnya. Di sana kuterawang puluhan ciptaan Arlina, patung nan sedang berdiri, duduk, berlari, nan sedang dalam berbagai-bagai ragam pendiriannya lagi.

Aku memuji kepandaiannya yang luar biasa selepas kubezakan perbuatannya pada zaman lampau dengan ciptaan-ciptaan barunya.

Dulu ciptaan Arlina masih ragu-ragu. Keraguan itu terbayang pada patung-patungnya. Kini kulihat pendiriannya telah tetap. Ketetapan kemahuannya untuk seseorang pencipta nan terbayang pada muka

patungnya berupa seorang muda nan sedang memegang tunggul api. Menyembulkan suluh menuju jalan raya cahaya nan gelap pekat.

"Pada masa itu aku mencipta dari tanah lumpur, pada masa depan aku pula mengukir ciptaanku dari batu putih nan kilat-mengilat," tegas Arlina melepaskan aku pulang.

Aku mencintai dirinya tetapi senandung nubariku belum beraniku nyanyikan di gapura sukmanya – kau harus percaya cinta murni nan tinggi bergelombang di puriku belum pernah kau rasai aku. Aku termimpi kendatipun pada siang hari aku bisa membangunkan istana bahagia untuk aku berdua biarpun terletak di tengah pawana ... wahai gita cintaku belum berdaya menghamburkan rumba asmara.

Aku menunggu semata-mata. Menanti saat sebaik-baik. Arlina anak dara kampungku.

Ah, sedap telingaku mendengar membisik nama Arlinaku! Arlina! Kawan-kawanku yang lain, Si Rahmah telah berkahwin dengan Joned, Si Bakri berte-manhidupkan Si Mariam, Wan Joyah telah menikahi orang perantauan, dibawanya kembali ke negaranya, Munirah telah rasmikan bertunang dengan Mahmud.... Arlina cuma kau sahaja adik masih perawan dara. Aku membandingkan merdu atau tidak kalau-kalau kata anak daraku padu dengan panggilan bujang ... tak kena ... bisik hatiku ... teruna belum menarik belia ... lemak tetapi belum seimbang ... jejak ... jejak - anak dara.

Aku baru kembali ke kampung selepas bertahun-tahun aku merantau mempertarungkan nasib di perantauan. Aku terus ke rumah Arlina.

Rumah Arlina nan buruk hilang entah ke mana. Meremang megah di tempatnya sebuah rumah batu nan menunjuk jaya penaka istana layaknya.

Kata orang rumah itu dibikin oleh Arlina dari-

pada wang yang diperoleh daripada ciptaan-
ciptaannya.

Aku merapatkan diri ke pintu rumah itu. Aku
membaca nama yang tertera.

"Miss Arlina - Pengukir."

Aku menyelinap ke dalam.

Beberapa yang bakal berlaku aku mesti ... aku
mesti menjumpai Arlina.... Arlinaku. Kedatanganku
disambutnya.

"Saudara baru kembali?" tanya Arlina, belum
sempat kujawab mulutnya mengomel lagi, "Marilah
kubawa melihat ciptaanku!"

Aku tergamam sejenak menatap berdiri megah
di seni ruangnya patung-patung besar ... patung aku
... penaka aku sendiri meremang di situ. Wahai!
Pedih perit hatiku menatap mukaku sendiri ... nyata
mukaku menyerupai mayat.

'Kenapa? Mengapa?' Benakku cuba memecahkan
soal, 'Aku diukir penaka mayat.'

Malam ini penaku melancar di atas persada
menggubah kata-kata nan berirama lemah lembut
nan halus mencurahkan keluhan jiwa orang yang
bercinta.

Balasan surat kahwin dikirim oleh Arlina baru
kuterima sesaat tadi, surat nan memotong sukma
berkeping-keping, sebanyak dakwat dilimpahkan
Arlina menulis suratnya lebih membanjir air mataku
menulis kisah penderitaanku menjalinkan roman
penanggunganku.... Aduhai!

Saudara.

*Maafkan aku saudara, aku tidak mungkin memba-
las cintamu. Berbahagialah gadis yang menjadi isteri-
mu, aku tahu suara di dalam dirimu terjumpa bahan
gaya untuk menjadi seorang suami nan mencintai
rumah tangga.*

Wahai!

Apalah dayaku saudara. Aku hanya seorang hamba ratu seni. Seorang hamba saudaraku tidak mempunyai kemerdekaan, kebebasan untuk berumah tangga kiranya aku berkahwin dengan kau juga saudara akan hilang tenagaku untuk mencipta. Percayalah saudara pengakuanku. Cintaku terhadap dirimu kian mendalam, tetapi cintaku terhadap ratu seni lebih tinggi dari langit nilakandi. Untuk menghilangkan dahaga asmaraku, aku mencipta patungmu dari potret yang kauberikan kepadaku tempoh hari. Ke dalam patung nan tidak bernyawa telah kucurahkan jiwa dan kasihku, akan hiduplah ia.

Janganlah kau tertanya wahai saudaraku kenapa wajah patungmu merupakan muka mayat nan terlantar. Kau saudara mengikut bisikankulah maut, kendati kucuba menyerikan wajahmu, wajah kematian nan pucat lesi tak mahu hilang-hilangnya.

Aku membunuh kau saudara agar ciptaanku akan hidup. Jari-jemariku menari-nari memotong batu nan licin.

Aku bukan seorang perempuan lagi atau seorang jejaka, aku semata-mata hamba seni, hamba seni saudara - tidak mempunyai perbezaan seks.

Arlina.

Mutiara, 2 Januari 1950

Harapan

KAU kunjungilah rumahnya, kau akan berasa hairan dengan buku-buku yang tersusun rapi di kamarnya. Kau tanya, "Apa saudara membaca sedemikian banyak buku?"

Dia menjawab cuba merendahkan diri, "Benar."

Kau belum puas dan memajukan pertanyaan lagi, "Saudara mempunyai masa untuk membaca sedemikian banyak?" katanya, "Tentang masa untuk seseorang itu banyak yang terluang, kita hanya dipinta memandaikan diri menyukat masa. Aku membaca buku-buku ini di mana saja rasaku mungkin membaca, aku tidak berasa malu kalau kukatakan selalu juga buku itu kubawa bersama sewaktu aku berada di kamar najis."

Sesudah ini kauingin mengetahui tujuannya membaca buku sedemikian banyak.

Tegasnya ringkas tetapi bersungguh, "Aku ingin merebut panggilan pujangga."

"Jadi saudara memetik karangan dari buku-buku itu?" kau tanya terus-terang.

Mukanya berubah membawa jelasan bahawa perasaannya tersinggung. Katanya mempertahankan dirinya, "Tidak, saya membaca untuk mempelajari kesusasteraan mereka, aliran mana yang mereka bawa, isi cerita mereka bagaimana pula. Kalau rasa

saya karangan mereka itu perlu dibawa ke dalam bahasa kita, saya akan menterjemahkan, andai karangan saya itu bersifat terjemahan dengan tidak malu akan saya katakan karangan itu berupa terjemahan. Saya tahu banyak bangsa kita belum percaya di atas kebolehan bangsanya sendiri, pernah terjadi seorang teman saya, seorang abdi sastera juga penaka saya, mencipta karangan yang berisi falsafah halus tinggi, beberapa kawan saya yang lain pula mengatakan, ciptaan kawan saya itu terjemahan semata-mata. Percayalah!" sambungnya lagi lebih bersemangat, "Berilah pimpinan kesusasteraan muda, kemajuan kesusasteraan kita dalam masa yang singkat akan dapat menandingi persuratan Indonesia dan Eropah."

"Bagaimana?" kau bertanya, kauragu dengan penjelasannya, seperti orang menyombong diri. Kau pun tidak bersalah, kesusasteraan kita telah berumur sekurun lebih, tetapi belum dapat dimajukan di samping persuratan dunia. Kandatipun ada hanyalah jumlah sebelah jari sahaja.

Matanya menerawang bumbung, seekor sibu-sibu sesat sedang hinggap di bumbung itu, terbang, berhenti ... terbang dan berhenti. Jauh sedikit mengintip beberapa ekor cicak mengawas lapar binatang terbang yang seekor itu.

Matanya melirik menentang muka kau, ujarnya perlahan sambil jarinya memukul-mukul lembut dahinya, "Pengarang tua kita antiperubahan, mereka berasa aliran mereka telah terlalu baik untuk diroboh. Kami pengarang muda berjiwa radikal. Sifat radikal saudara!" Matanya menerawang cicak-cicak yang sedang merayap sepi merapati mangsanya sibu-sibu, "Ingin kepada perubahan. Kalaulah tidak kerana pengarang - pengarang angkatan muda - kesusasteraan Melayu tidak akan mengenal aliran

Indonesia yang dikenalkan oleh pujangga-pujangga Sultan Takdir Alisjahbana, Chairil Anwar, dan sebagainya." Pemandangan kau pun tertarik oleh gelagat cicak itu sedang merapatkan diri kepada sibu-sibu.

Sambungnyanya lagi tidak menghiraukan sama ada penjelasannya engkau dengarkan atau tidak. "Dalam membicarakan pengarang muda saudara, angkatan pengarang muda itu terbahagi dua. Satu golongan tidak ingin perubahan, mereka berasa aliran yang dikenalkan sekarang tegasnya aliran romantisme itulah kesudahan kesempurnaan sastera, mereka lupa bahawa kesusasteraan bersifat pakaian, pakaian kan perlu berubah untuk membasmi rasa jemu. Begitu juga aliran karangan perlu diubah agar jangan para pembaca berasa jemu dengan aliran itu saja. Golongan yang kedua ingin perubahan, mereka ingin mengenalkan aliran baru, tetapi mereka tidak mahu membunuh aliran lama sama sekali, kerana mereka berfahaman kian banyak aliran sastera bererti kian maju persuratan kita." Dia berhenti sejenak mengumpul fikiran, matanya menerawang sibu-sibu ditelan seekor cicak, yang lain berebut. Cicak yang beruntung hilang melarikan diri. "Pengarang yang ingin perubahan bersifat *experimentalist* atau 'percuba'. Mereka cuba memajukan aliran baru untuk mengetahui apakah aliran itu dapat diterima oleh bangsa kita. Mereka bersifat radikal, kerana seseorang *experimentalist* perlu sekali bersifat radikal. Masakan dia mungkin maju apabila "percubaannya" menerima kecaman yang hangat. Biar sepahit mana kecaman-kecaman yang dicurahkan ke atas karangannya, *experiment* diteruskan hingga berjaya."

Kau terasa jemu dengan penerangan kawanmu lantaran kau bukan seorang sasterawan, walaupun kau seorang sasterawan, kau mengejek di dalam hati menuduhnya berdiam, cuba menunjukkan pandai,

macamlah aku ini bodoh tolol dalam lapangan kesu-sasteraan.

Kau membawa alasan meminta diri kerana perjanjian menemui kawanmu yang lain.

Sesal juga rasa hatinya sebab tidak mempunyai kawan tempat dia mungkin menumpahkan rasa yang bergelora di dalam sukmanya.

Selepas kau pulang, dia kembali ke dalam bilik-nya. Pintu dirapatkan.

Buku tulis kosong dibuka. Pena dicelup ke dalam dakwat. Tangan bersedia untuk menulis. Belum juga dia menulis lagi. Matanya merenung alam kosong penaka mencari bahan karangan dari puana kosong.

Tiba-tiba tangan melancar di atas persada putih. Terbentuk huruf-huruf penaka cakar ayam belum dapat kau ertikan lagi. Dia menulis tidak berhenti-hentinya, dia takut fikiran yang sedang berselerat di otaknya akan hilang begitu sahaja. Pena itu diletakkan semula ke atas meja. Mukanya membayang puas. Karangannya diangkat-angkat dan dibaca.

Dia berfikir sejenak, kepada majalah mana patut karangan ini dikirim, dia menimbang corak-corak majalah dan mengenal sifat-sifat pemimpinnya. Apakah aliran karangannya sejajar dengan aliran pemimpin majalah itu. Tetapi ... dia percaya karangannya tidak akan dimuatkan lantaran aliran karangannya itu aliran baru yang diciptanya sendiri.

'Ah!' keluh jiwanya. 'Kalaulah aku mempunyai modal, aku akan menerbitkan majalah sendiri, dapat kukenalkan aliran karanganku ke tengah-tengah masyarakat, lantaran aku tidak mempunyai modal aku terpaksa menderita perasaan andai kata karanganku tidak dimuatkan orang.'

Semalam, sewaktu dia berjalan di jalan raya, matanya ditarik ke dalam sebuah kedai tempat ber-

gantung berupa ragam majalah dan buku-buku cerita Melayu.

Dia teringat hari bulan hari ini. 'Hari ini,' fikiran, 'Hari penerbitan majalah.'

Tiba dia di dalam kedai, ditariknya majalah yang baru terbit. Duit tidak dibayarnya dahulu. Kata tukang jual itu, "Bagus, baru datang sekejap ini!" Dia tahu *recommndation* seorang penjual itu tidak boleh dipercayai. Betapa tidak? Bagaimana penjual itu mungkin mengatakan bagus kalau dia sendiri tidak membacanya. Mungkin jadi banyak lakunya majalah itu membenarkan tukang jual itu mengatakan majalah itu bagus.

Dia terus membalik-balikkan majalah-majalah itu, tiap-tiap tajuk karangan menerima perhatiannya. "Impianku", oleh "Ratu Maya". Jiwanya mengupas, pengarang ini sentimental.

"Mari kita bekerja", oleh "Bumiputera". Biasanya pengarang ini membawa karangan *style* tua.

"Di samping Mayat Arlin", oleh "Geliga". Geliga, kalau mengarang membawa aliran romantik. Biasanya kesudahan cerita "Geliga" ialah "tragedi". Kalau tidak mati wanita, mautlah pemudanya.

Tiap pengarang perlu menerima kupasannya. Majalah itu ditutupnya, tidak dibelinya. Dengan muka masam penjual itu menggantung majalahnya semula dan dia dengan hati yang sebal berlalu dari kedai.

Perasaannya tersinggung, sudah beberapa karangan dikirim kepada pemimpin majalah ini tetapi belum termuat sekalipun.

Andai kata majalah yang dilihat tadi berisi ciptaannya, pastilah majalah itu dibelinya. Karangan-karangan lain akan dibiarkan sementara, karangannya sendiri dahulu akan dibacanya, apa bersalah

dicap karanganku, atau diubah setengah tempat tulisanku, atau dipendekkan?

* * *

Berpuluh-puluh karangan tidak termuat, kopinya penuh – di atas meja tulisnya. Dia menanti saat apabila penerbit-penerbit dan pemimpin-pemimpin majalah akan berebut-rebut meminta karangan, "Pada masa itu tahu aku akan menjual mahal."

Gubahan yang baru dicipta tadi, disalin semula, kalau karangan itu tidak termuat, akan disalinnya lagi untuk dikirim ke majalah lain. Pernah dia meratus ... pemimpin majalah sewajibnya mengirim semula karangan-karangan yang tidak diterima.

Karangan itu telah siap.

Dibuat surat mengirim karangannya. Surat dan gubahan tadi dilipat cermat. Alamat majalah ditulis.

* * *

Majalah baru terbit dibuka, karangannya yang dikirim sebulan yang lewat tidak menampakkan diri.

'Barangkali keluaran akan datang,' fikirnya. Keluaran datang, karangnya tidak termuat juga, begitupun keluaran akan datang lagi.

"Tidak mengapa, kirim kepada majalah lain, nanti pada suatu masa orang yang menolak karanganku sekarang akan merebut menerima karanganku ... tahulah aku menjual mahal."

Utusan Zaman, 22 Januari 1950

Kekuasaan dan Kekuatan

SEMUA orang tahu bahawa Si Munah bersifat pemerintah suami. Pemerintah suami, berarti seorang isteri ingin menukar sifat suaminya daripada manusia sejati hingga merupakan sebuah patung yang boleh digerakkan mengikut cuitan jari-jemari halus seorang perempuan.

Ari, suami Munah bertukar sifat patung.

Ini patung Ari bukanlah anak patung yang dimain oleh adik-adik kecil kau dan aku di rumah, tetapi Ari – patung besar lebih besar daripada aku – mungkin lebih kuat daripada kau, lantaran Ari lebih dikenal orang sebagai pengangkat besi yang ternama.

Kawan-kawan Ari seperti Ghani menasihatkan Ari agar menghempaskan isterinya ke lantai penaka Ari melontar besi berat 200 paun ke tanah hingga menyebabkan tanah itu lekuk dan berbekas, Ari lantas menampar Ghani dengan kemarahan, serunya,

“Ghani, kalau kau suka berkawan dengan aku lagi pandanglah isteriku penaka orang kuat, lebih kuat dari aku, kalau tidak kita berputus arang!”

Ghani lebih suka berkawan dengan Ari, kalau Ghani berkawan dengan Ari berarti Ghani tidak berani diganggu oleh musuh – Ghani memang mempunyai banyak musuh. Tiap-tiap musuh Ghani sama

juga musuh Ari, tetapi bukanlah kerana persahabatan mereka terlalu rapat erat, sebenarnya Ghani selalu sangat memaksa kawan-kawannya supaya memberinya wang, kawan-kawannya itu setiap dipinta tetap itu pula meraba kocek masing-masing. Mereka takut kalau tidak mempunyai wang, sebab Ghani mengatakan wang itu bukanlah permintaannya tetapi permintaan Ari. Sifat Ari tak boleh diSenggang kemahuannya. Tetapi Ari belum pernah menerima wang permintaan Ghani.

Hingga ke hari ini Ghani tetap memandang Munah lebih kuat daripada Ari, setiap petang Ghani pergi menjumpai Munah. Kalau kebiasaan kunjungan petang tidak dilakukan, pasti Munah akan mengunjung pula kamar Ghani, Ghani akan diseret dari kamarnya ke jalan raya, sampai kembali ke rumah Ari, di sana Ghani akan disebat dengan penyapu atau dengan senduk atau dengan terompah, pernah pula kepalanya diketuk – dengan perlahan tetapi cukup untuk menyakitkan – dengan lesung batu.

Semua itu disebabkan Ghani cuba mengelak daripada kewajipannya memikul air paip di tepi jalan raya.

Ghani berkali-kali mahu melawan, tetapi dia teringat pesanan Ari. "Pandanglah isteriku penaka orang kuat lebih kuat dari aku!"

Perkataan Ari itu mulanya dianggap seperti jenaka, kerana Ghani sendiri telah merasa kekuatan dan melihat kekuasaan Munah. Ghani mengatakan, "Isteri Ari Si Munah lebih kuat dari aku, lebih kuat dari Ari, lebih kuat dari kau, lebih kuat dari aku ... lebih kuat dari Ari yang kuat."

Pada waktu Munah lahir banyak orang yang menyangka termasuk aku seorang – harapan Munah untuk hidup tipis sekali – lantaran kecil dan kurus-

nya, tidak sebagai anak-anak kecil yang lain, sedang dan gemuk.

Setiap malam Munah menangis, setiap malam ibu dan ayah Munah kurang tidur, masing-masing bergilir menyanyikannya. Munah mendengar nyanyian kendati merdu penaka perindu – Munah kian nangis, ibu bapa Munah memutuskan anaknya tidak suka mendengar nyanyian dan tidak pernah dinyanyikan lagi.

Munah tidak mati tetapi hidup.

Pada masa dia berusia tiga tahun, ah, nakalnya melampau batas. Adiknya dan sepupunya dipukul. Umurnya enam tahun Munah dikirimkan ibunya ke sekolah perempuan Melayu di tempatnya, di sana Munah juga gila bergaduh. Pernah dikatakan orang, "Sungguh anak itu budak luar biasa pernah gurunya dimaki kalau mungkin mahu dia memerintah gurunya."

Entah betul entah tidak, kononnya suatu hari cikgu menyuruh Munah membeli mi pada waktu makan. Munah enggan, katanya, "Cikgu sendiri yang pergi sebab cikgu yang akan makan sembari saya menjilat tapak tangan membasmi kempunan. Andai cikgu pergi saya pun ingin memesan juga."

Sejak hari itu cikgu memandang Munah bukannya sebagai seorang murid lagi tetapi penaka seorang musuh. Kata kawan aku, "Munah selalu saja menyakiti hati cikgunya, cara-caranya tidak diterangkan, akhirnya Munah terpaksa dilepaskan sekolah." Kenapa dan mengapa tidak jelas.

Ayahnya sendiri terpaksa menurut kemahuannya, "Kalau tidak aku lari dari rumah," tegas Munah, pada kala kemahuannya menerima bantahan.

"Kau perempuan tentu gerakan-gerakanmu tersekat," balas ayahnya.

"Aku menyamar penaka lelaki."

"Orang akan tahu."

"Tidak, orang tidak mungkin tahu. Kalau ayah tidak memberi tahukan. Aku pandai menyamar sebagai seorang lelaki."

Jiran-jiran mengatakan, "Itu budak Munah tidak salah budak lelaki." Sejak diberhentikan dari sekolah, Munah tidak sekolah lagi. Munah tidak suka berteman dengan anak-anak perempuan, tetapi dengan budak lelaki. Lebih menghairankan dalam kumpulan budak lelaki itu Munah menjadi ketuanya. Orang lain menjelaskan, "Dia memukul Said hingga berdarah muka kawan kita." Said, ketua kumpulan itu dipukul sebab dia selalu sahaja mahu memerintah Munah, kini Said semata-mata bersifat anggota daripada kumpulan anak nakal yang dikelolai Munah.

Kehidupan Munah pada masa anak daranya penaka cerita "*adventure technicolour*".

Pada masa itu perang belum lagi tiba ke Singapura. Cuma di Eropah, Hitler dan Mussolini bermain gila. Surat-surat khabar Melayu hari ini menyeru kebebasan kaum ibu. Munah tidak ketinggalan melibatkan diri menuntut kebebasan, salah satu kupasan Munah mencipta perselisihan di kalangan tua dan muda.

Demikian Munah mengupas, "Lebih besar jumlah pengarang lelaki yang mendesak kemerdekaan dan kebebasan kaum ibu, lantaran wartawan-wartawan lelaki itu ingin merebut gadis-gadis yang bebas itu untuk dijadikan tunangan atau kawan untuk menonton wayang atau peleser semata. Kendatipun saya bersetuju kaum ibu diberi kebebasan lantaran saya berkeyakinan kaum ibu gila kebebasan dek ingin sangat bertemankan lelaki, saya tidak percaya lelaki menuntut kebebasan wanita agar menjadi sayap kiri membantu perjuangan mereka. Kalau betul, ini membuktikan saya betapa lemahnya

tenaga dan tipisnya semangat lelaki, tidak mungkin mencipta gerbang kemajuan dengan tidak bersama bantuan kaum saya yang lemah, begitu juga kaum perempuan ingin bergerak bebas di tengah masyarakat bukanlah sekali-kali ingin bebas lepas kerana perlu sangat bantuan lelaki. Kaum perempuan tidak dapat membantu kaum lelaki tetapi kaum Hawa mungkin memajukan kaum lelaki dengan tipunya yang halus. Menipu ini suatu pemberian alam ke atas perempuan, tegasnya biarlah ada itu kebebasan dan akan kita tolong gara-garanya pula."

Wartawan-wartawan kolot mengecap Munah dengan tuduhan "murtad" sembari wartawan muda lagi radikal mengatakan, "Rancangannya benar berterus-terang kupasan bertelanjang tidak menyembunyikan."

Oleh sebab ketua-ketua akhbar dan majalah-majalah Melayu pada masa itu kebanyakannya terdiri daripada pengarang-pengarang tua yang berfahaman kolot, maka rencana Munah tidak mahu dimuatkan lagi.

Munah tidak putus asa, senjata saranannya tetap untuk kebebasan kaum ibu dibawa oleh "diktor kolot". Demikian Munah mengecap pengarang-pengarang kolot, Munah kini mengambil rupa seorang pembicara, sebab panas berisi dan menarik pidatonya, sekelip mata orang menggelar Munah, "Singa betina podium".

Pada suatu hari sedang Munah berpidato menghentam hitam putih sifat-sifat pengarang kolot di mana turut hadir seorang pengarang kolot. Pidato Munah berapi-rapi, membakar pengarang tua yang hadir itu.

"Pengarang kolot tidak mempercayai kenyataan, tidak sedar bahawa zaman beredar terus, pengarang kolot berusaha untuk mengembalikan kita ke zaman

semalam, tetapi sayangnya zaman semalam tidak akan menjelma di hari esok. Pengarang-pengarang tua itu samalah penaka lembu yang menyangka dunia ini di atas tanduknya, dialah yang memerintah dunia...." Belum sempat pun berpidato lebih lanjut, pengarang kolot yang hadir itu bangun membangkang, kata mereka wartawan kolot. "Pengarang-pengarang muda menyangka samalah seperti lembu nan menanduk dunia terletak di bawah tapak kakinya mungkin dipijak mengikut rasa hati...." Belum selesai bangkangan itu Munah meloncat turun dari podium. Sembari para penonton bertepuk dan bersorak penaka hero filem sedang menolong kekasihnya di dalam mara bahaya.

Munah menangkap baju pengarang kolot itu dan menampar-namparnya. Pengarang zaman bahari itu meronta dan melarikan diri, sesaat kemudian perkaatan terbang ke seluruh tempat menganggap Munah sebagai orang kuat.

Apabila Jepun memerintah Malaya, Munah belum juga kahwin. Bukan kerana Munah tidak mempunyai perasaan untuk bersuami, tetapi kerana lelaki tidak mempunyai keberanian untuk meminang, sebahagian daripada kaum lelaki mengatakan, "Kami kaum lelaki tidak suka berkahwin dengan perempuan yang akan memerintah kami."

"Kekuatan Munah", kata orang membawa tuah keuntungan ke atas dirinya. Pada masa Dai Nippon, banyak perempuan yang dirogol oleh tentera Dai Nippon yang lapar, tetapi Munah tidak terganggu kendatipun Jepun-Jepun itu pernah memasuki rumah Munah siang dan malam hari. Kata orang, Jepun takut melihat perawakan Munah. "Sebenarnya Jepun-Jepun itu jijik melihat orang sependek dan segemuk itu, sehodoh itu! Ada pula yang mengatakan sebab Munah pendek, lagipun sewaktu ibu

Munah mengandung, ibunya pergi ke kedai Jepun di Middle Road untuk membeli kain, untuk membuat lampin dan barut, ibu Munah terkenan Jepun. Jepun yang datang menyangka Munah anak perempuan Jepun yang beristerikan Melayu."

Akhirnya Munah bekerja sebagai anggota badan propaganda Dai Nippon. Dalam suatu ucapan pernah dia menyerukan, "Pada masa itu lebih baik berkawan dengan Nippon daripada bermusuh-musuhan dengan Nippon. Pada masa British kita memandangkan orang putih sebagai kawan kita, kita anggap Cina sahabat kita, Indian penaka teman kita, kini kita menganggap bangsa Nippon yang berani lagi perwira bak kawan dan penolong kita. Tegasnya kita orang-orang Melayu memandangkan semua bangsa lain kawan-kawan kita, kesimpulannya kita tidak mempunyai musuh."

Apabila pemerintah Inggeris kembali semula, di dalam suatu suratnya, di dalam ruangan Apa Kata Pembaca Kita, Munah menanya, "Siapa kawan kita?" Jawab Munah sendiri, "Kita!"

Kemudian Munah menceburkan dirinya dalam lapangan angkat besi, aku pernah mendengar kawanku menganggap, "Munah satu-satunya perempuan di Y.M.M.A, bahagian angkat besi." Di sini dia bertemu dengan Ari.

Ari ingat dia perlu berkahwin dengan perempuan kuat kerana dirinya kuat. Daripada perkongsian ini Ari baru tahu ada orang yang lebih kuat dan berkuasa daripada dirinya.

Mutiara, 2 Februari 1950

Gelombang Fikiran

DIA sedang menulis di dalam pejabatnya, kalau melihat kerani-kerani lain juga sibuk penaka dia.

Kerja di dalam pejabat biasanya kecoh pada waktu pagi, dan kau tidak mempunyai masa untuk melangut atau melabun dengan kawan-kawan yang di sebelah atau mengusik bergurau dengan kerani-kerani perempuan. Kalau kau bergurau dengan perempuan-perempuan muda itu, kerani-kerani lain tidak mencampuri tangan, mereka tidak mahu ketinggalan bergurau dengan perempuan-perempuan kalau perempuan itu tunangan kau, itu perkara lain, mereka tidak berani mengusik lagi, mereka tahu wanita itu hak kau. Hak seseorang itu bukanlah hak kita.

Miss Aini, operator telefon hampir ke mejanya. Amin tersenyum, "Aku mengharap Aini tidak mengajakku berbual, kerjaku banyak yang belum diselenggarakan."

"*Mr. Amin!*" kata Aini dengan senyum. "Kau dipanggil di telefon."

"Siapa?" tanya Amin.

"Aku tidak tahu, orang yang menelefon mengatakan penting, terlalu penting," balas Aini menambah, "Terlalu penting."

"Terima kasih." Amin bangun menuju telefon, dia berfikir siapa yang memanggilnya, "Kalau penting, tentu penting," katanya untuk membasmi keraguan.

Telefon diangkat.

Tahu dia sekarang bahawa temannya Arshad memanggilnya. Kata Arshad, "Gelap sedang mencari kau."

Diletakkan semula telefon itu, rasanya mahu dia ke kamar najis, perutnya sakit, dia bertahan - kembali ke mejanya.

"Mengapa? Sesuatu yang kurang baik?" tanya Miss Aini. Belum hilang senyumnya melihat muka Amin pucat.

Amin mengangkat bahunya seperti seseorang mempunyai kesusahan. Miss Aini kembali ke mejanya.

Dia mesti bekerja, banyak kerja yang belum kuselenggarakan. Cuba, kendati dicuba seberapa daya dia tidak dapat bekerja.

'Gelap sedang mencari aku, kenapa aku mesti memukul orang itu semalam, aku bodoh memukul, kini gelap memburu aku. Kenapa aku mesti takut kepada gelap? Dia tidak boleh menembak aku, dia hanya boleh menangkap aku, aku akan melawan di dalam pembicaraan.'

Pena diangkat, dia meneruskan kerjanya, kemudian berhenti.... 'Aku harap gelap itu tidak akan datang ke mari, apa yang akan dikata oleh kawan-kawanku kalau aku dipasung di sini juga, diseret keluar dan itu perempuan-perempuan tidak mahu berkata-kata dengan aku lagi, lebih baik aku tertangkap di luar, ditangkap di luar berlainan dari tertangkap di dalam pejabat sendiri. Aku mesti membiarkan diriku ditangkap di luar. Ya! Aku mesti meminta tuanku membenarkan aku kembali sekarang juga,

aku akan membohong ibuku sakit kuat agar aku tertangkap di luar.'

Mahu dia bangun dari kerusinya, tetapi dia duduk semula.

Fikiran baru bercambah di dalam benaknya, 'Kalau aku ditangkap orang di dalam pejabat ini akan tahu juga, serupa saja tertangkap di luar atau di dalam. Mengapa mesti aku menyerahkan diriku ke tangan gelap? Aku tidak akan dilepaskan kalau aku menyerah. Gelap itu pasti suka kalau aku menyerah. Aku menutup kesusahannya. Gelap itu telah menyusahkan aku. Aku perlu menyusahkannya pula. Kerajaan tidak membayar gaji kepada gelap-gelap untuk berdiam menanti orang-orang salah menyerah diri, biarkan aku tetap di sini.'

Dia menunggu ... menunggu ... dan menunggu kedatangan gelap.

Akhirnya petang tiba.

Sewaktu kakinya melangkah menuruni tangga pejabatnya, darahnya berkocak apabila dia teringat agar tiba lekas ke rumah, rasanya mahu dia membuang air kecil. Perasaannya membongkar isi perutnya penaka orang di dalam lawas. Tadi di *office* dia melawat jamban lama nian dia berdiam dia dalam kamar yang hangat itu tetapi perutnya tetap senak menyenak. Najis tidak keluar malah di dalam jamban juga fikiran melayang kepada gelap.

Terbayang di benaknya, 'Ah! Tiba saja aku di bawah tanggaku, aku akan diragut oleh gelap. Tanganku digarikan. Aku diseret ke rumah pasung. Kerani, peon, *manager*, semua yang menanti bas akan menonton aku. Ah, malu aku! Tentulah aku dibawa lalu di hadapan kedai makan itu.' Tiba-tiba dia teringat, sejak siang tadi perutnya belum berisi. Kepada mama penjual nasi itu pun dia meminta barang nan sedap, namun tekaknya tidak mahu

menerima makanan yang lazat cita sebagaimana yang kaulihat di dalam periuk-periuk putih yang tersusun itu. 'Mama nasi dewasa melihat aku dibawa gelap, tentu menyesal menghutangkan aku, bertambah lagi hampir cukup bulan. Kira-kiraku dengan mama bubur bagaimana aku mungkin membayar andai aku bertapa di dalam penjara? Halalkan sudah, mama.'

Dia tiba di kaki tangga. Dia merawang ke segenap pelosok.

Seorang ceti yang sedang merenung disangkanya gelap. Gelap India biasa menyamar sebagai ceti. Kemudian apek yang meremang di hadapannya juga diambil sebagai seorang gelap. Memang pengetahuan biasa gelap Cina suka menyamar penaka seorang apek, dan gelap Melayu juga bukan tidak pernah menyerupa memakai baju hitam tauke Cina ingin merupakan seorang apek, tetapi kulit mereka mengkhianati mereka. Biasanya gelap Melayu lebih cenderung mengikut model gelap Eropah, memakai topi Amerika, di bawah dasi terbenam pistol dan gari.

Kendati dia telah duduk menyandar di dalam bas tak ada seorang gelap membekuknya.

Bas meluncur.

Seorang pemuda Melayu duduk bertentangan sedang muncung mukanya memandang tepat. Dia berasa kurang senang. Dia mungkin jadi detektif. 'Aduh! Kenapa aku dipandangnya! Tangkap aku kalau betul dia seorang gelap.' Bas hampir tiba ke tempatnya, pemuda itu tidak berganjak. Sesekali penumpang lain menerawang wajahnya. Terbit perasaan benci di dalam sukmanya terhadap segenap penumpang. 'Lebih baik dan lebih selamat kalau aku seorang sahaja penumpang di dalam bas itu berte-mankan seorang konduktor, aku tidak takut kepada

konduktor. Kau pun tentu maklum, konduktor bukan sekali-kali mata-mata gelap, kan sebahagian konduktor sendiri takut kepada gelap.'

Bas tiba ke tempat ia berhenti.

Dia meloncat sebelum bas berhenti.

Orang muda turun pada kala bas berhenti.

Orang muda itu membelok ke jalan lain.

'Senang lapang dadaku.' Dia membawa matanya ke kedai kopi.

Kaulihat di sana wak nasi padang sedang menyenduk nasi panas berasap. Budak Cina Hallam ulang alik mengangkat cawan-cawan berisi dan kosong.

Itu!

Merenung hingga ke pinggang seorang gelap Melayu.

Semua orang tahu Melayu itu seorang detektif kerana beberapa hari atau minggu yang kebelakangan dia menangkap seorang pembawa kereta di depan kita bukan?

Gelap itu hanya menerawang ke mukanya. Dia tunduk ke bumi memasuki lorong rumahnya. Dia menoleh ke belakang.

Gelap tidak menyusulnya.

'Lapang hatiku. Tololnya aku! Kenapa sejak tadi tidak kufikirkan, mungkin jadi kawanku yang menelefon cuma ingin mempermainkan menakutkan aku? Kawan-kawanku suka bergurau.'

Barulah dia bersiul kecil girang. Dia tiba ke rumah.

Sedang duduk di beranda rumahnya seorang gelap tersenyum memandangnya.

'Aku tak boleh lari, andai aku lari dia akan menembak. Lebih baik di dalam penjara dari ditembak mati.'

Dia naik ke rumahnya. Tangannya dihulurkan

kepada gelap. Gelap itu tercengang.

Kata gelap itu, hatinya geli-geman, "Awak dijemput ke rumah pasung kalau awak ingin membebaskan abang awak, abang awak ditangkap kerana menaiki basikal lebih dari dua orang!"

Mutiara, 2 Mac 1950

Sebuah Kampung

SEORANG anak dara dipukul.

Anak dara baru beberapa hari menyudahkan persandingannya dengan Encik Bakar. Inai merah masih menyinar di jari-jemarinya nan halus, tetapi hari ini suaminya menghantarkan pulang semula dengan muka nan masam.

Bertambah penderitaannya, ibunya memukulnya sepuas-puas hati.

Marah ibunya sembari rotan di tangannya dihayunkan ke jasmani anaknya. "Binatang ... sial ... sundal.... Aku membiarkan kau bebas untuk belajar bukan untuk mencari laki. Lekas terangkan siapa? Jantan laknat mana merosakkan kau. Kau membuat malu di atas aku. Di mana akan kucari duit menebus semula mas kahwin kau lantaran belanja yang kau terima dahulu, binatang!"

Gadis itu tersedu-sedan. Rotan melayang menjamah belakangnya.

Aduh!

Tangisan....

Esakan....

Kemarahan ibu ini campur sumpah seranahnya memanaskan suasana. Jiran sebelah-menyebelah datang menahan ibu nan merapi-rapi itu. Agar janganlah dipukul anaknya lagi.

"Sudahlah Cik Yah!"

"Sabarlah!"

"Jangan diturutkan sangat hati marah!"

"Budak-budak maklumlah akal belum sempurna."

"Sekali ini maafkan sajalah, Cik Yah."

"Bukan begitu Cik Dara, dibuatnya malu nama kita."

Kerana nasihat yang bertubi-tubi datangnya, Cik Yah melontarkan rotan. Rotan itu mengenai Asmah, anaknya.

Melihat Cik Yah telah tenang, Salimah memimpin Asmah ke dalam kamar.

Tetamu yang lain disilakan duduk oleh Cik Yah.

"Kita pun tak boleh menyalahkan Asmah seorang, Cik Yah. Kalau tidak jantan yang melayan mengada-ada dahulu takkanlah jadi begini," kata Mak Cum.

"Kan Asmah ini sudah besar berakal. Pakailah akal sendiri," ujar Cik Yah.

"Cik Yah bukan tidak tahu perempuan-perempuan sekarang pantang dikenyit orang. Kalau dikenyit hilang fikiran iman," kata Arfah bersungguh-sungguh.

Salimah mengurut belakang Asmah dan dikesatnya air mata nan meleleh itu sembari menasihati, "Sudahlah Mah! Siapa yang memukul kita? Ibu kita sendiri."

Sedu dan sedan.

"Ingatlah saja lain kali jangan mudah lagi diperdayakan oleh lelaki," ujar Salimah lagi.

"Tetapi dia yang melayan saya dahulu."

"Siapa?"

"Jantan yang merosakkan Mah."

"Siapa?"

"Daud."

"Cara mana dia melayan awak?"

"Setiap hari pukul dua saya menjinjing beg kain berisi perkakas jahit untuk belajar menjahit. Setiap hari pula seorang lelaki muda berpakaian lawa berbasikal baru memandang saya, kemudian tersenyum simpul. Saya tidak melayan dia. Pemuda kian berani. Diikutnya saya dari belakang. Seminggu saya disusulnya dengan gamitan. Pada suatu masa sewaktu masih sedang berjalan pemuda itu merapat di belakang saya. Saya ditegurinya, 'Hendak ke mana?' Saya tidak menjawab. 'Kalau barang jauh biar abang hantarkan.' Rayuannya tidak saya balas. Saya berjalan terus tidak menoleh kiri atau kanan. Pada lain masa disapanya saya. Entah mengapa saya menjawab, 'Pergi belajar.'

'Marilah abang hantarkan!' katanya. 'Terima kasih,' tegas saya. Setiap hari saya ditegurinya – setiap hari saya menyahut. Kemudian dia telah berani berjalan di samping saya sembari basikalnya ditolakannya saja. Saya pun tidak mencegah perbuatannya. Kami telah pandai berjenaka ketawa. Dijemputnya saya menonton wayang bersama. Saya mengikut kemahuannya. Setiap hari saya melarikan diri dari belajar agar dapat menonton bersamanya. Pada suatu pertunjukan filem belum habis diputar, kami telah keluar. Di luar dia memanggil teksi. Kami berfoya-foya. Di sana kami bergurau senda. Tidak saya sedari pemuda itu mencium saya, tidak saya menamparnya. Malah akhirnya saya tenggelam dalam hawa nafsu! Tiba-tiba saya terhenti dari sekolah. Ibu menjelaskan sedikit hari lagi saya akan berkahwin. Putus perhubungan saya dengan jejaka Daud. Saya juga tidak mencarinya untuk menyambung."

Mak Cum meminta diri memakai alasan banyak kerja di rumah belum diselenggarakan.

"Sebentar lagi anak balik makan, nasi lauknya belum disiapkan lagi."

"Bilakah suami awak kembali dari belayar?" tanya Neng.

"Setahun dua lagi," tegas Mak Cum dengan ringkas.

"Jadi anak ini pangkat anak angkat awak?"

"Ya, saya pun tak suka menyimpan anak muda di rumah, sumbang di mata orang. Tetapi suami saya memaksa, mahu atau tidak diturutkan saja."

Mak bersalam-salaman. Mak Cum melangkah keluar kembali ke rumahnya.

Tiba-tiba sahaja di rumah disiapkan makanan di dalam dulang. Sejenak berlalu, anaknya kembali. Makanan dihidangkan.

"Malam ini kau ke mana?" tanya Mak Cum.

"Aku keluar berjalan malam ini," balas anak, tetap.

"Hendak ke mana lagi, semalam malam tak puas menjelang balik pukul 12:00 malam?" marah Mak Cum.

"Semalam tengok wayang," sahut anak.

"Jangan pergi ke mana-mana, kalau kau keluar aku tidak mahu membukakan pintu!"

Anak diam puas.

Cik Yah melayan tetamunya.

Ujar Zainab salah seorang sekampung, "Bukan tak manis awak dah tua buat menyimpan anak muda di rumah. Kapten Ali agaknya buat anak muda dibuatnya anak angkat disuruhnya menjaga rumah. Apalagi si anak memang jangak, yang Cik Cum pula pantang mencenung anak muda berdahi licin."

Perhubungan sulit antara anak dan ibu angkatnya sekampung telah mengetahuinya, perkara ini bukanlah merupakan rahsia lagi lantaran pernah seorang dua menerawang dengan hitam mata dan

anak angkatnya sedang melakukan perbualan rendah dan durjana.

Salimah selepas berjaya memujuk Asmah mencurahkan rahsianya, kembali ke rumahnya.

Malam itu dia keluar ke Geylang. Lama benar dia meremang menanti di muka simpang.

Anak muda dari jauh kelihatan seorang berpakaian Manila dan berpakaian *sport*. Hampir sahaja jejak itu, Salimah berteriak.

"Daud!"

Daud mendengar namanya diseru, kepalanya dipusingkan ke sana sini mencari-cari orang yang memanggilnya. Matanya bertemu Salimah nan sedang meremang di tepi jalan raya. Tangannya melambai-lambai kepada perempuan itu. Basikal dilarikan ke tempat Salimah.

"Apa macam Mah?" tanya Daud lembut.

"Baik!" sambut Salimah marah.

"Ah, marah? Jangan!" bujuk Daud merangkum senyum.

"Ke mana kau?" tanya Salimah.

"Cari mata air," ujar Daud ketawa.

"Ikut aku!" ajak Salimah masih marah.

"Jalanlah," jemput Daud.

"Tidak!" rungut Salimah. "Biar aku duduk di depan basikal."

"Lebih bagus." Daud menolong Salimah duduk di badan basikalnya.

"Ke mana?" soal Daud.

"Ke rumahnya."

Basikal meluncur melalui jalan raya. Tiba di rumah Salimah. Daud duduk.

Biasanya apabila Daud duduk sahaja Salimah tidak lupa berbaring di pangkuannya. Daud berasa entah mengapa kali ini Salimah berjalan mundur-mundur sahaja, tidak menghiraukan dia.

"Kata kau mencintai aku seorang saja?" tanya Salimah kurang percaya.

"Apa kau belum percaya?" balas Daud menunjuk benar.

"Percaya? Kasut naik muka kau! Kau kenal Asmah bukan? Apa yang telah kau lakukan ke atas Asmah. Asmah perempuan baik-baik tidak pantas kau membuat honar ke atasnya, berlainan aku. Aku memang perempuan jahat."

"Asmah itu perempuan juga bukan?"

Salimah diam.

"Perempuan tetap perempuan," sambung Daud lagi.

"Keluar, lain kali jangan kau singgah ke mari lagi, sial!"

Daud berangkat keluar.

Abdullah kembali dari kerja malam hari.

"Kenapa lambat?" tanya Mak Yah.

"*Overtime*," balas Abdullah.

"Hendak makan sekarang?"

"Nanti, berhenti penat dahulu."

"Anak Asmah ada di dalam."

Abdullah tercengang.

Orang sebelah sana menghantarnya pulang. Asmah bukan anak sewaktu dikahwinkan.

Abdullah menerkam ke kamar Asmah. Dipukunya Asmah sepuas hatinya.

Mak Yah melihat tak sampai hati. Mak Yah menahan.

"Apa awak ingin bunuh kita?" tanya Mak Yah.

"Awak diam!" bentak Abdullah.

"Bukan anak awak, awak boleh buat suka hati awak. Dia anak kita."

"Diam!"

"Kau diam." Mak Yah menangkap tangan Abdullah yang sedang menampar Asmah. Abdullah marah

dek perbuatannya menerima sanggahan. Ditamparnya Mak Yah.

"Apa engkau menampar aku?"

"Mahu lagi?"

"Bangsat, tak berumah dikasi tumpang ini balasnya!"

"Anak kau anak aku juga." Abdullah cuba berlembut.

"Bijak kau berkata anak kau juga. Siapa mengajar Asmah anak kau. Kau dengan aku belum nikah. Kau belum jadi ayah Asmah. Malam ini kau keluar!"

Abdullah keluar mengepit bungkusannya. Malam itu dia meninggalkan Mak Yah yang sekian lama menjadi isterinya di luar pernikahan.

Mutiara, 2 April 1950

Ayat

TANYALAH kawan. Tanya kepada dia dari mana datangnya kekayaan itu. Kekayaan nan membawa namanya melambung ke angkasa megah. Kehartawanan nan menyebabkan dia terkenal penaka seorang dermawan. Kedermawanan dia tidak mungkin disangkal(?) lagi (Perkataan disangkal itu barangkali disanggah atau disangkal). Buktinya terdapat di dalam desa kau, sekolah batu nan terletak berhampiran teratakmu, masjid nan menarik menggunung suci, batu bata nan menambak jalan raya nan lecak lecah, semua ini hasil dermanya. Lorong rumahku memakai namanya dek pemerintah melalui kemahuan orang ramai yang mengenang jasa amalnya.

Kekayaan kawan, kata beberapa mulut insan, tidak akan habis-habis dibuat belanja. Tanyalah lagi bagaimana dia menyimpan kekayaan itu.

Katanya tidak ada kemegahan terbayang, "Dengan tenagaku sendiri." Dia tersenyum. Ceritanya disambung lagi. Dia memang suka mengisahkan bagaimana dia mengumpul kekayaannya. Tetapi bukanlah dek paksaan jiwa nan takbur, sebaliknya dia berpendapat cerita rajin dan usaha bak yang telah dialaminya perlu dianggap sebagai suatu dorongan merebut kekayaan untuk pendengar-pen-

dengarnya. "Aku miskin." Hampir aku menangis mendengar dia membayangkan bagaimana derita hidupnya pada masa kecil. Ceritanya samalah cerita-cerita anak miskin menjadi kaya dan terkenal daripada buku-buku cerita kita - yatim pada masa kecil di bawah pemerasan ibu tiri yang kejam, "Sewaktu muda aku bekerja sudah tentu gaji itu disimpan. Didirikan perniagaan kecil. Usaha jimat cermat, perniagaan kian besar, akhirnya kekayaan." Ceritanya telah kaubaca daripada buku-buku cerita serupa ini yang digubah oleh pujangga angkatan romantik kita. Sebelum disudahkan cerita itu dihamburkan kata-kata nasihat yang mana telah kaudengar dari seribu mulut dan berumur seribu tahun.

Sekarang dia telah tua. Dia teringat akan fardu agama yang diabaikannya. Selama ini dek kesibukan mencekut harta karun tertinggal kewajipan agama.

Digajinya seorang guru agama pondok untuk mengajarnya hukum-hukum agama, tekun benar dia belajar, malah kini dia telah mula mendirikan sembahyang. Subuh masih tertinggal kerana kebiasaan pada masa lampau kendati dia bertekad akan bangun mendengar orang membaca tarhim pukul lima pagi, namun matanya terus rapat. Kebelakangan ini bukan sahaja lima waktu tertunai malah hutang sembahyang dibayar berdikit-dikit. Kehidupan gurunya kian mewah. Kemewahan ini terletak di atas sepotong ayat yang dipetik guru itu entah dari surah mana dan muka berapa. Entahkan pula betul firman atau hadis, dia juga tidak mahu menanya kepada gurunya kebenaran ayat itu. Ini pun dek pesanan gurunya yang meminjam potongan ayat.. "Celaka dan berdosa manusia yang tidak menghormati gurunya dan tidak berbuat baik ke atas gurunya." Lantas guru pondok itu menerangkan, memakan waktu yang lama cara menghormati guru dan

mengikuti apa sahaja yang diajari guru. Sembari berbuat baik kepada guru mengandung pengertian yang luas dan dalam. Yang terpenting. Berkhidmat kepada guru.

Apa yang dia berikan kepada gurunya bukan khairat namanya lagi. Khairat ertinya kalau rumah pondok guru itu yang hampir roboh telah berubah mengambil rupa rumah bangunan sederhana. Derma atau sedekah maknanya andai guru pondok itu kini telah kempunan beristeri lebih daripada satu. Aku menanya kepada guru ini mengapa dia beristeri banyak. Guru pondok itu menjawab dengan menggunakan ayat yang membenarkan manusia berkahwin satu, dua, tiga, dan empat.

Semalam-malam dia tidak berjaya memejamkan matanya dek ayat gurunya yang bersemangat, "Harta dunia tidak akan dibawa bersama ke lubang kubur. Dunia ini penjara orang Islam. Orang Islam yang terpenjara di atas dunia akan merdeka bebas merantau syurga ke tujuh-tujuhnya sekali. Orang-orang kaya tempatnya di neraka, dek dunia telah puas madu syurga sementara dan pinjaman-pinjaman."

Esoknya kepada gurunya diterangkan niatnya akan menjadi miskin di dunia. Hartanya kesemua sekali diserahkan kepada gurunya untuk dibelanjakan kepada jalan nan salih.

Mayat dia dijumpai orang di dalam sebuah pondok buruk di tepi lembah sunyi. Mengikuti keterangan doktor, dia dibunuh kelaparan, sucikah dia - maut dalam keadaan memuji Tuhan, Entahlah!

Sebulan berlalu, guru pondok itu dilantik menjadi ketua kampung. Nazir sekolah dan imam masjid yang didirikan muridnya si kaya almarhum. Dek orang ramai memandang kekayaannya.

Semalam aku mengunjungi guru itu meminta

kutipan derma mendirikan rumah persatuan agama kami. Haram sesen diberinya kepadaku. Katanya dirinya tidak bakhil tetapi mengajar anggota persatuan kami berusaha sendiri. Dia menutup pembicaraan dengan ayat, "Tuhan tidak mengubah nasib sesuatu kaum kalau kaum itu tidak merubah nasibnya sendiri, tentukan nasib persatuan kau sendiri!"

Baru-baru ini guru pondok ini meninggikan ilmunya daripada seorang guru pondok juga, yang alim. Guru alim ini mewah, mewah kehidupannya sejak mengajar murid yang baru kaya itu. Perlu diingatkan guru alim ini lebih banyak menyimpan ayat-ayat, firman, dan hadis daripada guru pondok yang menjadi muridnya.

Utusan Zaman, 9 April 1950

Anak Baru Lahir

PAK ZAMZAM jasmaninya dimandi keringat, sebentar-sebentar telinga dipasang, sebentar-bentar pula dia merengus, "Belum kedengaran tangis ...?"

"Kan kucadangkan kita memakai *birth control* saja?" kata Siti lagi, "Kau pun puas, hatiku pun puas."

"Mengapa baru-baru ini kau ingin kepada *birth control*?" tanya Pak Zamzam lagi.

Kalau itu Pak Zamzam merengus lagi lebih panjang, rotoknya, "Mengapa tiap-tiap anak lahir mesti menangis memekak kuping. Kata ahli falsafah anak itu menangis melihat dunia yang penuh kekejaman dan dosa, derita dan sengsara. Tetapi aku tidak percaya dengan falsafah, siapa saja boleh jadi ahli falsafah kalau dia tahu bagaimana menipu fikiran manusia, lebih lagi sifat manusia itu suka kepada pantun, pepatah dan kata-kata falsafah. Kenapa anak itu mesti menangis padahal dirinya besar nanti mungkin menjadi orang kaya, senang-lenang. Anak baru lahir menangis kerana dilahirkan oleh seorang perempuan. Kau bukan tidak tahu hati perempuan, lemah, lekas menangis. Tangisan anak itu adalah tangisan si ibu. Si ibu tidak mahu dirinya dikatakan pengecut menangis melahirkan anak, untuk

menyembunyikan tangisnya, tangisan itu disampaikan mengikut anak yang baru lahir."

Siti, isteri Pak Zamzam tahu akan perkara kenapa si anak kecil baru lahir menangis. Siti sebagai perempuan lain takut akan dirinya dicap oleh perempuan-perempuan lain pengecut. Kalau ketahuan suaminya seorang, tidak apa. Apa kata andainya perempuan-perempuan lain yang tahu, dunia akan mengetahuinya.

Untuk menghindarkan dirinya melahirkan anak, Siti suatu malam berdebat dengan Pak Zamzam di dalam kamar empat persegi itu.

Kata Siti, "Kau betul belum puas dengan anak kita berekor-ekor?"

Jawab Pak Zamzam, "Aku manusia, binatang tahu erti puas tetapi insan tidak."

"Kan kucadangkan kita memakai *birth control* saja?" kata Siti lagi, "Kau pun puas, hatiku pun puas."

"Mengapa baru-baru ini kauingin kepada *birth control*?" kata Pak Zamzam.

"Kerana perempuan-perempuan sekarang banyak yang ber*birth control*."

"Kalau model pakaian boleh kautiru, itu memang sifat semula jadi perempuan. Ini *birth control*, bukan benda pakaian."

"Habis, apa?"

"Kau tahu *birth control*?"

"Tahu."

"Apa?"

"Menahan beranak."

"Caranya?"

"Menahan beranak."

"Apa kau tidak takut dosa, kan tujuan kahwin itu membanyakkan umat, jadi kaucuba menyekat produksi umat."

"Kalau produksi tidak disekat, produksi yang sudah ada tidak terkawal, akan rosak binasa."

"Tidak, aku *antibirth control*."

"Mengapa?"

"Salah seorang besar kesatuanku antiproduksi *control*." kata Pak Zamzam, tetap.

Kata Siti, tenang, "Biarkan kita memakai *self-control* fahaman Ghandi."

"Aku bukan kulit hitam, aku berkulit kuning langsung, perempuan suka kepadaku. Orang kulit belanga memang tidak disukai perempuan sebab itu mereka mengatakan *self-control* baik."

Pak Zamzam teringat kisah itu semua. Dalam perdebatan nan sengit itu Pak Zamzam berjaya. Terbukti sejenak lagi, Siti akan melahirkan seorang anak.

Bidan Mak Chah telah dipanggil, tetangga pun turut datang, yang perempuan menolong Mak Bidan sambari yang lelaki berbual bagaimana isteri mereka melahirkan anak.

"Kau tahu Zam?" kata Encik Kadir, "Isteriku kini memakai *birth control*."

"Kan sebulan yang lepas isterimu melahirkan anak?" sampuk Kasim.

"Inilah yang menghairankan aku," balas Encik Kadir.

"Celaka punya anak-anak dara, belum kahwin hendak memakai *birth control*!" seranah Bilal Ali.

"Biarlah, apa salahnya," tegas Kang Suparjo, "Belajar dahulu, sudah kahwin senang sampai bila takkan melahirkan anak."

"Perempuan zaman sekarang malas, takut memelihara anak," kata Ali.

Kata Mak Busu yang baru sampai tetapi sempat mendengar perbualan mereka, "Lelaki zaman seka-

rang ini takut tidak beranak," kata-kata ini diucapkan dengan batuk kecil.

"Kau Zamzam bagaimana?" tanya Kasim.

"Aku *antibirth control* dan *self-control*, kalau tidak kau semua tidak akan berkumpul di sini bukan?" kata Zamzam.

"Aku hairan betul" kata Bilal Ali, isteriku aku larang *berbirth control* tetapi sampai kini tidak melahirkan anak seorang pun."

Yang lain berpandangan antara satu sama lain.

"Aku fikir isterimu lebih baik kau paksa mengambil, barangkali kali ini isterimu mungkin melahirkan anak!" ujar Pak Zamzam.

"Kalau lelaki yang beranakkan senang, aku kasihan melihatkan isteriku kesakitan melahirkan anak," kata Kadir.

"Kalau aku lelakinya, aku mesti memakai *birth control*" kata Pak Zamzam.

"Mengapa?" tanya Bilal Ali.

"Lantaran aku tidak suka beranak?" kata Pak Zamzam.

Tetamu yang lain menutup kuping masing-masing dengan tangan, sebahagian tersenyum, sebahagian tertawa besar tetapi Pak Zamzam menjadi kaku, matanya terbelalak, keringatnya melembah, telinganya mahu dijadikan teliga tikus mendengar tangisan anak yang baru lahir.

"Lelaki," kata Kasim, "Suaranya melengking."

"Tidak!" tekan Bilal Ali, "Perempuan, kalau lelaki tangisannya tidak sedemikian kuat, anak perempuan baru lahir menjerit sekuat itu hingga tua perempuan-perempuan terus leter menjerit."

Kata Encik Kadir, "Biar lelaki atau perempuan, anak itu nanti besar pasti bijak berkata-kata."

"Sebab?" tanya Kasim.

"Lantaran tangisan kuat dan terus tidak ter-sekat-sekat."

"Mengapa anak-anak yang bisu menangis juga sewaktu lahirnya?" balas Kasim mengejek.

Kemudian kedengaran perempuan-perempuan di dalam menangis kuat ... perlahan ... sedu dan sedan.

Pak Zamzam kelihatan pucat.

Tetamu yang riuh berdebat tadi bersunyi diri pandang-memandang dari seorang ke seorang.

Suara anak kecil baru lahir tidak terbetik lagi.

Pak Zamzam mendap ke dalam. Encik Kadir kawannya menurut.

Pak Zamzam keluar menangis bagai anak kecil minta susu.

"Sabar!" kata Encik Kadir.

"Dia yang menghidupkan, Dia yang mematikan," ujar Bilal Ali menasihati. Di dalam hatinya berkata, "Mujur isteriku tidak melahirkan anak, syukur!"

"Takdir, Zam, takdir!" pujuk Kasim. Di dalam hatinya pula berkata, 'Aku tidak akan menangis kalau isteri dan anakku yang mati, aku lebih suka, aku mungkin beristeri baru.'

Dengan suara parau berkata Zamzam, "Isteriku mati merajuk dek aku tidak mengizinkan dirinya ber-*birth control*. Anak aku lebih suka *birth control*, sebab itu anakku baru lahir pun mati."

Utusan Zaman, 9 April 1950

DEWASA itu dia sedang membaca buku disulahi cahaya lampu minyak. Untuk menghiaskan rumah dengan lampu elektrik dia tidak berkemampuan, tiba-tiba datang ibunya dan mengecilkan cahaya lampu.

"Ah mak, kan aku masih membaca!" rotoknya menunjukkan anti terhadap gelagat ibunya.

"Kau hanya pandai membaca saja. Siapa yang akan memberi aku wang membeli minyak tanah?"

Anak muda itu tidak menghiraukan leteran ibunya. Dengan jarinya diputarnya pembesar sumbu. Cahaya terang-benderang memenuhi kamarnya.

"Apa kau gila? Memasang lampu sedemikian besar kau sangka minyak tanah murah atau didapat percuma. Kau aku jadi lakinya (isterinya?) malbari kedai, biar kau tumpah-ruahkan serata rumah ini dengan minyak aku tidak menghiraukan."

Hatinya sakit. Perasaannya tersinggung. Mengapa ibunya perlu mengaitkan dirinya dengan malbari kedai, kerana minyak dan lampu?

Dengan marah ditiupnya cahaya lampu. Padam.... Gelap pekat.

Bukunya dicampakkan ke atas katil. Dia naik ke katil dan membaringkan dirinya. Ibunya merutus marah sedikit; Pantas merajuk. Pantang ditegur. Apa

ertinya anak kalau tidak boleh dimarah sedikit.

Dia kedengaran tangan ibunya meraba dinding mencari korek api. Aku berharap ibuku tidak akan berjumpa dengan korek api.

Bunyi mancis mengguris kotaknya. Terang temaram. Api itu dikenakan kepada sumbu lampu.

"Bacalah buku kau," suaranya kasih campur marah.

"Padamkan!" bentaknya. Sukmanya masih sakit.

"Mengada-ada!" marah ibunya. "Diberi api tidak mahu membaca."

Penaka seorang anak kecil yang terasa berbuat salah, dia turun dari katilnya, bukunya dibaca semula.

Lampu dipadamkannya.

Suara ibunya menanya berbetik dari kamar sebelah "Mengapa tidak membaca. Merajuk?"

"Tidak," sahutnya menyembunyikan kepanasan hatinya.

"Habis mengapa?" Ibunya mengulang pertanyaan.

"Mengantuk!" tegasnya sepatih kata.

"Kenapa dipadamkan lampu, tidak dikecilkan saja?" menanya ibunya.

Dia tidak menjawab.

Matanya tidak mahu terpicung langsung. Setengah jam dia berbaring di situ berangan-angan. Pada suatu masa yang hadapan aku akan mengarang buku. Bukan buku-buku yang serupa kubaca, tetapi yang tahan diuji masa. Buku yang akan dianggap mahupun oleh Sasterawan atau pembaca sebagai klasik. Buku yang akan diserahkan dan dibaca daripada suatu generasi ke suatu generasi. Bukunya akan diterbitkan berkali-kali. Penerbit akan memberi aku pembayaran yang besar setiap kali buku terbit. Wang nan lumayan ini akan kugunakan membeli

buku, yang lebih akan kubeli setong minyak tanah. lbuku tidak mungkin memarahiku lagi. Perlu apa minyak? Kan aku mampu memasang elektrik. Ah! tidak pantas rumah pengarang yang terkenal memakai lampu minyak tanah.

Ah, kosong. Angan-angan semata-mata!

Dia membayangkan apa yang bakal terjadi kepada gadis jelita di dalam kisah buku yang dibacanya sebentar tadi. Matikah dia? Dapatkah dia berjumpa dengan jejaknya? Ke mana kekasihnya? Mengingat ini perasaan ingin membaca kembali mempengaruhi perasaannya semula. Dia ingin membaca terus hingga mengetahui nasib nan menimpa gadis juita nan malang itu tetapi dia sedar apabila ia memegang sahaja buku itu, perasaan ingin membaca ini pasti hilang.

Tidak mengapa. Dia memuaskan keraguannya. Esok di tempat kerja aku selesaikan. Setiap dia pergi bekerja dia mesti membawa buku untuk dibacanya apabila masa dan keadaan mengizinkan.

Dia bekerja sebagai peon, bergaji tujuh puluh ringgit sebulan. Tiap-tiap bulan dia memberi ibunya tiga puluh ringgit. Baki empat puluh ringgit itulah pembeli rokoknya dan pakaian. Pakaian apa yang diperlukan apabila kau diberi uniform peon. Lebih banyak wang itu dihabiskan membeli buku. Hingga beratus buku banyaknya.

Kini dia tidak bekerja lagi, sebab tuannya sentiasa melihat dia membaca buku pada masa bekerja.

Bagaimana bencinya kepada tuannya, Tuhan sahaja nan Maha Mengetahui. Seharusnya tuan aku sifatnya sebagai seorang yang terpelajar, perlu bersimpati dengan orang yang membaca buku. Orang nan terpelajar mencintai buku bukan? Harapannya apabila dirinya membaca buku untuk dilihat tuannya, tuannya tentu tidak mengizinkan orang yang

mencintai dan membaca buku bekerja sebagai tambu. Setidaknya tuannya akan memberi tempat sebagai kepala tambu atau *dispatch clerk*. Tetapi tuannya bersifat orang yang terpelajar dan orang nan terpelajar mencintai buku bukan? Ah, di London tuan aku harus hanya seorang drebar lori, di sini besar kepala!

Pagi lagi dia bangun dari tidurnya.

Dipinjamnya seringgit daripada ibunya. Katanya akan dijelaskan dengan hutang-hutang lama hari ini juga.

"Ke mana?" tanya ibunya.

"Mencari kerja."

"Bila wang seringgit ini akan kaubayar?" "Petang ini."

Ibunya kurang percaya. Kalau dia tidak bekerja bagaimana dia akan memperoleh wang seringgit. "Dari mana akan kau perolehi wang seringgit?"

"Petang nanti aku bayar," balasnya.

"Jangan dibuat beli buku wang itu!" pesan ibunya lantaran ibunya mengenal sifat anaknya akan membeli buku apabila mempunyai wang. Anak muda itu meneruskan perjalanannya.

Ibu tua itu terkejut menerawang apabila anak mudanya kembali bersama-sama seorang Benggali Islam nan berjanggut putih. Ibunya menduga anaknya berhutang dengan Benggali itu. Perempuan tua masih ragu-ragu lagi. Sepanjang pengetahuannya yang pendek hanya Benggali Sikh lagi kafir yang memberi hutang dengan menagih bunga. Yang datang seorang Benggali Islam, "Orang Islam mengikut hukum yang telah diketahui dilarang memakan bunga."

Setibanya di rumah anak muda itu tidak menegurnya. Penaka ibunya tidak wujud di depannya. Benggali itu menanya khabar. Tetapi ibu terlalu

berkocak, matanya sering dibawanya ke belakang, apa ada abangnya atau keluarganya?

Kedua-duanya terdiam.

Tidak tahu apa yang patut diucapkan.

"Apa khabar?" tanya pemuda, dia sendiri berasa aneh bagaimana mulutnya berani mengeluarkan pertanyaan itu. Dia hairan, sopan mereka berkirim-kiriman surat bahasa (dinda) selalu digunakannya. Kini dia menanya keadaan gadis itu dengan meninggalkan sebarang panggilan. Barulah dia mengerti, menulis lebih mudah daripada berkata-kata kepada orang yang bercinta....

"Baik," jawab gadis tunduk ke bumi, panggilan kanda tidak terbetik dari mulutnya. Bukan dek lupa tetapi dek bermaya membetikan.

"Saya rasa lebih baik ke sana!" jemput pemuda, panggilan masih ketinggalan.

Tidak membalas sepatah kata, dara mengganggu kepala memberi persetujuan.

Kedua-duanya tidak bergerak, pemuda itu mengharap gadis itu berjalan dahulu senang disusulnya dari belakang hingga bergoncengan. Gadis itu pula menyangka dirinya akan dipimpin berjalan atau berjalan di sisinya, keadaan ini nan terjumpa dalam perceritaan di dalam buku cerita, fikirnya di dalam hati.

Kedua-duanya gelisah resah. Pemuda berjalan dahulu. Kekasihnya menyusul dari belakang.

"Tidak. Aku mesti berjalan di sisinya. Kan dia kekasihku?" fikir jejaka, langkah diperlahan agar gadis yang di belakang dapat mengejanya.

Memerhati jejaka itu berjalan perlahan. Gadis itu turut melambatkan tapak langkahnya.

Telah lama, tetapi teruna itu berasa perawan itu belum juga dapat mengejanya.

Ditolehnya ke belakang. Kiranya si dara leceh berjalan.

Pemuda itu berhenti menahan langkah. Darah perawan tersirap menolong menerawang pemuda itu menantinya dengan malu, langkahnya diteruskan juga.

Kedua-duanya bergoncengan. Sejak tadi kedua-duanya membisu sahaja. Si perempuan terus-menerus menoleh ke belakang.

"Tidak sekolah hari ini?" tanya pemuda, suara menggeletar.

"Hari ini Jumaat, tutup," balas gadis perlahan tidak berpanggilan.

"Oh, lupa!" tegas pemuda. Tidak mengerti dia bagaimana memanggil dirinya sendiri 'saya'. Tadi telah digunakan. Kurang sedap bunyinya. 'Kanda, malu aku, kan aku bukan suaminya. Kita? Kami? Aku?'

Darah kedua-duanya berlari terus.

'Pantaskah aku memimpin tangannya. Ah, nanti aku dituduhnya terlalu bernafsu. Kalau tidak kupimpin akan disangkanya aku tidak pandai melayan cinta! Andai dia kupegang, tiba-tiba ditariknya tangannya. Siapa yang malu? Aku juga bukan! Siapa mungkin menduga sedang aku berpimpin tangan lalu keluarganya, Nah! pecah rahsia percintaanku. Kalau semata aku berjalan di sisinya. Tidak mengapa. Dapat kujawab dia teman sekolahku dan terserempak bersua,' fikir jejaka di dalam hati.

'Ah, kenapa tidak dibawanya aku ke tempat yang terlindung agar jangan terlihat oleh saudara-maraku atau kenalanku?' bisik sukma dara.

"Ibunya tahu ke mari?" tanya teruna.

"Tidak," balas gadis.

Langkah terus maju.

"Jadi membohong ibu?" usik jejaka.

Tersipu gadis tunduk mencenung bumi. "Bilang ibu hendak ke mana?" desak pemuda lagi.

"Ke rumah kawan," balas perawan.

"Ibu percaya?" Bujang menyoal lebih jauh. Gadis tidak menjawab, hanya mengangguk.

"Ibu tidak menanya lebih jauh lagi?" Pemuda memajukan pertanyaan.

Perawan menggoyang kepala, pemuda membisu mencari bahan untuk diperkatakan.

Suara pemuda parau sewaktu bertanya. "Surat-surat dahulu semua diterima?" Belum dapat ia memanggil dirinya sendiri. Saya ...? Aku ...? Kita ...? Kami ...? Kanda ...?

Wajah gadis merah mendengar pertanyaan nan menyindir itu. Kepala diangguk perlahan.

"Dibakar surat-surat itu?" tanya pemuda ingin tahu.

"Tidak," balas gadis kesipuan.

"Habis?"

"Disimpan."

"Mengapa?" desak pemuda.

Merah padam muka gadis tidak menjawab.

"Kesemua disimpan?" tanya pemuda lagi puas dan senyum.

Gadis mengangguk.

"Di mana disimpan surat-surat itu?"

Tersipu-sipu, "Di dalam lipatan kain baju."

Pemuda di dalam sukma merutus. 'Merbahaya diriku andainya surat-suratnya terjumpa oleh ibu bapanya. Mengapa tidak dibakarnya surat-suratku. Setiap aku menulis surat di bawahnya mesti kutulis, "Bakar selepas dibaca!"

Sunyi dan sepi.

'Tetapi aku sendiri,' rutuk lagi pemuda di dalam suka. 'Kusendiri tidak membakar suratnya walaupun dia berpesan agar kubakar selesai kubaca.'

Gadis kembali resah, sekejap-sekejap dia menerawang ke belakang, merungus gadis sendiri, 'Belum

juga dibawahnya aku ke tempat yang terselindung.
Ah, hatiku kurang sedap!

"Biarlah balik dahulu," gadis meminta.

"Balik?" pemuda terkejut.

"Telah lewat," ujar gadis.

"Baru sebentar saja," balas teruna.

"Ada kerja di rumah," sahut dara. "Takut ibu bimbang."

"Baiklah," sambut teruna kecil hati. Keduanya berpatah jalan.

"Biarkan saya berjalan seorang saja," gadis meminta.

"Tak sudi mengiringinya?" tanya pemuda tersinggung.

"Bukan begitu," sahut gadis bersimpati, "takut dijumpa orang yang kenal."

"Bila bertemu lagi?" suara tidak biasa lagi, hampir menangis.

"Tengoklah."

Gadis kian jauh.

Pemuda berfikir mencari kesalahan dirinya yang mungkin memaksa gadis itu pulang tergesa-gesa.

Mutiara, 2 Mei 1950

KAU bukan tidak pernah membaca cerita-cerita gubahan dia, ada kalanya kau memuji memuja dia, dan ingin menjadi pengarang seperti dia, lantaran dia berani berterus terang dan mengecam peribadi masyarakat dengan terus terang dan mengecam peribadi anak-anak muda dengan sekejam-kejamnya, sebaliknya pada lain masa timbul perasaan kau membenci dirinya, kerana dia telah berani, terlalu berani, mengupas dan menggambarkan seterang-terangnya membawa tidak usah kau membayangkan lagi bagaimana orang melakukan zina, anak-anak muda membeli bukunya semata-mata untuk membaca – mengulang kali bahagian nan mengasyikkan itu semata.

Dia sering diperbincangkan orang, terutama pemuda, lebih baik kukatakan pembaca yang radikal lagi fanatik kepada terus terang, mempertahankan karangan dia – samalah mempertahankan pengarang itu dengan tidak secara langsung. Kata pembela-pembelanya, "Kendatipun disembunyikan perkara ini pada suatu masa kita juga akan berlaku sedemikian, dia membantu kita bagaimana akan beraksi andainya kita dilingkungi kejadian seperti apa yang telah diterangkan. Penerangannya tidak dapat disembunyikan di dalam gua nan gelap, kerana pene-

rangannya bersifat keadaan yang realiti atau nyata."

Sekolah yang anti dia mengatakan, "Dia telah melanggar batas kesopanan kesusasteraan, dia telah merempuh dek tidak mengenal garis demokrasi untuk berterus terang di dalam kesusasteraan. Penerangannya belum pantas dibaca oleh anak-anak muda kita. Alangkah berbahayanya andainya anak-anak yang masih berjuang dengan berlaku ilmu alam dan tawarikhnya membaca penerangan nan belum pantas mereka mengetahuinya."

Kepada dia soal sama ada karangannya akan membahayakan atau menguntungkan masyarakat pembacanya tidak dihiraukan. Soal ini juga tidak pernah ditimbang atau direnungnya. Dia hanya tahu mengarang, kerana dia mesti mengarang.

Di dalam salah satu buku ciptaannya, dia mengisahkan bagaimana seorang perempuan, isteri seorang yang berbangsa tinggi bertindak curang terhadap suaminya. Kecurangan isteri ini terletak kepada kemahuannya ingin bersuami muda. Hampir tiga suku buku ini menceritakan bagaimana perempuan itu memancing seorang anak muda yang sering melintas di depan rumahnya. Lima belas muka lagi kita tiba ke akhir cerita ini, barulah perempuan itu berjaya membawa masuk ke dalam kamarnya anak muda itu, kerana pada masa itu suaminya berangkat ke luar negeri, sepuluh muka daripada lima belas dibayangkan dengan cara yang realistik sejak berpandang-pandangan hingga mereka tenggelam di dalam pelukan, dua muka daripada lima muka ini ditulis atas perangai sang suami yang sebenarnya tidak ke mana-mana melainkan bersembunyi menangkap isterinya yang curang. Kau berasa tidak bersemangat membaca tulisannya yang menggambarkan si suami dengan panas dek kehilangan fikiran membunuh anak muda dan isterinya, dan kau tidak

berasa sedih membaca bagaimana si suami dengan air mata nan berderai diseret polis ke rumah pasung.

Dua muka yang baki digunakan untuk mengupas pembalasan zina, zina di sisi agama, dan akhirnya pesanannya yang tersendiri kepada tuan-tuan pembaca yang dikasihi.

Temannya dari dalam dunia kesusasteraan seorang pengarang juga, tetapi pengarang muda ini seumur hidupnya dan sepanjang penanya belum sekali mengarang cerita pendek mahupun cerita seratus muka. Pengarang muda ini bersifat seorang *journalist*, rencananya digemari ramai dek pandainya dia mengupas soal-soal yang berkaitan sebarang lapangan.

Dewasa *public* membicarakan kisah pengarang cabul itu. Inspirasinya berlari di dalam jiwa *journalist*nya, matanya sebagai kebanyakan *journalist* lain mungkin menerobos tabir yang melindungi suatu suasana. Ingin mengarang rencana berhubung pengarang yang menggubah cerita-cerita yang dilarang sesiapa juga yang belum cukup umurnya, tetapi terus dibayang oleh anak-anak yang masih perlu bergelut dengan buku-buku *Tangga Pengetahuan*, *Benih Akal*, dan *Sejarah Alam Melayu*, *Pelbagai Cerita Melayu*, lebih jauh lagi.

Di dalam rencana yang dicadangnya itu, sebagai seorang kritikus dia akan memberikan pandangannya yang liberal terhadap pengarang itu. Selepas membaca semua cerita itu dia mencapai kesimpulan. Salah sekali sesiapa yang mengatakan atau menggelar pengarang ini pengarang bacul, *journalist* ini sendiri memberikan panggilan untuk pengarang ini. Kata *journalist* ini, "Dia seorang *vandalist*." Dalam bahasa kita ertinya, "Insan yang merosakkan mutu luhur seni."

Journalist ini tiba di rumah *vandalist* itu, dewasa itu *vandalist* sedang menulis di dalam sebuah buku, "Saya sedang mengarang cerita baru." *Vandalist* itu tidak sadar dia menunjukkan sifatnya sendiri. Bukankah dengan ucapannya yang sedemikian dia ingin menunjukkan betapa pandainya dia dalam ilmu karang-mengarang.

"Apa namanya?" tanya *journalist* membangkitkan kemegahan *vandalist*.

"Janda Muda," balas *vandalist* belum puas dengan balasan sependek ini, *vandalist* itu terus menyambung, "Cerita ini lebih baik daripada cerita-cerita gubahan saya yang lepas," ujarnya lagi sembari membalikkan beberapa lambaran karangannya, "Ini saya menghentam janda-janda kita, kebanyakan janda bangsa kita apabila baru saja menjadi janda menyangka telah berhak bebas lepas. Kekuasaan penuh terletak di dalam tangan mereka, mereka sendiri yang akan menghitam-putihkan hidup mereka sendiri. Ibu bapa mereka tidak mempunyai kuasa di atas diri mereka lagi...." Dia berhenti memasang sebatang rokok. Belum sempat dia meneruskan membaca karangannya nan meleret-leret itu *journalist* ini lantas memotong dengan menerangkan sebab dia ke mari.

Lama nian *journalist* ini menulis di dalam buku catatannya riwayat hidup *vandalist* itu.

"Dari mana tuan menerima bahan untuk cerita tuan, isteri curang?" soal *journalist*. Tidak ada jawapan.

"Di dalam karangan-karangan tuan," kata *journalist* ini merenung tepat muka *vandalist*, "Tuan berterus terang dalam sebarang perkara perkataan (sebarang perkara) diucapkan berirama menghina, saya berharap tuan akan berterus terang dalam menjawab soalan-soalan saya. Bukankah kritikus-

kritikus sastera mengatakan seseorang pengarang mengarang menurut arus aliran jiwanya sendiri. Kerana tuan berterus terang, jadi tuan pasti mempunyai jiwa yang bersimpati kepada terus terang. Andainya tuan tidak mahu berterus terang menjawab pertanyaan-pertanyaan saya bererti tuan memaksa jiwa tuan untuk bersembunyi. Kritikus sastera juga nan mengatakan pujangga yang mengarang tidak mengikut keluhan jiwanya sendiri bererti dirinya bukan seorang pujangga lagi dek dia telah melanggar undang-undang seni. Seni itu halus, perlu bergantung kepada perasaan yang halus, perasaan yang halus hanya terdapat pada pujangga yang setia pada aliran jiwanya." Sungguh lama *journalist* ini melemahkan propaganda, biarpun propaganda itu tidak dipercayai sendiri. Akhirnya *vandalist* itu berterus terang.

"Dari mana tuan memperolehi bahan, isteri curang?" tanya *journalist*.

"Dari kejadian benar!" tegas *vandalist*.

"Mengenai keluarga siapa?"

"Keluargaku sendiri, malah mengenai diriku sendiri. Biar kuceritakan. Di rumahku ada seorang muda – saudaraku yang jauh – menumpang diam di rumahku. Aku tidak mencurigainya barang sedikit pun perangai anak muda itu. Anak muda itu dipengaruhi buku. Buku karanganku dibacanya berulang-ulang. Dia sering memuja kebagusan prosaku dan keberanianku mengupas soal sulit. Aku mula mencurigai, lantaran sentiasa benar kuterawang dia dan isteriku berkedip-kedip mata. Suatu masa aku memasang perangkap. Cara memerangkap aku tiru dari salah satu buku Melayu yang kubaca berhubung kecurangan isteri. Aku mengatakan kepada isteriku, aku terpaksa berangkat ke luar negeri. Isteriku memuji lantaran bukuku maju hingga membawaku terkenal dan ber-

angkat ke luar negeri. Kepada orang muda itu juga kusiarkan niatku. Orang muda itu memuji aku. Aku sebenarnya tidak belayar atau ke mana-mana. Malam itu aku kembali ke rumahku. Di dalam kamar itu isteriku dan anak muda itu...." Terhenti perkataannya, dia malu menyebut perkataan itu.

"Terus terang!" desak *journalist* penaka meng-ejek.

"Aku malu menyebut perkataan itu."

"Baiklah, jadi anak muda itu tuan bunuh sebagaimana tuan menceritakan di dalam buku gubahan tuan?"

"Tidak. Dia kuusir. Untuk menimbulkan drama, di dalam cerita semata anak muda itu terbunuh."

"Isteri tuan?"

"Masih bersama aku lagi. Untuk kau aku meringankan, isteri curang bukan karangan aku."

"Habis karangan siapa? Kan tuan memakai nama tuan sendiri?"

"Cuba kauteka?"

"Saya tidak tahu."

"Isteri saya sendiri!"

Mutiara, 2 Jun 1950

Sepatah Perkataan yang Berpengaruh

AKU tidak dapat menentukan sama ada kawanku Halim seorang aulia atau seorang Abu Jahal. Halim tidak pernah menjamah arak atau apa minuman keras walau setitik pun. Halim tidak pernah tidur dengan perempuan, Halim tidak pernah main judi pakai duit. Lagi kecil Halim ada berjudi tetapi dengan tudung botol, kotak-kotak rokok. Judi seperti ini menurut pendapat Halim bukan dosa namanya. Aku sungguh hairan dan telah berkali aku menungkan kenapa kawanku itu tidak mahu merasa nikmat – tiga nikmat yang paling sedap di dalam dunia itu, dan kenapa Halim seumur hidupku tidak pernah sembahyang?

“Aku,” kata Halim, “Kau lebih jahat dari aku, kau sungguh bernafsu malah terlalu bernafsu. Perempuan, arak dan judi menjadi permainan kau siang dan malam. Sudah itu kau tidak sembahyang pula, aku sungguhpun tidak sembahyang, aku berasa megah sebab aku telah berjaya meruntuhkan ketiga-tiga nikmat yang haram itu, yang menjadi tulang belakang tentera nafsu.” Perkataan nafsu itu diucapkan dengan membawa irama yang membenci akan perkataan itu, aku sendiri berasa bahawa nafsu ialah sepatah perkataan yang berpengaruh.

Pada suatu hari malam minggu aku baru sehari

dua menerima gaji, jadi aku mengajak Halim ke sana ke mari atas belanjaku sebab Halim tidak mempunyai kerja, biarpun pandangan kami dan tindakan kami dalam kehidupan itu berlain-lainan, aku dan Halim berkawan rapat, ke mana aku berjalan di situ Halim ikut.

Aku dan Halim lalu di hadapan sebuah kedai minuman. Aku mengajak Halim menyelinap ke dalam kedai itu. Halim menarik tanganku yang sedang menghayun maju diriku ke dalam kedai itu. Kata Halim, "Man, cuba kaubantah kemahuan nafsu kau, lawan-lawan!" ujar Halim lebih bersemangat, "Hingga kalah nafsumu."

Hampir aku mengikut ajakan Halim, apabila kumendengar Halim menyebut perkataan nafsu aku teringat sakuku – berdasar wang tekakku kering-kontang, "Mari!" aku mengajak Halim.

Kata Halim mengikut ajakanku, "Kalau kau tidak dapat melawan nafsu, apa yang dapat kaulawan?" Perkataan ini diucapkan dengan keluh dan kesal, putus asa sebab tidak mempengaruhi diriku.

Aku duduk di sebuah meja, dikepong oleh tirai. Di depanku duduk Halim, aku memanggil pelayan Cina itu.

"Bawa dua *orange*!" ujar Halim. Aku faham kalau Halim yang meminta dia tidak akan meminta minuman yang disukai.

Aku memotong permintaan Halim, "Kasi gua bir satu botol, sejuk!"

"Man," kata Halim, "Kau diperhambakan nafsu!"

Tidak lama kemudian pelayan Cina menghidangkan di hadapan kami sebotol arak sejuk dan sebotol *orange*. Aku menuang arakku ke dalam gelas, sembari Halim menuang minumannya, Halim merenung tepat mukaku. Aku ingin menyakiti hati Halim, gelas yang berisi arak itu aku pegang dan buihnya aku

tiup melayang menyinggah jatuh di tangan Halim.

Muka Halim merah padam, Halim bangun dari kerusi dan menuju ke paip air, di sana Halim mencuci tangannya dan selawat.

Halim tidak sedar aku menuangkan sedikit arak ke dalam gelasnyanya. Aku berharap Halim akan meminumnyanya. Kemudian dia dapat kuejek ditewaskan nafsu.

Halim duduk kembali di kerusinya. Aku menghirup arakku dengan berbunyi mulutku, sakit hatiku melihat Halim menutup hidungnya dengan sehelai sapu tangan.

"Kenapa hidung kau?" Aku bertanya.

"Pening kumencium bau arak," kata Halim sebagai biasa keadaannya.

Arak sebotol telah habis kuminum. Tetapi Halim tidak menyentuh langsung gelas yang berisi air limaunya. Aku tidak sabar lagi. Kataku sebagai perintah "Minumlah kenapa masih segan-segan lagi?"

"Tak mahu!" balas Halim.

"Habis?" Aku bertanya.

"Aku tak dapat minum di depan orang yang meminum arak, kalau kuminum juga aku terasa aku minum arak."

"Tetapi kan bukan arak itu?" ujarku ingin dipercayai Halim.

"Aku tahu, tetapi aku mahu melawan nafsu."

Dengan perasaan panas aku meninggalkan kedai itu bersama Halim.

Aku dan Halim tinggal di sebuah bilik yang kami sewa. Kamar di depan bilikku tinggal seorang tua yang sentiasa mabuk setiap malam, orang tua itu selalu dijadikan contoh apabila Halim menasihati aku, "Kalau kau tidak melawan nafsu kau sekarang Man, kau akan menjadi serupa orang tua itu!"

Di kamar sebelah kanan, tinggal Jura sundal.

Sering aku mendengar kritik Halim terhadap tindakan Jura. Setiap kali Halim melihat perempuan itu membawa lelaki ke kamarnya, setiap itu Halim berungut kepada aku, "Perempuan laknat, bodoh tidak tahu melawan nafsu!"

Selalu juga aku melawat ke kamar Jura untuk berbual. Selepas berbual itu aku kembali ke kamarku. Halim merenung mukaku. Air mukanya mengatakan bahawa dia percaya aku telah berzina dengan Jura.

"Kenapa kau memandang aku sedemikian?" Aku menanya.

Halim tidak menjawab. Dia terus memalingkan mukanya. Sambil bersiar Halim berungut, "Kejadian zina pasti berlaku apabila nafsu bertemu nafsu."

Kata Halim kepadaku suatu hari, "Nanti akan tiba masanya di mana aku membunuh nafsu kau dan Si Jura."

Aku tersenyum.

Pada lain masa aku kembali ke kamarku, aku baru sahaja minum. Aku hairan melihat Halim sedang mengemaskan pakaian ke dalam sebuah kopor.

"Ke mana Lim?" Aku menyoal lebih jauh.

"Aku mahu melarikan diriku dari nafsu."

"Jadi kaumahu melarikan diri kau dari sisiku yang kaki minum?"

"Nafsu kau dapat kutewaskan dengan mudah kalau betul-betul aku mahu, tetapi nafsu yang lebih kuat dari nafsu kau, aku tidak dapat melawan nafsunya."

"Aku belum dapat mengerti maksud perkataan kau Lim."

"Kau tidak dapat menahan aku, aku mahu lari dari nafsu."

"Mengapa, aku ingin tahu?"

"Tadi aku melawat ke kamar si sial itu untuk menasihatinya. Aku berniat kau dan dia akan aku nikahkan di depan kadi dengan cara yang halal. Tetapi aku sendiri tidur bersama Jura."

Mastika, Julai 1950

Orang Tua dan Mimpi

KATANYA kepada aku pada suatu hari, "Kita wajib percaya kepada mimpi!"

Aku bertanya ingin tahu, "Mengapa? Bukankah mimpi ini suatu tipuan fikiran semata-mata?"

Bersungguh-sungguh dia menjawab, "Mimpi adalah bayangan kejadian yang akan menimpa kita di masa akan datang."

Aku biarpun sejak kecil lagi dididik di dalam udara yang kolot, kerana hampir rata anggota familiku orang yang kuat menganut fahaman kolot percaya pada tahayul dan takbir yang karut-marut, dewasa aku telah menjadi orang muda aku dapat dan berjaya mendidik diriku sendiri di dalam fahaman-fahaman moden lagi radikal.

Kerana radikalnya aku menentang faham kolot mereka, aku sering bertengkar dengan ibuku yang kolot dari hujung kepalanya hingga ke hujung kakinya. Pada suatu masa aku diseranah oleh ibuku sebab sewaktu akan keluar rumah untuk pergi ke pejabat kerjaku, aku telah lambat tergesa-gesa berpakaian jadi aku tidak mempunyai masa untuk makan pagi. Aku tidak mahu mengecap kempunan kopi yang telah disediakan untukku. Ibuku mengatakan merbahaya akan menimpa bagi orang yang kempunan kopi. Tetapi hingga hari ini alhamdulillah aku

sihat walafiat. Pada lain masa ibuku menuduh aku, "Anak yang tidak masuk ajar ... degil ... tidak mahu mendengar cakap orang tua...." Sumpah seranah ini dijatuhkan ke atasku sebab aku tidak mahu mandi air tolak bala yang dibuat khas untukku – dek ayahku semalam malam – sebab dia bermimpi yang tidak baik tentang diriku. Ayahku bermimpi aku akan berkahwin dengan perempuan Nasrani.

"Bagaimana pak tahu mimpi ini tidak baik?" Aku bertanya.

Katanya, "Cuba kaucari dan baca buku tafsir mimpiku pada bahagian yang menerangkan mimpi berkahwin, kau akan diberi berjumpa dengan makna orang yang bermimpi dirinya atau saudara-maranya ataupun kawannya berkahwin dengan lain bangsa dan agama. Bererti sedikit hari lagi orang itu tentu ditimpa bahaya atau fitnah yang besar!"

Balasku menimbulkan kemarahan ayah dan ibuku. "Buruk, saya tidak percaya pada mimpi, saya tidak mahu mandi air tolak bala. Apa gunanya saya mandi air tolak bala itu kalau saya sendiri tidak yakin manfaat air itu!"

Aku dimarah dan dihamun oleh kedua-dua orang tuaku itu.

Akhirnya untuk menenangkan jiwa mereka dan menahan kumat-kamit mulut kedua-duanya, aku mandi air tolak bala yang telah didoakan oleh ayahku.

Ayahku yang telah tua terlalu sangat percaya pada mimpi, tidak salah kalau kukatakan ayahku fanatik kepada tafsir mimpi.

Kebiasaan orang tuaku pagi-pagi hari lagi selepas menunaikan sembahyang subuhnya dan tadarus Qur'an satu dua juzuk dan doa berhela-hela panjangnya hinggakan aku yang berjemaah yang duduk di belakangnya lenguh dibuatnya – selalu sahaja kakiku

dihinggap sakit semut-semut, aku tidak mungkin bangun dari dudukku kendatipun sembahyangku telah selesai, bertambah lagi aku tidak mempunyai doa yang panjang untuk dibacakan. Lantaran ayahku kuat memegang fahaman tidak beradab dan tidak bersopan orang muda yang bangun dari tikar sembahyangnya sebelum orang-orang tua yang sembahyang bersama-sama telah bangun dan berlalu, selepas sembahyang itu ayahku bangun menuju almari kaca yang berisi dengan kitab-kitab yang telah tua dan lusuh sembari aku bekerja melipat tikar sembahyangnya.

Antara kitab-kitab tua yang beratus-ratus banyaknya itu, ayahku menarik keluar kitab tafsir mimpi, nampaknya ayahku telah biasa memetik kitab tafsir mimpi dari kitab-kitab yang seramai itu, kerana ayahku terus menuju ke situ dan dengan tidak payah pilih-memilih lagi terus menarik keluar kitab tafsir mimpi yang sangat dikasihinya.

Pada suatu ketika ayahku menceritakan kepada seluruh familinya – semalam dia bermimpi impian nan luar biasa.

“Apa mimpinya?” tanya ibuku tidak sabar, terseenyum memandang tepat muka ibuku, ayahku menegaskan, “Semalam saya bermimpi awak berkahwin sekali lagi.”

Kami semua ketawa besar.

Tersipu-sipu ibuku menjawab, “Awak ni merepek saja.”

Aku ketawa berdekah-dekah.

Ayahku memerintah aku supaya mengambil air tadah yang bersih seperiuk penuh dan segayang. Setelah air itu siap aku hidangkan di depan ayahku yang bersila rapat. Mulut ayahku kumat-kamit membaca doa dengan pantasnya tidak memperdulikan panjang pendek ayat-ayatnya. Selesai doa itu dibaca

ayahku menghembus ke dalam periuk dan gayung itu, kemudian ibuku mengangkat periuk dan gayung berisi air yang telah berjampi dengan soalnya, "Yang mana mandi, yang mana untuk minum?" Ayahku pun menerangkan, "Periuk mandi, yang dalam gayung minum tujuh teguk kemudian mandikan air yang lebih itu!"

Aku menyoal kepada ayahku apa tafsir mimpi ibu akan berkahwin lagi. Ayahku tidak mahu menjawab langsung, salah mengatakan tidak pantas orang muda menyoal orang tua.

Sewaktu ayahku tidak ada di rumah aku mengambil kitab tafsir mimpinya, puas sudah kucari antara isi-isi kitab tafsir mimpi itu – tidak ada yang aku dapati tafsir mimpi isteri berkahwin lagi. Mengertilah aku ayahku yang cerdik memilih jalan selamat – kalau mimpi itu membawa makna yang lain tidak menjadi apa, andainya mimpi itu betul atau terjadi, ayahku telah memberikan ibuku air tolak bala, agar ibuku jangan berkahwin lagi.

Aku masih ingat lagi ayahku berfikir berat di beranda rumah, tidak lama barulah kuketahui bahawa dia sedang memikirkan makna mimpi yang dimimpinya semalam. Dia bermimpi giginya patah, sayangnya dia tidak ingat betul di dalam mimpinya sama ada giginya yang patah itu gigi yang di sebelah atas atau yang di sebelah bawah. Kau juga tentu tahu alamat yang dibawa mimpi gigi patah. Mimpi serupa itu membawa alamat seorang keluarga akan mati. Seluruh familiku hari itu dikerah oleh ayahku bermandi tolak bala termasuk dirinya sendiri. Ayahku tidak penat membacakan air tolak bala, lepas seorang, seorang, untuk familiku yang besar.

Seminggu kemudian bapa saudaraku yang telah lama menghidap penyakit jantung meninggal dunia. Kejadian kematian pak cikku kian menguatkan

kepercayaan ayahku, paman dan keluargaku amnya di atas kebenaran tafsir mimpi.

Apabila ahli rumahku bermimpi, pagi-pagi lagi mereka menghadap ayahku dan menerangkan mimpi masing-masing dan meminta tafsirnya sekali. Ayahku dengan segera akan mengambil kitab tafsir mimpinya dan menyelak-nyelak lembaran kitab itu. Kalau tafsir mimpi itu tidak baik segera ayahku menyuruh membawa air seperiuk dan segayung untuk dibacakan doa tolak bala. Kalau tafsir mimpi itu baik ayahku ketawa dan tersenyum dan memuji pemimpinya.

Mengikot kiraanku ayahku bermimpi sekurang-kurangnya enam malam dalam seminggu. Sering benar ayahku bermimpi dua tiga macam mimpi dalam semalam. Kalau ayahku bermimpi tiga mimpi dalam semalam bertambah pula ketiga-tiga mimpi itu membawa tafsir yang buruk. Ayahku akan mandi air tolak bala sekali sahaja tetapi ke dalam periuk dan gayung dibacanya doa berulang tiga kali. Kalau semua mimpi itu baik tafsirnya, ayahku pada hari itu akan hilang kemarahannya. Pada masa itu aku dan adik-adikku meminta duit kepada ayahku. Ayahku memberikan wang yang dipinta dengan tidak payah merutus sebagaimana biasanya. Aku yakin dan percaya kalau pada malamnya ayahku tidak bermimpi langsung, ayahku tidak gembira sebab tidak ada cerita mimpi yang akan dikisahkan kepada seluruh familinya. Maka ayahku akan berbohong, dia mengarang mimpi. Kalau mimpi yang dikarang oleh ayah, mimpi itu sentiasa baik tafsirnya.

Suatu hari aku menerawang mak cikku mengepit periuk putih yang berisi air di tangan kanannya sembari di tangan kirinya mak cikku menjinjing air segayung.

Aku menanya kepada mak cikku, "Mengapa

mandi tolak bala hari ini?"

Mak cikku menjawab dengan muka yang sedih, "Bapa kau bermimpikan aku semalam."

"Mimpi apa?" Aku menyoal lebih jauh lagi.

"Mimpi aku mati," balas mak cikku pucat.

Kataku, "Bukankah di dalam buku tafsir mimpi ada menerangkan apabila bermimpi seseorang akan mati bermakna orang yang dimimpikan ini akan panjang umurnya?"

Kata-kata mak cikku berubah. Kutatap air mukanya, "Demikian juga kata ayah kau mengikut tafsir yang tertulis di dalam kitab mimpinya. Entah mengapa hatiku tidak sedap seolah benar aku akan mati sedikit hari lagi," suara mak cik berubah sedih.

"Kenapa?" Aku bertanya.

"Entahlah?" balas mak cikku, dia terus masuk ke kamar mandi.

Aku pergi mendapatkan ayahku.

Kataku kepada ayahku, "Kenapa mak cik berlainan benar nampaknya?"

"Mak cikkau degil keras kepala. Semalam aku bermimpi mak cik kau meninggal dunia. Telah kuterangkan kepada mak cikkau bahawa mimpi itu alamat yang baik. Mak cikkau insya-Allah akan berumur panjang."

Mak cik tetap berdegil, mengatakan hatinya tidak sedap, mimpi ini konon akan membawa alamat yang kurang baik.

"Mak cikkau memaksa aku membikinkan untuk air mandi dan air minum tolak bala. Aku enggan membuatnya kerana fasal apa kita mesti menolak bala atas perkara yang baik. Mak cikkau berleter mengatakan aku malas itu dan ini, telingaku sakit mendengar leteran mak cikkau. Lagipun aku tidak dapat membaca tafsir mimpi-mimpiku yang lain. Kesudahan aku membuatkan untuknya air tolak

bala. "Mata ayahku liar menoleh ke kiri dan ke kanan untuk menentukan kalau ada sesiapa yang memasang telinga atau tidak, ayahku mula berkata penaka orang berbisik, "Air tolak bala yang aku buat untuk mak cikku bukanlah air tolak bala sejati." Ayahku tersenyum. "Aku tidak membaca doa tolak bala pada air itu. Sebaliknya aku membaca doa rahmat supaya Tuhan mengabulkan mimpi aku ini yang sudah tentu memanjangkan umur mak cikku. Lagi satu sebab aku tidak mahu membaca doa tolak bala pada air itu kerana aku takut melanggar undang-undang tafsir mimpi."

Aku hampir percaya pada tafsir mimpi sebab mak cikku hidup dalam keadaan walafiat hingga ke masa ini.

Pada suatu pagi ayahku sejak bangun tidur subuh-subuh tersenyum, senyum itu disambunginya selepas membaca kitab tafsir mimpi.

Sedang kami seluruh famili beramai-ramai menghadap makanan pagi yang terhidang di atas tikar Melaka, ayahku dengan senyum dan mengunyah roti mengatakan, "Aku bermimpi semalam."

"Mimpi apa?" tanya ibuku tidak sabar sebagaimana biasa.

Mulanya ayahku tersenyum, kemudian ketawa. Ayahku masih belum menjawab pertanyaan ibuku.

"Aku bermimpi semalam" kata ayahku lagi.

"Mimpi apa?" tanya mak cik lagi.

"Aku bermimpi," kata ayahku tersenyum, "Bulan jatuh di atas ribaku."

Semua kami ketawa terbahak-bahak, cuma ibuku seorang sahaja yang bermasam muka. Aku faham tafsir mimpi yang mengatakan apabila seseorang bermimpi bulan jatuh di atas ribanya bererti si pemimpi itu akan berkahwin dalam masa yang singkat pada masa hadapan.

Ibuku masam mukanya sebab ibuku percaya benar pada kebenaran tafsir mimpi, ibuku takut ayahku akan betul-betul berkahwin lagi, tengah hari sewaktu semua perempuan di rumahku masih sibuk masak di dapur, ibuku membaca isi-isi kitab-kitab tafsir mimpi untuk dihafaznya.

"Awak sudah mandi tolak bala?" tanya ibuku garang.

"Mandi tolak bala. Kenapa?"

"Bukankah awak bermimpikan bulan jatuh ke riba semalam."

"Ya."

"Habis kenapa tidak lagi mandi tolak bala?"

"Mengapa pula mesti mandi?"

Ibuku terus merutus menuduh ayahku ingin ber-bini lagi dan macam-macam lagi.

Hari ini ayahku tidak mandi tolak bala dan sejak hari itu juga perhubungan ayahku dan ibuku tidak berbaik-baik kasih-mengasihi lagi.

Entahkan ayahku memang sentiasa bermimpi bulan jatuh di atas pangkuannya atau sengaja dikarang mimpi ini untuk membakar hati ibuku, ataupun ayahku memang ingin beristeri lagi tidaklah aku tahu. Yang aku tahu ayahku sentiasa sangat mencecitkan dia selalu bermimpi bulan jatuh di atas ribaannya.

Mutiara, 2 Julai 1950

Hari Raya

SEBULAN setengah lagi Hari Raya Puasa akan tiba. Jamil sudahpun mengangan-angankan dan merancangkan bagaimana dia akan berhari raya.

Jamil seorang anak muda yang telah berkali-kali mencintai daripada suatu perempuan ke suatu perempuan.

Hari raya nanti Jamil sudah menentukan akan membeli lima ela satin Amerika untuk membuat sepasang baju Melayu. Menurut pendapatnya tiap-tiap orang yang beragama Islam bertambah lagi orang Melayu sudah sepantasnya memakai baju Melayu. Juga dapat membezakan bahawa orang-orang Islam berhari raya disebabkan pakaian-pakaian Melayu mereka dan kain songket benang emas mereka yang *technicolour*.

Hari raya yang kedua pula aku akan memakai baju *shark skin* satu sut, tai, sepatu hitam John White, kemeja Arrow kepala berdedah. Pada hari raya yang lepas Ayub tertarik dek pemandangan beberapa pemuda berhari raya di pantai, jejak itu mengepit-kepit dara-dara yang cantik dan manis, jauh sedikit dari pantai, Jamil melihat seorang jejak berpakaian Barat sedang melagakan bibirnya ke bibir gadis berbaju gaun. 'Amboi seronok sungguh orang itu berhari raya!' kata hati Jamil dengan kesal.

Jamil ingin berhari raya seperti jejak dan dara itu, malangnya Jamil saat ini tidak mempunyai mata air. Dahulu Jamil banyak mempunyai mata air. Semua mata air Jamil membuang Jamil sebab cemburu dan sakit hati. Jamil berfoya-foya dengan perempuan lain.

Sebulan setengah lagi akan berhari raya. Jamil bukan sahaja memikirkan pakaian apa yang akan digunakan pada hari raya pertama, kedua dan ketiga, Jamil tunduk memikirkan dari mana akan diperolehinya wang berpuluh ringgit untuk membeli pakaian-pakaian itu. Bagi Jamil gajinya terlalu kecil, lebih lagi Jamil ada berhutang di sana sini. Pada hari raya Jamil didesak hutangnya sebab orang yang memberinya hutang semuanya ingin berhari raya. Jika wang yang dihutangi Jamil dijelaskan bererti wang untuk belanja hari raya mereka akan bertambah.

Kedua fikiran itu tidak mengharu-birukan benak Jamil, kalau dibandingkan dengan soal sulit rumit ketika yang sedang dia fikirkan.

Jamil sedang memikirkan berat siapa antara gadis-gadis kampung yang belum menjadi mata air pantas dijadikannya untuk dibawa berjalan berhari raya supaya orang lelaki yang melihatnya akan berasa iri hati sembari orang-orang perempuan tentulah berharap dapat menjadi manisku. Sungguh sepadan bagai pinang dibelah dua, aku berbaju Melayu berkain songket sembari, dia berbaju kurung.

Lima belas hari puasa telah berlalu, tidak ada suatu hari pun Jamil berpuasa. Rasa Jamil yang tidak berpuasa bahawa hari pada bulan puasa ada lebih panjang daripada bulan-bulan yang lain, Jamil tidak berani makan siang hari di rumah sebab Jamil akan dimaki dan dihamun bertambah lagi semua

orang di rumah Jamil berpuasa melainkan adik-adik Jamil yang masih kecil lagi, sebab itu Jamil terpaksa makan, minum dan merokok di kedai.

Sebab itu Jamil tidak dapat mengumpul gaji, sebahagian gaji dibuat pembayar hutang, yang lebih digunakan untuk belanja makan.

Hari raya kian dekat, Jamil pun semakin kuat untuk memakai baju Melayu pada hari raya yang pertama dan baju *shark skin* satu sut untuk hari raya yang kedua. 'Bagaimana aku akan memakai pakaian itu kalau aku tidak mempunyai wang untuk membelinya?'

Jamil kian gelisah resah, sampai kini dia belum dapat mempunyai seorang mata air pun.

Lima hari lagi akan berhari raya. Jamil menulis surat kepada tuannya meminta gaji *advancenya*. Tuan Jamil baik hati dan tahu, untuk berhari raya perlu membelanjakan duit yang banyak. Permintaan Jamil ditunaikan.

Tergesa-gesa Jamil pergi ke kedai membeli lima ela satin Amerika, songkok hitam buatan H.M. Ali, sepatu *local*, untuk membeli John White terlalu mahal. Kemudian Ayob memotong suatu sut linen "linen juga" kata Ayob akan-akan sama seperti *shark skin*.

Satu soal lagi yang mesti diselesaikan, tetapi sampai kini tetap menjadi soal. Perempuan kampungnya suka menjadi mata airnya, Jamil cuma mungkin berkelip-kelip mata dengan mata air itu dan berkirip surat kalau hendak bertemu dengan mata air itu, pertemuan itu akan diadakan di belakang rumah di dalam gelap. Jamil tidak dapat membawa berjalan mata airnya, sebab anak-anak dara di kampungnya terlalu kolot dan menganggap bahawa si suami yang sah sahaja dapat membawa isterinya berjalan ke sana ke mari.

Pada hari raya yang pertama aku bersiar di tepi pantai selepas menziarahi rumah kawan-kawanku dan saudara maraku meminta maaf dan makan kuih hari raya dan air *lemonade*. Sungguhpun banyak aku melihat jejak dan dara berjalan berbimbing tangan tetapi aku tidak melihat bayang Jamil pun langsung.

Hari raya yang kedua aku di tepi laut, apabila aku sampai di suatu tempat yang sunyi aku terdengar suara perempuan ketawa geli-geman dan melimpahkan perkataan "abang" sekejap.

Aku terlihat Jamil sedang berpeluk cumbu dengan perempuan yang dua kali lebih tua daripada dirinya, dan perempuan itu kukenal sebagai perempuan sundal di kampungku.

Esoknya Jamil melawat rumahku. Setelah lama berbual dan menelan beberapa keping kuih aku menanya Jamil, "Ke mana kau dua hari tak nampak batang hidung?" Aku menyembunyikan rahsia dia dengan perempuan sundal.

Tersenyum megah dan puas Jamil menegaskan, "Makan angin dengan mata air".

"Cantik mata air kau?"

"Cantik, tentu cantik, kalau tidak masakan aku membuatnya mata air!"

"Muda?"

"Sudah barang tentu."

"Kerja apa mata air kau?"

"Gadis moden bersekolah Inggeris."

Aku tersenyum, terbahak. Jamil memandang mukaku kehairanan.

Hiburan, 15 Julai 1950

Pertemuan di Jalan Raya

DIA mabuk. Kautuangleh beberapa botol minuman keras yang teratur di atas mejanya, mulutnya mengomel perkataan yang mencarut, dadanya ditepuk-tepuk megah, wang kertas sepuluh dan lima diperbuat main sebagai kipas. Suaranya menengking memanggil tukang pelayan bar itu, pelayan budak Hailam kelambatan datang. Ditamparnya belakang budak pelayan itu hampir membawa budak Hailam itu menciumi tanah.

Malam itu malam hari raya. Dia berbelanja besar.

Tauke dari jauh melihat pelayan ditolak, dia berasa marah. Dirapatinya si mabuk. Dirampasnya wang dari tangan si mabuk, dikira wang itu, sebahagiannya diambil sembari yang baki disogokkan kembali ke tangan Hadi.

Dari hujung penjuru sebelah kiri hampir dua pemuda Melayu dek menyahut lambaian jari dari tauke.

Tidak menunggu perintah lagi Hadi diseret, dihumbankan ke luar jalan raya.

Tiap-tiap malam kedua-dua pemuda itu duduk di penjuru sana melontar pemabuk-pemabuk yang melakukan kekacauan. Pembayaran mereka minum percuma.

Hadi bangun dengan bersusah-payah daripada kejatuhannya. Mulutnya mengeluarkan perkataan-perkataan kotor memaki tauke dan ke atas kedua-dua jejak yang menghumbannya ke tanah sebentar tadi.

Mulutnya memaki hina dan lucah nama seorang gadis ... sundal Ros, kau pun tahu Ros mana yang dikisahkannya.

Kau kenal Ros penaka seorang juita bebas angkatan moden. Masa-masanya pernah kau cuba memikat sukma Ros, tetapi malangnya kau tidak berjaya, dek Hadi telah lebih dahulu merampas Ros.

Selama Ros bertemankan Hadi, kedua-duanya hingga kini belum berkahwin lagi, Ros membawa perubahan besar, pakaiannya nan sederhana pada masa silam telah mentereng. Ros kini menunggang basikal baru, memakai batik dan gaun nan berbunga-bunga baru dijahit, berjam tangan comel kuning baru, giginya yang putih kini dilapis oleh sumbi emas, "Tentu Hadi membelanjakan pembelian-pembelian itu!" fikir kau dan aku.

Aku sendiri ditimpa keanehan mengapa Hadi melakukan Ros sebagai isterinya, ke sana ke mari berpimpin tangan berdua, berkain dan perhiasan melimpah-ruah dibelikan Hadi. Aku dan kawan-kwanku yang lain sentiasa merenung perut Ros setiap kami bertembung jalan untuk mencari sesuatu perubahan.

Sungguhpun telah dua tahun mereka berupa dua asmara, namun berita pertunangan atau pinangan belum juga terbetik, biarpun berita gempar-gempur, namun perut Ros tidak memajukan perubahan.

Semalam malam kawan kau dan aku terkejut melihat Ros berjalan berkait jari dengan Dali. Kita memutuskan Ros telah meninggalkan Hadi dan merebut Dali. Kepada siapa yang perlu dicurahkan

kesalahan, kau mengatakan Hadi, sebab Hadilah yang merosakkan cara berfikir Ros.

Ros dahulu bebas semata untuk kesenangan dirinya, bukan untuk berkawan atau bertunang dengan pemuda, tidak pula untuk menggali segolongan lelaki. Sejak hari bertemankan dia, Hadi telah mendidik Ros cinta kepada wang bukan kepada orang. Sekarang Hadi ditimpa krisis yang bersifat *financial*. Ros ingin melarikan diri daripada Hadi yang hampir tidak berwang. Kerana itu Ros mula menyahut panggilan dan membalas surat-surat Dali.

Hadi sejak perceraian dengan Ros mengumumkan kepada kau dan aku bahawa Ros itu pernah berkali-kali dinodainya. Tetapi hingga kini perut Ros tidak menggunung. Hadi sejak itu anti terhadap perempuan biarpun perempuan-perempuan lacur. Teman-teman Hadi berkali-kali mendesak Hadi agar menanam penderitaannya di dalam pelukan perempuan-perempuan pelacuran. Hadi menolak, tetapi bukanlah dari segi dosa atau dianya tidak bernafsu. Terus terang Hadi mengatakan bahawa dia takut dijangkiti penyakit perempuan atau V.D. Kerana itu Hadi menanam penderitaannya ke dalam botol-botol minuman keras. Akhirnya Hadi mengambil rupa dan gelaran "kaki arak."

Hadi bangun dari jatuhnya, terus berjalan dengan langkah yang tidak tetap mencarut sepanjang jalan.

Seorang anak gadis sedang berjalan jauh di depan Hadi. Gadis itu tidak nampak akan Hadi yang sedang mabuk, barulah disedarinya keadaan jejak yang di depannya dewasa mendengar Hadi melengkingkan perkataan keji terhadap dirinya, kemaluan dan ketakutan gadis itu, seberapa lekas melintas ke jalan sebelah kiri. Kerana ribut, ingin menjauhkan

diri dari Hadi hampir kereta Ford yang besar menggulingnya.

Hadi membelok ke sebuah lorong gelap. Dahulu lorong itu ditaburi sinaran lampu elektrik, tiang elektrik yang teratur dahulu tidak kelihatan lagi, telah diangkut Jepun. Besi itu akan digunakan untuk menegakkan kemakmuran bersama di Asia Timur Raya, kata maklumat Jepun pada masa itu.

Di depan Hadi meremang seorang wanita. Hadi mengeluarkan kata-kata menghina memaki gadis itu. Wanita itu menyambut makian Hadi dengan senyum merangkum, carutan Hadi kian bertambah. Wanita dek jemu memainkan senyum yang tidak berbalas, menyambut dan membalas makian Hadi dengan makian yang lebih keruh dan kotor.

"Kau perempuan lacur yang berpenyakit menular," kata Hadi.

"Tidak! Aku tidak berpenyakit!" tegas perempuan itu.

"Tidak. Kau, badan kau bergelimang kuman!" ejek Hadi.

"Tidak. Aku tidak berpenyakit atau berkuman!" ujar wanita itu.

"Kau berpenyakit!" Hadi mengulang.

"Bagaimana kau tahu aku berpenyakit?" tanya wanita itu.

"Perempuan semacam kau semuanya berpenyakit V.D.!" sahut Hadi kemudian memaki gadis itu lagi.

Wanita memaki dahulu kemudian berkata, "Bukan semua perempuan sundal berpenyakit."

"Semua wanita berpenyakit."

"Banyak yang tidak."

"Semua berpenyakit kata aku."

"Bagaimana kau tahu semua berpenyakit?"

"Aku tahu."

"Ikut aku!" jemput wanita.

"Ke mana?" tanya Hadi.

"Ke hotel," balas wanita dengan ringkas.

Hadi dipimpin oleh wanita itu.

Kau tidak menampak mereka lagi. Mereka hilang di balik pintu hotel itu.

Sekarang Hadi telah mengenal dua kesenangan atau penghiburan – minum dan perempuan. Sejak Hadi pandai menjadi teman pelacuran, Hadi dapat melupakan Ros, malah Hadi pernah mengatakan kepada aku bahawa, "Aku sentiasa berdoa agar Ros terjerumus menjadi sundal."

"Jadi, saudara Hadi akan membela Ros untuk membuktikan bagaimana murninya cinta saudara?" Aku bertanya ingin tahu.

"Tidak!" balasnya dengan sombong, "Dia akan kulakukan penaka apa yang telah kulakukan di atas perempuan-perempuan pelacuran yang lain."

Hingga kini Ros tetap kecintaan daripada satu lelaki ke satu lelaki. Ada orang yang meramalkan bahawa Ros bersifat seorang pelacuran kelas atas.

Hadi kini dihinggapi penyakit sifilis. Dia terlantar di bawah pemeliharaan klinik Pejabat Kebajikan Masyarakat.

Hari Sabtu yang lepas aku melawat Hadi. Kedatanganku disambutnya berbesar hati.

"Dari mana Hadi, kau menerima penyari bunga raya?" Aku memajukan soalan.

"Dari perempuan," balasnya pendek.

"Siapa?" tanyaku.

"Dari Ros!" tegas Hadi ketawa.

"Kan biasanya mengikut perkataan umum pelacuran kelas atas seperti Ros tidak berpenyakit?"

"Selagi dikatakan perempuan selagi itu mempunyai penyakit. Kalau tidak berpenyakit perempuan hati kita disakitkannya."

Hadi menyambung katanya, "Penyakit perempuan sama seperti penyakit masyarakat iaitu membahayakan orang lain."

Mutiara, 2 Ogos 1950

Suami

DIA tidak mempunyai kerja selama tiga bulan, selama tiga bulan lebih pula dia tidak mempunyai kemampuan menanggung nafkah isterinya. Semuanya mencari jalan ke dalam kedai pajak. Dahulu dia bekerja sebagai seorang *fitter* di sebuah syarikat menjual motokar yang telah digunakan.

Awang dilepaskan kerja sebab sentiasa mengelakkan diri daripada datang bekerja. Sebanyak empat hari dalam seminggu bekerja Awang sering tidak menghadirkan dirinya bekerja disebabkan paksaan perantai malasnya. Awang tidak suka bangun pagi. Awang bangun selekasnya pukul 10:00 pagi. Pejabatnya tidak akan menerima sebarang pekerjaanya yang lewat datang dari masa yang telah ditentukan. Apabila dia tidak bekerja masa itu digunakan berulit dengan isterinya yang masih muda lagi rupawan, sebab Awang selalu sangat ponteng kerja tuannya terpaksa melepaskan kerja. Mulanya tuannya memberinya amaran, kalau dia tidak mengubah sifatnya yang malas datang kerja, dia akan dibuang kerja. Sebulan dia bekerja dengan lurus selepas menerima amaran tuannya. Selepas sebulan kemudian amaran tuannya telah dilupakan sama sekali. Dia mula tidak mahu datang bekerja. Tuan ini memberinya amaran untuk kedua kalinya. Kata tuannya,

"Kalau kau didapati mengelakkan diri datang bekerja juga kau akan dilepaskan kerja dengan bertempoh atau memberi amaran lagi!" Amaran tuannya dijaganya baik-baik untuk sekian lama. Kemudian perangai yang gemar berponteng bekerja kembali lagi. Seharusnya tuannya patut melepaskan dia bekerja dengan bertempoh atau memberi amaran untuk ketiga kalinya. Amaran yang ketiga ini juga dilanggarnya. Tuan itu terpaksa melepaskan dia bekerja.

Selama tiga bulan dia hanya makan, tidur dengan bergurau dengan isterinya di rumah. Wang dan perhiasan isterinya selesai digadai, mulalah dia mencari kerja ke sana ke mari. Hasilnya kosong. Kawannya seorang dua menjadi mandur menawarkan kerja sebagai buruh, dia menolak dengan katanya, "Aku tidak larat berkuli." Untuk menjadi kerani atau *store keeper* dia tidak mempunyai pelajaran yang semestinya. Untuk menjadi peon atau tambu disebabkan "Aku malu", pernah dia meminta kerja sebagai *fitter*. Harapannya tinggi sewaktu dia menerima balasan surat permintaannya. Harapannya tinggi, kata surat itu, "Tuan dipinta datang untuk kami memeriksa kebolehan tuan. Bawalah bersama surat akuan berhenti kerja dari tempat pekerjaan tuan dahulu. Oleh surat akuannya dibaca oleh kerani, kerani itu mengatakan kerja tidak ada kosong sebab surat berhenti dahulu berbunyi, "Dilepaskan kerja kerana selalu tidak datang."

Isterinya tidak dapat hidup memakan janji suaminya, "Sedikit hari aku akan dapat kerja, sabarlah!" Untuk hidup sedikit hari lagi inilah yang sedang difikirkan sangat.

Isterinya sekarang telah bekerja. Dia hanya bangun lambat dan duduk di rumah sahaja. Pagi-pagi hari lagi isterinya keluar pergi mencuci baju mengambil upah di rumah orang. Gaji yang diterima

atas mencuci kain baju tidak mungkin menjamin kehidupan yang sempurna. Isterinya mencuci kain baju di rumah seorang perempuan setengah tua. Kain baju yang banyak berlambak itu dipunyai oleh perempuan-perempuan jahat yang tinggal di rumah itu. Selama mencuci kain itu telinganya sering mendengar bahasa yang lucah. Keadaan hidup perempuan-perempuan itu dipelajarinya betul-betul. Sepanjang penglihatannya perempuan-perempuan itu hidup mewah, pakaian setiap hari bertukar sebab itulah dia sentiasa mencuci banyak kain baju.

Kalau perempuan-perempuan itu mungkin senang hidup, kenapa dirinya tidak. Mulalah dia membawa keinginan akan hidup seperti perempuan-perempuan itu.

Niatnya disampaikan kepada perempuan setengah tua yang memelihara perempuan-perempuan muda itu. Ibu itu tentu sahaja suka, dia sendiri mempercayai bahawa perempuan pencuci kain baju itu pada suatu hari tidak boleh tidak akan tertarik dengan kehidupan perempuan-perempuannya.

"Jadi, anak mahu jadi seperti Lisa?" tanya perempuan tua itu. Lisa ialah perempuan pelacuran yang paling cantik antara perempuan-perempuan di situ.

Isteri itu hanya mengangguk-anggukkan kepala.

"Anak mesti mempunyai pakaian yang cantik, kerana dalam pekerjaan semacam ini kita mesti memakai pakaian yang molek untuk menyegakkan diri kita. Betul lelaki bukan memandang dan ingin kepada pakaian kita, tetapi lelaki tidak akan memilih perempuan yang buruk kotor pakaiannya," kata perempuan tua itu.

"Betul kata mak," balas si isteri, kemudian menyambung, "Saya tidak ada pakaian apa lagi perhiasan-perhiasan biarpun yang murah, semuanya

telah digadai oleh suami saya yang belum juga ditebus-tebusnya."

"Jadi anak mempunyai suami, bagaimana dengan suami awak?"

"Kalau mak dan saya pandai menjaga rahsia, suami saya tentu tidak akan tahu."

"Senang kita menyembunyikan begini saja, emak akan membelikan pakaian dan perhiasan-perhiasan itu dahulu kemudian anak akan mengganti wang emak. Emak tidak mahu mengambil wang bunga dari wang pinjaman mak. Emak takut perut buncit makan bunga, cuma mak minta anak membantu emak yang telah tua ini bersedekah kepada emak lima puluh ringgit sebulan termasuk sewa bilik. Kalau anak tidak setuju emak tidak paksa, lebih anak fikir dahulu!"

"Tidak payah difikir-fikirkan lagi, mak. Saya mengikut perkataan mak. Mak lebih tua dari saya. Mak tentu tahu di dalam perkara ini lebih dari saya."

Perempuan tua itu tersenyum menerima pujian.

"Mak fikir anak setiap pagi datang ke mari dengan pakaian kerja, supaya suami anak tidak menaruh syak, tiba di sini barulah anak bertukar pakaian. Pakaian itu petang akan mak belikan." Perempuan tua itu sedang merenung dan mengira keuntungan yang akan diterima daripada perempuan itu.

"Bila saya mula kerja?" tanya si isteri.

"Besok, lebih lekas lebih baik."

Telah dua bulan lebih isteri itu hidup menjadi pelacur. Dia telah dapat membeli perhiasan dan pakaian dan menebus segala perhiasan-perhiasannya yang terpendam di dalam kedai pajak gadai. Suaminya tidak akan menggadai barang ini semula, kerana dia juga memberi belanja suaminya.

Suaminya bukan tidak mengetahui isterinya

telah menjadi pelacur. Hal ini diterimanya daripada kawannya yang pernah menemani isterinya. Suaminya hanya mendiamkan diri. Isterinya juga mengerti suaminya telah mengerti penghidupan yang dibawanya sekarang. Suaminya tidak memukul atau melarangnya. Kerana itu timbullah keberaniannya, dahulu dia hanya berdiam di dalam rumah perempuan tua. Kini dia telah berani mengikut sebarang lelaki berjalan ke sana ke mari.

Sekarang isterinya berpakaian dan berhias di rumah barulah berangkat ke rumah perempuan tua itu.

Kata isteri itu pada suatu hari, "Wang lima puluh ringgit yang kita berikan kepada perempuan tua itu lebih baik saya berikan kepada awak. Biar saya menggunakan bilik kita untuk menerima kawan-kawan kita."

Suami itu memberi persetujuannya.

Apabila ada lelaki yang datang isterinya hilang sekian lama di kamar sebelah. Suami itu keluar berjalan merayap entah ke mana.

Pada suatu petang sedang isterinya tidak ada di rumah, rumahnya didatangi oleh seorang yang mengatakan dirinya mata-mata gelap.

"Di mana isteri awak?" tanya orang itu.

"Entah ke mana, encik," balas suami itu.

"Katakan kepada isteri awak apabila dia balik, ini malam jangan menerima kedatangan lelaki, pihak polis akan menyerbu tempat ini."

Malam orang itu datang seorang diri.

"Mana isteri awak?" tanya orang itu.

"Di kamar sebelah encik. Saya ... saya tidak bersalah!" Suami itu menjawab dan merayu.

Orang itu menyelinap ke dalam kamar.

Lama nian suami itu menunggu orang itu keluar

dari kamar itu dan menanti penyerbuan polis-polis yang lain.

Semalam-malaman itu suami itu hanya menunggu hingga tertidur di serambi rumah seorang diri. Pagi-pagi buta ayam orang itu keluar bersama isterinya dari kamar itu. Orang itu berangkat seorang diri. Suami yang merasa girang isterinya tidak tertangkap. Belanjanya akan ditanggung oleh isterinya.

Mastika, September 1950

Keluarga Cik Man

KELUARGA Encik Man terdiri daripada Encik Man sendiri yang telah berusia kira-kira 40 tahun, isteri Encik Man telah meninggal dunia pada masa mudanya dahulu dengan meninggalkan tiga anak perempuan, kesemuanya masih hidup hingga ke saat ini. Anak-anak perempuan itu ialah Junasiah, Mon, dan Rohaya.

Encik Man dengan tenaga dan wangnya sendiri membesarkan ketiga-tiga anak perempuan itu hingga merupakan dan berusia anak-anak dara.

Junasiah.

Kakak. Dirinya yang tua sekali, sewaktu ibunya mati pada masa dia masih kecil dahulu, Junasiah di masa itu berusia enam tahun. Junasiah menangis hinggakan basah dimandikan air mata pipinya yang licin lagi putih. Kemudian menangis tidak berair mata lagi hanya sedu dan sedan. Akhirnya Junasiah pengsan melihat keranda ibunya diusung orang. Kalaulah tidak dek beberapa kaum ibu yang memegang sekuat-kuat hati kaki tangan Junasiah, Junasiah akan terjun lari mengejar jenazah ibunya.

Mon.

Mulanya menangis sewaktu merenung perempuan-perempuan yang datang menyingkap kain yang menyelubung mayat ibunya yang terlantar. Sewaktu

terserlah muka ibunya yang telah beku sejuk itu, Mon menangis dan berteriak.

"Mak! Mak! Ini Mon mak!" Perempuan-perempuan yang ramai hadir kebanyakan mengeluarkan sapu tangan untuk mengesat air mata masing-masing, air mata nan tumpah melimpah bukan kerana si mayat, tetapi kerana mengenangkan derita Mon yang tidak beribu.

Perempuan-perempuan itu cuba memujuk Mon agar berhentilah-hendaknya, "Ratapan anak yang malang itu".

"Sudahlah Mon, diam sayang, kan kami semua mak Mon juga!" kata Kak Munah sembari mendakap kepala Mon ke dadanya dan menepuk-nepuk belakang Mon dengan hiba, tetapi mata Kak Munah bergelinang cuba menahan banjir matanya.

"Kasihannya," ujar Tik kepada Cik Long yang bersimpuh, "Mon masih kecil lagi sudah tidak beremak." Tik langsung menyedu-nyedan.

Sewaktu Mon melihat kakaknya Junasiah meraung menghempaskan badan nan montel itu ke atas lantai yang beku dan meratap raya, "Mak janganlah tinggalkan Siah mak. Mak bawa Siah mak!" Mon meronta dari pelukan Munah dan turut menghempaskan diri dan ikut meratap seperti Junasiah. Mujur Tik cepat menangkap Mon yang sedang mahu berlari menurut jenazah ibunya yang baru selangkah dua diusung orang. Kau tidak mencari seorang perempuan pun yang tidak merembeskan air mata kerana timbulnya kasihan terhadap Mon dan Junasiah.

Rohaya.

Sewaktu melihat kakaknya Mon dan Junasiah menangis menghempas-hempaskan diri itu, Rohaya juga menangis tersedu-sedan berteriak dengan suara yang kecil yang tersekat nan parau. "Mak

tengoklah Kak Mon dan Kak Siah!" Aku, oh aku menangis di dalam hati. Mukaku kupalingkan ke pemandangan lain. Aku kalah dengan pemandangan sehiba ini. Aku yang berjiwa besi dan batu.

Hanya sekali sahaja Encik Man merintiskan air mata, menangis sepi tidak berlagu. Encik Man menghuraikan air mata pada kala isterinya yang sedang terbaring nazak didapatinya merenung tepat mukanya untuk kali yang terakhir. Mengertilah Encik Man pandangan isterinya yang dikasihinya membawa pesanan agar anak-anak yang tiga itu dipeliharanya baik-baik. Kian dirasa melimpah air mata Encik Man menerawang anak-anaknya yang sedang menangis bersila rapat di depan ibu mereka yang sedang berpergian.

Pagi-pagi lagi Encik Man membongkar kopor isterinya tempat tersimpan perhiasan-perhiasan suasa kepunyaan isteri dan anak-anaknya. Perhiasan-perhiasan itu dikeluarkan dan dibungkuskan ke dalam sehelai sapu tangan dengan perasaan rawan hiba. Barang-barang tidak sepertinya itu dibawanya ke kedai pajak. Dengan wang sekadar itu dan ditambah wang sedekah jiran dan saudara-maranya digunakan untuk menyelenggarakan mayat isterinya.

Sepanjang hari Encik Man hanya memikirkan nasib anak-anaknya pada masa depan.

Encik Man tidak bergilir-gilir memikul keranda isterinya hingga sampai ke kubur. Berkali-kali manusia yang berhati baik menawarkan tenaga untuk menggilir pikulan Encik Man, tetapi Encik Man menggeleng tidak memberikan pikulannya.

Telah sekaian lama isterinya meninggal dunia, tetapi Encik Man belum beristeri lagi. Berkali-kali dia telah dinasihati agar berkahwin. Sebaliknya Encik Man tidak sampai hati mengadakan ibu tiri untuk anak-anaknya.

Sejak itu Junasiah bekerja mencuci baju adiknya dan ayahnya, dan menggulai, dan memasak lauk. Mon menanak nasi dan menghidang sembari Rohaya mencuci pinggan dan mangkuk serta menyapu rumah.

Sewaktu Encik Man sedang bekerja ingatannya melayang ke rumah tangganya, mengenangkan nasib anak-anaknya yang tidak berteman di rumah. Apakah akan terjadi kepada ketiga-tiga anak itu kalau dirinya mengikut jejak isterinya. Lantaran itu pada masa Encik Man ditimpa penyakit, kendatipun hanya sakit sedikit sahaja, ingatan mati menekan perasaan Encik Man, maka Encik Man, pun menyebut kalimah al-Qur'an dan membaca ayat-ayat suci supaya dipanjangkan umurnya.

Rumah kecil Encik Man mengandungi sebuah dapur dan sebuah bilik kecil, sebuah serambi dan sebuah beranda. Kamar sempit ini dahulu menjadi kamar tidur dirinya dan almarhum isterinya, dan ketiga-tiga anak perempuan itu.

Dewasa Junasiah dan Mon telah meningkat usia dan Encik Man tidak tidur sekamar dengan anak-anaknya lagi, sebab Encik Man berasa kurang manis. Dalam keadaan serupa itu Encik Man menggulung tikar bantalnya tidur di serambi seorang diri.

Untuk mengelakkan dirinya daripada memelihara anak-anak perempuan yang telah besar, Encik Man berniat akan mengahwinkan anak-anaknya seberapa lekas. Sungguh menghairankan Encik Man – bukan Junasiah yang dipinang orang, malah Mon. Andai isterinya masih hidup, sudah tentu pinangan itu akan ditolaknyanya. Encik Man berpendapat kakak sepantasnya berkahwin dahulu baru diikuti adik yang tengah, kemudian tiba giliran yang bongsu.

Dek ingin melepaskan dirinya daripada memelihara anak gadis secepat mungkin, pinangan itu dite-

rimanya juga. Pada hari baik bulan baik terjadilah pernikahan, seterusnya persandingan antara Mon dan pemuda Hassan.

Baru beberapa bulan sahaja Hassan telah menjadi bujang semula dan Mon telah menjadi janda muda. Perceralan kedua-dua jejak-dara itu berlaku selepas berselisih dan bertengkar beberapa bulan lamanya.

Hassan terlalu sayang kepada isterinya. Disebabkan kasihnya yang tidak berbelah bagi itu Hassan tidak mengizinkan Mon membuat kerja yang bukan kerjanya. Berkali-kali Hassan memarahi Mon agar jangan menjadi hamba adik-adiknya dan ayahnya. Sewaktu dimarahi itu Mon berjanji kejadian serupa ini tidak akan berlaku lagi, sesudah dua tiga hari Mon terus bekerja dan membantu adik kakaknya memperkemaskan urusan rumah tangga. Hassan terus-menerus memarahi Mon supaya jangan memperhambakan dirinya.

Hassan untuk mengelakkan Mon menjadi hamba telah menjemput Mon berpindah ke rumah orang tuanya. Benarlah seperti kata pepatah darah itu lebih pekat daripada air, Mon tidak mahu memisahkan dirinya atau dipisahkan orang daripada ayahnya dan adiknya. Perasaannya mengutamakan keluarga dan lebih cinta daripada daging sendiri.

Entah berapa pinangan telah datang meminta tangan Junasiah dan Mon. Kedua-dua perempuan itu tidak mahu menerimanya. Mereka lebih suka berhamba untuk ayah dan kehidupan mereka sendiri daripada berhamba untuk suami yang tidak tahu memperhambakan diri.

Encik Man sedar untuk rumah tangga anaknya, dia tidak mahu berkahwin.

Ada masanya Encik Man mencapai kesimpulan, anaknya itu baru sudi bersuami kalau dirinya tidak

ada lagi, maka lahirnya ingatan Encik Man ingin lekas ditanamkan orang. Lupalah Encik Man kepada doa panjang umur, lupa, sengaja dilupakan.

Tetapi apabila dikenangkan apakah yang akan tertimpa kepada ketiga-tiga anaknya itu apabila dia telah maut. Setiap selepas sembahyang dan sebelum tidur Encik Man menadah tangan meminta Tuhan supaya memanjangkan umurnya. Encik Man sedang berfikir sama ada baik mati atau tidak.

Mutiara, 2 September 1950

Gelang Kaki

SEWAKTU anak-anak dara dahulu Bahriah telah dibelikan oleh ayahnya sedozen gelang kaca, sungguh girang dan besar hati Bahriah, keenam-enam gelang kaca itu dipakaikan di sebelah pergelangan tangan kanannya sembari yang baki enam lagi dipakainya di pergelangan tangan kirinya. Untuk memasukkan gelang tangan itu ke pergelangan tangannya Bahriah bersusah payah. Kalaulah tidak kerana bantuan dan fikiran ibunya, gelang-gelang itu tidak akan fucut ke pergelangan tangan Bahriah yang lebih besar daripada gelang-gelang yang dibelikan oleh ayahnya. Bahriah dipaksa melincinkan tangannya dengan sabun sembari gelang itu dengan mudah dimasukkan oleh ibunya.

Di dapur tempat Bahriah memasak sentiasa bising, gema sudip melaga kualiti tidak sedemikian berdenting, irama ikan ditumis tidak sebegitu berdesir, kalau dibandingkan dengan kegemerengangan gelang-gelang yang dipakai oleh Bahriah. Sewaktu berulang-alik di dapur, sewaktu memasak, sewaktu menggiling rempah lebih-lebih lagi menumbuk sambal. Bahriah sengaja melenggang-lenggangkan dan menggoyang-goyangkan tangannya berlebihan agar gelang itu berlaga dengan gelang - melahirkan irama yang lebih merdu daripada lagu "Pasir

Roboh" bagi Bahriah. Andainya dia mahu menunjukkan kepada kedua-dua ibu bapanya bahawasanya dirinya betul-betul bekerja keras di dapur gelang-gelang itu sengaja diperlagakan oleh Bahriah. Mendengar irama pertemuan gelang dengan gelang itu, ibu dan ayahnya berpandangan lantas tersenyum, kedua-duanya mengerti maksud Bahriah melagakan gelang-gelang itu.

Dewasa ini Bahriah telah bersuami. Suaminya telah membelikan untuk isterinya yang dikasihi sepasang gelang kaki perak celup emas. Hadiah gelang kaki suaminya disimpannya baik-baik tidak digunakan di dapur atau di rumah, tetapi digunakan khas apabila menghadiri majlis-majlis pengantin apabila diterimanya jemputan walimatulurus. Bahriah masak dan menghidangkan lebih lekas daripada biasa untuk menyelenggarakan urusan yang lebih penting malah lebih penting daripada yang penting. Urusan menggosok gelang kakinya dengan asam dan bedak-supaya gelang itu betul-betul berkilat macam emas layaknya. Sewaktu Bahriah duduk bertimpuh di rumah pengantin Bahriah sengaja menyingkapkan ke atas kainnya yang labuh supaya gelang kaki itu kelihatan oleh tetamu-tetamu yang lain. Bahriah sentiasa berpendapat gelang-gelang kaki yang dipakai oleh perempuan yang lain sewaktu di dalam mana-mana majlis pun bukanlah kepunyaan mereka sendiri tetapi disewa untuk sehari dua sahaja dari kedai-kedai emas, lantaran inilah Bahriah bermegah-megah dengan gelang kakinya yang dipunyainya sendiri.

Kebelakangan ini, pada zaman atom, Bahriah betul benci pada perubahan yang dibawa oleh pengarang zaman sekarang. Katanya pengarang sekarang bodoh, gila, keparat, dan tidak pandai mengarang seperti pengarang-pengarang dahulu.

Karangan zaman sekarang kebanyakannya susah untuk difahami dan susah betul hendak diertikan perkataan yang digunakan mereka. Walaupun jiran Bahriah mengatakan kesalahan itu bukanlah terletak pada pengarangnya tetapi pada otak pembacanya yang masih perlu diasah lagi dan pembacanya yang enggan belajar perkataan-perkataan baru sebab tidak suka pada karangan-karangan moden. Bahriah semata membaca hikayat-hikayat tua seperti *Amir Hamzah*, *Malik Saiful Lizan*, *Gul Bakawali*, *Dandan Setia*, *Siti Zubaidah*, *Tajul Muluk*, syair-syair lama dan lain-lain lagi. Sewaktu membaca hikayat-hikayat tua Bahriah membacanya dengan lagu yang berlainan dengan lagu yang digunakan sewaktu membaca syair, sewaktu menyikat kutu dengan tidak payah menengok kitab-kitab lagi, Bahriah akan bersyair.

Betulkah Bahriah memang tidak suka kepada perubahan?

Dewasa sibuk orang membicarakan bagaimana kekecohan kaum ibu zaman 50-an menuntut hak kebebasan yang penuh, dan mendesak supaya undang-undang kahwin paksa diharamkan. Marah Bahriah bukan kepalang, sampaikan Bahriah tergamak menuduh perempuan-perempuan zaman atom murtad. Kata Bahriah, "Saya tidak bebas, saya dikahwin paksa. Kenapa saya banyak kenalan dan hidup berpuluh-puluh tahun tidak bercerai di samping suami. Orang-orang sekarang, hari ini berkahwin besok sudah bercerai. Inilah alamatnya dunia hendak kiamat!" Marah betul Bahriah, betul marah.

Bahriah antiperubahan.

Tegasnya setiap hari Bahriah menyumpah dan menyeranah tingkah pemuda dan wanita zaman atom, "Sudah pandai berbaju jarang, bijak menulis surat cinta, jalan berpimpin tangan, bergaun pendek memakai lipstik dan apa-apa stik lagi."

Bahriah tidak suka pada perubahan.

Gadis moden Zabedah yang berdiam di sebelah rumah Bahriah hingga jelak dan jemu mendengar leteran Bahriah.

Pada suatu hari Zabedah bertanya kepada Bahriah, "Kak Yah, kenapa Kak Yah benci pada perubahan?"

Mengumpat pada perubahan-perubahan yang dibawa oleh pemuda-pemudi sekarang ini Bahriah mengatakan, "Apa gunanya perubahan-perubahan, apa gunanya moden kalau tidak dapat menggunakan gelang kaki. Menggunakan gelang kaki bagi orang sekarang menandakan kolot." Bahriah lantas mengeluarkan dari rumbungan gelang kakinya yang berkilat itu membuktikan bahawa gelang kaki ini sentiasa digosoknya, tetapi tidak dipakainya.

Zabedah di rumahnya menceritakan kepada adik kakaknya Bahriah tidak suka pada perubahan dan moden sebab tidak dapat memakai gelang kakinya.

Hiburan 23, September 1950

Masuk Peraduan Bersyarah

DI DALAM bilik yang pintunya bertutup rapat, di hadapan cermin besar ibunya, Yassin belajar bersyarah, dengan menghentak mejanya sambil menatap lakonannya yang terbayang pada cermin itu. Dengan suara kuat Yassin berpidato seorang diri, "Kita orang-orang Melayu hendaklah maju ke hadapan, dengan bersatu padu kita tentu maju, dengan berpecah belah kita pasti runtuh!" Kemudian Yassin berhenti sebab tidak dapat membaca tulisan yang dipegangnya itu. Syarahan itu bukanlah Yassin membuatnya tetapi dibuat khas oleh cikgunya untuk syarahan Yassin di dalam peraduan syarahan yang akan diadakan pada minggu hadapan.

Sekali lagi Yassin meneruskan gaya dan syarahannya, dengan tidak disedarinya ayahnya dengan sunyi telah menyelinap ke dalam bilik itu. Teriak Yassin, "Kelemahan orang-orang Melayu dan kejatuhan orang-orang Melayu disebabkan perasaan dengki dan hasad, pada zaman serba kemajuan ini, pada zaman atom ini, kita orang-orang Melayu (Yassin mengangkat suaranya sekuat-kuat hati dan menumbuk meja) mestilah mengikis dan menghapuskan perasaan dan fahaman-fahaman sempit!" Ayah Yassin yang sejak tadi berdiam diri di muka pintu menepuk tangannya menyambut pidato Yassin. Yassin ter-

kejut dan menoleh ke belakang dengan tersipu-sipu. Kata ayah Yassin, "Bagus syarahan kau, teruskan lagi!"

Yassin malu bersyarah di hadapan orang tuanya. Ayah Yassin menyambung lagi, "Kalau sekarang kau malu bersyarah di hadapan aku, bagaimana nanti kau akan bersyarah di hadapan khalayak ramai? Begini Sin, kalau kau betul-betul mahu bersyarah dengan bagus, kau sentiasa mesti ingat bahawa di hadapan kau, bukanlah orang ramai, tetapi sahabatmu yang paling karib, kau bukan sedang bersyarah, kau sedang bertikam lidah dengan kawan kau itu."

Yassin hanya membisukan diri.

"Biar kutengok syarahan kau." Yassin memberikan syarahan yang dibuat oleh cikgunya ke tangan ayahnya.

Ayah Yassin membaca syarah itu, sebentar ayah Yassin dengan penanya memotong isi syarahan yang telah dibuat oleh cikgu Yassin itu.

Kata Yassin cuba menyanggah perbuatan ayahnya, "Pak, nanti cikgu marah bapak memandaimandai dengan karangan cikgu."

Balas orang tua itu, "Takkanlah cikgu kau marah, kalau orang membetulkan sesuatu yang salah."

"Tetapi cikgu Sin tidak suka orang membetulkan karangan-karangannya," balas Yassin mengagak buta.

"Tiap-tiap perbuatan yang salah itu mesti dibetulkan," tegas orang tua itu berkeras.

Karangan syarahan yang awal itu telah dipotong-potong dan ditambah-tambah.

Yassin melihat ayahnya tidak berhenti daripada mencensor karangan syarahan cikgunya, lantas menangis. Yassin takut esok ketika cikgu melihat bahawa karangannya telah dipotong ditambah,

tentu cikgu akan memukulnya sekurang-kurangnya memarahinya. Yassin teringat dalam membuat syarahan itu di sekolah tadi, cikgu itu berpenat lelah membalikkan beberapa buku dan berfikir panjang. Syarahan itu memakan masa lebih kurang tiga jam untuk membuatnya.

Dengan marah orang tua itu menengking Yassin supaya memberhentikan tangisannya. Yassin terus meraung dan terus-menerus bertambah kuat. Tidak sabar tangan orang tua itu menampar pipi Yassin memaksa Yassin diam, sebaliknya tangisan Yassin semakin kuat. Pada masa itu juga, kerana mendedingar tangisan anaknya yang dikasihinya, ibu Yassin tergesa-gesa menerpa ke dalam bilik itu. Ibu Yassin tidak menyuruh Yassin memberhentikan tangisannya, malah suaminya yang dimarahinya sebab memandai-mandai diri mengubah karangan cikgu. "Awak bijakkah?" kata ibu Yassin mencekakkan pinggang. "Pandai-pandai mengubah karangan cikgu, ukur diri awak dahulu, sedangkan mengarang surat awak mengupah orang membuatnya!"

"Bagaimana kalau bapanya tidak boleh mengajar anaknya sendiri?" balas ayah Yassin berputus asa lantas meninggalkan bilik itu.

Barulah Yassin berhenti daripada menangis, "Mak," ujarinya, "Paksa ayah memadam apa-apa yang telah dituliskannya."

Yassin di sekolah betul-betul bermegah bahawa dirinya telah dipilih memasuki peraduan bersyarah. Yassin apabila dipandang oleh murid yang lain, sengaja mengeluarkan karangan syarahannya dari saku, lantas menghafal di hadapan murid-murid lain. Kata Ali, temannya, "Yalah ini masa tidak berasa takut atau apa-apa, nanti di hadapan orang ramai timbul darah gemuruh, tahun dahulu aku pun begitu juga, aku dengan berani maju naik berdiri di atas

pentas, tetapi apabila aku melihat banyaknya manusia di hadapan aku, aku rasa macam mahu buang air kecil dan buang air besar, perutku terbalik, tekakku tiba-tiba jadi dahaga, bajuku basah dimandi peluh, kurasa aku mahu lari turun dari pentas itu. Pada masa itu orang ramai bertepuk tangan, semakin aku menggeletar. Pengerusi yang duduk di sebelah aku menganggukkan kepalanya menyuruh aku memulakan syarahanku. Mahu atau tidak aku terpaksa memulakan syarahan aku. Aku terasa sewaktu aku bercakap itu, suaraku gugup."

"Aku!" tingkah Yassin, "Biasa mengaji dan berzanji dan bernyanyi di hadapan orang ramai dan bersyarah walaupun di hadapan berjuta-juta orang. Itu perkara kecil bagiku."

Setiap kali ibu Yassin menziarahi ke rumah jiran-jirannya atau jiran-jiran itu menziarahi rumah Yassin, ibu Yassin tidak lupa mengingatkan kepada jiran-jirannya itu, bahawa anaknya Si Yassin akan masuk peraduan bersyarah dan mengatakan yang syarahan itu dibuat oleh Yassin sendiri, lantas diceritakan bagaimana pandainya dan berani semangat Yassin bersyarah dengan tidak payah menengok surat lagi dan tidak gagap, dan juga Yassin pandai memainkan-mainkan tangannya untuk memperkuatkan syarahannya.

Jiran-jiran itu pun menceritakan bagaimana perasaan mereka sewaktu berkata di depan orang ramai dahulu, dan memberikan berbagai-bagai nasihat bagaimana mahu menghilangkan darah gemuruh sewaktu bersyarah, bernyanyi, berkhatam, dan seterusnya di depan khalayak yang ramai.

Malam Jumaat itu telah dicadangkan akan memanggil lebai supaya membuat air doa mengerasakan dan memberanikan hati Yassin.

Selepas Yassin diberi minum air pemberani hati,

di depan jiran yang berkumpul ramai tu, Yassin disuruh oleh ayah dan ibunya mengeluarkan syarahannya. Dengan tidak kaku dan teragak-agak lagi Yassin berdiri dan terus melafazkan syarahannya dengan memainkan tangannya dengan bersemangat. Semua jiran itu mengatakan air doa bilal kita sungguh mujarab. Jiran-jiran tersebut pada masa itu juga meminta bilal membuatkan air doa untuk anak-anak mereka yang bodoh, bebal, susah mengenal huruf, dan tidak khatam baca Qur'an. Atas syarahan dan pembawaan Yassin, sebagaimana dari jiran itu mengatakan, Yassin betul macam Bung Karno sedang berpidato, tak ubah sebagaimana Nehru....

Yassin berasa megah, kepada sesiapa yang bertanya kepadanya siapa yang membuatkan syarahan itu, Yassin mengatakan dirinya sendiri. Kata mereka Yassin dewasa besar nanti akan menjadi seorang pengarang yang handal, sedangkan pada masa kecil lagi sudah bijak membuat syarahan serupa itu.

Sebelum berangkat ke majlis syarahan itu ibu Yassin memaksa Yassin meminum tiga gelas air pemberani hati yang telah dibuatkan khas oleh bilal itu....

Dalam majlis itu, tempat yang di hadapan sekali, dipenuhi oleh famili-famili dan jiran-jiran biasanya, semuanya mahu dekat-dekat melihat Yassin bersyarah.

Kepada sebarang perempuan yang bersalam-salam dengan ibu Yassin, ibu Yassin dengan segala senang hati menceritakan kepada orang-orang yang bersalam dengannya bahawa anaknya itu mengambil bahagian dalam peraduan syarahan malam ini, anaknya petah berpidato dan anaknya tentu berjaya merebutkan johan pensyarah malam ini.

Pukul lapan tepat, majlis syarahan dimulakan.

Mengikut undian Yassin ialah peserta nombor

lima. Ibu Yassin mengatakan tidak adil, sepatutnya Yassin berpidato dahulu kemudian baru pensyarah-pensyarah yang lain.

Lepas seorang, seorang pensyarah kanak-kanak itu bangun memberikan pidatonya, sungguhpun ada antara pensyarah-pensyarah itu yang teragak-agak memberikan pidatonya tetapi pidato-pidato mereka sungguh berisi.

Kepada perempuan-perempuan yang duduk di sebelah-menyebelahnya, ibu Yassin tak putus-putus mengatakan bahawa syarahan anaknya lebih bermutu lagi. Pensyarah-pensyarah yang lain itu syarahannya dibuatkan oleh cikgu masing-masing, berlainan dengan anaknya Yassin dengan tiada bantuan sesiapa pun, dia mengarang syarahannya sendiri.

Akhirnya tibalah masa Yassin untuk memberikan pidatonya. Yassin bangun mendadak menaiki pentas. Jiran-jiran Yassin semua bertepuk tangan, biarpun orang lain telah berhenti bertepuk tangan, ayah Yassin masih lagi bertepuk tangan. Yassin belum juga melakukan pidatonya. Orang ramai mula menjerit meminta Yassin meneruskan pidatonya. Yassin membetulkan pendiriannya dengan tidak sengaja Yassin batuk-batuk kecil. Penonton-penonton mula ketawa mendengar Yassin batuk, apabila diketahuinya dirinya diketawakan orang, air matanya tidak dapat ditahan lagi. Yassin lantas lari dari podium itu.

Pensyarah lain dijemput memberikan syarahan mereka.

Mutiara, 2 Oktober 1950

Sharifah

SEJAK Pak Karim berpindah dari kampung itu, Kadir yang berumur 10 tahun berasa sunyi disebabkan hilang kawan-kawan sepermainan. Anak-anak Pak Karim yang tiga orang dan yang sebaya dengan Kadir turut berpindah mengikut bapanya.

Dahulu tiap-tiap hari selepas balik sekolah, selepas makan, Kadir terus ke rumah Pak Karim, bermain dan bergurau dengan anak-anak Pak Karim. Pak Karim bekerja jadi buruh *Municipal*. Kalau hari minggu semasa Pak Karim tidak kerja selalu juga Pak Karim campur bermain dengan anak-anak itu, kerana inilah Pak Karim biasa dileterkan oleh isterinya dengan katanya, "Dah tua bangka beranak tiga masih mahu jadi budak-budak lagi, keparat, buang tabiat!" Semakin dileterkan semakin Pak Karim bermain bersama-sama anak-anak itu.

Ibu bapa Kadir tidak pernah melarang walaupun pernah juga Kadir tidur dan makan di rumah Pak Karim. Pak Karim dan ayah Kadir berkawan rapat. Kedua-duanya selalu berbual-bual sewaktu malam hari tentang belanja hidup, siasah, harga beras, ikan, gula, dan bermacam-macam perkara lagi.

Tetapi kini Kadir tidak berteman lagi. Kembal dari sekolah Kadir berasa lesu, tidak tahu apa yang akan dibuat atau dimainkannya. Sungguhpun di

dalam kampung itu ada kanak-kanak lain, tetapi Kadir tidak pernah kelihatan bercampur bermain dengan kanak-kanak itu. Kadir sendiri enggan dan berasa segan bermain dengan kanak-kanak itu, sebab kanak-kanak itu walaupun waktu bermain tetap memakai pakaian-pakaian yang menarik dan baru, Kadir berasa bahawa bajunya yang buruk lagi bertampal-tampal berbeza penaka langit dengan bumi. Suatu sebab lagi Kadir tidak mahu bermain dengan budak-budak itu ialah kerana ibunya sering memarahinya dan menasihatinya agar jangan bermain dengan budak-budak itu lagi. "Budak-budak itu," kata ibu Kadir apabila melarang anaknya bermain dengan mereka, "Anak orang-orang kaya, tidak setaraf bermain dengan kau yang miskin dan papa, kau tak ada malu bermain dengan mereka. Bandingkan saja pakaian kau dengan pakaian budak-budak kaya itu, lain kali aku jumpa kau bermain dengan mereka kau akan kupukul hingga berjalur lebam belakang kau dengan rotan!"

Sebulan lamanya Kadir tidak mempunyai kawan-kawan sepermainan.

Semalam suatu famili baru telah berpindah ke rumah Pak Karim yang telah lama kosong. Riang betul hati Kadir apabila melihat seorang buruh Cina sedang menurunkan barang dari atas lori lalu dibawa ke dalam rumah itu. Kadir riang kerana berharap keluarga yang baru pindah itu biarlah orang yang miskin semacamnya dan hendaknya mempunyai anak-anak yang sebaya dengannya juga agar dirinya mempunyai teman untuk bergurau. Kadir percaya keluarga yang akan tinggal di dalam rumah itu terdiri daripada keluarga yang miskin seperti ibu bapanya juga, sebab barang-barang yang diturunkan dari atas lori bukanlah barang-barang yang pelik atau mahal. Barang-barang itu hampir serupa

dengan barang-barang yang didapatinya di rumahnya sendiri. Hingga petang Kadir menanti keluarga baru itu. Petang hari, seorang lelaki tua datang dan mengunci dengan mangga besar pintu rumah itu, kemudian orang tua itu berjalan entah ke mana. Mulanya jiwa Kadir mendesak menyuruh dia bertanya kepada orang tua itu, apa dia yang tinggal di rumah itu? Dan sama ada dia mempunyai anak-anak yang sebaya dengannya atau tidak. Tetapi Kadir tak jadi bertanya sebab dia takut dimarahi oleh orang tua itu.

Pagi sewaktu pergi sekolah Kadir melintas di depan rumah itu, hati Kadir kesal sebab rumah itu masih bermangga lagi. Kadir terus ke sekolah dengan hati yang dukacita.

Sekali lagi Kadir melintas di depan rumah itu sewaktu balik sekolah. Kali ini Kadir ria dan girang, kerana didapati pintu rumah itu telah terbuka, begitu juga tingkap-tingkapnya. Lama Kadir menunggu di depan rumah itu, kalau-kalau ada anak-anak yang keluar dari rumah tersebut. Tetapi niatnya tidak dilangsungkan oleh sebab perasaan malu mempengaruhi jiwanya. Dengan hati nan hiba Kadir kembali ke rumahnya. Makanan yang dihidangkan hanya sedikit sahaja yang dimakannya. Hatinya susah, rasa mahu dia menangis kerana harapannya akan mempunyai teman tidak berhasil.

Seminggu Kadir lalu di depan rumah itu pagi dan petang, tetapi tidak kelihatan seorang kanak-kanak pun. Mahu dia masuk bertanya, malu, malu, malu, menyekat langkahnya.

Pada hari yang lain, sewaktu Kadir kembali dari sekolah dia melintas di depan rumah itu. Kadir terperanjat memerhati seorang kanak-kanak perempuan berdiri di depan rumah itu. Dengan tidak disengajakan Kadir memandang anak perempuan yang

cantik itu. Kanak-kanak perempuan itu tersenyum melihat Kadir. Tersipu-sipu Kadir kembali ke rumahnya.

Di rumah Kadir bertanya kepada ibunya siapa yang telah berpindah ke rumah Pak Karim.

Dengan marah ibunya menjawab, "Kalau kunampak kau pergi ke rumah itu, kau akan kupukul!"

Kadir kehairanan mendengar kemarahan ibunya.

Perasaan Kadir untuk berkenal-kenalan dengan anak itu semakin kuat. Anak itu dilihatnya hanya bermain seorang diri, tetapi dia tidak tahu bagaimana akan memulakan perkenalan itu. Malu, malu, malu!

Kadir dapat akal untuk berkenalan dengan budak itu. Kadir sengaja menendang-nendang bola tenis di depan kawasan rumah itu. Pada masa tidak seorang pun yang melihat tingkahnya, Kadir dengan sengaja menendang bola masuk ke dalam rumah itu. Dengan langkah perlahan Kadir masuk ke dalam kawasan rumah itu, lalu buat-buat mencari bolanya yang hilang. Hilang semangat Kadir sewaktu merasa belakangnya dicuit orang. Kadir menoleh ke belakang dengan penuh harapan bahawa bukan lain daripada anak perempuan itu yang menjamah belakangnya. Tetapi....

Tetapi betapa kecewanya ... di belakangnya berdiri orang tua yang dilihatnya tempoh hari dan di tangan orang tua itu terenggam bola yang sengaja ditendangnya masuk ke dalam kawasan itu.

Menghulurkan bola ke tangan Kadir orang tua itu berkata, "Kau kehilangan bola?" tiada tanda kemarahan dalam percakapannya.

Kadir takut mengatakan bolanya yang hilang, takut kalau bola itu telah memecahkan sesuatu barang, tentu nanti dia dimarahinya. Kerana itu Kadir hanya membisu.

Bola itu diserahkan ke tangan Kadir dengan katanya, "Nah, ini bola kau yang kujumpai tadi!"

Pada kala itu juga anak perempuan yang cantik itu berlari-lari memeluk pinggang orang tua itu. Mata Kadir tidak berkedip-kedip memandang anak perempuan itu. Hal ini disedari oleh orang tua itu, lantas katanya, "Ini Marhamah."

Sambung orang tua itu lagi, "Aku tahu kau tinggal di hujung sana, kerana itulah aku suka kalau kau menemankan Marhamah bermain." Kepada Marhamah orang tua itu berkata, "Mah, main dengan ...!"

"Siapa nama kau?" tanya orang tua itu.

Ringkas dijawab, "Kadir, pak cik". Rasa takut mula hilang.

"Mah, main sama Kadir, bapa, ada kerja di dalam!" Orang tua itu menyelinap ke dalam rumah.

"Mari kita main lempar-lempar bola!" ajak Marhamah. Kadir masih segan.

"Lekaslah!" ujar Marhamah sebagai suatu perintah. Dengan sendiri tangan Kadir melempar bola itu, sempat disambut oleh Marhamah. Sejak itu mereka terus bermain seolah-olah mereka telah kenal biasa.

"Mari!" suatu suara memanggil. "Mari sini. Jangan main bersama budak itu!"

Kadir berhenti bermain apabila mendengar panggilan itu, tetapi Marhamah terus mengajaknya bermain. Kerana berkali-kali diseru Marhamah tidak menghiraukan panggilan itu, ibu Marhamah rapat kepada Marhamah, dipegangnya dan diseretnya Marhamah yang meronta-ronta mahu bermain. Kata perempuan itu dengan marah, "Mar, kau Sharifah, tidak sekupu, tidak setaraf bermain dengan anak itu. Dia bukan orang seperti kita!" Kepada Kadir, "Kau jangan ke mari lagi, tahu!"

Kadir lari kembali ke rumahnya dengan tangisan - dipeluk ibunya. Suaranya parau bertanya kepada

ibunya, "Mak, apa makna Sharifah, kenapa kita tidak boleh bercampur dengan Sharifah?"

Mastika, November 1950

Pagar Bukan Penjara

KALAU kau melawat atau melintasi rumah orang kaya lagi berbangsa itu, pemandangan kau pertama sekali akan ditarik oleh sebuah pagar zink merah yang tinggi melepasi kepala. Beranda rumah itu pula ditutup dengan bidai rapat yang baru. Kau menduga, dugaan kau memang tepat, tuan rumah itu adalah seorang yang berfahaman dan hidup secara kolot. Dia masih tetap dan akan mempertahankan fahamannya hingga akhir hayatnya bahawa kaum ibu tidak berhak dan tidak pantas sama sekali diberi hak kebebasan, dan tempat sejati kaum ibu mengikut pendapatnya ialah di dalam kawasan rumah tangga dan berdosalah kaum-kaum ibu yang memandang wajah lelaki.

Orang kaya ini mendirikan pagar-pagar zink yang tinggi itu sebab tidak mengingini sebarang orang lelaki lalu lintas di hadapan rumahnya memandang anak perempuan dan isterinya yang berada di dalam kawasan rumahnya. Juga bidai-bidai itu dipasangnya untuk menyekat pemandangan daripada mata sebarang lelaki melihat anak gadisnya yang selalu setiap hari berbual-bual di beranda rumahnya.

Anak daranya bernama Rahmah telah berumur 21 tahun tetapi belum pernah bersuami lagi. Bukan

tidak ada orang datang meminang Rahmah. Sebaliknya ayah Rahmah menolak tiap-tiap pinangan itu kerana peminang itu tidak sekupu dengan dirinya atau harta peminang tidak setinggi ukuran hartanya. Orang kaya itu tidak akan mengahwinkan Rahmah kalau bukan dengan orang yang berharta lagi sebangsa dengannya.

Sebagai seorang perempuan yang telah cukup umurnya, sebagaimana perempuan-perempuan lain juga, Rahmah tetap mempunyai kemahuan dan perasaan untuk bersuami. Pada pandangan dan fahaman Rahmah suaminya tidak perlu kaya, biar apa bangsa pun asal beragama Islam sahaja, warna juga tidak menjadi soal, tetapi suami itu mestilah mengasihi dirinya dengan betul-betul menjalankan kewajipan seorang suami. Perasaan itu tidak diterangkan kepada ibu bapanya. Kalaupun perasaan itu disampaikan kepada ayahnya, dia tidak akan menghiraukan hal ini sebab kekuasaan penuh terletak pada dirinya, dia yang berkuasa sama ada mahu mengahwinkan Rahmah atau tidak.

Rahmah telah bertekad jika dirinya tidak dapat bersuami dengan cara yang halal dia akan bersuami dengan apa jalan sekalipun, biarpun dengan jalan haram. Gadis bebas, fikir Rahmah, dan semakin difikirnya dalam-dalam semakin sakit hati Rahmah memikirkan keuntungan gadis-gadis moden yang mempunyai tunangan, mata air berjalan bersama-sama ke sana ke mari.

Tetapi Rahmah tidak mempunyai seorang teman lelaki pun, dunianya sempit bertambah pula dilingkungi pagar zink yang mengatasi kepala itu.

Andainya dia ingin makan angin berjalan-jalan di tepi pantai, atau menonton filem, melihat sandiwara sekali-sekala dengan segera akan dibenarkan oleh ayahnya. Ayahnya akan memerintah keretanya yang

berlangsir tingkapnya membawa Rahmah bersama ibunya. Rahmah tidak dibenarkan keluar dari rumahnya melainkan mesti berteman dengan ibunya. Drebar itu mesti menunggu dengan keretanya kalau Rahmah singgah di mana-mana. Dalam pengertian yang sejati drebar itu bukan sahaja bersifat drebar semata-mata malah menjadi pengakap sulit orang kaya itu. Ahmad akan menceritakan kepada orang kaya itu tingkah laku Rahmah dan ibunya.

Mulanya tidak terlintas sedikit pun di dalam fikirannya bahawa Ahmad seorang lelaki. Ahmad dianggap selama ini hanya sebagai seorang gaji, lebih tidak kurang pun tidak. Baru kini disedarinya bahawa Ahmad ialah seorang lelaki muda berusia 30 tahun, mempunyai badan tegap, sentiasa berpakaian putih dan boleh dijadikan suami. Dewasa Rahmah sedar akan keadaan Ahmad yang sebenar-benar, Rahmah jatuh hati pada Ahmad. Kedua-duanya mula berbalas-balasan pandang. Kemudian pandangan itu mengandungi pengertian pula.

Kendatipun Rahmah ingin berkata-kata dengan Ahmad tetapi peluang untuk berkata-kata itu tidak terbuka, sebab itu Rahmah memperbuat perhubungan cinta dengan Ahmad melalui surat-menyurat. Pada permulaan surat itu hanya mengandungi kata-kata percintaan semata-mata tetapi kebelakangan ini isi-isi surat itu penuh dengan perkataan-perkataan yang bernafsu.

Pada suatu malam mereka telah berjaya mengadakan suatu pertemuan sulit di belakang rumah Rahmah. Semenjak pertemuan pertama ini berkali-kali mereka mengadakan pertemuan sulit pada malam hari, di tempat tersebut juga.

Rahmah kini sedar bahawa dirinya telah berbandan dua. Untuk menghapuskan malu yang bakal menimpa diri dan familinya Rahmah telah menye-

rahan segala perhiasannya kepada Ahmad, supaya dijual oleh Ahmad, dan wangnya hendaklah dijadikan wang hantaran bagi meminang dirinya.

Pinangan Ahmad telah ditolak dengan kata-kata penghinaan, malah Ahmad terus dilepaskan kerja.

Keadaan Rahmah berbadan dua telah diketahui oleh ibunya, ibunya pula menyampaikan kepada ayahnya, ayahnya pula sebagai seorang anggota masyarakat yang terkemuka takut hal ini diketahui oleh masyarakat umum dan pasti menimbulkan malu. Untuk menutup malunya ayah itu pula terpaksa memujuk Si Ahmad supaya sudi berkahwin dengan Rahmah dan menjadi menantunya dengan janji segala belanja kahwin ditanggung olehnya.

Enam bulan setelah bersuamikan Ahmad dengan jalan halal, mereka telah mempunyai seorang anak, kini ibu bapa Rahmah telah menawarkan kepada Ahmad, sekiranya Ahmad mahu menceraikan Rahmah mereka akan menghadaiahkan wang seribu ringgit. Ahmad lantas menerima hadiah itu dan menceraikan Rahmah dengan fikiran, iaitu dengan seribu ringgit itu dia mungkin membeli perempuan pelacuran ataupun perempuan rumah tangga yang lebih cantik dan lebih menarik.

Mutiara, 2 Disember 1950

Jiwa Seorang Pengarang

SEWAKTU saya melawat dia sedang membaca sebuah buku Inggeris yang besar bernama *The Art of Writing* (cara mengarang). Matanya dan minatnya ditumpukan betul kepada buku itu kerana telah dua kali saya memberi salam, kawan saya itu belum juga mendengar dan belum menjawab lagi. Oleh sebab ingin bergurau, belakang kawan saya itu saya tepuk membuatnya terperanjat dan bukunya jatuh ke lantai.

Saya ketawa dan kata saya, "Tidak mengarang apa-apa hari ini?" Saya mengeluarkan pertanyaan itu sebab ganjil betul perengal kawan saya pada hari itu. Biasanya sewaktu saya melawat ke rumahnya kawan saya itu tetap sedang menulis, macam-macam yang ditulisnya, cerita pendek, sajak, rencana panjang dan pendek, terjemahan, cerita-cerita sandi-wara.... Setiap karangan itu pasti memakai nama samarannya. Selepas dicipta sesuatu karangan kawan saya itu akan menyalin ke atas kertas yang lebih sempurna dan tulisan yang lebih cantik manakala kebersihan menulis itu juga terjaga. Pernah saya menanyakan kepadanya kenapa membuang masa, tidak terus dihantar karangan itu. Dia terseenyum memandang saya seolah-olah membodohkan saya dan lalu menerangkan sebab-musabab kenapa

dia berlaku demikian. Lebih dahulu dia mengkritik habis pemimpin-pemimpin majalah, katanya pemimpin-pemimpin majalah – agaknya tidak mempunyai perasaan – melukakan hati beberapa pengarang. Kawan saya ini mengatakan bahawa sukmanya beberapa kali telah tersinggung disebabkan karangannya yang dihantarkan ke beberapa majalah tidak dimasukkan ke dalam ruangan majalahnya. Kawan saya itu seterusnya merungut mengatakan kertasnya berkajang-kajang, sampulnya berpuluh-puluh habis, dakwat tidak berkira melimpah, mata pena hinggalan haus, tangan lenguh penat melancarkan pena, kepala pening dan pusing memikir dan mencari bahan karangan tetapi karangan yang telah diusahakan dengan susah payah, dengan letih jerih tidak menerima sambutan, bertambah lagi karangan-karangan yang tidak diterima itu, tidak dikembalikan, entah ke mana gerangan perginya, agaknya rebah ke dalam bakul. Ataupun dikoyak berkeping-keping dan mungkin jadi pula selama-lamanya akan bertapa di dalam laci meja pengarang. Perbuatan-perbuatan serupa ini dianggap oleh kawan saya sebagai membinasakan pengarang. Sebagai membuktikan tegasan ini kawan saya menjelaskan bahawa bukan semua pengarang itu akan mengingat apa yang telah dikarangnya. Kawan saya itu mahu tiap-tiap karangan yang tidak diterima dikirirkan balik kepada tuan yang punya agar pengarang itu dapat mengirirkan karangannya ke tempat yang lain.

Sungguhpun saya terasa kebenarannya kata-katanya itu, saya telah meninjau jauh lalu saya mengatakan, “Ada faedah yang besar karangan-karangan itu tidak dikembalikan semula.”

Dengan hairan kawan saya bertanya, “Faedah serupa apa yang kaumaksudkan?”

"Sekiranya tiap-tiap karangan yang tidak diterima dihantar balik tidak syak lagi karangan ini akan terus dikirim ke lain majalah. Langkah serupa ini akan merugikan si pengarang itu."

"Rugi?" kata kawan saya sambil ketawa mengejek.

"Begini," ujar saya hilang perasaan tersinggung, "Rugi yang saya maksudkan bahawa tiap-tiap karangan yang tidak diterima akan dikirim ke majalah lain. Pengarang itu sentiasa menyangka bahawa karangan yang tidak diterima itu ialah kerana pengarang majalah itu tidak suka pada dirinya, padahal karangan-karangan yang tidak dikembalikan itu ialah kerana karangan itu tidak sesuai jalan ceritanya atau irama karangannya. Karangan itu tidak dikembalikan oleh si pengarang lantaran pengarang itu mahu si pengarang itu cuba dan cuba lagi sehingga berjaya, kalau karangan itu diserahkan kembali dan diterima oleh majalah yang lain, pengarang itu menyangka karangannya telah baik kerana memang tiap-tiap pengarang itu menyangka bahawa tiap-tiap karangannya telah cukup bagus." Kemudian saya memberi nasihat dengan kata saya, "Orang yang berputus asa tidak mungkin menjadi seorang yang pandai. Kebanyakan pengarang yang masyhur pada masa ini telah merasa dahulu penderitaan putus asa sebagaimana terbukti suratnya kepada saya:"

Saudara Hamzah,

Saudara tentu berasa hairan sekian lama karangan saya tidak disiarkan orang di majalah-majalah mana pun juga. Bukannya karangan saya tidak diterima itu saya berputus asa, malah saya masih terus mengarang dan di dalam simpanan saya mempunyai berpuluh-puluh karangan yang mana saya simpan saja, kerana saya mengerti

bahawa seorang pengarang akan terus mengarang penaka rasa nikmat mengarang telah bersatu dengan darah dagingnya.

Semenjak itu kawan saya bertambah semangatnya mengarang, kerajinan dan semangatnya mencipta berbagai-bagai gubahan semakin bertambah apabila melihat bahawa karangannya disiarkan oleh beberapa majalah. Bertambah semangatnya lagi apabila dia menerima surat-surat daripada pemuda dan wanita memuji karangannya.

Kawan saya terus mengarang.

Saya hairan betul menerima surat daripada kawan saya, surat kawan saya panjang betul. Kawan saya terus marah pada penerbit, terus marah pada pengarang-pengarang lain yang gila mengirim karangan dengan tidak kira mengira harga karangannya lagi.

Kemudian tidak berapa lama kawan saya kembali ke lapangan ruangan sastera, muncul selepas hilang sekian lama.

Sebab kemunculan kawan saya ada terkandung di dalam suratnya yang baru saja saya terima. Kawan saya antara lain menulis:

"Sekali mengarang tetap akan mengarang. Apa guna karangan hanya tersimpan kalau karangan itu dapat dibaca umum, pena pengarang sentiasa basah, kertas pengarang sentiasa bertulis, jiwa pengarang pantang sunyi dan kepalanya saudara pantang sepi."

Mutiara, 3 Januari 1951

Kalau Kau Kebulur

SEWAKTU saya majukan pertanyaan kenapa kakinya kudung sebelah? Dengan air muka yang tenang dia menjawab, "Kaki saya dipotong."

"Di mana kaki bapak terpotong?" tanya saya mahu penerangan jelas.

"Di hospital."

"Tetapi mengapa?" desak saya ingin tahu.

"Salah saya dan salah...."

"Bagaimana?" lagi saya menyoal sebab penerangannya itu belum jelas bagi saya.

"Saya mencuri duit di sebuah rumah. Sewaktu saya keluar dari rumah itu polis yang berkawal pada malam hari telah menahan saya. Saya melarikan diri dari ditangkap, polis itu memerintahkan saya berhenti, tetapi saya terus melarikan diri. Saya lari kerana mengenangkan nasib isteri dan anak-anak saya yang empat orang. Seorang masih kecil lagi, yang tiga masih budak di bangku sekolah, kerana saya tidak berhenti apabila disuruh berhenti, polis itu menembak saya. Sebiji peluru telah terjerumus ke dalam kaki saya. Di jalan raya ini juga saya telah rebah. Saya tidak dapat bangun, kaki saya sakit perit, saya masih ingat sewaktu ambulans mengangkat saya ke hospital."

"Tetapi," ujar saya selaku orang bodoh, "Kenapa

bapak mencuri kalau bapak tahu bahawa mencuri itu salah di sisi undang-undang?"

Selepas ketawa berdekah-dekah orang tua itu menjawab, "Kalau kau kebulur kau tidak peduli dan menghiraukan apa-apa. Kau tidak mengambil pusing atas bahaya yang mungkin menimpa kau. Kau hanya memikirkan tentang perut kau saja. Asalkan perut kau kenyang, kau puas, sebelum puas kau tidak menghiraukan fikiran-fikiran lain."

"Kemudian itu apa lagi yang terjadi?" ujar saya mula tertarik dengan ceritanya.

"Saya dibawa ke mahkamah, saya kisahkan kepada hakim dengan air mata yang berurairan tetapi hakim tetap menjatuhkan hukuman tiga tahun ke atas saya."

Kata saya cuba menegaskan kebenaran, "Di sini awak perlu menggunakan pertimbangan kerana hakim menjalankan keadilan."

Memandang kepada isterinya yang memberi susu kepada anak kecil itu orang tua itu berkata dengan suara yang bergelora, "Kau tidak tahu bahawa isteri saya selama saya di dalam penjara menjadi perempuan jahat, tanya kepadanya kalau kau masih ragu-ragu dengan penjelasan saya."

Saya merenung isterinya, perempuan itu tunduk ke bumi. Saya mengerti bahawa perempuan itu malu menerangkan apa yang telah dilakukannya itu, oleh itu saya bawa pandangan ke arah lain. Dengan muka masam perempuan itu bangun dan berkata dengan marah.

"Anak yang saya dukung ini bukan anak dia," jarinya menunjukkan kepada suaminya.

Dia berhenti daripada menangis dan lari mendukung anaknya ke kamar kecil yang lain di belakang itu. Kata orang tua itu memecah kesunyian.

"Nah sekarang kau telah mengerti betapa ke-

kuasaan perut ke atas perbuatan manusia. Isteri saya sungguhpun tidak melepaskan tikar sembahyang, setiap hari menadah ke langit, mengerti bahawa menjual diri bukan saja suatu perbuatan yang paling rendah daripada tercelaka malah salah dan berdosa di sisi hukum, tetapi isteri saya terus-menerus menjual dirinya untuk menahan perut sial yang sentiasa menjerit kelaparan."

Sebulan kemudian saya telah mengunjungi rumah orang tua itu lagi. Orang tua itu belum lagi bekerja tetapi dia tidak diterima walaupun tempat yang dipintanya kerja masih banyak yang kosong. Suatu sebab yang menghalang dia mendapat kerja ialah dia mempunyai rekod yang tidak baik iaitu pernah dihukum penjara dan kakinya yang patah. Sewaktu saya tiba di sana saya lihat orang tua itu tunduk ke bumi. Isterinya berair mata, dia sedang mendukung anak kecilnya itu yang telah dipakainya baju baru. Saya menanya kepada orang tua itu mengapa mendung sahaja suasana rumahnya pada hari ini.

Ringkas orang tua itu menjawab. "Kau akan memerhati lagi kekuasaan perut ke atas manusia," ujarnya lagi menunjukkan kepada sebuah kerusi yang kosong yang telah buruk. "Duduk, sebentar lagi kau akan mengerti suatu pandangan yang menyebabkan saya termenung, isteri saya menangis dan anak kecil yang memakai baju baru, dan baju baru itulah sehelai saja yang dipunyai oleh anak itu." Saya tunggu dengan tak sabar.

Selepas setengah jam sebuah motokar besar berhenti di hadapan rumah itu. Mendengar bunyi kereta, perempuan itu mulai mengesak. Masuk ke dalam rumah itu seorang lelaki yang setengah umur diiringi dengan seorang perempuan yang memakai perhiasan emas dan intan. Dengan tangisan yang

menjadi-jadi perempuan itu menyerahkan anak yang didukungnya kepada perempuan yang berhias mahal itu, anak kecil itu menangis sekuat-kuat hati.

Perempuan yang baru datang itu mendukung anak kecil keluar dari rumah bersama-sama dengan lelaki itu-ke motokar tadi. Beberapa minit kemudian motokar itu pun berangkat, perempuan yang tiada beranak kecil itu lagi kembali ke kamarnya. Orang tua bertanya kepada saya.

"Kau mengerti apa yang telah terjadi?"

"Tidak," balas saya menggoyang kepala.

"Perempuan dan lelaki kaya telah membeli anak kecil isteri saya," katanya tunduk ke bumi.

Hiburan, 27 Januari 1951

Laga Ayam

KAWAN, aku tidak sangka bahawa di kota besar seperti Singapura masih ada orang menjalankan permainan yang agak primitif atau tua juga.

Permainan judi yang aku maksudkan ialah melaga ayam. Pertama kali aku melihat orang melaga ayam hanya sebagai seorang penonton biasa. Orang bertepuk aku pun turut bertepuk, orang menjerit menyuruh si borek si rintik aku pun menjerit juga. Tetapi apabila orang bertaruh aku seorang yang tidak lantaran aku tidak mempunyai modal.

Selepas beberapa lama aku menonton perlagaan ayam maka barulah aku sedar bahawa dalam perlawanan itu terselindung beberapa simbol mahupun tentang masyarakat, perangai manusia atau jiwa, juga politik.

Aku tidak dapat menegaskan kepada kau apakah simbol atau seruan yang dibawa oleh cerita aku ini sebab takut menyentuh perasaan, maklumlah banyak udang banyak garamnya dan banyak orang maka banyaklah pula ragamnya. Dalam perkataan lain kau mempunyai corak fikiran atau ideologi yang tersendiri.

Penulis-penulis besar telah menulis tentang peraduan lembu di Sepanyol, seperti novel *The Brave Bull*, oleh Tom Lba, atau novel *Death in the*

Afternoon, oleh Ernest Hemingway, atau seperti filem yang pernah kita tonton *Blood and Sand*. Di dalam tiap-tiap buku atau filem tersebut ada membawa model tentang keburukan perlawanan itu. Tetapi cerita aku ini hanya kau sahaja yang dapat memahamkan maksud dan tujuannya.

Ahmad siang-siang lagi telah menunggu di tempat gelanggang peraduan itu dengan ayamnya "Si Tuah", sambil menanti Kasim dengan ayamnya "Si Burik". Ahmad tidak putus-putus mengurut-urut ayamnya serta menyuruh ayam itu mengalahkan Si Burik. Kata Ahmad kepada ayamnya, "Tuah, kau mesti menang hari ini tahu, aku telah bertaruh \$50.00. Kalau aku menang kau akan aku beri beras sepenuh-penuh tembolok kau, kalau kau kalah kau akan kusembelih. Mengerti?" Si Tuah tidak menjawab kata-kata pesanan tuannya.

Ahmad mengatakan kepada aku bahawa Si Tuah telah tidak diberinya makan barang sedikit pun semenjak tiga hari yang lepas hinggalah ke masa ini.

"Apa sebabnya Si Tuah tidak kauberi beras atau padi?" Aku bertanya agak hairan.

"Kau belum faham?" tanya Ahmad lebih hairan atas kehairananku.

"Belum!" balasku dengan tegas.

"Sekiranya Si Tuah kuberi makan sebagai biasa maka Si Tuah akan kenyang dan temboloknya menjadi berat. Dan apabila Si Tuah kenyang dan temboloknya berat, Si Tuah tidak akan berlawan dengan hebat menentang musuhnya. Sebaliknya andainya Si Tuah lapar dan kebulur, Si Tuah akan menjadi garang, maka Si Tuah akan berlawan dengan lebih hebat, kelaparan itu menimbulkan kemarahan Si Tuah," ujar Ahmad memberi penerangan ringkas sebagai menjawab pertanyaanku dan menghilangkan keraguanku.

"Bagaimana kautahu sekiranya Si Tuah lapar akan terus marah dan melawan musuhnya?" tanya aku lebih jauh.

"Itu perangai ayam, perangai binatang," sahutnya sebagai seorang ahli falsafah.

"Tetapi itu kejam, menyeksakan ayam yang tidak berdosa." Aku menegah cuba memberi nasihat.

Selepas ketawa besar mengejek aku maka dengan megah Ahmad menyeru, "Kepada aku tidak ada yang kejam."

Agak lama aku menanti tetapi Kasim dan Si Burik tak kunjung tiba, orang pun datang semakin ramai mengelilingi sebuah garisan bulatan yang besar. Beberapa orang daripada penonton merapati Ahmad dan beberapa orang lagi pula memeriksa ayam Ahmad Si Tuah.

"Sungguh garang ayam kau, lihat aku mengurutnya tetapi tangan aku pula yang mahu dipatuknya. Ada can ayam kau Si Tuah akan menang," kata salah seorang daripada kumpulan itu.

Ahmad marah mendengar ulasan teman yang menjelaskan bahawa Si Tuah akan menang lantaran menjadi pantang bagi orang yang berjudi bertakbur atau mengatakan "akan menang". Ahmad lebih suka kalau orang mengatakan Si Tuah "akan kalah", lantaran tegasan "akan kalah", membuat firasat kebalikan. Tegasnya ayamnya Si Tuah "akan menang."

"Bukan ada pepatah menyebut, ayam belum bergaga belum tahu siapa yang akan menang atau kalah bukan?" sampuk kawan yang lain.

"Siapa tahu kalau ayam Si Kasim lebih garang lagi!" ujar orang itu.

"Ayam kau ayam apa?" tanya yang lain.

"Saigon," jelas Ahmad dengan ringkas.

"Menurut apa yang aku dengar," tegas seorang

kawan yang duduk di sebelah Ahmad, "Ayam Kasim ayam siam."

Beberapa orang daripada penonton yang berada di situ telah mengeluarkan wang membuat pertaruhan. Ada yang menaruh di sebelah Si Tuah, sebahagiannya menaruh di sebelah Kasim, manakala beberapa orang lagi belum mahu membuat taruhan sebelum memeriksa dengan teliti kedua-dua ekor ayam yang bakal diperlagakan.

Tidak berapa lama kemudian Kasim tiba dengan ayamnya Si Burik, beberapa orang daripada penonton berebut-rebut ke tempat Kasim bagi memeriksa Si Burik.

Sewaktu ditanya berapa lamakah ayamnya tidak diberi makan Kasim menjawab, "Lima hari ayam aku tidak kuberi makan, ayam siapa lebih lapar lebih ganas." Entah betul entah tidak kata-kata Kasim itu aku tidak tahu sebab aku bukan ahli penternak ayam.

Selepas kedua-dua pihak bertaruh dan membuat pemeriksaan teliti ke atas kedua-dua ayam yang akan berlaga itu maka perlagaan pun diteruskan.

Ahmad melepaskan ayamnya ke tengah gelanggang dengan membaca bismillahirrahmanirrahim, manakala Kasim melepaskan ayamnya dengan mengangkat tangannya ke langit membaca mantera dan doa.

Mula-mula ayam itu berlonjak-lonjak mengiring berdiri dengan sebelah kaki sahaja menunjukkan garang dan marah masing-masing, sedang Si Tuah mengiring itu (pihak Ahmad menjerit menyuruh Si Tuah menjaga diri daripada serangan manakala pihak Kasim memekik menyuruh Si Burik menyerang Si Tuah. Maka Si Burik seolah-olah mengerti suruhan itu lantas menerkam dan mematuk Si Tuah. Si Tuah rebah, dengan taji yang tajam bertembaga Si Burik

menyondol Si Tuah yang telah rebah. Si Tuah menjerit dik kesakitan dan darah menitik dari badannya (jeritan para penonton tambah kuat).

Merasa kesakitan, Si Tuah bangun dengan kekuatan dan baru memukul Si Burik, terjadilah perjuangan yang maha hebat dan dahsyat. Darah mula kelihatan menumpah-ruah. Sungguhpun kedua-dua ayam itu teruk, perlawanan sengit itu terus-menerus berjalan.

Tiba-tiba aku teringat dengan kata-kata falsafah Darwin yang mengatakan bahawa hidup di dunia ini mestilah memakai cogan yang lebih tangkas, dan yang lebih sempurna itulah yang hanya dapat hidup atau dalam perkataan dan pengertiannya yang sejati.

Seperti seekor lembu marah, Si Burik menerkam kepada Si Tuah. Si Tuah menjerit, Si Tuah menggelepar sejenak kemudian rebah ke bumi – bumi tempat rebah dibasahi darah – Si Tuah tidak dapat bangun tetapi masih bernafas kecil.

Mendengar jeritan kesukaan daripada pihak Kasim teranglah sudah bahawa Si Burik telah menang. Si Burik telah jadi jaguh, wang taruhan bertukar tangan.

Ahmad menerkam ke tengah gelanggang, ayamnya Si Tuah telah terbaring tetapi masih bernafas kecil. Ayam itu dipijaknya dengan sekuat-kuat hatinya.

Aku termangu-mangu melihat pemandangan itu.

Mutiara, 3 Mac 1951

Jepun

SEBELUM berlakunya peperangan Daito, Jepun itu bernama Marimoto. Dia berniaga di sebuah kedai di Middle Road. Orang ramai mengerti bahawa Marimoto membuka perniagaannya di Singapura bukanlah hanya bertujuan memburu keuntungan tetapi membawa muslihat yang lebih besar daripada itu. Muslihat sulit itu juga difahami oleh umum. Kata orang Marimoto bukanlah seorang ahli perniagaan malah salah seorang Jepun yang berpangkat besar, dan seorang pengakap sulit yang bertopeng atas nama perniagaan. Marimoto sering benar berangkat ke Tanah Melayu. Menurut kata Marimoto dia ke Tanah Melayu hanya menyenangkan dirinya mencari dan menerawang panorama-panorama yang indah. Orang tidak percaya dengan kata-kata Marimoto itu sebab orang mengetahui bahawa Marimoto ke Tanah Melayu ialah untuk mencari rahsia-rahsia ketenteraan.

Kendatipun orang sedar bahawa Marimoto adalah salah seorang daripada berpuluh-puluh Jepun yang berada di sini – menjadi pengakap-pengakap sulit bertopengkan perniagaan – tetapi orang tidak menduga langsung bahawa Jepun akan menyerang Tanah Melayu. Bertambah kuat lagi orang percaya kerana nama julukan yang telah diletakkan ke atas

Singapura, iaitu Kota Singa, dan Kubu Pertahanan yang Kebal.

Kebal atau Singa, Jepun datang juga menyerang. Dalam masa yang singkat sahaja Tanah Melayu dan "Kota Singa" jatuh ke tangan askar Teno Haika yang bersemangat bushido yang berperang dengan cara kamikazi.

Marimoto menduduki Singapura bersama-sama dengan tentera pendudukan Jepun, sifatnya sebagai seorang pegawai awam. Menurut penerangan orang Marimoto itulah yang mencadangkan kepada Jeneral Yamasita supaya nama "Singapura" diganti dengan nama Syonan. Sama ada betul atau tidak nama Syonan merupakan ciptaan Marimoto kita tidak tahu dengan jelas tetapi apa yang kita dapat akui sebagai suatu kebenaran ialah "Singapura" memang ditukar dengan nama "Syonan."

Kembalinya di Syonan, Marimoto tinggal di sebuah kampung Melayu, menumpang di rumah sebuah keluarga Melayu.

Pak Mid, ketua keluarga itu sebelum perang dahulu bekerja menjadi penjual di kedai Marimoto, di Middle Road. Orang-orang kampung kini menghormati Pak Mid kerana dua sebab: Pertama, sebab Pak Mid sekarang telah memelihara seorang Jepun, maka Pak Mid tentulah mempunyai "kuasa". Kedua, apabila seorang pegawai Jepun telah berdiam di kampung mereka (itu pun kerana Pak Mid) maka bererti askar-askar Jepun tidak akan berani melakukan onar di dalam kampung itu.

Marimoto baik betul dengan orang-orang kampung itu dan selalu berbual-bual dengan mereka. Orang-orang kampung itu syak bahawa Marimoto berbual-bual itu ialah untuk mencari rahsia mereka dan ingin mengetahui jiwa mereka sama ada mereka betul suka kepada Jepun atau tidak.

Keraguan orang kampung ke atas Marimoto kian bertambah apabila dia sewaktu berbual dengan mereka sering kali menyelar pekerti askar-askar Jepun itu. "Itu soljar-soljar Jepun," kata Marimoto, "Macam binatang kacau orang punya anak bini. Soljar-soljar itu kebanyakan bertahun-tahun tidak melihat anak isteri kerana selalu berperang. Mana-mana negeri baru kalah perang soljar-soljar itu selalu kacau perempuan. Itu soljar-soljar baru menang perang lama tidak tengok perempuan. Menang perang mereka semua mahu senang hati. Itu orang-orang besar tidak boleh bikin apa-apa. Orang-orang besar itu juga senang hati sama perempuan."

Apabila sedar bahawa orang-orang kampung benci kepada perangai kasar askar-askar Jepun, Marimoto selalu sahaja menasihatkan mereka supaya bersabar dan mencuba melembutkan hati mereka dengan katanya, "Tidak apa, sedikit hari lagi, itu binatang-binatang akan dihantar ke medan perang dan orang-orang Nippon dari Tokyo akan menggantikan binatang-binatang itu, dan orang-orang Nippon yang baru itu baik, tidak kasar."

Walaupun demikian, orang-orang kampung belum pernah sekalipun membidas sikap Jepun di hadapan Marimoto, lantaran takut bidaan mereka akan membawa mereka ke pintu tahanan kempetai. Biar pun Marimoto nampaknya suka kepada orang-orang kampung tetapi mereka masih kurang percaya kepada keikhlasan Marimoto dengan anggapan "Jepun tetap Jepun juga."

Anak lelaki Encik Lazim, salah seorang penghuni kampung itu telah diculik oleh kempetai atas tuduhan menjadi pengakap sulit Inggeris. Keluarga Encik Lazim berasa susah hati atas hal itu.

Tidak lengah Encik Lazim pergi menjumpai Marimoto dengan sedu dan sedan, isteri Encik Lazim

menceritakan kepada Marimoto tentang hal anaknya. "Tuan!" ujar ibu itu dengan berurai air mata, "Anak saya Amat, orang baik, dan tidak pernah campur dengan pemuda-pemuda yang jahat. Pagi-pagi pergi kerja, dan petang-petang baru balik terus tidak keluar rumah. Tengoklah sekarang anak saya kena tangkap entah apalah kesalahannya, tolong tuan, tolonglah, lepaskan anak saya!"

Atas permintaan isteri Encik Lazim Marimoto menjawab bahawa dia akan cuba menolong kedua-dua ibu bapa itu dengan apa juga yang terdaya olehnya.

Esok hari Encik Lazim dan isterinya sekali lagi datang menemui Marimoto untuk bertanyakan hal anaknya, dibawanya bekalan dua ekor ayam untuk Marimoto dan sedulang kuih untuk Pak Mid. Kuih yang diuntukkan kepada Pak Mid itu ialah dengan tujuan apabila Pak Mid menerima sedulang kuih "beras" maka Pak Mid sekurang-kurangnya meminta Marimoto supaya menolong Encik Lazim dan isterinya.

Marimoto enggan menerima dua ekor ayam itu dengan alasan, "Saya tidak mahu terima ayam itu, saya tolong kamu berdua bukan kerana mahu ayam, saya tolong kamu kerana saya suka kepada orang-orang kampung ini."

Kata Encik Lazim, "Tidak tuan, ayam-ayam itu memang lagi dahulu kami niat untuk dihadihkan kepada soljar-soljar Jepun tetapi tidak ada seorang pun Jepun yang datang ke kampung ini mencari ayam. Maka sebab itulah ayam-ayam itu saya hadiahkan untuk tuan."

Marimoto tidak menjawab. Ayam yang dua ekor itu diserahkan kepada Pak Mid. Sejenak kemudian Marimoto bersuara, "Fasal anak tuan, semalam saya telah jumpa Tuan Saki, ketua kempetai. Tuan Saki

janji sama saya anak kamu besok dia kasi lepas.”

Mendengarkan kata-kata pengharapan itu isteri Encik Lazim terus berlutut di hadapan Marimoto dan mencium-cium tangan Jepun itu. Marimoto ketawa terbahak-bahak melihat tingkah laku perempuan itu.

Encik Lazim sendiri tidak ketinggalan mengaturkan terima kasihnya kepada Pak Mid seolah-olah Pak Mid sendiri yang berusaha dengan kempetal bagi melepaskan Amat dari tahanan.

Pagi-pagi lagi Encik Lazim telah membuka pintu depan rumahnya. Hari itu menurut janji Marimoto, Amat akan dibebaskan, maka Encik Lazim semenjak semalam lagi telah menjemput orang-orang kampung dan pak imam kerana membaca kenduri atas selamat kembali anaknya, ataupun menunjukkan syukur Amat terlepas daripada “neraka dunia.”

Encik Lazim dan isterinya seratus peratus percaya dengan telahan Marimoto.

Dengan menyebut kalimah bismillah Encik Lazim membuka pintu pagar rumahnya. Alangkah terperanjatnya Encik Lazim kerana tergelimpang di atas batu pintu pagar itu badan Si Amat. Dengan menjerit nama isterinya, sama-sama malaikat dan nama rasul-rasul Encik Lazim menerkam kepada badan Si Amat yang tergelimpang itu. Hampir-hampir Encik Lazim muntah mencium bau danau darah beku yang melekat bertepek-tepek di badan Si Amat yang telah mati itu. Badannya bengkak-bengkil tanda dipukul teruk, perutnya buncit disebabkan meminum air berbaldi-baldi, luka, garis-garis, kudis, pekung, nanah, busuk, dan lalat semuanya berke-
rumun di badan Si Amat.

Isteri Encik Lazim mendengarkan pekikan suaminya menyangka bahawa Si Amat telah balik dengan selamat. Isteri Encik Lazim tidak terus pergi menda-

patkan suaminya malahan lebih dahulu dia pergi ke rumah sebelah-menyebelah menyatakan dengan gembira, "Amat telah selamat balik." Setelah selesai mencanangkan kepada semua jiran barulah isteri Encik Lazim berlari meluru ke pintu pagar bagi menyambut anaknya.

Encik Lazim menangis meraung-raung di sisi mayat Si Amat dan isterinya sama meraung serta meninggalkan tempat itu seperti seorang gila, menjerit-jerit dari sebuah rumah ke sebuah rumah dengan berkata, "Si Amat kena bunuh!"

Mayat Si Amat telah diangkat orang ke dalam rumah. Jiran-jiran lelaki dan perempuan telah penuh berkumpul di dalam dan di halaman rumah Encik Lazim. Isteri Encik Lazim berdiri di sisi mayat Amat dengan memekik-mekik memaki Jepun, "Jepun sial, Jepun laknat, perompak, pembunuh!" Jiran-jiran itu cuba memujuk isteri Encik Lazim agar menutup mulut sebab takut bidasan-bidasan pedas ke atas Jepun itu akan didengar oleh Pak Mid yang berada di situ kemudian akan menyampaikan pula kepada Marimoto. Bujukan itu tidak membawa hasil. Jiran-jiran itu semuanya bertambah takut apabila sedar bahawa Marimoto tidak ketinggalan antara jiran-jiran yang ramai itu dan mendengar tiap-tiap kritik yang dikeluarkan oleh isteri Encik Lazim.

Pemandangan jiran itu tertumpu kepada Marimoto. Pada muka mereka terbayanglah permintaan agar Marimoto mengasihani mereka dengan meninggalkan tempat itu. Barangkali Marimoto tidak mungkin membaca harapan yang terbayang pada wajah orang-orang itu.

Memandang kepada mayat anak Encik Lazim yang dalam keadaan sedemikian, Marimoto memandang kepada orang ramai lantas berkata, "Binatang, kejam, orang-orang yang tidak mempunyai timbang

rasa yang hanya dapat melakukan perbuatan serupa ini." Seterusnya Marimoto memaki tepat-tepat kempetai Jepun khususnya dan askar-askar Jepun amnya. Orang ramai itu kendatipun mendengar Marimoto membidas Jepun sebaliknya mereka tidak berani menyelar sikap kempetai Jepun sebab orang-orang itu syak bahawa dia bersifat seorang kakitangan kempetai berdasarkan pendapatannya. Masakan orang-orang lain dapat mengetahui hal ehwal anak-anak Encik Lazim, sedangkan anak itu jarang-jarang bergaul di luar melainkan duduk berdiam di rumah sahaja.

Selepas kejadian itu perhubungan ramah-tamah antara Pak Mid dengan Marimoto mula renggang sebab ternyata pada perangai Pak Mid yang dahulu sering berbual-bual dengan Marimoto dan sering pula perbualan itu hanya memperbincangkan di sekitar perangai-perangai jahat askar-askar Jepun. Pak Mid terus-menerus tidak berselindung-selindung lagi memaki askar-askar Jepun. Kini Pak Mid bukan sahaja tidak membidas Jepun malahan di hadapan Marimoto Pak Mid memuji kebaikan askar-askar Jepun dengan katanya, "Askar-askar Jepun sateria, orang-orang Asia beruntung mendapat kawan orang-orang Jepun yang bercita-cita suci menegakkan kemakmuran bersama di Asia Timur Raya." Kadang-kadang apabila Marimoto balik dari kerjanya dan baru sahaja dia berdiri di atas kaki tangga rumah itu maka Pak Mid dari atas lalu menjerit, "Banzai! Banzai! Banzai!" menyebabkan Marimoto ketawa terbahak-bahak.

Pada suatu hari sedang mereka berbual-bual Pak Mid memuji kesucian di dalam peperangan Daito.

Mendengar puji-pujian yang tidak ikhlas itu Marimoto lantas berubah mukanya menjadi marah serta berkata kepada Pak Mid, "Amid tidak perlu

bermuka-muka di hadapan saya, sebab saya tahu Amid sedikit pun tidak suka kepada askar-askar Jepun. Saya juga tidak suka pada askar-askar Jepun. Amid jangan puji-puji Jepun di hadapan saya lagi. Kalau Amid puji Jepun juga saya mesti kasi tahu sama kempetai bahawa Amit *spy* British."

Pak Mid masih juga takut mengeji Jepun. "Saya tahu," kata Marimoto lagi, "Semua orang kampung fikir saya punya fasal anak jantan Encik Lazim kena tangkap sama kempetai. Saya tidak mahu bohong-bohong. Orang Jepun tidak boleh cakap bohong. Saya tidak bikin jahat atas anak Encik Lazim. Saya cuba tolong itu orang tua laki bini, saya sudah cakap sama kepala kempetai tetapi orang-orang kampung tidak percaya sama saya. Mereka fikir saya punya fasal itu anak muda kena bunuh sama kempetai."

Pak Mid hanya terdiam mendengar keterangan itu, lama Pak Mid termenung sebab dia percaya bahawa Marimoto memang berkata benar, sejenak kemudian kembali semula keraguan, dan Pak Mid menyangka Marimoto mempunyai perkaitan yang rapat dengan kematian anak Encik Lazim. Mendengar daripada percakapan Marimoto dan memandang kepada air mukanya bahawa apa yang dicurahkan oleh mulut Marimoto itu seratus peratus benar. Keraguan Pak Mid datang semula memikirkan bahawa orang-orang Jepun memang bijak menarik kepercayaan seseorang. Pak Mid tidak dapat menentukan sama ada Marimoto berkata benar betul-betul berpihak kepada orang kampung ataupun berdusta, dia betul menjadi salah seorang kakitangan kempetai Jepun.

Sekian lama telah berlalu, kini isteri Encik Lazim terkenal oleh seluruh orang kampung sebagai perempuan yang paling benci kepada Jepun. Ke mana-mana sahaja perempuan itu pergi dia mesti

menyumpah menyeranah sikap Jepun dan pernah juga dia mengatakan, "Jepun tidak lama memerintah di Singapura. Kerajaan yang zalim tetap akan dimurkai Tuhan."

Lantaran mulutnya yang bebas lepas itu isteri Encik Lazim tidak sebegitu sangat menarik pergaulan ramai. Beberapa orang kampung pula meminta kepada Tuhan supaya janganlah hendaknya isteri Encik Lazim menziarahi rumah mereka. Bukan kerana mereka tidak suka kepada perempuan itu tetapi mereka takut kepada mulutnya yang celupar itu akan mendatangkan bahaya.

Orang-orang kampung kadang-kadang berasa hairan juga sungguhpun isteri Encik Lazim terang menunjukkan bencinya kepada Jepun tetapi hingga kini dia belum sekali ditangkap oleh kempetai Jepun.

Pergaulan orang-orang kampung dengan Marimoto dan isi rumah Pak Mid mula menjadi renggang. Begitu juga orang-orang kampung mula memandang benci kepada isteri Encik Lazim. Ada yang menganggap isteri Encik Lazim sebagai seorang kakitangan kempetai Jepun. Betapa tidak - alasan mereka - kenapa hingga kini perempuan bedebah itu belum ditangkap oleh Jepun sedangkan selaran perempuan itu ke atas Jepun selalu diketahui oleh Marimoto. Perempuan bedebah itu mahu kita sama mencerca Jepun dan apabila kita mencerca Jepun kita akan diseret ke pejabat kempetai.

Marimoto telah pun masuk "Melayu" dan berkahwin dengan anak perempuan Pak Mid. Ini tidak juga mengurangkan keraguan orang kampung ke atas dirinya. Baru beberapa bulan sahaja perkahwinan ini berjalan tersiarlah berita bahawa kerajaan Jepun telah menyerah diri.

- Pakaian dan barang-barang Marimoto telah siap dibungkus untuk dibawa ke tempat tahanan tawanan

perang. Di dalam kamar rumah itu Marimoto menghadap isterinya.

Kata Marimoto, "Saya kuat menyangka saya tidak akan balik. Sekiranya saya tidak balik jangan nanti saya, carilah orang lain yang boleh memelihara kamu. Walau bagaimanapun, sebelum pergi saya mahu beri banyak terima kasih kepada kamu kerana kamu seorang saja perempuan yang baik budi di dalam kampung ini. Dan saya tahu bahawa saya tidak ada kena-mengena dengan kematian anak Encik Lazim dahulu itu."

Mutiara, 3 April 1951

Orang Gila

KETIKA saya tinggal di satu kampung di Malaya saya melihat satu orang gila.

Daud gila, kata orang kampung saya.

Kata orang kampung itu lagi - Daud mula jadi gila apabila dia berumur 16 tahun. Sebelum daripada berusia 16 tahun Daud adalah sebagai budak biasa yang dajal. Bermain-main bola, berkejar-kejar, bertumbuk dengan budak-budak kampung, bersekolah Melayu lulus darjah lima. Saya juga pernah bertumbuk dengan Daud pada masa kecil itu sebab Daud mendapati saya main bangsat di dalam bermain bola.

Daud sekarang berumur 23 tahun, kepalanya bujur, rambutnya botak licin (tidak sebagai rambut orang yang biasa, rambut panjang menutup leher), hidungnya mancung, pakaiannya lawa sentiasa berdobi (bertentang dengan pakaian orang-orang gila yang selalu kita lihat bertampal kotor diselaput debu dan kotoran).

Orang kampung saya mengatakan bahawa Daud gila betul tetapi saya pula berpendapat bahawa Daud hanya "setengah gila", atau "setengah tiang", ataupun "tak betul kepala", tegasnya kepala Daud tidak sedemikian waras, lebih tepat lagi kalau saya katakan bahawa kepala Daud ada masanya waras

dan ada kalanya kurang waras.

Kesimpulan ini saya capai selepas saya berbual dengan Daud. Saya berani bersumpah atas nama apa juga pun bahawa isi perbualan Daud itu berupa suatu keadaan yang benar bukan karangan.

Hari itu hujan lebat betul, beberapa budak kecil yang sedang bermain-main mandi hujan sedang mengikut di belakang Daud. Budak-budak nakal itu melontar-lontar batu-batu kecil kepada Daud sambil berteriak, "Daud gila, Daud gila!" Apabila Daud beringus ke belakang hendak mengejar budak-budak yang mengusik itu maka budak-budak itu pun melarikan diri, kemudian mereka itu mengejar balik ke tempat Daud lalu mengacaunya semula.

Saya sungguh kasihan melihatkan Daud yang telah basah kuyup itu, kemudian saya pun memanggilnya masuk ke rumah saya. Panggilan saya itu diterimanya. Sampai sahaja ke atas rumah saya Daud berkata, "Badan saya sejuk kena hujan."

Selepas lama duduk barulah Daud mula bercakap, "Rumah saya," kata Daud terus bercerita tidak putus-putus, "Ada emas paun lima puluh keping, kerongsang berlian, moul paun, burung emas lima, cincin lima puluh, rantai halus dua, loket berlian tiga, cincin buah kana dua, gelang berlian empat, gelang kaki patah empat lima, kerongsang patah empat atau lima, banyak dua puluh lima kerongsang." Sedang Daud bercerita itu tiba-tiba kedengaran bunyi guruh. Bunyi guruh itu membawa perubahan besar pada Daud, mukanya tiba-tiba berubah menjadi pucat ketakutan, matanya jadi bercahaya membayangkan keliaran dan keganasan yang menyebabkan adik-adik saya yang sedang memerhatikan Daud berasa takut lantas terus lari ke dalam. Badannya Daud terangkat, sejenak dia tinggal kaku beku.

Kemudian dia menyambung ceritanya yang telah

terputus tadi, "Rumah Daud kerja kahwin banyak pakai barang-barang emas habis orang pinjam bikin kerja kahwin, Daud suruh orang rumah simpan barang-barang emas itu, malam pencuri datang angkat peti besi, Daud bangun panggil polis, hilang satu peti, Daud tembak satu pencuri, tiga hari Daud mengendap balik tembok, abang Daud tembak satu, Midin tembak satu, pencuri gemuk kena tangkap kena tutup, Midin bunuh dengan keris, Daud tembak dengan senapang, Daud ikut bawa duit dalam belanga, belanga jatuh macam belon." Daud diam sejenak.

Kasut kulit Daud yang terletak di tangga diambil oleh adik saya dengan tidak disedarinya untuk disembunyikan. Hal ini merupakan suruhan saya sebab saya mahu mengukur kekuatan fikiran Daud.

Daud menyambung ceritanya dengan menceritakan bagaimana saya pada masa kecil jatuh ke dalam perigi dan dia berserta kawan-kawan yang lain menolong saya. Ini betul menghairankan saya sebab kejadian jatuh dalam perigi itu memang betul menimpa saya dan memang betul juga Daud yang menolong saya.

Daud bercerita lagi, "Daud ada granit motokar, granit putih, perempuan, nyonya angkat granit hitam, granit hidup." Daud melencong ke cerita lain pula yang menakjubkan saya kerana kebenaran cerita itu. "Harga barang-barang cukup mahal, kerajaan mahu keluar perintah tangkap semua orang yang berjual mahal," kata Daud.

Kata-kata orang kampung saya sebagai memberi penjelasan bahawa Daud jadi gila disebabkan perbuatan orang. Daud anak hartawan. Ayahnya pada masa itu berada dalam keadaan sakit tenat. Semenjak orang tuanya itu kembali ke alam baqa maka segala harta pusaka kekayaan itu akan terserah

kepada Daud. Harus pemegang kuasa itu telah menjalankan tipu daya dengan pertolongan bomoh membuat Daud jadi gila. Daud tidak dapat menjaga hartanya sendiri tetapi berhajat pada seseorang memegang kuasa. Saya tidak dapat pastikan akan kebenaran cerita itu dan tidak juga menafikan Daud takut apabila orang menyebut nama "mata-mata gelap."

Setelah hujan teduh Daud belum juga mahu meminta diri. Saya kenal perangai Daud laitu dia tidak akan berangkat hingga ke jauh malam hari, apabila dia duduk di suatu rumah yang tertentu. Sebenarnya hari itu saya mempunyai cadangan-cadangan lain yang perlu saya selenggarakan sebab itu saya terpaksa menyuruh Daud berlalu untuk menyempurnakan kemahuan saya itu, maka saya pun berkata kepada Daud yang mata-mata gelap sedang datang mencarinya. Mendengar itu Daud bangun dari kerusinya dengan ketakutan, waktu mahu turun tangga itu Daud mencari kasutnya yang telah hilang dari tempatnya itu. Sebagai seorang kanak-kanak Daud merengek meminta dikembalikan kasutnya itu.

Apabila kasutnya telah saya pulangkan semula, Daud pun lantas turun dari tangga sambil berkata, "Orang rumah Daud semuanya tak betul kepala cuma Daud saja seorang yang betul kepala."

Mutiara, 3 Mei 1951

Berkenal dengan Kemiskinan

AKU mula berkenal dengan kemiskinan pada zaman Jepun. Selepas lama aku ditahan oleh kempetai Jepun lalu aku dibebaskan. Sewaktu aku dibebaskan keadaan diriku amat menyedihkan. Badanku dipenuhi kudis pekung bernanah. Disebabkan oleh kepincangan kakiku maka aku terpaksa menadah tangan meminta sedekah di merata-rata jalan.

Dahulu itu aku tidak kenal apa erti kemiskinan? Apa yang aku tahu bahawa aku bergaji besar. Kini barulah aku mengerti apakah erti kemiskinan? Bahawa kehidupan orang miskin adalah bergantung pada kerajinan orang dan bukan pula tiap-tiap orang itu mempunyai rahim, kerana kekurangan perasaan kerahiman itu maka penghidupan yang dilalui dan dirasai oleh orang-orang miskin bertambah terhimpit dan sengsara. Orang miskin itu (termasuk aku) biasanya mempunyai perasaan merendah diri atau *inferiority complex*, orang yang lebih berada sedikit daripadanya akan dipandang betul-betul kaya-raya dan perlu dipertinggi-tinggikan. Pada masa serupa itulah baru si miskin (dan aku juga) sedar bahawa tingkat dan kelas hidup masyarakat tidak sama. Tingkat masyarakat yang tidak sama ini berupa ciptaan daripada manusia biasa yang menyangka dirinya

lebih kaya, lebih mulia dan lebih tinggi. Juga kerana si miskin oleh himpitan hidup yang benar-benar miskin dan mendesak hingga menyebabkan si miskin itu terpaksa menerima anggapan dirinya sendiri itu papa dan dengan sendirinya pula kedudukannya menjadi rendah dan martabatnya hina.

Demikianlah antara perasaan-perasaan yang bergelimang di dalam benak dan di dalam hatiku sewaktu aku mula berkenal dengan kemiskinan?

Sewaktu aku mula berkenal dengan kemiskinan, aku lalu membuat azam bahawa perasaan dan adat meninggi rendah itu akan aku usaha menghapuskan sama sekali dan untuk selama-lamanya.

Baru-baru ini aku telah memperolehi kerja sebagai seorang drebar kereta yang dipunyai oleh tuan aku, sayid yang hartawan.

Sayid itu mempunyai anak dara dan biasanya anak-anak dara tuan-tuan sayid adalah cantik belaka. Dengan mengenal kemiskinan dahulu, aku telah menerima falsafah bahawa bukan tiap-tiap muka yang cantik itu mesti mempunyai hati-hati yang cantik.

Tidak lama kemudian aku telah jatuh cinta terhadap anak dara tuan sayid itu. Kerana cinta itulah maka tangan telah jadi sebegitu berani menulis sepucuk surat menyatakan kata hatiku kepada anak dara jelita itu.

Suratku berbalas tetapi aku tidak gembira. Balasan yang kuterima bukanlah sebagai idamanku. Anak dara itu menulis balasan antara lainnya menghina aku dengan mengatakan aku miskin bertambah pula aku ini tidak sedar akan kerendahan diriku sendiri. Seterusnya anak dara itu menulis dengan menerangkan bahawa dia adalah berdarah mulia dan daripada golongan atas.

Semenjak menerima cinta yang tidak berbalas

itu aku memalingkan pemandanganku kepada anak dara tukang kebun tuan sayid itu. Banyak juga anak dara tukang kebun yang cantik-cantik dan pernah pula kejelitaan anak-anak dara tukang kebun "memukul habis" kejelitaan anak-anak dara tuan-tuan sayid. Aku penuh yakin bahawa cintaku terhadap anak dara tukang kebun itu tetap akan berbalas, sebab aku berpendapat anak dara tukang kebun itu juga orang yang miskin serupa aku, malah aku lebih kaya sebab gaji aku sebagai drebar lebih besar daripada gaji tukang kebun itu. Jadi antara aku dan anak dara itu tidak aku adakan perbezaan kelas meninggi rendah.

Kerana terasa tingkatan yang sama rata ini maka aku lalu memiming anak dara tukang kebun itu. Tidak aku sangka sama sekali pinangan aku akan ditolak. Lebih-lebih lagi aku tidak pernah menduga bahawa penolakan pinangan aku itu akan diiringi dengan kata-kata penghinaan. Pihak anak dara tukang kebun itu juga mengatakan bahawa aku yang miskin ini telah berani memiming anak dara mereka, tetapi sayangnya mereka tidak menerangkan kepada aku hingga ke manakah kekayaan mereka. Kalau mereka bukan miskin mengapakah mereka mesti berhamba dengan sayid kaya itu.

Kini barulah aku faham bahawa aku rupanya belum mengenal apakah itu kemiskinan?

Mutiara, 3 Jun 1951

Menyatakan Erti Korban

AYAHANDA.

Aku menghadap kau sekali lagi wahai ayah untuk menceritakan peristiwa yang telah menimpa aku tetapi sekadar ingin melahirkan isi hatiku mengenai sepatah kata, "pengorbanan" yang tidak dapat kunilaian erti sejatinya.

Biarlah masa ini merupakan masa berbisu bagiku, kerana aku ingin peristiwa-peristiwa diriku tegap dengan sendiri menyatakan benar di manakah yang benar dan menyatakan salah di mana yang bersalah.

Sebagai ayah yang pernah kulihat tawaduk dan khusyuk kepada Tuhan, tentulah ayahanda sendiri mengetahui sejelas-jelasnya tentang kisah penyembelihan dan pengorbanan yang memberikan rahsia nan mastika pada hari itu yang diwajibkan oleh kami hidup.

Pada suatu istilah ayahku, kau telah pergi, pergi yang tidak akan kembali lagi, kerana telah dikorbankan oleh malaikat maut, tetapi pada suatu istilah lagi, kau juga telah sanggup berkorban. Berkorban meninggalkan hidup, hidup yang takut ditinggalkan oleh manusia jagat.

Baru beberapa hari yang lewat aku menerima sepucuk surat itu penuh dengan kata pengorbanan.

Apa yang menarik hatiku dan memberikan aku semangat baru terletak di dalam rangkaian kata yang terkandung dalam surat itu yang berbunyi, "Kau adalah amanah orang ramai." Kerana aku telah jadi amanat orang ramai sebagaimana kata dia maka biarlah aku mengorbankan diri untuk kepentingan orang ramai.

Apakah harganya pengorbanan. Menurut hukum bahawa pengorbanan tidak mempunyai nilai, meletakkan nilai pada suatu pengorbanan bukanlah dinamakan pengorbanan sebab pengorbanan adalah sesuatu yang suci dan diukur pada rasa hati yang melakukan pengorbanan.

Ayahku,

Hidup adalah untuk berkorban atau dikorbankan. Membuat baik tetap merupakan suatu pengorbanan. Dan melakukan kejahatan pun bersifat pengorbanan - pengorbanan untuk merebakkan kejahatan.

Hiburan, Hari Raya Haji 1371 (1951)

Enjut-enjut Semut, Siapa Sakit Naik Atas

RAHMAH, Kasim, Bujang, Dolah, dan Mawi sedang bermain-main enjut-enjut semut di serambi batu rumah Bujang yang besar itu. Bujang ialah anak orang kaya yang terkenal manakala kawannya budak-budak lain itu ialah daripada anak orang-orang biasa melainkan Si Mawi, seorang anak orang yang betul-betul menderita.

Sebelah tangan Mawi yang terenggam itu terletak di bawah sekali, tangan Rahmah mencubitnya, tangan Rahmah yang mencubit tangan Mawi dicubit pula oleh tangan Dolah, tangan Dolah dicubit oleh Kasim, dan tangan Bujang yang di atas sekali mencubit tangan Kasim. Demikian juga dengan gengaman yang sebelah tangan lagi.

Bujang mendapat tempat yang teristimewa di atas itu sebab Bujang anak orang kaya, jadi disegani oleh budak-budak yang lain itu. Tidak ada seorang budak yang berani cuba mengatasi Bujang. Dalam tiap-tiap permainan Bujang tetap jadi ketua – main *rounders* Bujang jadi kapten – main bola sepak Bujang jadi kapten dan seterusnya.

Biasanya dalam tiap-tiap permainan Bujang tidak mahu kalah dan tidak pernah kalah. Kemenangan permainan Bujang bukanlah terletak pada kepandaian atau kebagusan Bujang bermain tetapi

oleh sebab paksaan dan tipuan. Bujang akan bermain bangsat, akan menjalankan segala rupa tipu daya asalkan menang sahaja. Bujang bermain lebih bergaya lagi kalau permainan itu diperhatikan oleh budak perempuan.

Selalu benar Bujang mengusik-usik budak perempuan itu, sebaliknya Bujang belum pernah dibantahi oleh budak itu memandangkan ayah Bujang kaya-raya. Begitu juga tidak kurang budak-budak perempuan yang lain yang meminta dan berharap Bujang mengusik mereka memandangkan ayah Bujang kaya-raya – manakala sebahagian daripada budak perempuan yang telah “pandai mengusik-usik fasal kahwin”, semuanya berharap supaya nama mereka dipasangkan dengan nama Bujang.

Kembali pada permainan enjut-enjut semut tadi, untuk bergurau, Si Rahmah mencubit tangan Mawi lebih kuat sedikit daripada biasa menyebabkan Mawi terasa sakit. Mawi tidak menjerit merasa kesakitan dicubit Rahmah malah Mawi tersenyum suka dan hatinya meminta supaya Rahmah mencubitnya lebih kuat lagi. Nama Mawi dipasangkan oleh teman sepersekolahan yang nakal dengan nama Rahmah.

Hal Mawi tersenyum menerima cubitan Rahmah diawasi oleh Bujang dengan perasaan cemburu dan marah. Oleh sebab kemarahan itu Bujang menarik tangannya keluar lalu memukul tangan kawan-kawannya yang lain hingga roboh susunan tangan enjut-enjut semut itu.

Setelah roboh susunan tangan itu maka Bujang mengajak supaya tangan-tangan itu disusun semula menurut perintahnya. Tangan Mawi tetap di bawah kemudian tangan Dolah. Di atas tangan Dolah tangan Mawi lagi, kemudian tangan Dolah lagi, kemudian tangan Kasim, dan di atas tangan Kasim terletak

tangan Kasim sendiri yang sebelah lagi, di atas tangan Kasim barulah Bujang meletakkan tangannya, di atas tangan Bujang tangan Rahmah, di atas tangan Rahmah tangan Bujang dan di atas sekali tangan Rahmah.

Mawi dan Rahmah marah di dalam hati atas perubahan itu. Sebagai menunjukkan kemarahannya Rahmah mencubit sekuat hatinya akan tangan Bujang. Apabila terasa tercubit, Bujang pun mencubit tangan Rahmah. Muka Rahmah jadi merah padam menahan kesakitan cubitan Bujang. Hal ini pula diketahui oleh Mawi.

Semangat Mawi terus menyala ingin membela Rahmah. Oleh sebab itu dia tidak menanti Bujang lagi, Mawi berseru, "Enjut-enjut semut siapa sakit naik atas." Bujang marah sebab Mawi telah berani cuba menjadi ketua permainan enjut-enjut semut itu, walau bagaimanapun Bujang menahan kemarahan itu selepas menyanyikan enjut-enjut semut Mawi lalu menarik keluar tangannya yang di bawah itu lalu diletakkan di atas tangan Rahmah. Tangan Mawi mengurut-urut tangan Rahmah sebagai memujuk hati Rahmah. Sedar bahawa Mawi berada di atas tangannya maka kemarahan Rahmah tambah surut, dan Rahmah lalu tersenyum.

Perkara ini disedari oleh Bujang. Bujang merobohkan susunan tangan itu. Bujang bangun menumbuk Mawi. Mawi mengelak.

Dalam perkelahian antara kedua-dua orang itu Bujang kalah sebab tidak dapat mengenakan tipu dayanya yang dijaga betul-betul oleh Mawi.

Sedar dirinya kalah, Bujang lari ke dalam biliknya dan sejenak kemudian keluar semula membawa pelbagai rupa barang-barang permainan. Barang-barang permainan itu dibahagikan kepada Dolah, Kasim, dan lebih banyak kepada Rahmah. Menerima

hadiah itu Rahmah pergi ke tempat Mawi dan menampar Mawi, manakala Dolah dan Kasim menerkam bergelut dengan Mawi. Keempat-empat budak itu Bujang, Rahmah, Dolah, dan Kasim mengerjakan Mawi. Mawi seorang yang kena teruk.

Mutiara, 3 Julai 1951

Berhari Raya dengan Motokar Tuan

“**B**ETUL bertuah kita jadi drebar,” kata Sharom kepada kawannya Kasturi.

“Apa untungnya?” tanya Kasturi dan seterusnya merungut, “Kita betul-betul semacam orang bodoh yang mesti ikut saja, diperintah kita menurut tak boleh bantah-bantah lagi walaupun perintah ini tidak kita sukai. Kita yang menjadi pembawa kereta atau pandu seharusnya sebagai seorang pembawa kita yang harus membawa kereta ke mana saja yang kita sukai. Tetapi tidak dengan hal kita.”

“Jadi aku tanya kepada kau kawan, apa untungnya jadi drebar. Tidak ada langsung bukan? Kalau kita bekerja *night shift* dan *fitter* kita semakin hari semakin pandai dalam ilmu-ilmu tersebut. Dengan menjadi drebar sepanjang masa kita tidak akan dapat kepandaian lain melainkan membawa kereta dan kepandaian itu tidak akan membawa kita menjadi tuan punya kereta yang kita bawa bukan?”

Sharom tersentuh perasaannya mendengar kupasan Kasturi ke atas kaum drebar. Oleh sebab itu Sharom memajukan pertanyaan, “Kalau sedemikian pandangan kau terhadap drebar kenapa kau tidak berhenti jadi drebar, lekas cari kerja lain?”

“Kau lekas marah Rom,” tingkah Kasturi cuba mematahkan kemarahan Sharom. “Bukan kau se-

orang saja yang aku maksudkan tetapi kita membidas umum termasuk diriku sendiri. Masa bagi seorang pekerja drebar terbang, pagi, kita menghantar tuan kita ke pejabatnya, apabila tuan kita masuk dalam pejabatnya kita dan kereta kita berjam-jam menanti tuan kita hingga *time* makan. Kita lalu membawa tuan kita ke tempat makannya. Semasa tuan kita itu makan kita menanti di luar. Selepas dua jam makan dan berehat kita membawa balik tuan ke tempat kerjanya semula dan kita terus menanti."

"Aku tidak mengerti apa sebab kau berkata itu semua?" tanya Sharom.

"Dengarlah dahulu aku berkata, apa yang kita bikin dalam masa yang terluang itu, kita bermain dam bermain judi, bercerita fasal perempuan, fasal air mata. Fasal mengintip anak bini orang, fasal hendak memotong pakaian moden. Perbuatan serupa ini merugikan masa dan merugikan kita juga. Alangkah beruntung kalau masa yang banyak terluang ini kita gunakan dengan membaca buku, dengan belajar bahasa asing atau bahasa lain. Maka apabila kita pandai kelak kita boleh mencari kerja lain yang lebih tinggi."

"Kau pandai mengata orang Ri," seru Sharom dengan agak marah juga. "Aku mahu tahu apa yang kau buat dengan masa yang terluang itu?"

"Aku menggunakan masa dengan membaca buku," sahut Kasturi megah.

"Kau membaca buku, padanlah kau pun turut berkata macam isi buku propaganda," tegas Sharom mengejek.

"Aku," kata Sharom sambil menepuk-nepuk dadanya. "Aku semenjak kecil lagi bercita-cita menjadi drebar, ayahku seorang drebar dan datukku juga seorang drebar, jadi aku menyambungkan kerja drebar yang telah menjadi kerja keturunan aku ini. Anak

aku yang kecil, pada masa hadapan akan aku sekolahkan Melayu saja. Apabila tamat darjah empat atau lima anak itu aku terus berhentikan sekolah dan akan kuajar betul hingga jadi drebar. Bukankah kita beruntung jadi drebar. Kerja sedikit tetapi masa berehat cukup panjang. Apabila hari raya kita pakai kereta tuan kita betul-betul pusing. Orang ingat kereta itu kita yang punya. Mengapa tidak. Hari raya kita berpakaian dan lawa betul macam baju tuan kita, dan motokar kita juga motokar baru.”

“Kita hanya memakai baju baru itu setahun sekali pada hari raya, sebaliknya baju yang lebih baru dan lebih mahal daripada itu digunakan oleh tuan kita setiap hari pergi kerja. Betul sebagaimana kawan kita dapat berhari raya dengan kereta tuan tetapi bukan hak kita, apa ertinya ini.”

Pertelingkahan antara kedua-dua orang itu berhenti sahaja.

Tiba hari raya.

Sharom dapat meminjam kereta daripada tuannya selama dua hari, dan wang minyak tanggungan Sharom.

Pada hari yang pertama Sharom betul bergaya. Familinya sesak di dalam kereta tuan itu dibawanya dari suatu rumah saudara ke suatu rumah saudara. Dari suatu rumah kawan ke suatu rumah kawan. Salangkan pergi ke rumah-rumah yang berdekatan Sharom membawa kereta.

Pada hari yang kedua Sharom tidak gunakan kereta tuan untuk membawa familinya kendatipun isteri dan anak-anaknya merengek mengatakan belum puas naik kereta tuan. Hari ini Sharom tidak mahu membawa familinya berhari raya dengan kereta tuan sebab Sharom telah membuat perjanjian dengan kawannya, akan berhari raya dengan kereta

tuannya bersama-sama kawan-kawan yang lain ke taman hiburan.

Malam ini betul berminum-minum di taman hiburan. Jauh malam baru Sharom membawa balik keretanya. Kerana fikirannya masih diganggu oleh kesan alkohol maka kereta itu berlanggar dengan kereta lain. Mujur juga tak ada seorang pun yang mati, tetapi tercedera.

Pada masa pembicaraan, hakim menjatuhkan hukuman tidak mengizinkan Sharom membawa kereta lagi. Lesennya diambil semula.

Puas sudah Sharom mencari kerja lain tetapi tidak berjaya sebab dia tidak mempunyai kepandaian yang lain.

Hiburan, 7 Julai 1951

Pengantin Budak

SAYA tahu bahawa sesuatu kejadian yang tidak diingini akan berlaku sewaktu ibu saya mengambil serta menjalankan sekali keputusan kilat memberhentikan adik saya, Robiah, daripada bersekolah.

Adik saya Robiah baru berusia 12 tahun lebih.

Semenjak adik saya berumur 12 tahun ibu saya telah membuat keputusan memberhentikan Robiah dari sekolah dengan alasan Robiah telah jadi anak dara sunti - jadi tidak selayaknya lagi dibiarkan dilihat orang di tengah jalan. Sebagai seorang yang berfikiran progresif, keputusan ibu saya itu saya bantah dengan mengemukakan berbagai-bagai alasan. Antaranya sedangkan ibu saya yang telah beranak itu masih berjalan ke pasar dan menonton wayang melihat dan diperlihat orang, seterusnya saya menyatakan bahawa di dalam abad serba kemajuan ini anak-anak gadis tidak perlu dipingit menjadi perhiasan di dapur, berkawan dengan periuk dan belanga, tetapi mestilah mengambil tempat-tempat di dalam gerakan masyarakat yang sedang berjadi-jadi di tanah air kita.

Dik kuat bantahan dan alasan yang saya kemukakan, ibu saya tidak mempunyai jalan lain lagi melainkan adik saya dibiarkan bersekolah terus.

Kali ini sungguhpun saya dengan lebih kuat dan keras membantah azam ibu saya - sebaliknya keputusan yang telah dicapai oleh ibu saya merupakan suatu keputusan muktamad yang tidak dapat ditolak lagi kendatipun dengan menggunakan kuasa veto dan kuasa membatalkan.

Terpaksa saya memajukan soal ini kepada ibu saya kenapa Robiah yang sedang asyik belajar itu dan mempunyai harapan besar pada masa hadapan lalu tiba-tiba sahaja diberhentikan sekolah.

Memainkan senyum raja, ibu saya menegaskan bahawa adik saya telah dipinang orang, pinangan itu telah diterima, selepas Hari Raya Haji adik saya akan duduk di atas pelamin. Terkejut saya mendengar keterangan tersebut. Sewaktu kakak saya dipinang orang dan pinangan itu diterima saya tidak apa-apa. Yang menyebabkan saya terkejut kali ini lantaran usia Robiah masih muda, masih budak lagi, masih belum pantas mengendalikan rumah tangga.

Saya faham betapa kuatnya fikiran Robiah. Pada masa nan lampau pernah saya bertanya kepada Robiah apakah itu rumah tangga. Jawapan Robiah sungguh mengecewakan saya - kata Robiah rumah tangga itu ialah rumah kita, tempat berdiam ayah, ibu, dan saya - lebih daripada itu tidak ada.

Robiah pandai memasak tetapi hanya teori sahaja. Katanya kepada saya untuk memasak lauk tumis, perlu pada santan, perlu pada lada yang telah digiling, perlu pada minyak, perlu pada ikan kalau ikan yang diperlukan. Dalam hal ini saya teringat sewaktu ibu saya pergi menolong di rumah orang kahwin. Dik tidak tahan menanggung lapar saya lantas menyuruh Robiah menjerang nasi dan menumis lauk.

Lauk yang dimasak oleh Robiah tidak mahu diterima oleh tekak saya sebab santannya terlalu

banyak, hampir meloyakan tekak saya.

Robiah serupa inilah yang akan diberikan seorang suami.

Kelemahan benak Robiah terus saya katakan kepada ibu saya dengan maksud ibu saya akan membatalkan perkahwinan itu. Ibu saya mengatakan bahawa selepas berkahwin adik saya Robiah tidak akan dibawa oleh suaminya berpindah ke rumah mentuanya, malah akan tetap tinggal di rumah kita juga. Yang demikian masakan-masakan bagi suami akan terus dimasak oleh ibu saya hingga menantikan Robiah pandai memasak sendiri, dan lagi senang ibu saya mengajarnya bagaimana melayani seorang suami.

Perkahwinan Robiah hanyalah menanti hari sahaja.

Kendatipun persiapan perkahwinan dipersiapkan dengan cara sederhana namun Robiah tetap sebagai biasa.

Robiah tersenyum malu kemudian mengilai dan terus ketawa terbahak-bahak ketika dinyatakan oleh ibu saya bahawa sedikit hari lagi dia akan mempunyai teman hidup.

Akan ada "teman hidup" tidak membawa kesan atau perubahan kepada Robiah.

Robiah yang masih berusia 12 tahun lebih itu masih "budak mentah" lagi, tidak lupa akan kehidupan sehari-hari iaitu bermain anak-anak dan masak-masak dengan adik-adik saya dan budak sebelah-menyebelah.

Kemarahan ibu saya tidak terkira melihat Robiah masih bermain macam budak-budak, walaupun hari persandingannya hanya tinggal tiga hari sahaja.

Kendatipun Robiah dicubit, diketil, dipukul, dimarah, ditengking, diherdik, dan digertak, Robiah

tetap mencari jalan dan terus bermain-main dengan budak sebelah-menyebelah.

Hari persandingan pun tiba.

Malam itu Robiah berada di dalam sebuah bilik khas dihiasi indah oleh mak andam. Robiah betul-betul girang dihias sebagai pengantin dengan pakaian dan perhiasan-perhiasan yang indah lagi mahal. Barangkali Robiah berasa suka sebab sangkanya bersanding di atas pelamin itu samalah seperti menyandingkan anak-anak pada beberapa hari yang lewat, di atas pelamin tong sabun yang dibuatnya.

Sewaktu bersanding juga air muka Robiah tetap girang.

Hanya selepas tiga hari bersanding itu Robiah taat setia melayani suaminya sebagaimana yang diarahkan oleh ibunya.

Selepas tiga hari itu Robiah kembali bermain, dengan budak-budak sebelah-menyebelah biarpun dilarang keras oleh ibu saya.

Suatu hari Robiah dimarahi oleh suaminya sebab tidak menyiapkan makanan yang semestinya. Kemarahan itu tidak sedikit pun menakutkan Robiah malah Robiah menjawab kata-kata suaminya itu. Akhirnya Robiah mengajak suaminya bergaduh.

Pada suatu petang Robiah sedang asyik bermain belon dengan kawannya, pada masa itulah juga suaminya kembali daripada bekerja. Melihat Robiah bermain sebagai budak-budak itu suaminya memarahi Robiah. Barangkali kerana malu dimarahi oleh suaminya di hadapan kawan-kawannya itu Robiah menggagah pinggang menjawab kemarahan suaminya. Tidak sabar suami Robiah lalu dia menampar Robiah. Menerima tamparan itu Robiah terus tunduk ke bumi mencakup batu-batu yang berada di sekelilingnya lalu melontar kepada suaminya.

Perkelahian tetap akan berpanjangan kalaulah

tidak saya dan ibu saya menahan kedua-dua suami isteri itu. Perkahwinan Robiah hanya kekal selama tiga bulan.

Selepas tiga bulan datanglah perceraian.

Mutiara, 3 Ogos 1951

Menanti Ketukan Pintu

DEMI aku melihat perempuan itu menaiki tangga hotel barulah hilang keraguan yang selama itu berkocak di benakku. Keraguan yang dimaksudkan bahawa selama ini tidak aku percayai tuduh-tuduhan yang mengatakan perempuan itu perempuan sundal, perempuan jahat, betina jalang, betina sial, perempuan terkutuk yang membusukkan nama kampung "dengan penglihatan" yang baru juga, maka dengan sendirinya hilanglah sifatku yang selama ini menjadi pembela perempuan itu.

Mulanya aku tidak mahu menerima sangkaan kotor yang bergelimang di benakku. Kerana kurang puas hati itu aku pun naik ke atas hotel itu. Sewaktu aku sampai ke atas hotel itu aku lihat perempuan itu tidak ada lagi.

Sedang aku berdiri itu, penjaga hotel merapati aku dengan katanya tidak berselindung malu lagi, "Itu pelempan sutak atak olang ambil."

Aku bertanya ingin tahu, "Siapa?"

"Olang senang," balasnya tersenyum.

Aku lantas turun dan keluar dari hotel itu. Aku tidak terus berangkat dari situ tetapi aku menanti di sebelah kedai kopi itu. Tidak berapa lama kemudian perempuan itu pun turun dari hotel, perempuan itu melihatku dan kenal aku sebagai seorang sekam-

pung dengannya. Perempuan itu tersenyum keletah melihat aku - bukan jadi pucat kerana rahsia kehidupannya telah kusaksikan. Senyumannya itu seolah-olah membawa pengertian, "Tahu sama tahu". Dengan itu ada apa yang harus aku ragukan bahawa perempuan itu ialah perempuan pelacuran.

Semenjak peristiwa di hotel itu, semenjak itu setiap aku menemui perempuan itu maka setiap itu dia memberi aku senyum manis tahu sama tahu itu.

Tidak lama kemudian perempuan itu mengubah senyum tahu sama tahu kepada senyum yang lebih dalam ertinya. Kerana dia telah berani memberikan senyum yang betul-betul dalam maknanya. Aku pun semakin berani membalas senyumannya.

Pada suatu malam aku mengunjungi rumah perempuan itu. Pintu rumahnya aku ketuk.

Pintu itu dibukanya, mulanya wajah dia adalah girang apabila dia melihat aku yang berdiri di hadapannya, wajah mukanya berubah membayangkan penyesalannya.

Aku hairan betul, sebab menurut pendapatku bagi perempuan serupa dia, kedatangan seorang tetamu disambut dengan gembira kerana kedatangan tetamu bererti kedatangan rezeki. Lantaran sikap yang luar biasa itu yang mendorong aku memajukan pertanyaan, "Tidak sudi menerima aku?"

"Bukan begitu abang," balasnya barulah dengan senyum, senyum yang cuba memikat hatiku.

"Habis mengapa?" tanya aku menyungkil isi hatinya.

"Bagi aku yang kehilangan suami, aku sentiasa menanti ketukan pintu. Aku hanya percaya yang berani mengetuk pintu rumahku mendapatkan aku hanyalah suamiku. Semenjak aku hidup menjual diri, tetamu-tetamu perempuan yang biasa mengunjungi rumahku telah tidak menapak rumahku lagi, dan aku

tidak pernah menerima tetamu lelaki semenjak suaminya dipaksa hilang. Bukan tidak ada lelaki yang ingin bertandang ke rumahku, tetapi aku yang tidak mengizinkan. Biarlah aku seorang saja yang telah cemar, rumahku ingin aku jadikan sebagai suatu tempat yang suci. Dalam kehidupan yang serba kotor, aku hanya dapat hidup suci dalam rumah tanggaku yang belum ternoda," demikian ujarnya. Kemudian dia memandang wajahku dengan tepat.

Kata-katanya itu, bagi aku berupa suatu sindiran yang memukul tepat batang hidungku. Kata-katanya itu memberi makna bahawa kedatangan aku ke rumahnya untuk memperkuasai dirinya tidak diterimanya.

Kerana aku masih bertegak di situ, perempuan itu berseru lagi, "Aku bersedia memenuhi kemahuan tetamuku, biarlah tempat berpesta itu berlaku di tempatnya yang tertentu."

Esoknya aku mengunjungi hotel itu. Sebuah bilik kupinta dengan memberikan wang sewa lebih dahulu. Selepas wang itu kubayar dengan senyum penjaga itu bertanya, "Mahu peempuan?"

Aku tersenyum. Kepada penjaga itu aku menyatakan aku mahu perempuan yang semalam itu dibawa ke kamarku.

Mendengar kemahuanku penjaga memanggil kawannya. Kepada kawannya diperintahkan supaya membawa apa yang kupinta.

Aku kembali ke kamarku.

Tidak berapa lama kemudian, perempuan itu mengetuk pintu kamarku. Pintu itu aku buka. Dengan senyum manis tidak dijemput, perempuan itu memasuki kamarku.

Katanya, "Sekali datang keinginanmu untuk memperkuasai aku, keinginan itu kauteruskan hingga terbukti!"

Balasku tersinggung disindir serupa itu, "Kau juga yang mula membakar hatiku menimbulkan keinginan aku dengan senyummu yang membayangkan nyata."

Sambil ketawa kecil dia membalas, "Masakan kau tidak tahu bagi aku yang telah menjadi korban gelagat sejarah, aku terpaksa menjadi korban untuk hidup. Bukankah di dalam masyarakat yang banyak korban, maka si korban itu pula yang mengorbankan orang lain. Bukankah di dalam kehidupan jarang terjadi orang miskin yang mengorbankan orang yang kaya, tetapi apa yang lazim terjadi orang miskin mengorbankan orang yang sesama miskin atau si kaya mengorbankan si miskin. Biarlah aku menjadi korban katanya, dan kau juga menjadi korban, korban dari aku yang ingin hidup, hidup menanti suamiku!"

Mutiara, 3 September 1951

Perempuan Gusti

BAGI Ahmad Fatimah telah jadi terlalu moden. Dan bagi Ahmad lagi bahawa perempuan yang telah kelewatan moden tidak guna dibuat isteri kerana perempuan yang kelewatan moden sudah tentu faham semasak-masaknya akan soal kelelakian, dan apabila perempuan telah masak dengan soal kelelakian maka mudah benar lelaki itu dipermainkan, dan apabila lelaki sudah boleh dipermudah-mudahkan dan dipermain-mainkan oleh perempuan maka lelaki itu tidak harus lagi dipanggil lelaki, dan tidak juga harus dipanggil perempuan.

Mahu sahaja Ahmad memutuskan pertunangannya dengan Fatimah. Ada suatu rintangan yang menahan Ahmad memutuskan perhubungannya dengan Fatimah, Ahmad terlalu cinta pada Fatimah.

Ahmad tidak akan marah kalau Fatimah mengatakan bahawa dia berbaju jarang sebagai menunjukkan bahawa badannya adalah dipelihara baik-baik, marah juga tidak, kalau Fatimah mahu menonton filem dengan *boy-friend*nya yang lain asal sahaja persahabatan itu tidak menyebut-nyebut kata cinta. Ahmad mengerti bahawa Fatimah telah diberi asuhan kemodenan semenjak kecil lagi jadi susah bagi dirinya untuk menindas kemodenan gadis itu kenda-tipun Fatimah bersifat tunangnya yang rasmi.

Kemodenan Fatimah sesekali itu betul memanaskan darah muda Ahmad. Betapa tidak, kerana Fatimah telah meminta izin daripada tunangnya itu akan dibenarkan dirinya jadi perempuan gusti. Keizinan itu tidak diberikan Ahmad, sebaliknya Fatimah menganggap bahawa dia berhak sendiri membentuk hidupnya asal sahaja soal itu tidak mengenai rumah tangga. Sedangkan dirinya itu baru bertunang dengan Ahmad jadi belum dapat dikatakan sudah berumah tangga, rumah tangga menurut logik Fatimah ialah membersihkan rumahnya dan menyiapkan makan suaminya – habis perkara.

Telah sebulan Ahmad tidak menjumpai Fatimah, rindu hatinya kepada tunangnya Tuhan sahaja yang tahu, rindu itu hanya terpelihara iaitu di dalam lembaran hati anak muda itu.

Sebulan yang bebas itu, sebulan dia terlepas daripada pingitan tunangnya, Fatimah pergi berlatih gusti dengan seorang ahli gusti yang terkemuka.

Mulanya merah padam muka Fatimah kerana pelatihnya menyuruh dia memakai baju mandi di hadapannya, tetapi rasa segan malu tidak juga dilawannya. Lebih malu dan lebih merah jambu muka Fatimah sewaktu setelah dia berpakaian baju mandi maka pelatih itu menggunakan tali ukuran mengukur lebar betisnya, lebar dadanya, dan tingginya, serta beratnya. Kata pelatih itu ukuran seseorang ahli gusti amat perlu sekali.

Ini juga tidak berapa memalukan Fatimah kalau dibandingkan dengan hari latihannya yang pertama di dalam *ring* empat persegi itu.

Di dalam *ring* itu hanya ada dia dan pelatih itu. Tiba-tiba pelatih itu memeluknya – pelatih itu juga memakai baju mandi – dan dengan tidak disedarinya Fatimah terlantar ke atas lantai *ring* itu – mujur juga

- lantai *ring* itu dialas dengan tilam yang besar – mahu patah belakangnya, rasa Fatimah – dilontar sedemikian rupa. Sedang dia masing-masing terlantar di atas lantai, tiba-tiba pelatih itu menerkam kepada Fatimah. Pucat muka Fatimah, kalau ditoreh tidak berdarah. Tahu-tahu sahaja pelatih itu sudah ada di atas badannya, rambut Fatimah digenggamnya dengan tangannya dan kepala Fatimah dihentak-hentak ke atas lantai itu – tidak tahan merasa kebengalan kepalanya maka Fatimah pun menjerit.

Mendengar jeritan Fatimah, pelatih itu bangun mengundurkan dirinya ke hujung *ring*. Pelatih tertawa terbahak-bahak. Kata pelatih di tengah-tengah ketawanya, "Kau tidak mempunyai keberanian lelaki untuk menjadi seorang gusti."

Fatimah tunduk malu mendengar dia dikatakan tidak mempunyai keberanian lelaki. Kerana ini maka dengan tiba-tiba Fatimah bangun dan terus meluru ke tempat pelatih dengan niat cuba menyondol kepalanya ke perut buncit pelatih itu.

Luruan membabi buta Fatimah disedari oleh pelatih, sedang Fatimah di dalam luruan itu, pelatih mengisarkan tempatnya, membuatkan kepala Fatimah bukan menghentam perut pelatih tetapi kepalanya menjerumus ke dalam tali *ring*. Sebaik-baik sahaja kepala Fatimah termasuk ke dalam *ring* itu dengan serta-merta pelatih memintal tali itu mengekang dan menyepit kepala Fatimah. Fatimah malu menjerit lagi tetapi suaranya tersekat.

Latihan Fatimah sudah berjalan dua minggu lamanya. Perlahan, sedikit demi sedikit sifat-sifat malunya dapat dibuangkan dan dia sudah mempunyai keberanian lelaki.

Pada suatu hari Fatimah telah mengajak tunangnya Ahmad melihat dia berlatih gusti.

Kata Ahmad, "Saya tidak mahu."

"Kenapa?" tanya Fatimah.

"Saya tidak tahan melihat orang bergusti, biarpun itu dikatakan suatu jenis *sport*," balas Ahmad.

"Abang berhati perempuan," Fatimah mengejek. Marah Ahmad bertanya pula, "Kau berhati apa?"

Megah Fatimah menjawab, "Aku berhati lelaki."

Perkataan Fatimah ini membawa Ahmad berfikir bagaimana dia dapat berkahwin dengan Fatimah, kalau betul Fatimah berhati lelaki, dan dia berhati perempuan. Kalau hati sudah berubah maka perangai juga akan berubah, bukankah hati itu pembentuk pekerti.

Perangai Fatimah sudah berubah, demikian pada penglihatan Ahmad. Kalau dahulu sewaktu dia berjalan berdua dengan Fatimah, maka tangan Fatimah yang dipimpinnya terasa halus. Kehalusan tangan Fatimah itu membuktikan kehalusan pekerti keperempuanannya. Tetapi kini sewaktu tangan Fatimah dipimpinnya, maka terasalah bagaimana berubahnya tangan Fatimah. Dia terasa bahawa Fatimah yang memimpinnya.

Sedang mereka berjalan menuju ke tempat latihan gusti itu, Ahmad bertemu dengan seorang kawannya, kepada kawannya diperkenalkan Fatimah. Kawannya menghulurkan tangannya untuk menjabat tangan. Tangan itu diterima oleh Fatimah. Sedang mereka menjabat-jabat itu, tiba-tiba muka teman itu berubah membayang sakit. Fatimah yang telah terpengaruh dengan taktik gusti bukan menjabat tangan teman Ahmad malah memeras tangan kawan itu.

Sampai di tempat latihan mereka masuk ke kamar pelatih gusti itu. Alangkah terperanjatnya Ahmad, di hadapan itu, dan di hadapan dirinya sendiri Fatimah menanggalkan kebaya batiknya. Di

dalam kebaya batik itu tersedia baju mandi.
 "Kau nampak sihat," kata pelatih itu sambil memicit lengan dan belakang Fatimah untuk merasa kekerasan kulit Fatimah. Mahu Ahmad mencegah, sebaliknya dia tergamam.

Memeluk leher pelatih, Fatimah membawa pelatih itu ke tempat *ring* latihan.

Pemandangan di dalam *ring* itu sungguh menjolok mata Ahmad, umpamanya apabila Fatimah itu telah rebah ke lantai, tiba-tiba pelatih itu duduk di atas perut Fatimah. Yang lebih menakutkan Ahmad, bahawa pelatih itu bukan seorang perempuan tetapi seorang lelaki.

Setelah Fatimah turun dari *ring* itu untuk bergu-
 rau dengan Ahmad, Fatimah memeluk Ahmad dan membaling Ahmad ke lantai.

Ahmad terasa pedih perit, dalam keadaan ter-
 baring di atas pasir itu Ahmad berteriak, "Kau bukan lelaki dan bukan perempuan, kau jantan."

Pelatih itu dan Fatimah ketawa terbahak-bahak.

Mutiara, 3 November 1951

Fatimah Kahwin

KERANA meletakkan kepercayaan yang terlalu tinggi pada kebolehan diri merubah sifat-sifat Fatimah yang telah terlampau moden, maka Ahmad sedia memaafkan perbuatan Fatimah membalingnya ke tanah sewaktu berlatih gusti tempoh hari, dan juga dia sudah sanggup menarik balik meletakkan perkataan "jantan" atas Fatimah. Ini semua disebabkan gara-gara cinta. Tegasnya cinta dia kepada Fatimah tambah hari bukan tambah merosot malah tambah naik *degree* darah panas cintanya.

Cinta dia kepada Fatimah semakin jadi panas adalah bersebab. Sebabnya, sekarang Fatimah tidak malu membenarkan Ahmad mencium pipinya, malah pernah masa-masanya Fatimah mencium pipi Ahmad. Bahawa Fatimah mencium Ahmad bukan suatu rahsia lagi. Berita-berita serta gambar-gambar Fatimah mengucup pipi Ahmad sudah disiarkan berkali-kali oleh akhbar-akhbar tempatan Melayu, Cina, India, Malbari, dan Inggeris. Sebuah akhbar Inggeris tempatan menyiarkan gambar Fatimah meletakkan mulutnya yang muncung ke pipi Ahmad, betul di *front page*, atau pada muka hadapan, dengan memakai penerangan "Gadis Melayu yang paling moden."

Selain daripada pembaca-pembaca akhbar yang

dapat menyaksikan kejadian cium yang terbalik itu, peristiwa moden yang sudah juga disaksikan oleh berpuluh ribu orang sering-sering benar. Jalannya apabila di dalam peraduan gusti yang disaksikan oleh penuh sesak penonton, selepas berjaya mengalahkan lawannya, maka dengan segera Fatimah turun dari *ring* dan menyedut pipi Ahmad, sebaliknya kalau Fatimah kalah, Ahmad dengan malu akan bersembunyi di dalam bilik salin disaksikan oleh empat biji mata sahaja yang mencium pipi Fatimah.

Mula-mula Ahmad mencium Fatimah di tepi laut. Dengan malu-malu kucing dipaksa oleh jiwa yang bergelora, Ahmad dengan kilat melarikan hidungnya ke pipi Fatimah, sebagaimana lekasnya Ahmad melarikan hidungnya menjamah pipi Fatimah sebagaimana orang mengecap kempunan layaknya, begitulah Ahmad menarik balik hidungnya, dan mukanya dibawanya ke arah lain sebab malu memandangi reaksi Fatimah. Kerana Ahmad telah berani menciumnya, Fatimah lalu menangkap kepala Ahmad dan dibawanya hidung Ahmad ke pipinya hingga membuat Ahmad susah menarik dan sudah tentu pula susah mengeluarkan nafas.

Ini membuat Ahmad berkata, "Mah seolah-olah sudah biasa bercium."

Ulasan itu diketawakan oleh Fatimah dan Fatimah berkata, "Memang sudah biasa."

Pengakuan ini mengejutkan Ahmad dan mulutnya jadi bisu untuk bertanya lebih jauh lagi. Untuk beberapa minit wajah Ahmad menunjukkan kehairanan.

Khairanan Ahmad dipersenyumkan Fatimah, sebagai menghilangkan mendung hairan Ahmad maka Fatimah berkata, "Abang hairan melihat saya pandai bercium?"

Pertanyaan ini meletupkan jiwa Ahmad yang sangsi-sangsi bahawa Fatimah pernah dicium oleh lelaki lain.

Kesangsian Ahmad sudah tidak jadi sangsi lagi sebab Fatimah mengaku, "Saya selalu dicium oleh lelaki, tetapi cium saja, tidak lebih dari itu." Fatimah ketawa kecil memandang wajah Ahmad yang terperanjat dan menyambung, "Bagi seorang gadis moden, dia tidak akan dikatakan gadis moden seandainya dia belum pernah dicium dan mencium."

Semenjak malam itu Ahmad sudah takut mencium Fatimah, kerana rasanya pipi yang telah dinajisi oleh hidung lelaki lain, tidak suci lagi bagi hidungnya.

Kerana tidak dicium oleh Ahmad dan tidak pula dapat menciumi Ahmad, itulah yang menyebabkan perhubungan Fatimah renggang daripada Ahmad. Ahmad sendiri menambahkan kerenggangan itu dengan takut untuk menemui Fatimah.

Kerenggangan itu terasa benar oleh Ahmad. Baru rasanya Fatimah sendiri yang merenggangkan perhubungan mereka, dan sangkanya lagi bahawa Fatimah sudah tidak cinta lagi, Fatimah sudah dapat *boy-friend* lain.

Untuk merapati Fatimah sudah tentu Ahmad mesti pandai mencium dan pandai pula menerima cium. Tetapi soal cium itu tidak dapat dilaksanakan oleh Ahmad, sebab dia memang anticium.

Jadi Ahmad merancang tindakan baru bagi merapatkan hatinya dengan hati Fatimah.

Selama sekian lama Ahmad mencari-cari jalan apakah langkah yang sebaik-baiknya yang harus ditindakan bagi menembusi hati gadis moden.

Selepas tanya-bertanya dengan teman-temannya yang kesemua pernah dan sedang mempunyai hubungan dengan gadis-gadis moden, cara-cara seba-

gaimana lulus ke dalam hati gadis moden, maka akhirnya baru tercapai suatu kesimpulan, kesimpulan itu diakui seratus peratus kebenarannya oleh 95 peratus daripada teman-temannya. Menurut teman-teman itu bahawa jalan yang paling mudah dan yang paling lekas menyampaikan hati kita ke hati gadis moden ialah dengan wang.

Mulanya Ahmad mati-mati tidak bersetuju dengan pendapat ini. Boleh jadi suatu kebenaran tegap, fikiran Ahmad, bahawa hati gadis moden itu mudah jadi lembut dan cair disinar oleh merah ringgit, tetapi tidak dengan Fatimah. Bukankah Fatimah sendiri telah mempunyai wang, pendapatan besar yang diperolehinya daripada bergusti.

Sewaktu Ahmad mengemukakan pendapat tidak setujunya kepada kawan-kawannya itu, kawan-kawan itu jadi geli hati, dan tegas kawan itu, Ahmad pandai menyelam dengan maksud kesimpulan mereka. Masakan dengan menyerahkan wang merah atau hijau-hijau kepada gadis moden maka gadis moden akan terus membuka pintu hatinya dan membenarkan pemberi wang mengambil hati itu.

Tidak begitu kawan!

Caranya begini, jelas kawan-kawan itu lagi, wang itu dipergunakan bagi membeli barang hiasan seperti gincu bibir (gincu bibir yang amat digemari oleh gadis moden - nasihat kawan itu dengan tersenyum) bedak, serbuk merah pipi, air wangi, krim muka untuk melicinkan muka mereka.

"Dan selendang," ujar Ahmad.

"Selendang! Kau gila!" balas kawan itu kurang percaya dengan tegasan Ahmad.

"Kenapa tidak selendang, kan selendang itu digemari betul oleh wanita?" sahut Ahmad.

Lengking agak marah dengan kecetekan fikiran

Ahmad atas soal-soal wanita moden, "Bagi Asmah moden, Rokiah moden, Marlia moden, siapa saja wanita yang moden, selendang itu berupa musuh mereka, memberi selendang kepada mereka bererti memilikkan hati mereka."

"Kenapa?" Ahmad menembak soal ingin tahu.

"Mengapa?" teriak kawan itu kian marah, "Bukankah dengan memakai selendang itu rambut mereka yang bergulung-gulung oleh keriting elektrik tidak akan dapat ditonton dengan asyik oleh kaum lelaki, lebih-lebih lagi kaum wanita yang tidak berkeriting elektrik?"

"Tetapi ...," sambung kawan itu lagi dengan senyum melipat makna, "Hadiah yang tidak akan ditolak oleh mereka, yang juga jadi kunci sisi Sim atau kunci kata Ali Baba membuka gua perompak-perompak bagi membuka lebar-lebar hati wanita moden itu, ialah dengan memberi mereka kain bengkung, kain bengkung itulah yang dihajati oleh mereka bagi merampingkan pinggang mereka."

Sebaik-baik sahaja mendengar nasihat baik kawan-kawannya itu, Ahmad terburu-buru membeli bengkung untuk Fatimah.

Terima kasih Fatimah kepada Ahmad kerana memberikan bengkung kepadanya tidak terbatas, pipi Ahmad betul-betul diciumnya. Ahmad jadi tidak percaya lagi dengan kata-kata kawan-kawannya, Ahmad tidak memerlukan cium tetapi memerlukan hati Fatimah.

Selepas bengkung, Ahmad beli satu set gincu bibir, dan beli itu dan ini. Akhirnya hati Fatimah sudah berjaya direbutnya.

Fatimah sudah pun menetapkan hari perkahwinan mereka.

Pada masa pernikahan sedang berjalan, Fatimah

melontar kadi itu ke lantai. Ini ada sebabnya. Sebab itu lain cerita pula.

Mutiara, 3 Disember 1951

DI SITI
DARI
KAWALAN

Hendak ke Mana Fatimah

KISAH Fatimah "bercekau" dengan kadi yang menikahkannya dengan Ahmad tempoh hari sudah jadi cerita dan buah mulut orang sekampung. Kalau kisah itu sudah jadi cerita buah mulut orang sekampung, maka tentulah pula kisah itu rosak jadinya, satu mulut menceritakan satu macam peristiwa. Ada yang mengatakan bahawa pertelingkahan dengan tuan kadi itu berpunca daripada tuan kadi itu memberi nasihat yang pedas, terhadap Fatimah yang telah moden yang bakal memimpin sebuah rumah tangga. Yang lain menceritakan pula kadi itu enggan menikahkan Fatimah kononnya. Sewaktu Ahmad belum bercinta-cinta dengan Fatimah, adalah bermain hati dengan anak perempuan tuan kadi itu sendiri, dan suatu punca lagi berkata bahawa dahulu tuan kadi mengaku pernah menikahkan Fatimah dengan seorang pemuda lain dengan cara bersulit-sulit dan belum pernah perkahwinan ini diceraikan jadi bagaimana kalau Fatimah sudah kahwin mahu kahwin lagi.

Kerana ini orang tuduh-menuduh bahawa kisah-kisah gadis moden kusut sebagaimana kusut rambut mereka yang keriting gulung-gemulung dibuat oleh jentera elektrik. Orang mengecap lagi bahawa kisah-kisah gadis moden terlalu gelap, lebih gelap, dari-

pada kaca mata hitam yang mereka pakai. Ada pula orang menyatakan bahawa kisah-kisah gadis moden penuh dengan kisah "dahsyat" yang patut disinari dengan dakwat merah, malah kisah-kisah "dahsyat" itu lebih "merah" daripada merah gincu bibir yang disapunya.

Kalau diadakan pungutan suara nyatalah bahawa berita-berita di atas hanya mendapat undian persetujuan setinggi lima atau 10 peratus. Tetapi tentang cerita di bawah ini orang bulat-bulat meletakkan persetujuan 90 peratus.

Tegasnya sewaktu tiba malam pernikahan maka tuan kadi lalu dibawa menghadap Fatimah untuk diambil fikirannya sama ada dia menerima nikah itu atau tidak.

Tuan kadi terus-terus teringat dengan kisah mudanya dan kalaulah boleh mahu dia menjadi muda semula walaupun untuk itu dia terpaksa menukar serbannya yang kuning-kemuning dan terpaksa membela rambutnya yang sudah macam dawai tidak terpelihara itu. Sewaktu kedatangannya disambut dengan senyum melirik daripada Fatimah.

Fatimah memberikan senyum ini kepada tuan kadi bukanlah kerana tidak ada apa-apa. Sebenarnya senyum itu adalah sebagai umpan untuk memancing hati tuan kadi yang memang telah selalu sangat menelan umpan. Maksud yang dibawa oleh senyum Fatimah ialah bahawa dengan "berbuat baik" dia akan terlepas daripada seksa yang mungkin dijatuhkan ke atasnya oleh tuan kadi.

Fatimah takut dia akan dipersoal oleh tuan kadi sebelum menikahkannya, seperti adakah dia telah mengetahui hukum bersuami isteri, adakah dia telah belajar mandi junub, adakah dia telah membaca kitab larangan *Babul Jima'* dan seterusnya. Fatimah tidak tahu tentang itu semua - Fatimah hanya tahu

kahwin itu kahwin.

Usikan senyum Fatimah ditelan bulat-bulat oleh tuan kadi. Agaknya supaya soal-soal persuami-isterian yang dikemukakan oleh tuan kadi kepada Fatimah. Kerana umpannya sudah mengena, sangka Fatimah, maka Fatimah memberikan sebiji umpan sagu hati lagi.

Menerima umpan sagu hati daripada Fatimah yang membuatkan tuan kadi jadi berani, tuan kadi membuka mulut terus bertanya, "Awak masih anak dara lagi?" Tuan kadi mengemukakan pertanyaan ini dengan niat baik untuk bergurau dan untuk ambil tahu. Kerana selama ini tuan kadi itu berpendapat bahawa biasanya gadis moden itu hanya nama anak dara tetapi tentang kesejatiannya tetap diragukan.

Pertanyaan ini menimbulkan marah hati Fatimah. Kata hatinya, "Tuan kadi tanya salah orang. Biar pun aku gadis moden sudah dicium dan sudah mencium, aku tidak buat lebih dari itu."

Kerana takut kemarahan yang berapi-api itu - mungkin tangannya yang bersikap gusti itu berjalan pantas - maka Fatimah bangun mahu lari jauh dari tuan kadi. Tetapi orang-orang di situ sudah menahan dengan bertanya, "Hendak ke mana Fatimah?"

Pertanyaan orang-orang itu tetap tinggal tidak berjawab, Fatimah terus meluru lari ke dalam. Baru-baru meluru itu sudah orang menerkam dan menahan Fatimah. Fatimah jadi meronta-ronta dan orang-orang makin memperkuat pegangannya.

Melihat keadaan itu tuan kadi tampil ke tempat Fatimah yang masih terus meronta-ronta. Tuan kadi mahu cuba memberi nasihat kepada Fatimah. Badan Fatimah dipegangnya dengan katanya, "Fatimah, kau dirasuk syaitan. Mengucap Fatimah! Mengucap!"

Orang-orang lain pula marahkan Fatimah dengan

kata mereka, "Apa salahnya tuan kadi bertanya ini, kan pak kadi berhak tahu. Kalau kita masih anak dara apa disusahkan. Kalau kita bersih, kita bersih!"

Kata-kata itu tambah memberangsangkan kemarahan Fatimah. Dengan menggunakan cara gusti dile-raikan siapa sahaja yang memegangnya. Di dalam meleraikan itu tuan kadi melambung dibuat oleh lon-taran Fatimah.

Hampir malam – nikah Fatimah terpaksa dibatal-kan. Dengan fikiran saudara mara lalu diambil perse-tujuan supaya panggil sahaja kadi yang lain.

Kadi lain terus dipanggil.

Kadi baru itu sewaktu di dalam kereta tadi siang-siang sudah diberi amaran, jangan tanya-menanya kepada Fatimah. Datang terus nikah - beres.

Malam itu beres pernikahan Fatimah dengan Ahmad.

Mutiara, 4 Januari 1952

Di Kaki Tangga Keramat

BARU saya menaiki tangga keramat menuju ke tempat jasmani nan murni aulia yang terkenal itu dimakamkan, seorang pemuda menunjukkan ke tempat berada saya, tibanya dihulurkan beberapa lembaran kertas.

Saya mempelajari perawakan pemuda itu. Orang yang masih remaja lawa tetapi kecantikan mukanya ditutupi kekotoran bersadur daki, kumis, dan jambang yang tidak tercukur, pakaiannya melekat lumut, bertampal di beberapa tempat.

Dengan mengulum senyum saya menerima lembaran-lembaran yang dihulurkannya.

Saya meninjau tulisan di atas kertas putih itu, pemandangan saya ditarik oleh setitik darah pekat bekas percikan di atasnya, minat saya ditarik oleh ciptaan itu, "Cara mempercayai keramat."

Saya ingin sekali mengenal cara yang wajib kita menerima jiwa suci. Saya maklum beratus malahan berjuta-juta orang kita sentiasa menaiki tangga keramat untuk meminta kepenuhan niat di hati, meminta laba bertarung lumba kuda, loteri, dan....

Sedang saya memasang mata saya ke barisan pertama tulisan itu, pemuda itu berkata, "Tuanlah manusia ketiga manusia yang sudi membaca gubahan saya, yang lain mencemuhkan saya."

Antara isi ciptaan jejak itu, dia membayangkan bagaimana karutnya kepercayaan kita terhadap keramat. Mereka semata-mata menyerahkan nasib meminta sesuatu daripada keramat, seolah-olah keramat ini mempunyai sifat berkuasa seperti Tuhan.

Sejumlah besar orang kita menyangka keramat mungkin memenuhi permintaan kita sebagai tukaran zikir-zikir pulut, bubur, dan pisang.

Saya percaya sekiranya aulia yang di seluruh Tanah Melayu masih hidup memerhatikan bagaimana makam perkuburan mereka dilakukan, ah, wali-wali ini akan mengusir kita dari pusaranya!

Lebih jauh tulisan itu mengulas cara yang mempercayai keramat-keramat, ulasan itu membawa bahan yang dapat diterima akal.

Pada akhir tulisan itu tersembul nama si penulis, "Isman".

Saya kembalikan rencana itu sembari mengutarakan terima kasih, gagal niat saya menaiki terus ke atas. Saya mendudukkan diri di kaki anak tangga, di sisi duduknya pemuda itu.

"Saya bersimpati dengan tulisan saudara. Mengikut keterangan yang tertera di situ, si penulisnya bernama Isman. Saya sebagai pencinta kesusasteraan kerap bersua buah pena 'Isman' pada lembaran akhir dan majalah-majalah kita. Mungkinkah saudara mengenalkan saya kepada Isman?"

"Saya Isman," balas remaja itu.

Saya terpegun sejenak.

"Saya faham, susah untuk tuan mempercayai bahawa saya "Isman" pada kala tuan mengukur saya daripada keadaan saya kini, terpulang ke atas tuan sama ada suka mempercayai sayalah yang memakai nama Isman. Biar bagaimana buruknya keadaan saya, saya tetap pencipta yang memakai samaran

nama Isman. Dengarlah tuan rintihan pujangga Shakespear yang termasyhur ini: Puspa Ros dipanggil dengan nama lain akan mengharum sebagai bunga ros.

"Saya tidak menduga sama sekali saudara yang menggunakan nama pena Isman. Saya sering membaca ciptaan Isman. Ciptaan saudara menarik minat, tuan melukis setegas-tegasnya tinjauan tuan ke atas maya, mengupas silang-siur masyarakat. Andai kata tuan berdiam di sini masakan tuan mungkin membawa kupasan dunia dan pergaulan. Ini membuatkan saya susah mempercayai bahawa saudara berlingdung di balik nama Isman."

"Saudara harus ingat sekali saja kita meninjau dunia, kitalah masak dengan keadaan buana."

"Kan gelagat dunia saling membongkar perubahan."

"Tidak tuan, dunia tidak berubah, masa tidak mengambil perubahan, manusia juga tidak berubah. Cuba saudara renungkan keadaan dunia pada zaman peperangan dan pada zaman keamanan, seribu satu macam songlap kejahatan bercambah. Ini bukan perubahan pembawaan dunia baru, kejadian kejam serupa ini telah berada pada zaman sebelum lahirnya penganjur ulung Muhammad (s.a.w.) membawa ke permulaan dunia di mana dua bersaudara anak Adam menumpah-ruahkan darah. Yang berubah hanya fikiran manusia yang gila mencipta. Kiranya dahulu lembing dan batu merupakan bedil pertelagahan. Kini atom dan jet membunuh. Ah! Saudara, beruntungkah maya dengan perubahan-perubahan ini?"

"Saudara Isman, kenapa saudara berdiam di sini?"

"Saya bertindak mengasingkan diri dari kancha huru-hara dunia yang berpusing di sekeliling."

"Tadi tuan menegaskan sayalah makhluk ketiga makhluk yang telah menatap gubahan saudara berhubung mempercayai keramat."

"Pertama saya sendiri, kedua Rahmah, ketiga saudara."

"Siapa Rahmah?"

"Tunangan saya, belahan jiwa yang kucintai."

"Di mana dia sekarang?"

"Di perlimbahan hidup, dihidupkan dosa, sudahkah saudara mendengar kisah Rahmah? Tidak payah saya menceritakannya. Apabila saudara kembali nanti saudara buka *Mutiara*, bilangan yang sudah-sudah, saudara akan menjumpai cerita pendek gubahan saya berhubung dengan kisah Rahmah."

"Saudara Isman, saya masih ingat cerita saudara di dalam *Mutiara*, yang memakai tajuk "Dosa Hidup". Saya mula menyangka cerita itu fiktif semata-mata."

"Saya tidak menyalahkan saudara menyangka sedemikian. Saudara renungkan, kalau tiada kejadian maka tak ada karangan. Banyak pembaca menyangka semua cerita yang digubah oleh pena pujangga kita bersifat khayal atau karangan belaka. Mereka tidak sedar antara gubahan-gubahan itu si pengubah menjalani kisah dirinya. Kisah yang berlaku di bawah lindungan bumbung, kisah bertabur di tengah-tengah kancah masyarakat, kisah realiti."

Saya teringat "Dosa Hidup", tempat Isman meriwayatkan pertemuannya dengan seorang wanita hartawan bernama Rahmah. Cinta mereka dibanjiri madu bahagia, hampir menghanyutkan biduk asmara mereka ke tebing perkahwinan. Rahmah seorang gadis kolot, di bawah pimpinan pemberangsangan Isman berjaya jelita ini berdikit-dikit menghapuskan kepercayaan yang telah basi itu. Cuma suatu sahaja yang tak mungkin dihapuskan, kepercayaan buat Rahmah terhadap keramat. Apa sahaja yang

akan dibuat dia akan meminta disampaikan oleh keramat.

"Seminggu lagi perkahwinan kami berlangsung. Pada hari itulah saudara, dia menyeksakan batin saya. Peri sukma saya karam dibanjiri bah nestapa, terbayang-bayang di ruang mata saya liang lahad, tak tertahan saya menahan bisa tembusan panah kepiluan, retak penaka terkerat arang nubari saya ... ah ...!

Rahmah meminta saya melupakan dirinya, membatalkan perkahwinan kami. Adakah keputusan yang lebih kejam daripada tindakan kekasih saya. Saya minta seboleh-bolehnya kepada Rahmah agar menjelaskan sebab-sebab yang memaksa dirinya menyeksa atma jiwa saya. Dihuraikan kenapa dan mengapa. Seminggu yang silam dia telah menziarahi keramat ini, membawa pisang dan makanan lain untuk didermakan kepada keramat, sebagai pembalasan, Rahmah merayu agar memberinya suatu mimpi apakah nanti kesudahan yang menanti perkahwinan saya dan dia. Kiranya lahir impian menyangkan gambaran malang, perkahwinan pasti berakhir dengan perceraian dan pembunuhan. Lantaran mimpi karut ini jalinan asmara kami terpaksa diputuskan, perkahwinan dibubarkan.

"Dari saat ini saudara, saya bertekad akan duduk di kaki tangga keramat ini - memberi penerangan cara-cara yang wajib dipercayai keramat."

Saya bertanya cuba mencungkil, "Di manakah Rahmah, kini?" Dia meneruskan ceritanya.

"Selepas Rahmah memutuskan percintaan dengan saya, Rahmah kembali ke tebing kehidupan yang mula, berjudi sepanjang zaman, di bawah alunan judi sering dia ke mari meminta tangkal azimat supaya berlabab dalam bertarung, berkali-kali saudara. Telah saya anjurkan nasihat pandangan

kepada dia, malah saya dimaki diludahnya. Pada suatu hari saya minta agar dibacanya ciptaan saya yang sudi saudara menatap tadi.

"Selesai saja dia membaca, jari-jemarinya melayang di angkasa seperti kilat menyinggahi pipi saya, entahkan tiga entah empat pukulan- mengalirlah darah dari mulut saya - darah pekat merah tua, darah bercanai dendam. Itulah saudara di atas ker-
tas gubahan itu terpalit setitik darah!"

Sebulan saya tidak menziarahi saudara Isman. Suatu hari minggu saya berpeluang menyusur ke keramat itu. Puas saya cari Isman sekeliling tidak juga terjumpa, gelap bagi saya, ke mana terbangnya? Saya perhatikan di hujung keramat itu tersergam sebuah teratak kecil yang baru dibangunkan. Saya menuju ke sana untuk mencari berita kehilangan Isman.

Tersentak saya rupa-rupanya Isman yang menjemput saya ke dalam. Lama nian kami berbual baru-
lah sambungan cerita Isman menusuk ke dalam kuping saya.

"Dari beberapa teman saya yang menyinggahi ke mari saya mendengar berita sedih nan risau, berita yang mengatakan Rahmah ditimpa kemiskinan kesan gara-gara berjudi. Pada suatu hari Jumaat sedang saya ingin menuju ke masjid berjemaah Jumaat saya terpendang seorang perempuan tersembul di bendul pintu keramat.

Perempuan itu mengeluarkan batu dari atas kain di tangannya, sebelum sempat saya tangkap dia melontar batu itu ke pusara suci, sempat tangannya saya tangkap dan saya pulas, terlepas batu itu di-
iringi jeritan kecil. Dendam berbalas, tamparan dari-
pada dia pulasan tangan daripada saya. Perempuan itu tidak lain daripada Rahmah. Dia membentak, "Keramat menoda tuah saya". Lantas saya kupas

pendirian keramat di sisi masyarakat.

"Saya tahu dia menyesal, menerawang air matanya yang bergenang. Bujuk dan cumbu saya curahkan, pada hari itu juga saya bawa kecintaan saya menghadap kadi. Rahmah kini isteri saya. Dia dan saya sendiri telah bertekad akan bekerja membela insan yang tersesat memahamkan wujudnya keramat."

Mutiara, 4 April 1952

Tuk Mat Menjadi Demang

TUK MAT baru sahaja balik dari pejabat orang besar Jepun bersama-sama dengan beberapa orang yang terkemuka lagi yang dipandang oleh Jepun mempunyai pengaruh ke atas bangsa-bangsa mereka. Orang-orang kaya lagi dihormati itu dipanggil oleh Jepun untuk merundingkan suatu perkara yang amat besar dan mustahak.

Pada masa orang-orang kaya itu telah berkumpul dan duduk di tempat masing-masing. Orang Jepun itu bangun lalu memberi suatu syarahan yang berapi-rapi. Kata Jepun itu, "Orang-orang Jepun banyak terima kasih kepada tuan-tuan semua kerana tuan-tuan semua suka kerjasama dengan orang-orang Nippon, orang-orang Nippon lawan sama musuh ialah kerana mahu Asia untuk orang-orang Asia, orang-orang Nippon banyak terima kasih kepada tuan-tuan kerana banyak tolong orang-orang Nippon. Orang-orang Nippon minta tolong tuan-tuan lagi. Sekarang orang-orang Nippon sudah lantik tuan jadi tiga bintang. Orang Nippon panggil '*suchu*', orang Melayu panggil '*demang*'. Tuan-tuan semua nanti balik boleh pilih mana orang-orang patut tuan jadikan '*siu kuchu*', atau dua bintang, atau '*penghulu*' dan '*kumichu*', atau '*sidang*'.

Geli hati Tuk Mat apabila dia memanggil dirinya

sendiri *suchu*. Inilah pertama kali gelaran atau perkataan *suchu* itu didengarinya, walaupun hodoh bunyinya panggilan itu Tuk Mat berbesar hati juga bahawa tentulah perkataan *suchu* besar maknanya dan kuat pengaruhnya.

Tuk Mat dilantik oleh Jepun menjadi demang atau *suchu* di dalam daerah "A" bukanlah kerana Tuk Mat menjadi pemimpin tetapi memandangkan kekayaan Tuk Mat. Hampir semua demang yang dilantik oleh Jepun pada masa itu terdiri daripada orang-orang yang hartawan belaka. Pilihan serupa ini dijalankan oleh Jepun menurut sangkaan ramai pada masa itu ialah konon apabila orang kaya yang menjadi demang maka orang kaya itu sendiri membelanjakan wangnya bagi menjalankan kerjanya dengan tidak menyusahkan pihak pemerintah Jepun lagi.

Tuk Mat memang kaya, kekayaan Tuk Mat diketahui oleh orang Melayu mahupun orang Cina, India, dan Nasrani. Tetapi mereka juga mengetahui Tuk Mat di samping dikenali sebagai seorang kaya lebih dikenali sebagai seorang maha kedekut. Bukti tentang kedekutan Tuk Mat bolehlah didapati daripada kehidupan saudara-maranya yang tinggal di dalam daerah Tuk Mat juga. Orang kaya memang banyak saudara, yang bukan saudara pun akan mengakui saudara. Jadi Tuk Mat juga mempunyai banyak saudara. Tuk Mat tinggal di rumah batu besar dan mempunyai dua orang isteri, manakala anak-anak lelaki Tuk Mat yang ketiga-tiganya telah kahwin tinggal di rumah-rumah yang sederhana. Tuk Mat jarang benar mahu menolong anak-anaknya yang telah beristeri dan beranak itu walaupun Tuk Mat mengetahui kehidupan anak-anaknya dalam keadaan susah.

Daerah jagaan Tuk Mat ialah yang terbesar, jadi Tuk Mat mestilah memilih tidak kurang daripada 10 orang *siu kuchu* atau penghulu. Dan tiap-tiap se-

orang penghulu itu pula terpaksa memilih 10 orang *kumichu* atau sidang.

Selama berjalan kembali daripada persidangan orang besar Jepun itu Tuk Mat berfikir siapakah yang patut dipilih sebagai penghulu dan sidang di dalam daerahnya. Tuk Mat mengerti kedudukan-kedudukan ini semuanya mempunyai kuasa, jadi Tuk Mat membuat keputusan kuasa ini tidak boleh diberi pada sebarang orang sebab Tuk Mat berpendapat kedudukan yang berkuasa juga disebabkan orang Jepun tadi telah mengatakan bahawa kedudukan ini terletak di bawah jagaan polis atau tarafnya dengan polis pada masa pemerintahan Dai Nippon pula memang betul-betul berkuasa. Kata Jepun itu polis biasa bekerja menangkap orang-orang salah manakala tugas *suchu* dan penolong-penolongnya ialah memerhatikan kebaikan masyarakat.

Malam itu juga Tuk Mat membuat suatu senarai tentang pemilihan dan perlantikan penghulu-penghulu dan sidang-sidang.

- Suchu* (demang) - Hj. Ahmad bin Hj. Abdul Manan (Tuk Mat)
- Siu kuchu* (penghulu) -
1. Kasim (anak Tuk Mat yang tua sekali)
 2. Abu (anak Tuk Mat yang nombor dua)
 3. Ali (anak Tuk Mat yang nombor tiga)
 4. Hj. Daud (ayah kepada isteri muda Tuk Mat)
 5. En. Omar (ayah kepada isteri Kasim jadi biras kepada Tuk Mat)

6. Pak Ngah (abang ipar Tuk Mat, abang kepada isteri tua Tuk Mat)
7. Baba Chong Leong (kawan Tuk Mat yang paling rapat, pada masa muda, mereka selalu berjoli-joli dengan perempuan dan minum hingga mabuk bersama)
8. Masih kosong
9. Masih kosong
10. Masih kosong

Kumichu (sidang) Encik Osman (pemungut sewa rumah sewa Tuk Mat).

Lagi sembilan tempat yang kosong itu belum dipenuhi oleh sesiapa.

Sewaktu Tuk Mat menawarkan kepada orang-orang yang dipilihnya untuk menjadi penghulu dan sidang, orang-orang itu enggan menerimanya dengan alasan mereka bahawa kerja serupa itu betul-betul menyusahkan diri sendiri dan tidak berhasil. Maka tidak hairanlah tempat bagi tiga penghulu dan sembilan sidang itu masih kosong disebabkan tidak ada orang yang suka menerima jawatan itu.

Barangkali hal kesusahan mencari orang yang suka menjadi sidang dan penghulu itu disedari oleh Jepun maka suatu perintah dikeluarkan oleh pihak pemerintah Jepun menyatakan bahawa orang-orang yang menjadi *siu kuchu* atau *kumichu* akan terlepas

daripada menjadi tentera dan pekerja-pekerja *botai* Jepun.

Dengan terumumnya perintah itu Tuk Mat mendapati kedudukan sidang dan penghulu itu sebagai kedudukan yang paling direbuti orang. Orang-orang yang mulanya menolak lantikan Tuk Mat kini merayu-rayu kepadanya supaya menyerahkan kepada mereka kewajipan itu.

Tuk Mat sedar bahawa keadaan itu mungkin membawa keuntungan yang besar bagi dirinya. Semalam Midin Koti, Malbari tuan punya kedai di daerah itu - malam-malam hari - telah menjumpai Tuk Mat meminta jawatan penghulu yang masih kosong itu. Tuk Mat enggan memberikan jawatan itu kepada Midin Koti memandangkan bahawa Midin Koti tidak tahu membuat *report-report* sama ada dalam bahasa Melayu, atau bahasa Inggeris.

Midin Koti menyatakan dirinya berada dalam keadaan tak tentu arah sebab takut dipaksa menjadi tentera. Seterusnya Midin menyatakan bahawa sekiranya jawatan penghulu itu diberikan kepadanya maka dia bersedia menghadiahkan Tuk Mat wang Nippon sebanyak \$2000 dan berhubung dengan *report-reportnya* dia akan menyuruh salah seorang sidang di bawah jagaannya supaya membuat *report* itu.

Tuk Mat berkata, "Dua ribu tidak cukup. Saya mahu lima ribu."

Midin Koti terkejut mendengar permintaan \$5000 itu, "Banyak mahal!" ujar Malbari itu.

Kata Tuk Mat, "Midin kasi saya \$5000, Midin boleh untung dua kali."

"Macam mana?" tanya Midin kehairanan.

"Begini," balas Tuk Mat memberi pandangan. "Apabila Midin jadi penghulu Midin pilih sepuluh orang sidang di bawah jagaan Midin. Pada masa ini

orang berebut-rebut minta jadi sidang. Katakan Midin terima \$2000, atau sekurang-kurang \$1000 untuk seorang sidang. Midin kira sendiri berapa jadinya kalau sepuluh sidang. Nah, Midin tentu untung bukan?"

Midin termakan dengan penerangan Tuk Mat. Dengan tidak kira-mengira lagi Midin terus membayar \$5000. Ini kali pertama dalam sejarahnya Midin tidak lokek, kalau tidak setiap wangnya yang keluar itu dikiranya betul-betul.

Tempat dua penghulu yang masih kosong itu telah dipenuhi dalam masa dua hari sahaja. Kedua-dua penghulu itu direkomen oleh Kasim, juga reko-men duit.

Tauke pajak yang tinggal tidak berapa jauh dari tempat Kasim betul-betul berasa takut apabila membaca daripada surat khabar Cina bahawa pihak Nippon telah mengeluarkan perintah bahawa tiap-tiap orang yang tidak bekerja mestilah menjadi tentera Jepun, sekurang-kurangnya bekerja di *botai-botai* Jepun. Tauke pajak itu tidak mahu jadi tentera atau bekerja di *botai* Jepun. Dia terus-menerus mahu jadi tauke, bertambah pula menjadi tauke pajak pada zaman Jepun menjamin keuntungan yang maha besar. Rakyat terlalu miskin sedangkan barang-barang makanan dan pakalan harganya membumbung langit. Untuk hidup rakyat terpaksa bercerai dengan harta pusaka mereka, caranya ialah dengan menggadai barang-barang itu.

Melalui surat khabar Cina, tauke itu kini juga sedar bahawa penghulu sedang dilantik dan sesiapa yang jadi penghulu bebas daripada segala pekerjaan paksa Jepun. Menurut risikan yang sampai di telinga tauke itu, di bawah jagaan *suchu*, Tuk Mat masih ada dua tempat penghulu yang kosong lagi.

Tauke pajak itu memang kenal baik dengan

Kasim, anak Tuk Mat. Kasim selalu berhutang duit dan bergadai barang-barang isterinya kepada dia.

Pada suatu hari Kasim mahu menggadaikan kalung perak isterinya.

Kata tauke itu, "Kasim, ini jam barang tidak ada harga."

Balas Kasim, "Tauke, *time* Jepun, semua barang ada harga. Lu bukan tidak tahu dulu-dulu abu-abu dapur kita buang, sekarang abu dapur laku orang beli bikin sabun, mahu bikin sabun dari minyak banyak mahal, mahu beli minyak mesti ada kupon, mahu kupon pagi-pagi orang belum bangun mesti pergi ke tempat minyak merah atau beratur.

Kata tauke itu, "Lu jadi penghulu banyak sinang, tidak payah beratur lagi, lu pakai itu dua bintang lu senang boleh ambil kupon minyak."

Ujar Kasim, "Tauke, sudahlah jangan cakap-cakap lagi gua banyak kerja. Kasi *gua* wanglah *gua* gadai itu kalung perak."

Kata tauke itu, "Eh, Kasim, *gua* boleh kasi lu wang kalau lu boleh tolong sama *gua*!"

Tanya Kasim, "Lu apa mahu?"

Kata tauke, "*Gua* mahu jadi *kumichu*."

Kata Kasim, "Sekarang banyak susah mahu jadi penghulu."

Kata tauke itu, "*Gua* tahulah, kasi *gua* jadi *kumichu*, *gua* boleh kasi wang!"

Tanya Kasim, "Berapa lu boleh kasi."

Kata tauke itu, "Berapa lu mahu?"

Kata Kasim, "*Gua* mahu lima ribu ringgit."

Kata tauke itu, "Aiyah ...!"

Kata Kasim, "Lain orang mahu kasi *gua* lagi banyak tetapi *gua* tidak mahu, *gua* kasi sama lu jadi *kumichu* sebab lu sama *gua* kawan baik."

Kata tauke itu, "*Gua* kasi dua ribu ringgit."

Selepas tawar-menawar tauke itu bersetuju

memberi tiga ribu ringgit.

Malam itu juga dengan wang \$3000 Kasim pergi menjumpai ayahnya Tuk Mat. Kepada Tuk Mat Kasim serahkan \$2000, dan Tuk Mat terus memilih tauke itu menjadi salah seorang penghulunya. Kasim meminta \$500 komisen daripada \$2000 itu. Kasim bersumpah atas nama Allah bahawa dia satu sen haram pun tidak dapat pemberian daripada tauke itu. Oleh sebab kuat benar sumpahan Kasim Tuk Mat terus memberi \$500 kepada anaknya.

Seorang lagi yang direkomenkan Kasim ialah Baba Tik Lok yang kaya itu dengan mendapat untung bersih \$2000.

Mutiara, 4 Jun 1952

Fatimah Sebagai Isteri

FATIMAH dan Ahmad sudah ada di dalam bilik pengantin sekarang. Apa yang pertama jadi ingatan Fatimah sewaktu berada di dalam bilik pengantin ialah bagaimana caranya untuk membuat Ahmad tunduk padanya dan untuk selama-lamanya.

Untuk membuat Ahmad tunduk padanya maka Fatimah perlu menunjuk garang-garang bagi wanita adalah berupa kekuatan - dan garang itu sebaiknya perlu ditunjukkan sekarang juga. Kalau tidak nanti Ahmad akan menunjukkan garang seorang suami. Kalau suami sudah menunjukkan garang maka garang isteri tidak ada gunanya lagi.

Tetapi Ahmad tidak tahu soal garang. Bagi Ahmad seorang isteri adalah seorang isteri, dan *nature* sudah menentukan bahawa perempuan adalah daripada jenis kaum yang lemah, maka perempuan harus tunduk pada lelaki. Sayang betul - Ahmad sudah lupa atau jadi lupa sebab terlalu bangga dapat kahwin dengan Fatimah - bahawa *nature* sudah ikut perubahan masa, dan perempuan juga sebagai anak alam turut dibawa oleh perubahan masa - perubahan masa sudah menunjukkan bahawa tidak ada perbezaan antara lelaki dan perempuan. Tetapi alam yang sentiasa berubah itu tidak dapat merubah satu yang dipunyai oleh wanita

- bahawa wanita sering berfikir dirinya lebih cantik dan lebih kuat daripada yang lain. Sikap Fatimah dalam hal itu tidak juga dapat diubah oleh masa.

Fatimah sudah bulat fikiran, inilah masa yang sebaiknya untuk mencuba kekuatan, dan Ahmad pula berpendapat inilah masa sebaiknya untuk menunjukkan manja kasihnya.

Nasi pengantin yang terhidang di depan tadi belum dijamah lagi. Ahmad bukan segan untuk memakan nasi itu tetapi Ahmad mahu manja - tegasnya Ahmad mahu Fatimah akan menyendukkan nasi itu dan memujuknya dengan bahasa yang lunak menyuruh Ahmad makan. Ahmad jadi terkejut - ke manakah hilangnya kehalusan dan kemerduan suara Fatimah sewaktu romantik di tepi-tepi laut dahulu? Ahmad enggan makan dan masih terus ingin dipujuk dengan suara yang lunak.

Suara Fatimah yang agak tidak sebegitu kuat tadi jadi melengking, "Makanlah, malu-malu kucing pula!" Orang-orang yang memasang telinga pada dinding bilik pengantin itu mulanya tersenyum, kemudian senyum yang tidak dapat ditahan itu terus menjadi suatu ketawa besar. Ketawa besar itu didengari oleh Fatimah dan Ahmad - Fatimah seharusnya jadi malu dengan muka yang merah - tetapi tidak malu malah Fatimah tersenyum kambing - Fatimah tersenyum sebab mengerti bahawa yang ketawa-ketawa besar adalah perempuan semuanya - yang mengintip - jadi Fatimah sudah mengerti bahawa perempuan akan sentiasa berpihak kepada perempuan biarpun mereka bersalah, dan semua perempuan mahu mengatasi lelaki. Ketawa besar perempuan-perempuan yang mengintip itu adalah suatu tanda simpati atas Fatimah dalam pusingan pertama mengalahkan Ahmad.

Ahmad pula jadi malu mendengar ketawa besar

perempuan-perempuan yang mengintip itu. Kalau tadi sudah mahu dia menurut perintah makan isterinya maka kini kemahuan itu sudah hilang ditelan oleh malu.

Makin Ahmad malu makin pula tambah kemarahan Fatimah. Dengan suara yang sengaja dibuat kuat Fatimah meneriak supaya Ahmad makan dan dengan sendirinya pula ketawa di luar dinding jadi ketawa yang terbahak-bahak. Dan dengan sendiri pula senyum Fatimah jadi tambah manis, senyum yang membayangkan kemenangan.

Ahmad benar-benar rasa hairan - kalau Fatimah sudah memaksa dia makan kenapakah Fatimah tidak menyendukkan nasi untuknya, bukankah kerja senduk-menyenduk lauk-pauk adalah menjadi suatu kewajiban isteri? Biar Ahmad menunggu - Fatimah masih diam terus. Ahmad tidak menduga maksud Fatimah adalah lain - bahawa Fatimah mahu menyenduk sendiri bukan pula berniat untuk mengajar Ahmad bahawa lelaki harus berdiri di atas kaki sendiri.

Mahu tidak mahu - Ahmad terpaksa menyenduk nasinya sendiri, tetapi Fatimah masih diam terus. Ketawa dari luar dinding tambah jadi hangat sebagai menyatakan bahawa dinding itu mempunyai lubang-lubang untuk ditinjau oleh mata.

Dengan senyum yang lebih manis tetapi kali ini dengan suara yang lembut menawan hati maka Fatimah merayu supaya Ahmad menyendukkan nasinya dengan alasan takut gincu tangannya yang merah itu jadi pudar disebabkan menyenduk nasi. Ditekan oleh perasaan yang mudah benar menerima pujukan yang melunak lembut maka Ahmad lantas dengan hati yang terbuka menyendukkan nasi Fatimah. Ketawa tadi sudah berubah menjadi ketawa mengilai yang menyatakan bahawa lelaki boleh dikalahkan

dengan dua cara – kegarangan dan kehalusan.

Pengaruh dua cara ini sudah menetapkan bukti yang menewaskan Ahmad. Semenjak itu Ahmad sentiasa kalah rebah dengan garang dan bujuk Fatimah.

Fatimah sudah berjaya penuh sekarang.

Sekarang kalau Ahmad balik kerja, sebelum mandi dia lebih dahulu harus memasak nasi, mencuci pinggan mangkuk dan kadang-kadang apabila hari minggu terpaksa pula mencuci pakaian Fatimah, sungguh pakaiannya sendiri didobi saja sebab Fatimah tidak kuasa mencuci dan menyeterika pakaiannya itu. Apa yang dibuat oleh Fatimah ialah keluar ke sana sini, masuk ke dalam gelanggang masyarakat dan kalau di rumah hanya membaca buku-buku romen.

Walaupun pernah Ahmad menunjukkan garangnya tetapi kegarangan Ahmad ditekan oleh kelembutan pujuk daripada Fatimah.

Kini Ahmad baru mengerti bahawa isteri bukan saja isteri – isteri adalah seorang perempuan – dan jarang orang dapat mengertikan apakah itu perempuan.

Mutiara, 4 Julai 1952

Bermain Api

DINDAI

Hendakku catatkan di sini curahan perasaanmu sendiri, tetapi kata-kata merdu itu nanti akan menjemukan perasaan kau. Kerana kita sudah terlalu menelan kata keasmaraan, hingga kita lapar dengan kata-kata yang berupa kenyataan dan kebenaran.

Mujur juga kita belum berumah tangga, seandainya rumah tangga itu kita dirikan juga, samalah seperti kita sengaja menempuh laut yang bergelora.

Melihat peristiwa demi peristiwa, maka bertambah perasaan takutku untuk mendirikan sebuah rumah tangga, kerana aku takut rumah tangga yang kudirikan itu akan roboh sebaik sahaja didirikan.

Antara peristiwa-peristiwa rumah tangga, aku betul-betul teringat dengan peristiwa yang menimpa Azizah, kawanku.

Rumah tangga Azizah didirikan atas asas cinta yang kumaksudkan sebelum mereka bernikah dan bersandingan. Kedua-duanya telah lama dilamun dan dibuaikan oleh pawana asmara. Pernah kude-ngar kedua-dua merpati itu membuat sumpah akan mendaki gunung bersama dan menuruni lurah bersama-sama. Sumpah-sumpah mereka bagiku cukup untuk kujadikan suatu pegangan di dalam

menelah bahwa rumah tangga yang akan didirikan oleh mereka akan kukuh teguh.

Nyata, sangkaanku salah belaka, hanya enam bulan rumah tangga itu menegak jaya, kemudian roboh dan runtuh dinda.

Kalau Azizah kusalahkan dalam hal kerobohan rumah tangga itu, nyatalah aku sebagai seorang lelaki – tentulah menegakkan benang basah bagi kaum jenisku, tetapi dalam hal ini, aku harus bersikap benar.

Sesudah perpisahan itu pernah aku menemui Azizah di dalam perceramahannya itu, Azizah pernah mengatakan kepadaku bahwa, "Tidak ada perseusuaian faham, membawa kerobohan rumah tanggaku."

Bagi Azizah yang telah terlalu mengenal dunia kebebasan, maka rumah tangga baginya, hanyalah suatu tempat untuk surut, setelah penat berkecimpung di alam bebas. Sedangkan sebagai suaminya rumah tangga adalah pokok segala kebebasan. Apabila orang telah mendirikan rumah tangga, maka orang jadi bebas daripada segala ikatan selama ini, bebas untuk mengecap rasa bahagia.

Berlainan pula bagi Azizah, kalau dahulu Azizah diberikan kebebasan oleh kedua-dua orang tuanya, namun kadangkala kebebasan itu mendapat rintangan daripada orang tuanya. Jadi kebebasan penuh belum jadi haknya lagi. Untuk mendapat kebebasan yang tidak terbatas itu, maka inilah Azizah segera mencari teman yang sanggup mendirikan rumah tangga.

Bagi Azizah, pada masa dalam kesemplitan itu, sebarang lelaki yang sanggup mendirikan rumah tangga bersamanya, maka lelaki itu dipandanginya sebagai orang yang sanggup memberinya kebebasan. Kepada lelaki serupa itu, Azizah tidak segan-

segaran mengucapkan kata-kata cinta. Mencari lelaki yang mudah menerima pengakuan cinta, adalah lebih mudah daripada mencari wanita yang memandang kita seperti, "Cinta hanya sepatih kata yang terbit dari lidah semata-mata, sedangkan lidah amat mudah mengeluarkan janji dan ikrar."

Hanya dalam seminggu sahaja Azizah sudah mendapat lelaki yang sanggup mendirikan rumah tangga, dengan terburu-buru pinangan dilakukan, membawa wujudnya sebuah rumah dalam tempoh seminggu dua. Azizah selepas kahwin itu, patuh menjalankan rukun rumah tangga. Tetapi setelah tempoh itu berlalu, jiwa susah yang sudah mengenal bebas dahulu merasa terikat erat. Rumah tangganya sendiri dirasakan sebagai sebuah penjara. Dan bagi Azizah penjara bukanlah penjara sedangkan si suami pula sewaktu memenuhi permintaan Azizah untuk berumah tangga penuh keyakinannya bahawa cita-cita untuk mendirikan istana perkongsian hidup itu datang dari sukma Azizah yang agak telah sedar bahawa kebebasan lebih banyak mengandungi penyakit-penyakit jiwa yang tidak ada ubatnya. Disangkanya apabila dia telah mendirikan rumah tangga kelak maka semangat Azizah yang bebas itu akan hilang sedikit demi sedikit, kerana urusan-urusan rumah tangga akan menelan masa Azizah lebih banyak lagi.

Dugaan lelaki terhadap wanita memang selalunya salah, demikian pula dengan dugaan pemuda itu kini Azizah lebih suka berumah tangga. Dalam rumah tangganya sendiri Azizah kembali hidup bebas lepas, hidup berkawan, hidup merdeka, corak hidup Azizah itu tidak dipersetujui oleh suaminya. Dan ini sering membawa pertengkaran, pertengkaran itu berakhir dengan perceraian. Dalam masa hendak bercerai itu, Azizah menuduh suaminya

telah mengkhianati janjinya.

Demikianlah dinda, kisah Azizah. Kini kuceritakan pula kisah Asmiah, dinda. Asmiah setiap menemui aku setiap itu dibawanya pengaduan dengan katanya suaminya kejam, suaminya ini dan itu.

Hanya suami sahaja disalahkan oleh Asmiah dalam segala perkara, sebenarnya suami Asmiah kini terlantar sakit dengan tidak dapat layanan yang semestinya daripada Asmiah, manakala sakitnya si suami itu berpunca daripada bekerja terlalu teruk untuk memenuhi kemahuan Asmiah yang hendak bergelang tangan dan bercincin intan.

Sudahlah sakitnya tidak mendapat asuhannya, malah perbuatan Asmiah, kian menambahkan penyakitnya. Dan biarlah aku berterus-terang, benarlah dinda, Asmiah kini berlaku serong. Tanyalah kepada Asmiah mengapa dia berlaku curang. Mudah benar Asmiah menjawab, "Aku manusia biasa, dan sebagai manusia biasa aku perlu pemuasan batinku." Bagiku yang telah melihat sakitnya si suami itu ternyata hanya menantikan panggilan maut.

Dinda.

Dengan ini, aku bukan hendak menghentam atau memburukkan kaum wanita. Tidak, sungguh tidak! Hanya hendakku bacakan istilah yang benar, tidak hairan mengapa kaum lelaki memandang rendah pada kaum wanita, dan elok pula kaum wanita yang memandang rendah pada kaum wanita sendiri. Dan kerendahan kaum wanita adalah ciptaan wanita sendiri. Bagiku, wanita sengaja mempermainkan hatinya sendiri, wanita sengaja bermain api dengan tujuan hendak membakar hati lelaki, tetapi dibakar jarinya sendiri.

Apakah benar dinda, bagi wanita itu mendirikan

rumah tangga itu, bererti sengaja mencampakkan diri ke dalam telaga air mata? Kalau benar, hendak kulihat di dalam dunia ini, tidak seorang perempuan pun yang berumah tangga, hendak kulihat wanita berdiri di atas kaki sendiri, hidup di luar pembelaan dan pemeliharaan ibu bapa dan suami. Dan hendak kulihat perempuan hidup sebagai perempuan di dalam dunia perempuan sendiri. Kalau berumah tangga bererti penderitaan bagi wanita, maka aku menyeru kepada kaum wanita seluruhnya janganlah cuba dan janganlah menyimpan keinginan hendak berumah tangga....

Hiburan, 13 Disember 1952

Surat 1953

1
1952

1952, sejarah yang telah lepas.

1952, merupakan tahun meleset dan M, hendak kukatakan surat-suratku kepadamu dalam tahun 1952 itu sudah tidak punya harga lagi. Kalaupun ada harga tidak sebegitu tinggi kerana harga surat itu juga turut meleset dengan melesetnya tahun itu. Orang jarang mahu menghargakan sejarah semalam, sebab terlalu sibuk memandang ke hadapan, hingga lupa pada kini, sedangkan kini bersifat masa tempuhan hidup.

Semalam tetap tinggal semalam, orang tidak dapat mengatakan semalam adalah esok, semalam, hari ini, sebagaimana orang tidak mungkin mengatakan A, adalah Z, atau Z adalah A.

Tetapi ada orang yang sanggup mengatakan 2 campur 2 jadi 5, ini kira-kira daripada angkatan Bung Bakri, dan kawan-kawannya. Kalau kita katakan 2 campur 2 jadi 4 angkatan itu jadi marah kawan – sedangkan 2 campur 2 jadi 4 itu lojik zaman-berzaman. Angkatan Bakri mengatakan dan katanya dengan marah, 2 campur 2 jadi 5. Saya enggan terima dan saya dikatakan karut, dan kolot, dan akhirnya katanya, kiranya itu yang boleh membuat 2

campur 2 jadi 5, terlalu segera untuk masyarakat, angkatan Bakri tidak akan menjumpai suatu masyarakat, mahupun pada masa semalam, zaman angkatan Bung Bakri belum ada lagi, masa kini, mungkin sampai dia mampus pun tidak ada yang dapat menerima 2 campur 2 jadi 5.

Pada keseluruhannya kawan, saya katakan bahawa 1952 merupakan zaman meleset, mulanya harga getah meleset, kocek juga jadi meleset. Apabila wang meleset, segala-galanya jadi meleset, perniagaan runtuh, akhlak roboh, pekerti binasa, asmara murah, dan wanita jual diri. Diserang oleh demam kemelesetan ini, timbul faham baru, faham-faham yang meleset yang mahu memelesetkan orang lain.

Baru-baru ini kawan-kawan, ada pujangga yang menulis agak semberono mengatakan, untuk mencari hasil yang gilang-gemilang orang harus dapat bertolak ansur dengan kebenaran. Bagiku kawan, orang yang mengajak dan menganjurkan, "Bertolak ansur di dalam kebenaran", maka orang itu kukatakan tidak mengerti apakah itu kebenaran, dan orang itu tegas-tegas kukatakan pembohong, pendusta dan munafik.

Kepada orang itu hendak saya katakan, kebenaran akan tegak sebagaimana keadaannya dengan tidak ada seorang pun yang dapat bertolak ansur dengan kebenaran.

Hari ini adik, dunia sedang berdiri di kemuncak abad baru, yang susah untuk ditelah bagaimanakah dan ke manakah abad baru akan membawa kita. Sebagai manusia yang beragama, kita harus mempunyai kepercayaan yang teguh, kukuh keimanan yang kuat, sebagai bimbingan dalam mencari keselamatan, perlindungan dan ketenangan fikiran.

Dalam menyebut sepatah kata kepercayaan itu,

banyak benar kupelajari daripada almarhum ayahku, tentang erti kata kepercayaan itu dan kekuatan tenaga dayanya.

Keyakinan dan harapan patah sebagai teratai yang terkulai, ditekan oleh soal-soal kusut masai yang menghadapi kita dan menghadapi maya juga. Kerumitan itu mendalam ke dalam lorong jiwa, dalam keadaan yang sangat tertekan itu, baru berputik kuntum kepercayaan, dalam soal gelap serupa, lahir cahaya kepercayaan bahawa tahun baru akan sentiasa memberi sinar. Memberi sinar menembusi gelap pekat ini menyuluhkan jalan yang baru tenang dan damai.

Dalam zaman serba moden ini Hamidah, manusia kian jauh terpisah daripada ketenangan rasa, dan manusia sentiasa terasa sebagai hidup seorang sepi, dan ini membawa nilai hukum yang tegak berabad-abad itu, dilupakan orang akan nilainya, apabila orang melupakan nilai kepercayaan atau keimanan, maka biasanya orang itu sewaktu bertapak di jalan hidup, berjalan seorang dengan tidak berkawan.

Teliti kawanku Rogayah, tidak kurang pula muka insan yang membaling girang, sebagai cermin melahirkan bahawa di dalam sanubari mereka berakar teguh pokok kepercayaan, dan insan serupa ini memandang ke hadapan, melihat masa hadapan dengan tabah dan gagah.

Marinah, kau menyuruh aku mentafsirkan erti kepercayaan dan bagaimanakah tumbuhnya kepercayaan itu. Dengarlah jawapanku ini, kepercayaan adalah sebagai kuntum bunga, mula berputik, kemudian berkuntum, akhirnya menjadi kembang yang membawa aroma yang harum. Untuk melihat betapa rupanya kepercayaan ini, lihat sahaja anak kecil yang sedang tidur nyenyak dihanyutkan oleh mimpi nirwana. Dan anak itu tidur dengan jiwa dan fikiran

yang tenang, lantaran penuh kepercayaan esok akan datang, esok pasti datang.

Kepercayaan itu adalah berupa sebagai adikku yang baru semalam cukup umur atau baligh, yang menerima tanggungjawab yang baru sebagai seorang muda, bukan sebagai anak-anak lagi.

Dalam perhubungan rasa persaudaraan itu kepercayaan mencari tempat berpijak, sedangkan kepercayaan sudah pun berehat di dalam hati yang menerima pengajaran Rasul dan Ilahi.

Asmah kawanku, kepada dikau kukatakan pula. Bahawa kepercayaan adalah sebagai menara yang tinggi ingin menjadi langit dan hanya dengan kepercayaan sahaja dapat dikau mencapai perpaduan dan perdamaian mahupun di dalam rumah tanggamu ataupun di dalam kehidupan sehari-hari.

Kepercayaan harus didatangkan daripada terpesona dengan irama zikir dan doa daripada pengajian, berlagu dari kitab al-Qur'an, dengan suara yang nyata memuji memuja di dalam kepercayaan serupa ini, kawanku Teh, terletaknya tenaga untuk membawa kita ke pantai harapan.

Maimunah! Nah! Agak hairan juga kau, apabila kukatakan, sesungguhnya kepercayaan mempunyai pelbagai rupa dan irama suara daripada suara muzin yang memecah di angkasa mengalun memukul jiwa, dari gendang tabuh meretakkan segala kesepian, dari mulutmu sewaktu kau membaca di dalam sembahyangmu – suara dan kepercayaan adikku tak mungkin ditekan untuk membisukan – kerana irama dan suara itu lahir dari hati kecil kita sendiri.

Kepercayaan yang telah hidup di dalam jiwamu wahai adikku Hamdar – subur – menumbuh kerana dibaja dengan rasa tahu, hidup untuk orang lain, memberikan pengorbanan merupakan bakti yang abadi.

Semalam dan semalamnya lagi, adik seorang teman bertanya kepada aku apakah yang merubah perangai tiap-tiap insan? Aku tidak teragak-agak memberikan jawapan bahawa perasaan itulah pembentuk budi insan. Kemudian aku pun, dengan tidak kusedari menyatakan adakah perasaan itu menurut perasaan dan pendapatku sendiri. Rasanya baru semalam sahaja kuberbicara, dan oleh sebab pembicaraan itu terbit daripada kata hatiku sendiri. Jadi isi pembicaraan itu masih berkumandang lagi.

Kataku bahawa cinta merupakan perasaan yang murni sekali. Kerana hanyalah itu satu-satunya perasaan yang dapat melepaskan jiwa kita, melepas bebas daripada segala ikatan. Apabila kita mencintai dengan kasih yang murni maka lain-lain perasaan yang kejam tunduk pada rasa kemurnian itu, rantai yang selama ini mengikat kita ke dahan nafsu seolah-olah terlepas dan kita berlonjak ke langit atas. Tetapi ingatlah pula kawanku, bahawa cinta yang berdasarkan kepentingan diri sendiri, biar bagaimana romantiknya, biar bagaimana indahnya, walaupun diliputi oleh sinar terang bulan dengan diiringi oleh lagu-lagu asmara yang menyayu pilu, maka cinta itu masih sempit lagi, sebenarnya pada cinta serupa itu nafsu yang lebih banyak menyadurkan cinta yang suci.

Kata orang-orang yang bijak dan aku setuju dengan kata-kata itu, menara cinta yang paling tinggi sekali ialah cinta terhadap Ilahi, dan kemudian datanglah kasih mesra terhadap ibu, dan kemesraan ibu terhadap anak, cinta serupa ini adikku, tidak mengenal nafsu tidak mengenal jemu dan jelak, dan cinta ini bersifat cinta abadi.

Kawan, suratku kali ini amat panjang seandainya isinya menjemukan rasa hatimu, maka kupinta kepada kau rentikan sahaja cemuhanmu - sedang

untuk aku menghentikan daripada menulis terus, amat mustahil sekali - sebab menulisnya - aku menulis seumpamanya menulis detik jantungku.

Dalam hal ini, teringat aku sedang berbicara dengan Rapeah dahulu, dengan senyum melirik manis Rapeah bertanya kepadaku, "Antara pengalaman-pengalamanmu, apakah pengalaman yang betul-betul menanamkan perasaan bahagia yang lebih dalam di suknamu?" Aku lebih terseenyum lagi sebab aku mengerti tentu Rapeah menyangka akan kukatakan kenangan-kenangan cinta dahulu merupakan pengalaman yang paling berbahagia.

Agak terkejut gadis suci itu apabila kukatakan, "Sesudah tamat aku membuat sesuatu karangan, aku berasa seolah-olah berada di lautan bahagia yang tidak bertepi. Aku berasa bahagia dalam menyelamatkan kewajipanku, aku lebih berbahagia lagi seandainya karanganku itu dapat kupersembahkan kepada masyarakat."

Sewaktu kau kecil lagi Zainah, kau tidur seorang di dalam alpa, tiba-tiba kau menangis dan terkejut kau dirasuk oleh igauan yang menakutkan. Semenjak itu perasaan takut mencelah langsung berkubu di dalam jiwamu dan di dalam jiwa seluruh insan. Perasaan takut ini membuat kita terasa bahawa longkang kecil di tepi rumah kita seolah-olah berupa sungai yang terbentang luas, dan rasa takut ini pula menimbulkan keraguan, dan keraguan ini membunuh rasa kepercayaan.

Seandainya di dalam gelap-gelita kau dipukul, maka orang meletakkan perasaan benci terhadap dirimu dan sebelum kau jatuh orang akan terus benci pada dirimu, "Perasaan marah, atau lekas naik darah," kata kakakku patut dibasmi, tetapi marah itu lebih mulia sedikit daripada benci, lantaran marah

memukul dengan terang, benci sering menyamar, sering menanti saat dan mencari korban di dalam gelap.

Sekiranya semuanya perasaan kita dapat digambarkan di dalam aneka warna, maka benci berwarna merah garang, marah sebagai ungu, sedangkan cinta berwarna dengan warna pelangi yang indah juita, sedangkan perasaan putus asa kan terlukis hitam pekat – berputus asa bererti mati – berputus asa itu sebagai mendung til yang menutup hati kita, membuat kita terasa dunia ini sempit – terlalu sempit – tetapi tersenyumlah. Senyum itu adalah laksana sinar yang akan menembusi mendung itu, sedikit demi sedikit hingga hilang mendung itu dan kita terus berada di dunia yang baru.

1953, dunia yang baru bagi kau dan aku.

Hiburan, 3 Januari 1953

Falsafah Ayam

AKU tak jadi kahwin, bukan aku belum punya kesanggupan untuk membelanjai sebuah rumah tangga, ataupun tunanganku itu tidak kukasih. Bukan ini semua.

Sebenarnya kukatakan tidak, kerana jiwaku enggan masuk dalam suatu rupa pintu perkahwinan yang belum pernah kudengari selama ini. Kau tentu tahu dengan tunanganku bukan?

Tunanganku jelita, genit, terlalu moden, banyak sahabat handai, dan kenalan. Pergaulan bebas dan tidak terbatas, dan pernah dalam masa empat tahun dahulu, tunanganku menghilangkan diri untuk sekian masa, kata ibunya dia keluar negeri mengunjungi saudara-mara.

Bukan itu, ibunya sekadar berbohong, sebenarnya gadis itu menghilang, untuk menggugurkan anaknya yang entahkan siapa suaminya. Aku tidak tahu dan enggan tahu. Walaupun ini sudah kutahu, gadis itu terus kulamar juga, sebab aku hendak membawanya ke jalan yang lurus dan terus.

Hanya untuk sekian masa tunangan itu amat patuh dengan kata-kata nasihatku, nasihat untuk memberinya pimpinan dalam memilih jalan hidup. Tetapi tunangan itu kebelakangan ini, membawa sikap membantah, sikap melawan aku, sikap menun-

jukkan keautokrasiannya.

Jerih aku berusaha untuk mematahkan kekerasan sikapnya tetapi nyata kelemahanku semakin menambahkan kekerasannya.

Sikap menyikap itu berkesudahan dengan suatu pertengkaran yang hebat, antara aku dan dia.

"Bukannya aku enggan kahwin dengan kau," demikian jawab tunanganku sewaktu aku meminta kepadanya supaya menyegerakan perkahwinan kami, sebab pergaulan kami yang rapat selama ini, nampaknya menimbulkan salah sangka dan dipandang silu oleh masyarakat. Ini tidaklah salah masyarakat, malah salahku sendiri, walaupun dia tunanganku, tetapi sering berdua ke sana ke mari hingga larut malam, bukan sahaja menyolok mata - mata masyarakat sopan - malah bertentangan pula dengan pendapat yang didirikan oleh agama.

"Habis mengapa dinda masih meminta kepada abang, agar masa perkahwinan dan pernikahan kita ditangguhkan lagi?" Aku bertanya dengan hati yang bersungguh-sungguh.

Sejenak tunanganku itu diam, kemudian berbicara pula dengan muka yang bersahaja tetapi tekanan kata yang berpengaruh yang dialirkan oleh jiwa.

Katanya, dan kata-katanya amat mengharukan hatiku, "Aku memahami kanda, bahawa kini di dalam jiwamu, telah mula bertitik hitam-hitam keraguan, kanda meragukan apakah aku mencintai kanda dengan sukma yang jujur. Dengar kanda sumpah perasaanku, tentang cinta yang bermain antara jiwa dan jiwa, yang bersambung antara hati dan hati, dan yang berputik dan berkuntum, berkembang antara sukma dan sukma, memang tersemi di akar jiwaku. Agaknya kanda tidak akan percaya, seandainya aku mengatakan bahawa perasaan kasihku terhadap

kanda adalah lahir daripada air telaga cintaku yang murni."

Aku membisu sejenak mendengar kata-kata merintah itu, entahkan hendakku percaya atau tidak, kerana aku meragukan bahawa kata-kata selamba dan semanis itu diucapkan oleh dia untuk mengabui perasaanku.

"Masihkah kanda kurang percaya kemurnian cintaku?" tanya dia dengan sikap yang berubah pula, dan ini kian membuat aku kuat mempercayai bahawa apa yang diucapkan oleh dia, hanyalah kemanisan yang dibanjirkan bibir yang sama manisnya tetapi dari hati yang penuh dengan penipuan dan kepalsuan.

"Biarlah kata-kata cinta itu jangan kita bicarakan dik. Hakikat cinta dinda sanggup memberikan bukti, seandainya kau amat menyayangi aku, aku hanya meminta bukti, sedangkan bukti itu adalah merupakan kenyataan daripada percintaan kita yang selama ini hanya berkocak di dalam pawana khayal dan dalam kenangan semata. Bukti yang kupinta dari dikau wahai adik, marilah kita berkahwin, kita berkahwin segera!" kataku.

"Apakah bukti cinta itu hanya perkahwinan?" tanya dia mengejek kecil.

"Kalau tidak perkahwinan yang jadi tujuan cinta, apakah lagi niat yang terkandung di dalam debaran jantung yang dipukul oleh detik asmara, kalau bukan perkahwinan yang bukan jadi kenyataan dari cinta, apakah kenyataan dari cinta?"

Dia tidak dapat menjawab.

Kemudian menjawab pula, "Cinta hanya sanggup tinggal cinta untuk abadi."

"Kalaupun menanti keabadian itu, cinta yang murni dan suci tadi bergelimang dengan kekotoran dan dosa. Apakah itu hendak kaukatakan cinta juga

dindaku? Sedangkan hakikat cinta adalah merupakan kembang luhur yang ditumbuhkan oleh taman sukma."

Kata-kataku yang kukeluarkan dengan manis ini, tidak disambut oleh kawanku itu, cuma dengan manis tetapi berwajah sedih kawanku tunduk ke bumi. Katanya kepada saya, "Katakanlah, apa yang tersimpan di dalam hatimu, biar ku dengar nanti kutimbangan dengan saksama."

Aku enggan berkata lagi, kerana aku pun mengerti bahawa kawanku itu menggunakan umpan yang selalu digunakan oleh wanita dalam memancing hati lelaki, memang kebiasaan wanita, apabila kata-kata yang membidas berupa suatu kebenaran, maka wanita itu, hanya diam membatu sahaja.

Kerana telah lama aku diam, dia berkata pula, "Apakah mestinya segala percintaan itu menuju pada perkahwinan. Kita masih terus boleh cinta-mencintai antara satu sama lain, dengan tidak berkahwin bukan, aku percaya bahawa rasa cinta yang sedang menanti di dalam hati kita itu akan menempuh kematian pula, akan terguling di dalam jurang kemusnahan, apabila percintaan kita itu, kita akhirkkan sahaja dengan suatu perkahwinan. Maka menurut hematku, perasaan cinta kita itu, akan hilang rasa cinta, rasa yang tumbuh sesudah kahwin itu adalah kasih dan sayang, bukan cinta namanya."

Mendengar ini aku tertawa terbahak-bahak, ganjil sungguh pendapat itu bagiku, dalam ketawa, tetapi ketawa mengecilkan hati kawanku, aku menjawab, "Kalau ada orang yang sanggup mengatakan pendapat serupa itu, maka biarlah kunyatakan dengan tegas bahawa cinta yang dikatakan meniti di jambatan jiwanya, bukanlah cinta kawan, tetapi hanyalah suatu perasaan, yang tidakku katakan bulat-bulat atau kontan-kontan bersifat nafsu, tetapi

itu adalah keinginan yang sedang menanti di dalam jiwanya. Keinginan yang sedang menanti sentiasa bergoyang tidak punya haluan, walaupun punya haluan, tidak adanya kepercayaan menumpu pada suatu jurusan, membawa keinginan yang menanti tadi rebah ke lembah binasa.

"Cinta adalah cinta," kataku. "Dinda, cinta adalah abadi, cinta tidak berubah, seandainya orang yang bercinta, maka orang menyimpan hasrat – pada suatu hari kelak – akan berkahwin dengan orang yang dicintainya. Seandainya hajat itu tidak terkabul, janganlah disalahkan dengan perasaan cinta itu, tetapi salahkan pada keadaan-keadaan yang di sekeliling. Apabila cinta berjaya masuk ke dunia perkahwinan, maka cinta tadi tidaklah berubah menjadi kasih dan sayang, malah cinta tadi kalau dijaga dan dipupuk dengan betul, akan tambah menebal berpupuk di dalam jiwa. Kerana hendak membuktikan bahawa aku sesungguhnya meminati kau dindaku, maka itulah aku meminta kau supaya segera kita mengetuk pintu perkahwinan!"

Dengan marah yang sangat kawanku berkata pula, "Kahwin? Aku enggan kahwin. Aku tidak percaya pada perkahwinan. Kalau kanda sungguh mengasihi aku, maka kanda tentu sanggup mencintai aku untuk masa ini dan masa seterusnya, walaupun dengan tidak kita berijab kabul. Ijab kabul bagiku hanyalah suatu adat yang diturunkan dari masa yang telah lapuk dan kolot. Bukankah dalam percintaan dan dalam penghidupan kesucian yang utama, seandainya kita betul kasih mengasihi antara satu sama lain, tentu dengan tidak melalui ijab kabul itu, kita boleh hidup dengan merasai nikmat dari rasa kasih kita. Apakah perasaan cinta yang di dalam darahmu dan darahku harus dipersaksikan oleh orang lain? Apakah orang lain dapat jadi saksi untuk

menyatakan kebenaran, kita cinta mencintai? Sedangkan perasaan itu, adalah hak mutlak kita berdua saja."

"Tadi telah kaukatakan, bahawa pernyataan daripada segala cinta adalah perkahwinan, kau ketawa mendengar pendapatku yang bermula tadi, ini kau pula yang ketawa."

Kawanku ketawa dengan hilaiannya sekali, "Apakah seorang lebai, seorang haji dan seorang hartawan yang berkahwin, satu, dua, tiga dan empat, mulanya bercinta-cinta dengan isteri-isterinya itu, kemudian membuktikan cinta itu dengan memasuki pintu perkahwinan?"

Sangka kawanku, falsafahnya yang lebih banyak mirip pada mengejek-ejek tidak dapat kujawab, aku tersenyum sejenak, dan senyumku mengandungi sindiran, dalam mengulum senyum aku berkata, "Membantah atau tidak dengan pendapatmu yang mengatakan bahawa dalam percintaan dan penghidupan, yang menjadi keutamaan ialah kesucian? Menyebut suci - dan kesucian itu amat sukar sekali - tetapi tidak mustahil. Orang selalu merendahkan harga suci dan kesucian, dengan mudah menyebut (aku suci dan menegakkan kesucian). Tetapi dengan amat mudah menyebut suci dan kesucian, orang jadi bingung, untuk mencari tempat pegangan yang sejati dalam membuktikan erti suci itu. Pada istilah kamus, bahawa suci bererti terlepas daripada segala kekotoran, pada perbuatan dan perkataan. Pada segala najis-najis, pada segala kepalsuan, kepalsuan bukanlah kesucian, sedangkan itu adalah kedustaan, dan kedustaan adalah munafik, terlepas daripada segala noda, dan bebas daripada segala paksaan, sedangkan paksaan adalah bertentangan dengan isi kesucian."

"Jadi meringkaskan kata-kataku, aku maksud-

kan, bahawa percintaan yang suci berjalan menurut lunas-lunas yang suci. Kesucian pada suatu percintaan yang suci, adalah berakhir dengan perkahwinan yang suci, menurut ijab kabul yang telah diletakkan oleh agama, dan agama pada tahap atasan dan pokok segala kesucian, manakala agama diturunkan oleh Ilahi untuk memberikan kesucian pada hidup dan kehidupan yang sudah bobrok penuh digeliling oleh kekotoran.”

“Memang aku menafikan, bahawa dengan tidak melalui ijab kabul, kita dapat menikmati percintaan kita, yang mulanya suci tadi tetapi dengan kelakukan hal itu, cinta kita yang suci tadi dinda, tidak lagi suci, tetapi sudah jadi suatu noda. Perasaan dan rasa cinta – hanyalah perbendaharaan jiwa sendiri dengan tidak dapat dilihat oleh orang lain, ataupun diminta persaksian orang lain, tetapi suci dan kesucian dalam keindahan daripada segala kehidupan, dan keindahan itu amat baik sekali, biarlah tidak saya katakan mesti ditunjukkan kepada ramai. Biarlah kesucian yang sedang menjelita nyata itu, jadi contoh untuk orang lain, untuk menggambarkan pada hidup dan kehidupan akan kesucian daripada suci dan kesucian.”

“Pada kisah kahwin satu, dua, tiga dan empat, adalah meletakkan erti suci yang amat bernilai. Kerana cinta pada suatu rupa kehidupan yang suci, dan takut hidup akan dilumuri noda, maka pada keinginan yang selalu hendak mencari pemuasan pada jalan yang kotor, tertekan dengan melalui pintu perkahwinan itu. Seandainya kau masih terus mahu supaya kita terus bercinta dengan tidak melahirkan bukti cinta kita, iaitu perkahwinan, maka kau hendak memegang falsafah ayam, dan hendak kaubawa aku pula ke dalam dunia ayam.”

Mendengar ini, kawanku bangun, berlalu dengan

berang, dan hilang daripada pemandanganku.
Dia tidak kususul. Adanya.

Mutiara, 5 Januari 1953

Bayangan dalam Gelap

*L*INTASAN Fikiran

(Kain putih yang sudah tentu putihnya masih diragukan orang sewaktu membelinya, inikan pula hati manusia yang memang hitam warnanya).

Seandainya kalau pertemuan aku dengan dia pada kali ini, adalah sebagai pertemuan yang biasa, tentu tak ada sesuatu yang hendak aku ceritakan, sebab dengan memandang wajahnya, cukup dapat aku baca segala yang tersirat di dalam hatinya, untuk membisikkan ke jiwaku, adakah hidupnya selama ini penuh dengan titik-titik hitam derita atau sering mengumandangkan senandung bahagia?

Tetapi kawan, kita bertemu dalam gelap.

Apabila aku menyebut sepatah kata gelap ini, fikiran kau sudah meloncat jauh ke tempat yang kotor pula. Bagi kau gelap adalah simbol kesalahan, dosa, dan noda. Dan apa yang bermain di benakmu telah aku tahu. Bagi kau apabila seorang teruna sudah bertemu dengan seorang wanita di dalam gelap, maka kerja gelap yang dilakukan oleh mereka, dan apabila aku menyebut "kerja gelap", kau pun tentu mengerti apa maksudku.

Itu pendapatmu sendiri, sedangkan membuat pendapat adalah hak asasi manusia, dan aku juga

enggan membantah, kalau aku sudah mencapai suatu pendapat kaupegang pada pendapat itu seolah-olah itu adalah nyawamu sendiri, hendak kubantah mungkin perbantahanku lebih lemah daripada pendapatmu. Bertambah pula kau mungkin meragu-ragukan apakah bantahanku hanyalah sekadar membantah, ataupun bantahanku betul-betul menafikan sesuatu yang tidak kukerjakan. Orang selalu meragu-ragukan apa yang terkandung di dalam hati orang lain. Dalam hal ini, aku hanya dapat berkata, "Kain putih yang sudah tentu putihnya masih diragu-ragukan orang sewaktu membelinya, inikan pula hati manusia yang memang hitam warnanya." Biarlah keraguan itu tinggal sebagai keraguan, tetapi tidaklah untuk abadi, kerana keraguan akan hilang apabila datang fajar kebenaran.

Kataku tadi, aku bertemu dengan dia dalam gelap. Aku tidak ingin bertemu dalam gelap, tetapi suasana yang gelap, dan suasana yang gelap itu bukanlah ciptaanku, tetapi ciptaan Ilahi. Kalau Tuhan sudah menjadikan suasana alam gelap, sebagai manusia kita hanya menerima sahaja.

Bayangan dia yang ditimpa oleh mendung yang gelap itu menutup wajahnya, melindungi air mukanya ini membuatkan aku susah mengetahui betapa hidup berpijak di bumi hatinya. Ingin aku mengetahui bagaimanakah hidup telah melandanya, apakah hidup memberikan manusia daripada bahagian hidup, atau racun dari telaga hidup. Dia hanya berkata-kata, dan kata-katanya pula kujadikan cermin untuk melihat lukisan daripada hidup dan kehidupannya selama ini.

Dengan keluh Halimah berkata, dengan diiringi keluh yang mendalam, "Penderitaan membuat orang jadi bijak."

Aku tidak menjawab, hati sedih, jiwa perit,

kerana kata-katanya itu jadi bukti, bahawa penderitaan itulah yang dilalui oleh kawanku selama ini, dalam menyatakan bahawa (penderitaan membuat orang jadi bijak) adalah memberikan isi erti kawanku amat mengenal erti penderitaan.

Hanya orang yang telah selalu menderita sahaja yang kenal dengan erti penderitaan.

Walaupun daripada kata hatinya itu, telah kuke-tahui bahawa hidupnya diselaput mendung derita selama ini, tetapi untuk mendapat kenyataan aku bertanya juga, "Bagaimana hidupmu sekarang Halimah?"

Sepi sejenak.

Ketawa kecil sebagai menyembunyikan perasaannya, Halimah menjawab, "Senang." Sesaat selepas sepatah kata senang itu diucapkan, dalam senyap malam itu, aku mendengar Halimah menarik nafas mengeluh jiwa.

Aku tidak mengulang tanya lagi, mengerti aku memang wanita selalu menyembunyikan perasaan.

"Betapa dengan kau?" tanya Halimah penuh harapan. "Masih kau mengingati aku lagi?"

Aku lurus dalam menjawab, "Entahlah, aku belum dapat mentafsirkan betapakah hidupku sekarang ini. Mah, sedangkan mata memandang selang teringat, inikan pula hati yang pernah berkait!"

"Tetapi aku ...," terputus suara Halimah, dipandanginya langit yang tidak bertepi.

"Mengapa dengan dikau?" aku mendesak.

"Percaya, aku tidak lagi pada lelaki!" katanya angkuh.

Aku tak dapat menahan ketawaku, jadi aku ketawa agak kuat juga, geli-geman hatiku mendengar Halimah sebagai seorang perempuan mengatakan dia tidak lagi percaya pada lelaki. Dan kata-kata enggan percaya lagi selalu kudengar dari mulut kaum

wanita, kata-kata serupa itu hanya berharga untuk sekejap masa sahaja, hanya untuk sebulan dua setelah berpisah kasih, berputus cinta, bercerai sayang, dikatakannya mempercayai lelaki, mustahil, tetapi datang harapan baru, dan menjelang pula asmara baru, timbul semula kepercayaan terhadap lelaki.

"Bererti kau tidak percaya pada ayahmu sendiri?" sesingkat itu sahaja jawapanku. Sedangkan jawapan sesingkat itu bersambut.

Kata Halimah pula, "Aku tidak berputus asa, aku mahu hidup, kalau boleh abadi, dan kalau aku hidup pada masa hadapan aku akan berusaha untuk merosakkan hati lelaki, jiwaku ini terlalu rosak untuk dibetulkan, sudah terlalu teruk sakitnya untuk ditawar."

Bersungguh-sungguh aku mengajar, "Yang rosak masih boleh diperbaiki, sedangkan untuk si sakit ada ubatnya."

"Apa pendapatmu?" balas Halimah megah, "Yang rosak harus dimusnahkan kemudian bina pula yang baru, dan si sakit biar diusung ke pintu ajal."

"Dengar Mah!" bulan yang tadinya diliputi awan, muncul semula menyinari muka Halimah, aku segera mencuri pandangan untuk menatap wajahnya, untuk membaca tulisan jiwanya. Barangkali tahu oleh Halimah akan kisahku, selekas aku mencuri pandang, selekas itu Halimah melarikan mukanya. Kembali mendung mememui purnama, "Dengarlah!" Aku menyambung, mencari semula kata-kata yang telah hilang tadi, "Dengarlah ...!"

"Katakan!" seru Halimah agak tak sabar, "Aku bertelinga."

"Dengarlah!" ujarku, "Seandainya aku ini yang kali demi kali sudah diracuni oleh bibir manis kaum wanita, belum terlintas di dalam relung sukma

akan meracuni kaum wanita pula. Meracuni kaum wanita yang lain, sama sebagai aku meracuni ibuku sendiri, sekiranya dendam jiwaku hendak jua merasakan racunnya, maka racun saja yang memang telah membinasakan jiwaku. Kenapa pula wanita lain yang harus diracun sedangkan yang meracun adalah orang yang lain. Kalau cinta diciptakan takdir, maka perpisahan juga buatan takdir dan biarkan pula takdir berlaku hukum dan membiarkan pembalasan rugi kepada yang bersalah. Laba pada yang hak.

"Aku benci sekali, dengan sifat lelaki, walaupun aku ini seorang lelaki, kerana berputus cintanya, katanya diperdayakan kesuciannya oleh kaum wanita, maka semenjak itu di dalam hatinya yang hitam timbul niatnya akan merosakkan segala wanita, dan wanita hanyalah dipandanginya sebagai alat pemuas nafsu. Ini lelaki pada istilah bahasa, tetapi ... pada peribadi, atau peribodi."

"Mah tentu tidak marah denganku apabila kukatakan wanita adalah lemah walaupun ada wujudnya wanita yang kuat pada lahir dan batin, namun sebagai wanita masih terikat oleh istilah "lemah", tambahan pula istilah lemah dikaitkan dengan meminta perlindungan. Kalau wanita sudah merosakkan hatimu, biarlah takdir nanti merosakkan hatinya. Kalau aku, jika wanita enggan menerima perlindunganku, ku biarkan wanita melindungi dirinya sendiri."

Kalau takdir hendak membuat pertemuan, tenaga manakah yang dapat meleraikan. Demikian kutemui Halimah untuk kali keduanya.

Agak romantik permintaanku ini, dan kadangkadangkang hidup selalu memberikan sikap-sikap yang romantik. Pertemuanku kali ini sebagai suatu kisah yang hanya tidak mustahil di lembaran buku cerita, tetapi mustahil dalam hidup sehari-hari. Sebagai pengarang aku tidak hairan, apa yang dinukilkan

oleh pena seorang pujangga dalam bukunya, walaupun agak terlalu bohong bagi pembaca yang lain, masih mungkin merupakan kebenaran bagiku, sebab apa yang tersurat di lembaran buku itulah bahan hidup yang tersirat di lembaran maya.

Hari sudah jauh malam, aku berjalan kaki hendak pulang, mencari bahan untuk ceritaku pada masa akan datang. Mataku liar memandang sekeliling, melihat orang kembali dari panggung wayang, pemabuk bergaya sepanjang jalan, gadis berjejel membuntut ibu, lelaki menangi korban pasangan, beca membawa wanita pelacuran, penjual menanti pembeli, dan....

Akar jiwaku hampir tercabut, jauh kulihat Halimah berjalan ke arahku, berpakaian lawa, pada bibirnya melekat sebatang rokok. Biarpun nanti aku tiba juga, tetapi aku mahu segera mendapatkan Halimah, jadi kupanjangkan langkahku mengejarinya.

Tiba-tiba aku mendapat Halimah. Berteriak untuk didengar, "Mah!"

Panggilanku tidak bersambut, Halimah pura-pura tidak mengenali aku siapa, dan terus lalu lebih pantas membiarkan aku. Belum puas jiwaku, aku berpatah jalan kukejar Halimah. Berani? Kalau mahu tak ada yang takut, aku mencuit belakang Halimah. Berpaling dia dengan marah, Halimah berkata, "Mahu apa?"

Tidak kucuba, hanya kupandang tepat wajahnya, dalam terang itu disinari oleh lampu yang tertegak di sisi jalan raya - kini dalam suasana yang terang itu-kupelajari air mukanya, bagiku seri Halimah yang bersinar-sinar di mukanya dahulu telah hilang ditimpa oleh debu derita. Kemanisan yang selalu bercermin pada wajahnya, samar-samar dan pudar, dan pada wajah itu tidak kulihat haram sedikit cahaya pun, hanya masam lebam, seolah-olah wajah

itu hendak menyatakan aku terlalu menderita dan kasihanilah aku.

"Ke mana kau? Kan hari telah larut malam. Ke mana kau, merokok kau sekarang ini, ke mana tadi, dan dengan siapa Mah?" aku bertanya tak tentu haluan, mukaku tunduk ke bumi.

"Perlu apa kautahu, itu bukan urusanmu!" katanya tegas, dan berpaling hendak berlalu dari aku.

Berani, aku memegang bahunya.

Dia berpaling memandangi aku. Di dalam sinar terang itu, dapat kubaca Halimah marah, dan marah yang timbul dengan serta-merta, ini memberikan seri semula pada wajahnya yang dikepung mendung. "Mengapa aku ditahan, aku mahu pulang segera."

"Pulang ke mana?" aku bertanya ragu-ragu.

"Perlukah engkau mengetahuinya?"

"Mengapa tidak?" aku membalas.

Tidak kubiarkan Halimah menjawab pertanyaanku, kerana pertanyaan itu kujawab sendiri, "Tentu Mah pulang ke rumah ayah dan ibu, bukan?"

"Tidak," balas Halimah. Terkejut jiwaku.

"Habis pulang ke mana?" desakku.

"Itu urusanku sendiri," balas Halimah tetap.

"Mengapa tidak kau kembali ke rumah orang tuamu?" bertanya aku lagi dan menambah nasihat lagi serta mengajak, "Marilah Mah aku menghantar-kan kaupulang ke rumah orang tuamu!"

"Aku dapat kembali sendiri," tingkahnya sambil memasang langkah.

"Nanti Mah!" aku menyela.

"Apa lagi?" tingkahnya tak sabar.

"Berjanjilah kepada aku kau tidak akan ke mana-mana lagi tetapi terus kembali ke rumah. Tunggulah sebentar Mah, biar kupanggil teksi!"

Halimah tidak membantah, teksi berlalu dan kuseru, berhenti teksi di hadapan kami, pintu teksi

kubukakan kujemput Halimah ke dalam. Tanganku masih memegang daun pintu teksi itu, matakku tidak lari daripada menatap Halimah, "Mah," ujarku perlahan, "Izinkan aku menghantar kaupulang!"

Tidak ada bantahan dan tidak ada keizinan pula, aku lalu naik ke dalam kereta itu, senang juga hatiku sebab aku tidak diusir. Kuperintah teksi berangkat.

Dalam keadaan duduk rapat itu, tanganku mengurut lemah pipi Halimah dan kataku, "Mengapa kau jadi begini?"

Mengejek Halimah meningkah, "Kau pura-pura bertanya, aku jadi korban lelaki."

"Termasuk aku juga?" soalku mengharapkan jawapan, tidak.

"Lelaki maksudku umum," balasnya singkat.

"Kalau kau tahu bahawa lelaki mengorbankan dirimu, maka jagalah dirimu supaya jangan dikorbankan," sahutku.

Sambungku lagi "Aku pun lelaki juga Mah, dan apakah aku turut mengorbankan kau atau tidak, itu biarlah jadi rahsia hati kita masing-masing, tetapi aku ini faham dalam saat hitammu, lebih banyak lelaki yang hendak mengajak kau ke tempat yang gelap, daripada menghantarkan kau ke jalan yang terang."

Agak mendalam kata-kataku tadi, sebab sewaktu kujamah pipinya dengan jariku, ternyata merembas air matanya, basah dek sejuk, dan sejuknya terasa oleh jiwaku.

"Menyatakan penyesalan pada saat sesal tidak ada ertinya...."

Ini sahaja balasan Halimah, dengan tiba-tiba mukanya rebah ke atas pangkuanku, retak kemudian pecah kesepian malam, oleh rongga yang melagukan syair derita.

Aku mengurut tengkuk Halimah, aku mengajar

dengan kata-kata yang payah keluarinya. "Sebaik-baik cara menebus kesalahan ialah dengan mengelakkan diri supaya jangan kesal untuk kali keduanya!"

Tangisan hilang. Halimah bangun, bersungguh-sungguh serunya, "Aku tidak bodoh lagi, aku tidak akan diperdayakan oleh musuh-musuh itu."

Hampir sampai ke tempat Halimah segera aku berpesan, "Baik-baiklah jaga dirimu, ingatlah hitam yang terconteng pada muka lelaki, mudah dipadamkan dengan dusta dan tipu daya, tetapi hitam pada muka wanita, tercoreng hingga ke mati!"

"Tak ada keadilan di dunia ini."

"Ada, hanya kadang-kadang salah mengadilkannya."

Setibanya di depan rumah, Halimah memberikan tangannya kepada aku, aku menyambut tangan itu dengan terharu, terasa tanganku ditekan erat, diramas.

Aku menemui Halimah sebab aku dipanggil oleh Halimah yang sedang tenat sakitnya.

"Kau sakit Mah, bukan lahirmu yang menanggung sakit tetapi batinmu!" kataku.

"Sakit badan, jasmani menderita, sakit jiwa, rohani binasa," menyahut Halimah masih mahu menunjukkan senyum, walaupun payah berbunga senyum itu.

"Belum kau kahwin lagi?" tanya Halimah.

"Belum."

"Mengapa?"

"Belum terlintas di hatiku hendak beristeri," kataku.

"Tetapi aku meminta supaya kaukahwin segera, bukan saja hidupmu akan teratur, tetapi juga kau tidak akan terpedaya lagi."

"Mencari isteri amat payah bagiku, sedangkan

mencari bini terlalu mudah," aku menerangkan.

Halimah ketawa kecil, "Kau bijak sekarang."

"Itu hanya kebenaran dari sifat hidup."

"Bagaimana hidupmu sekarang?" tanya Halimah pula. "Tentang hidupku jangan kau tanyakan, melihat aku kau mengerti bukan?"

Aku mengangguk-angguk, kemudian mengujar, "Hidupku sekarang ... aku masih boleh berbakti lagi."

"Aku ini dapat berbakti lagi, aku ini dipandang kotor oleh masyarakat," balas Halimah.

"Masyarakat luas Mah, sebanyak yang benci kepada kau, sebanyak itu yang sayangkan kau. Kepada yang berpihak kepadamu, buktikan saja bahawa kau sungguh berhak menerima kasih sayang mereka, sedangkan untuk yang benci kepada kau, buktikan bahawa kau tidak punya cacat cela untuk dibenci. Jangan diberikan kesempatan kepada mereka untuk membenci kau, dengan membuktikan kau jujur dan berperibadi mulia!"

Merintah katanya, "Sudah lewat masanya."

"Orang selalu jaya kalau dengan menyebut terlambat, semua kisah jaya, bermula dengan percaya, tidak pernah masa jadi lambat untuk berbuat baik," aku menyela.

"Sungguh lambat untukku kahwin, aku ingin tidur di dalam tidur yang manis...."

Dunia Halimah menggelap terus ... hingga kini teringat saya kata Halimah, "Kematian, tidur yang sungguh manis."

Mutiara, 5 Mac 1953

Ribut

MEMANG semenjak tadi sudah diramalkannya lebih dahulu, walaupun tidak petang, tentu nanti dekat malam, sedang orang sedap tidur, ribut akan datang, kemudian diiringi oleh hujan yang lebih, dan mengamuklah petir dan kilat.

Ramalan itu dibuatnya berdasarkan mendung tebal hitam yang menutup langit semenjak tengah hari tadi.

Tengah hari tadi dia kembali bekerja, mengambil upah menyapu rumah halaman seorang Sayid, kembalinya tengah hari tadi adalah untuk makan, sedangkan makan di kedai dia enggan. Katanya tentu meminta belanja yang besar, sedang gajinya terlalu kecil, lebih lagi dia sendiri berpendapat tidak berkat makan di kedai itu. Makan di kedai makan sedap, padahal anak di rumah setiap hari makan sayur, dan ikannya ikan kering, beli murah dan borong di pasar, dan ulat-ulat yang hidup di dalam ikan itu, sudah dikeluarkan kesemuanya oleh Dara, isterinya, itulah makanan mereka sehari-hari. Pernah dia jelak dengan rupa lauk yang tak ubah-ubah setiap hari, namun mahu marah dia tak berani. Jangankan hendak marah, kalau dia enggan makan, maka datanglah ucihan isterinya dengan katanya,

“Pandai nak makan sedap, sedangkan mencari

tak pandai!" Dan si Dara akan menuduh dia pula sudah mengisi temboloknya dengan makanan yang lezat-lezat siang tadi.

Mengingati ini semua, terkurunglah niatnya hendak merasa kari rempah dan dalca panas yang berbau sewaktu dia minum secangkir kopi dalam kedai kopi itu tadi. Kata hatinya, 'Wang yang kubelanjakan menguntungkan mama, sedangkan wang itu kalau kuserahkan pada Si Dara, terjamin akan makan kami anak-beranak sehari dua, walaupun aku telah jemu dengan makanan serupa itu.'

Sesampainya di rumah dia berehat, berbaring di atas ambin yang diperbuat daripada kayu lapuk itu, menantikan Si Dara menghidangkan nasinya. Lama benar dia menunggu, tetapi makanan belum terhidang juga.

Teruk sungguh dia bekerja siang tadi. Mulanya dia menemankan Sayid itu pergi ke pasar sebab banyak barang yang hendak dibelinya, untuk menjamu hartawan-hartawan malam nanti, berkati-kati daging, ikan berekor-ekor sepanjang tangan untuk dipanggang, udang galah hampir setengah bakul, lain bawang, setengah tin minyak sapi, belum masuk lagi sayur-sayuran hidup.

Sekembali dari pasar, halaman rumah dibersihkan, tuan Sayid takut malu dengan tetamunya, bahawa halaman rumahnya tidak terkawal.

Mengenang-ngenangkan barang makan yang lezat-lezat yang dibawanya siang tadi, timbullah laparnya. Penat dan lesu badan sebab teruk bekerja kian memperhebat lapar itu. Lapar itu menimbulkan perasaan marah, dan marah tadi meletus. Ditengkingnya isterinya supaya segera menghidangkan makanannya.

Kemudian dia diam sejenak, agak terubat marahnya, dengan memarahi isterinya tadi.

Laparnya masih lapar, belum berubat lagi, dan lapar ini kembali menimbulkan marah baru, suaranya jadi nyaring, dan suara yang nyaring itu berteriak.

"Keparat! Mana nasi?"

Dara diam sahaja, baring dengan anak yang kecil menghisap susunya.

Hilang lagi marah tadi, berpindah kepada isterinya. Lapar kian menjadi, naik berangnya.

"Mahu aku kebulur?" tanyanya melengking.

Si Dara sudah tak sabar lagi.

"Mana yang lebih utama, anak ini diberi makan dahulu, atau abang yang sudah tua bangka, yang tidak dapat menahan lapar, masih berperangai macam budak-budak saja."

Termakan juga dirinya akan leteran isterinya. Diam sahaja dia menahan lapar yang sudah mula bernyanyi dalam perutnya.

Anak kecil itu tertidur, Dara bangun membetulkan baju dalamnya. Dara hanya duduk di sisi anak itu, sambil menepuk nyamuk yang hendak menghisap darah anaknya.

Melihat isterinya duduk, kemarahannya menjulang ke atas. Tak tahan dia menahan darah marah yang sedang memanas serupa itu.

'Mahu rasanya aku menerkam si perempuan sial itu, kuberikan bahagiannya.' Mahu dia bangun menampar isterinya. Tiba-tiba dia teringat, kalau dipukul isterinya bererti bergaduh dengan isterinya lagi, siang bikin gaduh, malam baik semula.

Dara menyanyi-nyanyi kecil, melihat anaknya gelisah, tanda anak terkejut daripada tidurnya.

Nyanyian Dara itu membunuh kesabarannya, "Tidak fikir banyak, katanya mengejek-ejek."

"Eh! Aku bukan suruh kau menyanyi, kalau mahu jadi penyanyi, masuk rekod, dapat juga hasil-

nya. Keparat! Slapkan nasi aku!"

Mendengar suara ribut itu, anak kecil itu terbagun, dan memekik meraung. Marah Dara. Dia mengangkat anak itu dari tempat pembaringannya dengan keras.

Kata suami itu, "Apa kau hendak anak kita mam-pus? Meragut anak sekeras itu!"

"Abang juga yang hingar-bangar tadi, bikin anak ini terkejut," balas Dara sambil menepuk perlahan-lahan belakang anaknya.

Tidak tertahan hatinya menanggung sabar lagi, diterkam isterinya, anak itu dirampasnya dengan katanya, "Pergilah siapkan makananku!"

Dara terus duduk di hujung ambin. Herdik suaminya, "Apa lagi, mahu jadi permaisuri agaknya. Anak sudah didukung, nasi belum juga disenduk?"

"Menyenduk apa? Mana beras untuk ditanak? Sudah berapa hari abang tidak beri wang. Baru ini abang pergi kerja, seminggu lamanya abang sakit, baring siang malam."

Tahu akan salahnya si suami itu diam sahaja, anak yang sudah diam diserahkan kembali kepada Dara.

Si suami keluar dari rumah untuk beli beras, dan ikan kering.

Ribut itu pasti datang malam ini, dan kecewa juga kalau ribut sungguh datang malam ini. Mula dia sedar udara kurang baik, sewaktu perjalanan kembali dia mengendong sebungkus beras, dan beberapa ekor ikan kembung. Cuaca cerah tadi jadi gelap. Dipandang ke arah langit, langit bertompok-tompok hitam sana sini, pokok mula bergoyang ditiup angin.

Langkahnya dipercepatkan. Setibanya di rumah bungkusannya diserahkan pada isterinya.

Sambil menjeling kambing, syukur anak itu sudah tidur.

"Pasangkan tempat bara, ribut, taruhkan di bawah ambun tempat Si Buyung tidur!"

"Mana baranya, api belum dipasang lagi?" kata Dara sambil menyukat beras itu dengan cawannya, beberapa cawan daripada beras itu dimasukkan ke dalam sebuah periuk kecil. Kata Dara, "Tolonglah abang, hidupkan api, biarkan saya mengosek beras itu!"

Melihatkan isterinya sudah melahirkan tanda damai. Si suami berasa senang juga.

Sambil menghidupkan api itu, terlintas di hatinya, bahawa orang bergaduh suami isteri juga macam ribut, mulanya tak ada apa-apa, langit gelap dipeluk mendung, angin menggila, guruh mengamuk, kilat menyambar, kemudian tenang semula.

Sewaktu meletakkan periuk di atas api yang masih menyala kecil, Dara berkata kepada suaminya.

"Tinggalkan saja, lebih baik abang menyisip atap-atap itu, tampal-tampal mana yang bocor, kalau ribut malam nanti, tidak basah kita dimandikan hujan!"

Bajunya sudah dibuka, yang tinggal hanya seluar pendek bertampung-tampung yang masih melekat di badannya, Upih-upih lama yang ada ditangannya digunakan bagi menampal tempat-tempat yang bocor.

Dipandangnya ke langit, awan hitam yang bertompok-tompok tadi, sudah berubah rupa pula, semua langit hilang birunya, ditutup awan tebal yang merata. Matanya hampir masuk debu, angin mula kencang menghanyutkan debu dan serpihan yang telah lama dan tua.

Besar gunanya upih itu, dalam keadaan begitu

tersenyum dia. Upih itu dahulunya bungkus rojak-rojak yang dibawanya kembali pada malam hari untuk isterinya. Mulanya sesudah habis rojak dimakan, Dara hendak melontar keluar upih itu, tetapi ditahannya, katanya besar faedahnya, boleh dibuat bungkus nasi untuk dibawa pergi sewaktu kerja.

Habis upih itu dipergunakannya. Masuklah dia kembali ke dalam pondoknya. Nasi belum juga masak, mahu dia marah pada isterinya, melihat lambatny Dara menanak nasi. Tetapi melihat mata Dara merah dan mengalirkan air mata, timbul perasaan kasihan. Susah benar nampaknya Dara menghidupkan api, maklumlah angin kuat, ditiup menyakitkan tekak hingga putih mata jadi merah dan melelehkan air, namun api masih berbara lagi. Dia tidak berkata sepatah pun, ditiupnya api itu, dan kian pula meleleh air matanya sendiri.

Dia keluar sejenak mencari kertas-kertas buruk di tempat buangan sampah. Kertas-kertas yang dipungutnya itu, dibawanya balik ke dalam rumah, kertas itu digulung dan dicucuhkan ke dalam dapur, ditiupnya sekuat hati. Api menyala menangkap kertas yang buruk lagi kering itu.

Angin tambah kuat, ternyata atap-atap buruk berderai jatuh di dalam rumah. Mereka sedang makan, Dara meninggalkan nasinya untuk menudung muka anaknya supaya jangan ditimpa abuk itu.

Tiba-tiba debu dari luar berterbangan masuk ke dalam rumah, nasi-nasi yang putih masih berasap sudah jadi hitam-hitam diduduki oleh debu-debu, Dara meninggalkan anaknya pula, tingkap itu lalu ditutupnya.

Dalam rumah itu jadi gelap terus, Dara tidak hilang akal, dipinta mancis dari suaminya. Dipasangny lampu minyak tanah. Lampu itu mulanya menyala kecil, kemudian perlahan demi perlahan

padam, Dara sangka sumbu lampu itu pendek sangat, dinaikkan sumbunya, dan dibakarnya lagi, nyala kecil, kemudian padam kembali. Ternyata minyak telah kosong di dalam pelita.

Mengerti akan keadaan, si suami berkata, "Makanlah dahulu, selepas makan akan kubeli minyak tanah barang sebotol!"

Enggan nasi itu masuk ke tekaknya, berderap-derap nasi itu dikunyah, debu sudah terlalu banyak, kerana lapar nasi itu ditelan dengan paksa.

Tingkap yang telah ditutup tadi kembali terbuka ditiup oleh angin yang kuat, mencurahkan debu masuk ke dalam, menghinggapi nasi. Agaknya merasa pukulan angin yang terlalu kuat, anak yang sedang tidur terus terkejut meneriak emak. Dara segera mencuci tangannya sambil mendukung anak itu. Anak itu dipujuk-pujuknya.

Dilihat di bawah ambin, bara sudah tidak ada lagi, kain-kain buruk yang diganggang sama-sama jadi debu, kata hati Dara:

"Padanlah terkejut anak ini," Dara mencongkok mengeluarkan tempat bara tanah liat itu, sambil tangan yang sebelah lagi mengendong anak.

Tempat bara itu dibawanya ke dapur, dimasukkan bara itu ke dalam tempat bara, sesudah ditaruhnya secarik dua kain buruk, tempat bara itu diletakkan semula di bawah ambin.

Anak itu ditidurkannya semula. Tertidurlah anak itu kembali.

Dipandanginya ke arah tempat makan tadi, suaminya tidak ada lagi, tetapi makanan masih terhidang. Makanan itu dikemasnya, dimasukkan ke dalam almari kawat, yang separuh bahagian lebih bertampal surat khabar, sebab dawainya sudah reput.

Tentu suaminya pergi ke kedai membeli minyak tanah, fikirnya.

Malam tiba, gelap sekali malam ini.

Lampu sudah terpasang tetapi dipasang kecil sahaja, untuk menyelamatkan minyak supaya tahan lama.

Sedang dia berbaring di samping isterinya, teringat dia kisah-kisah lama. Mereka kahwin dan niatnya akan jadi kaya, tetapi hidupnya tambah miskin, memang banyak orang yang hendak jadi kaya, tetapi hanya seorang dua sampai jadi kaya, juga hampir tak ada siapa yang mahu jadi miskin, tetapi dirinya tetap jadi miskin dan tambah miskin.

Teringat olehnya apakah yang telah dibelikannya untuk isterinya selama ini, nyata tak ada suatu apa pun. Malah lebih banyak pakaian dan barang perhiasan isterinya masuk sahaja ke pajak gadai, tetapi keluarnya tidak.

Mutiara, 5 April 1953

Lamaran Pertama

ADINDAKU Nirmala.

Dik Nir....

Jadi, dan akhirnya adik sudah berani mencampakkan diri ke tengah-tengah masyarakat. Masyarakat dengan masyarakatnya yang digubah oleh masyarakat sendiri.

Dinda berpijak di bumi pergaulan sebagai perawan-perawan yang masih suci belum mengenal erti noda. Tetapi adik akan menghadap kenodan, kerana masyarakat kita ini penuh dengan insan yang hanya bertujuan mencipta noda demi noda. Sebagai perawan yang berlaku nekad mencampakkan dirinya ke tengah masyarakat untuk memberikan bukti dan bakti, besar kepercayaan kanda bahawa dinda akan menentang percubaan noda-noda itu.

Walaupun dinda belum dikenal umum - masih diragui umum, apakah wujudnya dinda di tengah-tengah mereka merupakan suatu perkara penting, tetapi bagi abangmu ini: dinda akan menjadi satu tenaga penting. Sekarang juga, sedang dalam saat berdetik ini (tentu dinda dengar lagu detiknya), dinda sudah jadi orang terpenting bagi kandamu, kalaulah kata kanda ini sudi Nir menerimanya.

Dindaku...

Percaya benar aku dinda akan jadi rebutan masyarakat. Andainya demikian, ingat! Ingatilah aku, kanda yang amat meminati dikau.

Bukankah kejayaan dalam erti yang seluas-luasnya yang dikejar oleh adikku! Pinjamkanlah aku telingamu supaya aku dapat berbisik menyusuk sukamamu. "Kejayaan tidak akan terlaksana dengan hanya menanti saja, menanti esok, menanti minggu, bulan ... tahun ... dengan kepercayaan bahawa kejayaan akan berguling di samping kita." Kerana dalam menunggu-nunggu itu sebagai mata tertutup yang terbuka dengan tiba-tiba: masa yang dinantikan telah berada di depan kita. Terasalah kita bahawa roda masa terlalu segera. Kemudian masa yang diidami itu menghilang pula menjadi masa silam, masa yang hanya penuh dengan kenangan-kenangan. Untuk jaya, maka carilah langkah jayanya sekarang ini ... untuk dikau. Nir! Hendak kukatakan bahawa kasihku terhadapmu sangat mendalam. Dengarlah aku memerikan kepadamu suatu babak daripada kisah CINTA:

Ini kisah orang jejaka. Cinta bagi jejaka itu adalah memenuhi segala sesuatu yang diinginkan oleh juitanya. Sedang si juita itu mentafsirkan cinta pula bahawa sesuatu yang diidaminya harus dipenuhi oleh jejaka yang mencintainya, dan pemuda itu walaupun roh dan jasadnya diminta oleh juitanya akan dilaksanakannya juga.

Entah untuk menduga hati jejakanya, entah mempunyai sebab yang lain kepada jejakanya diusulkan satu permintaan yang katanya sebagai menduga jiwa kekasihnya dan sebagai menjamin cinta jejakanya tidak berbelah bagi sebahagian untuk hatinya sendiri, sedang sebahagian lagi

untuk ibu jejak itu. Dipinta daripada jejak itu hati ibunya.

Kerana kekasihnya sudah meminta, maka pemuda itu hanya sanggup memberi itu, memotong hati ibunya untuk dipersembahkan kepada sayangnya.

Kerana takdir juga hendak melanjutkan cerita, dalam perjalanan membawa hati ibunya dengan tidak sengaja kaki itu terantuk batu, membawa jejak itu rebah ke bumi.

Tiba-tiba berkata hati ibu yang telah tercampak diselimut debu itu.

"Kau tercedera anakku ..!"

Singkat sekali peristiwa itu, bukankah begitu Nirmalaku!

Demikian pula cintaku pada dirimu bukanlah sebagai kasih jejak itu kepada juitanya, tetapi cintaku adalah sebagai cinta - si ibu masih sayang walaupun telah teraniaya....

Abangmu.

Hamzah.

Nirmala, Mei 1953

Zakat

ARAB STREET atau Lorong Saudagar kain belum pernah melihat barisan sepanjang itu, walaupun pada zaman Jepun kerana membeli minyak merah atau ubi kayu kupon tidak sepanjang ini.

Barisan ini barisan campur-campur. Lelaki perempuan, tetapi lebih banyak perempuan lagi - perempuan janda, perempuan bersuami, perempuan filem, perempuan dara, perempuan jahat, perempuan Jawa, perempuan Melayu, perempuan Bawean, perempuan India, Islam, dan seorang dua perempuan Cina - lelaki penarik beca, lelaki gemuk, lelaki kurus, lelaki hitam, lelaki putih, lelaki buruh, dan lelaki yang menjual-jual kain di tepi jalan.

Sungguh ribut barisan itu. Ini malam tujuh likur, "Zakat tauke kedai besar ini sehelai batik campur duit seringgit." Lepas ambil zakat di sini kita pergi Lorong 40 pula, "Kebun limau bagi zakat seorang lima ringgit." Alangkah bagus tiap-tiap malam tujuh likur.

"Kalau dapat kain sehelai boleh gadai, beli pula beras untuk fitrah."

"Kalau tak dapatlah kain itu, tak dapat kita berhari raya."

"Haram sehelai kain tak ada, semua digadaikan

oleh suami saya."

"Itu yang di depan dua-duanya anak saya, yang seorang lagi anak dara, sakit di rumah. Kalau budak-budak itu dapat kain dan saya dapat sehelai, dapatlah budak-budak itu pakaian kain baru esok, ini boleh jahitkan serta-merta."

"Kalau dapat kain itu kita boleh jual di tempat kita."

"Selepas kauambil kain kau, jaga di tepi jalan situ. Kita beli kain itu sudah, lepas itu kita boleh jual balik!"

"Awak fikir kain batik yang dibaginya nanti kain batik jenis baik. Nasib! Tauke kedekut, kain-kain yang dah tak laku baru dizakatkannya."

"Buncit perut kalau mampus nanti."

"Kalau banyak kita masih ada tidaklah terpaksa kita beratur di sini."

"Bapak budak tu ke mana?"

"Mati, kalau tidak asal dekat hari raya macam-macam pakaian yang dibelikan untuk saya dan untuk budak-budak juga."

"Kautengoklah bini aku, dah berapa belas helai kain dalam almari, disuruhnya aku ambil kain zakat itu lagi. Dia syok goyang kaki di rumah."

"Cuba kaufikirkan, balik-balik kerja saja, belum mandi, belum pun duduk lagi, belum tukar pakaian lagi, badan berminyak, aku dah kena dera ambil zakat."

"Kautengok badanku berbau peluh."

Antara seramai manusia itu yang riuh-rendah hanya seorang manusia saja yang bersepi, manusia itu adalah seorang perempuan, Asmah namanya.

Mulutnya enggan berkata-kata sebab fikiran telah terlalu berisi, sedangkan isi fikirannya tertumpu kepada dua jurusan: kepada kain batik zakat yang entah akan didapatinya atau tidak, dan kepada

kenangan-kenangan hidup yang pahit, kepada kenangan-kenangan hidup yang diciptakan oleh takdir, kepada takdir yang harus diterima bulat-bulat baik atau buruk, bahagia atau derita.

Fikirannya bertanya berapa lama lagi dia harus menanti. Kalau lama juga mungkin aku pengsan di dalam sesak manusia itu. Macam-macam bau tercium, bau hamis, bau wangi, bau tengik, bau minyak rambut, bau ketiak, bau bedak, bau peluh, dan macam-macam bau lagi.

Berpaling pula fikirannya ke pintu kenangan yang sungguh pahit, seribu kenang-kenangan perkahwinannya di kampung dahulu. Selepas memperolehi seorang anak, suaminya membawanya ke Singapura untuk mencari kerja, menegakkan suatu kehidupan baru untuk berbahagia. Tiga bulan di kota, suaminya belum juga memperolehi kerja. Dalam masa tiga bulan, supaya jangan orang lain tahu bahawa dapur rumahnya tidak berasap, satu demi satu perhiasan di dada dan di tangannya, sehelai demi sehelai batik bandung, betawi, pekalung, berpindah ke tangan Cina pajak.

Kembali kedengaran orang bicara, orang ramai yang berebut hendak merebut zakat.

"Sial punya tauke, kalau betul hendak keluarkan zakat, bagilah sekarang!"

"Tauke kedekut!"

"Bakhil!"

"Laknat!"

"Penyapu!"

Asmah dengan sedih berfikir pula kalau aku tidak menerima sehelai kain itu dan wang seringgat alangkah hampa hatiku. Kemudian datang kenangan lama, selepas tiga bulan hidup menganggur barulah suaminya mendapat kerja sebagai tukang kebun dan sampai kini dia hidup di rumah kecil orang gaji di

belakang rumah tuan yang besar. Kalaulah rumah kecil tidak diberi oleh tuannya dengan percuma tentu hidupnya akan tambah sempit lagi kalau diukur dengan gaji kecil yang diterima oleh suaminya.

Pundak kecil itu telah mengecap tumpahan darah sewaktu seorang anak lagi dilahirkan.

"Tengoklah anak itu menangis. Kan dah tahu nak ambil zakat berembet-rembet dibawa anak-anak kecil."

"Mampus kena himpit nanti."

"Tengoklah orang-orang jantan itu tak beradab. Bukan difikirkannya perempuankah atau budak-budak kecil, main langgar saja!"

Biarpun bagi orang lain adanya anak-anak kecil itu di dalam sebuah rumah, walaupun rumah itu sempit dan kecil, riuh-rendah kanak-kanak itu meriuhkan dan membahagiakan sesuatu rumah tangga. Tidak demikian halnya dengan Asmah. Asmah sudah lama hidup di dalam dunia kenyataan. Asmah sudah tidak takut-takut lagi menerima kenyataan. Bagi Asmah dua orang anaknya itu kian membebankan hidupnya yang miskin. Alangkah bahagia kalau dia dengan suaminya.

Walaupun anak telah dua sekarang namun gaji suaminya tidak juga naik. Hutang kedai berjela-jela ditulis dengan kapur di muka pintu kedai Malbari itu, hutang Cina ikan setahil buku kira-kira kecil.

Beban hidup makin berat, perutnya sekarang sudah berisi, masih menanti hari sahaja, anak ketiga akan lahir, hutang yang ditulis panjang akan tambah panjang, buku kira-kira nombor dua akan dibuka, gaji suaminya tetap sebagai biasa, barang dipajak gadai dahulu belum terambil lagi.

Tiba-tiba pintu kedai itu dibuka. Barisan yang teratur jadi ribut.

"Tolong, jangan tolak!"

"Mati budak ni nanti, ya Allah!"

"Aduh, sakitnya!"

Asmah rebah.

"Perempuan rebah, ambikkan air, tepi sedikit kasi angin!"

Kesedaran Asmah kembali semula, seorang perempuan tua menghulurkan kepadanya seorang anak kecil. Hilang malu, hilang aib, dia melahirkan anak di hadapan umum.

Seorang muda hampir di tempat itu. "Ambillah kain batik saya, zakat telah habis dibahagikan!"

Dengan kain pemberian orang digunakan oleh Asmah bagi menutup anak yang baru lahir itu.

Hiburan, 13 Jun 1953

Dara Janda

SEANDAINYA orang dapat mengira segala pengalaman di dalam hidup, maka lembaran majalah ini akan penuh dengan cerita-cerita kesal, biasanya kesalahan itulah membuat orang mengubah sikapnya, dan penyesalan itu pula yang jadi tangga pendorong sama ada kau berdiri agung, atau kau runtuh binasa.

Sesal tetap akan tinggal sesal, biar diistilahkan dengan istilah apa juga, sesal bukan sahaja jadi kisah hidup, kerana hidup amat luas, sebaliknya sesal itulah yang jadi akar yang berambut di bumi hidup, umpamanya pada kisahku ini, kisah biasa, kisah yang tidak punya bahan yang mungkin menjadikan kisahku sebagai suatu sejarah ataupun satu jaminan bahawa kisahku akan teguh (tidak pudar) menghadap landasan dan percubaan masa.

Sewaktu aku masih anak dara, yang jadi impianku, aku ingin berumah tangga, merasa nikmat kasih daripada suami yang mencintai aku dan tahu pula menghargai kasih diriku.

Jadi, sewaktu aku dinyatakan oleh kedua-dua orang tuaku, bahawa ada anak muda yang sudah melamar aku, aku hanya membisu sahaja dan membisu itu aku memberikan erti sebagai setuju. Tidak terlintas di hatiku, dan pada masa itu belum pernah

hatiku membuat pertanyaan apa yang membawa pemuda itu melamar aku, sedangkan dia tinggal di sebelah rumahku sahaja. Kalaupun dalam kampungku sahaja (belum dikira negeri lagi) masih banyak anak perawan yang lebih molek dan lebih genit dan mungkin lebih bijak daripada aku, kenapa aku antara seramai anak dara di dunia ini yang harus jadi sasaran pinangan seorang pemuda. Dan belum pernah hatiku sendiri membuat pertanyaan, apakah rumah tanggaku akan berbahagia. Akan kekal, akan abadi, dan lebih belum pernah lagi jiwaku bertanya, "Cantikkah pemuda itu? Bagaimana peribadinya?"

Hanya dalam kenangan (angan-angan ataupun impian pada siang hari) aku tergambar bahawa pemuda itulah pemuda idamanku dan pemuda itu bagiku pada saat terkenang-kenang itu mengatasi pada segala hal (terutama pada kecantikan) diri anak teruna yang lain (biarpun belum pernah aku menerawang rupa dan lakunya).

Sampai saat hari aku dikahwinkan, orang mengusik, aku hanya pura-pura bermuka masam (kononnya aku tidak suka dipaksa kahwin) dalam telaga hatiku berkocak lautan riang. Aku dapat yang kucita-citakan, aku dapat seorang suami.

Tiga bulan pertama daripada perkahwinan aku (dan perkahwinan orang lain juga) merupakan hidupku yang paling berbahagia. Aku ingin cinta, aku diberikan cinta. Aku mahu kepuasan, dan kepuasan yang dicurahkan padaku.

Sesudah tiga bulan itu, aku mula memberikan perhatian kepada suamiku. Pertama yang aku insafi, dia tidak cantik sebagaimana sangkaan dahulu (Adnan, bujang di sebelah rumahku lebih cantik lagi, dan lebih cantik daripada Adnan kalau dipandang pula Taslim). Aku sedar pula bahawa kelemahan

suamiku terlalu boros, terlalu banyak membelanjakan wang membeli minuman keras (aku tidak pernah memintanya merubah kelemahan itu). Seterusnya kau mengetahui bahawa suamiku mengikat hutang sekeliling pinggang (biar tirus segala perhiasanku jadi milik kedai pajak untuk menebus hutang yang sebagai lautan yang tidak kenal kering itu).

Mungkin pula sesudah tiga bulan kami berkahwin segala tingkahku jadi perhatian suamiku (seandainya aku sendiri berpendapat aku cukup sempurna). Dalam perhati-memerhati ini ataupun tinjau-meninjau peribadi masing-masing membawa pertengkaran kecil antara kami.

Kini datang pula saat mencari kesalahan. Kita sering bertelagah serta menceritakan kekurangan aku dan aku menyatakan kekurangan dia. Suatu kekurangan lagi yang dapat kukecam pada saat-saat akhir jiwa suamiku amat lemah terhadap wanita (mungkin tidak lemah tetapi amat tertarik pada wanita). Dan kudapati bukti pula suamiku memberikan cintanya pula kepada wanita lain.

Mula aku berasa sesal dalam hidup, (wanita yang selalu lekas berasa sesal) aku ingin jadi anak dara semula, untuk kembali jadi anak dara itu, mustahil. Pintu serupa itu sudah tertutup. Jadi aku mendadak maju ke dalam kehidupan janda.

Sewaktu orang jadi janda, orang berasa terlepas daripada ikatan selama ini, lepas daripada kongkongan ibu bapa, lepas daripada segala ikatan.

Sekiranya kebebasan jadi syarat mutlak untuk berasa kepuasan dan kebahagiaan, tentu aku berbahagia bukan. Sebaliknya jiwaku parah.

Dalam hidup jandaku, aku tiada cinta. Sedar pula aku bahawa cinta tidak dibuat-buat, cinta adalah perasaan dan perasaan cinta.

Ingin aku berumah tangga kembali....

Aku ingin juga bebas....

Aku lebih ingin jadi anak dara yang bebas....

Untuk kembali, pintu telah tertutup ... tetapi hidup ini membukakan berbagai-bagai rupa pintu untuk kita ... dan aku tak dapat memilih untuk memasuki pintu mana ... mungkin segala pintu hidup sudah tertutup buat aku.

Hiburan, 1 Ogos 1953

Surat Yengki

S
AUDARI

Aku kelmarin melihat kau pakai yengki, seluar-mu pendek mengatasi lutut sedikit, mencerut kaki (barangkali kain yang kau beli salah dihela oleh tukang kedai hingga tidak mencukupi, jadi seluar-mu menyingkat) dan bajumu ketat, nampak susuk badanmu, kecewa aku dan orang lain juga, badanmu kurus kering, jadi ketat itu tidak menimbulkan daya penarik. Matamu ditutup cermin hitam, walaupun kau tidak putih, memakai cermin mata hitam itu kau jadi buta, sebab aku di depan memberikan kau senyum, kau tidak nampak, bibirmu merah ditampal lipstik, ini membuat aku tidak hairan mengapa harga sirih jadi murah sekali dan orang sekarang sudah tidak mahu bertanam sirih lagi.

Tidakkah hal ini dapat dijadikan suatu contoh yang tegas dan tepat pengaruh yengki itu merosakkan akar kebangsaan kita! Sebab lipstik akar sirih (pokok kebangsaan) mati.

Dahulu sewaktu melihat kau cantik dalam pakaian baju kurungmu, aku seru, "Amboi!" melihat kau cantik dengan baju bandung dan batik beleromu, aku menyeru, "Waduh!" tetapi kini melihat kau cantik dalam pakaian yengkimu, aku

seru, "Yiba".

Dengan menyeru, "Yiba" itu, aku tidak mengusik dikau, kalau kau hendakku usik tentuku katakan, mengulang pantun adik-adikku: yiba, yibuk, yengki berlapuk, pergi pasar curi keropok, dan ... akhirnya enggan aku tulis, sebab itu cerita najis.

Orang-orang kita ada yang belum dapat menyebut perkataan yengki, ada kawanku menyebut "Yenki", nenekku menyebut "Yeki", perkataan "g" tertinggal, hilang dengungnya, dan ibuku yang antimoden mengatakan, "Pakaian yengki neraka api", sedangkan mak cikku yang pro supaya semua anak dara tutup auratnya mengatakan dengan marah pakaian, "Nampak kaki".

Aku tidak pro dan tidak antiyengki, pernah aku cuba pakai seluar yengki (tiga ringgit aku beli di Sungai Road) setengah hari aku pakai seluar itu aku jual separuh harga kerana perutku yang terselindung selama ini membujur nampak.

Majalah Fashion mengeluarkan bilangan istimewa keluaran yengki, keluaran bangkai ini memang kunanti-nantikan, selama ini aku sudah melihat pelbagai nama majalah, jadi aku ingin melihat Fashion keluaran yengki. Kepalaku membayangkan bagaimana format atau bentuk majalah Fashion keluaran yengki istimewa. Tentu besar di atas kecil di bawah.

Kata orang dalam zaman yengki ini (walaupun zaman tidak punya rupa), kata orang dalam musim yengki ini (walaupun musim terbatas pada udara dan pokok-pokok sahaja), semua cara hidup harus "keyengki" (bahasa baru ini untuk perhatian Lembaga Bahasa dan ASAS 50). Jadi melamar cinta atau mencurahkan rasa hati harus "keyengki" (masukkan dalam kamus bahasa

baru ini dalam susunan hujur K, bahasa baru yang akan memperkayakan bahasa kita), aku sudah jatuh cinta padamu, jadi aku harus mengujar perkataan "yiba" dan kalau kau menyahut panggilan hatiku maka engkau tentu akan menyahut "yibuk" dan seruan "yibuk" itulah yang kuharapkan dari kau.

Akhirnya sambutlah yibaku kepada kau.

Kawanmu,

Hamzah.

Fashion, 15 Ogos 1952

Surat

APABILA tiba malam nanti, seluruh udara akan bergema dengan lagu-lagu yang telah dinyanyikan berabad-abad, lagu yang sudah terkenal oleh pendengaran telinga dan hati, irama lagu itu belum pernah menerima sebarang perubahan, lagu takbir inilah yang jadi pertanyaan bahawa esok Hari Raya Korban, dan kata orang aidil korban akan disambut dan dirayakan pada hari esoknya.

Tetapi hari masih pagi lagi.

Radiah nampak gembira sahaja, ketupat diupah orang sebelah merebusnya, kini sudah berada di dalam bakul di hadapannya. Ketupat itu akan jadi bekalan untuk buah tangan kepada suaminya yang merengkok dalam penjara.

Sudah tiga tahun Radiah tidak berhari raya bersama suaminya. Tiga tahun bagi Radiah adalah sebagai menggantungkan harapan kepada harapan. Harapan yang rasanya pasti terkabul tetapi lambat terlaksananya.

Segala buah tangan untuk suaminya sudah ter siap, hanya menanti dijinjing sahaja. Membawa buah tangan kepada suami yang tidur di kamar penjara sudah jadi kebiasaan kepada Radiah. Walaupun bukan hari raya, Radiah sering membawakan buah tangan untuk suaminya, sekurang-kurangnya

seminggu sekali....

Dalam menantikan saat petang, menunggu waktu apabila sanak saudara dibenarkan menemui kaum kerabat di dalam penjara, Radiah penuh dan murah dengan senyum. Senyum yang terlalu percaya bahawa masa hadapan melukiskan bahagia.

Senyum itu berubah pula, perubahan itu datang dengan semena-mena. Perubahan itu mendatang segera sewaktu posmen itu menghulurkan ke tangan Radiah sepucuk surat, dan hilang lenyap segala seri bersama senyumnya, sewaktu surat itu dibuka dan dibaca.

Radiah!

Esok, hari yang kunantikan pasti tiba, menanti adalah harapan, harapan adalah kemenangan sedangkan kemenangan adalah kebebasan. Maksudku, esok aku sudah tidak dipenjara lagi. Radiah, esok aku akan sama sahaja dengan orang-orang yang lalu lintas, menyapu dan menyeret debu di bawah tapak mereka. Aku sungguh ingin mendengar bagaimanakah deru tapak kaki kita menjamah dan menghentak batu jalanan, deru dan derap inilah yang akan menggema ke telingaku sebagai nyanyian orang merdeka.

Esok Yah, merupakan hari kemenangan yang paling menang, tembok penjara yang melindungi aku dan menemani aku setiap hari dan malam, aku tinggalkan, dan hatiku yang sentiasa diikat oleh hatimu akan merasa kebebasan.

Barangkali kata-kataku ini masih merupakan teka-teki yang dalam bagaimu Radiah, untukmu adalah terlalu lemah untuk menjawab sebagai teka-teki bukun? Bagiku Radiah,

aku orang yang belum biasa memberi sesuatu huraian yang sah terhadap tanda-tanda yang dikemukakan oleh teka-teki. Sama seperti orang yang terlalu lemah menghadap percubaan hidup. Bukankah begitu Radiah? Lantas, dalam penjara aku sudah memeluk sesuatu kesimpulan, (dalam penjara kesimpulan segera datang) bahawa hidup ini hanyalah suatu teka-teki belaka.

Sebagai kau seorang wanita aku menjawab buta, dengan tidak kira bicara sama ada jawapan itu benar atau salah, tepat atau pun meleset.

Kerana kelemahanku dalam perkara ini, dan kelemahan segala wanita, biarlah aku menghuraikan masalah hatiku.

Selama dua tahun dalam penjara kuingat hanya dua tahun sahaja, kau kupandang sebagai contoh wanita yang segala sempurna pada masa kau seorang di dalam penjara, sering sekali kaudatang melawatku. Menemani aku yang keseorangan, biar aku kautemani dengan masa yang singkat sekali, apabila kau-kembali Radiah, kaukembali sendiri, hatimu sudah kucuri dan kujadikan teman hatiku, pada masa aku lapar dengan kasih sayangmu kaudatang memberikan harapan bahawa nanti setelah aku bebas kasih sayang itu tetap akan jadi hakku yang abadi.

Kaudatang sebagai Radiahku pada hari pertama kita kahwin, kau serba sederhana, kau seorang pelayan yang telah bersumpah setia akan berada di sampingku hingga saat akhirku. Kita kahwin dengan cara yang sederhana, tidak menjejaki tangga pelamin - kau dan aku, kadi, dan seorang saksi - aku ingin

kau tinggal sebagai wanita yang sederhana serupa itu selama-lamanya, sebab kesederhanaan adalah kesempurnaan hidup.

Selepas dua tahun itu Radiah, kau sudah tidakku percaya lagi. Kesetiaanmu sudah menimbulkan keraguanku. Kau tidak lagi sebagai Radiahku.

Aku tidak menafikan Radiah, bahawa keseringanmu menziarahi aku tidak pernah berkurangan. Cuma yang aku hairankan, buah tanganmu untukku kian bertambah, dan buah tangan itu kian mahal harganya.

Kau dimandikan perhiasan Radiah, kau sudah beremas dan berintan, sedangkan dua tahun dahulu dan tahun-tahun yang sebelumnya, perak juga belum sanggupku membelikannya. Kan aku ini orang miskin, sewaktu kau meminta aku mengahwini kau, aku sudah memberikan suatu jaminan aku ini orang yang miskin, aku miskin dengan harta benda, tetapi aku kaya dengan kasih sayang.

Mulanya kau berpendapat kau kembali sebagai kerjamu dahulu menjadi pelayan (walaupun pendapatan seorang pelayan yang jujur tidak bisa membeli emas dan intan) sedangkan engkau baru-baru ini sudah bersumbang berlian pula. Kemudian kau sendiri membuat pengakuan bahawa kau tidak bekerja sebagai pelayan, cuma kau tidak membuat pengakuan dari mana datangnya emas, intan, dan berlian itu.

Keraguan yang kecil kian besar, hingga jadi terlalu besar. Ketika ini Yah, aku terasa benar gunung kita yang maha tinggi ditimbun oleh seribu janji, sudah rata menjadi tanah datar, terus-terang kukatakan bahawa kau

sudah berlaku curang dan serong, segala perhiasan itu kautukar dengan kehormatanku. Walaupun kehormatan itu kau jual mahal, tetapi kau adalah terlalu murah bagiku.

Tentu nanti kau menjawab bahawa kau berlaku curang, semata-mata untuk menanggung hidupmu dan membelikan aku buah tangan semasa dalam penjara. Nanti akan kau katakan (alasan segala perempuan) bahawa kaukorbankan dirimu untuk aku. Sesungguhnya Radiah, pengorbanan yang dilumur noda dan dosa tidaklah mempunyai nilai, sedangkan yang tidak bernilai bukanlah pengorbanan.

Nanti kau akan menuduh aku sebagai orang yang tidak mengenang budi, sebab esoknya aku terlepas dari penjara barulah datang suratku menuduh kau. Orang seperti aku jadi hamba penjara, tidak berhak menuduh kerana kami orang yang tertuduh. Menuduh adalah jadi hak orang yang bebas.

Semua ini hanyalah kerana keraguan belaka. Seandainya kau terus jujur padaku. Petang ini sebagai menyambut hari kebebasanmu, kau akan datang dan membuat pengakuan berterus-terang dari mana kau perolehi hasil membeli emas dan intan berlian itu. Kalaupun kau tidak jujur kau tentu akan datang juga, dengan datangnya Radiah, kau menyangka aku akan percaya bahawa kau ini jujur dan akan kau berikan alasan-alasan yang dusta semata-mata.

Datang atau tidak terserah pada kau dan terserah bulat pada hatiku untuk mempercayai Radiah serupa mana? Ini semua hanyalah keraguan belaka.

Sekiranya hatiku mengatakan kaujujur, aku kembali besok untuk menemuimu pada pagi hari raya. Sekiranya kau tidak jujur (sewaktu matakau dikepung tembok penjara melarang aku melihat tingkahmu di luar) aku akan kembali juga, menuntut maaf pada hari raya dan memberikan kau selamat berpisah dan terpisah.

Hiburan, 22 Ogos 1953

Rambut Panjang

RAMPUT panjang ke tengkuk, betul-betul macam Samson, dia jadi pengarang, mengarang cerita-cerita pendek, kawan-kawannya seperti Amin Jaya, Abu Zaki, Abka, Aiby, dan tukang gambar S.(C) Salim juga menuduh dia sudah terpengaruh dengan filem "Samson dan Dalela", dan "Aurat", dan mahu fesyen Samson.

Namanya boleh dipanggil siapa sahaja. Boleh juga Hamzah, (tetapi bukanlah Hamzah yang mengarang cerita ini), banyak benar mengarang cerita-cerita pendek, dan banyak karangannya terutama sajak-sajak. Sebab pun Hamzah yang berambut panjang ini banyak mengarang, kerana Hamzah berambut panjang ingin mengatasi Hamzah pengarang pujaan 1952.

Mula sekali dia mengarang sajak, rambutnya pada waktu panjang, kerana gepeng tak punya wang untuk pergi ke kedai cukur, sajak pertama yang dikarangnya menggunakan tajuk: "Rambut Panjang", katanya dalam sajak itu:

Hanya rambut ini, rambutku
nan panjang,
jadi penutup, segala
nan curang.

Rambutku dinoda angin, lemah menari
 sebagai lalang,
 aku....
 aku tidak terbang ... di situ
 di tempat berpijak itu,
 aku berdiri melawan angin
 seorang.

Kata sahibulhikayat (?) dalam dunia karang-mengarang jadi terkenal bererti banyak yang memuja.

Kata Zaki, orang puja Hamzah bukan kerana apa, tetapi kerana rambutnya yang panjang, S.(C) Salim sampai dia beri duit supaya Hamzah suruh buang rambut, tapi Hamzah degil tak mahu.

Kata al-kisah, sebab-sebabnya Hamzah enggan membuang rambutnya, adalah diriwayatkan bahawa Hamzah ingin jadi salah seorang penulis majalah Fashion, jadi dengan berambut panjang itu, dia mahu pelopor fesyen rambut panjang, alasannya lagi orang yang menganjurkan fesyen baru mesti jadi pelopor sendiri (bukan macam Amin Jaya mengarang fasal fesyen, pakaiannya semberono, kadang-kadang pinjam baju Zaki).

Dalam pada puja-memuja ini, Hamzah suka sama suka dengan salah seorang wanita yang memujanya, boleh dinamakan Zainab, Hanim, Azizah, Maimunah, Rafeah, Ainon, dan lain-lain lagi.

Pada suatu hari, wanita itu bertanya kepada Hamzah punca ilham dan tenaga dayanya sehingga dia boleh mengarang sebegitu banyak.

Mulanya Hamzah kata, "Dari dinda aku dapat ilham, dari matamu yang bersinar-seminar bak bintang kejora, dan bibirmu yang manis, dari matamu sebagai rambulan di dalam terang, dari itu dan ini."

Wanita itu tak mahu percaya dengan katanya,

"Pengarang semuanya pembohong, macam mana dia pandai menulis begitulah dia bijak bercakap."

Pujuk punya pujuk, Hamzah mengaku ilhamnya dan tenaganya datang dari sebab dia berambut panjang.

Hamzah dapat pujaan baru pula, ini menimbulkan marah dan cemburunya, Hamzah tak boleh jadi hak orang lain tetapi jadi haknya seorang.

Dia membalas dendam, pada suatu ketika sedang Hamzah tidur di atas pangkuannya, dipotongnya rambut Hamzah persis atau sama serupa Dalela memotong rambut Samson.

Sangkanya Hamzah tak boleh mengarang lagi.

Mulanya Hamzah cuba mengarang, ilham tak datang kemudian Hamzah teringat, kalau dahulu namanya jadi terkenal dengan sajaknya "Rambut Panjang", kenapa sekarang tidak dikarangnya sebuah sajak lagi bernama "Rambut Pendek".

Jadi, Hamzah pun mengarang sebuah sajak, ilham datang, tak sangka yang itu dinamakan "Rambut Pendek".

Apabila segala rambut ditelan masa
segala peristiwa dunia bertelanjang
di hadapan mata,
cinta hanya rintihan sepatah kata
dan aku tinggal sebagai aku juga.

Dengan karangan ini nama Hamzah kian terkenal, rambutnya kini masih pendek lagi, tetapi apakah nanti Hamzah akan berambut panjang semula, sungguh aku tidak tahu, tanyalah kepada sahibulhikayat.

Fashion, 15 Oktober 1953

Sesudah Sembilan Tahun

SELEPAS sembilan tahun, maka mereka ini bertemu, dahulu mereka dan persahabatan mereka tercipta dengan pelbagai cara. Sengaja mereka mengadakan pertemuan ini, untuk menyatakan bagaimana hidup telah menerima dan melayan mereka selama sembilan tahun itu.

Mereka ini bertemu:

Jalil - seorang pengarang.

Yassin - seorang buruh kasar.

Lazim - seorang samseng.

Samin - seorang saudagar.

Yatimah - seorang sundal.

Rahmah - seorang isteri.

Isman - seorang pemuda yang mengaku tidak percaya Tuhan.

Suhaimi - bekas orang tahanan.

Suhaimi diberikan kesempatan berbicara lebih dahulu, sebab sesudah dua tahun di dalam tahanan, baru kini dia dibebaskan, jadi selama ini dia hanya mem-bisu, walaupun berkata-kata hanya dengan warder-warder penjara, dan kata-kata itu hanyalah kemes-tian dan untuk keperluan sahaja.

Katanya kuat lantang, sebagai tanda jiwanya sentiasa marah. "Segala cita-citaku tidak berjaya. Negara ini hendak kujadikan sebuah negara yang serupa dengan negara di mana satu orang berkuasa atas segala orang lain. Aku fikir selepas sembilan tahun hidupku tidak dapat meletakkan satu nilai yang tinggi. Kejayaanku hanya satu, aku dapat menguasai satu jiwa - satu jiwa yang tunduk dengan segala ajaranku, dia kuajarkan faham yang paling aku sayang, kepada dia kukatakan Tuhan tidak ada. Sampai kini dia jadi mulutku mendakychkan ke sana ke mari dengan mengatakan (Tuhan tidak ada) kalau masyarakat menentang faham serupa ini, cuma dia yang jadi rosak namanya, sedangkan aku tetap tersembunyi di belakang layar."

Berhenti sahaja Suhaimi berkata-kata, Isman terus menyambung, "Aku tidak percaya Tuhan wujud. Aku percaya pada undang-undang yang kuciptakan sendiri, segala undang-undang yang lain dan adat-adat yang telah terkena tidak punya nilai untuk aku. Sudah sekian lamanya aku menghambakan faham mengajak orang percaya bahawa Tuhan tidak wujud, tetapi pengajaranku layu sebelum ber-kuntum. Tidak ada sesiapa yang mahu menerima pengajaranku, aku jadi korban diriku sendiri, orang mula rasa benci pada diriku, dan sudah 10 kali aku memiming anak orang, aku ditolak, sebab orang enggan mengambil aku sebagai menantu, Isman yang tidak percaya pada Tuhan. Orang-orang kujadikan bingung untuk mentafsirkan aku, aku bukan kafirin, kalau si kafir juga menyembah berhala dan patung, kafir kitabi pun percaya wujudnya Tuhan masing-masing. Aku manusia nihil. Hanya satu orang yang jadi pengikutku, iaitu Rahmah, isteri Suhaimi, sewaktu Suhaimi ditahan, aku mempengaruhi Rahmah supaya mempercayai pada pengajaranku, batin

dan lahir Rahmah pernah jadi milikku....”

Rahmah memotong.... “Aku percaya Tuhan masih ada. Aku mengaku punya perhubungan lahir batin dengan Isman. Aku lapar kepuasan cinta. Sengaja aku menerima ajaran tidak adanya Tuhan dari Isman, kerana aku ingin menerima rasa nikmat dari percintaan, walaupun percintaan itu, jika kata orang aku hanya wanita dan sebagai wanita aku terima cinta dari sesiapa saja yang memberikan.”

“Aku jadi sundal terhormat disebabkan oleh Rahmah,” demikian kata Yatimah dengan kesal. Aku mula pertama yang tahu perhubungan salah antara Isman dengan Rahmah, mula ini, Rahmah sudah berasa takut, rahsia dia nanti akan aku besarkan, jadi Rahmah mengajar aku erti cinta dan betapa nikmatnya kalau cinta lahir dibalas dengan lahir. Aku mengikut Isman dan Isman memperkenalkan aku kepada Samin seorang saudagar kain di tepi jalan, sampai kini aku jadi isteri Samin, walaupun kami belum bernikah, tetapi Samin bukanlah satu-satunya suamiku, sesungguhnya aku banyak punya suami yang tidak rasmi, sama ada Samin tahu atau tidak, aku sungguh tidak tahu.

Samin tergopoh memberi keterangan. “Aku tahu Yatimah punya suami yang lain selain dari aku walaupun aku ini bukan suaminya, kerana kita belum pernah kahwin. Kalau diistilahkan pada tontonan hukum aku tidak peduli kesenangan yang kuperoleh dari Yatimah, tidak kudapati dengan percuma, tetapi dengan dibeli. Seandainya Yatimah berhak menjual perkahwinan kepada aku, maka Yatimah berhak untuk berjual kepada orang lain. Tapi, kerana Yatimah aku hampir dipukul oleh Yassin seorang buruh kasar, untuk menahan daripada bahaya dan kecederaan pada diriku, kerana aku memandang nyawaku sebagai bernilai, aku menggaji

Lazim, seorang samseng untuk melindungi aku.”

“Sudah sekian lamanya aku melindungi Samin daripada bahaya, tetapi sebenarnya Samin tidak punya bahaya apa-apa. Kini aku tahu kian kaya orang, kian kuat dia dipeluk takut, Yassin sudah punya perhubungan dengan Yatimah semenjak dahulu lagi dan tentu sekali Yassin menganggap Samin disifatkan sebagai “kapitalis”, jadi perosak kaum buruh, sudah kehidupan kaum buruh dari segi pergajian jadi korban golongan Samin, kini satu-satunya hak Yassin, pun telah dikorbankan oleh Samin. Jadi aku mengancam Yassin, kalau Samin jadi apa-apa atau ditimpa bahaya maka Yassin harus membayar dengan nyawanya, lebih-lebih aku meminta kepada Yassin supaya membayar cukai selama tiap-tiap bulan kepada aku,” demikian kata Lazim.

Yassin bercerita pula, “Aku berdiri seorang, tetapi aku cuba melawan, belum pernah aku membayar cukai selamat yang dituduh oleh Lazim, tetapi aku tidak pernah diganggu oleh Lazim, pernah aku mengajak lazim beradu satu sama satu, tetapi Lazim enggan, dia berani apabila dia beramai-ramai menentang aku seorang biarpun kita akan menghadapi tahun baru, jiwa kita tidak berubah, aku masih benci pada Samin dan seperti dia, kerana membunuh segala yang suci yang masih ada di dalam dunia ini.”

Perjumpaan itu jadi sunyi sepi dan lengang. Tiba-tiba terdengar ketawa besar, ketawa besar itu diterbitkan oleh Jalil, dan dalam ketawa Jalil berkata, “Saya tidak punya apa-apa untuk diceritakan, cuma apa-apa yang berlaku tadi dan segala yang telah diperkatakan akan jadi cerita saya.”

Kemudian terdengar masing-masing merayu kepada Jalil supaya diri mereka jadi “hero”, jadi

"orang baik" dalam cerita. Samin janji beri wang yang lumayan, Yatimah janji beri cium dan lebih dari ini, Rahmah sanggup kahwin dengan Jalil, Lazim sanggup jadi pelindungnya dan ... dan cuma Yassin berkata, "Sifatkan aku dalam cerita kau, sebagai aku, aku mahu jadi aku."

Hiburan, 2 Januari 1954

Majid Kahwin

AMIN sudah melampau, Zaki sudah ter-lalu, sedangkan Salim sudah melewati batas terhadap Majid. Kadang-kadang saya sendiri berasa kasihan terhadap Majid dibuat oleh ketiga-tiga orang itu.

Majid *dibully* serupa itu, sebab Majid sampai sekarang belum kahwin lagi, cuma bercita-cita sahaja. Macam-macam orang yang bertiga itu menuduh.

Entah mengapa agaknya, asal kawan-kawannya nampak Majid berjalan dengan wanita walaupun (sekadar berjalan sahaja tak ada main pegang-pegang) mereka sudah berpendapat tak lama lagi kedengaran doa nikah dibacakan oleh Zaki.

Apa sahaja yang tidak dibuat oleh mereka terhadap Majid, semacam anak tiri mereka buat itu dan ini untuk menyiksa Majid.

Ibu Majid sampai tak boleh berfikir lagi, macam mana hendak disuruh kahwin. Paksa tak jalan, pujuk tak berbekas. Zaki rekemen empat wanita, Amin tiga, Salim lebih daripada setengah dozen. Majid masih bujang juga.

Ibunya suruh tengok anak-anak gadis orang, dia pergi tengok, balik-balik dia cakap pada ibunya, "*No good, sesen sepuluh.*" Marah-marah ibunya menjawab, "Kau fikir, perempuan ini semacam buah kana, boleh beli sesen sepuluh."

Majid ketawa dengar budak-budak UMNO cakap, tak mahu kahwin sebelum merdeka. Sebab Majid berpendapat dirinya merdeka sebab tak kahwin.

Amin dan Zaki, dan juga Abdullah Ali macam orang koloni, keluar rumah pakai pasport, pergi sana sini pakai pasport dan catu waktu. Kadir pun pasport penuh cap, sebab 18 kali sudah kahwin.

Satu hari ibu Majid hampir terperanjat dan tidak mahu percaya, sebab kata Majid dia akan bawa balik gadis yang telah dipilihnya bakal menjadi isterinya.

Dipendekkan cerita, esok pun tiba. Betul-betul jam lima petang, kereta khairat kematian berhenti di muka rumah Majid. Dari dalam kereta itu keluar 12 orang wanita sekali. Untuk menghilangkan perasaan terperanjat ibunya, segera Majid berkata, "Ini semua gadis-gadis yang telah saya pilih."

Wanita-wanita itu dibariskan di dinding rumahnya, macam membariskan wanita yang masuk peraduan cantik. Kata Majid, "Inilah kahwin *fashion* baru."

Bertanya ibunya, "Kenapa perempuan-perempuan ini kau bawa dalam kereta mati, patutnya disewakan motokar?"

Jawab Majid, "Bukankah kalau dah kahwin kemerdekaan saya turut jadi mati."

Setelah gadis-gadis kedua belasnya berbaris bersandar di dinding, Majid selaku Sukarno bersyarah pada ibunya, katanya, "Ibu! Dalam zaman moden ini, sebelum kahwin kita harus memilih dahulu, supaya jangan menyesal dan terkena di belakang hari. Saya sudah memilih lebih dari 33 orang wanita, sekarang ibu lihat saya menunjukkan pada ibu, cuma 12 orang wanita saja, sedangkan 21 orang lagi telah tewas dalam pilihan saya, yang 12 orang wanita itu, berjaya memasuki pilihan akhir. Dari 12 orang wanita itu, ibu harus menjalankan pemilihan muktamad

sebagai orang memilih ratu cantik untuk dijadikan isteri saya!"

Balas ibunya, "Kau yang hendak kahwin, jadi bonda serahkan pilihan itu padamu sendiri. Kalau demikianlah kahwin *fashion* baru, ibu tidak menyesal jadi orang kolot, sebab ibu sewaktu dikahwinkan dahulu tak pakai baris-baris lagi."

Fashion, Bil. 8, 15 Januari 1954

Sampan Hanyut ke Batu Karang

S
AUDARA

Peristiwa saudara semalam membuat aku menulis surat pada dikau hari ini. Aku mengerti tentu semalam kau diserang soal dalam tidur dan dalam kenanganmu, mengapa aku berlaku luar biasa semalam. Kau tidak mengerti bukan?

Biarlah suratku ini jadi penawar mengubati fikiran kau yang sedang sakit dibuat oleh seribu tanda tanya. Kau masih bertanya bukan, mengapa aku sewaktu terpandang wajahmu dari jauh lantas membuang pandangku ke arah lain, sebagai aku tidak mahu dikenali, kenapa aku menghilangkan diri di tengah dan di celah orang-orang ramai sewaktu kau menyusul aku? Tentulah lebih berkecamuk fikiran di kepalamu mengapa aku dalam pakaian yang tidak keruan, pakaian yang tidak harus dipakai oleh seorang yang terpelajar sebagai aku ini, bukan?

Semua ini jadi isi yang memenuhi segenap tempat dalam fikiranmu.

Apa yang kaulihat semalam pada diriku dan nanti kisah-kisah yang akan kaudengari mengenai diriku, itulah kisah hidup, kau tidak payah lagi mencari erti hidup dan kehidupan. Dahulu aku pun sebagai dikau juga sering mencari penyudah soal apakah hidup dan kehidupan? Tapi kini, ini semua tidak jadi

soal lagi, sekarang aku sudah kenal itu semua, bagiku, aku hidup dan kehidupan sendiri.

Orang mengertikan hidup dan kehidupan ini dengan banyak tamsil dan ibarat. Di antara sebanyak tamsil dan ibarat itu, aku sungguh tertarik dengan orang mengibaratkan hidup tidak ubahnya sebagai melayarkan sebuah sampan ke tengah lautan yang maha luas, sentiasa jadi mainan ombak, dan kalau kau terlihat semalam aku ditimpa bayang susah, itulah tandanya sampanku hanyut ke batu karang.

Kisahku ini terlalu banyak sekali diisikan oleh babak dan bahagian derita. Semenjak kecil aku dibesarkan oleh cerita dan penderitaan ini menjadi guru bagiku untuk menebalkan semangatku. Aku lahir menatap dunia dengan tangisan dan sampai sekarang juga aku masih diladung oleh air mataku sendiri.

Sampailah saatnya, aku lulus kelas terakhir sekolah Inggeris kerajaan dengan mendapat sijil yang terhormat.

Beberapa daripada saudara-maraku dan kawanku menyuruh aku bekerja dengan kerajaan. Ada antara keluargaku yang telah pun dapat kedudukan dalam jabatan kerajaan menyatakan kepada aku bahawa undangan bila-bila sahaja terbuka untuk aku terlalu didesak oleh golongan yang seramai itu, aku terpaksa menerima usul mereka walaupun ini bertentangan sekali dengan cita-citaku.

Hanya enam bulan aku diselimuti kemewahan. Gaji datang padaku setiap bulan. Kebelakangan suasana perjuangan tanah air yang sedang hangat mempengaruhi jiwaku. Soal perjuangan sudah jadi soal pertama dalam hidupku.

Semasa aku bekerja dengan gaji yang tetap itu ibuku sentiasa menyimpan sebahagian besar daripada pendapatanku. Katanya itu untuk belanja kah-

winku nanti, dan aku lalu ditunangkan dengan keluarga yang berdekatan juga.

Agaknya, aku paling terpelajar daripada anak-anak muda yang lain, aku pantas dianggap mereka sebagai ketuanya. Perjuangan itu kupimpin hingga sampai pada tingkat yang menggelegak panas, jiwa kawan-kawanku, kupengaruhi, dan berjaya juga aku mempengaruhi jiwa tunangku. Keadaan ini sudah membuat aku terlalu sulit, aku terpaksa memilih, aku berjuang menentang pemerintah, tentu tidak mengizinkan aku bekerja dengan mereka lagi. Didorong oleh semangat yang sudah terlalu ingin merdeka dan ingin memperjuangkan kemerdekaan itu sampai pada titik tamatnya. Kupilih jalan, bertegak dengan diri sendiri.

Sikapku ini tentu sekali menimbulkan marah-marah orang yang dahulu memujuk aku bekerja kerajaan dikatakan aku bodoh, dan dikatakan aku membuang tuah, dan ada yang sampai mengugut dengan amaran terlalu berani aku akan ditangkap.

Saudara,

Permusuhan ini berjangkit sampai merosakkan jiwa.

Mula-mula wang yang kusimpan itu aku pergunakan untuk penghidupan sehari-hari. Biar pun aku susah sekarang ini, tetapi orang belum dapat menuduh aku. Aku tidak mengatakan aku ini dari orang-orang jujur, sekadarkan belum pernah aku mempernodakan harta rakyat. Jalan susahku tambah berliku-liku lagi. Kini tiba saat-saat aku terasa kelaparan dan sentiasa dimarahi ibu.

Mula saat itu pertentangan aku dengan ibu kian membesar.

Memuncak penderitaanku apabila aku sampaikan berita bahawa oleh kerana sampai masa akhir pertunangan dan aku masih belum menghantar

belanja lagi, lantas dianggap aku sebagai menolak tunangku itu jadi isteriku. Inikan sebagai alasan sahaja saudara. Alasan kukatakan kerana kami saling cinta mencintai selanjutnya telah kau ketahui bukan, timbullah fikiran dari kalangan ramai yang mengatakan aku, dan merbahaya kesannya, aku baru-baru seminggu ini aku dibebaskan dengan harapan besar aku kembali ke kampungku. Harapan ini jadi rupanya diguris oleh luka kemudian berdarah.

Sewaktu dalam tahanan dahulu selalu juga aku menerima bingkisan surat dari tunangku. Pernah ditulisnya kata-kata yang memberikan harapan pada satu jiwa yang mula kesal dengan corak kehidupan.... "Nanti apabila abang bebas abang akan kusambut dengan senyuman dan perasaan sekali aku sudah bersumpah akan setia terhadap abang. Sumpah itu yang memberikan aku kekuatan mengatasi segala kenangan dan kepahitan. Bukankah di batas jiwaku telah ditanam oleh abang dengan benih dari jiwa abang, akan matilah adikmu ini. Kalau ada orang yang sanggup mencabut akar yang memperkukuhkan pohon abang yang telah tumbuh segar di atas sukma, dan aku tidak punya kekuatan untuk sendiri mencabut akar ini yang tidak luput dari kenanganmu abang. Abang, aku ingin membaca segala karangan abang yang telah bersurat dan bersih." katanya.

Sewaktu aku kembali dia ada di samping ibuku, melihat aku dia menunduk malu ingin melindungi rasa salah diri. Sudah enam bulan kebelakangan ini aku tidak menerima apa-apa lagi dari dia. Rupanya dia sudah dikahwinkan dengan orang yang dekat dengan aku juga. Dia telah dikahwinkan dengan adikku sendiri. Adikku yang lulus tinggi berpangkat dalam jabatan.

Ibuku nampaknya kurang senang dengan per-

kembaliaku. Takut nanti, timbul semula perasaan dahulu yang menghubungkan aku dengan tunangku dahulu.

Kawanku semuanya sudah bergerak termasuk adikku sendiri. Semuanya ingin merdeka tapi aku tetap ditolak oleh mereka. Kata mereka apa yang kuperjuangkan, caranya, tidak sesuai dengan cara mereka.

Dengan hati yang lain, kutinggalkan tempat itu dengan hanya bekal semangatku, dan pakaianku yang ada hanyalah beberapa sahaja.

Inilah ketikanya sampanku hanyut ke batu karang. Aku tidak mahu menumpang sampanmu, nanti memberatkan kau, dan mungkin menenggelamkan kau pula. Itulah maknanya saudara, aku menghilang dari kau, menyingkir dan mengusir diri sendiri.

Kan sudah kujawab soal-soal yang terpasang di kepalamu?

Dan timbul pula soal baru. Sesudah sampanku hanyut ke batu karang, apakah aku ditenggelamkan oleh laut yang dalam.

Soal ini sekarang kujawab, "Sampanku hanyut ke batu karang, pecah berkecai, terantuk remuk, yang berkecai yang bersepai, yang hancur, yang lebur hanyalah sampanku. Aku masih ada sebagai aku juga, aku masih dapat berenang ke tepian. Ataupun aku berenang meneruskan jalan biarpun aku akan melawan badai dan ombak, dan mungkin ceritaku tamat apabila aku sendiri nanti lemah hanyut ke batu karang." Kawanmu.

Hiburan, 10 April 1954

Dia dan Ainon

MALAM ini tamatlah sudah orang ber-

puasa.

Bilik sebelah-menyebelah tempat tinggalnya berlainan daripada keadaan sehari-hari kalau pada petang puasa. Sewaktu dia berbaring di biliknya seorang diri, melepaskan jerih payah terdengar nyaring suara orang-orang yang tinggal di bilik itu, memasak itu dan ini untuk berbuka puasa sambil memasak sekali lauk dan kuah untuk bersahur malam karang, dan kalau udara telah rembang petang, terdengar pula laga piring dan pinggan tanda orang-orang itu hidang-menghidang, dan sebentar lagi Ainon akan datang ke biliknya membawa dulang yang bertudung saji untuk berbuka puasa. Selepas Ainon datang beberapa orang lagi yang menyewa bilik di situ menyampaikan penganan dan juadah. Kadang-kadang dia terasa kekurangannya sendiri. Dia yang selalu memencilkan diri, menguncikan diri seorang – dalam kamar kecil yang banyak sekali berisi dengan buku bacaan. Terasa dia kelebihan orang-orang itu, kalau dahulu, tidak bulan puasa, jiran dan jiran selalu bercekcok, bersarang mulut atas perkara-perkara kecil dalam bulan ini. Hal-hal serupa itu jarang berlaku, dan andainya berlaku segera pula mereka melupakan sewaktu hampir

terdengar tabuh surau, jiran-jiran itu tukar-menukar kuih dan bubur yang dimasak oleh masing-masing.

Baginya puasa dan hari raya itu tidak ada bezanya sama sekali. Kalau tahun-tahun sebelumnya, dia taat sekali memegang puasa, sewaktu masih hidup dipagari kampung, dan sesudah dia 9 bulan lebih diam di kota, cara berfikirnya sudah jauh berubah, sebagai di kota ini terbukalah matanya, terasa olehnya sebagai dia menjejaki sebuah dunia yang baru dengan bermasyarakatkan manusia baru pula. Tahun ini dia tidak memegang puasa, bukanlah kerana kesihatannya terganggu, sekadarkan jiwanya yang sakit.

Selama di kota ini, dia banyak sekali menerima perubahan jiwa dan kadang-kadang sampai menimbulkan satu krisis fikiran. Dahulu sewaktu seorang kawannya memajukan pertanyaan apakah selepas dunia ini akan kita tempoh satu akhirat? Apakah benar di dalam dunia abadi yang akan datang itu sungguh akan ada satu syurga dan satu neraka, maka pada malam itu matanya enggan masuk ke alam tidur. Esok dijawabnya berdasarkan hukum dan hadis sebagaimana dahulu dia belajar daripada gurunya di pondok.

Dengan senyum-senyum mendengar pula, kawan itu mati-matian menafikan bahawa akhirat berada di depan kita, dan kawan-kawan yang lain juga dengan masing-masing menafikan bahawa wujudnya satu neraka dan satu syurga, dan seorang kawan yang lain bersungguh-sungguh mengatakan satu syurga dan satu neraka hanya wujud dalam dunia ini. Kaum hartawan dan yang senang-lenang telah menciptakan satu syurga untuk dirinya dalam dunia nyata ini, sedangkan orang-orang miskin hidup dalam satu neraka.

Demikianlah jiwanya terpukul, sampailah saat

sekarang ini jiwanya bertanya, tapi belum lagi sampai puncak untuk menafikan, betulkah Tuhan itu ada?

Dalam termenung inilah, tiba-tiba pintu biliknya diketuk. Terburu dia bangun membukakan pintu kamarnya, sekuntum senyum yang manis menyambutnya di muka pintu itu, berdiri dengan segala kejelitaannya, Ainon. Ainon tidak berkata apa-apa hanya menyerahkan talam yang berisi kuih-kuih untuk dia berbuka puasa sejenak nanti.

Agaknya kerana malu pada Ainon itulah, dia mengatakan kepada orang-orang di situ bahawa dia berpuasa. Sewaktu orang bersahur dia menumpang bersahur dengan keluarga Ainon.

Pernah dan selalu hatinya berkata, kalau Ainon nanti jadi suri rumah tangganya, itulah dia sahur untuknya. Pada malam-malam hari, tertusuklah ke telinganya, suara Ainon yang halus dan merdu membaca Qur'an. Inilah saatnya jiwanya bergelora. Apakah sungguh hidup ini tidak punya tujuan dan haluan, dan tujuan hidup ini hanyalah ditentukan oleh orang yang hidup sendiri? Tidakkah Ainon mengaji itu, Ainon berpuasa, Ainon sembahyang lima waktu sehari dengan memeluk satu tujuan yang murni, hanya untuk mengabdikan kepada Allah semata, dan tujuan ini adalah jadi satu kepercayaan (biarlah hati dia enggan mengatakan itu satu iman) yang agaknya dipelihara oleh Ainon lebih mahal daripada harga nyawa sendiri. Barulah dia berasa dia sendiri yang hidup....

Selayak hidupnya, awan berarak tidak menjamah langit dan tidak juga bumi. Kadang-kadang menebal menggelapkan alam dan kadang-kadang bersepah berkecai bertompok-tompokan. Tidakkah Ainon itu lebih mulia daripada dirinya? Sekurang-kurangnya dia dapat mengatakan bahawa Ainon

mempunyai tujuan dalam hidup dan tahu pula ke mana harapannya akan bersemadi apabila bercerai roboh daripada jasad. Sedangkan dirinya sendiri, dia hanya hidup sekadarkan didesak oleh keinginan yang mahu hidup, dan kemudian dari ini ... entahlah....

Pun pernah timbul marahnya terhadap Ainon, yang katanya terlalu karut dan kolot, semata-mata Ainon sering menyebut dosa dan pahala. Namun begitu belumlah sampai jiwanya untuk terlalu marah sampai mencari jalan untuk melupakan Ainon. Hubungannya dengan Ainon tidak dikatakan satu cinta, kalaulah cinta itu betul ada, dan betul pula yang jadi alat yang menghubungkan rohaninya ke rohanian Ainon, tentu sekali alat yang menghubungkan ini dapat dilihat dan dapat dirasa kasar dan halus. Dia berkeyakinan antara dia dan Ainon, tidak ada rasa cinta yang jadi alat yang merentang mengikat sukma dia dan sukma gadis itu, hanya yang benar bahawa dia tertarik dengan Ainon. Kerana dia adalah dilahirkan sebagai seorang wanita, keinginan dan kebeberahan itu membawa dia menanam perasaan terhadap Ainon.

Tentu kalau dia ingin menjadikan Ainon teman hidupnya dan dia terpaksa menjalani syarat nikah maka itu pun akan diselenggarakan sebagai orang menjalankan cerita komedi. Timbullah pula pertanyaan di hatinya tidakkah ini bererti dia membiarkan dirinya diikat oleh adat dan hukum walaupun dia tidak mempercayai adat dan hukum itu? Tidakkah membiarkan diri jadi perkakas pada satu penyelenggaraan, dapat dianggap sebagai setengah percaya pada penyelenggaraan itu. Kalau pun tidak dapat dikatakan percaya penuh tentu sekali Ainon yang lebih beruntung pada dirinya. Ainon memasuki penyelenggaraan itu dengan kepercayaan yang boleh

menambahkan kesenangan hatinya, sedangkan dia sendiri dipukul keraguan, lebih terasa dirinya sebagai orang kalah, sebagai pengecut yang hanya menyerah belaka.

Selepas berbuka puasa itu, dia keluar mengelilingi kota pada malam hari. Enggan dia berlama di kamar itu, ingin juga dia menolong Ainon merebus ketupat. Semasa merebus sekurang-kurangnya keadaan serupa itu menjamin dia akan berdekatan dengan Ainon. Bertambah pula dalam kesibukan itu kalau tangannya terjamah kulit Ainon yang halus itu, tidak akan ada orang yang marah, maklumlah suasananya sibuk.

Pagi-pagi subuh rumah itu riuh-rendah, dan tidurnya dikejutkan oleh gema takbir menembus pagi raya kamar sebelah-menyebelah. Segera dia bermandi-manda ... dan dia pun turut bertakbir untuk menudung malu pada jiran, lebih-lebih lagi pada Ainon sendiri.

Sekarang ini timbullah hormatnya pada Ainon dan orang-orang serupa Ainon. Tidakkah hari raya ini merupakan saat merayakan kemenangan bagi orang-orang itu. Mereka yang telah berjuang untuk menegakkan panji-panji kepercayaan masing-masing. Tapi ... dia, kemenangan apakah yang hendak dirayakan? Keraguan kembali merayap-rayap, tentu mungkin pula perjuangan di medan kehidupan ini akan dirayakan di padang kematian, dan terlintas di jalan angkatannya dia pernah mendengar orang bercerita tentang keadaan Padang Mahsyar yang terbentang luas pada masa akhirat.

Kerana diajak oleh jiran maka dia pun turut pula ke masjid. Sewaktu didengarnya orang ramai bertakbir itu, makin terasa kekalahannya, suara itu terikat satu dan padu menyuarakan satu kepercayaan. Apakah dapat suara dia dan orang-orang serupa dia

menenggelamkan suara yang terpadu itu, mengalahkan suara alam sendiri?

Atas suruhan ibu Ainon, maka dia menemani Ainon ke kubur ayahnya. Sewaktu berada di luar pekarangan kubur, tidak diduganya begitu sekali banyak manusia yang menziarahi tanah mati. Barulah ini dia berasa malu, orang-orang ini, kata suara batinnya, punya kehormatan untuk orang-orang yang sama-sama hidup dan menghormati pula orang-orang yang telah mati. Sebaliknya dia, tidak menghormati adat dan hukum hidup yang dianut oleh orang lain apalagi menghormati orang yang telah maut.

Ainon membeli sebungkus bunga. Semasa bunga itu ditaburkan oleh Ainon di atas kubur ayahnya kembalilah dia mentertawakan Ainon dan orang-orang yang di sekitar kubur itu. Dia bertanya apakah nilainya menaburkan harum di atas kubur itu sedangkan si mati bukannya dapat menikmati aroma yang menyegarkan itu? Dan walaupun menabur bunga adalah satu kehormatan bagi si mati, tidakkah nilai penghormatan itu singkat masanya? Kehormatan ini akan mati apabila layu dan lecur bunga-bunga itu dan harumnya jadi makanan udara.

Dia hanya mendengar Ainon membaca Yasin di atas perkuburan itu, mengembaralah fikirannya, tidakkah ini satu kebaikan, walaupun orang telah mati, namun orang masih dikenang, masih dihormati. Apakah Ainon akan menghormati dia serupa itu? Kalau dia telah maut kelak.

Di dalam perjalanan kembali bersama-sama Ainon itu, jiwanya bertanya betulkah orang serupa dia dapat melepaskan dan membebaskan diri daripada adat dan hukum. Dapatkah ... dapatkah?

Hiburan, 29 Mei 1954

Cerita-cerita di Belakang Pelamin

ENTAH berapa lama kedua-dua pengantin ini duduk bersanding. Wanita-wanita yang tadinya banyak duduk di depan pelamin telah mula berkurang, seorang demi seorang meminta diri. Mak andam nampak letih telah lama sentiasa membetulkan hiasan pengantin itu. Anak kecil yang di kiri kanan pelamin ini mula tersengguk-sengguk, mata mula berair tanda hendak tidur, kipas dibuaikan sebagai orang tidak berdaya.

Setelah kembali para jemputan dan majlis agak lengang, yang tinggal hanya sanak saudara dan famili jauh, maka pengantin lelaki dipimpin bangun untuk masuk ke kamar madu.

Alangkah terkejutnya orang melihat, pengantin itu tidak dapat bangun-bangun. Belakangnya melekat ke kerusi sebagai kerusi itu disapukan gam dan melekatlah belakang pengantin itu.

Kemudian pengantin itu dipaksa bangun dengan pertolongan beberapa orang lagi supaya terlepas belakang yang terlekat pada kerusi. Sewaktu pengantin itu memaksa dirinya berdiri, tambah hebat dan menghairankan lagi apabila kerusi itu mengikut pengantin itu.

Kata orang-orang di situ bahawa pengantin itu "dibuat orang" sengaja hendak "memalukan majlis".

Selepas dibaca-baca barulah kerusi terlepas dari belakang. Malangnya peristiwa ini sudah pun menjadi buah mulut orang.

Cerita ini dan cerita-cerita seterusnya diceritakan kepada saya oleh seorang perempuan setengah tua yang selalu mengatur majlis-majlis kahwin. Dia mengakui kebenaran cerita di atas ini dan menjelaskan pula peristiwa kerusi melekat pada pengantin berlaku di Kuala Lumpur.

Cerita ini juga berlaku di depan pelamin. Pengantin yang bersanding itu betul-betul sepadan – macam pinang dibelah dua – ramai tetamu bersimpuh di depan pelamin. Masing-masing memandangi antara satu sama lain memerhatikan apakah pakaian Cik Pia adalah pakaian yang sama sewaktu menghadiri majlis kahwin Encik Amin dahulu? Apakah baju Si Maimon dibuat daripada kain *cheap sale*? Apakah barang kemas Syarifah bukan pinjaman daripada barang kemas Cik Lok Lok? Entah-entahkan intan di kalung, di kerabu dan di kerongsang Si Putih cuma batu Ceylon sahaja. Boleh jadi juga gelang cerai berbelas di tangan Cik Mah hanyalah perak asam, perak yang diupah celup emas. Seterusnya terjadilah sikap perhati memerhati akan nanti di rumah boleh jadi cerita dan bualan.

Majlis yang tenang tadi cuma berdengung-dengung dengan bualan-bualan rendah tentang pelbagai perkara termasuk fasal fesyen, jadi kecoh sekejap apabila sampai saat menghidangkan dulang-dulang juadah dan makanan.

Setelah terhidang segala hidangan maka riuh dan becok mulut wanita itu meneriakkan kata-kata "silakan," "jangan malu," dan seterusnya.

Sekarang ... datanglah kejadian yang memeranjatkan hidup ... gelas-gelas air dan pinggan dan

piring terangkat dengan sendirinya sebagai menari, ada pula kuah dalam pinggan dan air dari gelas tumpah ke atas baju-baju jemputan. Timbul semula tuduhan "dibuat orang".

Cerita ketiga kita tidak berlaku di depan pelamin, tetapi di bangsal masak. Tukang-tukang masak semenjak tadi telah memasukkan daging ke dalam kuah menanti daging lembut. Walaupun telah lama daripada biasa direbus, tidak mahu juga lembut-lembutnya.

Oleh sebab telah lama tetamu menanti hidangan, daging-daging yang itu terpaksa dihidangkan juga. Baru sahaja tetamu hendak mencekuh daging itu, tiba-tiba awak kata – daging boleh meloncat keluar dari talam. Lauk tumpah, baju basah kotor berselekeh.

Tuduhan "buatan orang" turut dikenakan ke atas kejadian yang baru itu.

Kedua-dua cerita di atas berlaku di Singapura.

Pada ketiga-tiga cerita yang luar biasa dan ganjil ini, terdapatlah satu aliran yang tidak sengaja tetapi serupa. Menurut orang yang punya cerita, dia menyokong pendapat terjadinya peristiwa ganjil adalah disebabkan oleh "perbuatan orang" yang sengaja mencari sebab untuk memalukan kerana kejadian pertama, kedua, ketiga, adalah berpunca daripada menolak pinangan. Maksudnya sewaktu datang pinangan pertama bagi anak gadis tuan rumah, maka pinangan itu ditolak dan menerima pula pinangan lain sebagaimana orang yang tertolak itu merasa malu, demikianlah mereka berusaha untuk membalas malu, secolek kapur dibalas pinang, sehelai sirih dibalas gambir.

Jadi masa depan kalau datang pinangan pakai terima sahaja.

Cerita yang sedang hendak saya ceritakan ini dikatakan berlaku di Johor, pun tidak ada hubungan dengan antara ditolak pinangan disepikan. Tetapi betul-betul cerita fesyen.

Dia tinggal berjiran, pada suatu masa jirannya mengadakan majlis kahwin, jerih dan penat juga dia membantu, sampailah masanya dia akan jadi tetamu. Memandang dia sebagai jiran, dan tentulah dia datang ke rumah jirannya bukanlah untuk bersila rapat di tengah-tengah majlis, tetapi tentu mesti memanjang tangan untuk tolong-menolong. Berfikiran baik serupa ini, dia hanya membersihkan diri dan mengenakan pakaian yang sederhana dan tidak memakai barang kemas.

Sewaktu tiba di sana, tidak ada seorang pun menghulurkan tangan untuk bersalam atau mempersilakan dia atau menunjukkan manis muka masing-masing. Orang di situ hanya menganggap sepi, sebaliknya orang lain yang datang dengan baju baru dan berselirat barang kemas disambut dan dipertuankan.

Dengan jiwa yang marah dia kembali, mula menukar baju baru, dan menggunakan barang-barang kemas daripada emas dan intan. Sesudah bersolek puas kembalilah dia ke rumah jiran itu. Waduh! Kali ini disambut dengan semacam hendak ditatang, lalu dipersilakan bersimpuh dalam majlis jemputan.

Kemudian kita melihat hidangan diatur sampai selesai.... Sewaktu dipersilakan makan ... dia mengambil makanan itu sambil menggenyeh-genyehkan makanan itu pada cincin dan gelangya lalu berkata, "Orang bukan jemput saya, jemput barang-barang saya. Jadi biarlah barang-barang saya yang makan." Habis sahaja berkata-kata ini dia pun

kembali ke rumah, dan saya serahkan kepada pembaca membuat komen masing-masing, adanya.

Fashion, 4 Julai 1954

Coretan dari Tanah Mati

INI adalah cerita kawanku, dan dia kubiarkan bercerita terus.

“Baru semalam saudara aku kembali menziarahi kubur ayahku, sudah 10 tahun ayahku meninggal dunia. Kedatanganku sekali ini ke tanah mati itu, berupa kedatangan kali kedua. Pertama, sewaktu menghantar ayahku yang tidak akan pulang, dan kedatangan kedua adalah sekarang ini.

“Entahlah mengapa tiba-tiba hati mendesak-desak sahaja supaya kubur ayahku hendaklah aku ziarahi, agaknya inilah yang dikatakan ilham tiba-tiba. Sepuluh tahun tidakku pijak tapak ke dalam ruangan sepi itu, dan sewaktu aku melangkah ke dalam itu terasa benar aku bahawa aku sebagai telah berdosa dan hatiku mengatakan ini adalah sifat lumrah insan. Yang mati dilupai.

“Sewaktu aku masuk ke dalam pekarangan yang luas itu, terlihat oleh aku suatu barisan kubur yang agak luas berasingan. Pada muka kawasan ada ditulis, di atas papan hitam dengan tulisan cantik untuk kaum raja dan datuk-datuk.

“Saudara tahu bagaimana perasaanku, aku jadi marah. Dan hampir aku melangkah keluar dari pekarangan itu. Sudahlah, hati aku berfalsafah, dalam hidup Sarip berbeza dengan Sayid, dan Tipahku,

nama pendek daripada Tengku Latifah berbeza dengan Sarip. Sampai mati kita masih dibeza-bezakan lagi, kesan dahulu. Kita sama-sama diajar masyarakat hanya mengenal persamaan (cogan perjuangan kita saudara) apabila ditanam sebagai mayat, yang hanya berbekal kain putih, tidak boleh sutera atau satin putih walaupun harta peninggalan bisa membeli berkayu-kayu, barulah wujud satu persamaan taraf manusia.

"Rupa-rupanya, guru kita salah ajar ... atau bagaimana entahlah aku tidak tahu?"

"Sampai mati, mayat yang tiada harga lagi, tinggal tulang belulang. Masih dikelas-kelaskan. Orang tidak marah akan jadi marah melihat ini.

"Mujur aku dapat menguasai fikiranku, kalau tidak mahu sahaja tanganku menggali kuburan itu. Hendak aku lihat apakah tulang-tulang anak raja itu biru, hijau, kuning, merah, ataupun lain-lain sifat dari tulang mati ayahku.

"Tidak mengapa bung, biarlah hatiku luka sekarang ini, nanti apabila kita merdeka bung, di atas kubur-kubur itu akan kudirikan kubur-kubur yang merupakan kubur-kubur pahlawan merdeka.

"Tiba-tiba terlintas dalam jiwaku. Kalau ada raja-raja yang masih sayang mati, takut tertinggal mahkotanya, aku anjurkan kalau nanti dia dalam tanah, buat sahaja amanat bahawa dia harus ditanamkan bersama-sama takhtanya. Kalau sayangkan bangsa bolehkah bangsa ditanam sama?"

Aku tidak jawab.

Kawanku bercerita lagi:

"Hampir semua kuburan itu, kotor, didaki lumut, timbunan daun kering, yang ada nisannya tinggal kepala sahaja sedang yang lain sudah merosot, ke dalam tanah. Aku senyum menonton nisan merosot itu, sebab sudah tergambar di ruang mataku,

bahawa tidak lama lagi nisan itu akan tertanam ke dasar bumi sebagai tertanamnya mayat itu, dan si mayat itu hilang petandanya sebagai menyatakan bahawa si polan ada diam di situ. Segala kotoran ini tidakkah jadi alasan membolehkan aku mengatakan bahawa kita tidak hormat pada si mati?

"Hari itu hari Jumaat, banyak kulihat orang datang ke tanah mati itu. Semenjak kelmarin hendak kunyatakan pada kau dan kalau tidak dapat menjawabnya, tolong tanya pada ulama-ulama kita, yang tidak akan memberi petua kalau tidak digugat tanah, dan katakan juga pada ulama itu bahawa mereka pun akan berkunjung ke tanah mati, apakah cuma pada hari Jumaat dan pada hari-hari raya si mati itu tahu bahawa keluarganya datang."

"Ini perlu sekali saudara tanyakan. Hanya orang percaya pada kitab dan tahu apabila mati meninggalkan warisnya sendiri, orang Islam, orang Kristian, masing-masing ada Tuhannya dan ada Qur'an dan Injilnya. Waris mati dari mereka ini hanya ditolong dalam tanah yang tidak biasa kita lihat, dan dua nisan atau tiang salib yang tegak (tentu tidak megah) sedangkan orang hidup tidak ada tanda mati. Mayat dibakar dan abunya dihanyutkan di Sungai Ganges (kalau di India) di Singapura, abu itu dibuang di sungai mana? Sebagai orang Hindu ini hendak percaya bahawa kematian terjumpa dan terjumpa lagi. Betul begitu saudara?

"Nisan kubur ayahku hanya dari papan. Nisan jirannya dari batu, dan nisan orang jauh berpetak batu, cantik dari batu marmar, agaknya orang hidup, sedangkan si mayat tidak tahu gara-gara ini semua. Mahu tunjuk betapa sayang mereka pada si mati agaknya. Mungkin pada muslihat lain, aku tidak tahu."

"Malam ini bung aku akan tidur semalam di

kubur, sebab orang mengatakan kepada aku, malam di kubur ada hantu dan boleh dengar lantang suara si mati. Aku ingin dengar apa yang dibicarakan si mati dan mudah-mudahan aku dapat bertemu dengan hantu ayahku, sekarang hilang rinduku padanya, masakan seorang ayah (katakan merupakan hantu) akan menakutkan anak sendiri. Kalau aku jadi apa-apa di kubur malam nanti, entah apa-apanya aku tidak tahu, kau sudah tahu sebabnya aku bermalam di kubur malam semalam, sebab kau akan jadi bukti kalau orang turut dan kata aku gila."

Hiburan, 4 September 1954

B AHAGIAN I

Norman terbangun daripada tidurnya. Dia menghadap gelap – gelap pekat – sedar benar dia bahawa kesepian memeluk sekitar, memeluk alam sekeliling yang hening bening, dan lebih-lebih meniti di puri hatinya. Mula dia terasa bagai keseorangan dalam dunia yang besar ini, dan sungguh dia keseorangan dalam surau kecil yang telah tua. Lebih tua daripada usianya yang masih remaja.

Dari jaring-jaring surau itu dipandang ke alam luar, terpanchang cahaya samar yang mula mengintai, tapi dalam surau yang terkunci segala tingkap dan pintu, gelap masih berkuasa, bersandar Norman ke dinding kerana diserang kenangan kata-kata gurunya yang jadi imam surau ini, "Bahawa hati dalam manusia adalah hitam dan gelap belaka, sedangkan luarnya sebagai kau dan aku juga." Norman percaya bahawa alam yang sedang ditatapinya, sinar menjangkau sahaja di luar dan gelap ruang dalam surau itu, memberikan ilham kepada gurunya untuk mengucapkan peri kata serupa itu.

Kata gurunya lagi, "Itulah maknanya manusia perlu cahaya." Tangannya meraba di bawah bantal sehingga jari-jemari yang sebagai menari-nari di

dalam gelap itu terpegang pada kotak korek api, dipasang sebatang mancis, baru cahaya itu hendak bersinar maka datanglah tiupan yang sederhana tetapi cukup untuk membunuh nyala api yang masih kecil. Tiupan angin itu membawa sejuk menyelimuti anggotanya, ngantuk kembali berumah di kelopak matanya. Sekali lagi dia memasang korek api, barulah api yang kecil itu mula bercahaya itu pun dengan tangannya melindungi serang angin yang cuba memadamkan.

Setelah berjalan beberapa langkah sampailah Norman ke dinding hujung tempat tersangkut lampu minyak yang telah lusuh, api itu dikahwinkan ke sumbu lampu itu.

Hilang gelap, bersinar terang.

Matanya masih mengajak dia tidur, tapi dilawannya godaan ini dengan hatinya berkata, "Sekiranya cahaya api dapat melawan angin tentu matanya dapat melawan tidur."

Beberapa lampu lagi di dalam surau itu sudah dipasangnya semua, sinar terang yang baru menerangi di sekitar surau itu. Perlahan-lahan dibukanya pintu surau itu, dan terpandang olehnya alam di luar. Kini alam di luar itu pula yang masih gelap kabur sedang di belakang dia - dalam surau sebagai siang telah datang. Walaupun gurunya belum mengatakan apa-apa lagi, Norman selama ini, dia amat percaya hitam-hitam dalam hati itu hanyalah putih-putih yang dititik oleh titikan noda dan dosa yang boleh dibersihkan sehingga kembali putih bersih hati tadi.

Teringat pula oleh Norman, dia pun harus membersihkan dirinya. Dia pun mengambil tualanya lalu berangkat ke kamar mandi.

Gelap di luar mula menyingkir, gelita mengundurkan diri.

Dengan segala kekuatan dipukulnya tabuh yang bergantung. Sewaktu dia memandang ke kanan tidak berapa jauh dilihatnya Haji Dollah sedang menuju ke surau. Berikut dengan kedatangan Haji Dollah yang menjadi imam surau itu, sebentar lagi akan datang pula Awi, Syam, Kassim, Wak Parjo, Midin, Dolah, Rahmat, dan dua tiga orang lagi. Itulah sahaja orang-orang yang mendengar tabuh berbunyi dan sanggup pula menyahut panggilan yang memecah sunyi itu. Biarpun banyak yang lain yang menjadi penghuni kampung itu, bagi Norman dan sangkaannya hanyalah orang-orang yang sejumlah kecil itu yang agaknya dengar dipanggil tabuh dan yang lain mengangap sepi seumpama deru tabuh itu merosakkan sepi alam dan panggilan itu bukanlah untuk mereka.

Setelah tabuh dipukul, maka Norman tergesa-gesa menanti Haji Dollah menaiki surau itu. Sekali imam itu telah menjejakkan kakinya di lantai atas surau, Norman segera memegang tangan orang tua itu lalu menciumnya. Hanya dengan mencium tangan itu Norman menunjukkan tanda hormatnya lahir dan batin terhadap orang tua itu. Menghormati Haji Dollah adalah satu hal yang termesti dalam hidupnya. Bak budi harus membalas budi – dia tidak punya sesuatu yang dapat diberikan kepada orang tua itu sebagai membalas jasa orang tua itu yang terlalu banyak sudah dirasainya.

Bagi Norman orang tua itu bukanlah hanya guru yang mengajar dia mengenal iman, bukanlah hanya orang yang memberinya tugas sebagai bilal surau kampung itu yang juga jadi tempat perhentian hidupnya, malah lebih daripada seorang ayah, dia yang telah yatim kehilangan ayah dan bonda.

Kini berdiri Norman di tengah-tengah surau itu, sambil mukanya mengarah kiblat.

"Allahu Akbar! Allahu Akbar!" demikian suara

azan yang lahir daripada suara Norman. Suara itu pun dibawa terbang oleh angin dari teratak ke pondok dan dari pondok ke rumah-rumah.

Senyap alam masih sepi, dan suara azan Norman bagai mendindingkan kesepian. Sudah dua tahun lebih dia diangkat menjadi bilal dan penjaga surau itu, dua tahun kampung itu, setiap datang saat dan waktunya, mendengar angin menyampaikan suara azan Norman.

Sudah banyak kali Norman mendengar orang-orang mengatakan bahawa irama suaranya adalah merdu, tapi untuk Norman suaranya adalah suara sahaja, dan ini menimbulkan keinginan Norman untuk tahu apakah benar irama suaranya merdu sebagaimana yang dikatakan oleh orang-orang itu.

Pun sampai pula pada pendengarannya bahawa ada orang yang mengatakan bahawa suara azannya membawa ketenangan jiwa.

Tenang jiwa Rokiah setiap mendengar suara Norman berazan memuji kebesaran Allah menyeru manusia bangun berbakti. Sudah sekian lama Rokiah mendengar suara itu dan rasanya suara itu tambah merdu dari sehari ke sehari. Pagi ini pun sewaktu menjerang air itu Rokiah terpegun sejenak menikmati pesanan Allah yang disuarakan oleh Norman dibawa oleh angin lalu. Dalam saat itu Rokiah merasa tenang jiwa sebagai telaga yang tidak beriak. Kenangan lama menghamburkan diri dalam pandangannya.

Dahulu air yang sedang dijerangkan itu bukanlah untuk ayahnya seorang tetapi untuk Norman juga. Seperti baru dilepaskan ayahnya Haji Dollah bertolak ke masjid dan tidak lama lagi kedua-dua orang itu akan kembali semula menghadap kopi hangat yang sudah terhidang dan tersaji, dan pada masa itu dia baru sahaja hendak mengakhiri rakaat terakhir

dari subuhnya. Setelah selesai doa dan amin, Rokiah akan menyalin telekungnya dan dia pun akan turut pula minum bersama-sama ayahnya dan Norman. Inilah masanya dua tahun dahulu.

Dua tahun dahulu dan sekarang berbeza benar, sebagai bezanya antara malam dan siang. Dua tahun dahulu hatinya sering bertanya sehingga dia meragukan bahawa Norman diminatinya bukanlah kerana kasih dalam hatinya hubungan sukma. Sekadar kasih saudara memelihara saudara. Seumpama matahari yang pasti terbit demikian sekarang hatinya sudah memastikan bahawa Norman itulah kasih pertama yang mencolek hujung hatinya. Sekarang ini juga air itu dihadirkan untuk Norman dan ayahnya yang akan datang dari surau sekejap nanti. Tetapi apabila Norman menghadap hidangan itu, ayahnya sahaja yang akan berpandang muka dengan anak muda itu, sedangkan dia duduk dikepong dinding.

Semenjak dia meningkat usia anak dara, itulah mulanya dia dilarang berhadapan muka dengan Norman melainkan kalau terlalu perlu. Kemudian Norman yang mula sedar bahawa Rokiah sekarang bukanlah Rokiah dahulu yang selalu diusik dan dicubitnya, berasa gelora darah apabila sahaja berhadapan dengan Rokiah yang jelita dan montok itu. Norman mulai mengetahui Rokiahnya sudah jadi anak dara, dan nanti datang pula masanya Rokiah akan dikahwinkan, dan semenjak ini hatinya mengenal harapan, harapan untuk mengambil Rokiah sebagai isterinya sama mengecap senang dan sama-sama memikul susah.

Pernah seorang dua di kampung itu memining Rokiah, untuk berbesan dengan Haji Dollah yang alim itu, supaya diberkati hidup. Orang-orang itu yang datang mengharapkan padi hanya tersua dengan lalang.

Alangkah besarnya hati Norman, apabila mendengar bahawa sewaktu Haji Dollah menolak pinangan itu, hanya mengatakan ladang padinya sudah bertuan dan Norman itulah tuannya. Walaupun hal ini belum sekali disampaikan kepada Norman oleh haji itu, namun begitu tidak menjadi rahsia lagi bagi Norman dan bagi orang-orang kampung itu, bahawa tali pertunangan sudah mengikat dia dan Norman.

Semenjak Norman tahu akan ikatan yang dirahsiakan ini, mula Norman berasa malu sewaktu berpandangan muka dengan Rokiah. Rokiah yang lebih berani menentang tepat hitam matanya, dan Norman selaku orang kalah tunduk mengarahkan pandangannya ke pasir yang bertaburan di bumi. Sikapnya tidak sebebaskan dahulu terhadap Rokiah, enggan dia mengusik Norman. Tak tahan rasanya kalau dia melihat Rokiah berair mata sebagai dahulu. Enggan jarinya mencubit Norman sebab takut dia akan menyakiti Norman. Sehari demi sehari semakin tertahan sikap bebasnya terhadap Rokiah.

Rokiah mula mengenal malu kalau berhadapan dengan Norman. Sekali dahulu matanya tepat menatap mata Norman, sekali ini sahaja melawan pandangan itu, dan Rokiah tewas langsung berlari ke dalam dengan muka merah berseri.

Kerana serba salah tinggal di situ, dan untuk mengelakkan cakap-cakap lidah gatal, maka itulah Norman mengundurkan dirinya ke surau itu dengan persetujuan yang lebih daripada Haji Dollah.

Setelah menghidangkan kopi pergilah Rokiah berwuduk untuk mengerjakan subuhnya pula.... Suara azan Norman telah hilang diterbangkan entah ke mana ... tapi Norman masih berada di dalam hatinya.

Dari jauh lagi meresap ke telinga Norman suara

halus yang melagukan kata-kata suci

يَسَّ ۞ وَالْقُرْآنَ الْحَكِيمَ ۞ إِنَّكَ لَمِنَ الْمُرْسَلِينَ ۞
 عَلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ ۞ ...

dan tahulah hati Norman bahawa Rokiah sedang membaca Yasin. Suara pengajian itu meresap ke dalam jiwanya, sebagai Norman hatinya tidak berubah seumpama rumput kering dibasahi oleh jamah embun pagi.

Setiap dia mengikut Imam Dollah kembali untuk sarapan bersama-sama, setiap itu terdengarlah olehnya suara Rokiah mengalun-alunkan di udara memberikan lagu pada tiupan pawana yang berdesir mendesir. Terasa benar oleh Norman setiap dia mendengar Rokiah mengaji maka khusyuk hatinya terhadap kebesaran ilahi.

Sewaktu dia melangkah ke dalam rumah Rokiah, maka berhentilah Rokiah mengangkat suaranya, dan gadis itu akan mengaji dalam hati, kerana ayahnya dahulu telah mengingatkan kepadanya adalah tidak pantas pada sisi agama bagi seorang gadis mendengarkan suaranya untuk didengari oleh orang lelaki yang bukan muhrim. Sewaktu melangkah ke dalam pondok Rokiah, barulah kesal menikam jiwanya, dia tidak akan dapat menatap wajah gadis itu dan tidak dapat berkata apa-apa dengan Rokiah yang dipujanya. Berkali sewaktu melangkah ke dalam teratak itu, Norman mencuri-curi jenguk ke dalam, tapi Rokiah tidak juga terpanjang, walaupun demikian kenangan Norman masih dapat membayangkan Rokiah yang mula-mula seperti Rokiah sendiri ber-

ada di depannya. Terbitlah kesal yang menggores hatinya.

Kadang-kadang terdengar oleh Norman, suara Rokiah menyebut pertanyaan ayahnya, seperti tanya ayahnya, "Kau tidak merebus ubi pagi ini?"

Maka berkatalah Rokiah tidak menunjukkan dirinya "Tidak ayah, nasi semalam banyak yang lebih, Kiah menggorengkannya."

Suara Rokiah ini cukup untuk mengubati liang luka yang menggores kalbu Norman, dan makanlah Norman hidangan itu dengan sekenyang-kenyangnya.

Sudah makan, dan berehat sejenak, barulah Norman mencium tangan orang tua itu sambil meminta diri. Sewaktu hendak meminta diri itu, sahaja Norman menguatkan suaranya sebagai isyarat kepada Rokiah sampailah sudah saat berpisah, agak mengerti Imam Dollah, sebab sewaktu Norman berkata kuat sewaktu hendak balik, maka tersenyum Haji Dollah, kadang-kadang imam tua itu menimbulkan satu malu yang murni pada rasa Norman.

Sedihlah Rokiah apabila mengetahui anak muda yang dipujanya itu hendak berlalu dari situ, alangkah singkat jalan masa, baru datang sudah hendak perginya pula. Hatinya mengatakan sungguh kejam adat alam ini menentukan bahawa segala pertemuan itu akan menemui perpisahan, kemudian sampailah perasaan menyumpah pada adat buana ini hilang daripada perasaan Rokiah, kerana nanti satu perpisahan akan disusul pula satu pertemuan lagi. Demikianlah Norman yang datang pada pagi hari sedang suaranya baru bermain di kaki langit akan datang pula setelah zuhur dan akan berpisah juga.... Bagi Rokiah antara dia dengan Norman pada masa ini sedang dibawa oleh hidup-berpusing keliling oleh

pertemuan – perpisahan – pertemuan – perpisahan
– pertemuan – perpisahan.

Sepanjang jalan kembali ke surau itu Norman memandang ke arah langit melihat fajar menghiasi lazuardi seumpama satu gambaran yang indah. Melayanglah fikirannya bersama-sama keindahan itu membawa Rokiahnya bersama-sama.

Percayalah Norman bahawa cintanya terhadap Rokiah adalah cinta yang paling murni, cinta yang menyatakan rasa yang terpendam di hati dengan memendam rasa lagi. Percayalah Norman cintanya terhadap Rokiah tidak perlu dibuktikan dengan menemukan bibir dan bibir.

Yakinlah Norman cinta serupa dia tidak payah dinyatakan dengan membelai rambut kekasih, tidak usah juga dengan memeluk pinggang, tidak usah juga duduk bersayang-sayangan melagakan kulit dengan kulit, pun tidak perlu menggeselkan pipi dengan pipi. Cinta adalah hak hati biarlah cinta bertemu berdakap di dalam hati.

Sedang berjalan itu, tiba-tiba Norman terpan- dang pada seorang wanita di depannya, Norman kenal perempuan itu tidak lain daripada Asnati. Dipandangnya Asnati dengan keadaan rambut yang tidak bersusun rapi.... Mengertilah Norman bahawa semalam Asnati tidak kembali ke rumah.... Entah bermalam di mana.... Pertemuan ini adalah pertemu- an yang sekian kali dia melihat Asnati balik pada pagi buta agar tidak ketahuan jiran sekampung.... Namun begitu peri Asnati jarang bermalam di rumah sudah menjadi kisah sekampung, jadi permainan lidah-lidah gatal.

.Tunduk malu Asnati sewaktu bertembung dengan Norman.... Asnati tunduk ke bumi kembali ke rumah besarnya ... sedang Norman dengan rasa

kasihan terhadap Asnati berjalan terus menuju suraunya yang kecil.

BAHAGIAN II

Sewaktu Asnati tiba di rumahnya hari masih gelap lagi. Pintu dan tingkap rumah batunya yang besar itu masih tertutup. Mengertilah Asnati ayah dan ibunya masih tidur lagi di kamar tingkat atas rumah itu. Asnati tidak mahu mengetuk pintu rumahnya sebab ditakuti ketukan itu akan membawa ayahnya terkejut. Seandainya ayahnya yang terbangun, dan melihat dia kembali pagi-pagi buta dan semalam-malaman entah ke mana, maka dia akan diserang oleh soal demi soal malah dimarah oleh ayah. Setiap dimarah oleh ayahnya pada pagi buta, akan datang ibunya memberikan sikap membela pada dirinya. Oleh kerana ayahnya Othman dikatakan orang curiga pada isteri, berhentilah Othman memarahi Asnati sedangkan Asnati yang terbela itu berlakon tangis untuk membuktikan pada ibunya bahawa dia sungguh tertikam perasaannya oleh marah-marah ayahnya.

Demikianlah untuk mengelak daripada bertembung dengan ayah, Asnati apabila kembali pagi buta, akan membelok ke dapur yang telah terang-benderang, kerana orang gaji telah bangun menjerang air di dapur.

Asnati mengetuk pintu, mengertilah orang gaji itu bahawa Asnati kembali. Orang gaji itu menyambut Asnati dengan senyum belaka, tidak pernah dia bertanya pada Asnati ke mana gadis itu semalam, kerana kemarahan Asnati pada pertanyaan serupa itu mungkin membawa dia diberhentikan kerja.

Gadis itu berlalu berjalan dengan tapak langkah yang sepi masuk ke biliknya untuk mencari tidur,

selepas berjaga jauh-jauh malam tadi malam.

Sewaktu berbaring di selimut gelap, masih terdandang oleh kenangannya pertemuannya sebentar tadi dengan Norman bilal surau kampung tempat tinggalnya ini bukan sekali dua, malah berkali-kali bertembung jalan pada pagi hari dengan bilal muda itu, dan pertemuan itu jadi kenangan yang dibawa balik.

Pernah hatinya berazam apabila nanti bertemu dengan Norman anak muda itu akan dipandangnya dengan tepat. Sebaliknya apabila keadaan mengizinkan dia berhadapan dengan Norman, hilanglah segala azamnya, malah matanya tunduk mencari bumi sebagai segan dan takut kepada pemuda itu. Apabila sahaja bertemu dia dengan pemuda itu maka terasa dia sebagai menghadapi ketakutan, seumpama jiwa merasa bahawa Norman yang tawaduk pada Tuhannya mengetahui ke mana dia semalam dan apa-apa yang dilakonkannya. Hatinya selalu membisikkan kata tentulah Norman sudah mengetahui bahawa semalam dia menempuh gerbang dosa dengan seorang kawan lelaki, nanti Norman akan mengadu kepada Tuhan bahawa semalam dia telah berdosa dan Norman akan minta pada Ilahi agar mencampakkan dia ke dalam neraka jadi makanan api yang jilat-menjilat. Kalau ini tertumpuk pada gambaran kenangannya, segera timbul niatnya akan pergi mendapatkan Norman dan meminta Norman supaya menyatakan kepada Ilahi ampunilah dia dan dia berjanji dosa-dosa yang telah dibuat tidak akan dilakukannya lagi.

Kadang-kadang sebagai sekarang ini, lahirlah bencinya yang tidak terhingga terhadap Norman, sekejap pula hilang rasa benci itu, lalu wujud rasa kasihan pada Norman, dan kesalnya Norman jadi sebodoh itu. Tergambarlah di depan matanya Nor-

man yang cantik hanya jadi hodoh kerana berkain pelekat, berbaju Melayu dan bersongkok haji putih, akan tampan dan gagah Norman kalau anak muda itu berpakaian seluar dan kemeja moden dan rambut disisir dengan minyak yang memberikan sinar kilat.

Kalaulah Norman jadi anak muda yang moden sebagaimana kawan-kawannya yang lain di kota, tidaklah rasanya dia akan melangkah kaki keluar dari kampung sering-sering petang dan kembali esok paginya, malam cukuplah dia mendapat kepuasan hati memuja anak muda itu. Oleh kerana pada pandangannya Norman kolot maka jiwanya enggan memuja pemuda itu, sebagai dahulu dia memuja Amir.

Sekarang Amir pula bertempat dalam kenangannya, Amir itulah yang mengajak dia ke dalam syurga cinta dan Amir juga yang melontarkan dia ke dalam neraka putus asa sampai pada titik akhir dia berenang dalam lautan dosa.

Baru setahun ikatan cintanya yang mengikat dia dengan pemuda Amir, putus tergantung, oleh tangan Amir sendiri, tetapi tidak pula dia menyalahkan pemuda yang amat dikasihinya itu, dan yang sampai kini menduduki tempat yang abadi di dalam ruangan sukmanya. Tali cinta yang menghubungkan jiwa dengan jiwa terpaksa diputuskan oleh anak muda Amir oleh kerana kemahuan ibu Amir juga, yang ingin melihat Amir berkahwin dengan gadis pilihan telunjuknya, daripada mengahwinkan Amir dengan gadis yang ditunjukkan oleh hati anak lelakinya sendiri. Hanya satu sebab mengapa ibu Amir enggan mengambil Asnati jadi menantunya, oleh kerana dunia mereka adalah berlainan sama sekali, dunia si ibu itu dalam kawasan rumah tangganya sendiri, sedangkan dunia Asnati adalah dunia bebas yang tidak berbatas, di

mana dara dan teruna bergaulan secara pergaulan anak-anak Barat, dan malangnya ibu Amir adalah termasuk salah seorang daripada ibu-ibu yang kuat mempercayai bahawa dunia bebas adalah dunia yang penuh bergelumang kehancuran moral. Kerana percaya pada pergaulan bebas maka mahal sekali harga yang dibayar oleh Asnati, terkorbanlah bunga yang sedang hendak mengorak kembang dalam taman jiwanya.

Dalam berbaring itu, meleleh air mata Asnati oleh usikan kenangan lama yang menimbulkan rasa pahit-pahit manis, terasa benar dirasa hati, sebagai semalam berlakunya peristiwa yang memukul sakit ketenangan sukma. Tergambarlah pada ruang matanya perjumpaan akhir membawa perpisahan antara dia dengan Amir.

Petang itu bertemulah Amir dan Asnati di tempat yang selalu dikunjungi oleh mereka.

Laut petang itu surut dan sepi, pantai senyap damai, hanya kelihatan beberapa orang sahaja sedang bersiar-siar mengambil angin sedangkan beberapa orang lagi hanya ke tengah laut yang sebagai lautan kemarau menggali-gali pasir basah mencari lokan dan remis yang menyembunyikan diri, dan jauh di hujung pantai, pasang sedang ruwah, dan terpandanglah oleh mata kapal dan sampan nelayan sekecil-kecil mata memandangi.

Beralaskan kertas akhbar, duduklah Asnati dan Amir memandangi ke laut bisu. Dua tiga hari yang ke belakang air mata sahaja yang memandikan kedua-dua anak muda yang sedang dilambung ombak kasih, oleh khabar duka yang dibawa oleh Amir yang meminta Asnati agar melepaskan dia dan memutuskan perhubungan mereka, oleh ibunya yang sudah memutuskan bahawa dia akan dikahwinkan tidak lama lagi, dan sekiranya dia menolak, sejak saat itu

ibunya berputus arang dan berkerat rotan dengan Amir, dan akan dihanyutkan ke tengah laut sebatang dahan pisang sebagai tandanya hanyutlah Amir daripada kalangan keluarganya dibawa oleh arus ke mana sukanya. Entah beberapa kali mereka berpeluk-pelukan untuk mengakhiri kisah perhubungan mereka tetapi esoknya hati yang memaksa mereka bertemu kembali.

Oleh kerana perhubungan mereka telah tegang, duduklah kedua-dua orang yang sedang dilamun derita masing-masing dengan titik fikiran sendiri, dan masing-masing menanti siapa yang bakal memulakan kata-kata.

Oleh gelisah duduk lama dengan membisu sahaja, bangunlah Asnati untuk berjalan, segera diturut Amir lalu menyusul Asnati pula.

"Kau meninggalkan aku," kata Amir apabila telah bersaing jalan dengan Asnati.

"Kau juga meminta supaya ditinggalkan," balas Asnati sedih dan menyindir.

Amir tidak boleh menjawab sindiran Asnati, dia hanya tunduk ke bumi diiringi oleh keluhan yang mendalam.

Kembali bisu memeluk kedua-dua mereka.

Asnati pula dengan tiba-tiba berkata, "Bilakah Mir akan kahwin?"

"Entahlah," balas Amir kali ini keluh yang lebih kuat. "Berapa hari bulannya belum dapat kupastikan, cuma ibu mengatakan sebulan dua lagi."

Menahan luka hati, Asnati memaksa dirinya bertanya, "Siapakah nama bakal isterimu?"

"Rogayah," balas Amir memandang wajah Asnati untuk memerhati rahsia yang tersembunyi di sebalik pertanyaan itu, wajah itu nyata dilihat oleh Amir menunjukkan tanda iri hati.

"Mir," ujar Asnati dengan perlahan. "Pernahkah kau melihat dia?"

"Pernah dan selalu," balas Amir jujur. Kini wajah Asnati membayangkan rasa cemburu dan marah.

"Selalu?" tanya Asnati dalam suara parau, kurang percaya, dan ingin tahu.

"Dia sepupuku, sering-sering dia mendatangi rumahku untuk menemui ibu, pernah juga dia bermalam di rumahku sampai seminggu dua," balas Amir dengan terpaksa.

"Tidakkah Mir tertarik padanya?" kata Asnati memancing.

"Dia kupandang sebagai saudaraku saja. Pergaulan kami semenjak dahulu lagi bergurau-gurauan. Jadi apabila aku berhadapan dengan Rogayah tidak ada berahi timbul di hatiku," tegas Amir dengan lanjut.

Merah sedikit wajah Asnati oleh berasa kemenangan bahawa Rogayah tidak mungkin menimbulkan berahi asmara pemuda yang dikasihinya sedangkan dia telah berjaya menawan sukma Amir, walaupun kini dia akan terpaksa melepaskan orang yang telah ditawan dengan jayanya itu.

Kedua-duanya kembali sepi.

Dengan tiba-tiba pula Asnati berkata-kata, "Sebentar lagi pasang akan tiba."

Amir tidak menjawab hanya memandang kepada laut yang mula didatangi oleh ombak jauh di tengah sana, sedangkan di tepian masih kemarau lagi.

"Esok pula akan surut," kata Asnati dengan perih pedih. Fahamlah Amir dia adalah jadi sindiran daripada peri kata Asnati. Faham akan pukulan kata daripada Asnati membawa Amir menjawab "Itulah adat Ti, pasang dan surut silih berganti, sudah surat-an takdir. Kalau datang pasang, tidak ada yang dapat mengempang, kalau surut kita menurut."

"Kenapa pasang tidak abadi?" kata Asnati sebagai hendak menanamkan maksud, kalau dahulu alun asmara sentiasa pasang limpah membanjiri pantai hatinya, kini pada saat ini, saat Amir akan berpisah dan berpisah, mulalah pasang tadi surut dan tidak lama lagi hati yang selalu dituang madu kasih akan berasa kemarau.

Menjawablah Amir dengan sindirian juga, "Kalau pasang datang tidak ada surutnya, akan binasalah segala suatu dihanyutkan oleh pasang yang membawa banjir, segala banjir membawa kerosakan."

Oleh penat perjalanan sampai ke hujung pantai, duduklah mereka di atas sebuah batu yang besar.

"Ti," ujar Amir dengan lemah lembut. "Percayalah Ti, walaupun nanti aku berkahwin dengan Rogayah, perkahwinan aku adalah semata-mata untuk menunjukkan baktiku pada ibu, biarlah nanti setelah Rogayah akan jadi isteriku, kau Ti, tetap akan kuke-nang."

"Aku benci dengan ibumu," kata Asnati dengan marah.

"Mengapa?" tanya Amir tersinggung.

"Kau masih bertanya. Tidakkah ibumu kejam, menceraikan kita berdua? Jawablah!" balas Asnati.

"Mungkin ibuku kejam menurut perasaan hatimu. Sedangkan aku sendiri, setelah kufikirkan masak-masak, aku hanya dapat mengatakan bahawa ibuku berlaku sebagai manusia biasa saja, sebagai ibu-ibu yang lain juga ingin melihat anaknya berkahwin dengan orang yang dipiluhnya sendiri."

Kata Asnati pula, "Kau masih membela ibumu."

"Tidak aku hanya berbenar pada diriku dan pada perasaanku sendiri."

Berpaling pertanyaan Asnati ke hal yang lain. "Cantikkah Rogayah?"

Dalam tersenyum Amir menjawab, "Bukanlah cantik yang jadi dasar hatiku."

Belum habis Amir berkata, Asnati meningkah pula seperti hendak bergurau layaknya. "Kalau bukan cantik yang jadi keutamaan hatimu, apa yang jadi pilihan hatimu?"

Sepatah kata Amir menjawab "Cinta." Diam sejenak. Amir menjawab pula. "Tadi belum kujawab pertanyaanmu Ti, tetapi kata-kata kau telah dipatahkan biarlah kujawab dengan apa yang benar dirasa oleh hatiku, menurut matakau dan menurut cermin hatiku. Ti lebih cantik dari Rogayah."

Merah padam muka Asnati menerima sanjungan daripada Amir, tetapi kepuasan jiwa Asnati hanya sekejap sahaja. Muram kembali berpayung pada wajahnya mendengar kata-kata Amir. "Ti, hari ini habislah pertemuan kita...."

Sekarang Amir telah berkahwin. Amir yang mula sekali mengajak dia ke dalam syurga cinta yang suci, kemudian pada malam pertemuan akhir itu, atas desakan nafsu marah kalau dia tidak dapat bersuamikan Amir dengan sah, biarlah walaupun untuk sekali Amir akan jadi suaminya dengan cara menempuh pagar dosa. Pada malam pertemuan itu, bersama Amir melangkah dia ke dalam syurga ciptaan mereka berdua....

Oleh kerana putus asa dengan Amir maka pergilah Asnati mencari penghiburan di luar, jarang dia menolak kalau ada pemuda-pemuda yang dikenalnya mengajaknya bertemasya, atau berpeleseran atau terjun ke lembah zina. Hidup suci sudah tidak ada ertinya lagi. Dia ingin mendirikan satu rumah tangga yang suci, lalu dirobohkan oleh Amir yang tidak berperasaan itu.

Demikianlah kenangan lama membalik-balik

dalam lipatan fikiran Asnati, sampai ... pejam matanya terbang roh ke tidur sepi.

BAHAGIAN III

Alangkah terkejutnya Norman sewaktu dia sedang menghafalkan hadis sambil berbaring dalam ruang rumahnya, tiba-tiba dia didatangi oleh seorang utusan daripada ayah Asnati. Tambah hairan rasa hatinya, kerana utusan itu mengatakan bahawa ayah Asnati menjemput dia ke rumah. "Jangan tidak-tidak".

Sambil menantikan petang, bergeraklah fikiran Norman mencari sebab mengapa dia dijemput oleh orang tua Asnati. Terlintas juga di jalan fikirannya, mungkin dia telah difitnahi oleh Asnati kononnya hendak mengganggu anak gadis orang. Semakin difikirkan hal itu, semakin kusut benaknya ... dan sampai akhirnya hilang segala tenaga daya fikirannya, akhirnya Norman mengambil sikap menyerah, menerima sahaja apa yang datang.

Sewaktu petang selepas asar, apabila tiba di rumah ayah Asnati, Norman yang hendak melangkah ke dalam rumah itu terhenti langkahnya, kerana di beranda rumah itu terpancang olehnya Asnati dengan berskirt pendek dan berbaju dalam sahaja sedang membaca akhbar Inggeris sambil mendedengarkan irama lagu yang terpancar dari radio yang sengaja dibuka dengan besarnya. Tiba-tiba mengalir persangkaan baru Norman, bahawa Asnati sengaja berpakaian serupa itu dan menantikan kedatangannya yang telah diketahui lebih dahulu.

Kian kuat prasangka ini kerana Asnati dari jauh itu tersenyum menyambutnya. Norman tidak berani melangkah ke dalam, hatinya berdebar diburu dan

didesak oleh perasaan malu, maka Norman tunduk ke bumi dan terasa bahawa memandangi Asnati dengan segala kecantikan tubuh badannya, tidak ubah sebagai sengaja memandangi dosa.

Melihat Norman tunduk tidak berani memandangnya lebih lama, dan tidak juga membalas senyumnya, Asnati masuk ke dalam. Sambil memberitahukan ayahnya bahawa, "Orang datang ayah!"

Dalam tercengang menatap bumi, Norman tersentak mendengar seruan, "Silakan masuk." Sewaktu dibawanya matanya ke hadapan nyatalah orang yang menyuruhnya masuk itu bukan lain daripada ayah Asnati.

Sambil memberi salam, Norman melangkah ke dalam, kemudian bersalam dengan ayah Asnati.

Lapang rasa hati Norman, apabila diterangkan bahawa dia dijemput ada perkara "mustahak" yang datang daripada ayah Asnati, ialah meminta pertolongan Norman. "Jadi saya meminta sangat-sangat Encik Norman sudi mengajar agama kepada Asnati."

Norman belum menjawab.

Ayah Asnati meneruskan lagi, "Tentulah Encik Norman tahu bahawa anak saya Asnati, tidak pernah bersekolah agama, tetapi bersekolah Inggeris. Saya tidak menyalahkan sekolah Inggeris itu, sedangkan saya sendiri yang mengajarnya ke sekolah itu. Cuma saya bimbang tentang pergaulan bebasnya, dalam hal ini tidak pula saya anti anak-anak muda diberi kebebasan, tetapi saya yakin bahawa kebebasan adalah penuh dengan bahaya." Berhenti sejenak orang tua itu dan memandangi tepat ke muka Norman sebagai hendak mencari pertandaan apakah Norman membenarkan kata-katanya tadi.

Tetapi Norman belum dapat membayangkan air muka bersikap, sekadarkan tekun mendengar sahaja.

Kata orang tua itu lagi, "Mendinding diri dari kebebasan amat perlu sekali. Encik Norman tentu lebih tahu bahawa pendinding saya maksudkan itu adalah mengenal agama."

Kini barulah pula Norman menyela, "Menkenal agama saja tidak cukup jadi perisai menahan diri diserang dosa, telah banyak saya melihat bahawa orang-orang mengenal agama, sampai belajar mendapat ijazah dari Makkah dan Mesir, hancur perisainya dan terhumban jatuh ke dalam telaga kerendahan yang mendalam. Maksud saya walaupun mengenal agama adalah syarat, sedangkan mengamalkan agama inilah yang lebih penting."

"Bagus Encik Norman!" balas ayah Asnati. "Anak saya Si Ati belum mengenal agama, besarlah harapan saya kepada Encik Norman bukan saja mengajar Asnati mengenal agama malah sampai nanti Asnati mengamalkannya pula."

Kerana berasa berkewajipan mengembangkan agama, tidaklah banyak perbalahan yang berlaku, Norman menyatakan kesanggupannya menerima sahaja lalu ditentukan bahawa tiga hari dalam seminggu dia akan mengunjungi rumah besar itu untuk mengajar Asnati dan sebagai seorang guru dia akan dibayar dengan baik oleh orang tua itu.

Pada hari pertama berhadapan dengan Asnati, terasa benar malu dan kakunya. Jadi bisu pula mulutnya. Entah bagaimanakah dia akan memulakan pelajarannya.

Asnati yang bebas lepas itu berlagak keletah memulakan pertanyaan. "Kita belajar apa hari ini, pak bilal?"

Pada hari pertama itu Norman hanya bertanya apakah Asnati tahu akan punca hukum-hukum Islam, seperti Rukun Islam, Rukun Iman dan seterusnya.

Asnati tidak mengenal itu semua.

Terperanjat sungguh Norman bahawa gadis bebas yang telah berusia itu, tidak tahu sama sekali dasar agamanya sendiri.

Lebih terkejut lagi Norman, bahawa Asnati yang telah baligh berkali dimandi darah perempuan tidak tahu hukum bersuci diri.

Dalam menjelaskan hukum-hukum mandi suci itu nyata sekali wajah bilal muda itu merah malu, kadang-kadang tersipu-sipu, kadang-kadang tidak dapat meneruskan kata-katanya. Semakin malu Norman, semakin giat Asnati menyoal-nyoal hal-hal yang sulit itu.

Sekarang tidak lagi takut Asnati pada Norman. Anak muda itu kini dipandanginya serupa temannya yang lain, anak-anak muda kota yang sering bergaul dengan dia sampai bermalam bersama-sama. Dia semakin menggemari, malah kadang-kadang sampai ternanti-nanti kedatangan Norman.

Kini, berlaku bebasnya dengan teman pergaulannya di kota, dibawanya kepada Norman. Umpamanya sewaktu Norman baru sahaja duduk dia sendiri menghidangkan air, orang gajinya dilarangnya menghidangkan minuman untuk bilal muda itu. Sewaktu menjemput Norman minum, maka ditepuknya belakang Norman sambil menyuruh minum.

Ataupun waktu Norman sedang membetulkan tulisan pelajaran Asnati, maka Asnati berdiri di belakang Norman dan sering-sering sengaja menunjukkan dirinya, sampai pernah dagunya diletaknya dengan manja di atas bahu Norman.

Norman, dipeluk malu menolak lemah Asnati minta dijauhkan diri, kalau permintaan Norman menerima sambutan yang lebih disengajakan oleh Asnati, Norman akan bangun bersiar-siar jauh, dipandang oleh Asnati dengan wajah berseri jaya.

Sekali-sekala pernah guru dan anak murid itu

memperdebatkan soal agama dengan hangatnya. Asnati sering bersikap menentang agama, seperti katanya bahawa agama Islam menyekat kebebasan, agama Islam kolot. Bagi segala serangan itu, Norman segera memberikan jawapan.

Suatu masa Asnati bernafsu menuduh bahawa Islam adalah dipandanginya sebagai agama yang tidak adil, dengan memberikan alasan sekali bahawa tidak adil itu terletak mengapa hanya laki-laki sahaja dibenarkan berkahwin sampai empat isteri, sedangkan wanita ditegah mempunyai lebih daripada seorang suami.

Pada soal ini, berkatalah Norman, "Itu, katakanlah ayahmu beristeri empat, tiap-tiap isteri ayahnya melahirkan anak, tiap-tiap anak ini akan menggunakan bin atau binti ayahmu. Semua anak ini ciptaan dari darah ayahmu sendiri. Seandainya ada seorang wanita, katakanlah bernama Asmah mempunyai empat suami sekali, dan apabila sampai masanya melahirkan seorang anak, siapakah ayahnya yang sebenar-benarnya, dia harus menggunakan bin siapa?"

Baru sedar Asnati hikmat-hikmat yang terlindung di balik hukum-hukum itu.

Untuk bergurau barangkali Asnati berkata, "Mudah saja, anak pertama berbin ayah pertama, kedua berayahkan suami kedua dan seterusnya."

Norman ketawa gelak mendengar ini.

Kemudian Asnati bertanya pula, "Apakah Abang Man akan mempunyai empat orang isteri?"

Tidak ada jawapan daripada Norman.

"Bila Abang Man akan kahwin dan dengan siapa?" tanya Asnati sungguh-sungguh.

Tidak ada jawapan juga daripada Norman. Tidak

pula terbayang Rokiahnya seperti yang sudah-sudah.

BAHAGIAN IV

Sekarang telah jarang Norman makan tengah hari di rumah Rokiah. Sering-sering dia dijemput oleh ayah Asnati agar makan bersama-samanya. Asnati yang menyuruh ayahnya agar mengajak Norman makan di rumah mereka. Seseekali hendak juga Norman menolak jemputan keluarga Asnati itu. Apabila dengan tiba-tiba kenangannya membayangkan wajah Rokiah yang tenang damai, tersenyum antara menanti harapan dan menahan gelora sukma. Terasalah oleh jiwa Norman bahawa dia telah menyekasai jiwa gadis itu, tentulah fikirnya Rokiah akan kecewa menanti kedatangan yang tidak kunjung tiba.

Memanglah demikian dengan Rokiah....

Semalam hanya air mata yang mengalir di pipinya dan dia hanya mengurungkan diri di dalam kamarnya sahaja. Sekali-sekali pernah dia menengok ke jendela dengan harapan mudah-mudahan akan diperhatinya Norman datang dari jauh. Kata hatinya - biar terlambat jangan tiada. Tetapi yang dilihatnya hanyalah bumi kosong.

Sesudah sembahyang zuhur semalam - tergesa-gesa Rokiah turun ke dapur menyediakan makanan untuk ayahnya dan Norman yang bakal datang, sebentar lagi. Hari ini direbusnya pucuk ubi, makanan yang paling disukai oleh Norman. Sesudah nasi dan lauk-pauk terhidang dan ditudung dengan saji, kembalilah Rokiah ke tempatnya untuk mengintip-intip Norman makan dengan seleranya.

Sewaktu ayahnya kembali dan menghadap makanan, hanyalah seorang diri. Hancur rasanya hati Rokiah, dan kali ini adalah kali sekian dia menanti Norman yang tidak tiba. Turunlah dia

makan bersama-sama ayahnya, dan takut dia untuk menyoal orang tuanya mengapa Norman tidak bersama.

Kerana melihat barang kesal dan ingin tahu di wajah Rokiah, berkatalah orang tua itu sebagai kesal dengan tingkah Norman. "Norman tidak dapat bersamaku, kerana dia dijemput oleh ayah Asnati untuk makan di rumahnya."

Tersentak perasaan Rokiah, apabila mendengar nama Asnati. Inilah kali pertama nama Norman pernah dikatakan dengan nama seorang wanita.

Sehari ini nama Asnati itu yang sentiasa disebut oleh bibirnya. Pernah dia mendengar-dengar cerita jiran-jiran nama Asnati disebut dengan segala sesuatu yang tidak harus dilakukan oleh seorang wanita. Ini pun nama Asnati disebut dengan penuh cemuhan dan kata nista.

Mula bimbang hati Rokiah, dan sekarang juga sebagai terasa di jalan perasaannya bahawa Norman sudah tidak jadi haknya lagi....

Asnati dahulu berlainan dengan Asnati sekarang. Kalau dahulu jiwanya kosong bertambah pula ditekan oleh penderitaan batin yang hebat disebabkan dinoda dan terpedaya oleh Amir, kini terasa oleh jiwanya sebagai dibanjir oleh pasang harapan. Kalau di langit biru yang tidak bertepi disangkanya terlalu tinggi untuk dijamahnya, sebaliknya kini tidak mustahil dia akan bertakhta di puncak agung itu.

Kalau pada saat yang sudah-sudah tiap-tiap malam Asnati bertemasya ke kota keluar masuk dewan tari-menari, menelan dan memuntahkan arak dan brandi, turun naik tangga hotel, pada saat ini dia hanya menetap di rumah sahaja, yang menimbulkan kegembiraan rasa ayahnya tetapi membuat ibunya aneh bertanya.

Banyaklah kitab agama menjadi bacaannya, seolah-olah dia hendak mengejar sesuatu yang telah jauh meninggalkan dia.

Kalau kembali kenangan merayap di depan matanya sesal menyesak akan nafasnya dan taubat bergenang-genang di matanya. Benarlah pada masa lampau ini dengan membawa hidup ke dunia bebas. Kehidupannya disandung ria sahaja dan hidupnya semata-mata berpegang pada penerangan, "Sekarang adalah sekarang, dan saat sekarang adalah saat yang terpenting." Lupalah Asnati akan esoknya, untuk dia yang nyata hanyalah sekarang, sedangkan hari esok masa datang, saat pada muka, tidak ada.

Kalau ini semua membolak-balik semula fikirannya yang tenang, teringatlah dia pada sepatah kata "kenyataan". Asnati dahulu hanya percaya pada kenyataan, kawan-kawannya yang berfaham moden pernah menyatakan kepada dia, apa yang dilihat atau yang dapat dilihat yang mesti dipercayai, sedangkan yang lain tidak ada, dan orang tidak harus percaya pada sesuatu yang tiada. Kerana Asnati tidak pernah bertanya dan sampai tidak percaya pada Tuhannya, pada Rasul-rasulnya dan pada hukum-hukumnya.

Hanyalah sekarang ini batas aib dan hendak menjadi anak yang paling setia dari dunia Tuhan.

Bulat sudah sangkaan hatinya bahawa Normanlah satu-satunya pemuda yang boleh memimpin dia ke dunia baru itu. Dengan tidak adanya Norman, percayalah dia bahawa keadaan akan menyeretnya semula ke dunia kenyataan, malah terlalu nyata di sana dia hanya dapat melihat segala perbuatannya dosa semata-mata.

Norman harus menjadi haknya. Sama ada Norman menyukai atau tidak, dengan cara yang sah atau apa juga caranya sekalipun.

BAHAGIAN V

Sudah seminggu lamanya Rokiah menanti perkembangan Norman, namun anak muda yang dipujanya itu tidak berkunjung juga. Segala hidangan untuk Norman tidak terjamah langsung, setiap melihat hidangannya yang tidak terjamah itu, meratap sepi jiwa Rokiah, dan sedarlah dia ombak kasih Asnati telah memukulnya ke pantai sunyi yang jauh dari Norman.

Dalam seminggu itu buah bibir orang-orang kampung hanya menceritakan perihal Norman sahaja, pemuda yang warak itu sekarang bukan sahaja makan minum di rumah Asnati, malah sering dilihat orang turun ke kota bersama-sama Asnati pada malam hari dan kembali lewat jauh malam.

Tambah mendalam menyesal Rokiah kerana tahunya bahawa Norman bukan sahaja telah terpisah jauh dari hatinya malah telah memisahkan dirinya atau terpisah dari Tuhannya, dari kewajipan memanggil manusia tawaduk dan khusyuk kepada lllahi dengan suara azannya yang menenangkan jiwa.

Subuh tadi tersentak sekali jiwa Rokiah sewaktu ayahnya kembali dari masjid, Norman turut bersama-sama. Dan tidaklah hairan dia betapa manisnya suara azan Norman memecah sepi pagi, sesudah sehari dua yang kebelakangan azan anak muda itu tidak menggema di angkasa raya. Kalau suara azan Norman tidak didengarnya dari maghrib sampai ke subuh timbullah syak bahawa Norman telah jadi korban Asnati yang telah mengorbankan teruna anak muda itu, kalau ini yang disangkalnya. Maka Rokiah pun berdoa meminta kepada Tuhan agar memperkukuhkan iman Norman dan janganlah hendaknya anak muda itu terlibat ke lembah dosa.

Tidak sepatah bertukar, tidak sekata sambut-bersambut antara Norman dan ayahnya. Kedua-dua

manusia itu hanya menghadapi makanan dengan fikiran masing-masing. Dari celah dinding yang berlubang kecil itu, Rokiah bersembunyi menatap Norman, dilihatnya anak muda itu hanya tunduk sewaktu menghadapi ayahnya seolah-olah malu menghadapi wajah imam yang menjadi guru dan ayah angkatnya. Rasanya berbeza sekali muka Norman yang ditatapnya dengan penuh rasa mengubat rindu daripada wajah Norman yang selalu ditatapinya dahulu dengan tidak puas-puas itu.

Seolah-olah terpancang oleh Rokiah cahaya iman yang sinar-menyinar pada wajahnya yang melahirkan seri muka itu, ditutup oleh kabus dosa. Maka menangislah Rokiah di dalam hatinya, ratapan yang hanya diiramakan oleh debaran sukmanya sendiri. Sekali-sekali sewaktu makan itu Norman mengangkat kepalanya dan membawa pandangannya ke arah dalam seolah-olah mencari Rokiah, melihat itu timbullah harapan Rokiah bahawa walaupun tidak lagi bertakhta di seluruh puri hati Norman, tetapi sekurang-kurangnya Norman masih menempatkan dia di celah-celah hatinya.

Mulanya ayahnya meninggalkan tempat makan itu, kemudian Norman pula lalu melangkah keluar dari pondok itu dengan teragak-agak.

Sebaik-baik sahaja Norman berjalan di bumi luar itu, turunlah Rokiah lalu berdiri di pintu memandang ke arah Norman, dengan tidak sengaja Norman berpaling dan bertemulah matanya dengan mata Rokiah. Agak jelas dilihat Norman tersenyum manis. Kemudian ..., hendak dibalasnya senyum itu tetapi yang dirasanya irisan hati yang pedih dan mengalir air mata jernih di pipinya. Norman berpaling ke arah asalnya, dan Rokiah membawa rasa tertekan mengemas hidangan yang telah terluak itu.

Demi dia mengangkat dulang yang berisi hidangan itu, terkejutlah Rokiah memandang surat yang berlipat ditekan oleh dulang itu dan terbacalah dia tujuan arah surat itu yang bertulis "Adikku Rokiah." Dengan debar hati yang takut dan serba salah, Rokiah mengambil dan menyembunyikan surat itu, lalu menyelesaikan kewajiban mengemas dengan terburu-buru.

Sewaktu ayahnya ke pasar, barulah Rokiah membuka dan membaca warkah itu di dalam kamarnya:

Adikku Rokiah,

Kau tentu percaya pada takdir bukan! Dan takdirilah Rokiah yang menimbulkan ini semua. Takdirilah Rokiah yang memaksa aku membuat perpisahan itu. Maksudku Rokiah, hari ini jalan kita yang hampir bertemu itu menumpui simpang lain dan melangkah aku ke simpang itu lalu terjadilah perpisahan antara daku dan dikau.

Apakah kau bersedih hati, menangis tangis, berduka hiba oleh perpisahan kita? Kalau demikianlah halnya, barulah aku mengerti dan air matamu itu jadi saksi, bahawa kau sungguh mengasihi aku, mencintaiku bukan sebagai abang angkatmu, tetapi lebih dari itu, kasih yang hendak membangunkan syurga di tengah dunia. Cinta diberi hati dan ingin menjamah awan tinggi tempat bersinggahsananya kasih sayang yang abadi.

Kau dahulu adikku Rokiah adalah bintang harapanku, yang akan memberikan cahaya manja di dalam hidupku, dan bercita-citalah aku pada saat sepiku dan berangan-anganlah aku pada saat lamunanku sehari nanti kau akan jadi bintang bertatah di sukma. Kalau

sulit untukmu mentafsirkan kata-kataku yang bermadah ini, biarlah kukatakan, bahawa aku mencintai kau Rokiah.

Namun begitu belum sekali kata cinta itu lahir dari bibirku untuk kaudengar. Bagiku Rokiah cinta adalah bahasa hati, dan biarlah hati dengan hati sahaja yang berkata-kata itu pun dengan bahasa yang diertikan oleh hati sahaja.

Kerana kasihku terhadap kau Rokiah, maka itulah yang memaksa aku membuat perpisahan dengan kau.

Tentu akan kehairanan juga kau kalau kau kukasihi, sampai hatiku melangkah jauh dari tempat kasih tertambat, biarlah kuterangkan adik!

Aku lari, semata-mata untuk memelihara kesucian hatimu. Aku tidak mahu Rokiah dosaku akan jadi dosamu pula. Kalau aku yang membuat Rokiah, biarlah aku yang menanggung. Sekarang ini biarlah aku memperkuat pengakuanku, bahawa kasihku terhadap kau tidak pernah berkurangan Rokiah. Cuma kalau dahulu hatiku hanya mempunyai mata untuk dikau sahaja, kini memandang pula ke mata lain, dan mata yang telah memandang itu memaksa aku membuat pilihan....

Hanya hatiku yang telah lama memandang kau kini terpandang pula pada Asnati. Nama Asnati kini tidaklah asing bagiku lagi, kerana aku pun tahu cerita kampung dalam bulan ini hanyalah cerita aku dan Asnati sahaja. Hendak kukatakan kepada kau aku mencintai Asnati, aku tidak berani Rokiah, hatiku masih penuh dengan titik-titik keraguan, lain

dengan kau, boleh sesudah suara jiwaku, bahawa kau memang kucintai. Tetapi Rokiah adikku, bagaimana bulatnya jiwaku mencintai kau, demikianlah bulatnya jiwa Asnati mencintai aku.

Aku mengerti Rokiah beberapa hari yang kebelakangan ini, aku sampai melupakan kewajipan sebagai seorang muazin, kerana pada saat orang tunduk kepada Allah, aku tunduk kepada perintah hatiku, sedangkan orang-orang kampung mengatakan aku tunduk pada nafsu. Entahlah Rokiah, aku sendiri tidak tahu, cuma yang dapat kukatakan bahawa pada saat ini aku dan Asnati bersila duduk di tempat sunyi-sunyi dan puaslah aku dengar rayuan dan permintaan Asnati.

Pun bukanlah jadi rahsia bahawa Asnati bukanlah orang baru di dalam mengenal nikmat dunia. Dan sampai-sampai orang selalu mencontohi dan misalkan Asnati di dalam menyebut noda dan dosa. Tetapi berkata dan menuduh orang berdosa, bukanlah sesuatu hal yang terpuji dan termulia, tetapi mulia sekali kalau orang cuba berusaha membuang dan mengikis dosa dari orang yang diperkatakan itu. Inilah Rokiah yang hendak kuselenggara-kan pada mulanya.

Asnati hanya meletakkan harapannya pada aku untuk memusingkan jalan yang telah ditempuhnya yang hanya berpijak pada bumi dosa ke jalan yang lurus, kerana jalan yang telah kutunjukkan pada Asnati dalam ajaran agamaku kepadanya. Asnati yang rupanya setelah mengenal jalan itu ingin melangkah terus, sebaliknya kalau melangkah seorang diri enggan dia, jadi meminta aku

menemani dan membimbingnya. Dapatkah aku menolak Rokiah, setelah dia kuarahkan jalan kemudian kutinggalkan dia, untuk sesat dan mencari?

Semasa membimbing Asnati Rokiah, ... aku girang yang sesat.... Aku pun tercampaklah ke dunia baru yang belum pernah kutempuh selama ini, Asnati tidak bersalah di dalam hal ini Rokiah, yang salah hanyalah kelemahanku di dalam mengalahkan kekuatan nafsu.

Aku tidak mahu Rokiah, kekotoran diriku terjamah kau yang masih suci.

Saat ini meminta aku memilih, kau atau Asnati.

Aku sudah pun memilih, kau tidak, dia pun tidak. Aku akan menghilangkan diri selanjutnya kuserahkan pada takdir, dan biarlah takdir yang memulakan peristiwa itu menghabiskan pula.

Abangmu, Norman.

BAHAGIAN VI

Kalau di kampung Norman hanya menumpang di surau, maka sewaktu berada di kota dia menumpang tidur pula di masjid besar, tidur sekarang sudah jadi hal yang susah dirasainya, oleh gangguan fikiran dan kenangan.

Dalam gelap-gelap malam, mata Norman yang terbuka lebar itu cuba menembusi kelam malam, mencari gambaran daripada peristiwanya yang tiga segi, di antara dia, Rokiah dan Asnati. Bertanyalah hatinya mengapakah dapat dia mengorbankan kemurnian cinta Rokiah dengan kasih Asnati, dan terkorbanlah kesucian dirinya. Apakah adat dunia

untuk cinta orang mengorbankan cinta dan cinta juga yang jadi korban?

Mencari-cari juga Norman apakah agama jadi perisai hidup, boleh mempertahankan jiwa terlontar ke lembah dosa? Seperti dirinya sendiri yang menentang dalam soal agama, kemudian bersama-sama Asnati memasuki syurga yang haram hampir-hampir Norman percaya bahawa nafsu tidak mengenal perisai, seperti angin dan ribut yang tidak mengenal empangan, melanggar, menghanyutkan dan meruntuhkan semua.

Terasalah oleh Norman berat sungguh bahunya memikul dosa, dosa yang membinasakan harapan yang bermandi di hati Rokiah, memecahkan amanah ayah Asnati dan Asnati yang meminta suluh pimpinan dicampakkannya semula ke dunia gelap-gelita.

Pernah pula dia meragukan kesucian Asnati untuk mencari jalan lurus, bukankah semenjak dahulu Asnati ingin meruntuhkan imannya, dia dijemput mengajar agama pada Asnati ini pun dengan kemahuan Asnati juga. Masih teringat lagi dia pada hari pertama sewaktu dia tiba ke rumah Asnati, gadis itu menantinya dengan berbaju kutang sahaja, tidakkah ini perbuatan sengaja daripada Asnati untuk menggodanya? Asnati lalu menggodanya terus-menerus ... sehingga ... terhentilah kenangannya, dalam meratap sepi Norman memukul dahinya dengan genggam tanganannya, sebagai tanda dia menyesal.

Kerana kasihnya pada Asnati, dia enggan menuh pada Asnati ... dan yang salah ... menurut hatinya dia sendiri. Membiarkan nafsu mengalahkan iman.

Sewaktu difikirkannya perhubungannya dengan Asnati, semakin terasa oleh Norman bahawa jasmalnya kotor dan rohaninya lebih kotor lagi. Masjid

yang suci ini semata-mata untuk rumah ibadat orang-orang yang suci belaka, dan bukan untuk dia yang digelimang oleh dosa.

Demikianlah Norman meninggalkan rumah agama itu yang jadi tempat tumpangnya, lalu menyewa sebuah kamar yang kecil.

Setahun sudah Norman di kota dan telah bekerja pula sebagai buruh.

Ketaatan Norman terhadap agamanya jadi tipis hari demi hari. Dan akhir-akhir ini Norman hanya jadi manusia yang hidup bersendirian tidak untuk Tuhan lagi. Entahlah godaan iblis, dan entahlah kenyataan-kenyataan yang menempuh hidupnya. Kadang-kadang terlintas pada fikiran Norman bahawa bukan agama yang menegah seseorang yang melakukan sesuatu percintaan tapi tidak sukanya seseorang terhadap perbuatan itu memberikannya semangat tidak membuatnya, begitulah dengan halnya walaupun dia tahu bahawa perhubungannya dengan Asnati adalah bertentangan dengan apa yang telah diketahuinya namun dia meneruskan juga perbuatan itu, semata-mata kerana hatinya bahagia dan gembira dengan perhubungan itu.

Ada masanya Norman tersenyum juga. Dia yang hendak mengajar Asnati mencari akhirat lalu mendapati Asnati bukan sahaja mengajarnya mengenal dunia malah memimpinnya sekali ke dalam hal kedu-niaan.

Semenjak tahu akan dunia itu, Norman jadi manusia berubah, dahulu dia tidak menyetujui sikap Asnati (sebelum jadi muridnya) bermalaman dengan pemuda di kota dan kembali di buta pagi. Tetapi sekarang Norman sendiri jadi anak setia dari dunia itu. Setiap masa akan terlihat oleh orang Norman akan berada di tengah-tengah orang ramai yang sedang berdiri, nanti memerhati dan bertawar-

tawaran dengan perempuan-perempuan yang memang jadi penghuni dari lorong pelacuran itu, dan kalau sekali-sekali dia mendapat wang lebih, iaitu dengan cara membawa keluar barang *spare parts* kereta dan menjualnya di luar, Norman akan meladeni ke tempat yang lebih tinggi, ke hotel-hotel. Banyak wang yang diperolehnya dengan penjualan barang curi itu. Tetapi sebanyak wang yang datang maka sebanyak itu pula yang keluar untuk hadiah pada wanita-wanita.

Di dalam fikirannya Norman yakin bahawa kelu-mayanan wang jadi satu sebab mendorong dia mendalam sekali terhumban ke lembah kejatuhan. Sewaktu dia menjadi bilal di kampung dahulu dan tidaklah punya nilai yang sebegitu besar untuk kehidupannya, dengan pendapatan \$30.00 sebulan dia masih dapat menyimpan. Tapi kini semakin banyak yang didapatinya, semakin berhutang dia.

Walaupun sering-sering dalam pelukan wanita-wanita, hatinya tidak mengenal bahagia lagi, tahulah dia bahawa apa yang diberikan oleh wanita-wanita itu hanya sebagai ganti daripada wang yang diberikan. Berlainan sekali dengan Asnati, bahawa apa juga yang diberikan oleh Asnati kepadanya datang dari hati yang suci, dan pemberian itu dari jiwa yang dibasahi oleh madu kasih sayang.

Kenangan bukanlah hal yang boleh dilupakan. Kadang-kadang sedang berfoya-foya Norman terkenang pada Rokiah dan Asnati.

Sesekali sewaktu Norman berada di sebuah kamar menanti kedatangan seorang wanita yang sedang dipanggil oleh tengkulak yang menyewakan kamar itu, terjadilah peristiwa yang tidak disangka-sangka.

Sedang menanti resah gelisah itu, tiba-tiba pintu kamar itu terbuka, dan melangkah ke dalam seorang

wanita yang berpakaian serba cantik diselimuti oleh harum dan wangian yang menukar irama udara.

Terpandang sahaja wanita itu akan Norman, wanita itu segera berpaling dan hendak melarikan diri, tetapi Norman bangun menerkam dan memegang tangan wanita itu, dan dari mulut Norman lahirlah suara yang gementar.

"Asnati."

Mutiara, Ogos-Disember 1954, dan Januari 1955

- * Bahagian 7-11 daripada penyelenggara cerpen ini, yang tersiar dalam *Mutiara* Bil. 76-80 dari bulan Februari - Jun 1955 belum/tidak ditemukan.

Inilah Semalam

SEBAGAI seorang anggota badan penerangan API, dia amat terkenal sekali dengan isi pidatonya yang membakar jiwa. Dia puji lagi tentang cara dia menekan kata-kata itu, memainkan tangannya membuat lakonan pada wajahnya untuk mempertunjukkan kejujuran isi ucapannya. Inilah saat bahagiannya. Tidak pernah sekali berasa penat, walaupun sering dijemput dari suatu daerah ke suatu daerah untuk menyampaikan ucapannya. Akhir-akhir sekali dia sendiri tidak lagi menganggap bahawa isi pidatonya hanyalah penerangan semata-mata untuk memperkuat angkatannya, tetapi falsafah hidupnya dan pegangan segala angkatan yang berjuang mencari kemerdekaan. Tetapi kini jiwanya sunyi sepi, sebagai sebuah istana kosong yang tinggal sepi. Berabad-abad lamanya dan sekali-sekali akan kedengaran gema seandainya ada manusia sesat yang tersesat ke dalam istana itu sambil memekik-mekik. Inilah semalamnya. Sedangkan esoknya ... entahlah ...!

Suatu malam yang amat besar di dalam hidupnya, ialah betapa cinta mula menitik di tebing hatinya, semalam yang tak dapat dilupakan olehnya ialah betapa kasihnya kepada Asmah dan betapa agungnya sumpah Asmah yang berikrar dengan

Tuhan dan bintang dan bulan sebagai saksi akan menantinya walaupun 1000 tahun akan berlalu pergi – istana harapannya didirikan di dalam mimpi malam hari – akan roboh jatuh pada senja pagi dan terbangun megah lagi pada kala bintang mengerdip sunyi, istananya diperkukuhkan oleh susunan kata madu janji. Bahagia sungguh jiwanya kalau Asmah akan jadi teman hidupnya yang nanti akan jadi juga teman perjuangannya, tidakkah Asmah telah melawan adat dan menebus sekatan untuk sama-sama memperjuangkan tanah air, betapa manisnya irama asmara kalau dia memekik, “Merdeka!” Kini dia telah merdeka tetapi tetap jadi hamba kepada kenangan-kenangan pahit yang selalu menjajah fikirannya. Masih sebagai semalam sahaja.

Banyak sekali falsafah yang dituliskan orang tentang semalam. Ada orang yang mengistilahkan bahawa semalam ialah sehari yang lalu, setahun yang lepas, 10 tahun ke belakang, 100 tahun, atau seabad yang lepas, dan 1000 tahun yang silam, dan sedetik yang belakang. Ada yang mengatakan esok akan jadi suatu malam juga, dan sampai dia percaya bahawa di dunia ini adalah dunia semalam. Antara falsafah kata semalam yang amat menarik perasaan ialah semalam kematian dan esok penghidupan, dan manusia hari ini berdiri di antara jambatan yang memisahkan antara manusia yang bakal hidup dengan yang segar-bugar.

Sebagaimana sepinya tanah perkuburan yang penuh dengan batu pusara yang berdiri mati demikianlah sepi dunianya. Kalau semalam dia rajin sekali membaca dan menulis segala ini yang dibacanya adalah meriah bukan cap sebagai hendak menyatakan angkatan hari ini tidak sabar-sabar ingin mendadak depan membangunkan sebuah dunia yang bebas, dan dia sendiri kalau menulis

panas dan bersemangat sebagai dia menghancurkan dunianya yang semalam dan semalamnya terjajah, dan kemudian di atas runtuhannya dunia semalam itu akan dibangun istana baru yang tidak mengenal batas masa dan penghuninya bebas daripada ikatan-ikatan kelaparan, ikatan penindasan dan ikatan ketakutan.

Kini ... sepi dan sunyi.

Terasa hatinya pemuda semalam telah jadi orang tua pada hari ini. Bunga-bunga yang berkembang harum semalam jatuh dan gugur ke bumi. Barangkali juga pemuda semalam angkatan baru semalam sudah puas berteriakan lalu mendapat suaranya hilang ini. Dalam mabuk dengan suasana semalam yang penuh dengan kemeriahan dan semangat, lupalah pemuda itu dan pemudinya juga bahawa kalau lekas berkembang maka lekas pula bunga layu.

Kemudian ... dalam sepi sunyi menantikan hari esok dia pun lama menanamkan bahawa angkatan semalam adalah angkatan yang hilang, dan bila pula agaknya angkatan yang hilang ini akan muncul semula dari rimba yang menelan mereka untuk membangunkan suatu angkatan baru yang bererti, yang tidak mengenal semalam tetapi akan mendadak maju terus ke esoknya.

Hiburan, 1 Januari 1955

Hujan

SEMUA manusia dalam rumah itu, dan rumah itu adalah sebuah pondok yang buruk tempat beberapa manusia menyewa kamar.

Semenjak petang semalam, manusia-manusia itu berdoa dengan cara masing-masing supaya hujan tidak akan turun. Ada yang hanya meminta dengan sunyi di dalam hati. Ada dengan kata doa, ada dengan mencucuk lada merah ke batang lidi lalu ditanamkan di tengah-tengah halaman. Semuanya tidak mahu hujan, melainkan Kassan yang tinggal di sebelah depan bersama isterinya. Dia mahu hujan berdasarkan pada satu sebab sahaja, kalau hujan dia tidak akan bekerja teruk. Kassan jadi buruh City Council. Bekerja membetulkan jalan-jalan raya. Sekiranya hujan datang, mereka letakkan tukul dan pemukul serta pongkes, dan berteduh senang di kaki-kaki lima, walaupun dengan datangnya hujan itu, katilnya akan basah oleh atap bocor, dan bocor yang berlubang di merata rumah itu membuatkan keluarga-keluarga itu tidak ingin menerima hujan.

Ini yang terjadi pada malam hujan lebat mencurah bumi. Masa itu lebih kurang jam 12:30 malam, Tina pelayan janda itu – diterima baik oleh seorang muda. Beberapa kali pemuda itu sewaktu di restoran merayu dengan wang dan kata, agar Tina menemani

dia pada malam itu. Tetapi Tina tidak mahu dengan alasan sudah beberapa malam berturut-turut dia telah kembali ke rumah, menemani beberapa laki-laki.

Akhirnya Tina hanya setuju pemuda itu menghantarnya pulang sahaja. Sewaktu teksi Tina hampir tiba, Tina masih dirayu oleh pemuda itu sampai di depan rumah itu. Hujan sudah turun dengan lebatnya, kasar dan deras. Barulah Tina sedar bahawa malam ini dia harus tidur dengan hujan, kamarnya bocor. Ingatan ini membawa dia berasa seram. Apabila teksi itu berhenti Tina tidak terus turun, tapi dalam teksi itu dia menyumpah menyeranah tuan rumah yang katanya, "Jahanam, hanya terima sewa, tidak mahu kasi betul rumah!"

Kemudian Tina berpaling pada pemuda itu dengan katanya, "Bawalah aku ke mana saja!" Dan katanya lagi, "Asalkan aku tidak akan mati kegigilan dalam rumah buruk itu!"

Datang pagi, dan hujan belum juga berhenti, masih lebat, menitis dengan derasnya, tanah lumpur di rumah itu lecek dan licik. Air bertakung berkelopak di sana sini. Kassan gembira, bererti dia hanya pergi ke pejabat melaporkan diri, dan duduk tidak bekerja sampai hujan berhenti. Kalau hujan sampai petang, sampai waktunya Kassan terus pulang dan hanya berkata - dia gaji buta.

Mak Munah kecewa betul dengan hujan lebat yang datang pada semalam itu. Kesal sekali hatinya kerana lada dan lidi yang ditanamnya semalam untuk menegah turunnya hujan tidak berkesan. Mak Munah kuat sekali menyangka, ini tentulah kerana salah membacakan kata-kata jampinya. Walaupun pada pagi buta hari, dapur basah, Mak Munah turun juga ke dapur sampai sakit anak tekak dan kepala hampir pitam oleh sangat hendak menghidupkan api

kayu basah dan lembap.

Usaha Mak Munah berubah juga, hidup juga api itu, dalam baju yang basah Mak Munah bertanak nasi lemak, sambal sudah ditumisnya lebih dahulu. Hampir menangis Mak Munah sebab sekarang dia terpaksa pergi ke belakang rumah untuk memetik daun pisang buat bungkusan nasi lemak, dan payung tidak dipunyainya. Kerana keadaan memaksa dia pergi juga dengan dimandi hujan sebasah-basahnya.

Sekarang selesai sudah Mak Munah membungkus nasi lemak itu, barulah Mak Munah kembali ke kamarnya sendiri menantikan Lemah dan Kassim yang akan datang menjual dengan mengambil dalah.

Sudah jam 9:00 pagi, namun kedua kanak-kanak itu belum juga datang. Seharusnya mereka sudah sampai jam 6:00 pagi waktu orang lapar. Dan penjualan nasi lemak akan laris. Hujan belum reda, malah tetap lebat juga. Mak Munah menyangka tentulah kerana hujan itu. Maka Lemah dan Kassim tak dapat datang. Timbul juga niat dalam hatinya, apa salahnya kalau dia sendiri menjual nasi lemak itu tetapi semenjak suaminya meninggal Mak Munah tak larat keluar rumah, melainkan ulang-alik ke pasar sahaja.

Barulah Mak Munah sedar sewaktu dia menjejug dari tingkapnya bahawa di sekitar rumahnya air sedang naik tinggi dan kali ini pertama kali dia melihat orang berkolek dan bersampan dalam kampung.

Kassan yang mulanya mengharap hujan, mula menyumpah menyeranah terhadap hujan yang tidak berhenti-henti. Sekarang Kassan berasa susah bagaimana hendak pergi kerja mereportkan diri, dia tidak dapat menahan dirinya daripada mereportkan diri, ini akan bererti gajinya akan dipotong, sedangkan majikan pula tidak akan menerima - hujan seba-

gai satu alasan tidak dapat datang kerja. Dia boleh tidak hadir, dan tidak berikan alasan apa-apa, kalau dia sanggup berkorban dan berkorban, gajinya dipotong.

Kerana tidak mahu berkorban dan tidak mahu terkorban, Kassan terpaksa turun kerja juga dengan menggunakan baju hujan.

Mak Munah menanti dengan rasa tak sabar dan takut kecewa, kedua-dua anak yang mengambil dalal menjual nasi lemak itu tidak akan datang, yang bakal membuat jiwanya ditekan oleh kekecewaan.

Sudah jam 11:00 siang, Leman dan Kassim tidak datang juga, menangis hati kecil Mak Munah sebab modal tiga ringgit lima puluh sen membuat nasi lemak itu terbuang percuma, tidak kira tenaga tulang urat, bertamah lagi bersengkang mata terpaksa bangun pagi hari. Sekali lagi mengilas niat di hatinya untuk sendiri menjual nasi lemak itu, tetapi bah sudah mula menghalang.

Sekarang perasaan keluarga-keluarga yang menyewa bilik dalam rumah tersebut yang tadinya menyangka bahawa hujan hanyalah sebagai hujan biasa merasai pula hujan yang tidak nampak redanya mengancam kehidupan mereka.

Mujur ada nasi lemak Mak Munah, anak-anak dalam rumah itu menangis kelaparan apabila sudah tiba jam dua dan dapur terus tidak berasap. Bukan sahaja mereka tidak dapat ke pasar malah bahagian dapur berladung air, bumbungnya berlubang. Kerana kasihan mendengar anak-anak itu menangis dan mengerti pula ibu bapa mereka orang miskin Mak Munah lalu mendermakan nasi lemaknya kepada semua orang dalam rumah itu.

Kassan kembali dari kerja, sewaktu berada di muka lorong, barulah Kassan insaf air sudah begitu tinggi, berjalan kaki sudah mustahil. Bimbang sekali

Kassan bagaimana dengan anak-anak dan isterinya. Mujur ada sampan lalu, Kassan minta hantar ke rumah.

Kassan hairan melihat bahawa dalam rumah itu yang ada hanya isteri dan anak-anaknya sahaja, dan Mak Munah. Kata isterinya orang-orang lain telah melarikan diri ke tanah tinggi.

Kebetulan pada masa itu Tina datang berpaung, dihantar oleh sebuah sampan yang disewanya.

Kassan tidak dapat menanti lagi lalu mencari sampan untuk menghantar anak isterinya ke tanah tinggi.

Tina sedang mengemas pakalannya ke dalam sebuah beg, Mak Munah hanya berdiam diri sahaja dalam kamarnya, memikirkan bagaimana mencari modal untuk membuat nasi lemak bagi dijual. Biasanya perniagaan Mak Munah adalah bermodal gali lubang, tutup lubang, modal berpusing. Kali ini nasi lemak itu tidak dijual jadi mutu modal, dan modal itu sudah dibagikan percuma pada orang-orang yang lapar tadi.

Mak Munah segera masuk ke kamarnya, lalu menolong Tina mengemas pakaiannya ke dalam kopor. Iri hati Mak Munah melihat pakaian yang banyak dan mahal-mahal pula jenisnya.

Sekarang siap sudah perkemasan itu, dan Tina memberi selamat tinggal dan menyambung kata, "Saya pergi di mana bah tidak akan menjamah saya." Kemudian terpancang olehnya bahawa Mak Munah iri hati akan dirinya. Tina melihat Mak Munah dengan lebih cermat lagi dan terpancang olehnya Mak Munah cantik orangnya dan masih muda lagi, cuma beban penderitaan membuatkan dia kelihatan tua. "*Make-up* akan membuat dia jadi berseri," dan Mak Munah pun boleh senang serupa dia, pergi ke tempat-tempat di mana bah tidak akan menjamah.

Kata Tina sambil mengajak, "Marilah, mak pun akan senang serupa saya!" kata Tina lagi. "Kereta sedang menanti kita di luar!"

Mutiara, 1 Januari 1955

Surat ke Kampung

SUDAH tiga bulan Ahsan di Singapura, datangnya dari kampung dengan niat hendak mencari kerja, tapi baru sebulan yang lewat dia diberikan kerja sebagai guru di salah sebuah sekolah rakyat. Kini bagi pertama kalinya pula dia pindah ke kamar kecil itu.

Malam telah larut, bersinarkan lampu minyak tanah yang terang-benderang, Ahsan menyurat....

Adindaku Azizah,

Sudah sejam lebih aku berfikir dan pena yang telah kering tintanya membeku sahaja di tanganku, baru hendakku gariskan penaku ke atas kertas, maka terbayanglah kau di depanku. Wahai, betapakah baiknya kalau kau sendiri berada di depanku, kau dapat kuajak berkata-kata dan tanganmu dapat kujamah dengan tanganku yang kasar. Oleh kerana rindu sudah terlalu mengandung di hatiku, kupaksa juga penaku menari melahirkan kata dan kata pesanan, dan kata kasih kepada kau Zah.

Zah, tentu tidak akan marah, kerana selama aku sampai dan diam di kota, maka barulah kini kukirimkan kepada dinda khabar

berita. Kalau adinda menyimpan sangka aku telah melupakan dinda, maka kupinta singkirkanlah sangkaan yang buruk itu. Sengaja kepada dinda tidak kukirim warkah dan surat, kerana aku juga akan sentiasa hidup dan semarak dengan kenangan terhadap Zah dengan sentiasa diliput kenangan, maka tebal dan meneballah ingatanku terhadap dinda.

Dinda tentu percaya bukan?

Azizahku,

Biarlah orang mengatakan kampung kita sempit dan orang-orangnya masih kolot lagi, nanti ke kampung juga akan kembali ya! Biarlah orang mengatakan kampung kita sempit dan orang-orangnya masih kolot lagi, nanti ke kampung juga akan kembali. Ya! Biarlah orang bersetuju mengatakan bahawa gadis-gadis kota cantik dan keletah, tapi aku tentu kembali juga ke dalam pelukan dinda yang pemalu.

Bangunan-bangunan di kota ini tinggi-tinggi sebagai angin menceroboh awan mencakar langit, demikian pula dengan manusianya terburu-buru sahaja sebagai segera ingin mencari kedudukan yang tinggi, walaupun dengan menceroboh hak orang lain.

Kenderaan yang lalu lintas sungguh banyak, bersimpang-siur dan sering-sering jadi pelanggaran. Baru-baru ini Zah terjadilah suatu hal yang mungkin melucukan orang lain tapi adalah berat bagiku untuk dijadikan isi fikiran.

Pada masa itu aku sedang melalui sebuah jalan raya, tiba-tiba aku terdengar di belakangku bunyi hon kereta, aku terkejut dan tersentak dan untuk mengelak supaya aku

jangan ditobrok kereta dari belakang, maka aku meloncat mengelak, hampir sahaja aku terjerumus ke longkang besar yang berada di kiriku. Melihat keadaan aku yang berasa takut itu, pembawa kereta itu hanya ketawa terbahak-bahak dan terus melancarkan kerejanya dengan lebih laju lagi, sebagai tidak ada apa-apa yang berlaku. Kereta-kereta yang terlalu banyak itu sudah mengurangkan harga hormat-menghormati dan kereta-kereta itu pula yang menghilangkan kehormatan manusia, dan membuat mereka sentiasa diserang takut.

Baru semalam aku berpindah ke tempat tinggal yang baru, sebuah kamar kecil di dalam sebuah rumah yang sederhana yang telah dikepung dan dipetak-petakkan hingga menjadi sembilan kamar, untuk orang-orang, yang menyewa kamar itu hanya ada sebuah kamar mandi yang berkepung yang mendapat airnya dari sebuah perigi yang sentiasa mengalirkan air yang keruh dan untuk penghuni-penghuni sembilan kamar itu juga hanya ada sebuah kamar najis. Malang sungguh nasibku Zah. Aku dapat kamar yang di dapur yang berhampiran pula dengan kamar najis, selain hidungku yang selalu mencium bau masakan tercium juga bau yang memuntahkan.

Orang-orang yang tinggal di sini sembilan orang, tiga wanita dan enam lelaki (termasuk aku), semuanya tidak beristeri atau bersuami.

Rumah itu mempunyai sebuah beranda yang mempunyai empat buah kerusi dan sebuah meja yang telah lusuh, di sanalah kami menyambut tetamu. Kalau ada hal-hal

sulit yang hendak dibicarakan, tamu itu kami bawa ke dalam kamar sendiri.

Serambi rumah yang comel itu telah dikipung hingga menjadi dua kamar. Kamar yang di sebelah kanan didiami oleh Arif, seorang wartawan, sedangkan kamar di sebelah kiri itulah tempatnya Latifah, seorang penari joget moden yang selalu membanggakan dia seorang gadis, walaupun banyak lelaki telah menumpang bermalam di kamarnya.

Kamar-kamar yang lain didiami oleh Yacob yang tidak kutahu apa kerjanya yang sebenar, cuma katanya berniaga sahaja. Kalau berniaga mana datangnya dan di mana pula tempatnya? Berhampiran dengan kamar Arif ialah tempatnya Jabar, seorang buruh, manakala kamar yang di kiri kamar Jabar tinggal Jamilah, seorang wanita yang sentiasa berpakaian lawa hasil daripada sentiasa banyak punya kawan orang lelaki, sedangkan di depan kamar Jamilah ialah kamarnya Mak Bedah, yang kata orang jadi ibu ayam. Hari pertama sahaja aku diam di kamar ini aku sudah mendengar perang mulut antara Jamilah dan Mak Bedah, malu aku dengar mereka menggunakan kata lucu sampai masing-masing menunjukkan tempat sulit mereka. Dua kamar yang lain didiami oleh Samin, seorang kerani, dan kamar yang terakhir didiami oleh Zain seorang kerani juga.

Demikianlah penghuni-penghuni rumah itu, ini semua kuceritakan kepada kau Zah, kerana aku mahu kau tahu bagaimana hidup dan bagaimana bentuknya masyarakat di sini.

Hendak kulanjutkan lagi tulisan ini suara bising di sebelah kamarku lantang terdengar

olehku. Aku kira Fatimah yang sedang kembali.

*Abangmu,
Ahsan.*

Hiburan, 29 Januari 1955

Bukan Mainan

“HUSNI, hari ini gambar bagus di

panggung Capitol, bagaimana jadi atau tidak? Kalau jadi biar aku ambilkan tiket dahulu,” kata Muhamad dengan girangnya pada kawannya Husni yang diam tidak menjawab. “Eh, Husni, mengapa kau muram saja pada hari ini? Bolehkah aku naik ke rumahmu?” sambung Muhamad dengan hairan.

Husni hanya mengangguk menandakan dia tidak menolak kedatangan temannya itu.

“Ceritakanlah pada aku Ni, kesusahan apakah yang kau hadapi sekarang itu?” Muhamad ingin tahu manakala Husni hanya mendiamkan diri sahaja. “Adakah dia itu menyebabkan kau berduka dan muram seperti itu? Ataupun ada apa-apa berlaku di rumahmu itu? Ceritakanlah Husni, kalau boleh aku sanggup bersumpah untuk menolong engkau, kalau dia takkan pula kerana aku tahu kau pernah mengunjungi rumah dia, kau telah kenal pada keluarganya, apalagi yang kau susahkan? Kau rindu pergi saja ke rumahnya,” kata Muhamad lagi dengan bersungguh-sungguh benar.

Husni bangun membuka lacinya, dia mengambil beberapa helai kertas lalu dihulurkannya pada Muhamad. Muhamad pun menerima. “Bacalah itu dengan teliti,” kata Husni.

Muhamad pun mula membaca, "Kusangka asmara ini hanya mainan atau alat bersuka sahaja tetapi rupa-rupanya asmaralah yang menitik hancurkan hati, semangat dan cita-cita apabila menempuh jalan kelam hingga menempuh salah satu jalan bahagia atau kecewa maka barulah asmara menyatakan kedatangannya membunuh atau menghidupkan. Kini tipislah kepercayaanku pada janji-janji malah terus pada kata-kata jika tidak hati bersih yang berkata, benar berkata itu umpama menyanyi, kita boleh melagukan lagu cinta sedang hati kita jauh daripada bercinta. Kita boleh melagukan lagu putus harapan pada kala hati kita sedang gembira dan demikianlah kita lagukan apa juga corak lagunya pada sebarang masa walaupun lagu itu berkehendakkan gaya, kita boleh gayakan sedangkan hati kita entah ke mana condongnya masa itu, kudapati daripada pengalaman aku sendiri. Pada mula aku berkenal dengan dia, menunjukkan dialah yang lebih gembira daripada aku, perkenalan kami ditumpang oleh asmara yang pada mulanya sedikit kemudian bertambah, hingga hatiku menjadi istana tempat semacam dia yang kuanggap sebagai dewi pujaanku, masa itu memang nyata asmara itu manis, ber madu dan asmara itulah idaman hati. Aku tahu dia juga faham yang aku memuja dia. Aku sangat gembira kerana walaupun dia datangnya dari keturunan bangsawan tetapi dia mengatakan dia tidak lagi menyukat itu, dia gadis zaman baru, tidak ada beza-membeza antara manusia masa kini, katanya. Aku lebih gembira apabila dia mengatakan aku juga menjadi pujaannya, dia mengajak aku berjanji tetapi aku tidak mahu. Aku katakan, selagi janji itu berisi dan dilafazkan dengan kata-kata maka sudah tentu janji aku dipermainkan. Pandang sahajalah mangsa janji, aku bukan tidak mahu berjanji tetapi yang kukehen-

daki hati aku berjanji dengan hati dia, tetapi ini tidak mungkin, tiada alat dapat melahirkan kata hati yang tidak langsung mengandungi bunga-bunga yang menambah indah. Dia percaya pada kata-kata aku ini, kami berdua berdendang sungguh dengan asmara, sedangkan adat, agama dan sopan tetap kami bawa bersama-sama hinggalah pada saatnya takdir mengkehendaki aku melakonian cerita sedih dalam kehidupan aku, aku berat tetapi kota takdir adalah kota yang tidak dapat dirobuhkan, jalan takdir adalah yang tidak dapat dihalang, terus berjalan membawa sedih, gembira daripada satu insan pada yang lain hingga tibalah kini giliran aku, iaitu surat aku yang telah kukirimkan padanya sudah empat belas hari tidak mendapat balasan. Ini belum memberi aku kesedihan hinggalah pada suatu hari sedang aku berjalan-jalan aku terpandang pada dia sedang berjalan dengan kawannya yang juga aku kenal. Aku pun dengan segera mempercepatkan langkah mengejar dia. Apabila aku tiba di sampingnya aku pun menegur kawannya dahulu kerana kawan itu lebih dekat padaku. Teguranku pada kawannya berjawab tetapi dia mempercepatkan langkah meninggalkan aku dan kawannya itu. Aku hairan dengan segera aku panggil namanya. Dia memandang dan memberi senyum pada aku. Ah, dia ini mahu bergurau-gurau agaknya kata hatiku. Aku cepatkan lagi langkah aku. Apabila aku tiba di sampingnya nyatalah pada bayangan mukanya dia tidak suka aku menyaingi dia, pertanyaanku dijawabnya dengan serba ringkas, beku rasa hatiku, aku pun segera meminta diri daripadanya dan pergi ke arah lain. Sejak itu, aku mula mengenal sedih dalam cerita asmara. Timbul beberapa tanda tanya dalam fikiranku menyatakan apakah sebabnya dia berlaku demikian pada aku? Tanda tanya itu tidakku biarkan

begitu sahaja, kutulis surat dan kukirimkan padanya. Hingga hari ini sudah dua puluh hari tidak juga datang-datangnya jawapan daripada dia. Inilah yang menjadikan aku hairan dan aku akan menanti hingga tiba jawapan daripadanya."

"Perempuan memang tidak boleh dipercayai, seperti kata guru agamaku – sebab asalnya perempuan itu – Siti Hawa, dijadikan daripada tulang rusuk Nabi Adam, maka daripada bengkok tulang rusuk itu nyatalah perempuan mesti ada bengkoknya."

Tiba-tiba cakap Muhamad dipotong oleh Husni dengan berkata, "Kau sudah terlalu menuduh, kalau kau masih ingin bersahabat dengan aku, janganlah kau mengata dia semacam itu!"

Muhamad diam sahaja sebab dia maklum bagaimana rasa hati Husni terhadap pujaannya pada kala itu. Dia tidak ingin seorang pun menyalahkan pujaannya. Muhamad tidak lekas kecil hati maka dia tidak terus menjawab, menolong kawannya itu dia berkata pula.

"Husni, kau membodohkan dirimu saja dengan memikirkan dia yang tidak tentu pendirian itu, apa gunanya kau menyeksa diri menghalau segala kegembiraan sedangkan dia entahkan berdendang dengan teruna lain. Entahkan pula sudah digenggam oleh tangan yang beroleh kekuatan dari wang ringgit. Lupakanlah dia Husni, marilah kita menonton!"

"Aku percaya dia masih mengingati aku, dan aku tetap mengingati dia, dari gerak-gerinya dahulu nyata sudah dapat aku menduduki hatinya," demikian jawab Husni.

Muhamad terus memujuk lagi. "Kau kan lawa Husni, masih muda, wanita juga banyak yang lain yang akan menghulurkan tangan meminta pimpinan darimu, apa gunanya menjadi seperti kata hidung tak mancung, pipi tersorong-sorong. Marilah Husni!"

Termakan juga nampaknya senjata Muhammad memujuk tetapi Husni tetap menjawab. "Aku boleh mencari gadis lain jika mendapat putusan yang sebenarnya dari dia. Sekarang ini aku tidak dapat memastikan ke mana tujuan hatinya, masih menghadapi aku atau menuju pada arah lain. Biarlah aku nanti saja!"

Muhamad terasa dia akan kalah bertikam lidah dengan Husni, segera dicarinya kata-kata lagi, terus dia berkata, "Kerana hari ini hari Ahad, dia tidak bersekolah atau belajar jadi tentulah dia menghilangkan letihnya. Boleh jadi kalau kau turut aku pergi menonton di sana nanti kau akan dapat menemui dia, aku tahu dia itu juga suka menonton wayang."

Husni diam tidak menjawab hanya tersenyum dan terus bersalin pakaian tidak dengan harapan mendapat penghiburan di panggung wayang nanti tetapi dengan harapan akan menemui dia. Mereka pun berjalan keluar dari perkarangan rumah, Muhammad mencuba berlawak dalam perjalanan tetapi Husni tetap diam.

Mereka berdua turun dari bas yang berhenti betul-betul di hadapan panggung wayang yang mereka tuju, mata Husni merayau mencari-cari dalam orang ramai yang beratur menanti giliran mendapat tiket sedangkan kakinya melangkah menyeberangi jalan raya nan sibuk itu.

"Husni! Nanti!" pekik Muhammad dengan kuat. Husni terpegun, matanya disuluhkan oleh lampu kereta yang mendatang padanya selaku naga membukakan mulutnya untuk menelan mangsa. Husni lupa segala-gala di dunia, dia tidak lagi berdiri tetapi terbaring, sejuk terasa mukanya dialiri darah dari kepalanya, paha dan lengan kedua-dua belah menjadi merah. Muhammad segera memberi pertolongan.

Orang yang mengelilingi ramai yang menolong.

"Mad, aku harap kau beritahu kemalangan ini pada keluargaku di rumah dan jangan beritahu dia. Aku malu menemui dia dengan keadaan aku seperti ini!" suara Husni tidak kedengaran lagi ditutup oleh bising orang ramai dan suara kereta polis dan kereta sakit. Setelah Si Husni di dalam kereta sakit Muhammad berlalu terus menuju ke rumah Husni dan menceritakan hal itu pada keluarga Husni. Dari sana dia terus ke rumah Mariam pujaan Husni. Dia berat untuk mengetuk pintu rumah Mariam tetapi persahabatan memaksa dia berlaku demikian. Dia terus mengetuk pintu. Pintu dibuka oleh abang Mariam, Muhammad terus berkata,

"Adakah Cik Mariam di rumah?"

Abang Mariam kehairanan dan bertanya, "Saudara ini siapa? Mengapa bertanyakan Mariam?"

"Jangan saudara khawatirkan saya hanya ingin menyampaikan suatu berita pada Mariam, tolonglah panggilkan!" demikian jawab Muhammad.

Orang itu terus ke dalam sebentar lagi dia keluar bersama-sama Mariam.

"Eh, Muhammad, masuklah duduk," tegur Mariam.

"Tidak, terima kasih saja. Saya datang membawa berita yang sangat mengharukan hati saya walaupun saya tidak tahu saudara ingin mendengarnya ataupun tidak, tetapi saya berasa terpaksa saya nyatakan."

Muka Mariam kelihatan cemas dan ternanti-nanti.

"Pada pukul 8:30 tadi Husni dilanggar kereta dan mendapat kecederaan parah pada bahagian kepala."

Mariam kelihatan menangis sementara Muhammad meminta diri terus ke hospital tempat Husni dirawat.

"Abang, marilah bang kita ke hospital sekarang juga bang, lekas!"

Abangnya tidak dapat bertangguh lagi. Mereka dengan tergepoh-gepoh menuju ke hospital. Husni terbaring, kepalanya berbalut-balut. Kepada Muhamad dimaklumkan oleh doktor, dia mengatakan luka Husni parah, bukan hanya setakat kulit kepala dan tulang tengkorak sahaja malah lukanya terus ke otak.

Apabila Husni mencelikkan matanya dilihatnya Mariam terdiri di hadapannya. Dia ingin lari daripada menemui Mariam tetapi segera dipegang oleh Muhamad dan abang Mariam.

"Husni, maafkanlah aku Husni, sebenarnya hati aku sentiasa mengingati engkau, tetapi untuk mengetahui bagaimana dalamnya cintamu pada aku, maka sebab itulah aku cuba jauhkan diri darimu, aku lakukan itu semata-mata untuk menguji cintamu pada ku." Mariam mula berkata dengan membenamkan mukanya ke dada Husni. Husni senyum dan berkata pula, "Tahukah kau Yam, aku menonton bukan untuk kegembiraan tetapi adalah dengan harapan aku menemui kau di panggung wayang? Tak dapat kukatakan bagaimana dalam telaga cintaku padamu."

Mariam semakin kuat tangisannya dengan sedusedan berkata, "Oh, rupanya ujianku juga yang memberi kemalangan kepadamu Husni. Maafkanlah Husni!"

Husni hanya senyum sedang tangannya memainkan rambut Mariam, semakin lemah gerak tangannya dan dia berkata "Yam, aku cedera tidak hanya di kepala tetapi juga di hati. Yam, mahukan kau mengiringi matiku hingga ke kubur? Datanglah melawat kuburku ya, Yam. Selamat kau hidup, Yam." Mariam takut mendengar kata-kata itu dia segera memanggil Muhamad dan abangnya. Mereka berdua

merapatkan telinga ke mulut Husni yang berkata lagi "Cintaku bukan mainan. Kusangka cinta Tuhan padaku lebih lagi..." Husni menutup mulut, Husni bisu dan kaku untuk selama-lamanya.

Mariam hanya dapat menangis dan meraung, Muhamad tertegun seakan-akan tidak percaya, abang Mariam tertunduk dan melepaskan air mata.

Hiburan, 5 Februari 1955

Harapan Baru

TAHUN lalu.

Baginya dia adalah manusia yang dilupakan dan kawannya di dalam kepungan itu perlu tempat tinggalnya, tempat berkumpul manusia pelbagai rupa dan faham itu, pun dinamakan pula yang dilupakan.

Hanya sekali akan datang isterinya dan anaknya melawat dia membawakan buah tangan, buku-buku dan majalah-majalah, kadang-kadang gula dan kopi, sebagai hendak membuktikan bahawa pemberian ini semua hasil daripada titik peluhnya, maka akan berkatalah isterinya dengan suaranya yang parau, "Mah sekarang mencuci di sebelah pagi, dan di sebelah tengah hari Mah buat kuih untuk dijual oleh Aman dan Amin apabila mereka kembali dari sekolah." Mendengar ini Bahar hampir menangis, tetapi sesak nafas itu dapat ditahannya juga, semakin sedih hatinya apabila isterinya Rahmah menyambung, "Wang yang lebih itu Mah kumpulkan membeli barang ini untuk abang apabila Mah dan anak-anak kita melawat abang."

Tidaklah dia kesal berkahwin dengan Rahmah, dan terpendanglah olehnya bahawa pada isterinya itu terdapatlah contoh kesetiaan yang paling suci, dan daripada sinar matanya itu terpancarlah sinar

kasih sayang yang tidak mengenal perenggan dan batas masa.

Penuhlah jiwa Bahar dengan cinta, dengan sayang yang melimpah-ruah, dan meronta-meronta perasaannya hendak memeluk isterinya dan menimang-nimangnya sampai ke langit, tetapi kecewa dan gagal niatnya kerana ada mata lain yang menyaksikan, mengeluh dia bukan keluhan menahan sakit, tetapi keluhan yang melahirkan rindu dendam yang terpendam.

Saat-saat inilah membawa Bahar melupakan bahawa dia manusia yang dilupakan, isterinya dan anak-anaknya masih ingat terhadapnya. Beberapa masyarakat yang memujanya dahulu, masyarakat yang dibelanya sampai ditahan dahulu itu sudah melupakan dia.

Remuk hatinya, sedang dia bertukar dengan isterinya, memberi dan menerima pandangan kasih dan memeluk anak-anak yang datang. Tiba-tiba menanggishlah isterinya, mulanya mengalir air mata yang putih jernih. Kemudian sedu kecil pilu sembilu. Kemudian sedan esak teresak, lalu menjadi ratapan yang patah-patah sebagai menyatakan patah harapan dan patah hati.

Di dalam suara yang retak dan patah berkatalah Rahmah, "Saya cuba meminta kebenaran melawat abang selalu, tetapi pihak yang berkuasa hanya membenarkan melawat abang sekali dalam dua minggu. Berkali-kali juga telah kukatakan, kepada mereka abang tidak bersalah, dan kata saya lagi mendesak kalau abang salah terangkanlah agar saya mengetahui apakah kesalahan abang yang sebenar. Apa yang saya pinta semuanya ditolak."

Kemudian datanglah saat perpisahan.

Sampai malam, sampai esok dan esoknya dan sampai saat tidur, dan juga lambaian isterinya, dan

peluk kucupan anak-anaknya yang jadi ingatan dan kenangan.

Sedih-menyedih kembali di hatinya, bukanlah kerana perpisahan, lantaran perpisahan akan berjumpa kembali pada saat pertemuan, hati pedih, sementara dia jadi orang yang diingatkan oleh isterinya, kini kembali menjadi manusia yang dilupakan.

Tahun ini.

Semalam isterinya melawat dia, buah tangan kian banyak.

Perpisahan semalam tidaklah jadi hal yang memedihkan jiwa lagi.

Tidak ada sedu dan sedan dan tidak ada ratapan dan tangisan daripada isterinya malah mereka berdua dipeluk gembira.

Kata-kata isterinya inilah yang jadi harapan mengeringkan air mata yang tidak pernah mengalir- alirkan air mata, "Abang tidak dilupakan orang lagi, sebaliknya sering diingati dan disebut-sebut di dalam akhbar-akhbar. Bacalah abang akhbar-akhbar yang saya bawakan, nama abang jadi pokok pembicaraan orang di sana sini. Mereka bersuara dan sebagaimana pernah saya bersuara kadang-kadang di hati sendiri dan sering berhadapan muka dengan pihak yang berkuasa. Mereka ingin tahu kalau abang ditahan nyatakan mengapa abang ditahan, kalau abang bersalah biarlah abang dihakimkan untuk diadilkan.

"Pernah jiwa saya menjerit di dalam sepi, selalu sekali, abang hendaklah dikembalikan kepada saya dan kini mereka bersuara di dalam suatu paduan suara yang nyata dan tegas, bahawa abang harus dikembalikan semula. Kepada mereka, biarlah saya katakan sebagai masyarakat yang mengasihi abang, dan kalau masyarakat termasuklah saya sendiri.

"Suara orang ramai kiranya jadi hukum, jadi

suara yang memerintah, dan baru-baru ini saya telah dipanggil bahawa dalam bulan puasa yang tidak lama lagi datangnya abang dikembalikan semula kepada saya dan kepada mereka yang menuntut. Segala-gala yang saya bawakan adalah pemberian daripada mereka.”

Inilah harapan.

Inilah senyuman.

Isterinya sewaktu akan berpisah, “Kita berpisah sekarang, dan nanti apabila datang hari raya kita akan berkumpul semula!”

Inilah kemenangan yang telah lama dinantikan.

Alam....

Petang raya.

Banyak kuih dan ketupat yang dibawakan oleh isterinya.

Kata isterinya di dalam sedu dan sedan lagi, “Aku kecewa dan mereka pun kecewa juga. Aku dipanggil dan diberitahu oleh pihak yang berkuasa bahawa oleh hal buruk yang baru saja berlaku, maka kebebasan abang yang dijanjikan telah ditangguhkan lagi....”

Sewaktu isterinya pulang, hilang sudah harapan lamanya dan timbul pula harapan baru, kalau mereka sudah jadi manusia bebas barulah dia kembali jadi orang biasa.

Hiburan, 21 Mei, 1955

Kisah di Tepi Mata

MATA ini yang sudah bebas melihat peristiwa dan kejadian, masih mahu melihat. Namun begitu peristiwa yang hendak dilihat itu sudah lumrah, sudah kebiasaan, tidak ada sifat baru dan ganjil. Pun mata ini ingin melihat juga. Sudah sekali melihat, sudah sepuluh kali melihat, sudah seratus kali melihat, sudah seribu kali dan sudah sekian kali memandang dan berbalik-balik hal itu dipandang juga.

Kalau pandangan sudah berbalik-balik ini tidak melintas di tepi mata, kita cari, kita usahakan supaya hal itu terlihat lagi. Erti bosan, jemu jelak, jenuh tiada sama sekali. Kembali mata ini di dalam gelap, mujur adat mata yang hitam itu dapat menerus lipatan malam, dan di dalam senyap malam itu, deru ombak menusuk telinga. Tidak pula timbul ilham hendak menggubah sajak. Mata juga merayau-rayau ke sana, ke hujung, ke celah-celah semak-semak, kecil — akhir-akhir sekali di bawah pohon, mata menanamkan rasa puas ke dalam hati.

Mata ini pun melihat pula orang berkasih-kasihan, gelap jadi tabir, pelindung, entahkan mereka memesrakan bibir, entahkan berpeluk-pelukan, entahkan ... cuma yang nyata pada mata hanyalah dua manusia itu dekat sekali, berapit-apit, dan tentu-

lah sedang bercinta. Kalau tidak untuk apalagi.

Ini belum puas bagi mata lagi, melihat samar dan perbuatan samar-samar ini yang tidak memberikan kesimpulan nyata membuat rasa puas bersarang jadi mengembaralah mata lagi mencari-cari sesuatu yang dapat mencemaskan nafsu, yang dilihat serupa sahaja, entahkan berpeluk dan entahkan berdakap. Yang wujud, dan apakah ini harus dinamakan wujud, hanyalah kemesraan belaka, kemesraan tentang sikap berdekatan itu dan kesamaran siapa dia dan kesamaran yang membawa tanda tanya.

Mata ingin melihat supaya hati rasa puas. Berpindah merayau ke seberang lain. Dan orang pun pergi ke lorong pelacur. Orang melihat peristiwa manusia, mata melihat perbincangan lemah suara antara Adam dan Hawa, orang melihat, orang hilang, hilang keluar dan orang sibuk-sibuk. Tetapi aku masih takut jadi orang yang berpengalaman, dan kalau sudah mengalami sendiri, melihat sudah tidak mahu lagi dan rasa yang mendebar-debarkan jantung. Dan hilanglah rasa nikmat yang menanti-nanti.

Kemudian orang yang berkeliaran pula ke jalan raya, dan mata hanya melihat bahawa dunia ini hanya dipenuhi oleh kaum wanita sahaja. Tetapi mata masih mahu melihat lagi, dan hati pun membawa berbagai-bagai pertanyaan, dan jiwa dipeluk seribu keinginan.

Hal-hal yang tidak disangka-sangka juga ditemui oleh mata juga, inilah cerita yang tidak diduga itu.

Kalau kasih ini berlakunya pada malam hari, tentulah mata yang melihat menatapnya dalam keadaan samar-samar. Sedang berjalan di dalam kawasan sebuah gereja, maka di bawah rimbunan pohon dilindungi oleh pukulan cahaya, terlihat beberapa pasangan muda-mudi sedang berkasih-kasih. Nyatalah dalam samar itu penglihatan dapat menentu-

kan juga bahawa mereka yang dilamun kasih dan mencari kasih itu bukanlah daripada orang-orang kita. Perasaan sendiri berkata, apa yang dilakukan oleh orang daripada agama asing itu pun dilakukan oleh orang-orang kita. Cuma hati meragukan mengapa dalam kawasan gereja suci itu, terbiar perbuatan kasih. Mungkinkah kerana kasih pun suci juga, agaknya tuan kadi akan berpekek melalui mimbar, dan Persekutuan Seruan Islam mengeluarkan nasihat berkajang-kajang panjangnya dan menjelas Penasihat Islam meminta tindakan, kalau dalam kawasan masjid, orang membuat aksi kasih.

Mata yang melangkah-langkah memandang pula seorang wanita Melayu hanya keseorangan. Sekali melihat banyak yang sudah terjawab, dia bukanlah orang yang duduk berteduh gelap semata-mata melegakan fikiran, bibirnya merah, pipinya pun kemerah-merahan juga, dan ada sebatang rokok menyala di bibir, perasaan mengatakan bahawa wanita itu sedang mencari temannya untuk malam itu, dan tahu lagi perasaan berteman dengan wanita itu punya harga.

Sebuah motokar berkeliling perlahan dan tahu-lah mata yang memandang bahawa ada tiga penghuni di dalam kereta itu dan mereka pun punya mata memandang, dan sasaran mereka ialah wanita tunggal itu juga. Tambah dekat kereta itu kepada wanita itu, maka tambah perlahan jalannya, dan sudah berpusing sekian kali, berhentilah kereta itu di depan wanita itu. Yang melihat peristiwa ini tahu bahawa ketiga-tiga orang di dalam kereta itu, adalah anak muda yang belum kental dengan pengalaman, masing-masing hanya memandang wanita itu, benda takut dimarahi. Yang melihat pun tahu juga bahawa wanita itu banyak pengalaman, apabila diketahuinya dia jadi sasaran, pemandangannya dibawa ke arah

lain, rokok dihisap semakin bergaya, dan kadang duduknya berubah-ubah.

Dari satu sudut datang seorang mata-mata merapati kereta itu, lalu berkata kepada pembawanya, "Tidak boleh berhenti di sini lama-lama!" Terdengar pula bunyi piano membawa lagu menggema lahir dari dalam gereja itu. Kereta itu masih berdiri mati lagi, mengulang perintah, mata-mata itu, kali ini tidak sebagai meminta tapi sebagai satu perintah, "Lalu dari sini, kalau tidak saya saman!" Selalunya pengalaman lahir pada masa darurat. Dan ini adalah sangat darurat bagi pemuda-pemuda dalam kereta itu, seorang daripada mereka turun, yang dua lagi menurut kereta yang sudah patuh pada perintah mata-mata itu.

Berdiri di hadapan wanita itu sekarang anak muda berpakaian yengki dan mata-mata dengan uniformnya, dan kedua-duanya sama-sama memandangi pada wanita itu. Hanya diam bisu mempengaruhi ketiga-tiga watak ini. Mata-mata itu kemudian memandangi tepat pada pemuda itu lalu dibalas oleh pemuda itu dengan senyuman menyindir, "Ini hakku bung!" Sebagai tidak takut dengan undang-undang.

Kita melihat pula mata-mata itu melangkah pergi tetapi sekali berpaling ke belakang.

Tidak ada suara terhambur dari mulut pemuda itu. Wanita tadi sudah mengerti sampai saatnya membuka perkenalan senyum memberikan. Pun suara belum keluar daripada pemuda itu. Datang pula kereta tadi, berhenti sejenak di situ, suara dari dalam bertanya, "Sudah tanya?" Jawab pemuda yang di luar, "Belum." Seorang lagi keluar dari kereta, dan kereta meneruskan perjalanan lagi. Dan hanya pembawa kereta itu sahaja di dalam.

Dua pemuda yang sekarang menghadapi wanita itu seorang.

Pemuda kedua itu lebih berani, dia tidak bertanya apa-apa, lantas duduk di sisi wanita itu, tidak marah wanita, katanya mengajak kawannya yang masih berdiri, "Marilah masuk!"

Wanita di tengah, diapit oleh dua pemuda.

Pemuda itu mengeluarkan rokok, diajaknya wanita itu, "Hisap?"

"Terima kasih," kata wanita.

"Ikut saya naik kereta?" tanya pemuda.

"Takut," kata wanita jual mahal.

"Kami ada menemani," jawab pemuda.

"Ke mana?" tanya wanita.

"Ke mana saja," tegas pemuda.

"Ramai-ramai tak mahulah," balas wanita dengan lenggok badan dan kepalanya.

"Mengapa?" tanya pemuda.

"Malulah saya, keluar seorang saja wanita, awak bertiga."

"Apa salahnya?" tanya pemuda.

"Tak mahulah," balas wanita tegas. Pemuda itu hendak merayu dan mengajak lagi.

Kereta tadi berhenti pula di depan, dan berteiak suara dari dalam kereta. "Macam mana, ok?"

"Dia tak mahu, kita ramai," balas pemuda di sisi wanita.

"Aksi lebih," balas pembawa kereta.

Kata wanita tanda marah. "Pergilah, kalau tidak saya menjerit!"

"Cuba," kata pembawa kereta.

Mata ini melihat perempuan itu tidak payah menjerit lagi, kerana dari jauh datang mata-mata tadi, kedua-dua pemuda itu segera menaiki kereta. Kemudian kereta itu bergerak dengan laju, dan keluar dari kawasan gereja itu.

Mata-mata tadi melencong ke arah lain.

Mata ini dan bersama-sama orangnya sekali

merapati wanita itu dan sebagai sudah berpengalaman terus bertanya dengan membalut maksud, "Me-reka mengganggu?"

Kata wanita, "Ia, mengacau orang saja."

"Seorang saja?" orang ini bertanya.

Berani wanita menjawab, "Ada lain orangkah bersama saya?"

Orang ini ketawa kecil tapi sempat mencelahkan kata, "Buat apa sendirian di sini?"

"Hibur-hiburkan hati," kata wanita.

"Susah benar nampaknya?" kata orang ini.

"Susah senang tanggung sendiri. Siapa hendak menolong?" balas wanita.

"Takkanlah secantik ini tak ada orang yang hendak menolong?" tegas orang ini lebih jauh.

"Awak kata cantik, orang lain kata tidak pula!" seru wanita.

"Orang lain itulah yang bodoh," dalam suara ketawa berkata orang ini. Orang ini jadi gagah dan duduk di samping wanita itu.

Bercakaplah orang itu, fasal itu dan ini, kemudian fasal cinta.

Pakai falsafah, pakai pantun, pakai sindiran, pakai bandingan, pakai pepatah, pakai contoh, dan kadang-kadang pakai sajak.

Kata wanita itu, "Tak ertilah saya cakap tinggi-tinggi."

Kata orang ini, "Maksud saya barangkali awak menjual diri kerana awak putus harapan dalam percintaan?"

"Entahlah saya tak tahu, tapi saya ada suami!"

Orang ini tersentak, kemudian dapat berkata, "Kalau bersuami kenapa begini?"

"Sayangkan suami, dia tahu saya begini, tapi mahukan wang, saya terpaksa mencari memberikan-

nya, dia bekerja tapi gajinya tidak cukup untuk berjoli."

Kata orang ini meminta diri, "Cakap-cakap saya fasal cinta suci, fasal pengorbanan, kalau awak tidak mengerti, awaklah cinta suci dan awaklah pengorbanan."

Wanita itu menggeleng-geleng kepala tanda belum mengerti.

Mutiara, 8 November 1955

Cinta di Sebuah Kampung

KATA mereka kepada saya bahawa cerita ini sungguh berlaku di sebuah kampung di Tanah Melayu, tempat kuat kuasa darurat dijalankan. Seorang pegawai polis telah ditembak mati di sebuah warung kopi.

Dua jam sesudah kejadian itu satu pasukan tentera dengan kerjasama polis telah mendatangi kampung itu. Tiap-tiap rumah di kampung tersebut telah diperiksa. Seorang nenek tua dengan rasa pahit mengatakan bahawa, "Pondok buruk saya hampir roboh dilanyak oleh orang-orang itu. Tetapi apakah yang mereka jumpa, sentil tembakau saya meratarata." Tiap-tiap orang kampung itu disoal dan diperiksa kad pengenalannya. Seorang pemuda marah-marah berkata, "Mereka jumpa wang \$500.00 di badan saya. Mereka tanya soal bukan-bukan dari mana saya dapat wang itu? Mereka tidak berhak menyoal dari mana dan bagaimana wang itu saya dapat? Itu soal saya sendiri. Kemudian saya katakan kepada mereka saya ahli UMNO, saya tidak ditanya lagi."

Seorang isteri muda mengucap-ngucap berkata, "Mereka tanya saya bila anak kecil yang saya dukung itu dilahirkan? Mana surat beranaknya? Siapa ayahnya? Apa mereka sangka saya sundal?"

Kemudian semua orang kampung Cina, Melayu, India dan Benggali disuruh berkumpul di sebuah tanah lapang. Orang-orang kampung itu diberitahu dalam pelbagai bahasa bahawa sekiranya mereka masih membisu dan enggan menerangkan siapakah yang membunuh pegawai polis itu, maka suatu perintah yang keras akan dikenakan ke atas kampung ini. Perintah itu tidak akan menguntungkan orang-orang kampung itu, tetapi akan merugikan. Tidak ada seorang pun yang tampil ke hadapan memberi sebarang keterangan. Muka masing-masing muram dan lalu dengan sedih kembali ke tempat masing-masing tanda mengerti perintah sekeras manakah yang akan dihadapi oleh mereka.

Pada hari esoknya mereka lihat sekeliling kampung mereka sudah berpagar dengan kawat berduri, mereka dapat juga melihat bahawa rumah kecil didindingi oleh guni-guni pasir dan di rumah ini berkawal beberapa askar yang bersenjata. Kemudian datang jeritan yang memekakkan telinga dari corong pembesar suara mengatakan kepada mereka bahawa mulai hari ini kampung ini dikenakan berkurung tujuh malam sampai enam pagi.

Orang pun biasa melihat pengumuman ini dicap dalam pelbagai bahasa, ditampal merata-rata menyatakan kuat kuasa undang-undang darurat ini.

Ini kata Ali. "Kerajaan pandailah, bila mereka mahu perintah rakyat, mereka bersuara dalam pelbagai bahasa, tetapi bila rakyat mahu berhubung dengan kerajaan, seboleh-bolehnya dalam bahasa Inggeris."

Sudah tiga bulan perintah berkurung ini berjalan. Apabila datang gelap kampung ini sebagai kampung orang mati, hanya yang hidup bergerak ialah orang-orang yang beruniform ini meronda keliling pusing dan dari hujung ke hujung. Sekali-sekali ter-

dengar juga tangisan-tangisan melolong anak kecil, kemudian barulah orang sedar rupa-rupanya ada manusia hidup yang tinggal di kampung itu. Sering-sering juga orang-orang berkawal itu akan berlari-lari menghentak bumi dengan sepatu tebal mereka ke sebuah penjurong tempat semak merumpun kerana nampak gerak-gerak semak itu, lalu orang bisa dengar perintah yang biasa. "Siapa? Keluar!" Kemudian keluar seekor anjing dari semak itu seolah-olah mengerti akan perintah itu.

Kadang-kadang bunyi kucing merayau bukan sahaja dapat sumpah seranah daripada orang-orang kampung di dalam rumah dan pondok berkunci malah daripada orang-orang berkawal itu, kerana mengganggu ketenangan tidur mereka. Mujur tidak ada katak di dalam kampung itu, ataupun kanak-kanak di dalam kampung adalah bisu, kalau tidak akan tambah riuh sumpah dan seranah.

Orang-orang kampung sudah biasa menerima perintah berkurung itu dan tidak kurang yang menganggap itu sebagai adat mesti di dalam hidup mereka. Mereka tetap ke pasar, tetap berniaga cuma menyesali untung tidak sebanyak dahulu, tetap makan, tetapi mereka tetap bisu tenang siapakah yang membunuh pegawai polis itu.

Keadaan ini, aman tenteram, tidaklah kekal begitu sahaja, kerana ada pada suatu hari pada jam 2:00 siang, Mak Midah bersama-sama suaminya Pak Salleh pergi ke balai polis mengadu bahawa anak dara mereka Timah pergi ke pasar tidak pulang ke rumah.

Dalam masa pendek sahaja semua orang kampung sudah tahu bahawa Mak Midah dan Pak Salleh hilang anak dara. Sebagaimana biasa macam-macam sebab yang mereka berikan – boleh jadi lari, ke rumah kawan tidak berjumpa, tetapi ada mengata-

kan, "Dijauhkan Allah, diselisahkan Malaikat 44, budak itu ditangkap komunis!"

Sudah jam enam Timah belum juga dijumpa. Entah cadangan siapa Mak Midah bongkar rompong pakaian Si Timah – jumpa surat berikat. Pak Salleh baca surat-surat itu. "Allah mak, anak kurang ajar, bercinta rupanya!" Tahulah mereka sekarang kekasih Midah ialah Kassim, anak Si Busu. Pak Salleh pergi mengadu ke rumah Busu.

"Kassim semenjak pagi sudah keluar sampai sekarang belum balik, budak keparat. Bukan setengah jam lagi kita berkurung." Barulah mereka berani mengagak bahawa kedua-duanya lari.

"Anak kurang ajar!" kata Mak Midah, Pak Salleh, Mak Busu dan Pak Busu.

Pagi esok.

Balai polis ini bising dengan tangisan, terutamanya tangisan Mak Busu dan Mak Midah kerana di sana ada mayat Timah dan Kassim yang ditembak mati malam semalam.

Pak Salleh diberitahu bahawa Timah dan Kassim cuba masuk ke kampung menyorok-nyorok di dalam semak di bawah dawai. Orang-orang berkawal tanya, "Siapa, dan keluar dari situ?" Tetapi tidak ada jawapan dan sambutan, lalu tembakan dilepaskan, Timah dan Kassim pun mati.

Orang yang menceritakan cerita ini kepada saya menamatkan ceritanya kepada saya dengan berkata, "Mereka buat cinta salah masa."

Hiburan, 4 Februari 1956

Rantai Bahagia

SELAMA ini saya mengikuti berita Rantai Bahagia yang disiarkan di dalam akhbar dengan penuh minat. Tentu saudara tahu apa itu yang dikatakan Rantai Bahagia. Tegasnya surat yang dikirimkan kepada saudara dan minta disalin naskahnya dan dikirimkan pula kepada orang lain. Kata surat Rantai Bahagia ini seandainya sesudah saudara menerima sepucuk surat Rantai Bahagia dan saudara tidak membuat salinan dan tidak mengirim kepada orang lain di dalam batas masa 72 jam, maka saudara akan ditimpa malapetaka, umpamanya kalau saudara bekerja, saudara akan diturunkan pangkat atau dibuang kerja, sebaliknya jika saudara patuh pada suruhan surat Rantai Bahagia itu, maka saudara akan bertuah sama ada naik pangkat atau orang kaya.

Sebagai membuktikan bahawa surat Rantai Bahagia ini sungguh mempunyai kuasanya, maka disebut tuah dan bala yang telah mengenai orang-orang yang ternama di dalam dunia yang mempunyai hubungan dengan surat Rantai Bahagia itu.

Memanglah semenjak membaca berita surat Rantai Bahagia itu, saya berasa ingin benar untuk mendapat sepucuk surat Rantai Bahagia.

Rasa ingin itu pun hilang, kerana baru semalam

sahaja saya menerima surat Rantai Bahagia itu melalui pos.

Yang menjadi hairan bagi saya ialah bahawa pengirim surat Rantai Bahagia itu tidak menulis nama dan alamatnya yang benar, sekadar menandatangani dengan nama samaran "Pemuda Perjuangan". Pertama yang melintasi di fikiran saya, ialah orang yang mengaku dirinya "Pemuda Perjuangan" yang mengirimkan saya surat Rantai Bahagia itu adalah menyimpan keraguan tentang benarnya tidak kuasa surat tersebut. Kalau dia sungguh yakin bahawa surat tersebut memang sungguh mendapat bala, maka dia pasti memakai namanya sendiri. Saya menganggap dia memakai samaran itu kerana di jiwanya masih bersarang keraguan dan kalau namanya yang sebenar digunakan maka dia akan ditertawakan oleh kawannya kerana mempercayai tahayul pada saat serba nyata ini.

Kemudian barulah saya membuat suatu penilaian tentang kuat kuasa surat Rantai Bahagia itu. Kesimpulan daripada surat itu jika tidak menyambung lagi surat Rantai Bahagia itu selepas menerimanya, maka kecelakaanlah bagi orang itu. Sekiranya dia meneruskan pengiriman surat Rantai Bahagia itu, maka tuah dan untung baginya. Jadi bagi saya tidak ada ruginya untuk meneruskan pengiriman surat Rantai Bahagia itu. Kerana dengan menggunakan 10 sen setiap setem sahaja, saya boleh menjadi mendapat tuah. Kebetulan pula banyak saya beli tiket-tiket loteri kebajikan masyarakat, dan dengan menghantar surat Rantai Bahagia itu, saya akan kena hadiah pertama RM350 000 dan sampailah cita-cita saya untuk beristeri empat.

Surat Rantai Bahagia yang saya terima itu juga saya kirimkan semula kepada seorang kawan saya, Ali namanya. Cuma di bawah nama "Pemuda Perjuangan

an" saya menaruh nama saya itu pun nama samaran "Pemuda Baru".

Seminggu kemudian saya menemui Ali. Saya buat pura-pura sebagai orang tidak tahu. Saya tidak mahu dia tahu bahawa saya yang menghantar surat Rantai Bahagia itu. Takut nanti saya akan diketawakannya sebagai percaya pada tahyul. Maklumlah Ali orang moden.

Ali maki saya. Katanya mengapa saya mesti mengirimnya surat Rantai Bahagia.

Saya hairan sekali macam mana Ali tahu saya yang menghantar surat Rantai Bahagia itu. Saya tanya Ali bagaimana dia tahu.

Kata Ali, dan saya ketawa besar mendengar jawabannya, "Saya yang menghantar surat Rantai Bahagia itu kepada kau dengan memakai nama Pemuda Perjuangan. Dan surat itu kau kembalikan kepada aku dengan menambah nama samaranku "Pemuda Baru". Kami sama-sama ketawa besar.

Fashion, Bil. 104, 5 Februari 1956

Miskin

SI KASSIM seorang anak, sedang makan dari pinggan tin, bersila di tikar buruk, di depan duduk ibunya. Masih ada lagi nasi di dalam pinggan, Kassim sudah berhenti makan. Ibunya memandang sejenak kemudian bertanya.

"Kenapa tidak habiskan?" tanya ibu ada irama memujuk.

"Lauk tak sedap mak," kata Kassim kesal.

"Syukurlah, daripada tak ada langsung," kata ibu mengeluh.

Kassim mulai meminum air sejuknya sambil si ibu mengesat nasi dan kuah yang tumpah di tikar.

Tiba-tiba Kassim bertanya, soal itu juga datang dengan tiba-tiba sahaja dan untuk sejenak si ibu tidak dapat menjawab pertanyaan Kassim.

"Mak, kenapa hari-hari kita makan ikan kering dan ikan basah. Kenapa lama-lama sekali baru kita rasa makan daging?"

"Daging mahal!" kata si ibu berbohong.

"Mahal pun beli juga," kata Kassim penuh keinginan.

"Duit pasar tak cukup," kata ibu benar.

"Bukan bapak kasi duit!" kata Kassim meningkah.

"Tak cukup," balas si ibu sambil melipat tikar.

Mangkuk dan pinggan diketepikan.

"Kenapa tak cukup?" tanya Kassim memandangi ibunya.

"Bapa gaji kecil," balas ibu jenuh dengan soalan Kassim.

"Kenapa gaji kecil?" tanya Kassim lagi.

Si ibu pula bingit dengan soalan anak. Mahu dia menerangkan mengapa mereka hanya selalu makan ikan, itu pun beli murah. Pakai longgok di tepi jalan. Kalau dalam pasar mahal harganya. Mahu dia menerangkan suaminya, ayah Kassim gaji kecil tak pandai Inggeris. Kadang-kadang dia hairan kenapa bahasa Melayu murah harganya. Sama dengan gaji peon dan drebar tapi kalau diterangkan juga Kassim tidak akan mengerti, kerana mahu habis begitu sahaja, mahu supaya Kassim jangan tanya-tanya lagi. Kalau Kassim banyak tanya makin kusut fikirannya maka si ibu hanya jawab, "Sudahlah Kassim kita orang miskin."

"Apa erti miskin mak?" tanya Kassim belum puas.

Mahu si ibu menerangkan bahawa miskin, makan apabila ada, berbelanja apabila ada, memakai apabila ada, dan kesimpulan erti miskin ialah tiada. Tetapi masakan Kassim akan mengerti cakap-cakap tinggi ini. Si ibu tahu kalau kata-kata Kassim tak dila-yankan Kassim akan diam sendiri.

Lama Kassim menunggu. Ibunya juga tidak menjawab. Kassim bangun lalu keluar pergi bermain dengan kawan-kawannya.

Pada lain masa, ibu Kassim sakit dan terbaring di katil. Di samping katil duduk ayahnya membacakan air jampi kemudian air itu diberi minum pada ibunya.

Kassim hairan dan bertanya, "Ayah buat apa dengan air itu?"

"Baca-baca bikin ubat emak," kata ayah Kassim memicit kepala isterinya.

"Bukan sakit panggil doktor?" kata Kassim tunjuk pandai sebab dia selalu dengar daripada kawan-kawannya bahawa doktor pandai kasi baik orang sakit.

Ayah Kassim tidak jawab. Ibu Kassim mula mengerang. Kassim terasa kasihan melihat ibunya sebagai merayu. Kassim berkata, "Ayah panggillah doktor!"

Si ayah tidak dapat menahan sedih. Dapatkah dia mengatakan kepada Kassim dia tidak mampu. Ini salahnya, kerana tak tahu Inggeris, tak dapat gaji besar. Kadang-kadang dia berangan-angan kalau bahasa Melayu pakai di pejabat, sekurang-kurangnya dia boleh jadi kerani, tidak sebagai sekarang jadi buruh angkat getah di sebuah gudang getah.

Melihat Kassim menangis, melihat ibu sakit, dengan patah-patah kata, orang tua itu berkata, "Kita tidak berduit."

"Kenapa ayah tak mahu cari duit?" tanya Kassim.

Rasanya Kassim tidak akan mengerti kalau dia mengatakan bahawa kerana bahasa Melayu murah harganya maka gajinya kecil. Kerana gaji kecil habis bulan habis gaji bayar sewa, beli minyak, bayar kedai, beli ikan, beli sayur, kadang-kadang pinjam kawan untuk beli baju Kassim. Bagi si ayah, kesimpulan miskin ialah kerana bahasa Melayu rendah harganya dan punca miskin semua mesti pakai beli, masakan Kassim anak itu mengerti kalau ini diterangkan.

Sebagai ibunya, ayahnya juga mahu Kassim diam supaya dia tidak tambah runsing. Runsing isteri sakit, runsing kalau gaji buruh-buruh tempat

kerjanya tidak dinaikkan, dia dan kawan-kawan akan diperintahkan supaya mogok.

Untuk mendiamkan Kassim dia menjawab, "Kita miskin Sim."

Kassim tidak bertanya lagi cuma berfikir mencari erti miskin. Fikir Kassim – miskin ialah tak makan daging, miskin ialah ibu sakit tak dapat panggil doktor.

Kassim hairan apabila sampai waktu makan dia sendiri yang makan, itu pun lauk ikan kering masak asam. Sambil makan Kassim bertanya, "Kenapa mak tidak makan?"

"Mak kenyang," balas ibu berdusta.

Kassim buka periuk nasi kecil di tepinya.

"Emak belum makan, nasi sudah habis," kata Kassim.

Ibu hanya tunduk diam sedih.

"Kenapa tidak masak banyak-banyak emak?" kata Kassim. "Bila emak lapar nanti makan. Kalau tak ada nasi macam mana hendak makan?"

Tak sanggup dia menerangkan kepada Kassim bahawa ayah sudah sebulan mogok. Sebulan tak ada gaji, tak bayar sewa, tak beli sayur, tak beli ikan, lebih-lebih tak beli beras, tak ada barang untuk gadai, kalau miskin semua tiada. Kalau dia mengatakan ayahnya mogok, nanti Kassim tanya panjang-panjang erti mogok. Bila mogok dan bila tidak mogok, ini semua nanti boleh bikin dia jadi gila.

Ringkas si ibu berkata, "Kita miskin."

Habis makan Kassim fikir erti miskin ialah tak makan daging, miskin ialah tak dapat panggil doktor, miskin ialah dia sendiri makan. Ibu cuma tidur.

Satu hari Kassim sedang duduk dengan ibunya, tiba-tiba tergesa datang orang. Orang itu cemas berkata ayah Kassim mati di hospital. Siang tadi pemogok-pemogok di gudang getah bertempur

dengan polis dan ayah Kassim jadi korban peluru buta.

Si ibu meraung.

"Kenapa ibu menangis?" tanya Kassim.

"Ayah mati," ujar ibu dalam sedu-sedannya.

Kassim turut menangis.

Apabila reda tangisan Kassim tanya. "Kenapa ayah mati?"

Si ibu enggan menerangkan peristiwa dan pertempuran dengan polis. Anak-anak kecil tidak patut tahu hal ini. Dalam ratapan si ibu berkata, "Kita miskin."

Sekarang baru Kassim tahu bahawa miskin adalah tak makan daging, ibu sakit tak dapat panggil doktor, miskin ialah dia sendiri makan ibu cuma tengok, dan miskin ialah ayah mati.

Kisah, Ogos 1956

Culik

PIHAK polis menganggap kejadian ini sebagai satu perbuatan yang paling berani dan dilakukan oleh orang-orang jahat yang matang dan masak dengan perbuatan serupa ini. Kerana keberanian perbuatan ini makanya peristiwa itu jadi perbualan orang ramai, perbualan yang tambah melarat dan hangat dari mulut ke mulut dan oleh keberanian perbuatan itu, akhbar-akhbar menyiarkan pada muka depan sekali, "Tauke Diculik oleh Penjahat Siang Hari di Depan Rumahnya".

Dan pada pagi tersiarnya berita itu, Hasyim tidak ketinggalan membaca cerita itu, kisah serupa ini memang menarik hatinya, dibacanya kepala berita itu, permulaannya dan pemberitaan cara-cara tauke itu diculik, dan apabila sampai pada bahagian akhir berita Hasyim terkejut sekali, kerana barulah dia mengetahui diculik bersama tauke ialah Ahmad drebarnya yang mendapat kecederaan kerana mempertahankan taukenya. Yang memeranjatkan Hasyim sangat ialah Ahmad drebar itu adalah orang tuanya sendiri.

Atas keizinan majikannya, Hasyim segera melarikan kereta tuannya yang besar itu ke rumah ayahnya di belakang rumah Tauke Chong Sam yang diculik itu. Di dalam masa menjalankan keretanya fikiran

Hasyim mencari kenapa berita tauke itu yang menyerah diculik dibesarkan akhbar sedangkan ayahnya yang melawan hanya disumbatkan di buntut kereta. Dalam berfikir-fikir itu Hasyim mencapai kesimpulan yang dapat juga menyelesaikan kekusutan fikirannya berita Tauke Chong dibesarkan kerana kayanya sedang ayahnya hanyalah drebar pada Chong. Penculik-penculik itu bukanlah mempunyai niat terhadap ayahnya, tetapi terhadap Chong. Untuk mendapat wang tebusan daripada orang kaya itu.

Ayahnya mendapat cedera kerana terlalu setia pada seorang majikan.

Apabila Hasyim tiba di rumah Tauke Chong, pintu pagar jaring besi tertutup rapat dan dikawali oleh beberapa orang polis.

Setelah bersoal jawab dengan seorang pegawai polis dan sesudah puas polis menentukan siapa Hasyim barulah Hasyim dibenarkan masuk. Hasyim tak dapat mengelakkan dirinya daripada memandang ke beranda rumah itu. Dapat dia melihat ada dua orang polis yang mengawal di situ. Lebih penting bagi Hasyim ialah mendapatkan ibunya. Tentu lah ibunya dalam keadaan terperanjat dan bimbang. Mudah sekali dia masuk ke rumah ibunya di sebelah tempat simpanan kereta, kerana tidak ada seorang polis pun yang berkawal di depan rumah ibunya, ibunya bukanlah seorang kaya yang harus dikawal.

Daripada ibunya, Hasyim mengetahui semalam ibunya bertubi-tubi disoal oleh pegawai polis tentang suaminya. Pernahkah bercampur dengan orang itu dan ini? Apa yang dibuat oleh suaminya, sesudah pulang kerja? Adakah suaminya sering keluar malam sesudah tamat kerja?

"Sim, ibu tidak tahu kenapa hal ehwal ayahmu hendak diambil tahu oleh mata-mata itu?" tanya ibunya pada Hasyim.

Hasyim tahu segala jawapan itu tetapi dia tidak bermaksud menerangkan pada ibunya, kerana jawapannya nanti akan tambah merunsingkan ibunya. Hasyim tahu soal-soal itu dimajukan pada ibunya, kerana pihak polis berasa ada kemungkinan bahawa ayahnya Ahmad menyertai orang-orang yang menculik Tauke Chong. Apakah mereka buta bahawa perlawanan yang diberikan oleh Ahmad pada penculik-penculik itu menunjukkan taat setianya pada taukenya, dan adakah sangka pihak polis itu ayahnya luka cuma dibuat-buat untuk mengabui mata-mata itu.

Apabila Hasyim memandang ke arah luar dari tingkap rumah ibunya, hairan juga hatinya sewaktu dia melangkah ke dalam tadi, tidak ada seorang polis pun berdiri di situ tetapi kini ada seorang mata-mata gelap berdiri di pinggir pintu. Apakah mereka berkawal di situ, atau segala perbualan dia dengan ibu hendak dirisiki oleh si mata-mata gelap itu?

Sedang membawa motokar tuannya pulang ke rumah, Hasyim masih terkenang peristiwa-peristiwa di rumah ibunya. Barulah hari ini tuannya merayu kepadanya. "Hasyim, baik-baik lu bawa kereta, orang tahan jangan berhenti. Sekarang banyak orang jahat."

Apabila Hasyim sedar bahawa majikannya dipeluk kebimbangan kerana sampai di rumahnya, majikan itu memerintah pada Hasyim jangan masuk ke rumah itu dahulu, kereta itu disuruh jalan terus dan mata majikan liar memandang ke kiri ke kanan, barulah majikan memerintahkan kereta itu berpatah balik dan memasuki pekarangan rumah.

Apabila majikan itu turun dari keretanya, di tangan Hasyim disogokkan wang sebanyak \$20.00. Inilah kali pertama Hasyim menerima pemberian

majikannya sebanyak itu. Paling tinggi yang pernah Hasyim terima ialah lima ringgit, itu pun kerana *over time* membawa kereta jam 2:00 pagi. Terasa jiwa Hasyim yang mula mengenal jiwa orang kaya, bahawa hatinya hendak dibeli oleh tauke itu, dan dibayar sekarang ini bukanlah oleh penat membawa kereta, tetapi sebagai gaji pengawal melindungi kekayaan tauke itu, dan tauke itu berasa takut-takut oleh kekayaannya.

Sesudah menyimpan kereta itu dalam tempat simpanan, Hasyim meninggalkan rumah majikannya dengan dilambai senyum oleh majikan itu. Satu hal yang belum pernah berlaku pada Hasyim, selama ini, sehinggalah Hasyim di kedai kopi untuk menghilangkan dahaganya. Orang-orang di kedai kopi itu memperbualkan kisah penculikan Tauke Chong dan seorang daripada mereka berkata, "Boleh jadi juga drebar kereta itu bersahabat dengan penjahat-penjahat itu. Dia betul-betullah meronta dan meninggalkan bekas darah supaya orang percaya dia melawan penjahat-penjahat itu."

Marah benar Hasyim mendengarnya. Mahu sahaja dia menampar tukang bicara itu, tetapi dapat juga dia menguasai kemarahannya. Untuk tidak timbul marahnya lagi dibayarnya wang dan meninggalkan kopi yang belum diminumnya. Hasyim sedar bahawa ayahnya dituduh dengan tidak usul periksa lagi, semata-mata ayahnya seorang miskin, seorang buruh dan memanglah jadi kepercayaan umum bahawa buruh adalah musuh majikan.

Apabila Hasyim membaca akhbar pagi ini, ada berita mengatakan bahawa penculik-penculik itu meminta tebusan \$50 000 untuk membebaskan tauke itu. Tidak ada permintaan wang tebusan untuk ayahnya Drebar Mat. Bagi Hasyim penjahat-penjahat itu tahu ayahnya seorang miskin dan tidak mahu

menyusahkan orang miskin.

Selepas menghantar tuannya ke pejabat, Hasyim pergi ke rumah Tauke Chong untuk mencari ibunya, menceritakan kisah yang menyakitkan hati anak muda itu. Kata ibu Hasyim, sewaktu dia ke pasar, dia diikuti dari belakang oleh seorang mata-mata gelap. Hasyim berasa kesal dengan perbuatan itu, seolah-olah orang-orang itu menyangka bahawa ibunya juga menjadi kakitangan penculik-penculik itu. Ibu Hasyim juga mengatakan bahawa orang rumah Tauke Chong bebas ke mana sahaja dengan tidak diintip dan diikut.

Esoknya akhbar-akhbar masih menyiarkan berita penculikan itu. Berita tauke itu yang dipentingkan. Antara berita itu ialah pihak keluarga itu sedang membuat perhubungan dengan penculik-penculik itu untuk menawarkan \$30 000 untuk membebaskan Tauke Chong. Tidak ada berita menyebut tentang Drebar Mat.

Akhbar petang pula menyiarkan bahawa keluarga Tauke Chong telah membuat perhubungan di luar pengetahuan polis dengan penjahat-penjahat itu bagi membebaskan Tauke Chong dan penjahat-penjahat itu telah disebut sebagai menerima tawaran balas daripada keluarga orang kaya itu dan akhbar itu masih bisu tentang Drebar Mat.

Malam buta Hasyim dikejutkan oleh salah seorang saudaranya yang baru sahaja datang dari rumah Tauke Chong. Kepada Hasyim dikatakan bahawa tauke telah kembali semula ke rumah bersama-sama ayahnya Drebar Mat yang diusung sebagai mayat.

Hasyim tidak tahu hendak menangis lagi, bagaimana meratapi kematian ayahnya. Perasaannya menuduh-nuduh bahawa ayahnya juga akan hidup sebagaimana Tauke Chong sekiranya ayahnya

seorang hartawan. Bagi Hasyim dalam dunia ini yang penting wang dan kekayaan, bukan nyawa.

Sebulan sesudah mayat Drebar Mat dikebumikan dengan perbelanjaan Tauke Chong, ibu Hasyim mendapat hadiah \$1000 akan kesetiaan Drebar Mat ke atas Tauke Chong. Namun kerunsingan ibu Hasyim kian bertambah.

Hari ini Hasyim membawa pulang majikannya. Di sebelah majikannya duduk Tauke Chong yang dijempit oleh majikannya ke rumahnya untuk pesta merayakan terselamatnya daripada cengkaman penjahat-penjahat itu.

Di belakang kereta itu mereka berbual kisah peristiwa bagaimana dia ditahan oleh penjahat-penjahat itu.

Akhirnya berkatalah Tauke Chong, "Aku beri notis pada perempuan Drebar Amat yang mati kerana rumah tempat tinggalnya itu akan diduduki oleh drebar baruku. Masa sekarang murah dan mudah mencari drebar, sedozen sehari pun boleh dapat."

Mendengar ini Hasyim segera timbul kemarahannya. Kebetulan di depan mendatang sebuah lori tentera yang besar. Timbullah niat hendak menghentam atau sengaja melanggar keretanya yang berisi dua orang kaya itu dengan lori yang besar penuh sarat dengan besi supaya tauke itu tahu bahawa kekayaan mereka tidak dapat digunakan untuk menolak kematian. Hasyim menekan minyaknya, tambah laju lari keretanya menuju tempat lori di depannya.

Hiburan, 18 Ogos 1956

Cita-cita

CERITA yang hendak kutulis ini tidak punya permulaan menurut kelaziman orang membikin cerita dan tidak juga berkesudahan kerana aku yang memegang peranan cerita ini, dan cerita ini adalah beberapa peristiwa daripada hidupku, dan hidupku akan penuh terus kisah peristiwa sehinggalah hidupku sampai pada ke pintu mati.

Bagiku menulis cerita ini adalah memberikan beberapa kesulitan. Dan kesulitan ini bagiku menawarkan suatu perlawanan sama ada dapat kuatasi atau tidak kesulitan itu adalah berupa kesulitan waktu dan masa. Sebuah cerita pendek harus mempunyai masa, sedang, sudah, akan datang, semalam, kini, dan esok. Kesulitan ini aku jumpa sewaktu menulis ini. Apakah ceritaku akan kumulakan pada zaman sudahku, pada masa esok, zaman-zaman kini, atau cerita aku pada masa akan datang.

Cerita ini lebih berat merupakan kisah perasaan. Perasaan ini yang kuat sekali mendorong aku menulis cerita selama ini. Dan tidak putus-putus aku mencipta cerita pendek. Meriwayatkan kejadian dan perasaan orang lain dan sekali-sekali aku masukkan perasaanku sendiri untuk mendapat pernyataan melalui watak yang bukan aku. Perasaan aku memaksa aku menulis sebuah cerita pendek di mana

aku adalah sungguh aku. Kisah pendek ini akan aku jadikan seluruhnya untuk mengenang peristiwa lama, memikirkan maju mundur aku pada saat kini, bagaimana hidup akan menerima, dan melayani aku pada masa hadapan. Tidak usah lagi aku termenung-menung meratap sendiri mencari tiang jiwa yang menggugah menyiramkan air mata pada hati yang membakar.

Buku dan kisah adalah pengaruh utama yang mempengaruhi jiwa aku. Kisahku terhadap buku dan segala waktu aku gunakan untuk membaca dan menelaahnya. Membuat aku bercita-cita untuk jadi seorang pengarang dan daripada buku itu aku mempelajari sebaik-baiknya cara mengarang walaupun menggunakan soal, sama ada dalam rupa rencana atau tulisan mahupun para rupa cerita dan cara menggunakan bahasa yang menarik untuk memajukan soal itu sampai ada rasa tertarik dan mahu percaya para pembaca terhadap soal itu.

Pernahkah hatiku bercita-cita bahawa kerja menulis (kalaupun perkataan mengarang itu terlalu tinggi) akan aku jadikan alat untuk menjamin hidupku dan hidup keluargaku (aku ini banyak punya keluarga). Cita-cita ini belum dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya, pokok daripada sebab ini ialah penghargaan perintah terhadap rupa-rupa karangan (diukur dengan mata wang) adalah masih rendah dan kadang-kadang tidak punya harga sama sekali (walaupun ada hasil-hasil karangan yang diterima oleh para penerbit itu mempunyai nilai yang tinggi juga) aku sudah membuat penyiasatan yang seluas-luasnya dan tidak aku salahkan pada penerbit. Masyarakat, juga masyarakat pembacanya Melayu belum betul-betul menarik perhatian mereka, dan tidak ada perhatian membuat penyiaran penerbitan

itu terbatas, dan penyiaran terbatas itu tidak menjamin untung yang lumayan pada penerbit dan tidak menjamin pemberian hadiah pada penciptanya. Seorang pengarang (biasanya) berasa untung kalau buah karangannya menerima penjamin yang banyak sedangkan seorang penerbit merasa untung kalau majalahnya dibeli banyak. Satu mengejar laba moral, yang satu lagi mengejar laba material (persoalan ini tidak termesti pada semua pengarang dan pada setiap penerbit, lebih tidak pada wartawan tetap yang mendapat gaji tetap daripada pihak penerbitnya).

Mengapa orang jatuh cinta? (Tolong bataskan soal ini pada soal hubungan orang/dara) dan sudah aku bertanya dan mencari jawapan-jawapan daripada buku-buku, daripada kawan-kawan yang pernah mengalami percintaan, namun jawapan putus belum aku dapat.

Buat sementara aku hanya dapat memberikan jawapan, bahawa orang jatuh cinta kerana cinta menjatuhkan dirinya pada orang itu. Aku mengharagai cinta sebab aku sering percaya (masih aku percaya) bahawa cinta akan memberi aku ilham besar. Kalaupun bukan ilham sekurang-kurangnya kisah cintaku sendiri memberikan aku bahan untuk membuat suatu cerita.

Aku kenal seorang pujangga (almarhum) yang namanya ditulis dengan tinta abadi: Alam persuratan Melayu yang menggunakan cinta sebagai satu alat menghasilkan karangan, sampai sekarang ada pengarang-pengarang tua menceritakan bagaimana pujangga (tua) itu memaksa dirinya bercinta sebelum membuat sebuah cerita percintaan pendek atau lanjut, yang baik dan menarik.

Cerita lain mengenai pengarang dan cinta ialah seorang (juga saya kenal) wanita yang menjadi sas-

terawani untuk masa pendek sahaja, terus berhenti menjadi sasterawani sesudah dapat suami daripada kalangan sasterawan. Yang membuat aku ketawa kecil bahawa wanita ini biasa mendedahkan kisah-cinta hari ini untuk sasterawan yang terkenal sekali, apabila rasanya nama sasterawan itu meleset cintanya pindah pada sasterawan yang teratas pada pendapatnya. Akhirnya mungkin kerana tidak ada pilihan lagi sasterawan akhir yang jadi tempat perpindahan cintanya bertitik akhir di situ langsung jadi suaminya.

Ukuran apa yang saudara gunakan untuk mengukur kedudukan seorang pengarang (soal ini dibuka untuk perdebatan) bahawa ada antara kalangan pembaca mengukur kemasyhuran dan kenamaan seseorang pengarang kerana banyaknya dia menulis. Ada juga pada isi, pada soal nilai, pada bahasa dan pada mutu karangannya. Saya bercita-cita banyak melahirkan karangan dan karangan itu dapat diterima oleh umum. Saya bukanlah seorang hakim yang menentukan sendiri bahawa karangan saya baik untuk masyarakat, penentuan itu dibuat oleh masyarakat, biar-pun nanti mati-matian saya katakan bahawa cerita ini adalah cerita penuh pengajaran untuk masyarakat tapi kalau pengajaran yang saya bawa itu memajukan satu faham yang bertentangan dengan jiwa masyarakat maka tentunya masyarakat menolak, bukan sekadar menolak sahaja, bahkan saya akan diserang oleh mereka kerana cuba mengubah sosial yang dipegang dan diamalkan oleh mereka. Pemutus daripada masalah ini segala karangan saya, saya serahkan untuk masyarakat dan masyarakatlah yang menentukan untuk apa? Karangan itu bagi saya yang paling utama ialah kisah masyarakat, masyarakat bukanlah segelintir tukang kritik yang mungkin tidak menerima karangan kita oleh sebab-sebab yang lain,

bukan kerana karangan itu ditinjau dari sudut sastera, seni atau untuknya, juga pengaruhnya.

Sebuah cerita wanita - seorang wanita namanya Lela, tidak suka pada wanita lain, Mina; sebab yang membuat Mina tidak suka pada Lela kerana Lela adalah nama yang lebih indah daripada Mina yang dirasakan oleh Mina seumpama satu nama yang tidak berirama. Satu cerita lagi Nani dengan Ani - dua teman baik macam orang adik-beradik. Kemudian mereka berpisah jadi musuh-musuhan. Nani tarik diri langsung memburukkan nama Ani pada siapa sahaja yang dijumpai. Nani sifatkan Ani sebagai musuh kerana Ani sudah dapat suami, sedangkan dia masih jadi anak dara tua tidak terpinang belum terlamar. Selagi belum sampai cita-cita Nani dapat suami yang lebih segala-galanya daripada Ani, maka selagi itu Ani tetap musuhnya, dan nama Ani mesti dibeberkan ke sana ke mari dengan lukisan buruk walaupun itu hanya diada-adakan semata. Kemudian ada Si Kiah yang benci pada Si Lela kerana Lela punya barang kemas lebih daripada dia.

Banyak lagi cerita wanita bagi saya di dalam membuat karangan wanita jadi tukang buat cerita, sedang lelaki hanya memperempuankan cerita. Dan rasa saya sebahagian daripada sasterawan kita tak ubahnya sebagai wanita.

Ini adalah cerita Diman, yang terlalu menggan-tungkan hidupnya pada penanya semenjak dia mera-sai boleh mengarang, maka mengaranglah dia apa sahaja yang boleh dikarangnya dan karangan itu dihantarnya ke mana sahaja ada penerbitan dan kuatlah citanya untuk memberikan seluruh hidup-nya untuk kerja mengarang ini apabila dia meyakinkan hampir semua karangannya dimuatkan di dalam penerbitan-penerbitan yang terbit. Mulanya bangga

sekali dia bahawa hasil-hasil karangan diterima umum dan sering juga diperbincangkan orang – tapi lama-kelamaan timbullah rasa kecewanya kerana kadang dia harus menulis pada kertas-kertas yang telah usang atau telah digunakan sebelahnyanya, sedangkan menjadi syarat bagi penerbitan yang tertentu bahawa segala karangan hendaklah ditulis sebelah muka sahaja dan tidak timbal balik dan kadang-kadang dia tidak mempunyai sampul surat untuk dibungkus karangan itu bagi dikirim dan terpaksa dia membuat sampul sendiri. Dan selalu juga karangan yang telah siap tidak dihantar kerana tidak punya setem untuk mengirim karangan itu. Ini semua adalah kekurangan dan kekurangan itu bagi dia bukanlah ditimbulkan oleh dirinya tetapi oleh keadaan kerana segala karangannya yang dibuatnya dengan bermodal fikiran dan mata benda diberi dan diterima dengan gratis atau percuma.

Sekali dalam hidupnya sampai juga niatnya menggantungkan hidupnya pada penanya. Bekerjalah dia pada sebuah penerbitan oleh kerana bayaran gaji yang diterimanya amat kecil. Rasanya hidupnya dahulu sebagai petani kecil lebih memuaskan sampailah masa penerbitan itu gulung tikar. Pindah dia kepada penerbitan lain yang sama merasai nasib gulung tikar. Berpindah lagi dia dan kini terasa olehnya hidup pengarang Melayu hanyalah berpindah-randah dan tidak sampai pada satu matlamat yang menguntungkan segala pihak. Dalam keadaan sulit dan serba menekan, maka dibuatnya putus bahawa cita-citanya untuk jadi orang sastera itu terpaksa terkorban. Oleh kemestian dan keperluan hidup kembalilah dia memegang cangkunya menggali bumi yang memastikan hasil, mengetut pokok yang pasti menghasilkan buah dan bersumpahlah hatinya tidak kembali ke lapangan cita-citanya yang baginya

kekurangan pembaca. Cerita Diman ini bagi aku banyak juga dialami oleh kawan-kawan aku dan kau.

Lain pula dengan cerita Jaafar, bahawa kalau dia mengarang cerita pendek - pelakonna serupa saha-ja, ini adalah nama orang-orang yang mempengaruhi cerita hidupnya dan ini adalah satu penghormatan, kemesraan pada orang itu. Tibalah saat kawan aku kahwin, sesudah lama kahwin bertanyalah isterinya dengan penuh rasa sangsi dan cemburu siapakah nama "Melati" yang digunakan oleh suaminya dalam tiap-tiap cerita karangannya dan sampai kini nama Melati digunakan. Isteri itu mencari siapakah Melati yang terukir di jiwa suaminya. Apakah Melati masih hidup, masih jadi kenangan suaminya, walaupun dia telah beristeri. Mendesak isteri itu meminta jawapan - tidak menerima - kadang-kadang apabila suaminya tidak di rumah, dibuangkannya surat lama dan gambar-gambar lama suaminya. Segala surat daripada sasterawani-sasterawani dan gambar-gambar sasterawani-sasterawani kepadanya mempunyai kemungkinan bersifat Melati.

Desakan ingin tahu dan bunga api keraguan sentiasa berterbangan itu hampir membakar rumah tangga Jaafar. Untuk mengelakkan kehangusan rumah tangga sendiri berhentilah dia mengarang cerita-cerita yang memakai nama Melati ini, belum juga puas bagi isterinya. Isterinya bertanya siapakah nama-nama wanita seperti Hayati, Aisyah, dan Zuraidah, di dalam karangannya, kerana sesudah yakin bagi isterinya bahawa suaminya membuat cerita yang pernah dialaminya dan wanita-wanita itu adalah sebahagian daripada tiang pengalaman suaminya. Bara yang hendak membakar rumah tangganya menyala semula dan bertindaklah Jaafar untuk memadamkan dengan tidak mengarang lagi. Matinya

bara, maka mati juga bara cita-cita Jaafar yang setiap masa dahulu membakar jiwanya.

Kisah, Oktober 1956

Anak Darurat

RISALAH kerajaan yang paling baru diterima oleh polis itu, juga orang lain, atau polis tidak, menceritakan kebusukan peribadi pengganaspengganas di hutan. Risalah dakyah serupa ini memang banyak saya terima. Kadang-kadang risalah-risalah itu saya baca dan terus saya serahkan pada adik-adik saya untuk dibuat kapal, topi, roket atau kapal terbang kertas. Sering-sering pula saya membuat sendiri. Mujurlah kerajaan melalui Pejabat Perhubungan Raya banyak mengeluarkan risalah serupa ini dan selalu dikirim kepada saya walaupun tidak saya memintanya. Ini suatu keuntungan bagi saya, tentunya. Kau pun tahu barang buatan kertas itu tidak tahan lama kerana barang-barang yang saya bikin itu lekas sekali kernai dan koyak. Jadi risalah yang bertimbun itu menjamin saya tidak akan menggunakan kertas-kertas simpanan saya sendiri untuk membuat barang-barang itu.

Ada masanya saya hairan juga kenapa risalah serupa itu dihantar kepada saya. Barangkali kerajaan hendak mempengaruhi saya. Dahulu saya selalu juga menerima risalah komunis, tetapi saya serahkan pada pihak polis kerana itu adalah suatu perintah dan memanglah saya tidak berniat untuk jadi pelanduk yang nanti akan tersepit oleh sebab dua

gajah yang berjuang. Ini semua dapat saya ceritakan yang tidak hendak saya akui apakah risalah komunis saya baca dahulu atau tidak sebelum saya serahkan pada pihak polis. Ini terpulang pada pendapat siapa sahaja dan boleh buat sebarang pendapat.

Adik saya Si Abdul yang pandai menulis baca itu adalah antara adik-adik saya yang suka sekali menerima risalah kerajaan itu. Risalah itu dibacanya walaupun merangkak-rangkak. Kalau dia membaca risalah yang mengatakan bahawa bom-bom telah digugurkan dari kapal terbang ke atas sarang-sarang pengganas di hutan, risalah itu diambilnya disuruhnya dengan paksa saya membuatkan kapal terbang atau bom roket, dia membentak dan menangis kalau risalah itu saya jadikan kapal atau sampan umpamanya, atau topi umpamanya. Lain pula dengan Si On, adik saya yang paling kecil, kalau dilihatnya risalah itu dipaksanya saya membuat bola kertas supaya boleh ditendang-tendangnya.

Saya belum cakapkan bukan, bahawa risalah risalah kerajaan adalah sumber hiburan bagi saya. Kadang-kadang sesudah membacanya saya ketawa besar dan kadang-kadang saya tersenyum. Mengapa saya mengilai dan mengapa saya senyum itu adalah rahsia saya sendiri dan mengapanya menjadi terkaan masing-masing.

Hari ini saya terima risalah kerajaan yang paling baru kerana pada masa itu saya sedang asyik membaca buku roman. Hendak juga saya campakkan ke tepi dahulu, kebetulan datang adik saya minta saya risalah itu, saya berikan. Dibukanya sampul surat risalah itu kemudian diberikan kepada saya dengan menyuruh saya membuatkan dia burung kertas.

Mulanya saya enggan, kata saya. "Nanti karang."

Saya lihat mukanya berubah mencebik hampir menangis. Untuk mengelakkan supaya dia jangan

menangis maka saya berhenti membaca, meletakkan buku roman itu lantas mengambil semula risalah itu dari tangannya.

Saya mula hendak melipat kertas itu, syarat pertama membuat burung, demi terpancang oleh saya tulisan besar pada risalah itu, "Pengganas Melayu Buang Anak".

Terhentilah saya membuat burung. Saya buka lipatan itu semula dan membaca isi risalah itu. Baru hendak saya baca adik saya meneriak-neriak minta lekas dibuatkan burung. Segera saya membaca risalah itu yang maksudnya menceritakan bagaimana suatu pasukan keselamatan yang sedang menjalankan kewajipan memburu pengganas telah menjumpai seorang kanak-kanak di dalam keadaan berbedung sederhana. Anak itu sedang menangis kuat. Suara tangisan anak itu membawa pasukan keselamatan menjumpainya. Kata risalah itu seterusnya, "Bahawa adalah dipercayai ...," terhenti pembacaan saya kerana adik saya minta segera bikin burungnya. Sakit hati saya sebab pembacaan saya sudah mula menarik perasaan saya. Saya cari alasan supaya adik saya tidak mengganggu pembacaan saya lagi.

Macam kilat risalah itu saya sembunyikan di belakang saya dan dengan bersungguh dan muka bersahaja kata saya, "Burungnya telah terbang." Mujur dia percaya lalu lari dari saya.

Barulah sekarang saya meneruskan pembacaan saya, "Bahawa adalah dipercayai bahawa anak itu telah dibuang oleh pengganas Melayu yang masih ada bersembunyi di dalam hutan." Selanjutnya risalah itu membuat tafsiran bahawa sengaja anak itu ditaruh di pinggir hutan agar dijumpai orang dan anak itu akan terselamat. Lebih jauh risalah itu menyondolkan keburukan moral pengganas membuang anak.

Orang yang tidak saya sukai sama sekali bertamu ke rumah saya mendatangi saya hari ini. Di dalam keadaan serupa itu, saya tentunya tidak dapat merapatkan daun pintu di depan mukanya, melainkan mempersilakan dia sambil berharap dia segera akan meninggalkan saya.

Saya tidak menyukai Hassan, semata kerana sifatnya mahu menang. Dia sentiasa mahu betul, berkali-kali kami memperkatakan hal itu dan ini, bagi saya yakinlah saya di dalam perbualan itu yang merupakan suatu perdebatan kecil saya sentiasa memberikan fikiran-fikiran yang logik memperkuatkan hal yang saya katakan lain sekali, dengan dia. Alasan-alasan yang diberikan kadang-kadang mustahil dan ada masanya tidak dapat diterima akal sama sekali, dengan demikian saya mahu bahawa dia adalah lebih daripada saya. Saya sendiri untuk mempertenangkan atau menasihatinya sama sekali suasana perdebatan yang mula meruncing itu memberikan dia kelebihan itu, biarlah menang.

Demikianlah hari itu Hassan menarik saya ke dalam perdebatan dengan menunjukkan berita di akhbar yang menyebut seorang pegganas Melayu yang telah membuang seorang anak kecil di pinggir hutan dan anak itu sekarang dalam pemeliharaan Pejabat Kebajikan Masyarakat.

Kata Hassan, "Lihat betapa rendahnya moral pegganas itu membuang anaknya sendiri!"

Sekali ini saya sudah membuat tekad untuk menewaskan Hassan, jadi dengan sungguh saya membalas, "Kerana anak itu adalah anak pegganas yang jadi musuh kerajaan, maka berita anak itu dibuang diberi publisiti besar-besar, supaya orang nampak kerendahan moral pegganas-peggnanas itu. Tetapi bagaimanapun di dalam masyarakat siuman dan pernah juga di kalangan orang-orang besar yang mem-

buang anak sama ada dengan menggugurkan anak yang meminta nyawa di dalam perut, atau sudah melakukan zina, anak yang lahir itu dibuang di pinggir jalan."

Nyata Hassan tidak dapat menjawab ini, lalu mencari retak lain untuk mencelah, katanya, "Nam-paklah kemuliaan hati kerajaan dengan menyelamatkan anak itu dan sekarang dibela dengan baik dan istimewa."

Jawab saya, "Semata-mata kerana anak itu anak darurat, anak pegganas, kemuliaan hati kerajaan ialah untuk faedah dirinya. Tegasnya supaya orang ramai mengakui bahawa kerajaan kita adalah kerajaan baik hati sehingga anak dari musuh negara dibela dan dibelanya. Bagaimanapun, dengan anak-anak rakyat yang setia, taat dan patuh pada undang-undang dan kerajaan, tetapi hidup dan dibesarkan di dalam suasana yang menyedihkan tidak dibela oleh kerajaan, dan nasib mereka tidak disuarakan melalui akhbar dan risalah supaya diketahui oleh orang ramai."

Kalah Hassan lagi, mula dia mengilas ke jurusan lain, menunjukkan akhbar itu kepada saya, katanya, "Gemuk sungguh anak itu!"

Balas saya, "Tandanya anak itu diberi makan minum sempurna, dan tandanya tidak ada kurang bahan makan di hutan."

"Saya tidak percaya itu," kata Hassan tegas. "Kalau di hutan cukup makan tentu anak ini tidak akan dibuang."

Balas saya, "Orang buang anak banyak sebab."

Agaknya kali ini Hassan takut ditimpa kekalahan, segera dia meminta diri untuk pulang.

Walaupun tidak datang risalah kerajaan kepada saya yang menceritakan tentang hal anak kecil yang dijumpai oleh pasukan keselamatan di pinggir

hutan, namun kehidupan anak itu saya ikut di dalam siaran akhbar-akhbar sehari ke sehari.

Sebuah akhbar memberikan nama jolokan pada anak itu dengan nama "Anak Darurat"; sedangkan akhbar lain pula menamakan Anak Pegganas. Ada juga disiarkan cerita kononnya hari pertama anak itu di dalam jagaan Pejabat Kebajikan Masyarakat, anak itu sentiasa menangis meminta susu dan makan dan kata orang yang menjaganya bahawa, "Anak itu punya nafsu makan yang besar." Kata mereka lagi bahawa anak itu manis, gedempol, pendeknya macam-macam pujian.

Pada esoknya kerajaan mengumumkan melalui jurucakapnya di Pejabat Kebajikan Masyarakat, anak itu kini menangis setiap saat sebagai meminta dapat ibunya.

Hari lain kerajaan mengisytiharkan bahawa kerajaan telah mengecap 10 000 keping risalah dalam bahasa Melayu menyeru supaya ibu kepada anak darurat itu menyerah diri supaya dapat menjumpai anaknya yang merindukan ibunya. Dengan demikian terselamatlah anak itu.

Seminggu kemudian oleh kerana tidak ada pegganas ibu Melayu atau wanita pegganas bangsa lain yang menyerah diri, tahu-tahu tersiar berita di dalam akhbar bahawa anak darurat itu hidup senyum-simpul dengan nafsu makan yang besar.

Esoknya disiarkan berita-berita pula banyak keluarga yang meminta supaya dibenarkan mengambil anak itu untuk dijadikan anak angkat. Ada suatu keluarga Inggeris yang telah datang ke tempat anak itu dipelihara dan memajukan permintaan secara rasmi dan kata keluarga Inggeris itu bahawa sekiranya anak itu diberikan kepadanya akan dinamakan "Tommy", dan apabila dia pulang akan dibawanya bersama ke England, dan dia berjanji akan memberi-

kan penghidupan yang senang-lenang dan pelajaran yang baik.

Beberapa orang Cina juga telah meminta anak itu, beberapa orang Cina itu mengatakan bahawa anak itu adalah anak yang dikirim dari syurga. Mak-sudnya siapa ibu dan bapa anak itu tidak diketahui, kalau dipelihara akan mendatangkan tuah.

Yang paling lucu ialah suatu keluarga India yang meminta anak itu semata-mata kerana semenjak dahulu lagi mereka ingin mempunyai seorang anak yang kulitnya tidak hitam-legam.

Nampaknya orang Melayu banyak anak, sebab tidak ada permintaan daripada keluarga Melayu untuk memelihara anak itu, walaupun kerajaan mengesahkan bahawa anak itu bangsa Melayu.

Kemudian datanglah berita akhir yang disiarkan oleh akhbar bahawa dua hari lagi kerajaan akan menyiarkan keputusan daripada peminta-peminta yang banyak menentukan kepada siapakah anak itu diserahkan.

Esok pula tersiarlah sepucuk surat di dalam ruangan, "Apa Kata Pembaca". Antara tulisan surat itu, "Anak Darurat yang sekarang diheboh-hebohkan kerajaan ialah anak saya. Walaupun keputusan menyerahkan anak itu pada orang lain akan dibuat esok saya tidak menahan kerajaan membuat serupa itu, menyerahkan hak orang pada orang lain yang tidak berhak adalah sifat biasa kerajaan. Cuma saya berharap dan berdoa anak itu tidak akan menemui hidup serupa saya.

"Yang menyakitkan hati saya bahawa sewaktu anak itu di dalam pemeliharaan yang serba susah, tidak ada orang Pejabat Kebajikan Masyarakat yang mahu memberikan makan dan susu, walaupun ada beberapa kali saya meminta pertolongan serupa itu."

"Saya adalah seorang janda yang hidup amat miskin ditinggalkan suami yang dahulunya bekerja sebagaimana seorang mata-mata khas. Suami saya mati ditembak pengganas semasa saya mengandung betul-betul di pinggir hutan dan di tempat itu juga saya meletakkan anak saya yang tidak terdaya saya membela lagi. Tempat mati ayahnya, mudah-mudahan tempat bertegap dan hidup anak itu!"

Kisah, Bil. 4, November 1956

Lorong Saya

PERBEZAAN besar dan nyata di antara Lorong Saya dan Lorong Kau, bahawa saya tinggal di Lorong Saya, yang lain semua sama, terletak jauh juga dari kota, panjangnya Lorong Saya kira-kira suku batu dan kiri kanan lorong itu berdiri rumah-rumah. Rumah batu yang tersergam yang merupakan kekayaan, rumah papan beratap zing menggambarkan kesederhanaan dan rumah papan yang rapuh buruk beratap nipah lusuh berlubang yang tegas menunjukkan kemiskinan.

Rumah saya terletak di hujung Lorong Saya. Jadi sewaktu saya pergi kerja dan pulang kerja, saya jarang membawa mata saya ke kiri atau ke kanan. Tapi tunduk memandang ke bawah, takut saya dituduh mengintai anak dara orang, maklum Lorong Saya itu banyak sekali anak dara, dan ada juga seorang anak dara yang belum bersuami walaupun telah berusia 30 tahun.

Yang menggembirakan saya dan membikin saya jadi megah, bahawa kami semua adalah manusia senyum. Kalau sedang berjalan kami sering bertemu, kami bertukar senyum. Kadang bertukar kata, "Hendak ke mana?", "Baru balik?", "Dari mana?" Saya sendiri bersikap bisu kalau bertemu dengan orang-orang perempuan kampung saya, dan kadang-

kadang saya lupa tersenyum.

Cuma sekali terjadi pergaduhan di Lorong Saya, antara Hassan dan Adli, sedang mereka bertumbuk itu dapat dileraihan. Pokok pergaduhan mereka ialah Hassan dan Adli masing-masing mengatakan bahawa mereka adalah mata air Fatimah, anak Pak Mat, Fatimah yang tersangkut di dalam perkara ini kerana jadi rebutan apabila ditanya oleh ayahnya menyatakan bahawa dia tidak boleh memandang sebelah mata kepada kedua-dua pemuda itu. Katanya meluat dia melihat budak itu, lantaran kedua-dua anak muda itu tidak bekerja hanya ukur jalan dan terlampau selalu berjalan di hadapan rumah Pak Mat dan mencuri pandang ke tingkap, kalau-kalau ada gadis Fatimah memandang keluar, nyata bukan mereka bergaduh dengan tak ada sebab sekadarkan oleh didorong kekuatan perasaan sahaja, tamatlah suatu pergaduhan hebat yang awal dan akhir di kampung kami.

Orang yang paling saya benci sekali di Lorong Saya, dan saya yakin perasaan saya turut mewakili perasaan jiran-jiran saya, ialah Kassim Lembu. Orangnyanya pendek, kurus tua, dan bekerja memotong lembu.

Benci saya terhadap dia timbul pada suatu hari yang tertentu apabila isterinya datang ke rumah saya dengan air mata meminjam wang daripada ibu saya. Ini sungguh menghairankan saya kerana bagi saya tentunya keluarga Kassim Lembu orang senang, kerana selalu saya dengar bahawa Kassim Lembu banyak dapat wang dengan menjual daging *black market*, dan ada cakap-cakap juga bahawa keluarga Kassim setiap hari makan daging dan boleh dikatakan tak pernah makan ikan, kerana daging-daging itu dibawa pulang oleh Kassim.

Dengan air mata, Kak Yon, demikian nama isteri

Kassim Lembu, menceritakan tak pernah seumur hidupnya Kassim Lembu membawa balik daging untuk dimasak. Kalau teridam dia atau anaknya hendak merasa daging terpaksa beli di pasar dan suaminya makan daging yang dibeli itu dengan tidak tanya dari mana datangnya daging itu. "Wang belanja yang diberikan hanya mencukupi untuk membeli beras, sayur dan ikan kering sahaja. Mujurlah saya pandai bercermat mengumpulkan sedikit-sedikit sampai dapat saya membelikan pakaian untuk anak saya," kata Kak Yon mengesat air mata.

Kak Yon bercerita lagi, "Walaupun pendapatan Kassim Lembu lumayan juga, kebanyakan wang habis dibelanjakan untuk minum. Kadang-kadang setiap malam balik mabuk. Habis saya dan anak-anak dipukulnya." Sebulan kebelakangan itu Kassim Lembu bukan sahaja tak pulang ke rumah malah wang belanja untuk isteri dan anak-anaknya tidak diberi lagi. Mulanya Kak Yon hairan juga kenapa wang belanja tidak diberi, asal Kak Yon menuntut nafkah diri dan anak-anaknya, "Saya dipukul dan dibelasahnya," kata Kak Yon.

Menurut cerita Kak Yon lagi bahawa selepas siasat-menyiasat, barulah dia tahu rupa-rupanya Kassim Lembu kahwin lagi dengan anak dara sunti, wangnya semuanya diberikan kepada isteri mudanya. Kata Kak Yon, "Saya tak mahu marah kalau tua keparat itu kahwin lagi. Dia lelaki hendak kahwin empat pun boleh asal sanggup. Satu bini tak mampu hendak kasi makan, ini pula berbini lagi, orang tua keparat tak sedar diri. Kalau betul-betul boleh dia berkahwin dua, pendapatannya cukup menanggung dua orang isteri asal sahaja dia berhenti minum."

Banyak lagi cerita Kak Yon, kerana tak sampai hati melihat kepedihan hati Kak Yon, maka saya menyuruh ibu saya memberikan permintaannya.

Kebencian saya kepada Kassim Lembu dan kemarahan orang-orang Lorong Saya, memberikan Kassim Lembu gelaran baru Kassim Gila Bini.

Suatu hari saya terkejut juga. Sewaktu saya sedang berbaring di kamar saya, datang ibu saya mengatakan Cik Nah yang tinggal di sebelah rumah saya datang untuk menemui saya. Kau tahu mengapa saya terkejut? Biar saya ceritakan. Cik Nah ialah Maznah anak dara cantik yang tinggal di sebelah rumah saya. Saya pernah mengintai-intainya dari tingkap, saya melihat dia, perasaan saya terhadap dia memuja bukan mencinta.

"Mengapa?" tanya saya pada ibu dengan tanda tanya.

Mujur ibu saya tidak punya salah faham dan salah sangka dan balasnya tidak ada perubahan pada suaranya, "Entahlah. Keluarlah jumpa dia."

Sewaktu saya bercakap dengan Maznah, ibu saya entah kerana tidak mahu ambil tahu dan entahkan percaya kepada peribadi saya, turun ke dalam menjerang air.

Maznah tidak segan terhadap saya seolah-olah sudah biasa dengan saya. Dia berkata, "Boleh tolong Nah tidak?"

Saya masih takut dan belum berani menatap mukanya. Saya dengan suara yang agak gementar sedikit melayan dia.

Maznah tersenyum, menoleh ke belakang dan pasti bahawa ibu saya masih di dapur, Maznah mengeluarkan dari kocek baju kurungnya sepucuk surat. "Tolonglah bacakan untuk Nah. Maklumlah Nah ini buta huruf. Ini semua salah emak. Dahulu bila Nah hendak ke sekolah, emak tak kasi takut nanti kalau pandai menulis nanti pandai menulis surat cinta."

Dengan tangan kurang tetap saya ambil surat itu

dan saya buka dan baca di dalam hati, memang menarik surat itu. Surat cinta dan surat kasih sentiasa menggembirakan apabila dibaca dan kadangkadangkang terasa bagai saya yang membacanya, ingin menerima kiriman surat serupa itu. Penuh harapan dan penuh pertanyaan, penuh kemanisan dan penuh kepahitan, sepanjang saya membaca surat ini, Maznah tidak berhenti menatap muka saya, untuk mencari apakah kesan saya membaca surat itu, saya tahu banyak yang dapat dikesani oleh Maznah kerana saya tidak pandai bermuka.

Oleh tidak sabar Maznah berkata, "Janganlah baca sendiri. Saya pun hendak mendengar juga."

Saya diam malu.

Kata Maznah, "Tolonglah bacakan!"

Dengan suara setengah nyaring saya membaca surat itu.

Kehadapan Cik Maznah yang diingati.

Besarliah harapan saya Cik Maznah tidak akan terkejut apabila membaca surat saya ini dan datang ke majlis Cik Maznah yang permai dengan tidak disangka-sangka. Lebih dahulu maafkan saya kerana kelancangan saya menulis surat ini, lebih-lebih pada bahasanya yang agak kasar dan terlanjur, sekali lagi saya memohon maaf maklumlah saya ini sebagaimana kata pantun:

*Cempedak di luar pagar,
Ambil galah tolong jolokkan;
Saya budak baru belajar,
Kalau salah tolong tunjukkan.*

Tentulah Cik Maznah menuduh saya biadab kerana berani menulis surat pada orang yang entahkan sanggup menerimanya atau tidak, tetapi biarlah saya berterus terang mengatakan bahawa

hati yang bertambat ini menyebabkan saya jadi berani.

Hendak saya meneruskan baca lagi, tiba-tiba ibu saya membawakan dulang air. Maznah mencuit saya memberi saya isyarat supaya berhenti membaca. Berdebar saya, apabila kulit lengan saya disentuh oleh Maznah, memenuhi permintaannya yang bisu itu, saya berhenti baca, ibu saya agak faham kami sedang bercakap rahsia, kerana sesudah menghidangkan air itu dan menjemput Cik Maznah jangan malu-malu minum lantas ibu saya menyelinap ke dalam.

"Teruskanlah," kata Maznah.

Andaikanlah saya berterus terang mengatakan bahawa semenjak saya terpandang pada Cik Maznah, terasalah oleh saya perubahan pada diri dan jiwa saya, semenjak itu Cik Nah tetap menjadi ingatan dan bayangan hidup saya. Demi Allah, saya berani bersumpah dengan saksi apa sekalipun bahawa hati saya sudah bertambat pada Cik Maznah.

Saya sekarang ini umpama pungguk merindukan bulan. Cik Maznah adalah menjadi kerinduan hati saya, menjadi gambar jelita setiap mimpi saya, jadi wajah berseri pada tiap kenangan saya. Percayalah Cik Maznah kalau saya mengatakan bahawa saya sekarang sedang dilanda penderitaan.

Oleh yang demikian haraplah Cik Maznah sudi menerima kasih saya, kerana Cik Maznahlah sahaja seorang tabib yang dapat mengubatkan luka di hati saya. Saya harap permintaan ikhlas daripada saya yang hina-dina ini akan disambut oleh Cik Maznah. Sekiranya Cik Maznah men-

lak, saya tak ubah sebagai jasad yang tidak bernyawa seumpama laut yang kering.

Seperkara yang saya meminta dengan penuh harapan izinkanlah saya mula dari saat ini memanggil Cik Maznah dengan panggilan Nah atau adinda sahaja. Saya menanti jawapan Cik Maznah dengan hati yang berharap seperti rumput kering menantikan embun.

*Kalau padi katakan padi,
Jangan saya tertampi-tampi;
Kalau sudi katakan sudi,
Jangan saya ternanti-nanti.*

*Sirih pinang di dalam puan,
Dimakan puteri sebelum berdandan;
Semenjak terpandang wajahmu tuan,
Hilang roh dari badan.*

*Yang berharap,
Yunus Arif.*

Bagi saya surat Yunus Arif kepada Maznah merupakan surat cinta yang kuno-kuno, memuja dengan kata merendah diri meminta harapan, tidaklah sebagai surat cinta sekarang. "Temulah saya di tempat ini dan dari sana kita akan melayarkan bahtera cinta".

Maznah mengambil surat ini dan meminta diri pulang tergesa-gesa sampai lupa meminum teh yang dihidangkan. Lupa juga dia meminta saya membalas surat itu: Mungkin juga hati masih ragu dan jiwa bertanya.

Kalau saudara mahu melihat muka-muka yang ditampalkan di serata tembok, tolonglah datang ke Lorong Saya apabila tiba musim pilihan raya. Tahun lalu tiga orang calon yang minta dipilih di dalam

kawasan saya, daripada Perikatan Besar, daripada Parti Buruh dan Parti Singa. Saudara boleh melihat segala tempat kosong ditampal poster, sampai pokok kelapa ditampal juga.

Di dalam suatu peristiwa wakil-wakil calon hampir bergaduh kerana sebatang pokok kelapa. Mula-mula datang calon Perikatan tampal poster betul-betul di tengah pokok kelapa itu, kemudian datang calon Parti Demokrat tampal poster calon di atas sedikit dari tempat poster Perikatan. Kemudian datang calon Parti Buruh, melihat semua poster parti lawannya sudah di atas, wakil itu panggil seorang budak suruh panjat pokok itu dan tampal poster di atas sekali. Apabila keesokan harinya datang wakil calon Parti Perikatan melihat poster-nya di atas, lalu dia mengoyakkan poster calon Parti Demokrat, sedangkan dia tidak biasa mengoyakkan poster Parti Buruh.

Datang seorang budak menghampiri calon itu dengan katanya, "Saya boleh panjat encik dan boleh buang kertas yang tinggi itu." Wakil itu faham akan maksud budak itu. Kepada budak itu diberinya wang seringggit, suruh panjat dan buang poster Parti Buruh itu. Alangkah untungnya kalau selalu diadakan pilihan raya sekurang-kurangnya budak-budak di kampung saya mendapat cara membuat wang.

Pendeknya sepanjang berjalannya musim pilihan raya itu, tiap wakil calon berlawan mengoyak dan menampal semula poster-poster itu, sedangkan calon-calon itu sendiri datang ke Lorong Saya berlawan cakap, tidak, sebenarnya lawan janji. Melihat mereka berlumba-lumba untuk mencari tempat tinggi menampal poster, ibu saya mengatakan, "Semuanya ingin mahu jadi monyet." Dan nenek saya kata, "Orang yang senang dan pandai membuat janji

tak boleh dipercayai!"

Kak Yon sibuk juga, datang dari rumah ke rumah meminta supaya kami semua pilih calon Parti Singa. Pada lain masa sempat saya tanya Kak Yon kenapa dia sibuk mendakyahkan parti cap singa parti tauke-tauke kaya. Jadi saya diberinya tiga ratus ringgit supaya suruh orang-orang Lorong Kita memilih calonnya. Kalau menang saya dijanji akan diberi lima ratus ringgit.

Pada masa pilihan raya itu saya tak putus menerima siaran-siaran dari parti-parti itu dan semuanya saya baca, tetapi lebih banyak saya membaca surat Yunus kepada Maznah yang datang tak kurang daripada sepucuk sehari, dan terpaksa pula saya mengarang surat Maznah kepada Yunus. Tahukah kau bagaimana mengarang surat cinta untuk orang lain?

Begini, saya sudah sedia dengan pena dan kertas, Maznah duduk di depan saya. Kata Maznah, "Bilang sama dia kalau dia orang kaya sanggup memberi saya cinta, kecil tapak tangan, nyiru saya tadahkan. Dia carilah gadis lain yang setaraf dan ada harta. Saya ini orang miskin. Katakan enggang sama enggang dan pipit sama pipit. Kalau dapat tambahkanlah pantun yang sedap-sedap. Encik pengarang tentulah tahu. Akhirnya katakan kepada dia kalau dia betul mahukan saya suruh pinang dari ibu bapa saya!"

Oleh selalu sangat, Maznah mendatangi saya, timbul juga keraguan ibu saya dan keraguannya memaksa saya menerangkan sebab-sebab yang sesungguhnya. Ibu saya geleng kepala dan mengatakan dia tidak percaya kedua-dua orang tua Yunus akan sanggup menerima Maznah sebagai menantu, kerana mereka orang kaya tinggal di rumah batu besar terletak dekat Lorong Kami, sedangkan Maznah hanyalah anak tukang kebun. Balas saya pada

ibu, "Biarlah bu, berdosa kita menghalang orang bercinta secara bersih. Jadi atau tidak cinta mereka bukanlah tanggungan kita."

Kalaulah bukan daripada ibu saya, saya takkan percaya, kata ibu saya bahawa Yunus telah ditunangkan dengan seorang gadis sepupunya juga.

Saya dengar Kak Yon malu datang ke rumah kami, kerana selalu meminjam tetapi tidak membayar. Barulah semalam Kak Yon datang meminjam beras dan wang dari Mak Ani. Yang menghairankan saya ke manakah perginya wang lima ratus ringgit yang diterimanya kerana kemenangan calon Parti Demokrat di dalam pilihan raya.

Oleh kerana teradat kampung saya segala sesuatu kejadian sampai dari suatu rumah ke suatu rumah, melainkan cinta Maznah dan Yunus sahaja yang sampai sekarang masih jadi rahsia. Akhirnya tahulah juga saya, bagaimana wang itu habis dari tangan Kak Yon.

Peri Kak Yon menjadi tukang dakyah itu diketahui oleh Kassim Lembu sewaktu seorang tauke Cina datang dengan kereta besar ke rumahnya, kebetulan ketika itu Kassim Lembu atau Kassim Gila Bini ada di rumah. Di depannya tauke itu Kassim pura-pura buat sebagai suami baik, mengucapkan terima kasih apabila tauke ini menyerahkan wang lima ratus ringgit kepada Kak Yon.

Apabila tauke pulang, Kassim Lembu menuntut supaya Kak Yon menyerahkan wang itu kepadanya. Mulanya Kak Yon enggan dengan alasan wang itu haknya sebab dia bekerja tungkus-lumus. Naik radang Kassim Lembu, ditampar terajangnya Kak Yon dan wang itu dirampasnya dan dia meninggalkan rumah itu dengan tergesa-gesa.

Berita yang paling baru saya dengar bahawa Kassim Lembu telah pun menceraikan isterinya yang

muda, dan sekarang mengejar seorang janda dan selalu kelihatan di kedai kain bersama-sama janda itu membeli-belah, saya yakin tentu dengan wang lima ratus ringgit itu.

Surat yang paling akhir yang saya gubah untuk Maznah adalah sebagai berikut:

Kanda Yunus yang dirindui,

*Surat ini adinda tulis dengan air mata yang berlinang-linang, dengan jiwa yang sedih pedih. Dengan patah rasa dan tumbang harapan kerana adinda baru mendapat tahu bahawa kanda telah dipertunangkan dengan sepupu kanda yang kaya-
raya itu dan akan melangsungkan perkahwinan tidak berapa lama lagi. Adinda berdoa mudah-mudahan kanda akan mendirikan rumah tangga yang berbahagia.*

Dinda percaya tentulah cantik dan manis bakal isteri kanda, lebih cantik daripada adinda yang hodoh ini. Tentu kanda akan berasa gembira seumpama bulan jatuh ke riba kanda. Tinggallah dinda karam di darat oleh air mata sendiri.

*Pagi-pagi menumbuk pulut,
Ambil pisang buat pengat;
Banyak orang karam di laut,
Dinda seorang karam di darat.*

Kesal yang tak sudah membuat dinda luka di hati. Kenapakah sewaktu kanda menghulurkan kasih sayang kanda tidak kanda nyatakan bahawa kanda telah bertunang? Kalau kanda menyatakan ini dahulu dinda tetap menolak pemberian kanda, walaupun pemberian itu memenuhi kekosongan jiwa dinda. Tetapi apa hendak dikatakan memanglah bintang kanda tidak hendak

menerangi hidup dinda yang gelap-gelita, sedangkan cahaya kanda yang hendak dinda tumpangi itu memancar pula ke hati lain.

Biarlah dinda berkorban untuk kebahagiaan orang lain dan kebahagiaan kanda juga.

Petang tadi Kak Yon datang menjumpai saya sendirian. Air matanya ikut sama. Katanya tuan tanah rumahnya menyuruh dia pindah dalam tempoh sebulan kerana rumah itu akan dirobohkan dan akan didirikan rumah-rumah berek baru. Seminggu lagi tukang ukur akan datang untuk mengukur tanah itu dan membuat pelan. Kak Yon mengatakan rumah itu rumahnya sendiri, pesaka orang tua, begitu juga tanahnya, tapi tanah itu dahulu telah digadai kepada seorang kaya.

Kak Yon mengatakan dia bukan tak mahu keluar dari rumah itu. Mahu, kalau diberi duit kopi supaya boleh dia menyewa pondok-pondok yang kecil. Atau-pun kasilah dia tempat tinggal yang lain. Tetapi ini tuan punya tanah itu hendak menyuruh dia pindah dengan begitu sahaja.

Kasihannya benar saya mendengar cerita Kak Yon, marah saya mengatasi kasihannya, kerana bagi saya tuan punya tanah ini ingin menipu Kak Yon. Lebih-lebih pula ini adalah percubaan, lulus jarum luluslah kelindan, kerana di Lorong Saya ini banyak tanah yang tergadai walaupun rumah masih bertuan.

Saya nasihatkan Kak Yon supaya bersabar dan nanti saya tanya *lawyer* dan berunding dengan jiran-jiran kita.

Balasan surat Yunus kepada Maznah.

Cuma sebahagian surat itu sahaja yang saya salin di sini.

Untuk cinta kanda sanggup berkorban, keka-

yaan bukanlah kebahagiaan. Nanti akan kanda buktikan juga betapa besarnya cinta kanda terhadap dinda. Kanda akan melakukan seperti kata pantun:

*Nasi lemak buah bidara,
Sayang selasih saya lurutkan;
Buang emak buang saudara,
Kasih dinda kanda turutkan.*

Kami semua sudah mengadakan mesyuarat dan sudah pun menemui seorang *lawyer* yang telah memberi kami cara-cara untuk menentang tuan punya tanah itu.

Pagi-pagi minggu kami anak-anak muda di lorong kami menebang buluh dan membuat sebuah pagar untuk rumah Kak Yon.

Apabila daerah rumah Kak Yon itu terkepung pagar buluh itu, Kak Yon senyum-simpul dan berpuluh kali mengucapkan terima kasih kepada kami, sedangkan Kassim Lembu tidak kelihatan langsung untuk membantu pekerjaan kami.

Ada seorang dua anak muda yang nakal sambil menyumpah-nyumpah kepada Kassim Lembu apabila didengar Kak Yon dipintanya supaya jangan menyumpah orang tua itu dengan menambah kata, "Siapa tahu nanti terkena pula kepada anak cucu kita." Dengan demikian diamlah anak-anak muda tetapi hati masih marah dan membenci dan siapakah tidak akan benci pada manusia serupa itu!

Sepuluh surat akhir Maznah kepada Yunus.

Saudara Yunus,

Mula hari ini saudara adalah sebagai abang kandung saya sendiri. Saya tidak sedikit pun menyesali sikap kanda dan bagi saya kanda adalah berhati mulia tidak ingin menderhaka terha-

dap ibu dan bapa saudara.

Esok saudara akan melangsungkan perkahwinan saudara dengan sepupu saudara dan sudah seharusnya sebagai pengantin baru saya mesti menyampaikan hadiah. Tapi saudara sendiri tahu saya terlalu miskin untuk memberikan hadiah untuk saudara, tapi dapat juga saya menghadiahkan saudara, kalau mahu saudara menerimanya, sehelai sapu tangan saya yang dibasahi air mata.

*Percayalah saudara, tidak ada orang lain yang akan mendapat tempat di hati saya, saudara adalah awal dan saudaralah akhir. Bersumpah saya bersaksikan Tuhan, Rasul dan segala Malai-
kat, bahawa saya akan tetap tinggal dara sampai ke hujung hayat saya ...!"*

Demikianlah antara surat akhir Maznah kepada Yunus.

Saya hormati Maznah kerana teguh pada sumpahnya.

Walaupun kini Yunus telah mempunyai beberapa orang anak, namun Maznah tetap menjadi anak dara tua.

Apabila datang tukang-tukang ukur tanah itu dengan tuan punya tanah untuk mengukur tanah rumah Kak Yon, mereka terkejut melihat pagar pada tempat lopong dahulu. Lebih terkejut mereka apabila kami yang menanti di rumah Kak Yon memberi amaran menyuruh mereka pergi, kalau tidak kami akan bertahan dengan senjata parang dan kayu yang kami pegang.

Semenjak hari itu, tidak ada tuan rumah yang datang ke rumah Kak Yon atau ke rumah yang lain.

Sudah berkali-kali ibu saya menyuruh saya kahwin, saya enggan, banyak gadis yang dicalonkan

kepada saya, semuanya saya tolak.

Suatu hari kata ibu saya, "Bagaimana kalau aku pinangkan Maznah?"

Kisah, Bil. 5, Desember 1956

Obor Cita-cita Terus Menyala

ANAKANDA Hamzah,

Surat ini demi Tuhan tidak aku tujukan untuk kau semata-mata tetapi kepada siapa juga yang membacanya, bukan sekadar membaca malah mengerti isi-isi daripada rintihan jiwaku ini dengan jiwa juga, hanya jiwa sahaja yang dapat mengenal pesanan jiwa.

Kalau kau aku panggil anakanda adalah semata kerana aku adalah lebih tua daripada ayahmu yang sedang menderit sakit itu, kerana aku hidup di atas adat dan adat memaksa aku memanggil kau sebagai anakanda, biar pula dari pokok keluarga dahan keturunan kau tidak berakar dari dahan keturunan aku, tetapi bumi tempat pokok-pokok kita bertegak megah adalah satu dan tetap satu.

Dengan aku dipaksa adat maka dengan sendirinya dapat kau pengertian bahawa aku ini adalah dari angkatan kolot, mengukur kemajuan zaman kini dengan berdasarkan adat semalam, mengikut kesusasteraan kini dengan mempelajari pepatah zaman silam, meneropong, angkatan baru dengan angkatan kolot telah menjadi tulang, dan tulang ini aku percaya telah menjadi debu

masa adalah tidak mempunyai harga pengukuran.

Apabila aku menyebut bahasa kesusasteraan sekurang-kurangnya kau tentu memahamkan aku adalah orang yang menuntut kemajuan dan perkembangan kesusasteraan nasional kita, sebenarnya aku lebih daripada ini. Aku anak sastera.

Hingga kini aku masih merintiskan tintaku setitik demi setitik hingga serupa sesuatu yang dapat dibaca yang dipanggil kesusasteraan.

Surat ini aku tujukan kepada kau kerana kau-lah yang pertama yang telah berani membidas hasil rintihan jiwaku yang mengeluarkan suara meminjam kekuatan pena. Menurut anggapanmu aku adalah "Angkatan Tua" sedangkan kau adalah anak zaman "Angkatan 50".

Apakah yang menyebabkan kau mentafsirkan aku daripada Angkatan Tua? Adakah pengukuran tua itu kau kira dari umurku yang telah melihat seribu peristiwa? Ini tidak mungkin bukan. Aku yakin ini memang tidak mungkin.

Dengan apakah kau mengukur-tua suatu angkatan itu? Apakah hanya dengan melihat surat beranakku yang telah lebih dahulu mengenal dunia sedangkan ibumu masih anak gadis lagi dan kau pada masa itu berada di dunia yang belum ada?

Mengapa aku kau panggil "Angkatan Tua" sedangkan pada nilaianku, dunia ini hanya mengenal dua angkatan - angkatan mati dan angkatan hidup. Aku bukan daripada angkatan mati sedangkan aku masih bertulang empat seperti kau juga dan tanganku yang masih kuat menghayun penaku untuk seluruh citaku, nanti apabila aku telah diseret oleh angkatan mati itu dan apabila penaku telah tidak bertuan lagi ... barulah seja-

rah yang dapat menentukan siapa aku ... aku yang bukan daripada kumpulan binatang jalang Chairil Anwar.

Aku adalah sama seangkatan dengan kau. Bukankah kau hidup dengan penamu dan aku juga hidup dengan penaku. Seandainya aku menilai buta maka tidak bersalah aku sekiranya aku katakan tegas-tegas aku manusia daripada dua angkatan - daripada angkatan semalam sewaktu kau masih belum bernama lagi dan aku daripada Angkatan 50 ini kerana aku juga hidup di dalam Angkatan 50 ini. Apabila aku telah menunjukkan kesanggupan merempuh segala suatu yang ingin menyekat aku, apabila aku telah melaungkan coganku, "Aku hidup kerana aku lebih kuat", kerana aku telah banyak menerima dan memberi garam pengalaman, tidakkah ini dapat dijadikan nilai bahawa aku adalah lebih maju daripada kau.

Dengan apa pula anakanda mentafsirkan sepatah kata "maju"? Bagi diriku sendiri aku belum mempunyai keberanian mentafsirkan kata "maju", jika maju anakanda maksudkan tentang pakaian maka ayahanda hanya dapat mengatakan, "Orang-orang yang dahulu yang hampir tidak berpakaian itu adalah lebih maju dari kita dalam soal keperibadian dan dalam soal menahan nafsu yang marak menyala, kalau sepatah kata "maju" itu pula anakanda maknakan dengan berdasarkan bahawa dunia telah mempunyai senjata-senjata moden zaman kini, tidakkah orang-orang daripada angkatan mati itu lebih maju dari kita dengan mempunyai senjata-senjata kejam serupa itu hingga mereka tidak terasa takut ditelan oleh senjata-senjata sial itu sebagaimana kita kini sering hidup di dalam serba ketakutan akan di-

telan oleh perang dunia yang satu lagi. Entahlah anakanda, bagi ayahanda perkataan "maju" ini masih takut ayahanda mentafsirkannya.

Apakah pula pegangan anakanda dengan perkataan "maju" di dalam hal ehwal kesusasteraan? Apakah anakanda menyifatkan rumah itu dunia aku itu suatu kemajuan? Adakah maju erti-nya angkatan hidup kita telah mempunyai beberapa gabungan sasterawan yang mempunyai nama-nama tertentu? Apa makna maju di dalam gerakan kesusasteraan itu bererti di samping para sasterawan itu sudah adalah "Sasterawani". Benarkah nama-nama samaran seperti Awam-il-Sarkam, Keris Mas, Nila Kandi, dan 1000 Asmara ini dikatakan kemajuan yang telah diciptakan oleh perjuangan pena sasterawan? Apakah sajak-sajak "aku ini binatang jalang" dan kawan-kawan Amir Hamzah, daripada angkatan baharu dengan sajaknya yang menyedih pilu itu boleh dijadikan sukatan sepatah kata maju (ayahanda tetap mengatakan Amir Hamzah bukan daripada angkatan abadi "angkatan mati".)

Tidakkah Hikayat Bustamam yang agaknya belum dibaca oleh orang-orang yang telah maju itu dikatakan suatu anasir yang telah memberi nyawa maju kepada dunia kesusasteraan Melayu? Tidakkah juga Hikayat Amir Hamzah, dan Malik Saiful Lizan yang memperikan kebesaran perjuangan Islam ini tidak boleh dipanggil maju?

Bagi ayahanda semua hasil kesusasteraan itu adalah maju. Ayahanda akui hasil seruan lenggangnya pena daripada Angkatan 50 sekarang ini sudah berjasa memberikan pelita semangat di dalam dunia pergerakan hidup ini, tetapi anakanda harus ingat pula seandainya hasil karangan-karangan serupa sekarang ini dibawa ke zaman

yang lalu maka hasil karangan-karangan itu belum tentu dapat menerangi jalan hidup orang-orang yang telah lalu. Bukankah corak hidup adalah bercorak-corak mengikut corak-corak zaman? Sebagaimana Angkatan 50 kini telah berjasa dengan kesusasteraannya di dalam membangunkan masyarakat, begitulah hasil kesusasteraan dahulu telah memberikan jasa yang amat besar kepada kemajuan masyarakat orang-orang yang telah lalu.

Kerana ayahanda adalah jadi seorang anggota mutlak dengan angkatan hidup maka sebagai seorang penulis yang masih hidup ayahanda terus menyumbangkan apa yang terkadar oleh ayahanda untuk dibaca oleh orang-orang yang hidup dan angkatan yang hidup yang hanya dapat mentafsirkan atas hasil pena ayahanda dan orang-orang yang hidup sebagai anakanda juga yang hanya mempunyai kuasa meletakkan ayahanda di dalam angkatan mana juga, sebagai suatu kebenaran lagi dan untuk akhirnya ayahanda mengatakan ayahanda tetap daripada angkatan hidup.

Kepada ayahanda telah disampaikan laporan daripada kawan-kawan ayahanda sendiri dan teman-temanmu juga yang menjelaskan bahawa anakanda bercita-cita besar ingin menjadi seorang sasterawan - wartawan.

Ayahanda tidak menghalang ke mana hendak berlarinya darah cita-cita anakanda itu. Ayahanda telah faham benar-benar bahawa menyekat aliran darah cita-cita adalah tak ubahnya sebagai mengempang lautan yang tidak mengenal surut.

Sebanyak mana ayahanda telah menyaksikan orang tegak megah dengan cita-citanya maka

banyak juga ayahanda lihat orang roboh dengan cita-citanya.

Bagi ayahanda cita-cita hanyalah cita-cita sahaja. Dan ayahanda boleh menganut sepuluh cita-cita tetapi adakah sanggup cita-cita itu ayahanda lahirkan sebagai suatu kenyataan, inilah menjadi tanda keraguan hidup bukan?

Ayahanda akui bahawa memang banyak anak muda yang sanggup hidup dengan cita-cita tetapi sanggupkah juga mereka tenggelam bersama cita-cita? Apabila ayahanda mengatakan, "Sanggup tenggelam bersama cita-citanya", maka apa yang ayahanda maksudkan ialah bersedia orang menghadapi penderitaan dan kemiskinan di dalam menegakkan cita-citanya?

Mahukah anakanda mendengar falsafah datukmu dahulu, katanya kepada ayahanda bahawa cita-cita adalah sebagai air bah, sekali melimpah berubah, dan demikian dengan cita-cita, sekali kejadian menghadapi, sekali cita-cita berubah.

Ayahandamu.

Mingguan Melayu, 16 Mac 1952

Sebuah Rumah di Pinggir Laut

AYAHNYA, datuknya, moyangnya, mungkin keturunan yang lampau, telah tinggal di pondok itu. Makon masih mempertahankan pondoknya adalah rumahnya, rumah seseorang bukanlah diukur pada besar atau buruknya tetapi pada kesanggupan dan haknya memelihara rumah itu, dan rumah itu telah melihat banyak darah yang tumpah dan di belakang rumah itu, di bawah pohon manggis telah banyak tertanam tembuni daripada bayi yang baru lahir, dan telah meratapi dan menangihi banyak kematian, sebahagian besar oleh sebab-sebab sakit biasa, dan sebahagian kecil kehidupan dan alam.

Pak ciknya mati kerana berkelahi, ditetak dengan parang, sampannya dilangkah orang sewaktu fajar, sewaktu hendak ke laut, suatu pantang larang yang hanya dapat dibersihkan dengan darah, sedangkan anaknya yang tua, 19 tahun remaja dan diharapkan akan menggantikannya sebagai pencari nafkah keluarganya, pergi ke tengah laut dengan penuh harapan dan keriangn untuk menangkap ikan, hanya sampannya yang pulang, kosong.... Dia, isterinya, dan anak-anaknya yang kecil menanti ... menanti ... dan terus menanti ... dari lautan yang bergelombang besar menampar pantai ... kembali tenang diurut oleh surut laut ... hingga surut

menampakkan dasar laut yang lumpur, namun Radzuan tidak juga pulang, laut telah merupakan kubur tidak bernisan untuk anaknya.

Isterinya teresak-esak menyatakan kesedihan, dan anak-anak meraung kehilangan abang, tetapi tidak ada setitis air mata pun yang membasahi pipinya. Kehilangan anak – anak penyambung kerja hidupnya – adalah kedukaan yang paling besar bagi seorang tua seperti dia, tetapi dia sudah menduga bahawa dia dan anak-anaknya dan mungkin cucunya kelak, akan bermalam di laut yang abadi itu, laut yang tidak berusia, orang yang menggantungkan hidup di laut lazimnya akan mati di laut.

Menangis bererti mengaku kalah pada laut, apalah setitik air mata bagi laut yang luas itu. Orang sudah melawan dan menawan laut dan akan terus berbuat serupa itu, kedukaan hatinya lebih daripada kedukaan yang ditanggung oleh isterinya dan anak-anaknya, penderitaan yang membuat hatinya tergores, dan tekaknya berbuku dan suaranya hilang....

Sudah berkali-kali rumah itu menukar dindingnya, dari dinding yang rapuh, berlubang, diganti yang baru, apabila laut penuh belas kasihan memberikan hasil tangkapan yang banyak, dan dia mendapati wang yang lebih sedikit untuk membeli alat-alat membetulkan rumah itu. Atap-atap yang buruk boleh diganti, tetapi kebelakangan ini hujan yang mencurah turun, membasahi dapur dan kamar tidurnya, kerana hasil tangkapan di laut sangat mengecewakan, dia ditegah menangkap ikan di laut, untuk melindungi nyawanya dari orang-orang Indonesia 'siapa yang takut pada mereka, kami sudah menghadapi musuh yang lebih buas!' kata hatinya membe-rontak, biarpun baru seminggu lewat mereka membawa pulang mayat tiga orang nelayan, dia pergi melihat mayat itu, badan mereka ditembusi peluru.

Kematian yang memalukan, dibunuh peluru manusia, dan bukan maut bertelagah dengan laut kejam dan segala sekutunya, mereka mati bukan menentang musuh asli mereka, tetapi suatu musuh yang asing, yang mempunyai rupa dan bentuk seperti mereka juga. Laut juga terasa malu dan terhina dan tertipu, korban mereka jadi korban daripada orang-orang yang bukan dari alamnya.

Dunia ini penuh dengan pertentangan. Pagi semalam dia pergi dengan marah-marah ke kedai Barasu Idrus kerana diadui oleh isterinya bahawa Malbari kedai enggan membenarkannya mengambil segantang beras. Dia menagih penjelasan, biarpun itu kelak menyakiti hatinya, Idrus sudah menutup rapat segala pintu hatinya berbelas kasihan Markon, katanya, "Hutang lama sudah dua bulan lebih tidak dibayar. Orang India tidak pandai membuat hutang untuk menimpa dirinya." Idrus sendiri tidak tahu apa kata-kata ini merupakan suatu falsafah nasihat, sindiran, bidalan dan ini dikeluarkan kebetulan perbandingan serupa itu yang diingatinnya.

Pagi semalam kemiskinan menyebabkan anak-anaknya meratah ikan bakar, sayur pucuk manis, dan nasi bersekat suapannya. Dan petang semalam dia ditawarkan jadi kaya, Markon ditawarkan wang sebanyak tiga ribu kalau dia sanggup meninggalkan rumah itu, dan dia boleh membawa atap dan buruk rumahnya ke mana-mana dia suka.

Tawaran ini dibuat kerana tapak rumahnya akan digunakan untuk membuat rumah peranginan. Mula-mula tawaran ini amatlah memeranjatkannya, bahawa selama ini dia menyangka, malah yakin, tapak rumah itu tempat pondoknya telah berdiri daripada turun-temurun – adalah haknya, dan selama ini juga tidak ada seorang pun yang pernah datang untuk mengatakan bahawa tapak tanah yang mendukung rumah-

nya bukanlah haknya.

Markon – manusia sederhana itu menolak pendapat yang sederhana pula, “Bahawa tapak tempat berdirinya rumah itu adalah jadi hak mutlak tuan rumah itu.” Dia tidak faham tentang kerumitan-kerumitan undang-undang rumah tanah walaupun dalam suatu masa kesusahan, waktu datangnya suatu musim tengkujuh yang hebat, pergi ke laut bererti merayu maut, sedangkan anak menangis sedih meminta makan, dan isteri muram menahan lapar, ayah Markon terpaksa menggadaikan rumah itu pada seorang saudagar kelong, untuk mendapatkan wang untuk memberhentikan tangisan anaknya, dan memberikan senyum pada isterinya.

Tawaran itu ditolaknyanya, walaupun sepanjang hidupnya yang lanjut itu, belum pernah dia hendak diberikan wang begitu banyak, wang paling lumayan demi sedikit apabila tuah laut memihak padanya. Markon berasa dia perlu membuktikan kelelakian-nya, tugas orang lelaki ialah mempertahankan rumah tangganya, dan manusia yang di depannya yang menawarkannya wang, datang semata-mata untuk mencerooboh rumah tangganya, dan merampas haknya. Sebagai lelaki dia menerima kedatangan orang itu dengan kasar, kemudian berlakulah soal jawab antara dia dan orang itu, dan berakhir dengan mengusir orang itu.

Selang beberapa hari datang dua orang lelaki, seorang dikenalnya sebagai Ali Broker, dan yang seorang lagi muda, berbadan tegap, cuma Ali yang berkata-kata sedangkan orang muda itu hanya memerhatinya, seolah-olah mengukur dirinya, pemandangannya bengis, dan tidak pernah terseenyum. Mujurlah Ali Broker itu dikenalnya, kalau tidak sudah tentu diperlakukannya dengan kasar, kerana kedatangan Ali Broker ialah menyambung

tawaran orang yang pertama dahulu, agar meninggalkan rumah itu, dan diberi wang tiga ribu ringgit.

Apabila hal ini dimajukan oleh Ali Broker maka Markon tidak berkata barang sepeatah pun. Dia bangun dari duduknya menuju ke sampannya, dan mengayuh sampannya ke tengah laut. Ali broker memandang muka kawannya yang memberikan isyarat supaya meninggalkan rumah itu, walaupun kopi bujang baru sahaja dihidangkan.

Sepanjang malam dia tidur, melarikan diri daripadanya, hatinya sendiri berlari ke sana ke mari tak tentu arah.

Sepi malam kian mendalam.

Fikirannya mengganggu dia, bagi seorang nelayan, hilang nyawa bertempur dengan lautan merupakan suatu peristiwa besar, tetapi hilang rumah di darat hilang sifat diri, hilang akar yang mengikatnya ke bumi Allah, dan hilang sifat kebesaran seseorang yang lebih daripada laut. Darat memberinya kehidupan dan perlindungan yang lebih daripada apa yang dapat diberikan oleh laut. Deru ombak tambah mengusutkan jalan fikirannya.

Apabila fajar datang, dia sudah sedia menghadapi masa baru itu, cuma badannya agak terasa lesu sedikit. Sekarang dia harus menghadapi laut - musuhnya dan kawannya.

Alangkah terperanjatnya apabila dia hendak menggulung jalanya yang tersidai itu, Markon mendapati beberapa lubang besar pada jala itu, diperiksanya lubang itu, dengan lebih teliti dia memeriksa lagi, Markon meyakinkan pada dirinya bahawa lubang-lubang itu adalah dibuat oleh manusia. Hatinya tidak dapat memancarkan kecurigaan terhadap orang yang tertentu.

Tetapi siapa yang merosakkan jala, telah merosakkan penghidupannya. Bagi nelayan tanpa jala,

sama seperti askar bertempur dengan ramai musuh tanpa senjata. Musim tengkujuh sedang berada di puncaknya, dan bersampan ke tengah laut menghadapi dua musuh, laut merah meruntuhkan gelombang besar di puncaknya, dan orang-orang yang berkapal bersenjata api – dan orang-orang bersenjata api adalah musuh yang lebih buruk daripada laut – laut membunuh orang yang mencerobohnya, yang bukan sejenis, tetapi manusia itu membunuh manusia, tanpa alasan. Dalam keadaan musim serupa ini, dia hanya dapat berjalan mengharungi laut sehingga ke perenggan dadanya. Untuk melakukan ini sekarang sangatlah mustahil – jalanya telah dibinasakan oleh orang. Dan sekarang hanya dapat menangkap ikan dengan jorannya sahaja.

Waktu petang dia pulang, isterinya menyambutnya dengan cemas. Kata isterinya, "Orang yang semalam, orang muda yang mukanya sentiasa bengis itu, datang lagi, bersama dua tiga orang muda, dia memberi amaran bahawa kita mesti tinggalkan rumah dalam tempoh dua minggu, kalau tidak harta benda kita akan cacat seperti jala abang!" Kecemasan isterinya bertambah dan di belakang kita dengar anak-anak mereka berlawan pedang dengan buluh yang dihanyutkan oleh laut, dan dikutip oleh mereka di tepi laut.

Markon membisu ... dia mengerti sekarang bahawa musuhnya yang paling besar ialah manusia. "Biarlah mereka datang, akan kutentang mereka!"

Isterinya mahu berkata lanjut dan menyuruhnya bersabar, menerima sahaja wang tawaran yang lumayan itu dan pindah ke tengah kota, dan memulakan suatu penghidupan baru tetapi kedatangan pak ngah yang berusia 80 tahun lebih tetapi masih ke laut, menghalang isterinya daripada mengeluarkan kata-katanya.

Kedatangan pak ngah terburu-buru sekali ini. Dan dengan nafas tercungap-cungap dia menyampaikan maksud kedatangannya "Kata Pawang Alang sampaikan salamnya, dia tak dapat datang dan terpaksa memberitahu jiran-jiran yang berdekatan, kita semua mesti pindah, menetap di rumah saudaramara atau sahabat handai, angin kencang malam ini. Taufan, gelombang dijangka setinggi bukit, ini semua bala Tuhan, banyak benar orang-orang yang berzina pada malam-malam buta di pantai ini, orang Islam juga, jadi untuk memelihara keselamatan anak bini kita, sehari dua pindah hingga laut reda semula. Banyak tempat lagi yang hendak saya pergi. Waalailkumus salam."

Dia menyuruh isterinya dan anaknya berpindah membawa pakaian ala kadar menumpang di rumah abangnya.

Markon sendiri berazam akan menghadapi musuhnya, mereka yang hendak meruntuhkan rumahnya musuh yang sejenisnya. Dan laut dan ribut - musuh alam yang kencang dan garang. Antara dua musuh ini, dia berdiri, dan jika dia mengalah sebelum melawan dia adalah musuhnya sendiri. Musuh pengecut ialah diri sendiri.

Utusan Zaman, 8 April 1964

Dua Budak Lima Mayat

KEDUA-DUA budak itu bernama Ali dan Azman.

Mereka menjumpai lima mayat itu di dalam sebuah ladang getah.

Masanya ialah pada suatu tengah hari. Sehari selepas pemerintahan British di Singapura menyerah kalah kepada kekuatan tenaga perang. Kerajaan Dai-Nippon.

Dalam ladang getah itu banyak longkang kecil. Longkang-longkang yang bertakung air itu yang ditutupi oleh rumput dan kiambang, jadi tempat tinggal ikan-ikan, terutamanya ikan belaga.

Kata orang ikan belaga Siam lebih banyak daripada ikan belaga Cina.

Ikan belaga Cina besar, tetapi tidak melawan, ikan belaga Siam pantang melihat lawannya menerkam dan melawan. Jadi apabila banyak ikan yang tersangkut di pongkes mereka, mereka hanya mengambil ikan belaga Siam, manakala ikan-ikan yang lain; belaga Cina, keli dan haruan dilepaskan semula ke dalam parit itu, untuk membiak.

Ali dan Azman sering bertengkar dari mana datangnya ikan belaga Siam itu sedangkan negeri Siam letaknya jauh sangat. Namun demikian mereka

berdua akur, mungkin ikan-ikan itu berenang datang dari negeri Siam.

Mereka sudah rindu benar hendak menangkap ikan. Semenjak guguran bom Jepun seperti hujan di atas Singapura, mereka tidak dapat keluar rumah lagi, ditahan oleh kedua-dua ibu bapa mereka untuk menjauhkan daripada bahaya maut, sebagai anak, maut tidak membawa ketakutan kepada mereka. Kadangkala bising dengan jentera kapal terbang Jepun yang menyerang dan bunyi letupan bom di sana sini, mereka membimbangkan keluarga mereka yang bersembunyi di dalam tempat lindungan dan melihat pergaduhan di udara antara kapal terbang dengan kapal terbang, dan kalau kapal-kapal terbang itu menggugurkan bom mereka akan melihat dengan terpegun.

Perang sudah tamat.

Pemandangan yang mereka hadapi sekarang sangatlah memeranjatkan, mereka melihat barisan demi barisan askar-askar Inggeris dan Australia berjalan dikawal oleh askar-askar Jepun yang bersenjata lengkap. Selama ini mereka mendengar bahawa Singapura dengan begitu banyak askar Inggeris adalah sebagai benteng besi yang tak akan kalah di tangan lawan.

Apabila barisan askar-askar yang kalah itu bergerak jauh dan hilang daripada pandangan mata, kedua-dua anak itu menyeberangi jalan lalu masuk ke dalam ladang itu.

Dengan rasa terburu-buru mereka masuk ke dalam longkang itu dan memongkes, tidak ada tangkapan yang didapati oleh mereka. Di longkang-longkang lain juga. Hasilnya mengecewakan.

Kata Azman, "Ikan-ikan itu mati dalam perang."

Balas Ali, "Tidaklah, takkanlah ikan pergi perang. Aku fikir bunyi bom itu menakutkan ikan-

ikan itu dan mereka sembunyi dalam lubuk-lubuk."

Azman berkata lagi, "Sekarang perang sudah habis, mengapa mereka tak mahu keluar. Barangkali askar-askar yang lapar makan ikan itu. Ayahku pernah mengatakan dalam masa perang, askar-askar yang lapar akan memakan sebarang apa saja yang boleh dimakan."

Sedang mereka meneruskan perjalanan tiba-tiba langkah Azman terhenti dan dia menjerit, "Alamak! Ada orang mati."

Kedua-duanya berpaling dan lari sekuat hati.

Ali berhenti dan menahan Azman.

"Mengapa?" tanya Ali.

"Betulkah mayat orang mati?" tanya Azman.

"Sumpah, sebab itu aku lari," kata Ali.

"Berapa?" tanya Azman.

"Empat atau lima," balas Ali.

"Kur semangat, banyaknya," tegas Azman.

"Marilah, aku takutlah!" Ali mendesak.

"Apa hendak ditakutkan, mereka sudah mati," Azman memberi semangat.

"Roh orang mati tetap hidup," Ali menjawab masih dipeluk ketakutan.

"Marilah, kita pergi tengok. Kita pun belum pernah tengok mayat bukan?" Azman menyoal.

"Aku sudah! Waktu nenek aku mati dulu," balas Ali sungguh-sungguh.

"Apa hendak ditakutkan?" Azman menyoal. "Hantu syaitan cabut lari bila kita baca ayat-ayat Qur'an."

"Aku belum sampai belajar Qur'an, tapi muqaddam aku sudah tamat," Ali cuba membuat helah.

"Muqaddam pun cukup!" Azman mendesak lalu menarik tangan Ali.

Sungguh benar, di tepi parit, di tempat yang

agak lapang, lima mayat terbaring, tidak jauh daripada mayat itu mempunyai sapu tangan menutup muka mereka, dan yang dua orang lagi tidak, dan yang kedua inilah yang seolah-olah tersenyum.

Kata Azman, "Yang dua orang itu bangsa Patan. Mereka berani."

"Bagaimana kau tahu?" tanya Ali.

"Dalam buku sekolah, bukankah ada diceritakan orang-orang Patan itu berani belaka. Orang-orang ini mati ditembak, dada mereka ada bekas darah, yang lain takut melihat diri mereka kena tembak, sedangkan kedua-dua askar Patan itu tak mahu matanya ditutup dan tersenyum pula." Azman memberi penerangan sambil tunduk memeriksa mayat-mayat itu.

"Jangan!" Ali menjerit.

"Berdosa, dan tak baik mengusik mayat."

"Diamlah!" Azman menengking dan terus memeriksa kocek mayat kedua-dua orang Patan itu.

Ali memandang dengan penuh bimbang pada kocek seorang Patan itu, Azman hanya menjumpai sekeping gambar – gambar orang Patan itu memangku seorang anak kecil. Ada air mata di pipi Azman. Ali terharu bertanya, "Mengapa kau menangis?"

Azman mengesat air matanya, tetapi suara parau dibasahi oleh kesedihan berkata, "Siapa yang akan beritahu anak itu, ayahnya mati ditembak Jepun?"

"Aku tak fikir kedua orang Patan itu berani," kata Ali.

"Sebab?" Azman ingin tahu.

"Orang berani takkan menyerah diri, tentu melawan sampai mati," balas Ali.

Azman diam kerana dia tahu Ali betul, dan kalau dia melahirkan pengakuan bahawa Ali memang betul, Ali segera berlagak pandai dan akan terus bercakap mengenai perkara itu, walaupun banyak yang

salah nanti daripada yang betul. Inilah yang hendak dielakkan oleh Azman.

Kemudian Azman memeriksa mayat kedua-dua orang Inggeris itu, tidak ada sesuatu apa pun yang dijumpai oleh mereka.

"Patutnya mesti banyak barang, kata orang bangsa Inggeris kaya," pendapat Azman.

Ali seolah-olah terperanjat, ada surat terkeluar dari sakunya. Ali tunduk mengambil surat itu, dibukanya, kemudian dibacanya, "Entah apa isinya aku tak faham bahasa Inggeris, cuma perkataan mulanya yang dapatku baca, 'Darling'.

Azman membuka sapu tangan yang menutup mayat yang seorang lagi. "Alamak orang Melayulah," kata Azman terperanjat. Ali duduk untuk memeriksa mayat itu dengan lebih teliti, dan dengan penuh cemas Ali berkata, "Mayat askar *Malay Regiment*."

"Kenapa pula dia sesat ke mari," tanya Azman dan menjawab sendiri, "Kata orang banyak *Malay Regiment* yang mati di Pasir Panjang dan Bukit Timah, kerana tak mahu menyerah diri dari melawan Jepun."

"Mengapa pula yang ini mati dengan matanya tertutup, tangannya terikat, dan matinya pula di ladang getah ini," Ali juga ingin tahu.

"Entahlah, Tuhan saja yang lebih tahu!" balas Azman.

Azman dan Ali meninggalkan kelima-lima mayat itu. Sedang mereka berjalan Ali berhenti seperti orang yang sedang memikul beban yang amat berat.

"Siapa yang akan tanam mayat orang-orang Islam itu?" Ali menyoal.

"Bodoh!" Ali menerangkan, "Orang-orang Islam yang mati dalam perang mati syahid, matinya tak payah dikapankan dan tak payah dimandikan."

"Yang dua orang Inggeris itu?" Ali ingin tahu lebih lanjut.

"Mereka bukan Islam. Itu bukan soal kita," jawab Azman ringkas.

Kedua-duanya meneruskan perjalanan, langkah Azman tegas, sedangkan Ali lambat dan penuh keraguan. Ali berpaling, matanya terbeliak, mukanya pucat, dan terhenti seketika, sedangkan Azman tidak sedar akan hal ini. Apabila Azman sedar bahawa Ali tidak ada di sekelilingnya, Azman berpaling dan melihat Ali terpegun jauh daripadanya. Azman lari mendapatkan Ali.

Dan Ali masih dalam keadaan dipukau. Lama nian baru Azman dapat menyedarkan Ali daripada keadaan terpegun.

"Ada apa?" tanya Azman.

Gagap Ali menjawab, "Aku tengok roh-roh yang berbalut kain putih bangkit dari mayat-mayat itu dan naik ke langit."

"Berapa?" Azman terus bertanya.

Ali tidak menjawab, tetapi menunjukkan lima jari.

"Lima?" Azman kurang percaya.

"Sumpah!" balas Ali.

"Hairan, sedangkan mayat itu hanya tiga orang yang Islam. Barangkali kedua-dua orang Inggeris itu sudah masuk Islam," Azman memberi penerangan.

Ali berlagak pandai, "Semua askar yang mati perang, mati syahid, dan rohnya masuk syurga."

Utusan Zaman, 16 Ogos 1964

Kedai Kopi Pak Man

APABILA sahaja orang-orang kampung mengatakan akan pergi ke kelab, maka tanpa pertanyaan orang sudah dapat memberikan kepastian bahawa kelab itu bukan lain daripada kedai Kopi Pak Man, yang terletak di tengah-tengah kampung di bawah sebuah pohon jambu.

Di sinilah mereka minum kopi, teh, memakan kuih bakar, tepung gomak, ondeh-ondeh, dan lain-lainnya. Dan ada kala dijual pengat pisang atau bubur kacang.

Ini bukanlah menjadi sebab utama membawa semua orang jadi pelanggan kedai kopi Pak Man. Kedai kopi ini betul-betul laris, kalau dahulu hanya ada empat buah bangku bulat, maka sekarang sudah bertambah dengan tiga bangku panjang.

Mereka datang untuk mendengar berita dan cerita, kerana nampaknya, segala berita dan cerita datang ke kedai kopi Pak Man lalu jadi buah mulut, menurut kekuatan cerita atau berita itu.

Dan selalu juga kedai kopi Pak Man jadi tapak mula orang mendirikan "masjid".

Mak Mah, isteri Pak Man, akan menceritakan dengan gembira bagaimana Si Peah kahwin dengan Si Leman dan sekarang sudah ada tiga orang anak.

• Awal mula Leman jadi pemberita sukarela

sebuah surat khabar, semua berita Leman didapatinya di kedai kopi itu.

Banyak orang kesatuan berlabuh di situ, kesatuan khairat kematian, kebajikan, dan sukan. Si Leman cuma pasang telinga dan mengutip berita-berita itu.

Ada sekali mesyuarat Lembaga Kampung diadakan di kedai kopi Pak Man, kerana sidang Jawatankuasa Lembaga itu mengatakan panas mesyuarat dalam rumah dan fikiran jadi beku, lebih baik mesyuarat di tanah lapang, kalau siapa bercakap banyak dan haus boleh juga menyegarkan tekak dengan minuman Pak Man dan pokok jambu itu jadi kipas angin.

Si Leman rasa dapat *scoop*, kebetulan dia pun sedang minum di situ. Si Peah selalu ke kedai kopi itu beli kuih keria, dan selalulah bertemu mata dengan Si Leman. Kalau dah bertemu mata, maka tentulah cinta.

Tiga bulan kemudian, pada suatu malam orang dapat tangkap Peah dan Leman di bawah pokok duku, teruk Leman dipukul dan hampir hendak diserahkan ke balai polis. Mujur datang Pak Leman menahan.

Seminggu kemudian Leman dan Peah bernikah. Leman sekarang ada hubungan baik dengan Pak Man, sebab kebanyakan kuih-kuih Pak Man dibuat oleh Peah, dan Leman sendiri menghantar kuih-kuih itu ke kedai Pak Man. Leman takut sekali ini Peah dijumpa orang pula di bawah pokok langsung.

Hampir-hampir kedai kopi Pak Man jadi kedai kopi rumah batu yang tersergam.

Dalam hal ini orang tidak melupakan bagaimana Encik Hassan Janggut dapat hadiah kedua daripada cabutan Loteri Kebajikan Masyarakat, dan dia mengajak Pak Man berkongsi membesarkan dan

memperbarukan kedai kopi itu.

Pak Man menolak dengan alasan, "Dia tak mahu jadi kapitalis." Kedai kopinya jadi tempat sembahyang beberapa orang pelanggan kalau lambat ke surau. Lebih-lebih pula segala keuntungan kedai kopi itu dikumpulnya berdikit-dikit untuk naik haji, jadi wang loteri yang haram itu tidak dapat dibuat sembahyang dan dibawa ke Baitullah.

Hari ini Pak Man menjerang air menghala ke kiblat dan dia pun menceritakan kepada pelanggan-pelanggannya, percintaan orang lama lebih hebat daripada percintaan orang-orang muda sekarang.

Seronok kalau orang dengar macam mana Pak Man tergila-gila dengan Cik Hawa, seri panggung Bangsawan Arjuna yang datang bermain di kampung itu.

Rumah yang didiami oleh Penghulu Bogeh itu sekarang dahulu kepunyaan Pak Man, digadainya pada tuk penghulu untuk menjejak Cik Hawa sampai ke Kota Bharu.

Masa inilah Mak Mah menyampuk, "Akhirnya dapat ke tangan siapa, itu pun sudah papa kedainya."

Mak Mah juga yang bergadai golok menanggung Pak Man dan memodali kedai kopi itu.

Soal Cik Hawa dengan Pak Man, masa itu dia digelar Aman Negro sebab rambutnya keriting, dapat dimaafkan oleh Mak Mah walaupun tak dapat dilupakan. Tetapi ada satu hal yang tak dapat dilupakan oleh Mak Mah ialah peristiwa Mat Intan, seorang komunis Melayu yang menyerah diri.

Kisahanya begini, waktu itu maghrib, kedai kopi Pak Man lengang, Mak Mah tidak pulang untuk sembahyang sebagaimana lazimnya sebab uzur, sedang Pak Man sembahyang di kedainya.

Pada masa inilah datang orang berambut pan-

jang dan berjanggut dalam keadaan mencurigakan menoleh ke kiri dan ke kanan membawa sebuah bungkusan lalu meminta segelas air.

Hati Mak Mah tak sedap benar dan berkata, "Orang tua keparat ini sembahyang lambat benar, hendak lekas masuk kubur dan syurga agaknya."

Pak Man habis sembahyang, Mak Mah mencintainya. Pak Man memandang orang itu. Pak Man bangun sambil membaca ayat ilmu kebalnya dengan azam hati. "Lain macam sahaja, aku pun buka langkah."

Orang itu diam merenung Pak Man dan terus memakan kuih saki-baki terhidang di kedai itu. Pak Man pun berasa serba salah.

Habis makan orang itu pun membuka bungkusan yang dibawanya tadi. Ada pistol, ada peluru, ada beberapa biji bom tangan, dan ada tiga bilah pisau. Orang itu lalu memperkenalkan dirinya sebagai Mat Intan.

Nama ini sudah cukup membuat Mak Mah terbalik isi perutnya dan Pak Man membaca 99 kali ayat ilmu kebalnya, kalau menurut syarat cuma tiga kali sahaja.

Berhadapan dengan senjata, semangat Pak Man tidak bangkit dan bulu romanya tidak bangun. Lazimnya menyebut ayat itu tiga kali dengan tiba-tiba semangat Pak Man jadi berkobar-kobar dan bulu romanya tegak-tegak berdiri.

Malangnya kepala Pak Man botak, kalau tidak rambut Pak Man juga akan bangun. Sangka Pak Man tentulah ilmu kebal Mat Intan lebih kuat lagi, sebab dia tidak merasa perubahan apa-apa pun.

Mak Intan menerangkan dia hendak menyerah diri dan meminta Pak Man membawanya ke balai polis.

Reda hati Mak Mah mendengar ini, sebab barang

siapa yang dapat menangkap atau menyerahkan Mat Intan kepada pihak polis akan mendapat hadiah sebanyak \$25 000.

Sangka Mak Mah kayalah dia sekali ini dan bolehlah dia ikut Pak Man naik haji. Orang hormat kalau dia dipanggil Hajah Mak Mah.

Kebetulan Leman datang ke situ hendak menutup kira-kira kuih pada hari itu, maka Pak Man pun berbisik dengan Leman menerangkan kedatangan dan hajat Mat Intan. Lama kedua-duanya bertegang urat, akhirnya Leman membawa Mat Intan ke balai polis.

Hadiah lalu jatuh ke tangan Leman yang segera kahwin pula dengan Minah Putih.

Becok mulut Mak Mah menghamun Pak Man membuang tuah. Tenang Pak Man menjawab, "Aku haramkan memakan duit hadiah itu, sama juga macam menjual daging manusia."

"Pandai! Pandai! Pandai! balas Mak Mah terus pulang ke rumahnya.

Berita Minggu, 16 Ogos 1964

Mr. White Penuh dengan Senyum

MR. WHITE mengambil telefonnya sebaik sahaja berbunyi kerana dia memang menantikan telefon itu berbunyi untuk membawa berita yang mencemaskan, dan dia memang sudah menyangka keadaan cemas itu akan berkembang sebagai suatu keadaan yang berbahaya, dan hal ini dapat dirasakan oleh orang, melalui perasaan sendiri, di dalam akhbar-akhbar, dan dalam suasana pergaulan sehari-hari.

Mr. White berasa megah dengan dirinya sendiri, dan bukan sekali dengan rasa puas hati dia menganggap dirinya sebagai seorang pakar membuat telahan. Dan kali ini dia tepat lagi, dan senyum keyakinan mengorak di bibirnya, apabila dia mengangkat dan bercakap di telefon itu, dari sahabatnya, seorang pegawai yang tertinggi di dalam jabatan CID.

"Lebih baik awak tutup pejabat sekarang juga, dan nasihatkan pekerja-pekerja awak pulang ke rumah masing-masing dengan segera," kata pegawai CID itu.

"Apakah keadaan sudah sampai pada peringkat yang begitu berbahaya?" tanya Mr. White.

Jawapan yang diterimanya betul-betul merun-singkan, tetapi menyenangkan hatinya, kerana telah

annya sudah merupakan kebenaran. "Pergaduhan perkauman yang baru sedang berlaku di Geylang Serai, kita belum tahu lagi sebab-sebab mutlak, dan penyiasatan sedang dijalankan, tetapi kita percaya pergaduhan itu tidak akan terbatas pada suatu daerah saja. Mudah akan merebak segera ke daerah-daerah lain, lekas seperti api membakar lalang kering."

"Kali ini lebih hebat dan dahsyat lagi," kata pegawai tinggi CID itu dengan lanjut, kemudian dia menyambung, "Telefon-telefon saya yang lain berbunyi, mestilah mengenai rusuhan perkauman ini. Sekali lagi saya terpaksa kurang tidur. Maafkan saya, saya akan menelefon lagi apabila ada perkembangan-perkembangan baru. Saya fikir awak ada di rumah, tentu tidak di *office* selepas ini."

Mr. White mengesahkan kepada kawannya bahawa dia akan menutup *officeny*a sekarang juga, dan perhubungan telefon boleh dibuat di rumahnya.

Mr. White tidak terus keluar dari pejabatnya yang tertutup dan berhawa dingin itu, untuk memberitahu para pekerjaanya tentang keadaan bahaya yang sedang berlaku, tetapi merenung sebentar, mengenangkan semula kawannya orang Asia itu yang memegang jawatan tinggi dalam CID. Dahulu sewaktu Mr. White menjadi orang kanan dalam Jabatan CID dia telah memilih pegawai itu antara pegawai-pegawai lain untuk dijadikan orang pilihannya atau "Anak Cahaya Mata Birunya", dan dengan usaha didikannya dan sokongannya dalam hal-hal lain, sekarang orang yang dipilihnya sudah menjadi seorang tokoh terpenting dalam urusan keselamatan negeri ini, dan jasanya sekarang dibayar, bukan sahaja dia mendapat laporan penting terlebih dahulu daripada orang ramai, dan daripada orang yang tahu-menahu secara langsung. Malah lebih

daripada itu, kerana mempunyai hubungan begitu penting dalam Jabatan CID amatlah besar, menguntungkan dan sangat besar ertinya untuk perusahaannya.

Selepas Mr. White menerima bayaran ganti rugi yang lumayan menurut rancangan *Malaysianization*, dia tidak pulang ke tanah airnya, England, bersara dan hidup di dalam pondok atau *cottage* di pedalaman. Tetapi dia membuka pejabat penyiasatan, terutama menyiasat isteri-isteri muda kepada tauke-tauke yang tua, sama ada isteri mereka menyimpan anak muda, atau daripada nyonya-nyonya kaya sama ada laki mereka berkayu tiga.

Penyiasatan serupa ini lebih daripada penyiasatan-penyiasatan yang lain, yang membawa keuntungan yang besar pada syarikatnya, tauke-tauke, nyonya-nyonya kaya membawa upah besar dan membayarnya dengan tunai, tidak payah tunggu sebulan dua. Apabila dia menghadapi kepayahan dan kebuntuan dalam menjalankan beberapa penyiasatan, dia akan menelefon pegawai tinggi itu, dan akan mendapat pertolongan yang diperlukan.

Mr. White baru teringat bahawa dia harus menutup pejabatnya, dan menyuruh pekerjanya pulang. Membuka pintu pejabatnya, dia berhadapan dengan enam pekerja, lima orang pegawai penyiasatan dan seorang perempuan yang menjadi setiausahanya, Maria.

Mr. White faham bahawa tidak perlu bagi dia menerangkan kejadian yang berlaku di sebelah Geylang Serai. Air muka mereka yang penuh dengan kecemasan tentang keluarga mereka yang tinggal di rumah, menyatakan mereka sudah tahu, mungkin melalui panggilan telefon daripada kawan-kawan atau keluarga sendiri.

"Rusuhan berlaku lagi," kata Mr. White kepada

pekerja-pekerjanya itu.

Tidak ada ucapan balas.

Pegawai-pegawai penyiasatan itu yang terdiri daripada tiga orang Cina, dan dua orang Melayu, tidak tuduh-menuduh, mereka sudah lama berka-wan, rusuhan ini tidak kena-mengena dengan mereka, soal yang paling utama bagi mereka sekarang ini, ialah pulang ke rumah dengan selamat dan berada di tengah-tengah dan bersama-sama keluarga, pada saat yang penuh dengan kemilau dan bahaya.

"Kamu semua lebih baik pulang!" kata Mr. White dalam suasana yang masih tegang lagi. "Tolong jangan mati, aku perlukan kamu semua!" kata Mr. White, sengaja membuat jenaka ini untuk memecahkan ketegangan itu, nyatalah dia tidak berjaya. Ke-rana biasanya apabila Mr. White berseloroh serupa itu, sama ada nada jenaka atau tidak, mereka akan ketawa serentak, ketawa, sama mula, sama berhenti. Kini Mr. White hanya senyum kering, dan senyum lokek di hujung bibir.

Mengenal kekalahan, Mr. White masuk ke dalam pejabatnya semula, hatinya berfalsafah mengatakan, "Ini bukanlah untuk berjenaka, ada masa ketawa, ada masa marah, tetapi masa saat inilah masa yang penuh dengan kesulitan."

Mr. White duduk di kerusinya, memasang sebuah cerut yang besar, dan menghembuskan asapnya dengan penuh keseronokan, dan dia senyum sahaja bahawa hidup telah memberinya tuah, dan tidak ada permusuhan antara dia dengan kehidupan.

Sekarang juga dia akan selamat di tengah-tengah kerusuhan itu. Orang-orang Cina akan membiarkannya, dan orang-orang Melayu juga akan berlaku serupa itu. Mr. White terfikir dalam hatinya, ini adalah dalam suatu keganjilan sejarah, pada waktu rusuhan Natrah, orang-orang kulit putih yang jadi

asaran perusahan, dan dalam masa rusuhan penuntut-penuntut sekolah Cina dan pekerja Hock Lee Bus, orang-orang kulit putih juga yang jadi mangsa perusuh-perusuh itu. Kini mereka berbunuh antara satu sama lain, dan Mr. White tersenyum, sambil bersandar di kerusinya, dan asap cerut itu memenuhi biliknya yang berhawa dingin.

'Tidak ada bau yang lebih sedap dari bau cerut,' inilah persetujuan fikiran Mr. White.

Sudah 15 minit kelima-lima pegawai penyiasat itu pulang, tetapi Maria yang telah pun mengemas mejanya sejak tadi, masih belum dapat membuat keputusan yang bulat, sama ada akan pulang atau tidak. Ketakutan yang membuat Maria teragak-agak untuk membuat keputusan muktamad. Takut akan mati, Maria berasa bahawa dia tidak takut menghadapi kematian yang sempurna, dan Maria yang menjalankan hidup yang teratur, mahu matinya dengan cara yang teratur. Mati apabila tua atau mati kerana sakit teruk, dan mati sempurna di tempat tidur mungkin dihadapi keluarga. Menangis dan menatap, dan untuk tambah sedih lagi, membuat pesanan terakhir pula.

Dalam rusuhan serupa ini, matinya nanti tidak akan sempurna, dia akan dipukul orang di tengah jalan, mungkin pecah kepala dan berderai otaknya memenuhi jalan raya, atau dia dicincang berkeping, tangan terpisah dari bahu, lutut terpisah dari paha. 'Ah, ngeri dan kejam!' fikir hatinya. Mati serupa ini yang paling ditakutinya. Mati dahsyat dan tidak teratur.

Bimbang Maria sampai pada kemuncaknya, apabila dia memikirkan rumahnya terletak dalam kawasan rusuhan itu, dan dia tinggal dalam kawasan dalam, semua penduduknya terdiri daripada orang-orang Melayu, tetapi untuk masuk ke dalam kawasan

dalam ini, mesti melalui suatu kawasan yang dipenuhi oleh kaum Cina, tidak ada jalan lain untuk mengilis dan menembus.

'Mengapa mereka mesti bergaduh?' tanya Maria, dan hatinya panas dibarai kemarahan, ini menambahkan kekusutan fikirannya, kerana perasaannya sendiri berperang dalam hatinya.

'Pulang, dan kalau aku bersikap bijak, aku pasti selamat sampai ke rumah,' kata hatinya.

Maria dapat menggambarkan dirinya ditahan oleh orang-orang Cina di kawasan luar itu, dan dia akan bercakap bahasa Cina dengan mereka, sedangkan di pejabat dia bercakap Cina dengan pegawai-pegawai itu, dan seminggu tiga kali dia menghadiri kursus membaca dan menulis Mandarin, kerana sangat mustahak dalam urusan pekerjaannya, dan Mr. White telah berjanji akan memberinya bayaran tambahan, jika dia mendapat sijil kelulusan kursus tulis baca Mandarin. Kerana perawakannya seperti gadis Cina, maka orang-orang yang berjaga di situ akan melepaskannya.

Ketika dia sampai di kawasan orang-orang Melayu, tempat terletak rumahnya, dia menegur sapa dengan orang-orang yang dikenalnya. Dan sampai-lah dia di sambut oleh ibunya dengan mengucap syukur alhamdulillah.

Ibu itu bukanlah ibu kandungnya, tetapi ibu angkatnya. Hal ini diketahui apabila dia telah jadi anak dara, daripada jiran sekampung, yang menceritakan kepadanya bahawa dia anak belian, ibu angkatnya yang mandul itu membelinya daripada seorang amah Cina yang tidak mahu menanggung banyak anak. Apabila hal ini disahkan oleh ibu angkatnya sendiri, Maria tidak sedikit pun mahu berusaha untuk mengetahui atau mencari ibunya yang sebenar.

Sekarang menghadapi perusuhan perkauman, dia tidak menentukan sikap memihak, suatu pergaduhan antara kaum ibu kandungnya dan kaum ibu angkatnya.

'Di manakah tempat aku?' tanya hatinya. Hatinya tinggal bisu.

"Kau belum pulang Maria?" pertanyaan Mr. White mengejutkan Maria daripada lamunannya. Maria memandang muka Mr. White, dan disambut dengan senyum yang menarik.

Oleh kerana tidak ada jawapan daripada Maria, maka Mr. White bertanya lagi. "Mengapa kau tidak pulang?"

Maria berfikir bagaimana hendak menjawab Mr. White, 'Berterus terang dan biar dia anggap aku sebagai penakut, apa mengerti orang kulit putih, sikap orang Melayu beragama Islam mahu mati dalam Hasnulkhatah, mati sempurna.'

Jawapan Maria hanya senyum yang dikuntumkannya dengan paksa. Mr. White yang memang bijak dalam ilmu jiwa manusia, dan dalam kerja yang dijalankan maka usaha mengerti jiwa manusia sangatlah mustahak. Mr. White tahu bahawa menekan perasaannya sendiri, menyembunyikan kebenaran, dan kalau didesak bertubi-tubi, maka Maria akan memberikan jawapan, tetapi jawapan alasan, semata-mata untuk menjawab, bukan jawapan yang benar.

Tanpa menanti jawapan atau mengulang tanya lagi, Mr. White berkata, "Mari kuhantar kau pulang?" Melihat Maria agak serba salah Mr. White mengulang ajak, "Mari lekas!"

Maria tersenyum, menarik laci-laci mejanya yang penuh surat-menyurat rahsia, untuk menentukan sama ada laci-laci itu betul-betul sudah dikunci.

"Mari," jemput Mr. White.

Maria duduk di samping kereta Jaguar yang

besar berwarna hitam itu, sepanjang jalan Mr. White membawa kereta, Maria hanya mendiamkan diri, dan Mr. White pun tidak mengajaknya berbual.

Sewaktu akan tiba di kawasan luar tempat ramai penduduk Cina, Maria ternampak asap yang tebal menebal naik ke udara. Hatinya ingin benar sampai ke rumah. Apakah rumahnya yang terbakar? Maria dengan tidak ada amaran lebih dulu menyuruh Mr. White memberhentikan keretanya.

Apabila kereta telah berhenti, Mr. White bertanya, "Mengapa?"

"Saya takut," balas Maria singkat. Dia kelihatan gementar. Maria berfikir dalam hatinya, kalau dia sampai ke kawasan luar itu dan orang-orang Cina itu enggan menerimanya sebagai kaum mereka, tentulah maut datang padanya. Kematian yang dahsyat, dan walaupun kawasan luar itu dapat diatasinya, dan dia sampai ke kawasan Melayu, dan tidak diterima sebagai anak Melayu kerana benci buat orang buta mata dan hati, dia akan dibunuh dengan kejam semula.

"Saya takut pulang," pengakuan daripada Maria, inilah kebenaran yang dinantikan oleh Mr. White.

"Jangan pulang! Tinggal saja di rumah saya, dan awak boleh pulang bila keadaan sudah reda!" Tawaran daripada Mr. White, dan dia memang sudah lama menyimpan keinginan untuk tidur dengan Maria yang cantik itu.

Sambil menantikan jawapan Maria, Mr. White penuh dengan senyum, kerana rusuhan perkauman membawa keuntungan pada orang-orang seperti dia.

Utusan Zaman, 16 Ogos 1964

Biar Langit Runtuh

TENGGU telah datang dan telah pulang.

Bendera-bendera dari pelbagai warna yang dipajang di serata kampung itu telah pun diturunkan dan akan dikeluarkan semula apabila ada lagi pemimpin besar yang melawat ke kampung itu dan apabila ada majlis kahwin.

Cogan-cogan kata menyambut Tengku, hampir kabur tulisannya, dimandikan oleh air hujan dan dijemuri oleh sinar suria, tetapi tulisan yang terukir di hati tetap berbekas.

"Untunglah kita. Tengku telah datang!" kata Saleh, seorang pemuda di kampung itu.

"Mudah-mudahan suasana akan kembali damai," sampuk Haji Dolah, bilal surau kampung itu.

"Kita berharap Tengku akan segerakan janjinya membantu kita."

Di rumah Daud, yang merupakan pejabat UMNO cawangan kampung itu, perbincangan-perbincangan hangat berlaku.

"Kita hanya orang asing di dalam negeri kita sendiri, sedangkan tetamu yang mendatangi tempat kita mendapat layanan yang istimewa!" kata Daud, setiausaha yang cergas itu.

Amran yang sentiasa memberontak di dalam mesyuarat jawatankuasa itu dengan penuh tenaga

berkata, "Kehidupan kita sudah merupakan suatu kekecewaan yang besar, kita tidak punya apa-apa melainkan keringat kita sendiri, dan setiap hari hanya keringat ini saja yang memandikan kita, dan akan sampai ketikanya juga keringat kita ini akan melemaskan kita."

Salim Saad, Pegawai UMNO itu dengan tegas berkata, "Kita hanya mempunyai semangat dan kata-kata, dan mulai hari ini kita tidak boleh lagi membiarkan kata-kata kita hanya sebagai belanga dengan periuk saja. Kita harus bangun. Kalau kita bermimpi, orang lain menyangka kita mengigau, dan ini menakutkan mereka, lalu dikatanya kita hendak merosakkan tidur mereka yang enak itu. Kita lalu dilarang bermimpi, walaupun mimpi itu hanyalah satu-satunya barang percuma yang boleh kita dapat di tanah air kita ini!"

Haji Dollah sebelum mengundur diri untuk pergi ke surau berkata, "Cerita kampung kita adalah sebagai cerita pungguk merindukan bulan, orang lain sudah jadi geroda terbang gagah di angkasa hampir mencapai bulan, sedangkan kita masih di bumi membuat lagu yang mengkhayalkan kita, dan akan berakhirlah kita ditutup bumi, dan tidak melihat bulan lagi." Langkah Pak Dolah adalah mengikuti gema tabuh surau yang meriuhkan suasana kampung.

Setengah jam kemudian, suatu jenazah diusung orang, dan lalu di depan rumah itu. Amran, Daud, dan beberapa orang lagi, bangun untuk memberi hormat pada mayat.

Amran dengan jiwa sedih berkata, "Itulah kesudahan kita, dan kesudahan segala mimpi kita."

Daud tidak berkata apa-apa, cuma mengenangkan kisah si mati. Kerani besar Hashim, yang dianggap sebagai orang yang paling senang di rumah itu,

simbol kedudukannya sebagai orang berada – nyata benar – sebuah kereta baru, rumah batu yang berbumbung genting, televisyen 23 inci, orang kampung yang lain yang mempunyai televisyen, hanyalah 16 atau 19 inci sahaja. Sebuah radiogram yang besar, dan anak-anak lelakinya yang seramai delapan orang itu, masing-masing kalau tidak mempunyai skutar mesti mempunyai basikal. Rumahnya ada peti sejuk besar, tiap-tiap bilik ada kipas angin, dan segala perabot rumahnya moden-moden belaka. Kata orang suatu hal yang amat mengecewakan orang-orang kampung, ialah perbezaan kerani besar Hashim, dia jarang dan boleh dikatakan tidak pernah bergaul dengan orang-orang kampung. Dan kalau kenduri arwah dan majlis kahwin, walaupun ada datang menjemputnya, jarang benar dia menghadirinya tetapi ada kebagusannya sedikit, dia akan menyuruh isterinya atau anak-anaknya mewakili dirinya. Sewaktu Hawa, anak perempuannya yang tua berkahwin dengan seorang guru pensyarah, besar betul majlis yang diadakan, sampai sekarang menjadi buah mulut orang, terutamanya botol-botol arak yang disogokkan pada tetamu-tetamu yang bukan Melayu, dan budak-budak yang jadi penanggah tumpang semangkuk – dan mereka yang mabuk lebih – berakhir dengan pergaduhan di mana Salim – ditikam perutnya dengan pisau. Ada orang menyatakan jumlah tetamu orang luar lebih ramai daripada orang kampung sendiri, dan orang kampung yang dijemput hanyalah orang-orang yang ternama, seperti Pak Bilal, *Sub-Inspector* Kassim, *Inspector* Bos Ghulam Hidir, dan Mak Tom berlian. Barang-barang kemas yang dipakai oleh Hawa – intan dan berlian – dibeli daripada Mak Tom. Semalam kerani besar Hashim sedang duduk di beranda rumahnya membaca akhbar, tiba-tiba dia jatuh dan ketika itu mati. Banyak

orang kampung bersetuju mengatakan bahawa matinya kerana darah tinggi dan darah tingginya pula disebabkan terlampau banyak memakan barang-barang kuat.

Amat Gigi yang turut menghantar mayat itu, apabila ternampak Amran dan Daud, meninggalkan orang ramai itu lalu pergi ke rumah UMNO.

Tanya Daud, "Kenapa tak hantar sampai kubur?"

Ringkas sekali jawapan Amat Gigi, "Ada perkara mustahak yang hendak aku cakapkan."

Amran menyindir, "Yang ada itu pun nanti bukannya banyak yang hantar sampai kubur, nanti bila tiba di kedai kopi luar, mereka pun menyimpang masuk ke dalam kedai kopi itu."

"Kita sudah datang ziarah, sudah lebih dari cukup, tidak dapat pahala tidak hantar sampai kubur pun tidak mengapa. Masa hidupnya, bongkak, sombong, sudah mati kita juga yang datang!" kata Amat Gigi.

Dengan ketawa kecil Daud berkata, "Kau tau, siapa yang hantar ke kubur, dapat sedekah \$1.00 seorang, ini mayat orang kaya tau!"

Amran mengulas, "Ertinya kalau sedekahnya besar, maka besarlah pahalanya."

"Aku datang ada perkara yang hendak kucakapkan, kau semua orang politik, hal kampung jadi jagaan kau semua." Amat Gigi ingin menyedarkan mereka, "Malam semalam kau dengar tak suara orang perempuan menjerit minta tolong?"

"Tidak!" ringkas jawapan Amran.

"Aku tidur nyenyak malam semalam." Daud menjelaskan sebagai suatu hal biasa.

"Som Jepun, ditangkap oleh beberapa orang pemuda kampung malam semalam, dan mukanya disapu tahi, dan rambutnya dibotakkan. Orang putih

yang membawanya pulang lari lintang-pukang." Amat Gigi bercerita dan dia sendiri berasa seronok.

"Habis, kau mahu kami bertindak?" Daud bertanya agak hairan.

"Mengapa tidak? Ini bukanlah soal kebangsaan?" balas Amat Gigi, berlagak seolah-olah dia faham benar dalam soal politik.

Amran bertanya, "Soal kebangsaan macam mana?"

"Pemuda-pemuda itu betul-betul bersemangat, tidak mahu gadis Melayu di..., dikahwini orang lain," ujar Amat Gigi. Dan agak lama dia mencari sesuatu untuk pengetahuan hubungan berahi, antara zina dan khalwat, dia lebih suka memakai khalwat lebih halus dan manis untuk didengar oleh telinga.

"Siapa yang mesti dibela? Pemuda-pemuda itu atau Som Jepun?" Amran memajukan pertanyaan dengan tegas.

"Itu soal awak semua," balas Amat Gigi, lalu meminta diri. "Aku hendak kejar jenazah itu ke kubur. Nasib-nasib dapat seringgit dan seringgit boleh buat modal dua hari di kedai kopi."

Som Jepun mengemas-ngemas bajunya yang banyak itu ke dalam kopornya. Dia bercakap dengan Mak Gayah, tuan rumah tempat dia menyewa bilik. Mak Gayah yang disangkai orang jadi ibu ayam, tidak membalas sepatah kata pun, hanya diam mengangguk.

"Berapakah luas dunia orang Melayu, seluas kampung ini, kalau Mak Gayah tak percaya cubalah saja pergi ke kelab malam, tak ada seekor orang Melayu, kalau ada itu pun hanyalah saya seorang, macam sempitnya dunia mereka, begitulah sempitnya fikiran mereka. Saya faham dia orang mengejek-ejek saya memakai nama Som Jepun. Saya rela jadi

bangsa lain daripada bangsa Melayu. Saya pun asal usulnya bukan anak Melayu, anak pungut belian, anak angkat dimasukkan Melayu. Bila Jepun masih memerintah negeri kita ini, Jepun tak mahu percaya saya ini Melayu, walaupun mak angkat saya bersumpah Qur'an mengatakan saya ini Melayu. Apalagi saya pun dirogol oleh askar Jepun seorang demi seorang. Sesudah itu saya malu tinggal di kampung itu. Saya pun pindah hidup sendiri dan disimpan oleh pegawai-pegawai Jepun, kalau ada orang lain ajak saya keluar, haram saya tak hendak. Ini fasalnya saya pun digelar Som Jepun. Menyesal? Fasal apa saya hendak menyesal, sekurang-kurangnya saya hanya berkawan dengan orang-orang putih – orang Inggeris – itu saya punya fasal, orang lain tidak boleh campur urusan saya. Sekarang saya hanya berkawan dengan orang-orang Inggeris, kenapa tak panggil saya Som Mat Salih.

"Pemuda itu berulang kali mengajak saya berjanji, saya enggan, itu fasal malam semalam dia orang kerjakan saya." Mak Gayah menunjukkan kepalanya yang berbalut dengan tuala. "Biarlah saya hanya pilih orang Inggeris, saya juga yang akan jadi senang, tak lama lagi saya akan beli rumah. Pemuda-pemuda itu begitu juga hidupnya. Biar langit akan runtuh, pendeknya nasib orang Melayu di kampung ini tak akan berubah. Sebelum langit itu runtuh menimpa saya, biarlah saya keluar dulu mencari tempat perlindungan."

Som Jepun pun bersalaman dengan Mak Gayah, minta maaf dan ampun, halalkan makan minum dunia dan akhirat.

Amran yang tadinya berlari-lari mengikut seorang budak, berlari-lari meninggalkannya, kini kembali ke rumah kesatuan itu dan berunding dengan Daud.

"Kita harus menolong keluarga itu," kata Daud penuh kesungguhan.

Utusan Zaman, 1965

Koktel Parti

KERAJAAN Murata mengadakan jamuan koktel untuk menyambut ulang tahun pertama kemerdekaannya di rumah duta besar mereka di ibu kota Malaysia.

Banyak sungguh tetamu yang hadir, wakil-wakil kerajaan luar negeri, wakil-wakil kerajaan Malaysia dan orang perseorangan.

Dewan itu penuh dengan hingar-bingar oleh manusia yang berkelompokan, gerakan kacau-balau, tetapi liar berpindah - dari tetamu ke tetamu. Mereka terus mengunyah, menggigit makanan yang disediakan. Mereka minum dan minum dan terus minum, dan cakap ... dan cakap ... dan cakap....

"Menjadi Perdana Menteri di Asia ialah suatu hal yang penuh bahaya, sebarang ketika saja kepalanya akan dipotong atau peluru menembusi jantungnya, bila suatu perebutan kuasa berjaya."

"Awak fikir kerajaan tentera bagus untuk orang-orang Asia?"

"Mereka berjaya membawa perubahan."

"Tetapi mereka mengamalkan *dictatorship* yang lengkap."

"Mereka kebal dari korupsi."

"Maafkan saya, mereka pencatut yang paling besar bila mereka berkuasa, seorang sarjan jadi

seorang major, dan perutnya lekas gendut, dan simpan banyak wanita."

"Saya setuju dengan fikiran awak. Pertama mereka menguasai undang-undang yang mereka cipta sendiri, dan mereka punya senjata untuk menjalankan undang-undang itu menurut kemahuan mereka."

"Lihat di sana!"

"Siapa dia?"

"Seorang model!"

"Apa seorang model juga dijemput ke parti ini?"

"Suaminya keluar negeri dengan suatu suruhan-jaya kerajaan."

"Padanlah!"

"Tidaklah menghairankan."

"Kau harus pergi ke negeri Jepun."

"Banyak benar kisah yang saya dengar tentang negeri itu."

"Melihat, membuat kita percaya, dan lebih seronok lagi."

"Politik dan ekonomi mereka sangat teguh, kadangkala ada sedikit-sedikit tunjuk perasaan dari mahasiswa yang mahu jadi penyelamat dunia."

"Maksud saya mereka begitu jauh maju dalam lapangan sosial, untuk lebih tepat lagi dalam lapangan hiburan."

"Benar, setiap kali saya ke Jepun, saya mesti menonton ahli gusti Sumo. Badan mereka cukup besar, dan cara mereka berjudo amat menarik hati."

"Sandiwara *Noh* mereka sama seperti opera, tetapi lebih sulit untuk memahami ceritanya."

"Ini semua bukanlah suatu gambaran kemajuan, cuma lanjutan dari suatu kebudayaan lama. Kemajuan mereka yang paling hebat ialah dalam lapangan hiburan, di mana gadis-gadis menari dengan mendedahkan buah susu."

"Itulah contoh pengaruh kebudayaan Perancis."
 "Sebelum jadi model, dia pernah berumah tangga."

"Tiga bulan kahwin, dia minta cerai, walaupun suaminya kaya-raya dan memandikannya dengan emas dan intan dan berlian."

"Tetapi mengapa?"

"Suaminya kolot."

"Kolot macam mana?"

"Suaminya seorang saudagar kedai rempah dan beras, setiap hari suaminya hanya memakai kain pelekat dan berbaju kot, dia malu kalau dilihat bersama dengan suaminya."

"Ini bukanlah suatu alasan yang kuat untuk minta cerai."

"Dia seorang perempuan yang berpandu pada perasaannya, lebih dari fikirannya. Soal baik atau jahat tidak ada erti baginya. Sebab kuat dia meminta cerai dari suaminya, kerana dia tidak dapat kebebasan."

"Tapi waktu dia masih dengan suaminya yang lama itu, saya dengar dan lihat dia diberi kebebasan untuk belajar kereta."

"Sebagai wanita, saya tidak dapat terlalu banyak menyalahkan dia, tahu mengapa? Kerana suaminya terlalu tua, dan hitam-legam, dan dia muda dan putih melepak."

"Afrika ialah suatu benua yang membangkit."

"Menuju kehancuran dan kebinasaan, dan pembunuhan beramai-ramai yang tidak punya erti sama sekali."

"Ini adalah proses semestinya dari suatu revolusi."

"Ini berlaku kerana orang-orang kulit hitam yang baru saja menerima kuasa, mabuk kuasa dan bertindak secara gila-gila."

"Kau mempunyai kebencian terhadap orang-orang kulit hitam, kerana sejak kecil kau diajar mempersekutukan kejahatan dengan warna hitam, kau mempunyai sebab-sebab yang kuat takut pada hitam, kerana musim sejuk yang lanjut meninggalkan kesan ke atas bahasa dan fikiran kau. Kau menyebut perbuatan hitam - kemarahan hitam - kejahatan yang hitam seperti hitamnya mereka, dan putih sebagai malaikat dan simbol segala kesucian. Hantu setan adalah hitam dan dihubungkan dengan segala ketakutan."

"Setuju, dan biar saya menokok lagi, ini semua akan menempuh perubahan, yang baik lemah lembut akan merupakan hitam, ada golongan paderi yang memakai serba hitam, susu akan jadi hitam, gula, beras, langit, merpati, harapan, akan berwarna hitam, dan sandiwara yang akan kita tonton. Kita menaiki kereta Rolls Royce berwarna hitam untuk menyambut raja-raja yang berkulit hitam. Ada pujangga yang menyebut ini, entah siapa saya lupa!"

"Baru-baru ini saya lihat dia berfoya-foya dengan seorang bangsa Negro."

"Apakah Negro itu seorang diplomat?"

"Siapa?"

"Seorang ahli sukan yang terkenal yang dikirim oleh kerajaan Amerika dalam rancangan pertukaran kebudayaan."

"Suaminya ditugaskan untuk menunjukkan kota Kuala Lumpur pada ahli sukan Negro itu, tetapi malangnya malam tersebut suaminya mempunyai mesyuarat parti yang penting."

"Jadi dia menyerahkan tugas itu pada isterinya."

"Ha ... Ha ... Ha... Ha ... Ha ...!"

"Siapa kata hitam dan putih tidak boleh bersatu."

"Ada ceritanya lagi!"

"Teruskan!"

"Suaminya kurang senang dengan perhubungannya yang begitu rapat. Timbul satu konfrontasi antara dia dan suaminya, dan ahli sukan itu terus dihantar ke lain negeri Asia, kata orang atas permintaan tertinggi."

"Tidak akan ada rundingan puncak untuk menyelesaikan masalah konfrontasi."

"Walaupun akan ada puncak, akan tenggelam dan kabur seperti pertemuan puncak yang pertama."

"Konfrontasi adalah suatu keperluan untuk Indonesia menutup kelemahan dan kekurangan-kekurangan mereka dalam negeri."

"Dan telah menyatukan seluruh rakyat Malaysia."

"Konfrontasi akan wujud terus untuk suatu jangka waktu yang panjang."

"Saya hairan mereka tidak menangkap dia?"

"Atas tuduhan khalwat?"

"Tidak! Kalau kerana khalwat sudah lama dia ditangkap."

"Saya belum faham lagi?"

"Maksud saya, dia harus ditangkap sebagai pengakap sulit Indonesia."

"Alasannya?"

"Dia sering-sering berkunjung ke kedutaan Indonesia pada masa lampau."

"Barangkali ada hubungan kerjanya sebagai setiausaha Perhubungan Baik Kebudayaan Malaya dan Indonesia?"

"Perhubungan memang ada, tetapi lebih hebat dari kebudayaan."

"Banyak sekali pegawai tinggi Indonesia itu yang jadi sahabat baiknya."

"Ini bukanlah suatu hal yang menyalahkan."

"Bukan? Bila dia tidur dengan orang-orang itu?"

"Esok saya akan suruh ketua jabatan CID untuk menyasat latar belakangnya."

"Tidak perlu. Dalam hubungan politik dia tidak bertulang, dan tidak membahayakan!"

"Kita perlu wanita serupa dia lebih banyak lagi."

"Untuk apa-apa."

"Untuk perpaduan dan menamatkan konfron-tasi."

"Ya, hubungan yang baik selalu menamatkan permusuhan."

"Bila soal Kashmir akan diselesaikan?"

"Awak seorang India, bagaimana sikap awak dengan Pakistan."

"Sudah, jangan kita bicarakan soal politik, mari kita bicarakan soal wanita itu."

"Yang datang tanpa suaminya?"

"Suaminya keluar negeri."

"Keinginan saya masa ini ialah untuk diperkenalkan pada wanita itu."

"Mari kita cari orang yang kenal betul dengan wanita itu!"

"Awak kenal wanita itu?"

"Ya."

"Saya ingin berkenalan dengan dia."

"Tapi di Pakistan ada banyak wanita yang lebih cantik, lebih-lebih saudara mempunyai isteri di Pakistan."

"Isteri saya dan wanita-wanita Pakistan tidak ada kena-mengena dengan keinginan saya untuk berkenalan dengan wanita itu."

"Oh, begitu!"

"Tadi saya terdengar ada seorang India yang hendak berkenalan dengan wanita itu, kalau ini berlaku, ini adalah suatu kekalahan bagi Pakistan, jadi sekarang awak faham mengapa saya mesti berkenal-

an dengan wanita itu lebih dulu."

"Suami saya berada di luar negeri pada masa ini."

"Jadi awak datang ke koktel parti ini seorang diri?"

"Ya."

"Dengan apa awak datang?"

"Dengan teksi, saya ada kereta dan boleh bawa sendiri, tetapi untuk parti serupa ini susah hendak mencari tempat simpanan kereta."

"Boleh saya hantar awak pulang nanti?"

"Sebenarnya saya hendak pulang sekarang. Parti ini membosankan saya, hanya cakap, cakap, dan cakap...."

"Saya juga berperasaan serupa itu. Mari kita tinggalkan parti ini dan kita cari hiburan di tempat lain!"

"Di mana?"

"Di Federal Hotel. Saya tinggal di sana."

"Mengapa tidak! Mari pergi. Nanti sebentar. Nama tuan?"

"Abdul Rauf dari Negara Arab Bersatu, saya anak Mesir, kelulusan Azhar."

Antologi Sengketa, 1965

Rumah Batu Hati Batu

KAMPUNG Idaman mempunyai sejarah yang kurang baik, sejarah air mata dan sejarah darah dan lebih utama ialah sejarah kehancuran, tapi Kampung Idaman juga dapat membanggakan sejarah kekuatan semangatnya dan sejarah kebulatan semangat dan keteguhan hati manusia menentang apa yang pada mereka ialah suatu ketidakadilan yang besar.

Orang-orang polis sudah datang ke kampung itu untuk membinasakan pondok-pondok yang banyak di kampung itu, pondok-pondok yang dipunyai oleh penghuninya, tetapi didirikan di atas tanah yang dipunyai oleh seorang majikan yang kaya-raya, orang-orang polis datang menjadi pengawal pekerja-pekerja yang membawa alat-alat peroboh rumah, dahulu mereka datang tanpa kawalan polis, tetapi mulanya mereka dinasihati dengan baik jangan membinasakan rumah-rumah itu, yang didiami oleh buruh-buruh miskin seperti mereka juga, percubaan untuk menawan belas kasihan tidak berjaya, kerana sebagai buruh harus turut perintah majikan atau pulang tanpa gaji oleh kerana tidak berjaya bermain halus, dengan terang mereka diancam jika pondok-pondok itu cuba dirobuhkan juga, maka nyawa mereka tidak berharga dan darah mereka lebih

murah daripada darah ikan. Buruh-buruh itu pulang kerana memandang di keliling mereka orang-orang lelaki, dan orang-orang perempuan serta kanak-kanak juga yang mempunyai satu wajah yang hebat, yang penuh kesungguhan menentang.

Kedatangan pekerja-pekerja itu sekali lagi dengan kawalan polis, tidak mengurangkan semangat mereka dan semua orang kampung itu memakai wajah yang mengatakan bahawa mereka akan menentang. Dengan bisu mereka melihat seorang buruh yang berbadan besar menghampiri sebuah pondok yang agak buruk lalu memukul pemukulnya yang besar ke tiang pondok itu. Wujudlah pekikan yang tiba-tiba, dan hujan batu pun menimpa orang-orang polis itu dan buruh itu, kemudian beberapa anak muda keluar dari balik-balik pondok itu dengan belantan dan pisau. Ketua polis itu seorang kulit hitam memerintahkan supaya orang-orangnya berserta buruh-buruh itu berundur. Mereka berundur dan Kampung Idaman kembali tenang, tapi meninggalkan perasaan menentang yang kekal.

Ini adalah kejayaan yang kesekian kali bagi penduduk-penduduk Kampung Idaman itu, biarpun pada hakikatnya inilah suatu kekalahan bagi mereka, kerana mahkamah yang bersidang pada hari semalam mengakui bahawa tanah itu dipunyai oleh majikan kaya, dan majikan kaya mempunyai hak-hak yang penuh untuk mengusir penghuninya dan mero-bohkan rumah-rumah itu, asalkan sahaja membayar ganti rugi yang berpatutan menurut tafsiran majikan kaya, dan mahkamah dalam kata putusya menjelaskan, "Untuk kemajuan, yang lama harus diruntuhkan", pondok-pondok buruk itu harus dibinasakan untuk membangunkan rumah-rumah batu yang baru.

Tetapi menurut tafsiran penduduk Kampung Ida-

man, ganti rugi yang ditaksirkan oleh majikan kaya tidaklah seimbang dengan taksiran mereka, dan seorang daripada mereka mengatakan, "Kasih pada kampung halaman bukanlah boleh dijual beli."

Polis datang lagi, lebih ramai dan lebih kemas bersama-sama buruh dengan *buldozernya* sekali. Penduduk Kampung Idaman masih punya kebulatan semangat, masih memakai wajah menentang, namun demikian hancur juga pondok-pondok Kampung Idaman, melainkan sebuah pondok kecil di hujung kampung, dan berhijrahlah penduduk-penduduk kampung itu ke tempat lain yang disediakan dengan ihsan pemerintah bersama dengan ganti rugi majikan kaya, setelah melihat beberapa orang yang menentang ditangkap, beberapa polis berdarah dan beberapa buruh cedera. Nyata benar biarpun orang-orang lelaki Kampung Idaman sanggup menyabung nyawa untuk mempertahankan kampung halaman mereka, tetapi orang-orang perempuannya seperti perempuan-perempuan yang lain, lebih sayangkan keluarga daripada kampung halaman, apabila melihat kedegilan mereka akan membawa akibat buruk pada anak muda dan suami mereka, mereka memujuk supaya Kampung Idaman itu diserahkan pada majikan kaya dan nasib mereka diserahkan kepada Allah. Tetapi Halimah janda masih memakai wajah menentang dan masih berdegil terus, dan kekuatan di belakang majikan kaya tidak dapat menentangnya. Kerana bukan sahaja pondok itu kepunyaannya sendiri, malah tanah itu adalah kepunyaannya sendiri, tidak digadai atau dijual seperti tanah-tanah yang lain itu.

Suami Halimah bekerja sebagai kelasi kapal minyak yang belayar di perairan antara Singapura dan Brunei dan pada suatu hari dalam bulan Safar, kapal itu hilang tidak meninggalkan bekas - mati

hidup suami Halimah dan anak-anak kapal yang lain tidaklah diketahui, tetapi menurut suatu laporan rasmi yang dibuat oleh suruhanjaya yang menyasat kehilangan kapal itu, bahawa anak-anak kapal itu "diagak mati". Bagi Halimah itulah akibat belayar pada bulan bala.

Mujurlah Halimah mempunyai anak lelaki yang berumur 12 tahun, bernama Husin, dan anak inilah secara tidak langsung membantu kehidupan Halimah janda. Banyak juga orang kampung apabila ditimpa kesusahan, akan menggadaikan halaman mereka kepada saudagar kaya dengan bersyarat bunga yang mahal. Berlain dengan Halimah, apabila dia menerima ganti rugi kematian suaminya daripada syarikat perkapalan, "Berapalah harga nyawa, bagaimana hendak diganti dengan wang?" rungut Saadah entah dengki atau hanya mengeluarkan fikir-an, dia menebus semula harga rumahnya yang telah digadai oleh suaminya dahulu. Sebab itulah sampai saat ini tidak ada hukum dan undang-undang yang dapat digunakan oleh saudagar kaya itu menyuruh Halimah pindah seperti penduduk yang lain.

Selepas menebus harga tanah yang tergadai, Halimah tidak mempunyai wang lagi, dan untuk hidup Halimah setiap pagi membuat nasi lemak untuk dijual oleh anaknya Husin sebelum ke sekolah.

Kerana ramai penduduk Melayu di Kampung itu, dan orang Melayu memang suka makan nasi lemak, maka larislah perniagaan Halimah, dan dengan keuntungan sedikit sebanyak daripada penjualannya, maka dapatlah dinding buruk rumahnya diganti sebulan sekeping, dan atap-atap yang bocor diganti sedikit demi sedikit.

Banyak kali datang broker-broker dan saudagar-saudagar kaya menawarkan harga yang baik untuk

tanah dan rumahnya, namun Halimah enggan menjual. Keras hatinya hendak menjadi tuan rumah sendiri, dan lebih keras hatinya daripada bersuami lagi, ada pinangan datang, maka pinangan ditolak. Cuma sekali dia jatuh cinta dengan seorang anak muda yang baru sahaja jadi guru pelatih, dan cinta mereka sebagai gayung bersambut.

Tapi pada suatu hari datang ibu cikgu itu menyumpah seranah Halimah dan menuduh Halimah sebagai 'mencekut' anaknya. "Adakah bujang teruna kahwin dengan janda?" kata Saadah menyokong ibu cikgu. Sejak hari itu cinta tertutup dari hati Halimah dan Halimah terus jadi Halimah janda.

Biarpun rumah dan Halimah tidak tersentuh dalam peristiwa pembinasaan Kampung Idaman, namun musafir orang-orang kampung membawa kerugian. Sekarang siapa lagi yang akan membeli nasi lemaknya.

Apabila banyak tukang bekerja di Kampung Idaman, untuk membuat rumah-rumah batu yang baru, maka Halimah mendapat kesempatan baru, dia membuka gerai kecil di depan rumahnya dan menjual kopi, nasi dan kuih kepada buruh dan tukang-tukang itu.

Siaplah sudah rumah-rumah batu itu didirikan, dan pondok Halimah sudah tidak kelihatan lagi, sudah dikepung oleh rumah-rumah baru itu, dan jalan dekat yang selalu digunakan oleh Halimah dan Husin apabila ke kedai dan ke pasar sudah disekat oleh rumah baru, Halimah terpaksa menjalani jalan jauh dan meloncat beberapa longkang kecil.

Hari pembukaan rumah-rumah baru diselenggarakan oleh saudagar kaya dengan cara meriah, menjemput pegawai-pegawai kerajaan dan orang-orang ternama. Pada hari itu juga Halimah melakukan

suatu hal yang tidak pernah dilakukannya selama ini.

Dia memukul Husin setengah mati, dan tidak ada seorang pun yang datang menolong Husin, kerana rumah-rumah berkeliling masih kosong belum didiami orang.

Husin merajuk menyembunyikan diri di salah sebuah rumah kosong itu dan suara tangisannya bergema oleh kekosongan rumah itu, namun demikian tidak ada orang bertanyakan hal atau memujuk Husin. Dan tangisan Husin menggema terus.

Antologi Sengketa, 1965

Aku Tidak Peduli

AKU benci dengan orang-orang tua. Pada aku mereka hanyalah suatu tanda bahawa dunia ini sudah tua, dan aku sendiri tidak peduli sama ada mereka tua, kerana ketuaan mereka tidak meninggalkan sebarang kesan pada dunia, lebih lekas mereka mati - lebih baik lagi buat aku. Semua orang tua adalah musuhku. Dan permusuhan ini bermula daripada ayahku sendiri, orang tua keparat yang berusia 52 tahun, yang kedekut bakhil.

Punya dua isteri, dan isterinya yang muda dikahwininya waktu berusia 45 tahun, ibuku (isterinya yang tua) seperti sifat lazimnya orang tua-tua tidak melawan, sedia menerima madunya sebagai adik dunia dan akhirat - palsu! Nilai palsu! Kerana apabila ayahku tidak ada di rumah, kedua-dua ibuku sering bergaduh, sekali pernah ibu mudaku menelanjangi ibuku. Padanya aku lihat segala keburukan dan keruntuhan dunia ini. Aku tahu mengapa ayahku mengahwini ibu mudaku, katanya pada kawannya, bahawa dia harus membuktikan kewajarannya sebagai seorang lelaki, biarpun umurnya meningkat 45 tahun, orang tua kotor. Apabila dia menceritakan hal ini pada kawannya itu, kedua-duanya ketawa, dan aku bisa mengecam bahawa ketawanya ketawa kotor.

Kawan ayahku itu semata-mata untuk berbual kotor mengatakan Pak Ngah Hitam, sudah 65 tahun, ada tiga isteri, dan isteri yang paling muda, beranak lagi bulan sudah. Katanya ini jadi bukti bahawa orang-orang tua lebih kuat, lebih pengalaman, daripada orang-orang zaman sekarang dalam soal berahi, dan dalam segala soal.

Ini bikin aku marah betul!

Aku benci semua orang tua!

Suatu hari aku bawa kekasihku Dahinar ke rumahku, sekarang Dahinar sudah kahwin, beberapa hari yang lewat aku jumpa Dahinar menanti di luar pagar sekolah untuk membawa anaknya pulang. Dia melihat aku, tetapi tidak ada kesan dia ingin menyambung perkenalan lama, tetapi rasaku perkahwinan telah membuatnya mamal oleh masalah-masalah rumah tangganya sendiri, tetapi apa yang hendak kukatakan, bahawa zaman telah berlaku kejam menikam Dahinar, dia sudah merupakan wanita yang tidak menghargai kecantikan lagi, dengan mukanya yang tidak bersolek, dengan batiknya yang telah lusuh warnanya, kebayaanya yang koyak secebis di bawah ketiak, dan rupanya tidak ubah seperti perempuan yang sudah bosan dengan dunia ini. Aku fikir begitulah faham hidup yang dipegang oleh Dahinar. Apabila ayahku melihat aku dan Dahinar dahulu, waktu dia muda, cantik dan menarik, ayahku menumpahkan seluruh pandangannya terhadap kekasihku, suatu pemandangan yang mengukur potongan badan Dahinar, suatu pengawasan yang kotor. Ayahku enggan diperkenalkan pada Dahinar, katanya kekasihku tidak punya sesuatu apa pun untuk dimegahkan, dan di dalam hidupnya, dia sudah melihat banyak perempuan yang lebih baik rupa dan potongan.

Sesudah Dahinar pulang ibu tuaku mengatakan

padaku, "Jangan hendak fikir fasal perempuan dulu, cari kerja dan kumpul duit, apa macam perempuan kau hendak pun, aku boleh carikan!" Hingga kini aku anggap kata-kata ibu kandungku sebagai "Penghinaan", boleh dapatkan aku sebarang perempuan, asal sahaja aku punya wang.

"Ibu kotor!"

Ayahku lebih kotor lagi, kerana setelah berkali kubawa Dahinar ke rumahku, waktu itu aku pergi mesyuarat parti, cuma yang ada ayahku, kedua ibuku pergi rumah orang kahwin. Ayahku cuba memperkosa Dahinar dengan menawarkannya wang lima puluh ringgit, Dahinar yang hendak mempertahankan kesuciannya itu dan kesetiaan kasihnya padaku, lari dari rumahku. Siapakah yang benar di dalam hal ini, ayahku atau Dahinar, tetapi aku lebih suka mempercayai Dahinar, kerana dia kekasihku, ayah seorang musuh yang paling besar, bagi seorang muda seperti aku.

Dalam hatiku pernah aku mendoakan supaya ayahku mati tiba-tiba, aku terlalu pengecut untuk membunuhnya, apabila aku diberitahu aku tidak lulus dalam peperiksaan sebagaimana yang kujangkakan, aku dimarahi oleh ayahku, katanya aku tidak berguna, cuma membuang wang menyekolahkan aku, dia kesal mengapa aku dilahirkan, ibu kandungku mengatakan, anak muda seangkatan dengan aku, tidak pentingkan pelajaran, cuma utamakan seluar ketat, baju Hawaii, sepatu *cowboy, twist*, minum, pergi parti, dansa tiap malam, simpan banyak *girlfriend*, bikin gadis bunting. Ibu mudaku mengatakan, suruh sahaja aku bekerja sekurang-kurangnya membawa hasil. Dan ini membuat aku menganggap ibu mudaku itu sebagai pengkhianat, dia dan aku sama muda, di depan kita terbentang dunia yang luas dan lanjut, tetapi sudah mengahwini ayahku

yang tua, (Cis! Manusia penuh nafsu!), yang hanya punya waktu yang paling sedikit untuk mewarisi dunia ini, ibu mudaku memperkecilkan sendiri dunia muda.

Aku keluar rumah itu tanpa penyesalan, tanpa air mata, tanpa berpaling ke belakang memandangi rumah itu untuk kali penghabisan - seperti biasa yang ditulis di dalam cerpen dan novel romantik, sejak ini aku menumpang banyak rumah mak cik-mak cikku. Dalam dunia ini kita punya terlalu banyak mak cik sedikit pak cik, rumah kawan-kawan.

Ada sekali aku memasuki politik, tetapi sangatlah membosankan aku, tidak lain, hanya cakap campur cakap, tidak ada kecemasan rasa, tidak ada kepanasan jiwa. Ada sekali aku cadangkan cara mengatasi kesulitan kewangan parti, ialah menubuhkan suatu pasukan istimewa yang bertugas merompak daripada orang-orang kaya untuk membiayai parti. Ini sungguh memeranjatkan, ada yang mengucap, dan aku dituduh sebagai pelampau, dan ada seorang dua yang menuduh aku sebagai tali barut penjajah dan cadangan ini sengaja kubawa untuk membolehkan penjajah mengharamkan parti itu. Aku keluar dari parti, bosan dan membuat aku merasa bahawa dunia ialah tempat yang paling lembap untuk hidup, dan sejak aku diterima jadi ahli, aku tidak pernah bayar haram satu sen pun wang yuran.

Aku tidak percaya pada tahayul dan kepercayaan karut, biar dari mana datangnya. Sekali, sewaktu aku dan empat kawanku berjalan di simpang empat, aku lihat di hujung sebuah penjuru, ada bekas beberapa lilin yang sudah dibakar, mangkuk-mangkuk yang berisi nasi, seisisir pisang (aku tak tahu jenis pisang itu, bagi aku, pisang tetap pisang sahaja, dan rasanya sama sahaja, keyakinan ini tidak membuat

aku lebih bodoh daripada orang lain). Empat biji telur rebus, kerana dibuang di simpang empat, maka sebiji telur kononnya untuk penjaga penjuru tiap simpang. Aku kebuluran hari itu, dan kami semua gepeng, tidak punya wang, dan makanan yang terhidang di pinggir jalan itu, sungguh menggiurkan, membuka selera, membuat orang terasa lapar. Aku mahu mengambil makanan itu, tetapi ditegah oleh kawan-kawan, katanya makanan yang diberi untuk makan hantu itu, tidak boleh dimakan, buruk padahnya. Aku teringat bahawa ada satu cara, membuang air kecil di sekitar tempat itu dan barulah makanan itu boleh dijamah. Ini aku lakukan, dan berakhir aku ditangkap polis, dan dituduh menjatuhkan maruah umum, dan dihukum penjara sehari atau denda RM10.00. Kerana tidak ada keluargaku hendak membayar dendaku, aku duduk di dalam penjara. Ayahku, orang tua kotor, tentu tersenyum melihat aku.

Iniilah ketikanya aku membuat azam berkerat rotan dan berputus tali dengan keluargaku sendiri. Ah! Jahanam dengan mereka. Aku adalah keluargaku sendiri, aku, ayah, ibu, abang, pak cik, mak cik, dan segala gelaran di dunia ini. Aku marah aku tendang tembok penjara, kakiku yang sakit.

Harga nyawa tidak lebih daripada \$35.70 sen, inilah perbelanjaan yang dibayar oleh Adam Kasim di sebuah restoran, di mana aku dan dua orang kawanku lagi dijamu, waktu kami memakan sate dan meminum bir, umumnya kami bercakap mengenai filem-filem koboi, mengenai perempuan, mengenai ubat sakit perempuan, bintang-bintang filem, sesudah perut kami tak dapat menerima makanan dan minuman lagi, barulah Adam Kasim menerangkan mengapa kami dijamu sedemikian rupa. Dia ingin membalas dendam terhadap seorang manusia bernama Haji Ali, tapi tidak punya keberanian untuk

melakukan itu. Malam lain kami menanti Haji Ali dalam gelap, dan kami bertiga memukulnya dan meninggalkannya kalau tidak di dalam keadaan maut tentunya hanya menanti saat dan ketika sahaja. Hari lain aku mendapat tahu bahawa Haji Ali, telah dibawa ke rumah sakit luka parah dan keadaannya sangat-sangat membimbangkan, serta pihak polis sedang menjalankan penyiasatan. Apabila polis menjalankan penyiasatan, maka ertinya bagi orang-orang seperti aku ini, ialah menghilangkan diri, dan aku berhijrah ke sebuah kampung menumpang di rumah mak cikku yang telah mengahwini seorang tani yang mempunyai sawah dan ladang.

Hatiku risau tinggal di desa itu, tidak dapat memenuhi jiwaku yang sentiasa mengingini peristiwa-peristiwa yang hangat panas, tapi aku tidak boleh berbuat apa-apa, kerana jika aku pulang ke kota, aku pasti ditangkap, kerana kebelakangan ini pernah kudengar bahawa Haji Ali meninggal dunia di rumah sakit, dan pihak polis klan memperkuatkan penyiasatannya. Aku ini sebagai harimau yang dapat menukar belangnya. Aku segera menyesuaikan diriku hidup di desa itu, sembahyang di surau, belajar berzanji, gotong-royong buat jambatan, menolong di sawah ladang. Melihat aku terlalu baik, ada suatu keluarga merisikkan pada mak cikku, aku hendak diambil sebagai menantu.

Aku pernah melihat Masamah, dia belum sekali menimbulkan berahiku, tidak seperti Mek Jah, Zaiton, Nancy, Som dan lain-lain lagi yang sentiasa menjadi temanku apabila aku bermalam di hotel.

Aku mengahwini Masamah, peralatan besar meriah, aku tidak mengeluarkan belanja, malah aku diberi wang lagi, masakan seorang mepelai menjadi keluarga tetap pengantin perempuan, tanpa wang satu sen pun di saku. Keluarga isteriku gem-

bra menerima aku sebagai menantu, kerana aku alim dan warak, rajin dan tidak berat tulang, kononnya aku akan memberkati rumah tangga mereka.

Tibalah malam, aku harus bersatu dengan isteriku. Aku dan Masamah ditinggalkan dalam kamar yang cantik berhias itu, sebelum Mak Andam meninggalkan kami, kain cadar satin yang menutupi katil itu, telah dilipatnya dan diganti dengan cadar lain yang baru. Aku dan Masamah masih duduk berdekatan di kerusi yang disediakan buat aku. Sebelum Mak Andam tua itu, seorang janda - aku yakin dia ingin bersuami, aku sangka dia menyesal tak dapat mengahwini aku, kerana selama ini aku sering mendengar janda-janda berumur seperti Mak Andam itu, selalunya bersuamikan orang muda, meninggalkan kami berdua itu, dia berhenti di pintu berpaling padaku, batuk kecil sekali dua dan berkata, "Baik-baiklah sikit, anak orang itu."

Aku bersalin pakaian di depan isteriku, aku dengar dia menahan ketawa, aku memakai pelekat baru yang terlipat di katil itu yang disediakan buat aku. Dan aku duduk di atas tikar menghisap rokok.

Masamah belum juga menyalin pakaiannya yang ditebali oleh pelbagai rupa barang kemas. Memberanikan hatiku, aku berkata, suaraku penuh debar, walaupun aku jaguh di dalam soal berahi, "Mah, tidak panas memakai serupa itu?"

Malu, Masamah tunduk ke lantai dan menjeling dengan matanya dia berkata, "Abang, keluarlah dulu."

Ini suatu pengalaman baru buat aku, sudah banyak perempuan yang kulihat bersalin pakaian di depan aku, ini isteriku sendiri menegah aku. Aku tidak punya pilihan lain, dengan hati yang panas aku keluar dari kamar itu, dan aku berbual dengan anak-anak muda yang kepenatan tadinya bekerja sehari

dan semalam. Mengukur waktu, aku agak tentunya sekarang Masamah sudah selesai bersalin, aku menolak daun pintu yang tertutup rapat, kiranya dikunci dari dalam. Aku mengetuk lemah sekali dua. Di dalam kamar aku lihat isteriku memakai baju baru, melihat aku dia berlari ke katil menyembunyikan diri di bawah selimut itu, dan mematikan lampu yang di sebelahnya. Membiasakan matakku menembusi gelap, aku membuang segala pakaianku, mendapatinya, dan aku berbisik padanya supaya berlaku berani, dengan suara dibungkusi geletar dia berkata, "Semua keluarga kami begini."

Aku tidak menjamahnya sama sekali, esok dengan wang hadiah yang ada di tanganku, aku tinggalkan desa itu. Aku tidak menceraikan isteriku. Masamah menceraikan aku. Ada seorang kawan mengatakan padaku bahawa dia ada membaca *Utusan Melayu*, ada orang memasang iklan meminta aku hadir di Mahkamah Syariah, kerana isteriku Masamah binti Deramang menuntut talak. Pada hakikatnya dia tidak pernah menjadi hakku, mengapa pula penuntutan hak ini. Mahkamah Syariah boleh buat apa yang mereka suka. Aku tidak peduli! Aku tidak peduli!

Antologi *Sengketa*, 1965

Dua Wanita

AINON

"Aku marah betul dengan ibuku. Aku kesal kerana dia sudah tua, dan ayahku sudah tidak ada lagi. Kalau tidak, sudah lama aku hidup sendiri, menyewa sebuah bilik kecil, aku bermimpi berbuat demikian dengan gajiku, tidak ada sesiapa yang akan memarahkan aku, jika aku pulang lambat, dan aku boleh berkawan dengan sebarang lelaki.

"Kini setiap hari aku pulang, aku dileteri ibu, kerana aku terlalu bebas bergaul dengan lelaki. Habis apa yang dapat kubuat? Aku bebas, di pejabat kami perempuan beberapa orang sahaja, jadi aku sering dikerumuni oleh teman lelaki, mengajak aku makan tengah hari, makan malam, naik kelab dan dansing.

"Aku turutkan mereka kerana ini semua percuma. Aku makan enak-enak, orang lain bayar. Aku minum '*baby champ*', kau tahu harganya mahal, orang lain yang membelanjakan. Aku makan di restoran-restoran *high class*, semua aku makan, melainkan babi sahaja, kata ibuku kualiti dan periuknya ada bekas minyak babi. Persetan! Aku tidak lihat, aku makan.

"Ibuku marah-marah aku, kerana aku tidak sem-

bahyang. Bagaimana aku dapat sembahyang, sedangkan hatiku belum tenang. Balik dari pejabat, aku sudah keluar lagi dengan kawan. Nanti bila aku sudah tua, aku tidak kerja di pejabat lagi, aku akan duduk sahaja di tikar sembahyang, minta ampun segala dosaku pada masa muda, tentunya banyak, siapa tahu aku akan mati di tikar sembahyang. Ada aku baca kisah seorang manusia yang paling jahil, matinya terus masuk syurga!"

ZUBAIDAH

"Hanya kebelakangan ini, aku diizinkan oleh keluargaku memasuki perkumpulan wanita itu dan ini. Dulu aku disekat sama sekali, bukan sahaja oleh ibu dan ayahku. Sebab peri gadis Salmah di sebelah rumahku mengandung, kemudian nikah terburu-buru adalah menjadi contoh kesudahan lazim segala gadis yang bebas lepas. Itu pun kalau aku pergi kelas masak, kelas jahit dan hadir mesyuarat Kesatuan Ibu, aku ditemani oleh adikku dan abangku, dan pulangku juga ditemani oleh mereka. Jadi bagaimana aku boleh punya *boy-friend*, anak-anak muda itu rasaku takut menghampiri aku, takut jadi korban pukulan abang dan adikku. Ada masanya aku memberontak terhadap ini semua, dan berdosa aku menyimpan niat hati, supaya mereka semua mati, dan aku bebas lepas, tetapi pada hakikatnya aku sayang sungguh pada mereka. Kalau ada sesiapa yang sakit teruk di rumah, aku yang susah lebih dulu. Biar bagaimana aku melawan untuk dibebaskan hidup sendirian, aku tetap menghadapi kekecewaan.

"Aku tidak meminta diberi kebebasan sebebas-bebasnya, tapi suku bahagian daripada kebebasan kau pun memadailah untuk aku."

AINON

"Bagi wanita serupa kau, perkahwinan adalah syurga buat kau. Tapi buat aku, perkahwinan mungkin merupakan suatu neraka, walaupun tidak sekurang-kurangnya suatu rintangan dan sekatan, suatu lontaran duri di depan jalanku.

"Biar apa yang akan terjadi, aku akan cuba sedaya upayaku tidak akan kahwin. Banyak kuterima tawaran ajak kahwin, tapi aku tolak dengan baik. Bila aku kahwin, aku harus tunduk pada suamiku, maka tamatlah hak kebebasanku. Mungkin aku disuruh berhenti kerja, suruh duduk di rumah saja, memasak dan mencuci, dan ditegah berkawan dengan teman lelaki. Ini aku tidak mahu, dunia serupa ini terlalu sempit buat aku. Jangan marah, kalau kukatakan pada kau, sebagai wanita aku lebih *superior* – lebih martabat dari kau, barangkali salah terjemahanku ini, pengertiannya sama saja, kau mahu kahwin kerana kau cinta. Padaku cinta sudah tidak punya erti lagi, kita boleh cinta pada semua orang lelaki, dan kita boleh benci pada mereka. Kita cinta pada apa yang kita suka, dan benci pada apa yang membosankan kita. Kalau aku kahwin, aku hanya boleh cinta pada satu orang saja, dan mesti benci pada lelaki yang lain. Ini sudah terlalu buat aku. Aku ingin tinggal sebagai AKU sekarang ini, sekarang, esok dan akan datang.

"Suruh siapa saja meminang aku, ajak aku kahwin, aku pasti menolak."

ZUBAIDAH

"Aku mahu lekas kahwin. Kalau boleh esok. Ini tidak bererti aku 'gatal' – sudah tidak sabar mahu kahwin. Bagiku perkahwinan mempunyai pengertian yang

lebih besar. Sangat besar.

"Itulah saja jalan keluar dari kehidupanku. Setiap hari aku pulang, aku tidak punya kawan, aku mengunci diri di bilikku, dinding empat kepungan itulah yang kupandang, ada masanya nafasku sesak, aku ingin menjerit sekuat-kuat hati, bila aku merasai dinding-dinding itu merapati aku dan hendak memrangkapi aku dalam jerat dan tekanan maut.

"Oh! Aku tidak punyai mimpi yang lain, melainkan aku kahwin. Indah dan memuaskan jiwa. Senang sekali hatiku melihat diriku sendiri berpakaian cantik duduk di depan pelamin di samping suamiku, dan kami berdua akan diusik gurau, lalu kami diiringi ke kamar tidur yang cantik berhias ... aduh! Itulah ketikanya selalu aku terjaga ... dan impian itu hilang entah ke mana!

"Ingin sekali aku berkahwin, kalau boleh saat ini sekalipun. Kerana bila aku telah bersuami, aku tidak jadi tanggungjawab ibuku dan saudara-saudaraku, aku dipunyai seluruhnya oleh suamiku.

"Aku lupa menceritakan pada kau, sebabku, hampir-hampir seorang pemuda menemui ajalnya.

"Pemuda itu memang lama menyimpan minat padaku, dan dia tidak berani menghampiri aku untuk berkenalan, kerana aku selalu ditemani oleh saudara-saudaraku, kerana cinta yang menekan hati, aku dikirimnya surat, dan menyambut ini, surat berbalas surat, penuh dengan madah, sajak dan pantun. Senang benar hatiku menerima surat cinta, aku merasai bahawa orang mengidami kita, kita tidaklah terbiar.

"Surat akhirnya padaku mengajak aku bertemu pandang - berdua saja - di sebuah tempat yang telah ditentukan lebih dulu.

"Kami pun bertemu, bertukar senyum, bertukar janji, dan bertukar cium. Ketika inilah datang

saudara-saudaraku dan pemuda itu dipukul dan luka berdarah. Selesai sudah perhubungan cintaku.

"Setiap hari aku disoal oleh ibu dan abang-abangku, dan akhir sekali dipanggilnya bidan untuk menentukan sama ada aku masih gadis atau tidak.

"Demi Allah aku masih perawan! Kesucianku akan kupertahankan, kalau perlu dengan nyawaku sendiri."

AINON

"Aku hilang dara, tetapi dapatkah kau dan siapa saja mengatakan aku bukan wanita lagi!!!"

Antologi *Sengketa*, 1965

Jambatan Patah

ADA sebuah sungai yang memisahkan antara kedua-dua kampung itu, Kampung Manik dan Kampung Junjung.

Namanya Sungai Jernih, sebab airnya jernih, dahulu banyak sekali nampak anak-anak muda dan budak-budak di kampung itu memancing-mancing ikan, tetapi sejak semalam menjadi lengang dan sepi, malam semalam apabila orang-orang dari kedua-dua kampung itu mendongak ke langit dan melihat warna langit menjadi merah menyala, orang-orang Cina di Kampung Manik bercakap antara sama sendiri mengakui bahawa langit jadi merah oleh kebakaran, demikian juga dengan orang-orang Melayu, biasanya kalau ada kejadian-kejadian luar biasa serupa ini, maka orang-orang kedua-dua kampung itu akan bercampur dalam beberapa kumpulan kecil bercerita dan membuat tafsiran mereka tentang kejadian-kejadian itu. Beberapa minit kemudian masing-masing orang kampung itu masuk ke pondok masing-masing dan mengunci pintu dan tingkap.

Malam jadi sepi, dan Kampung Manik dan Kampung Junjung tak salah seperti negeri diserang geroda, dan suara yang terdengar sekali-sekala ialah kongkongan anjing dan suara kucing mencari laki yang memekakkan telinga.

Dari Kampung Junjung, dari suatu tempat persembunyian dilindungi oleh pokok-pokok jambu dan belinjaw, beberapa pemuda Melayu yang sedang bersenjata belantan, keris dan parang panjang mengarahkan perhatian mereka dengan penuh teliti ke arah Kampung Manik, dan kelihatan oleh mereka lembaga yang samar-samar dalam gelap, dan bunyi kaki menggeser pasir, mereka pun berbisik-bisik antara satu sama lain supaya bersiap sedia.

Keadaan yang senyap itu, jadi hingar-bingar seketika apabila dengan tiba-tiba sahaja, malam dipeluk oleh bunyi ramai orang memukul tin kosong. Dan sekarang dari kedua-dua kampung itu kedengaran pelbagai suara dan panggilan, dan ramai bunyi orang berlari-lari, dan tabuh di surau Kampung Junjung pun diketuk orang.

Cahaya dari berpuluh-puluh lampu suluh bersuluh-suluhan, kita melihat muka yang ditutup keceemasan, muka yang diputihi oleh ketakutan, muka yang dimerahi oleh kemarahan, muka geram, garang, kesal dan muka yang melahirkan perasaan hati.

Sebagaimana hingar-bingar itu dengan tiba-tiba, maka dengan begitu lekas sekali kesepian menyelimuti semula kampung itu.

Ada sebuah jambatan yang menyambungkan kedua-dua kampung itu, jambatan yang telah buruk dan usang, tetapi masih merupakan satu-satunya lalu lintas antara kedua-dua kampung itu. Pagi ini tidak ada seorang pun yang melintasi jambatan itu, di pinggir sungai tidak ada orang yang mencuci kain sebagaimana lazimnya, dan cuma di tengah-tengah kampung, di rumah ketua kampung masing-masing, kita lihat orang-orang berkumpul masing-masing bersenjata. Mereka memperkatakan kejadian semalam, apabila malam hitam menjadi malam yang di-

hiasi oleh warna merah.

Peduduk Kampung Manik mengatakan bahawa kampung yang berhampiran dengan mereka, iaitu sebuah perkampungan Cina telah dimusnahkan api, sedangkan penduduk-penduduk Kampung Junjung pula berperilaku mengatakan bahawa kebakaran malam semalam, ialah beberapa pondok-pondok atap Melayu jadi korban kebakaran.

Sebentar lagi kita melihat kesibukan di kedua-dua kampung itu, menebang buluh, mengeluarkan papan lama dari bawah-bawah kolong, mengetam, memotong dan memaku.

Sekali-sekali kerja ini terhenti apabila datang seseorang ke kampung itu mengerumuninya, macam-macam cerita yang dibawa oleh orang yang baru mendatang itu, darah, pukulan, pembunuhan, pisau, kapak, belantan, keris, parang dan pelbagai lagi, orang-orang Kampung Manik menunjuk-nunjuk ke arah Kampung Junjung, dan penduduk-penduduk Kampung Junjung hangat memperkatakan hendak melanggar kampung sebelah.

Kekecohan ini hanya suatu suasana yang sementara sahaja. Kembali mereka bertukul dan bekerja bergotong-royong.

Apabila petang datang, kita melihat dua tempat jaga yang tinggi, sebuah di Kampung Manik menghadapi Kampung Junjung dan yang sebuah lagi di Kampung Junjung bertentangan dengan Kampung Manik. Dari tempat penjagaan yang tinggi segala gerakan di Kampung Manik dan Junjung mendapat perhatian yang teliti....

Malam sepi lagi....

Dari surau menggema suara bilal melagukan azan, dan kalau pada malam-malam lain suara azan hanyalah suatu teriakan tugas yang tidak punya banyak erti melainkan memanggil orang-orang

datang ke surau supaya tidak tinggal lengang, maka di dalam keadaan serupa ini, suara azan memberikan pengertian yang lebih besar dan menjelajah dan menjamah seluruh rohani, orang merasa insaf, orang ingin kembali ke dalam perut ibu yang sejuk, orang kesal kenapa dilahirkan ke dalam dunia yang penuh bahaya dan pancaroba ini, dan orang ingin merapatkan dirinya dengan Tuhan, dan orang ingin lindungan daripada Illahi, dan surau-surau yang hanya dipenuhi oleh orang-orang tua kini padat dengan anak-anak muda.

Kemudian datang kesepian lagi....

Cuma masing-masing orang dari kedua-dua kampung itu, berkumpul di depan peti radio masing-masing, yang dibuka kecil, mendengar warta berita dan pengumuman-pengumuman yang dibuat tentang peristiwa kekacauan, tentang pergaduhan yang sedang berlaku.

Tambah larut malam, tambah sepi alam, suara kecil menjadi besar dibawa angin, bisik-bisik antara manusia menjadi dengung yang agak membimbangkan. Kalau ada anak kecil menangis, riuh benar bunyinya dan terasa oleh orang-orang yang berkawal bahawa mulut anak itu seolah-olah akan membahayakan tempat persembunyian mereka.

Di rumah topekong Cina, beberapa orang tua berdoa meminta keamanan dan keselamatan.

Banyak sekali kayu cendana yang dibakar, dan asap yang wangi itu berkepul naik ke atas dengan harapan asap itu akan sampai ke nirwana dan bau yang enak itu akan dicitum oleh ketua-ketua yang menjaga nirwana itu, yang akan memenuhi doa mereka.

Ah Peng di Kampung Manik merindukan kedatangan Pak Ali dengan rokok daun tembakau Siamnya serta renjisan serbuk cengkih. Hanya Pak Ali

sahaja yang tahu membuat rokok daun sesedap itu. Sambil menghisap rokok daun itu, kedua-dua orang ini akan merancangkan di mana dan bagaimana hendak meneruskan usaha mereka menjebak burung. Ah Peng yang mengeluarkan modal untuk membeli peralatan, sedangkan Pak Ali bermodalkan kepandaian dan kemahirannya menjebak burung sepanjang hidupnya yang 65 tahun itu.

Marah benar Ah Peng dengan kekacauan itu, tetapi mujurlah belum berlaku pergaduhan di kampung itu, yang sekarang ini wujud hanyalah keadaan yang tegang seperti api yang hanya mencari minyak untuk dibakar.

Kesangsian dan kecurigaan bahawa orang-orang Kampung Junjung akan menyerang orang-orang Kampung Manik dan sebaliknya.

Tanpa menjebak burung itu, Ah Peng tidak berasa begitu rugi, berapalah untung yang boleh didapati daripada menjual burung merbuk dan kadang-kadang pipit yang terjerat, tetapi rugi benar rasa Ah Peng tak dapat berbual dengan Pak Ali bukan sahaja fasal burung, tetapi yang seronok sekali kisah masa muda Pak Ali dahulu dengan perempuan-perempuan yang tergila-gila padanya, memang Pak Ali masa remajanya terkenal sebagai jaguh dengan perempuan. Lebih-lebih ketagih benar Ah Peng untuk menyedut rokok daun istimewa Pak Ali.

Baru kelmarin budak-budak Cina dan Melayu di kampung itu sama-sama bekerja membuat gelas untuk benang mereka, kerana mereka telah berjanji akan memulakan musim layang dari sekarang bagi menyambut penutupan sekolah yang akan berlaku beberapa hari lagi. Di kedai kita boleh melihat pelbagai jenis layang tergantung untuk dijual dan dibeli.

Kini hampa sekali perasaan anak-anak itu, dan

dengan merungut Mansor berkata, "Pada lawan perang baiklah lawan layang."

Di Kampung Manik dan Kampung Junjung merebak berita mengatakan bahawa di sana sini, beberapa kumpulan orang muda sedang membakar rumah.

Berita ini sangatlah menakutkan, lebih daripada pertempuran dan pergaduhan.

Inilah saatnya apabila keinginan manusia pada hujan sampai pada puncaknya. Hujanlah hendaknya sepanjang hari, hujan yang paling lebat sekali, hujan yang diiringi oleh kilat dan guruh.

Ada juga beberapa orang Kampung Junjung yang bersembahyang hajat meminta diturunkan hujan, begitu juga beberapa orang dari Kampung Manik membakar kayu wangi untuk meminta hujan yang paling lebat yang pernah dilihat di dalam sejarah hidup mereka.

Langit mendung....

Hujan datang tanpa digendangi oleh guruh dan diiringi oleh petir.

Orang-orang yang berkumpul di kedua-dua buah kampung itu kelam-kabut lari masuk ke pondok-pondok dan ke rumah masing-masing.

Walaupun sudah sehari semalam bumi basah dan di tanah datar air bertakung sebagai banjir kecil, tidak ada tanda-tanda hujan akan berhenti.

Langit gelap....

Hujan terus-menerus menakungi bumi.

Malam yang gelap digelapi oleh langit yang mendung.

Suasana hening dan sepi.

Yang memenuhi kesepian itu, hanyalah raung katak yang merayu hujan.

Tiba-tiba kedengaran jeritan yang meminta tolong.

Terang dan jelas suara itu datangnyanya daripada seorang perempuan yang betul-betul di dalam keadaan cemas.

Ada orang lari ke surau memukul tabuh dan melaungkan azan.

Kemudian bunyi gendang-gendang tin dipalu riuh-rendah. Pintu-pintu terbuka dan ramai orang berlari-lari ke arah datangnyanya suara itu masing-masing membawa senjata.

Di pinggir sungai mereka melihat seorang perempuan di dalam keadaan hilang akal meminta tolong dan menunjuk-nunjuk ke arah air sungai, lampu-lampu suluh daripada kedua-dua barisan manusia itu di tebing masing-masing menyulahi sungai itu.

Sungai Jernih itu bermandi cahaya.

Mereka melihat seorang budak terapung-apung dan dengan susah payah cuba menentang arus air.

Kasim dan Beng Bee terjun ke dalam sungai, diikuti pula oleh Awang, Kee Chye, Dol, dan Swee Kee. Anak itu dapat diselamatkan.

Masing-masing pulang ke pondok masing-masing, tunduk ke bumi tetapi masih membawa senjata.

Pagi esok, mereka melihat jambatan tua itu sudah tidak ada lagi, pecah patah dihanyutkan arus.

Datang ke tempat itu Sin Kuat membawa kayu. Pak Amat, tukang yang banyak sekali membeli kayu daripada tauke kedai kayu melambai-lambai padanya, tambah ramai yang mendatangi mereka.

Akhirnya kita melihat mereka membina jambatan baru.

Pak Pak Lang

AWAL pagi Isnin....

Banyak sungguh orang yang menanti bas.

Hanya sedikit bas sahaja yang melintasi jalan raya, setengah jam atau sejam baru kelihatan sebuah bas penuh sesak. Bas-bas itu dipandu oleh tauke-tauke dan ahli-ahli saham syarikat bas itu, pekerja-pekerja lain yang hanya terikat dengan kepentingan gaji sedang menjalankan mogok, kerana perundingan-perundingan mengenai tuntutan mereka bertembung dengan jalan buntu.

Orang ramai yang menanti bas kian ramai.

Sebuah bas datang penuh sesak.

Orang-orang yang menanti bas itu sudah mula bergesel-gesel dan bertolakan antara satu sama lain untuk menaiki bas itu. Dengan suara ramai mereka mengeluh kecewa, apabila bas yang telah penuh padat itu tidak berhenti untuk mengambil dan menu-runkan penumpang.

"Mogok saja, tiada lain kerja, asyik mogok," kata seorang mak cik yang membawa sebuah bakul kosong.

"Yang susah siapa, kita juga," kata seorang perempuan muda, Asmah, yang bekerja sebagai seorang kerani.

"Kita susah sikit saja, orang-orang itu lebih banyak susah," kata Ah Poon, pemuda Cina yang berkaca mata hitam yang memegang sebuah akhbar Cina.

Seorang kawannya lagi, Chee Kow, bersetuju, "Kalau mereka tidak mogok, sampai bila pun mereka tak akan naik gaji."

"Kita orang makan gaji, kalau kita tidak bersuara dan melawan, sampai bila pun kita tak boleh naik gaji," pendapat Ahmad Azam, seorang buruh kilang dan menjadi ahli jawatankuasa kesatuan pekerja-pekerja di tempat dia bekerja.

"Perut sudah hendak meletup, itu pun ada hajat hendak berjalan lagi," kecam seorang perempuan pada seorang kawannya, mereka bercakap ini dengan suara yang rendah.

Balas kawannya, "Masa-masa mogok ini, kalau tak ada kerja duduk di rumah sajalah!"

Mereka mendengar bunyi siren dari kereta polis, dan tidak lama kemudian sebuah kereta perusuh polis melintasi tempat mereka.

"Orang gaduhlah?" Ah Poon mengagak.

"Bukanlah," Ainon, mak cik yang membawa bakul menyampuk.

"Orang-orang polis menangkap orang-orang yang mogok," Ahmad Azam menerangkan.

"Apa fasal?" Chee Kow ingin tahu.

"Tauke suruhlah," balas Ahmad Azam ringkas.

"Kalaupun hendak berjalan, naiklah teksi. Perut sudah besar macam itu, susah hendak dibawa berjalan bukan?" kata perempuan yang bernama Juriah merungut.

Orang ramai kian ramai menanti bas itu, kereta-kereta teksi betul-betul dihujani untung, dan kereta-kereta pakai mendapat faedah lumayan daripada pemogokan itu. Mereka mengambil bayaran sewa

yang lebih murah daripada teksi-teksi yang berlesen itu.

Apabila datang sebuah bas yang dipandu oleh seorang drebar yang menjadi ahli lembaga pengarah syarikat itu sendiri, dan berhenti di tempat perhentian bas itu, berebut dan berasak orang-orang menaiki bas itu, orang boleh mendengar jeritan daripada anak kecil yang dihimpit dan dipijak.

"Kurang ajar," kata Asmah kerani pada Ahmad Azam, walaupun dia tidak kenal pada pemuda itu, suatu keluhan yang meminta timbang rasa dan sokongan.

"Mengapa?" tanya Ahmad Azam.

"Hendak diramasnya buah dada saya, mujur sempat saya menepis tangan!" Asmah mula menerangkan apabila ada sambutan ingin tahu daripada pemuda itu.

"Saya tidak nampak orangnya, cuma saya nampak tangan saja yang hendak mencekuk buah dada saya," ujar Asmah hangat.

"Itu macam orang mesti kasi mati, banyak busuk!" balas Chee Kow dan menahan teksi dan menaikinya.

"Barangkali lagi kecil dia tidak makan emaknya punya susu?" Ah Poon yang membuat kenyataan ini penuh rasa benci.

Bisik Ainon pada Juriah, "Nasib baik tak kena himpit, kalau tidak parah anak yang dalam perut itu."

Juriah menjawab, "Duduk saja di rumah diam-diam, masa ini dalam keadaan begitu, kalau berjalan juga, memanglah sengaja cari nahas."

Ramachandran, dengan kemejanya yang berbunga-bunga dan seluarnya yang ketat, bercakap Inggeris dengan seorang kawannya, Devi. "Bagus juga mogok ini, kita tidak menaiki bas lagi, ada masa-

nya kau duduk dan aku berdiri, dan di dalam teks kita duduk berdekatan, perhubungan kita tambah rapat."

Devi tidak menjawab, hanya tersenyum sebagaimana seorang gadis mesti tersenyum apabila disebut soal cinta dan hati.

Tiba-tiba kedengaran suara orang menjerit, kali ini kuat dan menyeramkan bulu roma.

Suatu kemalangan jalan raya berlaku, seorang pemuda belasan tahun yang menunggang basikal, dilanggar oleh sebuah lori. Mujur pemuda itu tercampak ke tepi jalan raya, menderita luka-luka di tangan dan kaki, kalau tidak tentulah pemuda itu mati ditindih roda lori yang besar dan berat itu.

"Melaram lagi, naik basikal lari macam setan, entah apa yang dikejanya. Padan kena langgar, hendaknya mampuslah. Meluat saya dengan jantan macam itu!" pendapat Asmah mengejek.

Ainon menambah, "Itulah kesudahannya jantan keparat, bukannya tahu serik. Tengok yang seorang lagi itu, larikan basikal macam lipas kudung, lagi sedikit dia langgar budak itu," menunjuk pula pada seorang pemuda yang melarikan basikalnya dengan laju.

Juriah pun berkata, "Budak-budak muda macam itu bukan tahu jenuh, seorang mati, sepuluh orang buat lagi."

Dengan sedih berlinang air mata perempuan mengandung itu berkata, "Saya pantang melihat orang kena langgar, semenjak suami saya mati waktu balik kerja, basikalnya dilanggar oleh lori tentera yang besar itu."

Ainon berbisik pada Juriah, "Kalau suaminya sudah mati kena langgar anak siapa yang dikandungnya itu?"

Baru sahaja Ahmad Azam hendak menyeberangi

jalan untuk memberikan pertolongan pada pemuda itu, dia dengar orang berkata, "Lebih baik jangan ditolong, bukannya dapat baik, nanti bala menimpa kita. Nanti kita dipanggil jadi saksi pula, kena turun naik *court*, berapa banyak belanja tambang itu, siapa yang hendak bayar?"

Lama juga baru kereta sakit datang membawa budak yang cedera itu ke rumah sakit, sambil beberapa orang polis mengukur jarak jauh tempat lori itu berhenti dan budak itu tercampak.

"Kakak sudah berapa bulan?" tanya Asmah pada perempuan yang mengandung itu.

"Sembilan bulan dan hanya menanti hari saja," balas perempuan itu.

"Suami kakak mana?"

"Sudah meninggal dunia."

"Sudah lama."

"Lama juga," kemudian perempuan itu melanjutkan perkataannya, "Suami cik adik mana?"

"Saya masih anak dara," balas Asmah.

Ainon bercakap perlahan-lahan pada Juriah, "Ai, siapalah tahu masih anak dara lagi atau bukan."

Juriah bersetuju, "Benar, anak-anak dara zaman sekarang ini, kebanyakan macam kelapa ditebuk musang. Awak dengar perempuan bunting tadi mengatakan, dianya cuma menanti hari saja, suaminya sudah mati, dia enggan mahu jelaskan bila matinya. Ganjil juga! Hairan bin ajaib."

Kata Ainon, "Entahlah ayam, itik saja yang tahu?"

Sebuah kereta berhenti di depan orang ramai yang menanti bas itu, kereta itu berhenti dengan mendadak sahaja, bunyi roda bergaris dengan batu jalan raya memilukan telinga. Dari kereta itu meloncat keluar lima pemuda Cina yang memakai seluar-seluar ketat, dan tali pinggang daripada kulit hari-

mau, seorang daripada mereka memegang sebuah botol yang penuh berisi dengan air api, dua orang lagi memegang batang besi, dan seorang lagi berjalan menggoyangkan badan, dan menunjuk pada Ah Poon.

Ah Poon nampak pemuda-pemuda itu, dan mukanya jadi pucat, peluh ketakutan mengalir di seluruh tubuhnya, dia cuba hendak lari, tetapi ketakutan mengunci kedua-dua kakinya, dia berdiri mati di situ. Ketakutan sudah membuatnya sebagai tubuh yang tidak berjiwa dan bernyawa lagi.

Botol air api dilontarkan pada Ah Poon, ini saatnya nyawa kembali pada Ah Poon, dia menjerit, suatu jeritan yang amat mengerikan. Jeritannya diikuti pula oleh jeritan beberapa orang perempuan di situ.

Ah Poon menjerit beberapa kali, apabila batang-batang besi membaham tubuhnya, hingga suaranya jadi ngerang sakit yang mengeluh antara dengar dengan tidak, dan suara itu hilang membisu kembali ... dan kita lihat Ah Poon yang berada di pinggir dunia maut yang gelap terbaring di jalan raya.

Waktu polis datang, kelima-lima pemuda tadi sudah menaiki kereta mereka semula, dan dengan suara yang menderum, drebarnya menekan minyak dan kereta itu meluncur laju.

Sebuah kereta sakit datang mengambil mayat Ah Poon.

Orang ramai yang lain lari ke dalam kedai-kedai dan berlindung di kaki lima, sekarang kembali keluar ke tempat perhentian bas.

Tiap-tiap orang di situ disoal oleh polis.

"Saya tak nampak, saya sedang beli minyak kayu putih di kedai," kata Ainon.

"Haram, saya tak tahu apa-apa encik, saya baru saja sampai," daripada Juriah.

"Ada apa encik?" Asiah pura-pura bertanya.

"Saya tak tahu apa-apa encik, saya memang sudah lama berdiri di sini. Tidak semena-mena saya rasa perut saya sakit benar-benar, saya pun terburu-buru masuk ke kedai doktor itu, malangnya doktor sudah keluar pergi ke rumah sakit, jenuh saya menunggu. Perut saya pun sudah kurang sakitnya, jadi saya sekarang hendak ke klinik, hendak periksa doktor dan ambil ubat," kata wanita yang hamil itu.

Pada setiap orang yang ditanya oleh polis, jawabannya serupa sahaja, mereka tidak tahu dan mereka tidak melihat peristiwa itu berlaku.

Kereta polis berlalu dari situ, dan orang ramai berbisik sesama sendiri tentang kejadian pembunuhan yang baru berlaku tadi.

"Sengajalah mulut gatal, kalau ada sesiapa yang hendak memandai-mandai bercakap sama polis. Biar dua biji mata saya yang melihat, nama hendak memberitahu polis, haram, pantang nenek moyang saya. Dengan tak ada fasal kita diseret ke balai polis nanti," kata Juriah penuh tenaga.

Ainon akur sahaja, "Berderau darah saya sekejap, awak kata, saya fikir si bawa bisul itu," menunjuk ke arah perempuan yang bunting, "Hendak memandai-mandai bercerita pada polis tentang kejadian tadi, rupanya tidak. Bohongnya, saya dengar mengada-ada benar. Perut sakit hendak beranak, cari doktor, masukkan saja dalam kertas akhbar bahawasanya aku hendak beranak, mulut aku ini rat, entah anak halal atau ... ah, cari dosa saja. Habis itu, ada hati bilang hendak pergi klinik, konon nanti orang polis tumpangkan kereta. Nah sekarang awak ditinggalkan terbongkang seorang."

Kata Ahmad Azam dengan suara perlahan, "Besok saya tunggu awak depan panggung Cathay, jam

5:30 petang, kita minum aiskrim, dan kita tengok wayang!"

"Awak tunggu sayalah, saya perempuan, seganlah berdiri lama-lama menanti orang!" balas Asmah.

"Baiklah, pukul lima nanti saya menunggu, jangan hampakan saya, tunggu punya tunggu, macam menunggu buah tak jatuh." Ahmad Azam meminta.

"Betulkah awak boleh tunggu? Kata awak tadi ada *meeting* kesatuan," Asmah menduga.

"Sekali ponteng apa salah," Ahmad Azam memberi kesanggupan. Bas datang berhenti di tempat perhentian itu, ramai orang yang berebut-rebut menaiki bas itu, termasuk wanita yang sedang hamil itu. Tiba-tiba dia menjerit kesakitan, terbaring di jalan meraung kesakitan.

Asmah pada Ahmad Azam, "Awak tolonglah!"

"Sudahlah," ajak Ahmad Azam, "Mari naik bas, nanti terlambat ke tempat kerja pula!"

Bas itu berjalan, hanya beberapa orang sahaja yang melihat perempuan mengandung itu kesakitan.

Di dalam bas, Ainon berkata pada Juriah, "Tuhan saja yang tahu tentang anak itu."

Kata Juriah, "Sudahlah, lupakan fasal dia, awak fikir Mak Hitam bomoh, boleh mengubat kemandulan kita berdua ini?"

Antologi *Sengketa*, 1965

Tasik Dayang Bunting

SUDAH berulang kali dia mendengar orang menceritakan tentang dongeng Tasik Dayang Bunting, padanya dongeng itu tidak punya erti sama sekali, kerana apabila orang sudah menghadapi kenyataan - pahit getir kenyataan - segala fantasi seluruh khayalan yang dipersekutukan dengan dongeng dan hikayat sudah ditenggelamkan oleh kebenaran yang ditelanjangan di depan mata kita.

Waktu bujang dulu - bersampan dia dan beberapa kawannya pergi ke Pulau Langkawi, menyiasat dan melihat tempat di mana seorang isteri yang bernama Mahsuri, dihukum bunuh kerana difitnahkan bermukah dengan seorang panglima waktu suaminya pergi berperang menentang penjajahan Siam, darah wanita itu mengalir putih, suatu pernyataan yang tegas tentang kesucian wanita itu, dan berta nyalah hatinya bahawa apakah hanya wanita suci yang tidak menduakan suaminya yang apabila matinya mengalirkan darah putih - dan sewaktu dia men curigai bahawa isterinya berlaku curang padanya, untuk membuktikan kesucian hatinya, dia pura-pura bermanja dan berjaya memujuk isterinya memberinya izin memotong kuku isterinya yang dilakukannya dengan pisau cukurnya yang tajam, mulanya isterinya enggan kukunya dipotong dengan pisau

cukur, dia pura-pura tak sengaja menggores jari isterinya dan mengalirlah darah – darah merah – semerah biji saga. Ini memberikan keyakinan yang besar pada hatinya bahawa dia bukanlah suami tunggal daripada isterinya. Sesudah lama mempelajari sejarah campur dongeng Pulau Langkawi, maka berangkat pula dia melihat Tasik Dayang Bunting.

Kini menyewa sebuah motor dia membawa isterinya ke Pulau Langkawi, dan dia menjadi seorang pemandu yang bijak, memberikan penerangan demi penerangan dan sampailah pula mereka ke Makam Mahsuri.

Dia menghening sejenak membaca Fatimah, kemudian bertanya pada isterinya,

“Bagaimana perasaan awak?”

Untuk seketika, Halimah diam membatu, dan jawapannya amat mengecewakan suaminya, “Biasa.”

Suaminya, Dahlan yang mencurahkan perasaan hatinya, “Bila saya ke mari, saya terasa berada di tengah-tengah dunia yang suci, kerana kesucian Mahsuri, sungguh-sungguh menjamah perasaan hati, saya agungkan kesucian wanita itu, dan sering kali hati saya tertanya apakah benar tiap-tiap wanita suci mempunyai darah putih?”

Lekas benar datang jawapan daripada isterinya, seolah-olah memotong cakap suaminya, “Mustahil?”

“Saya akui kebenaran kata-kata awak,” kata Dahlan bernafas sindiran.

“Biar bagaimanapun jahat atau baiknya wanita, darahnya tetap merah,” tegas Halimah sebagai hendak menafikan kisah Mahsuri.

Tersenyum Dahlan berkata dengan sikap bersahaja, “Kalaulah semua wanita seperti Mahsuri.”

Tidak ada jawapan daripada Halimah.

Lama kedua-duanya diam, agak sedar bahawa kata-kata itu ditujukan pada dirinya Halimah pun

berkata, "Kenapa awak tak mahu kahwin perempuan macam Mahsuri?"

Dahlan ketawa besar menyambut ini, ketawa yang penuh berselimut makna, "Awaklah Mahsuri saya."

Ketawa kecil Halimah membalas, "Jauh panggung dari api."

Mereka sebagai orang berat lidah, waktu keduanya makan tengah hari.

Di dalam perjalanan ke Tasik Dayang Bunting, Dahlan menyandar dan memejamkan matanya, dan tergambarlah kisah hidupnya pada masa lalu, percintaannya dengan Halimah, perhubungan awal berlaku dengan gambar Halimah yang tersiar di dalam ruangan perkenalan di dalam sebuah majalah filem, perutusan surat-menyurat, kemudian pertemuan untuk bertemu di sebuah tempat, sekali bertemu, dua kali bertemu, dan bertemu terus di pantai laut, di panggung wayang, berpelukan di dalam teksi dan akhirnya di kamar hotel.

Dia sedar bahawa pertama kali dia mengadakan perhubungan berahi dengan Halimah, bahawa kekasihnya itu bukanlah gadis lagi, mulanya agak berat lidahnya untuk bertanya hal itu pada Halimah, tetapi setelah perhubungan mereka sudah merupakan seperti hubungan suami isteri, hal kehilangan gadis itu ditanyakan oleh Dahlan pada Halimah, lama Halimah tidak menjawab, dan air matanya merembes keluar, dan dia dengan suara parau menuduh Dahlan sebagai sampai hati menganggapnya sebagai gadis yang telah ternoda, dan bersumpah dia dengan nama Allah, Rasul dan malaikat bahawa orang yang pertama yang menjamah badannya bukan lain daripada Dahlan. Begitu sungguh pengakuan Halimah di dalam tangisan itu, hingga pada mulanya Dahlan yakin bahawa dialah yang menjadi tupai menebuk

nyiur muda yang tidak berdosa, dan kesesalan merayap-rayap di hatinya selepas beberapa pertemuan lagi dia mula meragukan dirinya sebagai orang pertama yang menodai kesucian Halimah.

Keraguan ini berpindah menjadi suatu keyakinan yang bulat di hatinya, bahawa Halimah terkorban gadisnya apabila dia mengorbankan perlindungan pingitan rumah tangga, dan menjalani hidup bebas, memasuki kesatuan sosial dan berdansa malam hari di rumah kesatuannya. Setiap pertanyaannya Dahlan menerima jawapan sumpah yang kian kuat daripada Halimah, dan sampallah pada ketikanya Dahlan bersikap enggan mengemukakan soal itu lagi dan hanya berpegang pada pendapatnya sendiri, "Bahawa seorang wanita akan sentiasa menyimpan kenangan orang pertama yang membawanya ke dunia berahi, dan siapa orang itu juga akan jadi kenangan yang terkunci di hati."

Dahlan yakin bahawa cinta mengatasi segala keraguan, kerana berkali hati Dahlan menuliskan keraguan bahawa Halimah yang hilang gadisnya dan mungkin mengenal lelaki dalam pengertian keberahian sekurang-kurangnya sebanyak jari sebelah tangan, tidaklah layak untuk dijadikan isterinya, kalau Halimah jadi isterinya keraguan akan sentiasa mengganggu ketenangan hatinya bahawa Halimah akan menduakan dia apabila sahaja kesempatan mengizinkan. Tetapi Dahlan adalah manusia yang bersifat menghargai janji seperti menghargai nyawanya sendiri, biarpun berkali dia ingin meninggalkan Halimah begitu sahaja, tetapi dia teringat pula janjinya bahawa dia akan mengajak Halimah ke jinjang pelamin.

Dua tahun mereka berkahwin, tetapi mereka tidak mempunyai anak, dan Halimah dibawanya pergi ke doktor dan menurut pendapat doktor,

bahawa Halimah tidak mandul, dan mungkinkah dia sendiri yang tidak berbenih, Dahlan takut diperiksa doktor, takut menghadapi kenyataan bahawa sungguh dia tidak punya benih dan kerana itu, dia pergi menemui seorang dukun yang mengatakan biarpun nanti matahari terbit dari Barat, Dahlan tidak punya benih untuk menyambung zuriatnya.

Tiga bulan kemudian dia melihat perubahan isterinya, pada jasmaninya, kemudian isterinya sendiri memberitahunya bahawa dia sekarang hamil. Biarpun hal ini memeranjatkan dia, retak keraguan membelah hatinya, bahawa mungkinkah anak yang lahir itu anaknya, sedangkan dukun mengatakan dia tidak berupaya mendapat zuriat, pastilah sudah isterinya membuat perhubungan dengan lelaki lain, sangkaan buruk ini diperkuat oleh sikap isterinya kebelakangan ini jarang-jarang dia ada di rumah, katanya mesyuarat perkumpulan wanita.

Hal ini kerap kali menjadi punca pertengkaran mereka yang sering, sampai pada puncaknya apabila dia enggan berkata barang sepatah pun pada isterinya sampai berhari-hari lamanya. Aneh juga isterinya apabila Dahlan berbaik-baik padanya.

"Saya menyesal kerana menurutkan kata hati, dan membuat tuduhan-tuduhan itu."

"Menyesal memang mudah, tetapi hati yang luka juga menanggung."

"Jadi awak tidak mahu menerima penyesalan saya itu?"

"Terima atau tidak, hati saya cukup sakit awak buat?"

"Jadi awak hendak pergaduhan kita berpanjangan?"

"Tidak ... tapi."

"Nampaknya awak tak puas, sekali ini kalau kita bergaduh awak akan menyesal pula."

Halimah tahu bahawa dia sudah menimbulkan kemarahan suaminya, suatu kemarahan yang kalau dibiarkan berlanjutan akan menukar suaminya menjadi musuh dalam rumah tangganya, kerana dia tahu Dahlan ialah manusia yang memperkotakan segala kata-katanya. Halimah belum ingin mencari perceraian dengan suaminya, dia masih perlu dengan perlindungan Dahlan, rumah yang sederhana, lebih daripada mencukupi makan dan pakai.

Melihat tenang sudah menguasai Halimah, Dahlan mengajak, "Cuti dua minggu ini, kita akan pergi ke Pulau Pinang, kemudian ke Alor Setar, ke Pulau Langkawi, dan melihat Tasik Dayang Bunting!"

"Mengapa ke Tasik Dayang Bunting?" tanya Halimah kerana dia mengingati dirinya di dalam keadaan bunting juga.

"Dukun Tuk Kasim mengatakan kalau orang yang hamil pergi ke Tasik Dayang Bunting dan meminum air tasik itu, nanti bila dia melahirkan anak, tidak akan menanggung sakit, dan anak itu akan mendapat perlindungan keramat buaya putih."

"Buaya putih?" tanya Halimah penuh hairan, seperti wujudnya buaya putih itu merupakan suatu keanehan yang mengatasi segala keanehan.

"Di Tasik Dayang Bunting itu tinggal seekor buaya yang berwarna putih, yang dianggap sebagai keramat, menjadi penunggu tasik itu."

Dahlan memberi penjelasan pada isterinya yang telah mula menaruh minat terhadap peri kisah buaya putih.

"Berapa banyak buaya yang ada di tasik itu?" tanya Halimah semata-mata untuk bertanya, supaya perhatian suaminya tentang kisah buaya putih tidak terus.

"Hanya seekor saja," suka benar Dahlan melanjutkan penceritaan mengenai buaya putih.

"Jenisnya?" soal Halimah.

"Jenis macam mana?" Dahlan masih kurang faham.

"Jantan atau betina?" tanya lagi Halimah.

"Kata Dukun Kasim yang selalu membaca mantra untuk memanggil dan menimbulkan buaya putih keramat itu, dan pernah memegang badan buaya putih itu yang putih melepak, buaya jantan," penerangan Dahlan, lebar tersenyum.

"Apa buaya putih itu saja yang diam di tasik itu?" Halimah menagih penjelasan lanjut.

"Ya," ringkas sekali jawapan Dahlan.

"Dari mana asal usulnya buaya putih itu," Halimah ingin terus tahu.

Dahlan pura-pura berfikir sejenak, seolah-olah soal itu amat sulit untuk dijawabnya, "Tidak ada siapa yang tahu, bagaimana dan bila buaya putih itu ada di Tasik Dayang Bunting, sungguh merupakan satu masalah yang tidak dapat dijawab oleh sesiapa juga."

"Barangkali datangnya dari laut atau sungai?" Halimah menelaah.

"Mustahil," tingkah Dahlan. "Tidak ada parit air yang memuara dari sungai atau laut ke tasik itu, buaya putih itu memang ada di situ, kalau tidak masakan dinamakan keramat."

Dahlan menyandarkan kepalanya dan memejamkan matanya, melihat ini Halimah faham bahawa suaminya tidak mahu diganggu. Memang Dahlan tidak mahu diganggu, dia ingin melihat bayang di depan matanya, bayang itu datang terang dan jelas, seperti orang menonton filem di layar perak, kali ini memainkan cerita isterinya, bezanya jalan cerita filem di depan matanya tidak berjalan dengan aturan dan lancar, tetapi serpihan-serpihan daripada pelbagai cerita, seperti penayangan gambar-gambar beri-

ta, malah lebih buruk lagi, kadangkala gambar itu kabur oleh keraguan hatinya sendiri.

Dia dapat melihat bayang isterinya pada masa muda, jelita dan sentiasa tersenyum, dan di belakang latar dia dapat melihat laut-laut yang terbuka luas - dia mendengar bunyi ombak mengejar pantai dan mengundur ke lautan besar. Seorang lelaki mula menampakkan bayangnya, dia cuba mengenali lelaki itu, tetapi tidak juga dikenalnya, dia membandingkan lelaki itu dengan kawan-kawan Halimah yang pernah diperkenalkan kepadanya.

Tetapi tidak seorang pun yang serupa atau mirip dengan orang yang di depan kelopak matanya. Siapa? Ini adalah terlalu penting untuknya? Tetapi orang itu masih berada di daerah rahsia? Dia melihat lelaki itu memeluk Halimah dari belakang, terkejut Halimah berpaling, mata mendalami mata mencari pengakuan, pengertian dan penyerahan, dan seluruh erti kasih terhurai dan berpadu di dalam paduan dua bibir. Tidak ada suara, hanyalah deru ombak yang terus berkejaran.

"Aku sanggup berkorban untuk kau."

"Kau tidak akan menyesal."

"Kalau aku kesal nanti dengan erti penyesalan, aku tentu tidak akan ke mari."

"Aku tidak meminta."

"Aku yang memberi."

"Cintaku bukanlah hanya sekadar menenangkan gelora hatiku. Cintaku suci."

"Dengan suci pula, aku menyerahkan diriku padamu!"

Dahlan marah melihat ini semua, tanpa dapat berbuat apa-apa, kerana ia hanya suatu bayangan daripada suatu peristiwa pada masa lampau. Kemarahannya lebih banyak pada kekecewaan tidak dapat mengenali lelaki itu, daripada melihat isteri-

nya mengorbankan daranya, untuk membuktikan nilai cinta. Itulah yang terjadi malam itu, dia dapat melihat segala sesuatu terbayang di depan matanya, melihat paduan kasih sampai pada puncak nikmat, dia tidak dapat melihat dengan tepat untuk mengenali lelaki itu. Dia melihat wajah Halimah berseri dengan kepuasan dan kebahagiaan, dan datang ombak besar menutupi semua bayangan yang dilihat di depan matanya. Ombak memukul motobot itu, dan membasahi muka dan bajunya, dia terkejut, dia tidak dapat melupakan mimpi yang mengacau tadi, apakah ini suatu mimpi? Sedangkan dia yakin sewaktu dia mengambil Halimah, bukanlah gadis lagi, tapi Halimah bersumpah mengatakan Dahlanlah orang yang pertama yang membawanya ke alam cinta berahi.

Hanya ombak kecil memukul motobot itu, dan ini mengkhayalkan Dahlan kembali, dan gambaran pertama yang dilihatnya ialah lelaki demi lelaki, Melayu, Cina, India, Inggeris memasuki kamar isterinya, kedengaran ketawa puas, ketawa kecil, ketawa mengejek, dan semua ketawa itu meriuhkan alam, seperti bilik rumah itu sendiri yang akan pecah oleh ledakan suara itu, dan kemudian orang-orang itu keluar dari bilik, berbaris seorang demi seorang seperti askar, mereka semua menunjukkan jari padanya, dan dengan suara yang sambut-menyambut, perlahan ... perlahan ... kuat ... dan maha kuat, mereka menuduhnya sebagai "DAYUS", apabila dia membukakan matanya bahawa isterinya berada di sisinya, dan menggoncang badannya.

"Awak mengapa?" tanya isterinya.

"Mengigau," jawabnya ringkas.

"Siang hari?" tanya lagi isterinya.

"Ya," balasnya sepatah.

"Apa yang dimimpikan sampai menjerit-jerit,"

tanya lagi Halimah.

Dia menggelengkan kepala dan tinggal membisu, tetapi hatinya berkata dia tidak mestinya percaya pada mimpi itu, kehidupan seorang lelaki tidak bergantung pada mimpi, tidak dengan seorang perempuan, sebuah mimpi sebuah gambar indah daripada satu kehidupan yang kosong. Mimpi hanyalah untuk orang-orang yang hidupnya senang-lenang, yang dapat menikmati kekarutan itu dalam keadaan yang membimbangkan. Biar bagaimanapun, adalah suatu perkara yang pasti, bahawa mimpi bukanlah untuk orang-orang yang terdesak seperti dia, terdesak sesak jiwanya apakah anak yang dikandung oleh isterinya, daripada darah benihnya sendiri? Sedang pak dukun mengatakan dia mandul, pokok besar, hebat, berdaun lebat, tanpa memetik bunga menumbuh buah.

Di pinggir-pinggir pulau itu banyak sekali batu karang, motobot itu tak dapat menghambat ke tepi, jadi terpaksa Dahlan dan Halimah turun jauh sedikit dari pantai, Halimah mengangkat tinggi kainnya dan mengharungi air ke pantai, sedangkan Dahlan membiarkan laut membasahi seluarnya hingga ke paha. Tiba di pasir, kedengaran pembawa motobot itu berteriak,

"Mahu saya tunggu, atau saya datang sejam dua lagi?"

"Suruh saja tunggu!" Halimah meminta.

Dahlan berteriak, "Jangan ditunggu, kami tahu pulang sendiri!"

Mereka menaiki bukit curam menuju Tasik Dayang Bunting, belukar yang menambahkan kesepian suasana, dan hanya terdengar deru motobot yang meninggal pergi.

Dahlan dan Halimah sekarang berdiri di tebing tasik yang bersejarah itu. Suasana hening dan sepi,

hanya binatang-binatang hutan bertukar cakap antara satu sama lain.

"Mana buaya putih?" tanya Halimah dengan rasa bimbang, cemas dan ingin tahu.

"Bukan mudah untuk buaya putih itu menimbulkan dirinya," balas Dahlan.

"Mengapa?"

"Buaya jantan itu hanya timbul pada orang-orang yang disukainya."

"Mengapa awak tidak mahu membaca mantera supaya segera timbul buaya itu?"

"Bukan saatnya."

"Habis, bila?"

"Bila rembang petang."

Dahlan menarik isterinya duduk.

Halimah terkejut, dan terhentak duduk, punggungnya maaf.

"Awak ini memeranjatkan dan menyakitkan orang!" Halimah marah.

"Aku tak sengaja," kata Dahlan seperti meminta maaf.

Dahlan memeluk isterinya, dan mencium isterinya di pipi. Halimah menolak.

"Awak ini macam budak-budaklah," Halimah merungut.

"Apa salahnya, kalau kita membaharui kasih sayang," balas Dahlan tenang.

"Sudah terlambat," suara Halimah penuh mengejek dan kesal.

"Tidak pernah terlambat dalam soal kasih," balas Dahlan menguatkan pelukannya pada isterinya.

"Awak hendak membunuh saya," tanya Halimah dengan curiga di hatinya.

Dahlan enggan menjawab, berahinya tambah

kuat pada isterinya. Kini barulah ada sambutan kasih dari isterinya.

"Kalaulah awak sentiasa begini, tentunya kita tidak akan selalu bergaduh," kata Halimah.

"Awak pun tidak akan keluar rumah."

"Maksud awak?"

"Kasih sayang hanyalah untuk kita berdua."

"Maksud awak saya menduakan awak, mencari jantan lain?"

"Tidak."

Kata Dahlan, selepas kedua-duanya diam sejenak, "Awak fikir anak kita yang bakal lahir itu, lelaki atau perempuan?"

Kata Halimah, "Entahlah."

Dahlan dengan penuh hasrat mengurut-urut rambut Halimah, kemudian tangannya menjelajah menurun dan mengurut-urut leher Halimah.

Halimah mula cemas, dengan suara yang penuh ketakutan berkata, "Apa, awak hendak cekik saya?"

Ini menimbulkan kemarahan Dahlan, dia bangun, Halimah yang berasa kakinya kebas bangun dan memandang ke tasik yang tenang, hening dan sepi.

Merungut Halimah berkata, "Mana buaya putih itu?"

Dahlan menjawab, "Sebentar lagi," hatinya masih bengkok terhadap tingkah isterinya tadi, "Sekarang biar saya membaca mantera memanggil buaya keramat itu."

Halimah pergi mendekati Dahlan, dan berdiri di sisinya.

Lama juga Dahlan mengulang manteranya, tetapi tidak ada seekor buaya pun yang timbul. Sebagai orang yang terperanjat Dahlan berkata, "Tengok, buaya putih itu timbul!"

"Mana, mana?" tanya Halimah dan matanya mencari-cari ke segenap permukaan air itu.

Dahlan menolak Halimah ke dalam Tasik Dayang Bunting, kedengaran jeritan meminta tolong, ketawa seorang lelaki seperti orang ketawa mengejek terhadap dunia ini dan segala penghuninya.

Pada 28 Ogos 1964 suatu rombongan Peminat Sejarah dari pelbagai negeri Persekutuan Tanah Melayu, telah berasa hairan berjumpa dengan rangka manusia di tepi sebuah pokok, dalam semak belukar di Tasik Dayang Bunting itu, dan ahli-ahli peminat sejarah itu sedang membuat penyiasatan sama ada rangka manusia itu adalah rangka Orang Asli yang mendiami pulau itu, dan bagaimana boleh berada di situ?

Tetapi yang menjadi perbualan hangat ialah, ahli rombongan itu mengatakan, mereka melihat dua ekor buaya putih yang timbul di permukaan air.

Antologi *Sengketa*, 1965

Dia Ingin Beranak

PADA awalnya suaminya terlalu miskin untuk punya anak, walaupun isterinya berkali-kali mengatakan – sedangkan anak ketam di lubang batu mendapat rezeki, inikan pula anak orang – padanya anak ketam itu memang lahir di lubang batu itu dan mendapat rezeki yang memang tersedia di situ, lainlah anak orang, mesti diberi makan dari kecil sampai meningkat tahun demi tahun.

Tanpa wang, memelihara anak bererti mengecewakan anak sendiri. Dia tidak mahu melihat anak-anaknya terbiar sepanjang jalan, bermain dengan budak-budak lain berlenging, perut anak-anak gendut oleh gunung cacing, kulit hitam berdaki dan ber-kudis, seluar bertampal-tampal.

Dia sentiasa memegang pendapat, bahawa kalau orang tidak sanggup memelihara anak dan memberikan keperluan semestinya pada anak-anak itu, maka anak-anak itu tidak semestinya dilahirkan di dunia ini. Menyusahkan ibu bapanya membesarkan anak-anak itu adalah suatu perkara, tetapi penderitaan (walaupun anak-anak itu tidak kenal derita) anak itu kurang makan dan pakai merupakan suatu dosa besar yang sengaja dilakukan oleh ibu bapa.

"Tetapi, ibu bapa adalah manusia," kata Arfan. "Sebagai manusia yang diikat oleh hukum kahwin

mereka perlu pada hubungan berahi."

Tiga bulan sesudah dia beristerikan Mastura maka isterinya hamil. Dia menyesali dirinya dan menyalahkan dirinya sendiri kerana tidak mahu mengikut pantang larang itu dengan tepat, dia telah diberi senarai oleh seorang kawan yang tidak punya anak walaupun sudah lapan tahun kahwin, "Dijamin berjaya," kata kawannya itu dengan sinar nakal di matanya dan menjamin, "Walaupun tenaga lelakiku sangat kuat, tetapi aku belum pernah diberi anak, kerana menggunakan cara itu." Cara yang tersebut tertulis di senarai yang diberikan pada Arfan ialah pada hari-hari yang tertentu, dia tidak membolehkan meminta berahi daripada isterinya.

Apabila isterinya hamil tiga bulan dia menemui sahabatnya itu.

"Kata awak cara awak terjamin," ujar Arfan sedikit sebanyak ada nada mengejek.

"Barangkali senarai itu kauhilangkan," balas kawannya masih sabar.

"Tidak, senarai itu adalah harapanku, kadang-kadang di *office* juga aku melihatnya, untuk menentukan sama ada malam itu, malam aku atau bukan?" kata Arfan sungguh-sungguh.

"Barangkali kau menagih catuan bukan pada waktunya," giliran kawannya untuk mengejeknya.

"Demi Allah dan Rasulnya dan Qur'an 30 juz, tidak!" tegas Arfan menepuk meja seperti menepuk Qur'an.

"Habis, bagaimana?" tanya kawannya.

"Habis bagaimana?" Arfan mengulang pertanyaan itu.

"Aku mana tahu, itu isterimu, dia yang lebih tahu," kata kawannya meninggalkan kedai kopi itu dan membiarkan Arfan untuk menjelaskan pembayarannya.

Semenjak itu rajin benar Arfan membeli nenas, lagi muda dan lagi masam itulah lagi digemarinya, dan memaksa isterinya memakannya, walaupun nenas itu bukan buah yang digemarinya. Biarpun sudah banyak nenas yang menajami lidah isterinya, namun kandungan isterinya tambah berat.

Kalaulah tidak kerana haram, sudah tentu dia akan memaksa isterinya meminum *stout* berbotol.

"Anak aku akan lahir dua bulan lagi," kata Arfan pada dirinya sendiri.

Esoknya, sewaktu turun tangga hendak pergi ke klinik, Mastura terpijak kulit pisang, tergelincir, jatuh ke tanah dan keguguran, kereta sakit dipanggil dan seminggu dirawat di rumah sakit Mastura dibenarkan pulang.

Ada orang yang menyebarkan tuduhan bahawa kulit pisang itu sengaja ditaruh oleh Arfan, supaya isterinya jatuh dan keguguran, langkah terakhir supaya isterinya tidak melahirkan anak.

Selepas isterinya sembuh kembali, Arfan membawa isterinya menemui Mak Bedah, tukang urut yang terkenal.

Dia menerangkan maksud kedatangannya pada Mak Bedah.

"Saya belum mampu menanggung anak," kata Arfan memulakan pembicaraan.

"Saya faham," kata Mak Bedah.

"Sudah macam-macam ikhtiar yang saya buat dahulu, tetapi Mastura mengandung juga, sudah kehendak Allah, anak itu mati sebelum melihat dunia, mati keguguran," kata Arfan.

"Kasihlah," kata Mak Bedah.

"Awak tidak ada anak seorang pun?" tanya Mak Bedah pula.

"Benar."

"Takkanlah tidak mampu menanggung seorang

anak?" kata Mak Bedah.

"Bukan soal mampu atau tidak Mak Bedah, tetapi soal kesanggupan memberi anak itu segala sesuatu yang dikehendaki di dalam dunia. Saya tidak mahu melihat kehidupan anak saya terbiar, dan tak sanggup saya menolak permintaan anak saya jika dia memerlukan sesuatu."

"Aku memang tak faham dengan fikiran orang-orang zaman sekarang," kata Mak Bedah.

Sirih pun dilipat lalu dikunyah, membuat sentil tembakaunya, Mak Bedah berkata, "Cara aku tak ada pakai ubat, tak ada pantang larang."

"Itu memang bagus," kata Arfan gembira.

"Sabar dahulu nak, kepandaian aku ini mengurut dan menyangkak," kata Mak Bedah.

"Menyangkak macam mana?"

"Orang lelaki tak payah tahu. Aku sahaja yang mengerjakan, aku jamin dua tahun isteri kau tak boleh beranak," kata Mak Bedah.

Perkataan "jamin" itu meragukan Arfan, ini membuatnya bertanya, "Kenapa dua tahun saja, Mak Bedah?"

"Kalau hendak lima tahun pun boleh, tetapi harganya lima kali ganda," kata Mak Bedah.

"Kalau begitu, biarlah dua tahun Mak Bedah," kata Arfan sambil menyerahkan wang \$20 pada perempuan tua itu.

"Kalau sudah selesai dua tahun bagaimana?" tanya Arfan.

"Awak mesti datang untuk jumpa saya lagi," kata Mak Bedah.

"Boleh jadi lebih, atau kurang belum tahu," kata Mak Bedah. "Dua puluh ringgit bukanlah banyak untuk harga nikmat tetapi selamat."

Arfan disuruh pulang sahaja.

Malamnya Mastura dihantar pulang oleh Mak Bedah.

Di dalam bilik, dia memujuk isterinya, "Kenapa begini lambat?"

"Banyak kerjanya," balas isterinya.

"Banyak macam mana?" tanya suaminya lagi.

"Banyak ragamnya."

"Sakit?" tanya Arfan.

"Tentulah, tetapi saya yang menanggung," kata Mastura membayangkan kekecewaan pada suaminya.

"Selesai sudah kerja Mak Bedah?" tanya Arfan.

"Saya mesti ke sana turut-turut selama seminggu, setiap kali saya datang saya mesti bawa beras kunyit dan sirih lengkap," kata Mastura.

"Teruklah abang begini," kata Arfan.

"Tak bolehkah selesai sehari dua?" Arfan bertanya lagi.

"Abang asyik bertanya, abang yang mengaturkan ini semua, abang juga yang tak mahu beranak," kata Mastura. "Abang keluarlah dahulu, saya hendak berehat."

Apabila Arfan sampai di muka pintu, Mastura berkata, "Abang terpaksa puasa 14 hari." Melihat perubahan pada wajah suaminya Mastura menyambung kata, "Tangan mencincang bahu memikul."

Nyata benar Arfan marah, kerana waktu keluar dari bilik itu pintu bilik itu ditutupnya dengan kuat.

Delapan bulan kemudian, Arfan tunduk mendedengar kata Abu Kassim seorang guru agama moden. "Kalau anak yang dikandung itu belum ada bentuk dan rupa, boleh isteri awak makan ubat gugur, ini tidak mendatangkan dosa, yang saya hairankan awak tidak ada anak langsung – apa salahnya anak seorang. Tetapi kalau anak itu sudah ada sifatnya, haram dan dosa besar menggugurkan anak itu,

samalah seperti membunuh anak itu.”

Arfan hanya mengangguk-anggukkan kepalanya, tetapi di dalam hatinya kalau ada pisau di tangannya, Abu Kassim itu hendak dibunuhnya, dirodok perutnya biar terburai. ‘Jangan-jangan ada anak, sebab itu perutnya buncit gendang.’ Oleh kerana membunuh bererti membuat kesalahan jenayah, Arfan hanya membiarkan hatinya menyumpah, ‘Kenapa dia tidak mahu mengeluarkan fatwa yang memihak kepada aku?’

Kata Abu Kassim, “Mustahil tadbir dapat melawan takdir,” Arfan mengeluh.

Abu Kassim mencadangkan, “Jumpa Mak Bedah cari sebab-sebabnya.”

“Sudah pun saya jumpa,” kata Arfan.

“Habis, apa katanya?” tanya Abu Kassim, cerita serupa ini memang seronok didengar oleh ustaz moden itu.

“Katanya saya gelojoh,” kata Arfan.

Abu Kassim tertawa besar.

“Apa maksudnya?” tanya Abu Kassim.

“Entahlah, saya pun tak tahu,” Arfan mengaku.

Apabila Abu Kassim turun tangga dan menyaring capalnya, Arfan pula bertanya, “Bila lagi ustaz hendak kahwin?”

Soal tanpa jawapan.

Mujurlah bagi Arfan, anak yang dilahirkan oleh Mastura, mati selepas 3 hari bersalin.

Seorang sahabat mencadangkan pada Arfan supaya dia menemui orang-orang di Jabatan *Family Planning* atau *Perancang Keluarga*. Arfan enggan kerana dia tidak mahu doktor lelaki memeriksa tubuh badan isterinya.

“Mereka juga punyai doktor perempuan,” kata kawannya.

“Mesti hendak potong-memotong, itu yang saya

tak mahu," kata Arfan.

Dia pergi menemui seorang doktor, menurut risikan orang-orang yang rapat dengannya bahawa doktor itu, selain daripada doktor biasa, menjalankan secara sulit menggugurkan perempuan beranak, terutama gadis yang belum berkahwin.

"Apa fasal awak tak mahu anak?" soal doktor itu, dan menyambung, "Awak kahwin betul sama isteri awak bukan?"

"Kalau doktor tak percaya, saya boleh bawa surat nikah," kata Arfan.

"Saya percaya, tetapi saya hairan kenapa awak tak mahu anak?" kata doktor itu lagi.

"Saya belum mampu memelihara seorang anak," kata Arfan.

Jawapan ini amat mengejutkan doktor, kalau tidak kerana harus menjawab telefon di mejanya, sudah tentu dia akan memarahi Arfan.

Sesudah 10 minit bercakap di telefon, "Tentu sekali dia bercakap dengan kekasih atau isterinya, kerana terlampau selalu benar dia menggunakan perkataan - *love* - dan *darling*," fikir hati Arfan, kini doktor itu menyambung cakapnya.

"Saya kasi awak ubat pil jarang beranak, seratus peratus *guarantee*," kata doktor itu membuka laci mejanya.

Arfan mahu sahaja menampar doktor itu kerana menggunakan perkataan dijamin mujarab seratus peratus.

"Lima puluh ringgit," kata doktor.

Kata doktor, "Fasal ubat ini sangat bagus, itu fasal harganya mahal. Kalau orang lain saya sudah minta harga dua atau tiga kali lipat ganda."

Dengan rasa antara hendak dengan tidak, Arfan menyerahkan wang lima puluh ringgit itu pada doktor, dan dia diberi ubat itu serta diterangkan sekali

peraturan-peraturan memakannya.

Amat rumit dan selepas pujukan, desakan dan ancaman, barulah Mastura mahu memakan pil menahan beranak itu.

Air mata Mastura meleleh apabila Arfan meletakkan sebiji pil itu di tapak tangannya, dia masih ragu-ragu dan takut untuk menelan pil itu.

"Nanti rosak badan saya," kata Mastura.

"Tidak, doktor bilang tidak," kata Arfan.

"Apalah doktor tahu tentang keadaan dalam badan," kata Mastura.

"Makanlah, kalau apa-apa abang yang tanggung," kata Arfan.

"Badan saya, macam mana abang yang hendak tanggung?"

Untuk pertanyaan ini, Arfan tidak punyai jawapan, dia memujuk, tambah bergelintang air mata Mastura. Dia mendesak, mula sedu kecil daripada Mastura, dan apabila Arfan mengancam sedu Mastura dicampur sedan, dalam tangisan inilah Mastura menelan pil ini berulam segelas air.

"Hendak muntah rasanya," kata Mastura.

"Jangan!" kata Arfan.

Mastura tidak jadi muntah.

Sejenak kemudian, berkata lagi, "Mabuklah abang."

Kata Arfan, "Kesan dari ubat itu, kalau mabuk pergilah baring."

Selepas pil pertama mudah benar Mastura menelan pil-pil yang selanjutnya. Pil itu selesai dimakan oleh Mastura untuk jangka waktu sebulan, tetapi pada akhir bulan Mastura tidak datang bulan.

Mastura hidup di dalam senyuman, akan terlaksanalah cita-cita yang terpendam di hatinya untuk menimang seorang anak. Hal ini disampaikan oleh

Mastura pada suaminya, yang menerimanya dengan muka masam.

Pada hari esoknya dia membawa Mastura menemui doktor itu, dan menerangkan bahawa pil itu tidak meninggalkan kesan apa-apa pun ke atas isterinya.

Doktor itu memberikan *injection* pada Mastura dengan mengatakan *injection* serupa itu mesti diterima oleh Mastura selama tiga kali. Doktor itu menegaskan bahawa ubat *injection* itu akan membunuh kuman benih yang dikandung oleh Mastura.

Selepas tiga *injection* berturut-turut, dan apabila sampai waktunya, Mastura dapat meyakinkan dirinya sendiri, bahawa dia sekarang sedang hamil.

Arfan tidak dapat berbuat apa-apa lagi hanya menerima apa yang datang.

Dan apa yang datang sangatlah mengecewakan Mastura, sedangkan Arfan sendiri tidak dapat menentukan perasaannya sendiri - gembira atau susah. Kerana anak yang dilahirkan oleh Mastura mempunyai banyak sifat yang kurang, hanya sebelah tangan, punya hidung yang paling pesek. Apabila doktor dipanggil, dia menjelaskan ini semua adalah bersebab daripada ubat menahan beranak yang dimakan oleh Mastura.

Selanjutnya doktor itu menerangkan bahawa, hanya ada satu antara harapan bahawa usia anak itu akan lanjut lebih daripada seminggu. Mendengarkan ini Mastura menjerit, menjerit, menjerit dan pengsan.

Kali ini Arfan yakin dan mengamalkan fatwa Ustaz Abu Kassim, "Tadbir tidak boleh melawan Takdir."

Isterinya kian sarat.

Genap sembilan bulan, dan beberapa hari isterinya melahirkan anak.

Arfan menimang anaknya di depan seorang kawannya yang baru datang dari Sabah.

"Cantik anak itu Fan," kata kawan itu.

"Nakal," kata Arfan.

Berita Minggu, 14 Mac 1965

Hidup Lebih Buruk

“**M**EMBUNUH diri memanglah buruk, tetapi ada kalanya kehidupan adalah lebih buruk, dan orang harus memilih antara dua keburukan ini.” Azman berfikir sendiri sambil berdiri di perhentian bas.

Sudah lebih tiga jam dia berdiri di situ, dan fikirannya terus berfikir, fikiran yang amat menyedihkan, suatu kesedihan daripada kehidupannya yang sedih.

“Aku gagal,” Azman menyumpah dirinya sendiri.

‘Aku gagal dalam segala bidang hidup.’ Dia mendengar gema suaranya sendiri, walaupun suara itu tidak wujud, hanyalah suatu persangkaan dan perasaannya sendiri. Azman berasa bahawa semua orang di jalan raya itu mengetahui, bahawa dia adalah seorang manusia yang gagal dalam kehidupan.

Sumpah hatinya menyumpah terus, ‘Aku gagal untuk bunuh diri sendiri.’

Sudah lama dia berdiri di situ, sudah banyak bas yang berhenti dan pergi, dan kereta-kereta lain bersimpang-siur di jalan raya itu. Dia melihat sebuah lori tentera yang lengkap senjata, seorang yang berdiri di situ berkata kepada kawannya – bahawa askar-askar itu ke Kota Tinggi untuk mencari dan membunuh orang-orang Indonesia yang mendarat –

dan sikap askar-askar itu menyanyi beramai-ramai membuat Azman menyangkal harga dirinya sebagai manusia semakin kecil, kerana askar itu menyanyi untuk menghadapi maut, sedangkan dia senyum tidak, sedih pun tidak, dia tidak mengerti apakah erti penghidupannya sendiri. Hanya yang diketahuinya, dan ini tidak dapat dinafikan oleh sesiapa juga, mahupun dirinya sendiri, kehidupan suatu kegagalan - suatu kekecewaan dan maha besar.

Seorang anak kecil yang merangkak di kaki lima, cuba berdiri, jatuh, berdiri lagi, jatuh lagi, begitulah seterusnya. Anak itu tidak sedikit pun menangis, malah ketawa seperti ketawa anak-anak lain, bagi anak itu cuba berdiri dan jatuh, merupakan suatu permainan.

Azman sudah beberapa kali jatuh dari tingkat hidup. Dia tidak pernah bangun, malah jatuh kian merosot, dan menyalahkan orang lain membawa bencana menimpanya.

Dia menyalahkan ibu Arfah, maka dia tidak dapat berkahwin dengan gadis jelita itu. Tapi Arfah sendiri yang telah menemuinya dan menyampaikan kata putus; sama ada Azman meminang mereka atau mereka berpisah kasih, sudah lima tahun mereka bercinta, dan Azman tidak pernah membuat peminangan, "Aku sudah bosan dengan janji, aku tidak mahu kau memetik bintang dari langit, dan menggulung langit untuk membentuknya sebagai hamparan di kakiku. Aku lebih suka kau menyisip atap membumbungi kepalaku, dan kau memetik kedondong di belakang perigi untuk aku selepas tiga bulan kita kahwin."

Bagi Azman bermimpi mencapai bintang dan menggulung langit, adalah lebih mudah daripada menyisip atap. Kini Arfah sudah kahwin dengan orang lain dan sudah punya lima anak.

Azman yakin bahawa dialah orang yang paling menderita di dunia ini. Arfahlah mesti disalahkan, kerana dihasut oleh ibunya yang sombong itu supaya memutuskan kasihnya dengan Azman.

Dia menyamakan segala perempuan seperti Arfah, dan wanita hanyalah kain perca buruk, dipakai dan dibuang. Azman merayap-rayap ke bar-bar, ke joget moden, dan ke lorong senget, untuk membeli perempuan. Ini lebih baik daripada membuat janji, dengan perempuan-perempuan ini. Kau ambil mereka dan kaubayar mereka, di situ permulaan dan di situ penyudah, tidak ada janji palsu, melainkan memuji-muji mereka dan membisikkan kata-kata indah ke telinga apabila di dalam pelukan kasih, dan tidak ada tanggungjawab untuk dipikul. Kau tidak takut bahawa wanita-wanita itu akan bunting, menimbulkan masalah sulit dalam hidup.

Azman tidak menaiki bas, malah pulang ke kamarnya yang kecil, sewa tiga bulan belum dibayarnya, meja tulis sudah dijualnya, almari dirampas kerana ansuran bulanan tidak jelas, yang tinggal katil kapuk dengan tilam lama yang telah nipis ditimpa badannya dan keringat.

Berbaring di atas katil, dia cuba membuat sesuatu keputusan besar, sama ada akan meminum racun yang diambilnya percuma dari klinik, dia mengatakan pada doktor, dia menanggung penyakit kulit yang menggatalkan, jadi dia diberi ubat sapu, di luar botol itu bertulis cap besar - racun - tidak boleh dimakan.

Sudah berulang kali dia menuang racun itu ke dalam gelas, meminumnya tidak juga, dan menuangnya kembali ke dalam botol, sama seperti sewaktu dibuang kerja, kerana lambat datang ke pejabat, kerja-kerjanya terbengkalai, dia menaiki tingkat ter-

tinggi sebuah bangunan rumah pangsa. Azman memandang ke bawah, betapa kecil dan ramainya manusia, dapat dibunuh dengan memijak dan meramas mereka, kereta-kereta yang ditakuti sebagai pembunuh orang, lalu lintas kelihatan sebagai barang mainan, boleh dicakup dengan tangan dan dilontar ke tembok batu. Dari tingkat tertinggi, Azman memandang ke bawah, mati merupakan perkara mudah, kau terjun sahaja, dan esok akhbar-akhbar akan berteriak, "Kerani muda terjun maut." Mati amatlah sulit, dia tidak dapat memaksa dirinya terjun ke bawah, takut? Tidak! Cinta pada hidup? Tidak juga! Berfikir sendiri sebab mengapa dia memilih membunuh diri dan apabila berhadapan dengan maut dia jadi lumpuh, berfikir adalah suatu hal yang paling sulit, berfikir menyusahkan otak sahaja. Dia turun dari bangunan rumah pangsa itu, dan berulang kali hal ini dilakukan, dan apabila sahaja bertemu muka, dia menghadapi kegagalan, suatu kegagalannya yang tidak dapat dihuraikannya, fikiran dan hatinya mengatakan bahawa dia bukanlah seorang pengecut, dia benci benar dengan perkataan ini, mungkin dia seorang gagal, manusia kecewa, lekas berputus asa, menyerah bulat pada takdir, atau apa sahaja, tapi dia bukanlah pengecut, kerana pengecut ialah sifat paling hina daripada manusia. Tapi mengapa apabila dia berkonfrontasi atau berhadapan dengan maut, ketakutan melumpuhkan seluruh jasmani dan rohaninya.

Sekarang ketakutan yang sama, perasaan kelumpuhan yang sama, merayap pada dirinya, kerana dia tidak dapat meminum racun yang di tangannya itu. Dengan perasaan meluat, dia meletakkan racun itu di atas lantai, dan berjalan ulang alik di kamarnya yang sempit itu.

Tiba-tiba dia teringat bahawa sejak pagi sampai

sekarang dia belum menjamah sedikit makanan pun, dan kelaparan menggamit perutnya, Azman bertanya pada dirinya sendiri, apakah kelaparan yang mencucuk-cucuk perutnya itu suatu penderitaan? Jawapan datang dari diri sendiri, "Kelaparan bukanlah penderitaan, tapi suatu nafsu besar. Penderitaan biasanya datang tanpa-menimpa, kebahagiaan, keinginan dan kesakitan."

Sekali dulu, sewaktu dia terasa dirinya dipeluk ilham, dia merasa keinginan untuk mengarang, Azman pun mula mengarang beberapa rencana dan cerita pendek, dan menghantar pada akhbar-akhbar dan majalah-majalah tertentu. Dia terus-menerus membeli akhbar dan majalah itu, tetapi hasil-hasil karangannya tidak pernah disiarkan. Azman berasa bahawa orang-orang itu memusuhinya, mereka enggan dia jadi seorang pengarang, kerana ini akan membahayakan mereka. Di lapangan penulisan, Azman berasa dia seorang "genius", bijak, luar biasa, orang lain bodoh belaka. Dia menganggap dirinya gagal juga, kerana tidak punya wang untuk menerbitkan akhbar, sekurang-kurangnya majalah sendiri, supaya masyarakat mendapat faedah daripada hasil seninya. Sampai pada saatnya dia membuat putusan muktamad tidak akan mengarang lagi, dengan ini dia tidak lagi akan berdepan dengan kegagalan. Dan pada hari ini juga dia menjual mejanya, entah kerana meja itu disangkanya membawa kegagalannya untuk jadi penulis, entahkan kerana dia sangat-sangat perlukan wang.

Pagi ini, sesudah mandi dan bersalin pakaian, Azman pergi ke pantai laut, hanya laut yang tinggal untuknya, untuk dia membuang nyawanya.

Apabila Azman sampai di laut, dia melihat pasir dan lumpur sejauh-jauh mata memandang, senyap

dan sepi, hanya kedengaran bunyi burung berkicauan terbang menyambar ikan di lumpur. Dia menjalani sepanjang pasir itu, melihat dua kekasih bercium-ciuman. Dia lalu di depan mereka, bagi mereka Azman tidak ada, hanyalah cinta mereka yang wujud di dunia ini. Dia melihat juga beberapa orang perempuan sedang berkarang. Dan sekumpulan yang lain memungut agar-agar laut.

Dia sampai pada sebuah batu besar yang tinggi, termengah-mengah dia memanjat ke puncak batu itu, akhirnya dia tiba di atasnya.

Dia baring di atas puncak batu itu yang datar, sejenak tidur datang memeluknya. Apabila Azman sedar daripada tidur, pertama didengarnya ialah deru ombak memukul batu itu. Dia bangun dan memandang ke bawah, dan laut telah pasang.

Dia berdiri di pinggir batu itu dan hendak terjun ke dalam air, supaya dia lemas dalam air, dan gelombang menghentam badannya. Tiba-tiba dia teringat bahawa di dalam buku-buku cerita roman masyarakat yang dibacanya apabila anak muda hendak membunuh diri, datanglah kekasih jelita menahan pemuda itu daripada membunuh diri, dan mereka berjalan menghadapi matahari terbit, dan memulakan suatu penghidupan baru. Azman hendak terjun ke dalam laut itu, tetapi hatinya menyimpan harapan akan datanglah hendaknya seorang wanita yang akan mencegah dia membunuh diri, dan mengajaknya membina istana hidup baru.

Azman takut berpaling ke kiri, ke kanan, atau ke belakang, takut gagal, takut kalau dia berpaling, tidak ada wanita yang datang untuk menahannya membunuh diri.

Azman berdiri memandang ke laut yang meriah

dan kocak dengan gelombang, sama ada terjun membunuh diri, atau menanti gadis harapan untuk menyelamatkannya.

Utusan Zaman, 16 Mei 1965

Anak-anak Sedang Bermain

SEKUMPULAN anak-anak sedang bermain.

Tujuh budak kesemuanya, Halimah, yang tertua, sebelas tahun, yang lain antara enam atau delapan tahun – Zainah, Zubaidah, Sharifah, Hamidah, Ainon, dan anak lelaki yang tunggal di dalam kumpulan itu – Kamal berusia enam tahun, baru seminggu masuk sekolah, tetapi sekarang asyik bercakap fasal sekolah, dan kalau Kamal bercakap fasal sekolah, hanyalah mengenai nasi lemak sekolah lebih sedap, lebih banyak dan lebih murah daripada nasi lemak Mak Merah yang berjualan di rumahnya setiap pagi, atau bagaimana dia berebut-rebut membeli karipap benggali di sekolah, kemudian di tengah ramai budak-budak itu, dia dapat “kapur”, dapat karipap benggali Islam itu tanpa bayar, atau cerita dia jadi ketua darjah dan dapat upah gula-gula atau kacang putih, jika dia tidak memberitahu pada cikgu nama budak-budak yang nakal dalam kelas.

Di dalam kumpulan anak-anak itu, Halimahlah yang tertua, dan sudah semestinya dia menjadi ketua, dan kalau mereka main “pondok-pondok”, dan main “cik-cik kak”, dengan sendirinya Halimah jadi emak, yang lain jadi anak-anak.

Hari ini mereka bermain di bawah pokok jambu

air yang sedang memutik, dan daun-daun yang hijau itu seolah-olah ditutupi oleh bunga-bunga yang memutik, dan kita bukan sahaja boleh nampak malah mendengar dengung kumbang-kumbang emas itu berpindah dari bunga ke bunga.

Di beranda rumah, Khatijah, ibu Halimah sedang menjahit baju, umurnya 35 tahun, tetapi sihat orangnya, gempal tinggi, cuma rambutnya mempunyai uban.

Kalaulah tidak tangisan Kamal, maka Khatijah tidak sedar bahawa anaknya, Halimah dan Kamal sedang bermain dengan anak-anak jiran dan tetangga.

Khatijah mengangkat kepalanya memandang ke arah Kamal yang sedang menangis, kemudian dengan suara biasa, yang tidak menunjukkan nada marah, dia berkata, "Halimah, bukan sudah beberapa kali aku berpesan, jangan melampau menyakiti Kamal, dia itu, gembeng, lekas menangis dan kalau dia sudah menangis, susah hendak menyuruh dia berhenti!"

Halimah mempertahankan dirinya, walaupun ada masanya dia yang bersalah, dia tidak akan menerima tuduhan itu, dan ini yang membuat Khatijah mengeluarkan rotan atau terus mahu anaknya berdusta, kata Halimah, "Orang ajak dia main, dia tak hendak."

Khatijah memanggil Kamal.

Diurut-urutnya rambut Kamal dan berkata, "Orang ajak main pergilah main, mengapa menangis pulak?"

Kamal masih sedu dan sedan, air matanya terus mengalir, "Bukan Kamal tak mahu main, Kamal jelak, asyik jadi anak saja, sesekali Kamal hendak jadi bapak pula."

Geli hati Khatijah mendengarkan alasan Kamal,

dan tersenyum di dalam hati, dia bertanya, "Apa salahnya jadi anak? Kan bagus dimanjakan orang. Itu pun cuma main-main saja."

Balas Kamal dengan suara patah disekat oleh sedu-sedan, "Bukan begitulah, mak! Kalau jadi anak, asyik kena suruh saja, kena perintah, sampai penat Mal disuruh pergi kedai, beli beras, belacan. Bila Kamal balik ada saja barang yang terlupa, disuruh pergi kedai lagi."

"Apa salahnya," kata Khatijah, dan kesedihan Kamal sudah mula reda sedikit, "Itu pun kedai olok-olok saja. Bukannya jauh dari bawah pokok jambu sampai ke pintu pagar itu."

"Bukan fasal jauh dan ulang alik," jawab Kamal sambil mengesat dengan tangannya matanya yang masih berlinangan air mata. "Mal patah rumput, daun-daun pokok, dan buluh kering, untuk dijadikan sayur, dan lada kering, dan menyukat pasir untuk dijadikan beras. Tapi yang Mal benci ini, banyak benar emaknya."

"Kalau kau bermain, biasanya siapa yang jadi emak kau?" Khatijah bertanya ingin tahu.

"Banyak emak," kata Kamal. Kesedihan sudah hilang sama sekali. Dan ini diterangkan oleh Kamal sebagai hal yang benar tetapi menyakitkan hati.

"Siapa?" tanya Khatijah. Perasaan ingin tahu sudah memuncak, "Kak Limah, budak rumah depan yang adik-beradik itu, Jenah dan Dedah (Kamal masih susah untuk menyebut Zubaidah dan Zainah), Syarifah dan Pak Cik Hamzah, Hamidah yang bapaknya jual mi rebus, dan Aion, pengotor orangnya, badannya berdaki, kukunya hitam panjang, giginya kuning, bajunya kotor, lima enam hari baru bersalin."

"Bukan untung ada banyak emak. Banyak orang yang sayang, dan banyak orang yang manjakan?"

Khatijah memujuk cuba memenangi hati Kamal.

"Macam ini mana boleh, Kamal banyak emak, bapak satu pun tak ada," Kamal mempertahankan pendiriannya.

"Kamal kau hendak main tak hendak?" Halimah berteriak.

"Pergilah!" Khatijah menyuruh tetapi suara memujuk.

Halimah mengancam, "Kalau kau tak mahu main, aku ajak Ali sebelah jadi anak."

Ancaman itu disokong oleh Khatijah yang mengatakan, "Pergilah, nanti kalau Ali sudah main, kau tak dapat main pulak."

Kamal terpengaruh dengan ancaman kakaknya dan emaknya, kerana itu dia terus berlari mendapatkan Halimah.

Khatijah tersenyum dan memulakan jahitannya semula.

Mereka sudah bosan bermain orang datang, menjemput dan dijemput, salam-bersalaman, dihidang dan menghidang, bertukaran juadah dan kuih yang dibuat daripada pasir basah beracukan tin rokok, dan piring pecah.

Jari-jari Khatijah sudah mula berasa sengal, sudah lama dia menjahit, rasanya tidak berdaya lagi. Dia hendak meneruskan jahitannya, dan kalau dipaksa meneruskan juga, nescaya rosak jahitan itu.

Khatijah meletakkan jahitannya di atas meja, dan pergi ke bilik anak, untuk mengambil segelas teh sejuk, dan dibawa ke beranda semula untuk berehat dan minum.

Selepas meminum air itu seteguk dua, Khatijah melihat anaknya Kamal itu sedang terbaring, dan Halimah, serta kawan-kawannya yang lain, sedang pura-pura menangis meraung, Zubaidah dan Zainah memperhempaskan diri di atas tanah, Ainon

mengerbangkan rambutnya, Hamidah menepuk dadanya.

"Kamu orang main apa tu?" tanya Khatijah.

Syarifah yang menjawab, "Kita main-main pondok-pondok mak cik."

"Habis mengapa terpekik melolong itu?" tanya Halimah melihat tangisan pura-pura itu menyakitkan telinganya.

"Konon Kamal mati," Syarifah menerangkan.

Khatijah bangun dan dengan marah yang sungguh berkata "Tak adakah lain permainan? Kalau Tuhan matikan betul, baru kau tahu!"

Kata-kata ini agak menakutkan Kamal, dia bangun, dan terus lari mendapatkan ibunya.

"Dia orang itu jahat tau, mak!" Kamal mengadu.

"Memang!" balas Khatijah memihak.

"Barulah kali ini dia orang kasi Mal jadi bapa. Itu pun baru sekejap jadi bapa, Mal disuruh mati," kata Kamal dengan penuh kesal.

Tercolek rasa hati Khatijah, dia sudah tidak marah soal Kamal dimatikan, ini semua hanya main belaka.

Khatijah dapat membaca bahawa Kamal agak tersinggung dengan ketawanya tadi, segera Khatijah menukar sikapnya. "Lain kali kalau dia orang suruh mati, jangan hendak, anak mak ini pandai, anak mak ini cantik, jadi dia orang dengki, dan suruh anak mak mati, kalau anak mak sayang ini mati, mak pun mati juga."

Kamal pun lari. Dan keluar semula membawa sebuah tong kayu yang kecil, lalu menuangkan isinya ke atas lantai, itulah khazanah permainan Kamal.

Khatijah menggelengkan kepala, kereta api yang tidak berkepala lagi, motokar yang hilang badannya, askar-askar plastik yang buruk, kepala anak-anak yang tidak berbadan, dan lain-lain lagi. Kini Kamal

asyik bermain dengan permainannya.

"Awak jadi mak bidan!" Halimah mengarahkan kepada Ainon. "Konon-kononnya awak hendak beranak!" perintah Halimah kepada Hamidah.

Halimah mengarahkan "Awak jadi bidan tengah hendak ke mari. Hamidah kesakitan hendak beranak. Kami semuanya menolong dan berbual-bual."

Mendengar ini, Khatijah mula tertarik dengan budak-budak itu. Dia merapatkan dirinya ke pintu beranda.

"Sabarlah, sekejap mak bidan datang," Syarifah memujuk.

"Kita dulu beranak pertama, rasa macam hendak putus nyawa," kata Zubaidah.

"Untunglah Tuhan beri kita tak boleh beranak," kata Halimah.

Dalam hati Khatijah berkata, "Bijak sungguh anak-anak yang sedang bermain itu."

Dengan suara serentak anak itu berkata, "Jemputlah naik mak bidan!"

Ainon yang jadi mak bidan memakai selendang. Dan menyentil tembakau, dan tembakaunya daripada buah kana hitam.

Khatijah pun mula turun tangga dan melihat Ainon mengurut perut Hamidah. Becok mulut Ainon memberi perintah, "Awak jerang air panas, awak cari kain batik atau pelekat buruk yang tak pakai, awak tumbukkan bawang putih, budak ini tumpah darah agaknya."

Khatijah kian mendekati anak-anak itu, oleh kerana sedang dipeluk semangat permainan itu, mereka tidak sedar Khatijah berdiri dekat mereka.

Bidan Ainon bertanya, "Siapa bapanya?"

Halimah mengeluh, kemudian menjawab, "Itulah yang merunsingkan saya mak bidan. Dia enggan menerangkan pada saya siapa bapanya, budak ini

belum kahwin lagi."

"*Astaghfirullah!*" Bidan Ainon mengucap.

"*Astaghfirullah!*" Khatijah mengucap lebih kuat lagi, "Budak-budak ini bijak benar, kurang ajar, pergi berambus kamu orang semua!"

Zubaidah, Zainah, Sharifah, Ainon, dan Hamidah yang hendak beranak bangun, dan lari pulang lintang-pukang.

Tinggal Halimah dan ibunya Khatijah.

"Kurang ajar, siapa ajar kau bercakap macam itu," tanya Khatijah.

Halimah tidak menjawab hanya memandang perut ibunya.

Malu Khatijah memandang perutnya sendiri, tujuh bulan dia mengandung, busung perutnya tidak dapat disembunyikan lagi, sedangkan suaminya sudah mati dua tahun yang lepas, dan dia tetap janda.

Utusan Zaman, 20 Jun 1965

Seorang Sundal di Saigon

WANITA-WANITA di Saigon cantik-cantik belaka. Mereka berpakaian cantik juga. Memakai sejenis ceongsam yang melambuh sampai ke tumit, di kiri kanan berbelah sampai ke pinggang, tetapi kita tidak boleh melihat apa-apa, kerana wanita-wanita itu memakai seluar panjang sutera, seperti wanita Benggali dan Punjabi, tidak seperti ceongsam di Singapura yang dipakai oleh nona-nona Cina yang mendedahkan kulit, dan membuat orang menyimpan harapan untuk melihat lebih daripada itu.

Osman sedang berjalan di kota Saigon. Dan dia tidak tahu sama ada akan meneruskan niat awalnya untuk membeli-belah hasil seni anak negeri. Untuk tanda mata orang-orang dan kawan di negeri, atau duduk minum di kedai kopi yang meletakkan kerusi-kerusi meja di kaki lima, dan melihat dengan ghairah begitu banyak wanita cantik yang bersiar-siar.

Perasaannya mengatasi niatnya, persetan dengan *shopping*, dia duduk di kerusi di situ, minta minuman, dan memandang wanita-wanita yang berjalan di depannya dari hujung kepala sampai ke hujung kaki. Semuanya cantik. Susah untuk memilih yang patut jadi ratu!

Wanita-wanita itu menimbulkan kenangan dalam fikirannya, perempuan-perempuan yang pernah jadi

kekasihnya, gadis pertama yang jadi cintanya. Kemudian cinta itu putus, dan orang kata orang akan merana apabila cinta pertama gagal. Bohong! Dusta! Karut! Hari ini dia gagal cinta pertama dengan Hasnah, esoknya dia cuba memikat Kiah, sedangkan wanita dijadikan untuk dicintai dan mencintai, jadi Osman mengambil kesempatan daripada kenyataan hidup.

Yang menimbulkan kesan sekarang, dengan dia duduk di bandar Saigon dan menikmati pandang pada wanita-wanita Saigon, bahawa wanita-wanita itu hanya dua bentuk rupa sahaja, muka mereka kalau tidak bulat tentunya bujur, membuat bandingan dengan wanita-wanita di Malaysia, Osman berasa bahawa wanita-wanita Saigon yang bermuka bujur itu sama seperti Salmah Ahmad, dan bermuka bulat sama seperti Latifah Omar.

Apabila ada wanita-wanita dewasa, Osman tetap memandang juga, tidak begitu penuh minat dan hasrat, memandang untuk membuat penilaian, Osman merasa bahawa wanita-wanita tua itu masih ada bayang cantik mereka lagi, dan mungkin mereka jelita-jelita belaka pada zaman mudanya, atau mungkin kesepian di negeri Saigon itu, dan kesepian boleh mengelirukan fikiran, membuat dia memandangi semua wanita sebagai cantik.

Osman datang ke Saigon untuk melihat perang, dan melaporkan hal perang. Wanita-wanita itu yang cantik-cantik belaka, menimbulkan suatu bandingan muda, perang hodoh dan berahi (diwakili oleh kaum wanita) cantik. Dia berasa lebih seronok menulis tentang segala sesuatu mengenai wanita-wanita Vietnam, daripada menulis segala sensasi kehebatan, kedahsyatan, kengerian, ketakutan, medan perang yang riuh kecoh.

Fikiran Osman bermain gila.

Dia melihat gambaran cantik – buruk – tenang – liar – kemudian semua jadi gelap-gelita.

Apabila dia sedar, memandang ke atas dia melihat muka, berpuluh-puluh orang merenunginya. Dia memilih muka-muka wanita, masih tetap cantik. Mukanya basah, bagai ada tanda-tanda air, ada orang merenjis air di mukanya tadi.

Dengan bahasa Inggeris yang dapat diertikan, Osman diberitahu bahawa dia pengsan, dan orang itu mengagak mungkin panas kota Saigon terlalu buat Osman. Tapi dalam senyum dia lebih suka memegang keyakinan, bahawa dia pengsan tadi, kerana fikirannya terlalu tenat, matanya terlalu penat untuk melihat-lihat lagi wanita-wanita Saigon, semuanya cantik belaka.

Dia meminta maaf, bayar wang minuman, dan kembali ke hotelnya.

Dia bayar wang teksi, beri *tip* atau hadiah wang yang lumayan, kerana dia mampu, apabila memikirkan bahawa \$1 boleh tukar 400.00 wang Vietnam.

Belum sempat dia melangkah ke dalam pintu hotel, seorang penjaga menahannya.

Katanya dia punya lukisan-lukisan yang seni untuk dijual. Dia memang gemar seni lukis, dan penjaga itu membawa suatu folio, suatu lipatan tebal lukisan-lukisan.

Membuka bungkusan itu, Osman melihat lukisan-lukisan buah-buahan, pemandangan umum kota Saigon, wanita-wanita Vietnam dengan topinya, askar-askar Vietnam sedang berperang. Penjaga itu tiba-tiba berhenti membalikkan lukisan-lukisan itu.

Mata Osman bertambah besar.

Dia tidak lagi melihat lukisan.

Dia melihat penjaga itu menunjukkan *French Postcard* atau *Poskad Perancis*, gambar lucu.

'Sisa penjajahan Perancis yang kotor' Osman menyumpah dalam hatinya.

Suatu ketetapan harga dipersetujui.

Osman membayar wangnya, inilah cenderamata yang paling baik untuk kawan-kawan di pejabat, terutama untuk Mazlan yang tidak punya kerja melainkan mencarut sahaja di *office*.

Berpaling ke kiri ke kanan, melihat sama ada polis mengintipnya, Osman seperti kilat memasukkan gambar-gambar itu ke dalam sakunya, tergesa-gesa masuk ke dalam hotel, langkah cepat menuju lif.

Dia berjalan-jalan cepat ke pintu biliknya, begitu lekas dia ingin sampai ke biliknya, dia lupa membalas tabik pelayan yang menjaga tingkat biliknya, dan Osman sendiri lupa mengambil kunci biliknya pada kerani sebelum naik lif tadi.

Dia menyumpah diri sendiri. Memanggil pelayan, menyuruhnya mengambil kunci.

Tidak lama kemudian, bagi Osman sudah cukup lama untuk membolehkannya memaki pelayan itu "pemalas" dalam bahasa Melayu. Pelayan itu hanya tersenyum. Pelayan itu membuka pintu biliknya dan menjemput Osman masuk dengan hormat.

Dengan pantas Osman menutup pintu.

Apabila sudah berada di dalam biliknya, dia mengeluarkan gambar-gambar yang dibelinya tadi. Sekarang baru dia berpeluang menyaksikan gambar-gambar itu dengan teliti, dengan mata dan fikiran yang terbuka.

Dia yakin gambar-gambar itu akan membuat Mazlan gembira dan ketawa pengarangnya akan lebih suka padanya, dan dia akan jadi pilihan pertama apabila ada pilihan wartawan ke luar negeri, nanti akan dibelikannya gambar-gambar serupa itu lagi.

Dia menyimpan gambar-gambar itu dalam beg bajunya, di tengah-tengah lipatan baju-baju yang kotor, supaya tidak kelihatan oleh pegawai-pegawai kastam apabila diperiksa di Kuala Lumpur nanti.

Osman gelisah, berjalan salah, berhenti salah. Dia pergi ke pintu, menekan pintu untuk memanggil pelayan bilik itu.

Susah untuk Osman memberi faham tentang apa yang diperlukannya. Dengan menggunakan bahasa Inggeris sepepat dua, dicampurkan dengan bahasa isyarat, barulah pelayan itu tersenyum lebar menunjukkan giginya yang kuning, dan mengangguk-anggukkan kepala tanda faham, suatu pengertian yang menyenangkan.

"Saya bawakan tuan perempuan nombor satu," kata pelayan itu dan melangkah ke pintu terburu-buru.

Osman segera memanggilnya kembali dan bertanyakan harga, pelayan itu menerangkan tiga peringkat harga, untuk perempuan peringkat satu, dua, dan tiga.

"Perempuan nombor satu ialah \$1200," kata pelayan sambil menegakkan ibu jarinya untuk memberi gambaran istimewa.

Osman mengangguk, \$1200 sama seperti \$10 Amerika, sama seperti \$30. Dan dia akan ada teman dari sekarang sampai keesokan pagi.

Menantikan pelayan itu kembali dengan wanita yang dijanjikan, dan Osman meminta wanita itu boleh berbahasa Inggeris, supaya dia boleh diajak berbicara, Osman memandikan badannya dengan bedak wangi dan merenjis-renjis air wangi.

Sedang dia berahi dengan gadis, kedengaran bunyi letupan yang kuat dan dekat, datang letupan lagi tunda-menunda, Osman mahu bangun, perasaannya mula gusar, tetapi wanita itu menariknya.

"Perkara biasa, kita tidak binasa, sebuah bangunan di kota Saigon ini dibom oleh orang-orang Vietcong," kata wanita itu.

Dua jam kemudian, atas desakan Osman, wanita itu menceritakan kisah hidupnya.

"Ibu saya orang Vietnam dan ayah saya seorang pegawai tentera Perancis," kata wanita itu menghisap rokok. Masa pemerintahan Jepun, saya dirogol oleh beberapa askar Jepun. Mulanya saya tidak mahu hidup lagi, malu itu saya rasa tidak akan terkikis dari kulit saya – saya cuba membunuh diri dengan meminum tawas. Ibu saya menyelamatkan saya," sambung wanita itu, dan sampai sekarang dia sudah minum tiga gelas wiski. Kerana kata-kata keluar dengan lancar dari mulutnya.

"Saya tahu saya sentiasa jadi perhatian pegawai-pegawai Jepun yang bertugas di kampung saya, saya sentiasa diberi rokok, beras dan lain-lain dan saya jual di pasar gelap. Malu sudah meninggalkan diri saya, saya tukar diri saya dengan kemewahan hidup." Wanita itu sudah menghabiskan rokoknya yang keenam.

"Apabila Perancis menduduki negeri ini semula, saya disimpan oleh seorang Perancis – seorang sarjan ... dengan jatuhnya kubu Din Bin Pu, dan orang-orang Perancis malu dan meninggalkan Vietnam, sarjan saya dihantar pulang ke negerinya."

Mereka sudah memanggil makan malam dan pelayan sedang mengangkat pinggan mangkuk.

Mereka duduk di bilik rehat, wanita itu menghisap rokok, dan terus bercerita. "Seorang askar Amerika menyimpan saya sekarang ini."

"Mengapa datang pada saya? Tidakkah ini berarti belot padanya?" Osman bertanya.

"Saya yakin orang-orang Amerika juga akan pergi, jadi sekarang saya terpaksa bersedia untuk men-

cari gantinya. Saya tak dapat hidup bersama orang bangsa saya, saya benci mereka," kata wanita itu bersungguh-sungguh.

"Bagaimana kalau komunis Vietcong berjaya menguasai negeri ini?" tanya Osman.

"Saya dapat hidup di tengah mereka, dan menguasai mereka, kerana orang-orang komunis juga belum dapat menggantikan seks dengan benda lain."

Utusan Zaman, 12 September 1965

Syarifah Zainab

DIA tinggal di dalam rumah besar, baginya rumah itu lebih kecil daripada hatinya sendiri.

Kawasan rumahnya besar, tetapi baginya sama seperti bilik penjara yang sempit, walaupun dia belum pernah melihat penjara. Dia pernah mendingar orang bercerita padanya, bahawa apabila memasuki penjara, samalah seperti orang memenjarakan hati sendiri.

Dia mempunyai kemewahan, mempunyai segala-galanya di dalam dunia ini, tetapi rasanya dia tidak punya sesuatu pun, apalah ertinya emas dan intan, apalah ertinya sutera dan satin, apalah ertinya gobok yang penuh berlimpah batik, songket dan samarinda, dan ringgit di dalam peti besi, kalau hati tinggal kosong.

Banyak wanita yang iri hati kepadanya, kata mereka oleh kerana dia punya segala sesuatu di dalam hidup ini, tentulah dia merupakan wanita yang paling senang sekali di dunia ini, tapi mereka tidak tahu, bahawa hatinya bersarang dengan kekecewaan dan kegagalan. Semua dapat dan mungkin dicapai oleh tenaganya, tapi suatu hal yang tak dapat dijamahnya, ialah cinta, dan baginya cinta ialah kebahagiaan. Cinta belum pernah datang pada hatinya.

Antara dia dengan dunia luar, ada tembok yang membatas, tembok yang hanya tinggi sepuluh kaki, dibuat daripada kayu yang dicat hitam, dan ada pintu yang membawa ke dunia luar, tetapi sentiasa tertutup memisahkan dari dunianya dan dunia luar. Pagar tinggi sekeliling rumah itu sengaja dibuat oleh ayahnya, supaya Syarifah Zainab tidak dinodai oleh dunia luar, dan supaya dunia luar tidak menodai anaknya.

Bagi Syarifah Zainab pula, segala sesuatu yang ria gembira, yang indah berwarna, yang bermandi bahagia, adalah dekat dan mudah dicapai, jika dia membuka pintu besar, dan mengalami apa yang ada di dunia luar itu, tapi dia tidak punya keberanian untuk melakukan itu, "Aku dijerat oleh ketakutanku sendiri." Ada kalanya Syarifah Zainab meragukan bahawa ketakutan yang menghaiangnya mengembara ke dunia luar, tetapi keraguan, dia meragukan, apabila dia melintasi pagar hitam yang tinggi itu, dunia luar itu tidaklah seindah gambaran fikirannya. Apa yang nanti akan berdepan dengannya ialah - kehodohan dan keburukan hidup.

Banyak benar lampu yang menerangi tiap bilik dan ruang rumahnya, tapi bagi Zainab, rumahnya sentiasa diselimuti oleh kegelapan yang tebal. Tingkap-tingkap rumahnya berlangsir rapat, dan beranda rumahnya juga ditutupi oleh bidai yang tebal, supaya tidak dapat dijamah oleh mata lelaki yang muhrim.

Kawan-kawan ayahnya, orang-orang tua yang berniaga, ada sekali utusan-utusan muda dari gudang-gudang perniagaan yang lain datang ke rumahnya, jika dia dan ibunya hendak melihat untuk mengenal para tetamu itu, kedua-duanya akan mengintai - di balik tabir yang terbentang di pintu dalam rumah itu. Orang-orang yang di luar, sedar mereka jadi per-

hatian, kerana mereka lihat tirai itu bergerak dan bentuk orang yang menekan tirai itu. Ibunya kenal orang itu, dan akan menerangkan pada Syarifah Zainab, itu suami siapa, yang seorang lagi baru memiliki harta orang tuanya yang baru mati dan sekarang berfoya-foya dengan perempuan segala bangsa, dan yang muda itu, sedih sekali ceritanya kematian tunang, yang seorang lagi belum kahwin.

Syarifah Zainab meninggalkan ibunya yang masih mengintip orang-orang yang datang itu, dan lari ke biliknya terus melihat wajahnya dalam cermin.

Muka yang telah dibebani oleh usia, wajah yang membayangkan kekecewaan ditekan harapan demi harapan. Harapan untuk menerima dan memberi bahagia, harapan ingin jadi seperti wanita-wanita yang lain, seorang wanita yang berbahagia, yang mempunyai tangan untuk memeluk, bibir untuk mencium dan dicium, wanita yang punya hati.

Semenjak menempuh zaman gadisnya, Syarifah Zainab telah menanti untuk dipinang dan kemudian jadi isteri orang. Kini dua tahun lagi, dia akan jadi wanita yang berusia 40 tahun, dan masih jadi anak dara. Betapa bencinya dia dengan perkataan anak dara tua, kata-kata yang bererti kegagalan. Gagal untuk mencari kebahagiaan sendiri. Dia jelak benar dengan sepatah kata "tua" dan rasanya dia sanggup membunuh orang yang mencipta perkataan "tua", kerana kata "gagal" hanya merupakan ketewasan di dalam bidang hidup, sebaliknya kata "tua" menyatakan keusangan menuju kebahagiaan, berpuncak dengan kematian daripada debu kembali menjadi debu.

Kegagalan dalam hidupnya bukanlah berpunca daripada dirinya sendiri, tapi daripada kedua-dua orang tuanya, yang mengadakan sekatan untuk dia

mencapai bahagia, walaupun sekatan itu merupakan suatu sekatan palsu, namun tetap merupakan suatu sekatan.

Bahawa dia hanya boleh mengahwini orang-orang yang sama suku kaumnya, dan sama darjatnya, dan apabila ada orang-orang daripada suku kaumnya datang meminang, maka pinangan itu ditolak, kalau tidak ibunya, ayahnya akan memberi alasan, pada orang-orang yang meminta jawapan yang diberikan bahawa, "Syarifah Zainab belum berniat hendak berumah tangga buat masa ini." Tapi dari biliknya Syarifah Zainab mendengar bahawa pinangan itu ditolak kerana keangkuhan dan kesombongan ibu bapanya. Sama ada harta keluarga yang meminang itu tidak sama atau melebihi hartanya, dan kedudukan keluarga itu tidak semulia keluarganya.

Semua ini adalah palsu belaka, bagi Syarifah Zainab, jika menurut kata hatinya, kalau boleh hari ini dia menyerahkan dirinya pada seorang lelaki untuk dijadikan isteri. Apakah salah bagi seorang wanita untuk dilindungi oleh seorang suami, untuk berpeeluk kasih dengan orang yang disayangi, untuk berpelembung dalam rumah tangga sendiri, di mana suami jadi pelindung, pembela, dan punca kasih sayang.

Pada masa serupa inilah dia memandang ibu bapanya sebagai musuhnya, dan dia mempunyai hak untuk menjatuhkan hukuman pada mereka yang telah menyebabkan dia menderita. Sekarang sudah 40 tahun, dia masih anak dara lagi sedangkan kawan-kawannya yang lain sudah bersuami dan sudah beranak pinak, lebih-lebih Syarifah Syamsiah tiga bulan sesudah kematian suaminya yang pertama, berkahwin lagi, kali ini bukan daripada keturunan Syed, tetapi daripada Syeikh.

Daripada apa yang telah dilihatnya ini tidak sedikit pun mengurangkan kebahagiaan Syarifah Syam-

siah, dan peri Syarifah Khatijah memuncakan sesuatu "skandal" suatu telatah buruk apabila menjadikan suatu kenyataan pantun Melayu yang digemarinya – nasi lemak buah bidara, sayang selasih saya lurutkan, buang emak buang saudara, sayangkan kasih saya turutkan.

Dan kekasih yang diikuti oleh Syarifah Khatijah, sampai meninggalkan rumah pada suatu malam, sehelai sepinggang, ialah Daud Kapur, pemuda samseng yang ambil upah pukul orang.

Keluarga Syarifah Khatijah mengatakan bahawa gadis mereka telah dibuat orang, ini diragukan benar oleh Syarifah Zainab, dan dia gembira kerana perasaannya memihak pada Khatijah, mau dia bersorak jaya, kerana sekurang-kurangnya Syarifah Khatijah sudah menebus sekatan pantang larang palsu? Untuk mengejar kebahagiaan sendiri, sedangkan dia sendiri dibaring dan diguling mimpi, namun mimpinya belum dapat dijadikan benda mata yang dapat dijamah oleh tangan.

Itulah kelemahan wanita seperti dia, kebahagiaan mereka hanya dalam mimpi, apabila hilang mimpi mereka mengigau biarpun mata mereka terbuka lebar, tiga malam kemudian, dengan bantuan polis, Khatijah dapat dibawa pulang, dan di balai polis Khatijah membuat kegemparan lagi, bahawa Daud Kapur tidak bersalah, dia yang mengikut Daud Kapur dengan suka hatinya, ibunya menjerit di rumah pasung, "Memanglah kau sudah kena colek kapur siam!" Sarjan polis gemuk yang punya darah tinggi itu, ketawa berderai, polis-polis lain tersengih, di rumah apabila dia dirisik-risik apa terjadi pada dia selama hilang dari rumah tiga malam itu, Syarifah Khatijah tidak teragak-agak mengatakan, "Saya bukan anak dara lagi."

Akhirnya Syarifah Khatijah berkahwin juga

dengan Daud Kapur dan mereka menyewa bilik sendiri di Geylang. Bagi Syarifah Zainab ini ialah suatu kemenangan besar, wanita ialah wanita, dan perlu bahagia, gelaran dan pangkat tidak punya erti.

Hanya kebelakangan ini sahaja anak-anak dara diundang untuk menghadiri majlis walimatulurus, sedangkan sewaktu dia berusia 16 atau 17 tahun dulu, banyak benar ibunya menerima jemputan kahwin, kerana kebanyakan pengantin disalut emas berrlian yang dipinjam daripada ibunya, tapi dia tidak diajak oleh ibunya. Mengapa? Dia selalu bertanya soal ini, dan ada sekali ibunya menjawab bahawa tidak manis anak dara terdedah di majlis kahwin. Ini bukan sebab yang betul, hanyalah suatu alasan yang bodoh, bagi Syarifah Zainab jawapan hatinya bagi soal itu, ialah untuk melindungi anak-anak dara yang diundang itu daripada berasa sakit hati, apabila kelihatan kawannya berjaya memikat suami lebih dahulu.

Kalau tidak sebab ini, maka apakah sebab yang lain, kerana memang ada sedikit daripada tiap orang dalam dirinya sendiri, mungkin ini sebabnya rasa yang sama sekarang ini keadaan sudah berubah, anak-anak dara dijemput di dalam suatu majlis yang dinamakan malam anak dara, dan Syarifah Zainab sering kali menghadiri malam anak dara serupa itu, dia tidak mahu hadir, tetapi kini dipaksa oleh ibunya pula. Malam serupa inilah malam yang paling menyakitinya, kerana dialah anak dara yang paling tua sekali di dalam majlis itu, dan baginya semua mata adalah menumpunya. Pemandangan yang disangkanya sebagai mengejek, dan rasanya segala perbualan orang di dalam majlis itu adalah mengenai dirinya, sudah tua dan masih belum bersuami, untuk mengelakkan rasa yang menghiris hati ini, maka Syarifah Zainab selalu mengundurkan diri ke

dapur untuk mencuci pinggan mangkuk yang bertimbun-timbun, supaya tumpuan rasa pada kerja akan menyembuhkan luka hatinya.

Sedang dia bekerja itu, tiba-tiba terdengar orang bersorak-sorai, dan ketawa riuh-rendah.

Syarifah Zainab menahan rasa untuk melihat apakah peristiwa yang sedang disorakkan dengan meriahnya. Keinginan mengatasi perasaan hatinya sendiri. Menjatuhkan semula baju yang menyingsing lengan, dia naik ke serambi rumah itu, tempat orang riuh-rendah ketawa, dan tempat pelamin berada.

Munirah sedang duduk di pelamin dan diusik oleh kawan-kawannya.

"Untunglah!"

"Sekarang sedikit-sedikit mengadu abang."

"Semalam jumpa hari ini kahwin."

"Awak bila lagi Pah Mah?"

"Pilih-pilih tebu, terkena buku."

"Macam pinang dikopek dua."

"Maklumlah orang dapat tauke kedai."

"Seminggu berkurung sajalah dalam bilik."

"Seronok kahwin musim tengkujuh."

"Senyum sedikit, orang dapat suami patut suka."

"Kahwin paksalah."

"Mana! Pagi-pagi hantar surat. Zainah yang jadi posmennya."

"Ini jam jangan tunggu-tunggu, siapa saja pinang terima!"

"Pakai cekup tangkap."

"Asal pelanduk, jerat."

"Jangan tangkap salah kucing, nanti kena kucing hutan."

Utusan Zaman, 16 Januari 1966

Meriam

*D*ARI Lembaga Telefon pada Polis

Pengurus lembaga telefon, melaporkan pada polis, bahawa salah sebuah tiang telefonnya di Kampung Buluh telah hilang.

Dari Pejabat Polis pada Kereta Radio

Pegawai polis yang menerima laporan ini, membuat catatan ringkas supaya lekas, di atas sehelai kertas di mejanya. Kepalanya menggeleng-geleng ke kiri dan ke kanan, dan hatinya berkata, 'Mustahil sudah dua puluh lima tahun aku berkhidmat dalam Jabatan Polis, menyiasat pelbagai perkara, dari curi ayam sampai perkara politik, menangkap orang-orang subversif bergerak di bawah tanah, membongkar, menggeledah, dan menangkap dan mengharamkan kumpulan-kumpulan haram yang menyebarkan risalah-risalah komunis, belum pernah aku dengar tiang telefon dicuri orang.'

Kewajipan menerima laporan, dan memerintah orang-orang menyiasat, kemudian menulis laporan tentang perkara itu, adalah menjadi tanggungjawabnya.

Dia meninggalkan mejanya, selepas menulis di atas kertas, dan pergi ke bilik radio.

Perutusan pada Kereta Radio Polis

Perutusan yang diterima oleh kereta radio polis, di bawah jagaan Sarjan Buyung, memerintahnya pergi ke Kampung Buluh dan menyiasat kehilangan sebuah tiang telefon.

Membunyikan semboyan, kereta polis tersebut meluncur dengan lajunya ke Kampung Buluh.

Orang-orang Kampung pada Polis

Kampung Buluh, ialah sebuah kampung Melayu melainkan ada sebuah kedai Cina, dan sebuah kedai Malbari. Rumah-rumah atap berdekatan. Kebanyakan orang kampung itu sebagai peon di pejabat-pejabat kerajaan dan dagang. Sebagai penjaja sate dan soto, sebagai buruh kasar, sebagai posmen atau pengutus telegram, dan lain-lain lagi. Sebahagian besar pula jadi penganggur. Sewaktu kereta radio polis memasuki kampung itu dengan bunyinya yang memekak telinganya, orang-orang kampung sudah mengagak tentu ada perkara besar yang berlaku di kampung itu, kerana mungkin ini kali pertama kereta polis memasuki kampung itu dengan melepaskan bunyi tanda kepolisiannya, tapi kalau meronda sahaja, melepas letih, memang selalu.

Anak-anak kampung tersebut yang menganggur, serta anak-anak kecil yang tidak bersekolah mengerumuni kereta polis. Bunyi alat radio yang mengeluarkan suara bercakap-cakap itu menimbulkan keanehan budak-budak itu, manakala anak-anak muda yang selainnya mengerumuni Sarjan Buyung yang sedang tunduk memeriksa bukti tiang telefon yang telah dikerat itu.

Berpaling pada dua orang mata-mata yang berdiri tegak sebagai tiang mati, sarjan gendut itu mengatakan "dipotong".

Berpaling pada anak muda dan anak-anak yang berkumpul di situ, Sarjan Buyung bertanya secara umum, "Awak semua nampak siapa memotongnya?" Tak ada sambutan. Dia meneruskan lagi, "Sebagai rakyat awak mesti beri kerjasama pada polis." Masih bisu, dan seterusnya, jawapan yang diberikan pada orang-orang polis itu hanyalah, kesian, dan takut ditunda oleh soal selanjutnya, maka orang-orang kampung yang bersikap tegang itu beredar dari situ.

Laporan pada Pegawai Polis

Laporan-laporan yang diterima oleh pegawai polis itu, daripada orang-orangnya, tidak sedikit pun menggirangkan hatinya, kekecewaan tertulis pada air mukanya, apabila dia mengulang-ulang baca laporan-laporan itu, penyiasatan serta pemeriksaan yang lanjut dan teliti di Kampung Buluh, tidak dapat memberikan sebarang keterangan untuk menentukan siapa yang mencuri tiang telefon itu, untuk jadi bukti menangkap pencurinya atau mendapatkan semula tiang telefon itu, penyiasatan di kedai-kedai karung guni menentukan bahawa tidak ada sesiapa pun yang ada menjual tiang telefon, kedai-kedai yang berniaga besi buruk pun tidak memberi sebarang pertolongan. Dia bosan untuk membaca terus laporan-laporan itu, dan melontar borang-borang itu ke dalam bakul surat yang terletak di atas mejanya.

Fatimah pada Dolah Degil

Fatimah mengetuk pintu tempat simpanan barang-barang buruk yang telah senget dan lusuh itu, dan terkunci dari dalam, "Abang, sudah pukul tiga, abang belum ke pasar, hari hampir petang, nanti perut abang masuk angin. Apa kerja yang abang buat itu? Sampai abang lupa ke pasar untuk beli

makanan untuk buka dan sahur."

Dolah Degil, meneruskan kerjanya, sambil menjawab isterinya acuh tak acuh dengan sepatih kata sahaja, "Nantilah!"

Dolah dengar bunyi tapak terompah kayu isterinya pergi dari muka pintu itu, Dolah tersenyum sendiri, sambil tangannya terus mengerakkan gergaji memotong telefon yang ada di depannya.

Dolah Degil pada Fatimah

"Abang senang hati, kerja abang sudah habis," kata Dolah Degil sewaktu mereka duduk berdua-duaan selepas berbuka puasa.

Fatimah menyatakan perasaannya yang bertentangan, "Tetapi Mah bimbang betul, kalaulah polis dapat tahu, abang yang curi telefon itu, abang masuk penjara lagi."

"Kali ini mereka mustahil akan tahu," balas Dolah penuh keyakinan.

"Dulu pun abang cakap begitu juga," Fatimah mengingatkan suaminya, sewaktu dua buah kereta polis menyerbu pondoknya, menggeledah, memeriksa buku dan surat-surat, dan membawa Dolah bersama-sama mereka, serta beberapa susunan kertas.

"Dua puluh empat jam kemudian aku dibebaskan," Dolah Degil mengingatkan pula isterinya dengan megah. Pihak polis membaca surat-suratnya, menyoalnya, namun mereka belum dapat bukti yang cukup kuat untuk menentukan dan menahannya kerana turut terlibat dalam gerakan subversif.

Dolah dan Isterinya

"Mengapa abang yang mesti curi tiang telefon itu?" isterinya yang bertanya.

Dolah Degil menghirup kopinya dengan perlahan merasakan rasa kopinya yang agak pahit itu, kopi sejuk, baki daripada minuman yang dibuat malam semalam. Isterinya melihat perbuatan suaminya dengan perasaan kecewa, kerana biarpun maghrib masih bergerak jauh, Dolah telah membatalkan puasanya, sedangkan semalam Dolah bangun untuk bersahur dan makan banyak pula.

Setelah selesai kopi itu dihirupnya dengan penuh nafsu untuk menghilangkan ketagihannya, barulah dia merenung muka isterinya dan dia berdiam untuk seketika, dengan senyum puas dia menjawab, "Kalaupun aku terangkan, kau tak akan mengerti."

Bagi isterinya ini adalah satu penghinaan, nyatalah Dolah menganggapnya seperti anak bodoh. Hal ini menambahkan keinginan ingin tahu, bukan untuk mengerti maksud sebenarnya, tetapi lebih berat untuk menafikan bahawa dia bukanlah mentah dalam dunia. "Cakaplah, takkanlah saya begitu bodoh, tak mengerti maksud abang jika sungguh menerangkan."

Dolah Degil berfikir sejenak untuk mencari dan menyusun kata-kata supaya mudah diertikan oleh isterinya, yang tidak pernah membaca surat khabar pun, atau buku-buku cerita, melainkan membeli majalah-majalah filem sahaja. Dolah menggaru-garu kepalanya kerana dia sendiri pun mendapati susah untuk menyusun ayat bagi menjelaskan mengapa dia mencuri telefon itu. Malah bagi Dolah dia yakin bahawa perbuatannya itu bagi orang ramai, apalagi bagi isterinya, adalah terlepas daripada kewarasan, mustahil untuk dijelaskan. Hanya perasaannya sendiri yang tahu tentang maksud perbuatannya. Bagaimanakah hendak menerangkan ini pada isterinya? Dan kini isterinya memandang tepat wajahnya untuk

meminta penjelasan.

"Aku mencurinya untuk memelihara peribadinya," kata Dolah, dia tahu isterinya tidak akan faham dengan kata-kata ini, tetapi setakat ini sahaja dia dapat menjelaskan, dan tidak bererti dia berpura-pura menggunakan perkataan-perkataan susah untuk membuktikan bahawa dirinya pandai, kerana kata-kata ini memang lahir dari lubuk hatinya, perasaannya sendiri, puas dengan mengatakan keyakinan hatinya sendiri, jahanam dengan isterinya jika dia faham atau tidak!

Isterinya meninggalkannya sambil mengangkat cawan kopi itu ke dapur, marah lebih daripada kecewa.

Dolah dan Orang-orang Kampung

Orang-orang Kampung Buluh baru sahaja lepas berbuka puasa, kebanyakan berehat dengan cara masing-masing untuk melepaskan letih lesu berpuasa. Tiba-tiba kedengaran bunyi letupan yang mengejutkan, beberapa buah rumah dan pondok buruk bergegaran daripada gema letupan itu.

Samad - menyumpah bunyi itu kerana paip yang dihisapnya itu jatuh ke lantai dan patah, Mak Nama - melatah, Kasmani - tersedak sedang menghirup kopi, dan Halil - setiausaha Parti Rakyat - mengagak bahawa, "Lagi pernyataan konfrontasi Indonesia, dengan meletupkan bomnya lagi," yang lain gusar dan bertanya sesama sendiri.

Dolah Degil seorang yang berasa tenang, dia sedang berdiri di samping meriamnya, dan baru sahaja melepaskan letupan pertama, sungguh memekakkan telinga, dia berasa megah, dia tidak perlu bukti bahawa meriamnya itu membawa kesan, kerana kini anak-anak dan orang-orang muda, serta

beberapa orang tua sedang mengerumuninya, dan ada lagi yang masih berkejar ke tempatnya, mereka membelek-belek, memegang dan memuji meriam itu.

Seperti seorang pegawai di medan perang, Dolah tanpa sepatah kata pun, membuat isyarat pada orang-orang yang berkumpul itu, supaya beralih jauh. Dengan menunjuk gagah, Dolah mengenakan api di lubang meriam itu, dan berpecahlah suatu letupan yang lebih kuat daripada ledakan pertama. Dolah tersenyum, anak-anak dan beberapa orang muda bertepuk tangan.

Oleh pujian dan galakan tembakan demi tembakan dilepaskan oleh Dolah Degil, dia dan orang-orang yang berhampiran itu, telah diserapi oleh getaran dan kuasa meriam itu. Mereka mendengar bunyi semboyan kereta polis semakin mendekati arah mereka.

Kereta polis berhenti di tempat itu.

Orang-orang polis melihat sekeliling mereka, tak ada seorang manusia pun yang kelihatan, yang ada hanyalah, itik dan ayam yang sedang mencari reban.

Hal ini berlaku untuk beberapa hari, selesai sahaja beduk surau berbunyi, menandakan berbuka puasa, disambut ledakan meriam Dolah yang meng-gema bumi kampung itu. Kereta polis menderu ke kampung itu, dan tak ada seorang pun yang memberi kerjasama, untuk mengesani Dolah dan meriamnya.

Polis bersikap bijak.

Sejak lebih awal sebelum tabuh maghrib, dan kereta polis sudah berkawal di depan rumah Dolah Degil, dan sebuah kereta lagi berhampiran dengan surau, dan orang-orang kampung berbising-bisingan. Kononnya banyak sungguh mata-mata gelap yang berkeliaran. Orang-orang kampung juga bertaruh antara sesama mereka, bahawa malam ini meriam

Dolah Degil tetap akan meletup.

Kecemasan memeluk seluruh kampung itu.

Biarpun perut lapar, makanan sudah terhidang, fikiran mereka tertumpu pada jalan waktu yang mengejar petang.

Pukulan tabuh surau kali ini, membawa pengertian baru pula, bukan sekadar, bukalah puasa tetapi mendahului dan mencanangkan suatu peristiwa penting.

Ketuk akhir yang perlahan ditelan udara, diikuti oleh gegak gempita bunyi meriam.

Orang-orang kampung tersenyum belaka. Dolah Degil lebih besar senyumnya. Senyum kemenangan dan keyakinan, dia berjaya membuat, "Bising yang kurang menyenangkan suatu pihak." Dolah percaya bahawa orang-orang polis sedang mencarinya, mustahil akan menemuinya. Dolah menepuk-nepuk meriamnya yang terletak di bawah jambatan yang baru sahaja dibina.

Esok paginya, kontraktor yang membuat jambatan berasa marah, pertama kerana dituduh menggunakan lebih banyak pasir daripada simen dalam membina jambatan itu, kedua kerana jambatan yang telah siap itu, akan dibuka dengan perayaan besar, kini kelihatan retak. Sejak hari itu jambatan yang telah ditampal keretakan itu, dikawal oleh polis.

Malam makin dekat.

Kawalan polis di kampung itu nampaknya ketat.

Kecemasan orang-orang kampung sudah meningkat pada puncaknya. Debaran hati mereka diserang oleh pertanyaan apakah meriam Dolah Degil yang dibuat daripada tiang telefon itu akan bergema?

Dolah ketawa sendirian, ketawa yakin bahawa kali ini dia akan membuat meriam telefon yang paling gamat, dia berasa megah bahawa dia seka-

rang jadi perhatian, perbualan, dan pujian orang-orang kampung, dia yang pernah dianggap serong, curiga, dan kadangkala dipulaukan. Bising meriam itu telah membuatnya jadi pusat perhatian. Kali ini dia ingin memecahkan tradisi, meriamnya akan menembak sebelum maghrib.

Dolah berdiri di kaki bukit itu, memandang jam tangannya, seketika memandang matahari yang kian tenggelam, dia telah menebuk lubang bukit itu, dan menyembunyikan meriamnya. Sebahagian daripada meriamnya menjalar keluar, dan sebahagian lagi tersembunyi ke dalam lubang yang cukup besar untuk tangannya masuk, bagi mengenakan api ke lubang meriam itu.

Dolah Degil memandang jamnya, tersenyum, membakar sumbu, lalu mengenakan pada lubang meriam itu.

Suara meriam itu gegak gempita ... memeranjatkan....

Dolah Degil turut tersentak, dan tanah bukit yang berkecai itu menghujani ke atas dirinya.

Utusan Zaman, 22 Mei 1968